



# *Penyata Rasmi*

**PERSIDANGAN DEWAN  
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

*Mulai Pada*  
**23 NOVEMBER 2023  
HINGGA  
3 DISEMBER 2022**

*Disediakan oleh*  
**PEJABAT DEWAN NEGERI  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

## *SENARAI KANDUNGAN*

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>HARI PERTAMA, KHAMIS, 23 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	5
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	5
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	5
5.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2022.	7
6.	Rundingan Mengenai Pemilihan Ahli Dewan Negara.	39
7.	Penangguhan.	40
<b>HARI KEDUA, AHAD, 26 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	41
2.	Doa.	45
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	45
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	45
5.	Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	66
6.	Penangguhan.	108
<b>HARI KETIGA, ISNIN, 27 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	109
2.	Doa.	113
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	113
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	113
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	134
6.	Penangguhan.	181

## *SENARAI KANDUNGAN*

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>HARI KEEMPAT, SELASA, 28 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	182
2.	Doa.	186
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	186
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	186
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	207
6.	Penangguhan.	252
<b>HARI KELIMA, RABU, 29 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	253
2.	Doa.	257
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	257
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	257
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	280
6.	Penangguhan.	326
<b>HARI KEENAM, KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	327
2.	Doa.	331
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	331
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	331
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	353
6.	Penangguhan.	409

## *SENARAI KANDUNGAN*

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>HARI KETUJUH, AHAD, 3 DISEMBER 2023</b>		
1.	Kehadiran.	410
2.	Doa.	414
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	414
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	414
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	429
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023.	430
7.	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2024.	448
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3) Tahun 2023.	451
9.	Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2023.	462
10.	Rundingan Berkaitan Kenaikan Kadar Saraan, Kemudahan Dan Keistimewaan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri.	464
11.	Rundingan Mengenai Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bil. 1/2023.	465
12.	Penangguhan.	469
13.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	470

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI KHAMIS**

**23 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.



**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri Johor yang mulia ini, ingin merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dalam kerahmatan Allah dan dipelihara kesihatan Tuanku.

Sultan Johor payung mahkota, merafak sembah di ulang tahun keputeraan, kepada Allah rakyat meminta lanjutkan usia Baginda Sultan.

Dewan Negeri Johor ini juga dengan sepenuh ikhlas ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pemilihan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Sebagai teras pemerintahan Raja Berperlembagaan, Dewan yang mulia ini amat berkeyakinan dengan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelak Malaysia diberkati dengan nikmat kemakmuran dan perpaduan.

Baginda Sultan arif bestari, segala orang menyebarkan cerita, tegas dan adil perintah negeri, berkatkan Baginda di atas takhta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini juga ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama, Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) yang membawa gelaran Dato'. Dewan Negeri Johor berkongsi kesyukuran kerana penganugerahan itu adalah satu pengiktirafan terhadap kegigihan dan kejayaan Yang Amat Berhormat memacu Johor sebagai negeri yang maju dan stabil.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah hari ini Dewan Negeri Johor memulakan persidangan dengan pembentangan Bajet 2024 oleh Yang Amat Berhormat Machap. Bajet adalah jantung kepada fungsi dan peranan Dewan Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah wakil kepada rakyat untuk membahas dan meluluskannya. Semoga Maju Johor menjadi realiti menjelang 2030. Persidangan ini akan mengambil masa selama tujuh hari sehingga 3 Disember 2023. Terima kasih.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 31 hingga 43 tahun 2023.

- |                        |                                                                                                                                                                                                                                          |
|------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bilangan 31 Tahun 2023 | - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 2023.                                                                                                                                                                                      |
| Bilangan 32 Tahun 2023 | - Laporan Jawatankuasa Belanjawan Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2024.                                                                                                                                                   |
| Bilangan 33 Tahun 2023 | - Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2024.                                                                                                                                                                             |
| Bilangan 34 Tahun 2023 | - Penyata Kewangan Negeri Tahun 2022.                                                                                                                                                                                                    |
| Bilangan 35 Tahun 2023 | - Laporan Ketua Audit Negara Johor Tahun 2022 dan Penyata Memorandum mengenai: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta pengauditan pematuhan Jabatan/Agensi Negeri.</li> </ul> |
| Bilangan 36 Tahun 2023 | - Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Pemberian Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Badan-Badan Berkanun Dan Badan-Badan Lain.                             |
| Bilangan 37 Tahun 2023 | - Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Pemberian Pinjaman Komputer Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.                                       |
| Bilangan 38 Tahun 2023 | - Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Pemberian Pinjaman Kenderaan Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor.                                      |
| Bilangan 39 Tahun 2023 | - Resolusi Untuk Menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) Bagi Tujuan Pemberian Pendahuluan Membeli Kenderaan Kepada Speaker Dan Ahli Dewan Negeri (ADUN) Johor.                       |
| Bilangan 40 Tahun 2023 | - Arahan Di Bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 bagi Elaun bagi Speaker Dewan Negeri.                                                                                                       |

- Bilangan 41 Tahun 2023 - Arahan Di Bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 bagi Elaun bagi Ahli Dewan Negeri.
- Bilangan 42 Tahun 2023 - Arahan Di Bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 bagi Elaun bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- Bilangan 43 Tahun 2023 - Arahan Di Bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 bagi Elaun bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Ex-Officio).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 44 tahun 2023.

- Bilangan 44 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 45 tahun 2023.

- Bilangan 45 Tahun 2023 - Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bil. 1/2023.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dikemukakan sekarang;

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2024 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Dari Bintang ke Tanjung Puteri, singgah Temasek membawa pesan, Titah Raja bijak bestari, negeri maju bercitra wawasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, dapat kita bersama-sama hadir dalam pembentangan Belanjawan Johor 2024 pada hari ini. Marilah kita turut sama melafazkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, teladan yang sentiasa menjadi pedoman buat kita sehingga ke akhir zaman.

Sebelum meneruskan ucapan pembentangan belanjawan ini, izinkan patik merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November. Patik turut merakamkan sembah seraya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Patik berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keafiatan agar dapat terus menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekaliannya.

Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih, penghargaan tidak terperi atas segala nasihat, bimbingan dan panduan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku demi memastikan pentadbiran negeri Johor terus diperhebat dalam memacu Agenda Maju Johor 2030.

Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih buat Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang tidak pernah lekang memberi galakan, motivasi dan inspirasi bagi memacu kemajuan negeri Johor.

Patik turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor (Dewan bertepuk) kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA, juga menjuarai Liga Super, 10 kali berturut-turut. Marilah kita berdoa agar Piala Malaysia juga akan menjadi milik pasukan JDT.

**YB Speaker :** Tak ada cuti ke Yang Amat Berhormat?

**YAB Menteri Besar :** Insya-Allah, itu pada hari yang lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi kerajaan negeri, saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan persekutuan atas peruntukan sebanyak RM4.7 bilion bagi perbelanjaan pembangunan *Rolling Plan* Ke-4 di

bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas Bagi Negeri Johor yang merangkumi 368 projek sambungan dan 142 projek baharu. Antaranya termasuklah:

1. Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 Johor Bahru;
2. Projek pelebaran Lebuhraya Utara - Selatan daripada 4 kepada 6 lorong yang dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam. Kebetulan kawasan saya Datuk Speaker;
3. Pembinaan Kompleks Hospital Pengajar USIM di Kota Tinggi;
4. Program Perumahan Rakyat termasuk satu projek baharu di Kluang;
5. Penubuhan pusat pengajian kecerdasan buatan yang pertama negara iaitu Fakulti Kecerdasan Buatan (AI) di UTM;
6. Pengerang Integrated Petroleum Complex dijadikan hab pembangunan sektor kimia dan petrokimia dengan pemberian pakej galakan cukai dalam bentuk kadar cukai khas atau elaun cukai pelaburan;
7. Melonggarkan syarat-syarat sedia ada bagi permohonan *Malaysia My Second Home* (MM2H);
8. Mewujudkan sebuah agensi tunggal sempadan negara atau *single border agency* untuk Johor dan sempadan-sempadan lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya melangkah lebih jauh lagi dalam membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2024 ini, izinkan saya untuk terlebih dahulu mengulas sedikit berhubung senario dan prospek ekonomi pada hari ini.

Ekonomi semasa dunia terus berada dalam keadaan yang mencabar akibat ketegangan geopolitik yang terus meruncing dan tindakan mengetatkan dasar kewangan yang berterusan di negara-negara utama seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara Kesatuan Eropah bagi menangani inflasi. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketidaktentuan ekonomi yang telah memberikan impak kepada negara membangun serta kelemahan dalam dinamika perdagangan berikutan gangguan rantaian bekalan dan ketegangan perdagangan yang berlanjutan. Ketidaktentuan yang berlarutan ini telah mendorong IMF untuk mengunjurkan prospek pertumbuhan global menyederhana kepada 3% pada tahun 2023 dan tahun 2024.

Sebagai sebuah negara dengan ekonomi terbuka, Malaysia turut terkesan dengan situasi ini, terutamanya dari segi rantaian bekalan perdagangan, inflasi dan kemerosotan nilai mata wang. Walaupun kita telah berada dalam tahun kedua fasa pemulihan, ketidaktentuan ekonomi global ini tentunya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk Negeri Johor yang turut berekonomi terbuka.

Lantaran itu, kerajaan persekutuan meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara pada kadar sederhana 4% sahaja pada tahun 2023 dan antara 4 hingga 5% pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi negeri Johor pula, syukur alhamdulillah, suka saya kongsikan bahawa keadaan ekonomi Johor terus rancak dalam era pemulihan ini. Meskipun masih dihimpit oleh ketidaktentuan global, Johor terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Prestasi ekonomi Johor telah mencatatkan pertumbuhan amat baik iaitu 8.2% pada tahun 2022 berbanding 2.5% sahaja pada tahun 2021. Johor juga terus

menjadi antara destinasi utama pelaburan di Malaysia iaitu sebanyak RM14.2 bilion sehingga separuh tahun pertama ini.

Bagi tahun 2023 ini, prestasi ekonomi Johor terus merekodkan angka-angka yang memberangsangkan sebagaimana dibuktikan oleh data dan statistik berikut :

1. Jumlah import telah meningkat daripada RM209 bilion pada tahun 2022 kepada RM249 bilion pada tahun 2023 iaitu peningkatan sebanyak 19%;
2. Jumlah eksport juga terus meningkat daripada RM246 bilion tahun lepas kepada RM314 bilion sehingga September 2023 iaitu peningkatan sebanyak 28%. Dengan peningkatan import dan eksport yang berjumlah RM563 bilion pada 9 bulan pertama tahun ini, Johor muncul sebagai penyumbang terbesar perdagangan negara. (Dewan bertepuk).
3. Sektor pembinaan yang telah mula mencatatkan tanda-tanda pemulihan pada tahun lepas terus merekodkan pertumbuhan memberangsangkan sehingga suku ketiga tahun ini dengan nilai berjumlah RM10.8 bilion berbanding RM8.9 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu.
4. Kadar pengangguran terus kekal pada kadar yang rendah iaitu 2.5% pada suku ketiga tahun ini. Justeru, melalui Belanjawan Johor 2024 ini, saya akan berusaha memperincikan pelbagai inisiatif yang bertujuan mengurangkan impak ekonomi global dan memastikan pertumbuhan dapat dipacu, yang insya-Allah, akan membantu mempertingkatkan kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita semua sedia maklum bahawa Johor mempunyai visi yang jelas untuk menjadi sebuah negeri yang maju menjelang tahun 2030. Ia bukan sahaja maju dari segi ekonomi dan infrastrukturnya, malah serata Johor mestilah maju secara holistik. Namun, semua ini tidak akan dikecapi jika kita semua tidak bersatu hati dan masih bekerja secara *silo* atau dalam kelompok masing-masing. Oleh sebab itu, saya ingin mengajak semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama bergerak sebagai satu pasukan, dalam satu saf, seganding, senada dan seiring untuk terus berusaha dengan pelbagai strategi mengurus dan memajukan negeri dengan cara berhemah dan penuh bijaksana.

Itulah harapan besar saya untuk menggembungkan semuanya secara bersepadu dengan kudrat dari semua agensi yang berada di Johor. Sepuluh daerah kukuh dan jitu, saling membantu tiada disekat, Bangsa Johor tetap bersatu, muafakat teguh membawa berkat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya memulakan pembentangan Belanjawan Johor 2024, saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan untuk sama-sama menghayati sepotong doa yang pernah diungkapkan oleh Nabi Muhammad SAW yang berbunyi, (Bacaan Doa) yang bermaksud, "Ya Allah, barang siapa yang diberi kuasa untuk menguruskan urusan umatku, kemudian ia memudahkan urusan mereka, maka permudahkanlah. Dan barang siapa yang mengurus urusan umatku lalu dia menyusahkan mereka, maka susahkanlah" (Hadis Riwayat Muslim).

Bait-bait doa ini sewajarnya menjadi pedoman untuk saya dan kita semua agar sentiasa melakukan kebaikan sebagai pemimpin dalam memudahkan urusan dan membawa kemaslahatan kepada rakyat. Dalam masa sama, ia turut memberi peringatan kepada kita semua agar kita tidak tergolong dari kalangan orang yang cuai atau culas dalam melaksanakan amanah terhadap rakyat. Semestinya kita arif dan insaf akan hakikat bahawa rakyat di luar sana sedang menghadapi pelbagai cabaran terutamanya berkaitan kenaikan

harga barang-barang keperluan dan kejatuhan nilai mata wang yang sekaligus menyebabkan kenaikan kos sara hidup.

Sehubungan itu, bagi Belanjawan 2024, kerajaan negeri Johor mengambil tema “Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat” sebagai suatu kesinambungan perjuangan memartabatkan pembangunan ekonomi Johor yang gemilang demi meningkatkan kesejahteraan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Belanjawan Johor 2023 yang telah dibentangkan pada bulan Disember tahun lepas, kerajaan negeri telah mengunjurkan terimaan hasil negeri Johor berjumlah RM1.734 bilion. Alhamdulillah, sukacita saya kongsi bahawa sehingga 22 November 2023, kutipan hasil sebenar telah melebihi 100% iaitu sebanyak RM1.767 bilion. (Dewan bertepuk). Ini yang telah di *confirm* kan oleh Dato’ PKN.

Pada tahun 2024 pula, unjuran hasil negeri Johor adalah sebanyak RM1.804 bilion. Manakala, unjuran perbelanjaan pada tahun 2024 adalah sebanyak RM1.799 bilion. Angka-angka ini menunjukkan Belanjawan 2024 merupakan belanjawan lebihan atau *surplus budget* iaitu sebanyak RM4.21 juta. Sejumlah RM1.163 bilion pula diperuntukkan bagi tujuan Belanja Mengurus.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2024, kerajaan negeri Johor mensasarkan pungutan hasil sebanyak RM1.804 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM69.9 juta atau 4.03% berbanding tahun lepas. Berdasarkan anggaran tersebut, sebanyak RM858.93 juta disumbangkan melalui cukai langsung, manakala sebanyak RM 31.67 juta melalui cukai tidak langsung. Hasil cukai yang dikutip ini sebahagian besarnya atau kira-kira 89.64% datang dari sumber cukai tanah.

Menyedari situasi di mana perbelanjaan negeri semakin meningkat setiap tahun, maka terdapat keperluan untuk kerajaan negeri mencari kaedah lain bagi meningkatkan hasil. Kerajaan negeri akan melaksanakan langkah berstruktur dan mampan untuk menggembelng segala sumber yang ada agar matlamat ini dapat dicapai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya, menggubal sesebuah belanjawan yang komprehensif, bukanlah satu perkara yang mudah. Namun ia sentiasa menjadi keutamaan saya dan pasukan dalam merangka belanjawan ini. Sepanjang beberapa bulan yang lalu, kerajaan juga telah menerima pelbagai idea dan cadangan dari segenap lapisan rakyat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak kerajaan dan juga pihak pengimbang. Saya amat menghargai dan mengucapkan terima kasih atas segala pandangan yang diberikan.

Bertitik tolak dari itu, Belanjawan Johor 2024 digubal dengan berpegang kepada Enam Teras Maju Johor dengan didukung oleh 29 Strategi dan disokong ampuh oleh 99 Inisiatif yang tentunya berkait rapat dengan perancangan masa depan.

## **TERAS PERTAMA : TADBIR URUS KERAJAAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Teras Pertama**, ialah Tadbir Urus Kerajaan. Negeri Johor paling selatan, jajahan takluk sepuluh daerah, tadbir urus penguat ikatan, makmur negeri penuh sejarah. Tadbir urus adalah tiang seri kekuatan sesebuah kerajaan. Tadbir urus yang cekap, berintergriti dan efektif menggambarkan komitmen tinggi para pentadbir dan pemimpin yang berwawasan. Dengan itu, 5 Strategi dan 19 Inisiatif telah dirangka untuk memperkasa tadbir urus di Negeri Johor.

## STRATEGI 1 : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM YANG RESPONSIF

Strategi Pertama di bawah teras ini ialah Penyampaian Perkhidmatan Awam Yang Responsif untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pentadbiran kerajaan. Justeru, inisiatif-inisiatif berikut akan dilaksanakan.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah Bantuan Sumbangan Kepada Pegawai-Pegawai Daerah. Kerajaan negeri bersetuju meneruskan sumbangan berjumlah RM2 juta bagi membolehkan Pegawai-Pegawai Daerah melaksanakan program kemasyarakatan dan memberi bantuan awal kepada penduduk yang terkesan dengan bencana. (Dewan bertepuk). Sebagai tambahan, sejumlah RM1 juta lagi akan diperuntukkan di bawah Tabung Amanah Bencana Negeri Johor.

**Inisiatif Kedua** ialah Geran Keseimbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM16 juta bagi menampung keperluan PBT-PBT yang mempunyai sumber hasil yang terhad.

**Inisiatif Ketiga** ialah Menambah Baik Sistem Penyampaian Kaunter di Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG). Bagi memastikan urusan kaunter yang lebih efisien, PTG Johor akan melaksanakan beberapa penambahbaikan seperti berikut:-

1. Penambahan kaunter Pendaftaran dan Hak milik Strata daripada 18 kepada 28 kaunter berserta penambahan 45 orang kakitangan secara berperingkat. Inisiatif ini akan dapat menambah kapasiti transaksi urusan niaga daripada 1,400 kepada lebih 2,800 transaksi sehari.
2. Penyediaan kiosk bagi urusan carian hak milik strata untuk mengurangkan kesesakan di kaunter.
3. Mewujudkan nombor giliran secara digital bagi memberi kemudahan kepada orang awam mendapatkan nombor giliran walau di mana sahaja mereka berada untuk berurusan dengan PTG Johor.

**Inisiatif Keempat** adalah Menaik Taraf Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ). Inisiatif ini amat penting bagi memastikan pengurusan sumber air di Johor diurus dengan lebih cekap dan berkesan. Justeru, kerajaan negeri bersetuju menaik taraf Badan Kawalselia Air Johor kepada Lembaga Air Johor.

## STRATEGI 2 : MENSEJAHTERAKAN PENJAWAT AWAM

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kedua** di bawah teras ini ialah Mensejahterakan Penjawat Awam. Inisiatif pertama di bawah strategi ini ialah Johor Sihat Penjawat Awam. Penjawat awam yang sihat pastinya mampu menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi dan berkualiti. Menyedari tentang kepentingan kesihatan fizikal dan mental dalam kalangan warga perkhidmatan awam kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif berikut:-

1. RM1.9 juta bagi pakej pemeriksaan kesihatan menyeluruh untuk penjawat awam negeri Johor dengan kerjasama Kumpulan Perubatan Johor (KPJ). Pakej ini meliputi ujian *prostate* bagi lelaki dan ujian *pap smear* bagi perempuan serta ujian pemeriksaan darah bagi saringan tahap kolestrol, fungsi hati dan buah pinggang serta imbasan *X-Ray*. Inisiatif ini akan memberi manfaat pada lebih 13,000 penjawat awam di negeri Johor.



2. RM1.2 juta bagi menampung 50% daripada kos perlindungan insuran kesihatan penjawat aman negeri Johor, untuk memastikan penjawat awam dan seisi keluarga menerima manfaat daripada program Takaful melalui Cuepacs Care.
3. RM500,000.00 bagi memudahkan penjawat awam dan masyarakat mendapat khidmat kaunseling dan *therapeutic* di Klinik Kaunseling Pusat Mind-X Daerah. Di samping itu usaha-usaha pemantapan panel kaunselor akan dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

**Inisiatif Kedua** ialah Johor Prihatin. Kerajaan negeri berbesar hati menyediakan peruntukan sebagaimana berikut:

1. RM5.9 juta diperuntukkan kepada setiap bilik guru, 1,993 buah sekolah yang akan memberi manfaat kepada 48,500 orang guru di sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah. (Dewan bertepuk)
2. Peruntukan sebanyak RM1.9 juta kepada bilik-bilik pantri kakitangan bagi 465 fasiliti kesihatan seluruh negeri Johor yang akan memberi manfaat kepada 7,218 orang jururawat dan 2,672 doktor. (Dewan bertepuk).
3. RM1 juta bagi kerja-kerja baik pulih di 13 buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di seluruh negeri Johor yang akan memberi manfaat kepada 7,834 pegawai dan anggota Polis.
4. RM1 juta bagi kerja-kerja baik pulih 8 buah kem tentera di seluruh negeri Johor yang akan memberi manfaat kepada 7,790 pegawai dan anggota.
5. RM200,000.00 diperuntukkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk memastikan penyelesaian pegawai-pegawai Imigresen.
6. RM500,000.00 geran bantuan pentadbiran kepada Persatuan-persatuan Pesara Penjawat Awam Johor, termasuklah Persatuan Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK), Persatuan Veteran ATM, Persatuan Pesara Polis Negeri Johor dan lain-lain.

### **STRATEGI 3 : MEMPERKASA INSTITUSI AKAR UMBI**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Ketiga** di bawah teras ini ialah memperkasa institusi akar umbi.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah meningkatkan keupayaan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dalam program pembangunan Masyarakat di negeri ini. Justru beberapa inisiatif akan dilaksanakan iaitu:

1. RM12 juta bagi memastikan penyelenggaraan parit-parit di kawasan pertanian dan kampung diurus dengan lebih baik, JPKK akan kembali diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan gotong-royong di bawah seliaan JPS.
2. RM120,000.00 geran pengurusan dan pentadbiran kepada Persatuan Ketua Kampung Negeri Johor di mana RM20,000.00 bagi Persatuan Ketua Kampung Negeri dan RM10,000.00 bagi 10 Persatuan Ketua Kampung Daerah-Daerah.
3. RM810,000.00 *grant* pentadbiran dan pengurusan kepada 73 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) FELDA dan 8 JKKP FELCRA di Johor di mana setiap JKKR dan JKKP akan menerima bantuan sebanyak RM10,000.00.

**Inisiatif Kedua** ialah meningkatkan profesionalisme institusi pemimpin masyarakat. Berdasarkan maklum balas positif bagi pelaksanaan program khusus sijil professional kepada ketua-ketua kampung, program ini akan diperluas kepada semua Ahli Majlis PBT serta ketua masyarakat Cina dan India dengan peruntukan sebanyak RM360,000.00. (Dewan bertepuk).

**Inisiatif Ketiga** pula ialah, pengurusan dan pentadbiran kampung Orang Asli. Kehidupan dan kebajikan Orang Asli perlu terus diberi perhatian oleh semua pihak. Justeru itu inisiatif berikut akan dilaksanakan.

Pertama, RM166,000.00 bagi elaun Batin sebanyak RM300.00 sebulan kepada 46 Batin sebagai tambahan daripada sumbangan kerajaan persekutuan iaitu RM900.00 sebulan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan elaun Batin meningkat kepada RM1,200.00 sebulan. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Yang Amat Berhormat Machap, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran 45 orang Batin Negeri Johor, 30 orang daripada Institut Dato' Onn dan 20 orang daripada Pejabat Menteri Besar. (Dewan bertepuk).

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, lepas ini kita boleh minta Tok-Tok Batin untuk belanja kita makan. (Dewan ketawa).

**YB Speaker** : Setuju Yang Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Belum habis lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Keduanya untuk Tok Batin atau pun kampung Orang Asli, sebanyak RM600,000.00 diperuntukkan kepada 60 buah kampung orang Asli untuk melaksanakan berbagai program komuniti, kebudayaan dan adat resam masyarakat Orang Asli. (Dewan bertepuk).

#### **STRATEGI 4 : MENINGKATKAN KOMPETENSI PENJAWAT AWAM NEGERI JOHOR**

**Strategi Keempat** di bawah teras ini ialah meningkatkan kompetensi penjawat awam negeri Johor, perkara yang dekat dengan hati Tan Sri SS. Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor atau Akademi JCS akan terus berperanan sebagai pusat latihan pengembangan ilmu dengan wadah untuk melahirkan penjawat awam yang berkeupayaan dan berkemahiran bagi mengurus serta membantu dalam pembentukan dasar negeri menerusi pengalaman dan pembelajaran yang berkualiti.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah Program Pasca Siswazah untuk kumpulan pengurusan dan professional. Pada masa kini seramai 103 orang Pegawai Tadbir Negeri Johor (JCS) telah mengikuti Program Pasca Siswazah di mana 8 orang pegawai telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan 95 orang pegawai memiliki Ijazah Sarjana (Master). Dalam meneruskan usaha melahirkan bakat terbaik selaras dengan agenda transformasi perkhidmatan awam RM500,000.00 diperuntukan bagi menghantar 20 orang pegawai untuk mengikuti Program Sarjana dan PhD. Inisiatif ini turut dipanjangkan kepada pegawai-pegawai di Majlis Agama Islam Johor dan PBT.

Selain itu kerajaan negeri melalui Akademi JCS juga akan terus mempersiapkan calon-calon bagi mengikuti Program Sarjana di Nasional University Of Singapore (NUS) dan Nanyang Technological University (MTU) di bawah tajaan penuh kerajaan Singapura.

**Inisiatif Kedua** ialah melaksanakan pelbagai kursus jangka pendek. Untuk menghasilkan pemimpin yang dinamik dan berdaya saing, beberapa program berimpak dirancang dengan peruntukan sejumlah RM4 juta sepertimana berikut.

1. RM770,000.00 bagi kursus kepimpinan pegawai kanan di institusi pengajian tinggi terkemuka dunia seperti Oxford University di UK dan Harvard Universiti di Amerika Syarikat. Tan Sri, saya yakin ramai ADUN-ADUN pun nak ikut.
2. RM1.4 juta bagi Program Diploma Pasca Siswazah Pembangunan Tanah, Sijil-sijil Profesional dan program *Route to Technologist* dan *technician* dengan kerjasama antara Akademi JCS dan UTM.
3. RM1.8 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan 15 program peningkatan kemahiran untuk kumpulan pelaksana. Di samping itu menyedari kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai *lingua franca global*, kerajaan negeri juga melalui Kerjasama Akademik JCS dan Iskandar Investment Berhad (IIB) akan meneruskan pelaksanaan Program English for Professional.

## **STRATEGI 5: MEMPERKUKUH TADBIR URUS SYIAR ISLAM**

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya **Strategi Kelima** di bawah teras ini ialah memperkukuh tadbir urus syiar Islam. Sejak pemodenan Johor pada tahun 1895 syiar Islam terus dipacu bersama pembangunan Johor dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Justeru itu berikut disertakan beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan bagi memperkukuh syiar Islam di Johor.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah Program Semarak Subuh. Hal ini bagi saya amat penting kerana dalam memacu pembangunan negeri, pentadbiran kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada 2 dimensi utama iaitu menjaga hubungan antara manusia dengan Tuhan, *habluminallah* dan hubungan sesama manusia, *hablum minannas*.

Kedua-dua dimensi ini akhirnya akan menatijahkan kejayaan untuk kita menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi ini yang sentiasa di dalam petunjuk dan redhanya, insya-Allah. Sehubungan itu Program Semarak Subuh ini akan dilaksanakan bagi membolehkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam untuk menunaikan solat Subuh berjemaah, tadabur Al-Quran dan seterusnya menyantuni para jemaah di masjid atau surau pada setiap pagi Jumaat dalam kawasan DUN masing-masing. Bagi Yang Berhormat wanita dan Yang Berhormat bukan beragama Islam pula boleh menghantar wakil dari Pusat Khidmat Masyarakat DUN masing-masing.

RM560,000.00 diperuntukkan bagi menjayakan 2,688 Program Semarak Subuh di seluruh 56 kawasan DUN sepanjang tahun 2024. Ini bermaksud setiap masjid dan surau di seluruh pelosok negeri Johor akan disantuni dalam masa setahun ini. Pegawai-Pegawai Daerah, Kadi Daerah, Imam Daerah dan pegawai-pegawai agensi kerajaan serta pemimpin masyarakat akan turut bersama di dalam program ini.

**Inisiatif Kedua** pula ialah Program Membudayakan Al-Quran Penjawat Awam. Sesungguhnya Al-Quran merupakan mukjizat utama yang kekal sehingga hari kiamat. Bagi meningkatkan kefahaman kandungan Al-Quran dalam kalangan penjawat awam beragama Islam, program membudayakan Al-Quran akan terus disemarakkan di seluruh jabatan serta agensi kerajaan negeri pada setiap hari Khamis.

**Inisiatif Ketiga** ialah pengambilan guru baharu di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ). Inisiatif ini bertujuan menambah tenaga pengajar seramai 311 orang guru baharu di SAKJ dengan peruntukan sebanyak RM12.8 juta bagi mengurangkan beban guru sedia ada di 583 buah sekolah. Inisiatif ini juga dapat meningkatkan keberkesanan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan 185,000 orang murid.

**Inisiatif Keempat** ialah kenaikan elaun mengajar Darjah Khas. Sebanyak RM1.89 juta diperuntukkan bagi menaikkan kadar elaun mengajar guru darjah khas daripada RM60.00 kepada RM100.00 berkuat kuasa 1 Januari 2024. (Dewan bertepuk). Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada 1,125 orang guru.

**Inisiatif Kelima** pula ialah kursus jangka pendek guru KAFA. Sebagai persediaan bagi memastikan proses pengajaran pendidikan Islam secara berkesan, kursus jangka pendek akan dilaksanakan kepada guru-guru KAFA lantikan baharu.

**Inisiatif Keenam** ialah pemberian insentif *One-Off* kepada pegawai pengurusan masjid dan surau. Menghargai peranan pegawai masjid dan surau dalam program-program pengimaran, sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan bagi pemberian insentif secara *One-Off* RM500.00 seorang kepada imam, Bilal dan Noja yang melibatkan 4,576 orang penerima. (Dewan bertepuk). Insentif ini akan diberikan pada bulan Mac 2024.

**Inisiatif Ketujuh** ialah pembangunan sistem penyelarasan bantuan masjid, surau dan Sekolah Agama Kerajaan Johor. Sistem ini bertujuan untuk menambah baik sistem penyelarasan sumbangan bantuan kepada masjid, surau dan Sekolah Agama Kerajaan Johor. Sebanyak RM64,000.00 diperuntukkan bagi tujuan ini, melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Seterusnya menerusi inisiatif kelapan iaitu pengukuhan fungsi pengurusan harta tanah wakaf dan baitulmal. Kerajaan negeri berusaha mengukuhkan fungsi pengurusan. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Negeri Johor akan mewujudkan Unit Pentadbiran dan Pembangunan Tanah dengan peruntukan sebanyak RM560,000.00.

## **TERAS KEDUA : PEMBANGUNAN EKONOMI**

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya beralih pula kepada teras kedua iaitu Pembangunan Ekonomi. Anak Johor berbudi bahasa, sopan santunnya tersebar sohor, memacu industri mengangkat bangsa, ekonomi ditatang majukan Johor. Pakaian tradisi indah berseri, baju Melayu pilihan utama, perkasa industri membangun negeri, menjadi matlamat kita bersama.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat, sektor ekonomi yang pelbagai, politik yang stabil serta kemasukan pelaburan berkualiti yang berterusan adalah prasyarat utama jika Johor ingin muncul sebagai kuasa ekonomi utama di rantau ini.

Sehubungan dengan itu, pengumuman penubuhan *Johor-Singapore Special Economic Zone* atau JS-SEZ dan *Special Financial Zone* (SFZ) merupakan katalis kepada pembangunan negeri, selain meneruskan penumpuan kepada sektor-sektor yang telah memacu pertumbuhan ekonomi.

Insyallah, Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Singapura dan Kerajaan Malaysia akan ditandatangani pada 11 Januari 2024, 2 bulan lagi Datuk Speaker. Kerajaan negeri berharap dan akan berusaha agar perjanjian pula ditandatangani selewat-lewatnya enam bulan dari tarikh tersebut dan pelaksanaan perlulah berlaku pada awal tahun 2025.

Bagi melengkapkan ekosistem sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini, Kerajaan negeri berpandangan bahawa *High Speed Rail* (HSR) dan *Light Rail Transit* (LRT) perlu dilaksanakan dengan segera di Negeri Johor ini. Saya berharap kerajaan persekutuan akan memberi perhatian dan pertimbangan kepada permohonan ini.

Dalam memastikan negeri Johor melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke satu tahap sebagaimana sasaran menjelang tahun 2030, 5 strategi dan 22 inisiatif telah dirangka bagi tujuan tersebut.

## **STRATEGI 1 : MEMPERKASA MISI PELABURAN DAN MEMPERTINGKAT KERJASAMA SERANTAU**

Strategi pertama di bawah teras ini ialah memperkasa misi pelaburan dan mempertingkatkan kerjasama serantau. Walaupun negeri Johor telah menerima nilai pelaburan tertinggi di Malaysia tahun lepas dan kekal sebagai antara destinasi utama tahun ini, usaha menarik pelaburan secara berterusan serta menjalinkan kerjasama ekonomi serantau perlu terus dipergiat bagi memastikan Agenda Maju Johor dapat menjadi kenyataan.

Maka dengan itu, kerajaan negeri akan melaksanakan inisiatif seperti berikut :

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah merealisasikan *Ibrahim International Business District* atau IIBD. Kerajaan negeri komited untuk memastikan usaha ke arah mewujudkan IIBD dapat menjadi kenyataan. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi usaha-usaha mengangkat IIBD sebagai *Central Business District* (CBD) dan hab perniagaan antarabangsa yang berdaya huni.

**Inisiatif Kedua**, inisiatif misi galakan pelaburan dan memperkukuh hubungan jaringan pelaburan. Bagi mengukuhkan hubungan jaringan perniagaan di peringkat serantau dan global serta meningkatkan tahap keyakinan para pelabur domestik dan antarabangsa, sebanyak RM2.2 juta diperuntukkan untuk meneruskan program Misi Galakan Pelaburan, *Friendly Johor 3.0* dan *Johor Go Global 3.0*. Program ini merupakan sesi libat urus bersama pelabur berpotensi disamping mempromosi negeri Johor melalui pelbagai platform pengiklanan di lokasi-lokasi tumpuan strategik domestik dan antarabangsa. Kita harap Timbalan Menteri MITI pun akan turut sama.

**Inisiatif Ketiga** pula ialah *Johor Insight*. RM500,000.00 diperuntukkan bagi penyediaan maklumat pemetaan kawasan industri dan *zoning* serta data pelaburan terkini untuk dipadankan dengan ketersediaan tenaga modal insan rakyat negeri Johor. Ia menjadi sumber rujukan awal kepada bakal pelabur-pelabur di negeri Johor.

**Inisiatif Keempat** pula ialah penganjuran acara bertaraf antarabangsa. Sebanyak RM3 juta diperuntukkan bagi mengadakan acara bertaraf antarabangsa, termasuklah *The Green Legacy Johor, International Summit* yang merupakan kesinambungan Asia Pacific Climate Week (APCW) yang telah dilaksanakan baru-baru ini. Kerajaan Negeri Johor juga bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia – Malaysia – Thailand atau IMT-GT dengan kerjasama Kementerian Ekonomi.

## **STRATEGI 2 : MENYEDIAKAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN DAN BERPENDAPATAN TINGGI**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kedua** di bawah teras ini ialah Menyediakan Tenaga Kerja Berkemahiran dan Berpendapatan Tinggi. Sehingga Oktober 2023, PERKESO melaporkan sebanyak 13,000 jawatan kosong aktif dicatatkan dalam negeri Johor yang mana 4,000 daripadanya memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Kerajaan negeri akan memastikan peluang-peluang yang tersedia akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat Johor melalui inisiatif-inisiatif berikut:-

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah Mengoptimumkan Fungsi Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor. Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat perancangan strategik dalam pengurusan modal insan di negeri Johor melalui perkongsian dan pengumpulan maklumat dan data berkaitan skop pekerjaan, kemahiran yang diperlukan oleh industri, peluang pekerjaan yang tersedia ada dan lain-lain yang berkaitan. Bagi

mencapai maksud tersebut, Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada jabatan, agensi kerajaan, wakil-wakil industri, profesional dan akademia yang berkaitan.

**Inisiatif Kedua** pula ialah meneruskan program Gerak Kerjaya Johor atau Gegar 2024. Inisiatif ini akan dijalankan dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00 yang melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan dengan penyertaan pemain industri daripada pelbagai sektor untuk pepadanan pekerjaan.

**Inisiatif Ketiga** ialah Program Latihan Kemahiran Johor atau Pro-Mahir Johor. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program-program tersebut:-

1. RM500,000.00 untuk program latihan *upskilling* dan *reskilling* dalam sektor kemahiran tinggi seperti automotif, minyak dan gas, aero-angkasa, kesihatan, elektrik, elektronik dan robotik.
2. RM1 juta diperuntukkan untuk *Johor Retrain* bagi menjalankan kursus jangka pendek dengan jaminan pekerjaan selepas tamat kursus.
3. RM500,000.00 untuk *SMI Care* bagi melatih golongan orang kelainan upaya (OKU), miskin tegar dan mereka yang tiada pendidikan formal dengan jaminan pekerjaan setelah tamat kursus.

### **STRATEGI 3 : MEMACU INDUSTRI PELANCONGAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Ketiga** di bawah Teras Pembangunan Ekonomi ialah Memacu Industri Pelancongan. Kita amat bertuah kerana Johor memiliki alam semula jadi yang indah dan menarik serta bangunan warisan bersejarah yang mampu menjadi tarikan pelancong dari seluruh dunia. Sehubungan itu, kerajaan negeri dengan sukacitanya mengumumkan Tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor. (Dewan bertepuk).

Usaha ini akan menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Untuk makluman, negeri Johor telah menerima seramai 7.6 juta orang pelancong pada tahun 2019 iaitu sebelum pandemik COVID. Pada tahun ini, bilangan pelancong diunjurkan mencapai 8 juta orang. Justeru, melalui Tahun Melawat Johor 2026 ini, kerajaan negeri mensasarkan kedatangan 12 juta pelancong ke negeri Johor.

**Inisiatif Pertama** di dalam strategi ini adalah Penambahbaikan Infrastruktur Pelancongan. Bagi menawarkan produk-produk pelancongan bertaraf antarabangsa, kerajaan negeri komited dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf, maaf, kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur sedia ada.

Justeru, kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), PBT serta agensi berkaitan akan memperuntukkan RM67.6 juta bagi melaksanakan projek-projek berikut:-

1. RM20 juta bagi menaik taraf Jeti Utama dan Jambatan Sungai Ular di Taman Negara Johor Pulau Kukup.
2. RM2.8 juta bagi menaik taraf kemudahan dan membina baru *canopy roof* di Kompleks Pelawat Awam, Pelawat Air Terjun Gunung Ledang.
3. RM1.2 juta bagi membina *entrance statement* dan menaik taraf laman tiba Taman Negara Johor, Tanjung Piai.

4. RM2 juta bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur penginapan dan kompleks pelawat di Taman Negara Johor, Endau-Rompin.
5. RM600,000.00 bagi menaik taraf kemudahan sistem pembetulan di kawasan penginapan dan pembinaan *trail head* di Taman Negara Johor, Gunung Ledang bagi aktiviti pendakian.
6. RM400,000.00 bagi membina dan menaik taraf penanda arah baru di setiap Taman Negara Johor.
7. RM1.7 juta bagi menaik taraf fasiliti sedia ada di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Segamat dan Gunung Belumut, Kluang.
8. RM600,000.00 bagi pembinaan Trek Basikal Gunung atau *Mountain Bike* di Hutan Simpan Gunung Pulai, Kulai untuk penganjuran sukan bertaraf antarabangsa.
9. RM9 juta bagi meneruskan projek pembangunan semula Zoo Johor.
10. RM4.2 juta bagi menaik taraf Dataran Tasik Bandar Penawar, Kota Tinggi.
11. RM3.2 juta bagi menaik taraf Pantai Teluk Mahkota dan Pembangunan *River Cruise* di Kota Tinggi.
12. RM1.8 juta bagi menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur Pantai Air Papan, Jeti Jabatan Laut atau *Floating Jetty* dan Bukit Selantai dan Pulau Mawar di Mersing. Saya ulang, RM1.8 juta bagi menaik taraf kemudahan asas dan infrastruktur Pantai Air Papan, Jeti Jabatan Laut atau *Floating Jetty*, Bukit Selantai dan Pulau Mawar di Mersing.
13. RM12.2 juta bagi pembangunan semula Kampung Sungai Melayu, Johor Bahru sebagai secara menyeluruh. (Dewan bertepuk). Sedaplah Datuk Bandar.
14. RM4.9 juta bagi menaik taraf Tapak Perkhemahan, Taman Permainan, dan Kolam Mandi di Hutan Bandar MBBB dan membina Perkampungan Seramik di Pasir Gudang.
15. RM3 juta bagi kerja-kerja konservasi, elektrik dan mekanikal Bangunan Muzium Tokoh Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Inisiatif Kedua** ialah Penganjuran Acara-Acara Pelancongan Johor. Kejayaan dalam penganjuran beberapa acara pelancongan telah menjadikan, menjadi tarikan kehadiran pelancong ke Johor. Majestic Johor Festival contohnya, telah menerima penghormatan daripada Industri Pelancongan Malaysia apabila menerima anugerah *Gold Award Attractive State Tourism Event*. Oleh itu, RM1.7 juta diperuntukkan bagi meneruskan inisiatif-inisiatif ini.

**Inisiatif Ketiga** ialah Pemasaran & Promosi Majestic Johor. RM900,000.00 diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Inisiatif berikutnya adalah pelaksanaan Destinasi Pelancongan Mampan. Selaras dengan Dasar Pelaksanaan Pelancongan Negara 2020-2030 dan Matlamat Pembangunan Lestari, sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan untuk memperkasa peranan Jawatankuasa Kumpulan Penyelarasan Destinasi Pelancongan Mampan.

## STRATEGI 4 : KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Keempat** di bawah teras ini ialah Keterjaminan Bekalan Makanan. Terkesan dengan isu bekalan makanan asas yang melanda negara baru-baru ini, negeri Johor akan terus memainkan peranan utama sebagai bakul makanan negara.

Pada tahun 2022, Johor merupakan penyumbang yang tertinggi iaitu 17.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian negara dan berjaya melahirkan 1,700 usahawan baru dalam industri asas tani. Bagi meneruskan dan memperkasa agenda ini, inisiatif berikut akan dilaksanakan:-

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah Pelan Industri Padi dan Beras, Periuk Nasi Selatan. Johor mempunyai seluas 1,600 hektar sawah padi yang aktif. Sebanyak RM3.9 juta diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran beras daripada 9,000 metrik tan kepada 13,000 metrik tan yang akan memanfaatkan 700 pesawah di negeri.

**Inisiatif Kedua** adalah Program Pembangunan Industri Ternakan Ayam. Negeri Johor telah menyumbang sebanyak 24.4% daripada keseluruhan pengeluaran ayam di negeri ini. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran ayam di Negeri Johor, FELDA akan membangunkan Reban Ayam Tertutup dengan peruntukan sebanyak RM12.4 juta untuk menampung 50,000 ekor ayam sepusingan di FELDA Air Tawar 3.

**Inisiatif Ketiga** pula ialah Meningkatkan Produktiviti Industri Agromakanan dan Merencanakan Aktiviti Eksport Buah-Buahan Berpotensi. Inisiatif ini memfokuskan penanaman buah-buahan dengan sasaran peningkatan pengeluaran sebanyak 6% atau 46,000 metrik tan pada tahun hadapan sepertimana berikut:-

1. RM3.1 Juta bagi Program Pembangunan Industri Pengeluaran Makanan Utama dan Berpotensi yang memberi manfaat kepada 195 usahawan tani.
2. RM1 juta bagi pelaksanaan *Johor Pineapple Project* untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran nanas sehingga 334,000 metrik tan melalui mekanisme agro-teknologi.
3. Sebanyak 3 buah fasiliti pemprosesan nangka dan 2 buah ladang nangka dari Johor telah berjaya didaftarkan sebagai pengeksport dalam *Protocol Of Phytosanitary Requirements for Export* untuk tanaman nangka ke China dengan sasaran pengeluaran 7,800 metrik tan.
4. RM12.8 juta bagi melengkapkan projek pembangunan ladang fertigasi sistem perlindungan hujan untuk aktiviti penanaman sayuran seperti cili, halia dan kobis.

Keempat, ialah **Inisiatif Keempat**, dalam strategi ini adalah pembangunan industri lumanan dan industri tenusu. Inisiatif ini akan mengurangkan ketergantungan penggunaan daging import dan menambah pengeluaran tempatan serta meningkatkan lagi pengeluaran tenusu.

1. RM23 juta untuk membangunkan 8 unit kadang fidlot dengan kapasiti 4,000 ekor lembu pedaging di pusat fidlot ternakan di FELDA Ayer Hitam, Kluang yang memanfaatkan 336 peserta.
2. RM850,000.00 untuk membina rumah sembelihan ruminan di PPHP Batu Anam, Segamat.



3. RM500.000.00 bagi Program Pembangunan Industri Ternakan Ruminan Di Negeri Johor.
4. Peningkatan pengeluaran susu dari 9 juta liter kepada 17 juta liter setahun melalui pembangunan projek Jemaluang *Diary Valley* yang dijangka siap pada awal tahun 2025.

**Inisiatif Kelima** ialah pembangunan industri akuakultur dan pembangunan komuniti. Kerajaan negeri menasaskan peningkatan hasil perikanan sebanyak 62.0% menjelang tahun 2027.

Usaha pertama ialah dengan peruntukan RM1.2 juta bagi pembangunan industri akuakultur dan pemuliharaan sumber perikanan.

Kedua, RM700,000.00 bagi Program Pembangunan Aktiviti Komuniti Perikanan untuk meningkatkan sosio ekonomi dengan menasaskan 140 orang nelayan.

Ketiga, RM2.1 juta bagi pembinaan kolam ternakan udang di PPK Johor Bahru Selatan.

Keempat, RM2.5 juta bagi bantuan bernilai RM300.00 dalam bentuk peralatan kepada setiap nelayan kategori Zon A yang akan memanfaatkan 8,445 orang penerima.

**Inisiatif Keenam** pula ialah mengoptimalkan penggunaan tanah pertanian. Dalam usaha kerajaan negeri meningkatkan produktiviti tanaman, terutamanya cili dan halia tua, tanah pertanian seluas 28,887 ekar akan diusahakan secara optimum. Selain itu, tanah seluas 1,000 ekar di Projek Pertanian Moden (PPM) Kluang akan diusahakan dengan tanaman cili dan halia tua. Sebanyak RM4.8 juta telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan bagi tahun 2024 bagi melengkapkan infrastruktur di PPM Kluang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, halia pun ada yang tua dan ada yang muda. Sebagai tambahan, kerajaan negeri juga memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi menggalakkan usaha-usaha meningkatkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian di Johor.

## **STRATEGI 5 : PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kelima** di bawah Teras Pembangunan Ekonomi ialah pembangunan usahawan. Johor merekodkan bilangan pertumbuhan PMKS kedua tertinggi iaitu sebanyak 127,000 yang mana menyumbang 11% kepada keseluruhan pertumbuhan PMKS dalam negara. Bagi meningkatkan kompetensi komuniti usahawan sedia ada dan melonjakkan usahawan yang berpotensi ke tahap yang lebih tinggi, inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini, ialah meningkatkan pendapatan usahawan mikro melalui Program PR Johor Niaga. Sehingga Oktober 2023, seramai 211 usahawan telah mendapat manfaat dan ia akan diteruskan lagi pada tahun 2024. Sebagai tambahan kerajaan negeri memperuntukkan RM4 juta bagi pelaksanaan program-program tersebut.

1. RM2 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Geran Usahawan Maju Johor atau GUMJ 2024 bagi membantu penyediaan peralatan dan pengembangan premis perniagaan yang memberi manfaat kepada usahawan-usahawan sedia ada.
2. RM1 juta untuk melaksanakan misi jejak perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) Johor yang menasaskan seramai 280 usahawan PMKS baru di 56 DUN seluruh negeri Johor.

3. RM1 juta bagi melaksanakan inisiatif penceriaan bazar karat dan beberapa lokasi lain bagi menarik lebih ramai kehadiran pengunjung-pengunjung.

**Inisiatif Kedua** ialah melahirkan usahawan pengetahuan dan berkemahiran. Bagi menetapkan komuniti usahawan ke satu tahap yang lebih berdaya saing, RM1 juta diperuntukkan untuk melaksanakan 55 siri kursus dan latihan secara fizikal dengan sasaran seramai 2,000 usahawan.

**Inisiatif Ketiga** pula ialah pemasaran produk dan perkhidmatan usahawan Johor ke peringkat domestik dan global. Sebanyak RM3.3 juta disediakan bagi memasarkan produk-produk usahawan negeri Johor ke seluruh negara dan rantau Asia.

1. RM1 juta diperuntukkan untuk Festival Usahawan Maju Johor yang mensasarkan penglibatan 200 usahawan dengan kehadiran 80,000 pengunjung.
2. RM1.5 juta diperuntukkan untuk pengembangan produk usahawan Johor yang akan memberi manfaat kepada 500 usahawan bagi penglibatan usahawan Johor dalam ekspo dan karnival di peringkat tempatan dan antarabangsa.
3. RM800,000.00 diperuntukkan untuk meneruskan Program Jelajah Usahawan Johor dengan penambahbaikan kaedah pelaksanaannya.

**Inisiatif Keempat** ialah mengukuhkan gerakan Koperasi Negeri Johor. Seiring dengan pembangunan ekonomi yang positif dalam negeri Johor, sumbangan gerakan Koperasi Negeri Johor yang dianggotai 463,000 anggota tidak pernah dilupakan. Justeru, kerajaan negeri memperuntukkan RM300,0000.00 bagi pemasaran produk-produk koperasi.

**Inisiatif Kelima** adalah pemberdayaan wanita dan golongan sasaran. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk melatih dan membantu 1,000 ibu tunggal B40 dan OKU memulakan perniagaan dengan mensasarkan perniagaan pendapatan mereka sehingga 30% kepada pendapatan asal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon minum sekejap...

**YB Speaker** : Silakan.

### **TERAS 3 : JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

**YAB Menteri Besar** : Bukan keluar sekejap, Yang Berhormat Speaker, minum sekejap. Yang Berhormat Datuk Speaker, **Teras Ketiga** Agenda Maju Johor ialah jaringan keselamatan sosial. Merah biru Harimau Selatan, gelaran diberi sepanjang hayat, santuni yang lemah, juga yang rentan, memakmur negeri membantu rakyat. (Dewan bertepuk).

Teras ini memberi fokus kepada pelbagai perkara yang mensejahterakan rakyat, termasuklah perumahan, kesihatan, kebajikan dan perpaduan. Sehubungan itu, kerajaan negeri berusaha memperkasa jaringan keselamatan sosial yang merangkumi 4 strategi dan 24 inisiatif bagi menangani kebajikan golongan miskin dan rentan. Strategi pertama di bawah teras ketiga ialah Johor Berkeadilan. Kerajaan negeri memahami realiti kehidupan masyarakat yang terkesan dengan kos sara hidup yang tinggi. Justeru, usaha-usaha untuk membantu setiap lapisan rakyat yang terkesan akan diteruskan dengan inisiatif seperti berikut :

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah bantuan kebajikan sosial. Kerajaan negeri amat menginsafi tentang kesusahan hidup rakyat masa kini terutamanya golongan B40. Justeru, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

memperuntukkan sebanyak RM298 juta yang akan dimanfaatkan oleh 55,700 orang penerima.

**Inisiatif Kedua** pula ialah Johor Kasih. Johor Kasih merupakan program pembasmian miskin tegar di negeri Johor. Program berkonsepkan keluarga angkat ini akan melibatkan pemimpin-pemimpin dipelbagai peringkat termasuk diri saya. Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai Daerah, ketua-ketua Jabatan, Ahli-Ahli Majlis PBT, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung. Sebanyak RM3.2 juta diperuntukkan bagi inisiatif ini yang akan memberi manfaat kepada 2,647 ketua isi rumah miskin tegar. Kita semua yang berada di dalam Dewan ini akan bertanggungjawab menjaga dan berusaha untuk mengeluarkan mereka daripada kumpulan ini. Saya dimaklumkan fail untuk setiap ADUN pun dah ada, nama keluarga angkat masing-masing pun dah ada.

Inisiatif seterusnya ialah Jualan Kasih Johor. Kerajaan negeri terus komited dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi pemberian subsidi harga barang-barang terutamanya menjelang musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan banyak lagi, di pasar-pasar tani, pasar awam serta lokasi-lokasi yang terkini. Program ini mensasarkan 800,000 penerima manfaat di 300 lokasi menerusi kaedah pengurangan harga yang signifikan bagi produk makanan terpilih seperti ayam, telur, minyak masak dan ikan.

**Inisiatif Keempat** ialah pemberdayaan dan kelestarian wanita negeri Johor. Sebanyak RM770,000.00 diperuntukkan bagi pelaksanaan Konvensyen Pemerksaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat peringkat kebangsaan dan pelaksanaan *WCare Johor* iaitu *Women Care Reproductive Awareness* yang akan memanfaatkan 8,000 wanita di negeri Johor.

**Inisiatif Kelima** pula ialah sokongan sosial kebajikan dan pembangunan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah aset dan prospek masa hadapan yang berharga. Kerajaan negeri menerusi YPKDT dan KEMAS akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

1. RM593,000.00 diperuntukkan bagi menaik taraf dan membaik pulih bangunan sedia ada bagi *Jauhar Child Care Centre* (JCCC) di PPR Desa Mutiara, RSK Taman Cendana dan bagi kerja-kerja awal pembangunan, JCC Kluang serta pengoperasian JCC pertama dalam komuniti di PPR Melana.
2. RM2 juta bagi meneruskan inisiatif Anak Angkat Makmur Johor bagi membela nasib 1,300 orang kanak-kanak dan remaja yang kehilangan ibu bapa akibat Pandemik COVID-19.
3. RM700,000.00 diperuntukkan bagi bantuan langsung dan geran pentadbiran kepada 30 pusat jagaan dan rumah kebajikan anak yatim berdaftar yang akan memanfaatkan 1,289 orang anak yatim.
4. Sebanyak RM1.8 juta diperuntukkan bagi Program Iqfa' iaitu Program Iqfa dan fardu ain di 550 kelas tadika KEMAS di negeri Johor yang melibatkan 11,000 kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun.

**Inisiatif Keenam** pula ialah pemberdayaan dan kemandirian Orang Kurang Upaya dan warga emas. Golongan OKU dan warga emas juga diberikan perhatian oleh kerajaan negeri, RM1.5 juta diperuntukkan. Pertama, RM1 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara 13 buah PDK dan 8 buah PAWE. Kedua, RM300,000.00 untuk mengadakan tiga program utama iaitu *Employer Job Coaching Assistance Skills Training*, Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia dan *Disable Skills & Clear Course*. Ketiga, RM250,000.00 untuk

pelaksanaan penarafan Bintang Pusat Penjagaan bagi penilaian pengurusan pusat jagaan warga emas, OKU dan kanak-kanak.

**Inisiatif Ketujuh** ialah pemberian bantuan kebajikan ummah. Kerajaan negeri menerusi bantuan-bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor amat prihatin dengan kesejahteraan hidup rakyat yang menghadapi masalah kesihatan kronik. Sejumlah RM91.3 juta diperuntukkan bagi menyantuni individu yang terjejas kesihatan termasuklah buah pinggang, masalah jantung dan penyakit kronik lain seperti berikut:

1. RM68 juta bagi bantuan perubatan dialisis dan membina tapak fistular yang melibatkan lebih 4,200 pesakit buah pinggang.
2. RM22.8 juta bagi membantu kos rawatan pesakit daripada keluarga yang kurang berkemampuan.
3. RM500,000.00 bagi memberi bantuan perubatan kepada individu kurang berkemampuan yang mengalami masalah sakit jantung untuk menerima rawatan di Institut Jantung Negara.
4. Majlis Agama Islam Negeri Johor juga menyediakan bantuan sara hidup berjumlah RM79 juta untuk membantu 17,000 asnaf dari kumpulan fakir dan miskin.

**Inisiatif Kelapan** adalah peningkatan ekonomi dan taraf hidup. RM3.3 juta diperuntukkan bagi membangunkan ekonomi golongan asnaf keluar daripada kepompong kemiskinan. RM240,000.00 bagi inisiatif bantuan berdikari yang akan memberi manfaat kepada 100 penerima sebagai modal memulakan perniagaan. RM2 juta bagi bantuan bencana alam kepada mangsa yang terlibat.

## **STRATEGI 2 : MEMPERKASA PERUMAHAN RAKYAT**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kedua**, di bawah Teras Jaringan Keselamatan Sosial ialah memperkasa perumahan rakyat. Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik yang berkualiti kepada rakyat. Oleh itu, beberapa inisiatif akan dilaksanakan untuk memperkasa perumahan rakyat di negeri Johor.

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini adalah Program Perumahan Rakyat bagi memastikan keperluan Program Perumahan Rakyat dapat dipenuhi, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri akan melaksanakan projek-projek seperti berikut:

1. RM72 juta bagi pembinaan baharu PPR Larkin sebanyak 300 unit.
2. RM115 juta bagi pembinaan baharu PPR Kluang sebanyak 600 unit. (Dewan bertepuk).
3. RM64.25 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan PPR dan RSK.
4. RM4.55 juta bagi pelaksanaan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyelenggaraan lif.
5. RM10.4 juta bagi pelaksanaan kontrak pengurusan fasiliti.
6. RM7.5 juta bagi program penyelenggaraan perumahan di negeri Johor.

**Inisiatif Kedua** ialah penyediaan rumah mampu milik. Rumah adalah institusi penting dan seharusnya menjadi keutamaan dalam apa jua keadaan. Sasaran kerajaan negeri dalam pembinaan rumah mampu milik sehingga tahun 2026 adalah sebanyak 30,000 unit. Bagi tahun 2022 dan 2023, kerajaan negeri telah membina 7,735 unit. Oleh yang demikian, menerusi Jawatankuasa Khas iaitu *Planning, Design, Review Committee* (PDRC) kerajaan negeri berjaya mendapatkan komitmen pemaju perumahan di negeri Johor untuk menyiapkan 5,123 rumah mampu milik pada tahun hadapan.

**Inisiatif Ketiga** ialah bantuan kemasukan rumah. Bagi membantu persiapan memasuki rumah baharu, kerajaan negeri akan menyediakan sejumlah RM1,000.00 kepada pembeli RMMJ yang telah menerima kunci. Sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan bagi memanfaatkan 3,000 orang.

**Inisiatif Keempat** pula ialah Residensi Bangsa Johor (RBJ). Pembinaan RBJ melalui kerjasama PKPJ dan syarikat berkaitan kerajaan negeri GLC ini akan dilaksanakan sebagaimana berikut:

1. RM665 juta bagi membina 2,634 unit Perumahan Iskandar Puteri Bangsa Johor melalui konsep *Public Private Partnership* (PPP) oleh PKPJ dan GLC.
2. RM56 juta bagi membina 147 unit RBJ di Tangkak.
3. RM54 juta bagi membina 140 unit RBJ di Yong Peng.
4. RM18.8 juta bagi membina 50 unit RBJ di Simpang Renggam.

**YB Speaker** : Bandar Batu Pahat tidak ada ke Yang Amat Berhormat?

**YAB Menteri Besar** : Insya-Allah, akan ada.

**Inisiatif Kelima** pula ialah perluasan Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ). Untuk makluman, sebanyak 92 unit di Rumah Transit Kempas dan 216 unit di Bandar Putra Kulai telah dilaksanakan pada tahun ini. Pada tahun depan, RM15 juta diperuntukkan untuk penyediaan 130 unit perumahan transit di Taman Tasik Indah Kluang dan Taman Mutiara Rini, Johor Bahru.

**Inisiatif Keenam** ialah pembangunan Rumah Kasih Johor. Kerajaan negeri memahami bahawa terdapat ramai rakyat yang memiliki tanah tetapi tidak mampu untuk membina rumah. Dalam usaha untuk merealisasikan hasrat mereka untuk memiliki rumah kediaman yang selesa, sejumlah RM6.5 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2023 bagi membina 50 unit Rumah Kasih Johor. Pada tahun 2024 pula, sebanyak RM17 juta diperuntukkan bagi membina sebanyak 120 unit Rumah Kasih Johor di seluruh negeri Johor.

Inisiatif seterusnya ialah Rejuvenasi Flat Awam Negeri Johor. Sebanyak RM14.1 juta diperuntukkan untuk penyelenggaraan flat awam yang terletak di Flat Haji Manan, Flat Taman Bersatu Kluang, Flat Impian Emas Iskandar Puteri, Rumah Pangsa Tangkak dan Rumah Pangsa Kulai.

**Inisiatif Kelapan** ialah membaik pulih rumah rakyat. Sejumlah RM13.8 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja membaik pulih rumah golongan miskin di negeri Johor. Ini Batu Pahat boleh minta.

**Inisiatif Kesembilan** dalam strategi kedua ini ialah Tabung Bencana dan Kecemasan Flat Awam. Sebanyak RM3 juta diperuntukkan pada tahun 2023 untuk membantu mangsa bencana dan memulihkan flat yang dilanda ribut. Bagi tahun 2024, kerajaan negeri

menambah peruntukan kepada RM10 juta untuk Tabung Bencana dan Kecemasan Flat Awam di seluruh negeri Johor.

### **STRATEGI 3 : MENINGKATKAN KUALITI KESIHATAN BANGSA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Ketiga** di bawah teras ini ialah meningkatkan kualiti kesihatan Bangsa Johor. **Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah membangunkan aplikasi perkhidmatan digital pesakit luar yang dikenali sebagai *Smart Que System* dengan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi menyelaraskan janji temu dan pengurusan pesakit di Poliklinik Pakar Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Melalui sistem SQS ini masa menunggu berjumpa doktor sehingga selesai mengambil ubat yang secara purata pada ketika ini mengambil masa 3 hingga 6 jam. Insya-Allah akan dikurangkan kepada 1 hingga 2 jam. (Dewan bertepuk). Inisiatif ini akan memanfaatkan 57,000 pesakit sebulan dan akan diperluas ke hospital-hospital lain pada masa akan datang. Kerajaan negeri juga akan memperuntukkan RM222,000.00 bagi penyediaan Wifi Premium Maju Johor dengan kelajuan minimum 1Gbps. Untuk setiap *hotspot* di ruang menunggu klinik pakar, farmasi dan Bahagian Kecemasan di Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

**Inisiatif Kedua** ialah sistem penyampaian kesihatan. Bagi mengurangkan kesesakan di 11 hospital dan 99 klinik kesihatan, RM900,000.00 diperuntukkan bagi menampung kos perubatan ubat melalui pos secara percuma kepada Bangsa Johor yang melibatkan sebanyak 160,000 *parcel*. (Dewan bertepuk). Seterusnya, RM170,000.00 diperuntukkan bagi meneruskan projek *locker for you* yang akan memanfaatkan 7,000 pesakit.

**Inisiatif Ketiga** ialah Klinik Kesihatan Bergerak. Kerajaan negeri dengan kerjasama Yayasan Mohamed Noah, JKN, PAJ, UiTM dan NGO akan memperkenalkan perkhidmatan ini secara berperingkat ke 56 kawasan DUN dengan menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, rawatan asas dan pergigian kepada seluruh rakyat Johor dengan peruntukan berjumlah RM1.3 juta.

**Inisiatif Keempat** ialah Bangsa Johor bebas dadah. Sebanyak RM1.13 juta diperuntukkan bagi menghijaukan 70 maaf 17 kawasan berisiko tinggi dadah di seluruh negeri Johor.

**Inisiatif Kelima** dalam strategi ini ialah program bebas Denggi. Sebanyak RM250,000.00 diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kesedaran dan pencegahan Denggi.

### **STRATEGI 4 : PENGUKUHAN, PERPADUAN, PATRIOTISME DAN JATI DIRI BANGSA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Keempat** di bawah teras ini ialah Pengukuhan, Perpaduan, Patriotisme dan Jati Diri Bangsa Johor.

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah Johor Harmoni. Perpaduan Bangsa Johor merupakan tunjang kepada keharmonian negeri. Justeru, RM850,000.00 diperuntukkan untuk inisiatif-inisiatif seperti berikut:

1. RM500,000.00 bagi Program Silang Budaya yang mencakupi simfoni gabungan rentak muzik, tarian dan nyanyian tradisi pelbagai kaum yang akan melibatkan 3,000 orang di pelbagai lapisan.
2. RM150,000.00 bagi program keselamatan sosial dan kejiranan kepada 1,000 ahli SRS untuk mereka memberi bantuan awal jika berlaku bencana dalam komuniti.

3. RM200,000.00 bagi program keamanan penganut agama melalui Program *Interfaith Harmony* yang akan dilaksanakan bersama komuniti berbilang agama.

**Inisiatif Kedua** ialah menyantuni masyarakat kaum Tionghoa, India dan lain-lain. Sebanyak RM12 juta akan diperuntukkan khas untuk pembangunan kerohanian serta kebajikan masyarakat Tionghoa, India dan lain-lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat peribahasa Mandarin yang berbunyi dengan izin, ini kalau saya salah, YB tolong betulkan ya. (Bahasa Mandarin). (Dewan bertepuk). Betul ya? Ada cikgu sebelah sana. Gong Xi Fat Chai lain. Yang bermaksud, walau apa pun keadaan kita tidak boleh berhenti membiayai Pendidikan. (Dewan berterpuk). Dalam Bahasa Tamil pula, ini YB Raven kalau salah betulkan ya. (Bahasa Tamil). (Dewan bertepuk). Betul ke ini? Bukan, Selamat Deepavali, lain. Yang bermaksud, orang yang berilmu akan disanjung tinggi di mana-mana juga. (Dewan bertepuk).

Justeru itu, sebanyak RM3 juta diperuntukkan melalui Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah bagi bantuan persekolahan yang akan memanfaatkan 6,000 pelajar Tionghoa dan India yang kurang berkemampuan. Selain itu, sebanyak RM1 juta akan disalurkan kepada Kolej Universiti Selatan yang akan memberi manfaat kepada 500 pelajar. (Dewan bertepuk).

#### **TERAS 4 : KEMUDAHAN DAN KEPERLUAN ASAS**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Teras Keempat** ialah kemudahan dan keperluan asas. DUN Johor di Kota Iskandar, tempat pemimpin mencurahkan khidmat. Kesetiaan dihulur, janji di sandar, kemudahan asas sama dinikmati. Kerajaan negeri sentiasa komited untuk menyediakan dan menambah baik infrastruktur awam dan memastikan Bangsa Johor menikmati kualiti hidup yang lebih selesa. Justeru, kerajaan negeri akan melaksanakan 5 strategi dan 13 inisiatif dalam memperkasakan kemudahan dan keperluan asas di negeri Johor dengan bantuan agensi-agensi kerajaan persekutuan.

#### **STRATEGI 1 : MEMPERLUAS JARINGAN JALAN RAYA DAN PERHUBUNGAN**

**Strategi Pertama** di bawah teras ini ialah memperluas jaringan jalan raya dan perhubungan. Kerajaan negeri amat prihatin tentang isu jalan raya kerana ia merupakan medium ke saling hubungan utama di Johor. Saya ini Yang Berhormat Datuk Speaker setiap hari kena *tag* jalan berlubang, jalan rosak dan sebagainya. Saya yakin ini perkara yang sama yang dilalui semua ADUN.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah pembinaan jalan baru persekutuan. Selain daripada projek pelebaran lebuh raya utara selatan daripada empat kepada enam lorong dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam. Kerajaan negeri juga menyambut baik dan menghargai kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk projek-projek berikut:

1. RM160 juta bagi pembinaan jalan pintas dari Tangkak, maaf pembinaan jalan pintas Tangkak dari Kolej Komuniti Johor ke Kawasan Perindustrian Tangkak.
2. RM130 juta bagi pembinaan jalan pintas Mersing, dari jalan Felda Nitar ke persimpangan Air Merah dan Persimpangan siapu.
3. RM120 juta bagi menaik aras jalan Kota Tinggi-Mersing.
4. RM42 juta bagi kerja awalan menaik taraf jalan dari UTM ke persimpangan Pulau Perdana.

**Inisiatif Kedua** pula ialah pembinaan jalan serta jambatan negeri. Bagi menambah infrastruktur jalan dan jambatan, kerajaan negeri akan membina serta menaik taraf jalan dan jambatan baru antaranya seperti mana berikut:

1. RM4.1 juta bagi membina laluan baru dari Kampung Rahmat dan Estate Sri Gading, Batu Pahat. Batu Pahat lagi Datuk.
2. RM3 juta bagi menaik taraf jalan Kluang-Paloh-Yong Peng.
3. RM4.5 juta bagi menaik aras jalan yang kerap berlaku banjir di jalan Perani, Kota Tinggi.
4. RM5.4 juta bagi menaik taraf persimpangan dan membina jambatan di jalan Tongkang Pecah, jalan Bindu, Batu Pahat.
5. RM8 juta bagi menggantikan jambatan sempit di Serom 1, Tangkak.

**Inisiatif Ketiga** yang akan dilaksanakan ialah penyelenggaraan jalan. Kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan akan melaksanakan :

1. RM635 juta bagi penyelenggaraan jalan negeri, jalan PBT, jalan kampung dan jalan pertanian sepanjang 25,210 kilometer.
2. RM1 juta diperuntukkan bagi menaik taraf garisan jalan kepada jenis *glow in the dark* untuk meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalan di kawasan gelap dan kerap berlaku kemalangan.

**Inisiatif Keempat** yang akan dilaksanakan pemasangan lampu jalan. Kerajaan negeri dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan melaksanakan perkara berikut:

Pertama, RM5.6 juta bagi pemasangan 2,230 unit lampu jalan LED di kawasan luar bandar. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada senarai, boleh bagi kepada EXCO berkenaan (Dewan bertepuk). RM2 juta bagi pemasangan 100 lampu *amber* dan 200 lampu solar LED di kawasan gelap dan persimpangan berbahaya.

**Inisiatif Kelima** pula ialah membentuk *task force* projek berimpak tinggi. Bagi memastikan projek-projek utama seperti pelebaran lebuh raya PLUS dan lorong memotong lebuh raya SDE dan projek-projek lain mengikut jadual. *Task force* ini akan menyelaras isu berbangkit dan memastikan kelulusan jabatan teknikal dapat diperolehi dengan kadar yang segera.

## **STRATEGI 2 : PENGANGKUTAN AWAM DAN CAPAIAN INTERNET**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kedua** di bawah teras ini ialah pengangkutan awam dan capaian Internet. Selain infrastruktur jalan, kemudahan pengangkutan awam dan capaian Internet juga akan ditingkatkan untuk keselesaan rakyat.

**Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah penyediaan perkhidmatan Bas Muafakat Johor atau BMJ secara percuma. Sehingga 30 September 2023, sebanyak 1.35 juta orang telah menggunakan BMJ ini. Pada tahun ini, kerajaan negeri telah menyelaras 13 perubahan laluan bas bagi memastikan penggunaan BMJ dapat dioptimumkan. Oleh itu, kerajaan negeri dan PBT akan meneruskan perkhidmatan BMJ di 69 laluan dengan peruntukan sebanyak RM26.5 juta.



Selain itu, perkhidmatan *shuttle bus* di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) juga akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM586,000.00 yang telah memanfaatkan 47,019 orang sejak 1 Januari tahun ini.

**Inisiatif Kedua** pula ialah menaik taraf capaian internet. Bagi membolehkan Bangsa Johor menikmati capaian internet yang lebih pantas dan meluas, sebanyak RM330,000.00 diperuntukkan bagi membiayai inisiatif WiFi Premium Maju Johor. Ia melibatkan 25 *hotspot* di kawasan program perumahan rakyat yang memanfaatkan 12,700 keluarga. Kadar kelajuan juga ditambah dari 30Mbps kepada 2Gbps.

Perkhidmatan WiFi Premium Maju Johor juga akan diperluas di premis kerajaan yang menjadi tumpuan pelanggan seperti ruang menunggu kaunter pendaftaran Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan Pejabat Tanah Daerah Kulai serta ruang menunggu Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dan Bangunan Sultan Iskandar dan Terminal Bas Larkin.

Bagi aspek ketersambungan digital, rangkaian 5G diunjurkan akan mencapai 83% di kawasan berpenduduk pada akhir tahun ini. Sebagai sebuah negeri yang sedang pesat membangun, kerajaan negeri menyeru agar kerajaan persekutuan turut memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti liputan serta perluasan rangkaian di kawasan infrastruktur utama seperti lebuh raya, kawasan perindustrian baharu dan destinasi pelancongan utama.

### **STRATEGI 3 : MENAIK TARAF KEMASUKKAN BEKALAN AIR DAN TENAGA**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Ketiga** di bawah teras ini ialah menaik taraf kemasukkan bekalan air dan tenaga. Inisiatif pertama dalam strategi ini ialah menaik taraf 6 empangan di negeri Johor. Bagi memastikan kecukupan air mentah untuk memenuhi keperluan bekalan air bersih rakyat di negeri Johor. Kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan akan melaksanakan projek-projek berikut:

1. RM12.8 juta bagi menaik taraf 6 empangan di negeri Johor iaitu Empangan Juaseh, Empangan Gunung Pulai 2 dan 3, Empangan Pontian Kecil, Empangan Lebam dan Empangan Gunung Ledang;
2. RM4 juta bagi kerja-kerja menyelenggara dan menaik taraf aset-aset air mentah.

**Inisiatif Kedua** ialah meningkatkan kecekapan rawatan dan agihan air. Antara projek yang akan dilaksanakan oleh RSAJ ialah:

1. RM18.6 juta bagi menaik taraf agihan air Parit Sulong, Batu Pahat yang akan memanfaatkan 18,000 pengguna domestik;
2. RM143.6 juta bagi Pengoperasian Loji Rawatan Air (LRA) Kahang Baharu untuk meningkatkan margin simpanan air daripada 9% kepada 25% yang akan memanfaatkan 162,000 pengguna;
3. RM165 juta bagi meneruskan projek penggantian paip lama di negeri Johor yang melibatkan penggantian sepanjang 206 km yang akan memanfaatkan 170,000 pengguna.

**Inisiatif Ketiga** ialah memperluas bekalan elektrik. Bagi menyokong pembangunan pesat di negeri Johor, Tenaga Nasional Berhad akan melaksanakan projek sebagaimana berikut:

1. RM127.97 juta untuk membangunkan 3 Pencawang Pembahagian Utama (PPU) di kawasan Perindustrian Senai, Kulai, Yong Peng dan Tangkak yang melibatkan 13,180 pengguna;
2. RM30.25 juta untuk menaik taraf 13 sistem voltan tinggi 33KV di daerah Johor Bahru di kawasan Perling, Iskandar Puteri, Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Medini dan Pasir Gudang yang melibatkan 33,641 pengguna.

#### **STRATEGI 4 : MEMBINA DAN MENAIK TARAF PUSAT KOMUNITI DAN PERNIAGAAN**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Keempat** di bawah teras ini adalah membina dan menaik taraf pusat komuniti dan perniagaan. **Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah membina kemudahan awam komuniti. Bagi memenuhi keperluan kemudahan awam untuk aktiviti sosial dan komuniti, PBT dan kerajaan negeri akan membina dan menyiapkan beberapa projek.

1. RM1.1 juta bagi Dewan Orang Ramai di Taman Tan Sri Yaacob;
2. RM500,000.00 bagi Dewan Terbuka Gunung Pulai;
3. RM1 juta bagi Hub Komuniti dan Mini Perpustakaan Digital di Taman Impian Emas dan Taman Bukit Indah.

**Inisiatif Kedua** pula ialah membina dan menaik taraf kemudahan tapak perniagaan. Kerajaan negeri dan PBT akan menaik taraf kemudahan tapak perniagaan antaranya:

1. RM1 juta bagi menaik taraf Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Simpang Tenggaroh, Mersing;
2. RM1.9 juta bagi membina dan menyiapkan kemudahan perniagaan di Medan Selera Taman Perling dan Pusat Perniagaan Taman Teratai;
3. RM2.4 juta bagi menaik taraf gerai dan tapak penjaja di Pasir Gudang;
4. RM1.5 juta bagi membangunkan semula Medan Selera di Teluk Sengat.

#### **STRATEGI 5 : MEMPERKASA INFRASTRUKTUR PENDIDIKAN DAN PENGURUSAN AGAMA ISLAM**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kelima** di bawah teras ini ialah memperkasa infrastruktur pendidikan dan pengurusan agama Islam. Melalui inisiatif penyelenggaraan sekolah agama, masjid dan tanah perkuburan, projek-projek berikut akan dilaksanakan:

1. RM12.5 juta bagi menyelenggara dan membaik pulih 88 buah sekolah agama kerajaan Johor (SAKJ);
2. RM1 juta bagi membaik pulih masjid-masjid;
3. RM3.8 juta bagi menaik taraf infrastruktur Tanah Perkuburan Islam Bandar Putra Kulai dan Tanah Perkuburan Islam di Pasir Gudang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon untuk minum sekali lagi.

**YB Speaker** : Silakan Yang Amat Berhormat.

## TERAS 5 : KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, **Teras Kelima** adalah keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Tanjung Balau indah berseri, flora menghijau segar teramat, bersatu hati memakmur negeri, Johor Maju, bersih dan selamat. (Dewan bertepuk).

Bagi menzahirkan agenda kelestarian dan kemampuan alam sekitar, kerajaan negeri telah menubuhkan majlis pembangunan hijau yang berperanan untuk menyelaras, memantau dan memastikan kerangka pembangunan hijau dapat dilaksanakan secara holistik bagi mencapai visi persekitaran yang rendah karbon, mampan dan berdaya huni dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.

Kerajaan negeri ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas 10 syor yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor kepada Dewan yang mulia ini. Syukur alhamdulillah, sebahagian besar syor tersebut telah pun diambil kira. Di bawah teras ini, terdapat 4 strategi dan 11 inisiatif yang dirangka untuk memastikan keselamatan, kebersihan dan alam sekitar di negeri ini sentiasa menjadi keutamaan.

### STRATEGI 1 : JOHOR LESTARI

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Pertama** di bawah **Teras Kelima** ialah Johor Lestari. **Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah Penubuhan Johor Sustainability Centre atau JSC. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor mencemar duli merasmikan penubuhan JSC bersempena *Asia Pacific Climate Week* baru-baru ini. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Benut di atas lantikan sebagai Pengerusi JSC yang pertama. (Dewan bertepuk) penubuhan JSC akan menjadi pemudah cara bagi kerajaan negeri mengorak langkah lebih jauh di dalam agenda pembangunan hijau. Sebanyak RM500,000.00 diperuntukkan sebagai dana awalan bagi pengoperasian JSC.

**Inisiatif Kedua** pula ialah program rintis kenderaan elektrik. Sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan bagi program rintis penggunaan kenderaan elektrik sebagai kenderaan jabatan yang merupakan antara inisiatif awal yang terdapat di dalam *Johor Green Deal*.

**Inisiatif Ketiga** pula ialah pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hijau. Menerusi inisiatif ini, beberapa langkah proaktif bagi menjayakan program penghijauan bumi akan dilaksanakan seperti mana berikut:

1. RM4 juta di dalam diperuntukkan oleh PBT-PBT di dalam *Greater Johor Bahru* untuk program penghijauan melalui penanaman pokok bagi menyederhanakan suhu dalam bandar;
2. RM670,000.00 untuk program pemeliharaan kawasan Hutan Simpan Kekal atau HSK yang akan meningkatkan peratusan HSK di negeri Johor daripada 18% kepada 30% menjelang tahun 2030;
3. RM560,000.00 bagi Program Restorasi Kawasan Terosot, menaik taraf infrastruktur dan *Program Communication Educational & Public Awareness (CEPA)* berkaitan pengurusan dan konservasi hutan.

Inisiatif seterusnya ialah menaik taraf kawasan perlindungan Panti. Kerajaan negeri berterima kasih atas keprihatinan kerajaan persekutuan memperuntukkan RM400,000.00 bagi kerja-kerja tanah untuk tujuan pembinaan Kompleks Pengurusan Panti *Conservation Area*.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri juga akan memperuntukkan RM420,000.00 bagi menaik taraf Kompleks Suaka Burung Panti. Untuk makluman, terdapat 300 spesis burung di Suaka ini, terdapat 9 spesis yang jarang ditemui. Antaranya, *Malaysian Rail-babbler*.

## **STRATEGI 2 : JOHOR SMART CITY**

**Strategi Kedua** di bawah teras ini ialah *Johor Smart City*. Kerajaan negeri telah melancarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar di Negeri Johor 2030 bagi memastikan Johor menjadi sebuah negeri berdaya maju. Bagi memastikan Johor melaksanakan program tersebut, inisiatif-inisiatif adalah seperti berikut:

1. RM15 juta untuk membina Pusat Kawalan dan Arahan, *Command Control Centre* di Menara MBBJ dan MBIP.
2. RM4.4 juta bagi memasang sistem cctv di kawasan strategik kawasan PBT.
3. RM850,000.00 bagi *Johor Urban Observatory*.
4. RM2.49 juta bagi Projek *Smart Deep Collection System* di Hutan Bandar Mutiara Rini, Taman Rekreasi Sireh Park, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dan beberapa lokasi lain.
5. RM150,000.00 bagi penganjuran *Johor Smart City*.

**Inisiatif Kedua** ialah penubuhan Unit Bantuan Kecemasan dan Bencana. Kerajaan negeri mengalu-alukan penubuhan team Skuad Kilat dan *First Arrival Support Team (Fast)* oleh MBBJ dan MBIP yang berperanan sebagai unit terawal bagi memastikan bantuan semasa bencana mahu pun apa-apa jua situasi kecemasan. Sebanyak RM4.15 juta diperuntukkan bagi pembelian aset-aset dan pelaksanaan Program CSR.

## **STRATEGI 3 : JOHOR BERSIH**

**Strategi Ketiga** di bawah teras ini ialah Johor Bersih. **Inisiatif pertama** di dalam strategi ini ialah memastikan kebersihan persekitaran. **Inisiatif Pertama** ialah RM300,000.00 bagi penubuhan Skuad *Anti Litter*. Bagi pelaksanaan penguatkuasaan terhadap pesalah yang membuang sampah di tempat awam.

Kedua, RM250,000.00 bagi pelaksanaan Sistem *e-Merit*. Bagi memastikan penguatkuasaan kebersihan di dalam dan di luar premis. Ketiga, RM565,000.00 bagi pemantauan kualiti dan kebersihan air sungai di kawasan Pasir Gudang. Keempat, mengenal pasti bilangan *Real Time Pollution Sensor* yang diperlukan bagi memastikan mitigasi segera dapat diambil terhadap sebarang elemen pencemaran.

**Inisiatif Kedua** ialah Sungai Bersih. Sehingga September 2023, sebanyak 207 tan sampah telah dikutip di sepanjang Sungai Skudai dan 97 tan di Sungai Tebrau. Jabatan Pengairan Dan Saliran bersama PBT dan agensi-agensi angkat yang diamanahkan untuk menjaga kebersihan sungai-sungai utama dalam bandar raya ini akan terus menyokong Program Johor Bersih secara berterusan. Justeru, RM2.4 juta diperuntukkan bagi meneruskan Program Sungai Bersih.

**Inisiatif Ketiga** ialah pelaksanaan pelan tindakan terhadap cadangan dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Sungai Skudai. RKK ini melibatkan tiga PBT iaitu MBBJ, MBIP dan MPKu. Pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan di Sungai Skudai akan dilaksanakan sebagaimana berikut:

1. RM4 juta bagi membina dan menaik taraf perangkap sampah.
2. RM2 juta bagi pembangunan *Great Trail* Sungai Skudai untuk mewujudkan trek basikal dan pejalan kaki.
3. RM2.3 juta untuk pelaksanaan aktiviti pelupusan sisa pepejal luar kawasan bercukai. Aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan berkala bagi mengawal aktiviti pencerobohan rizab sungai dan pembuangan sampah secara haram.

#### **STRATEGI 4 : MENAMBAH BAIK SISTEM SALIRAN DAN PENGURUSAN BANJIR DI SUNGAI**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Keempat** di bawah teras ini ialah menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir di sungai. **Inisiatif Pertama** di bawah strategi ini ialah menaik taraf sistem saliran. Penaiktarafan saliran akan dilakukan berfasa. Melalui pertama RM18.9 juta bagi menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir dalam kerja-kerja berkaitan pengairan, pengawalan hakisan dan pencegahan banjir. Kedua, RM3.4 juta bagi projek menaik taraf parit utama di kawasan Taman Damai Jaya Skudai.

**Inisiatif Kedua** ialah memperkasa pengurusan banjir. Pengurusan banjir yang terancang dan sistematik dapat mengurangkan impak akibat banjir yang melibatkan kehilangan nyawa dan harta benda. Kerajaan negeri turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim yang komited untuk mengatasi masalah banjir dan hakisan melalui projek-projek tersebut:

1. RM762 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Johor Fasa 1 di daerah Kota Tinggi.
2. RM648 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Muar Fasa 3 di daerah Segamat.
3. RM195 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Bandar Batu Pahat.
4. RM29 juta bagi Projek Pengawalan Hakisan di pulau-pulau di daerah Mersing.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan melaksanakan projek-projek berikut untuk mengatasi masalah banjir:

1. RM500,000.00 bagi penyelenggaraan di Sungai Taman Johor dan Sungai Taman Anggerik.
2. RM8.3 juta bagi pemuliharaan lembangan sungai dan meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi banjir.
3. RM2.3 juta bagi membina dan menyiapkan tembok hakisan tebing di Sungai Melana.
4. RM4.5 juta bagi membina dan menaik taraf parit di kawasan Pasir Gudang.
5. Kajian untuk mengaplikasi konsep *Sponge City* dalam pengurusan air perbandaran. *Sponge City* merupakan konsep penyimpanan dan penggunaan air hujan berskala besar.

#### **TERAS 6 : ORANG MUDA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya ke **Teras Keenam**, teras terakhir, saya mohon untuk minum air.

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Teras Keenam**, Agenda Maju Johor ialah Orang Muda Johor. Ke Tanjung Puteri berdayung rakit, membawa dagang si ikan tenggiri, orang muda teruslah bangkit, padamu terletak harapan negeri. (Dewan bertepuk).

Menjunjung Kasih Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang sentiasa menjadi inspirasi kepada anak-anak muda di Johor untuk melangkah lebih jauh dan maju ke hadapan. Orang Muda Johor perlu berupaya meletakkan diri mereka setanding di peringkat nasional dan juga global. Dengan itu, 6 strategi dan 10 inisiatif akan dilaksanakan di bawah teras ini.

## **STRATEGI 1 : KEPIMPINAN ORANG MUDA JOHOR**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Pertama** di bawah **Teras Keenam** ini ialah kepimpinan Orang Muda Johor. **Inisiatif Pertama** dalam strategi ini adalah Program Kemahiran Kepimpinan. Kerajaan negeri melalui Institut Dato' Onn (IDO) akan melaksanakan inisiatif berikut:

1. RM500,000.00 akan diperuntukkan bagi *IDO Research Centre* yang akan memanfaatkan kuasa analisis data menggunakan kepintaran pembuatan AI untuk menjana perubahan serta menyediakan cerapan dan analisis berasaskan data.
2. RM400,000.00 bagi *Program Johor Global Leadership Nexus*. Program ini meliputi lawatan lapangan dan jalinan kerjasama di luar negara lanjutan daripada Persidangan Belia Antarabangsa Johor (JIYC) pada tahun ini.
3. RM100,000.00 bagi *Program Johor Outbound School*. *Johor Outbound School* yang direka khas bagi pelajar cemerlang semasa cuti sekolah melalui pembelajaran teknologi AI.
4. RM200,000.00 bagi *Program University Leadership Engagement* melibatkan mahasiswa di 20 buah institusi IPTA dan IPTS seluruh negara.
5. RM600,000.00 bagi *Johor Apprentice 2024* untuk membentuk pemimpin masa depan dan mengenal pasti bakat luar biasa dalam golongan graduan melalui latihan dalam tempoh tiga hingga enam bulan.
6. RM1.3 juta bagi *Program Onn Leadership Eccelarator* yang merupakan program kesinambungan pada tahun ini.
7. RM300,000.00 bagi *Program Innovation Culture Among Youth* untuk menyemarakkan budaya inovasi dan penyelesaian *innovasi* kepada cabaran tempatan.
8. RM250,000.00 bagi *Program Skills Enhancement* untuk memupuk inovasi dalam bidang kepimpinan, pengurusan projek, teknologi dan keusahawanan sosial.
9. RM200,000.00 bagi Dewan Muda Johor sebagai medium demokratik yang bersifat tersusun dalam menyalurkan kritikan, saranan serta ikhtiar semak dan imbang dalam pentadbiran kerajaan negeri Johor.

## STRATEGI 2 : ASPIRASI ORANG MUDA JOHOR

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Kedua** dalam Teras Orang Muda Johor, ialah Aspirasi Orang Muda Johor. Peningkatan, maaf inisiatif pertama dalam strategi ini ialah program peningkatan *soft skills* dan jati diri OMJ. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. RM250,000.00 bagi program peningkatan *soft skill* belia negeri Johor yang bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang mempunyai kemahiran pengucapan awam yang baik. Pengetahuan berkenaan sejarah negeri Johor dan berpengalaman menguruskan program bertaraf antarabangsa.
2. RM1.5 juta bagi program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor, yang akan diadakan di seluruh daerah bagi menyantuni orang-orang muda Johor Program ini akan meliputi Program Jelajah Usahawan, Program Gerak Kerjaya dan Sambutan Hari Belia Negara.
3. RM200,000.00 bagi dana bantuan pengurusan dan pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor.
4. RM365,000.00 bagi geran pentadbiran dan pengurusan kepada 73 Majlis Belia Felda Malaysia di kawasan negeri Johor.
5. RM50,000.00 bagi pelaksanaan kursus pengurusan organisasi Majlis Belia Negeri Johor.
6. RM500,000.00 bagi memperkukuh usahawan belia.

**Inisiatif Kedua** ialah sukarelawan OMJ. Agenda sukarelawan akan diperkasakan melalui inisiatif berikut:

1. RM200,000.00 bagi penubuhan Skwad Muda *Southern Volunteers* di IPTA dan IPTS.
2. RM200,000.00 bagi melaksanakan program kesedaran dan latihan persediaan menghadapi bencana.
3. RM50,000.00 bagi program perkongsian kepakaran dan kemahiran belia negeri Johor bersama NGO berteraskan kegiatan kesukarelawanan.
4. RM200,000.00 bagi penganjuran Hari Sukarelawan peringkat negeri Johor dan
5. RM100,000.00 bagi membangunkan laman sesawang *Southern Volunteers*.

## STRATEGI 3 : PENDIDIKAN ORANG MUDA JOHOR

**Strategi Ketiga** di bawah teras ini ialah pendidikan Orang Muda Johor. Generasi muda perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta diperkukuh dengan akhlak terpuji dan nilai murni dalam membina Bangsa Johor Bestari. Menerusi teras ini, kerajaan negeri bertekad untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

**Inisiatif Pertama** dalam strategi ini ialah biasiswa dan insentif pendidikan.

1. RM2 juta bagi biasiswa Orang Muda Johor kepada pelajar-pelajar cemerlang SPM bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian tinggi di Universiti-Universiti terkemuka dunia. (Dewan bertepuk).

2. RM650,000.00 bagi biasiswa Kenangan Dato' Onn kepada 1,000 orang pelajar B40 sekolah menengah.
3. RM150,000.00 bagi biasiswa di bawah tabung Pendidikan Sarjana PDT kepada pelajar Pasca Siswazah.
4. RM3.7 juta bagi insentif Mahasiswa Anak Johor yang akan memberi manfaat kepada 75,000 Mahasiswa Anak Johor.
5. RM100,000.00 bagi insentif pelajar cemerlang SPM kepada 50 orang pelajar cemerlang oleh Yayasan Raja Zarith Sofiah di seluruh negeri.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penderma-penderma yang memberi sumbangan dan derma kepada tabung kebajikan dan pelajaran Yayasan Pelajaran Johor di bawah Sub Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 layak mendapat tolak cukai terhadap kepada 10%. Jadi, senang cerita ada *Tax Exemption* Yang Berhormat Datuk Speaker, yang menyumbang kepada Yayasan. Justeru itu, kerajaan negeri ingin menyeru kepada semua jabatan, GLC dan badan-badan berkanun untuk terus menyumbang kepada tabung ini demi pembangunan dan pemeraksanaan pendidikan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Inisiatif Kedua** pula ialah pembangunan akses pendidikan asnaf. Bagi inisiatif ini sebanyak RM19 juta diperuntukkan oleh Majlis Agama Negeri Johor. Sebanyak RM6.4 juta bagi program bantuan awal persekolahan kepada keluarga kurang berkemampuan yang akan memanfaatkan 52,000 orang penerima. RM1 juta bagi bantuan pendidikan dalam bentuk tambang kepada 300 pelajar yang berdaftar di IPT-IPT luar negara. Ketiga, RM3.4 juta bagi pendaftaran IPT kepada anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan. RM4.6 juta program derma siswa melibatkan 520 pelajar. RM3 juta bagi pinjaman pelajaran kepada 100 pelajar dengan pinjaman maksimum RM30,000.00 seorang.

Keenam, RM400,000.00 bagi kemudahan fasiliti untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Ketujuh RM200,000.00 bagi pembelian 10 mesin *Braille* kepada pelajar di Sekolah Rendah Princess Elizabeth dan Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru.

**Inisiatif Ketiga** pula ialah galakan kecemerlangan akademik. Kerajaan negeri akan turut memastikan anak muda Johor terus cemerlang dari sudut akademik. Pembentukan peribadi unggul dan berketrampilan melalui program-program berikut:

1. RM200,000.00 bagi program *Johor Stars Go Global* melalui Yayasan Raja Zarith Sofiah sebagai insentif galakan kepada pelajar-pelajar negeri Johor untuk mewakili negeri dan negara dalam pelbagai acara dan pertandingan di peringkat antarabangsa.
2. RM200,000.00 untuk program *English Booth Camp* yang merupakan sekali lagi kerjasama dengan Yayasan Raja Zarith Sofiah dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang melibatkan penyertaan 500 orang pelajar.
3. RM700,000.00 bagi program tuisyen SPM melalui Yayasan Pelajaran Johor dan Yayasan Jcorp.
4. RM400,000.00 bagi program Akademi Debat Johor yang bakal melahirkan pendebat-pendebat yang berstail.
5. RM750,000.00 bagi program Kelas Bestari Bangsa Johor 2.0 untuk 30 buah sekolah di kawasan luar bandar.



6. Memastikan semua perpustakaan Awam di bawah pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor di buka selama 7 hari seminggu. Inisiatif ini akan dimulakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Jalan Yahya Awal bermula 1 Disember tahun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya ialah **Inisiatif Keempat**. Program Galakan Melanjutkan Pelajaran ke IPT. Kerajaan negeri turut akan menyediakan bantuan dan insentif sebagaimana berikut:

1. RM11.1 juta bagi skim bantuan pendaftaran oleh Yayasan Pelajaran Johor kepada 22,200 pelajar baharu yang akan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.
2. RM15 juta bagi skim pinjaman pelajaran kepada 1,100 mahasiswa yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
3. RM600,000.00 bagi insentif kepada persatuan mahasiswa IPT Anak Johor yang memanfaatkan 25 buah persatuan mahasiswa anak Johor di IPT seluruh negara. Di samping itu, kerajaan negeri akan turut memperkenalkan program persatuan Mahasiswa Angkat bersama Yang Berhormat ADUN. So kalau tadi kita ada keluarga angkat Yang Berhormat Datuk Speaker, insya Allah kita juga akan ada IPTA, IPT angkat insya Allah.
4. RM200,000.00 bagi Program Duta Mahasiswa Anak Johor akan diteruskan bagi melaksanakan projek keusahawanan sosial yang berimpak tinggi.
5. RM166,000.00 bagi pemasangan internet berkelajuan tinggi dengan 1Gbps di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim dan Kolej Yayasan Pelajaran Johor.

#### **STRATEGI 4 : JB SPORT CITY**

Yang Berhormat Datuk Speaker, **Strategi Keempat** di bawah **Teras Keenam** ialah *JB Sport City*. Kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan daerah Johor Bahru sebagai Hab Sukan yang membolehkan Johor dikenali sebagai *Sports Power House* selaras dengan *Johor Sports Master Plan 2030*. Pada masa ini, Johor Bahru mempunyai pelbagai fasiliti sukan bertaraf antarabangsa untuk sukan bola sepak, basikal dan banyak lagi. Fasiliti-fasiliti sukan ini akan membantu untuk memacu industri sukan bukan sahaja untuk atlet malah untuk orang awam dan pelancong-pelancong. Inisiatif di bawah strategi ini ialah penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Kerajaan negeri dengan kerjasama KPRJ Sports akan melaksanakan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa dan kebangsaan sepanjang tahun 2024 dengan mengoptimalkan penggunaan fasiliti-fasiliti sukan tersebut. Antara acara yang telah dikenal pasti adalah penganjuran Johor Maybank *Cycling Event* dengan usaha sama pihak Maybank Berhad yang akan diadakan di sekitar Johor Bahru melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara. Seterusnya, kerajaan negeri juga berhasrat untuk bekerjasama dengan kerajaan Singapura bagi menganjurkan *Johor-Singapore International Run* pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif sukan atau XTIF *JOHOR* menggariskan acara sukan yang melibatkan pelbagai segmen sukan dan kelompok masyarakat seperti berikut:

1. RM1.1 juta bagi penganjuran sukan Bangsa Johor yang melibatkan penyertaan 56 DUN.
2. RM1.2 juta bagi inisiatif *Johor Athlete Career and Education* dengan sasaran melahirkan lebih ramai *Thinking Athlete* dengan izin, serta peluang melanjutkan pelajaran ke UTM dan UiTM.

3. RM300,000.00 bagi insentif dan bantuan para SUKMA 2024.
4. RM200,000.00 bagi pembangunan sukan *E-Sports*.
5. RM200,000.00 bagi Sukan Penjawat Awam Negeri Johor.

## **STRATEGI 6 : MEMBINA DAN MENAIK TARAF PUSAT REKREASI DAN SUKAN**

Keenam, **Strategi Keenam** di bawah Teras Orang Muda Johor, ialah membina dan menaik taraf pusat rekreasi dan sukan. Melalui inisiatif pembangunan dan menaik taraf infrastruktur sukan, sejumlah RM8.8 juta diperuntukkan bagi memastikan kemudahan sukan pusat rekreasi dan permainan dalam keadaan yang baik demi keselesaan masyarakat setempat seperti mana berikut:

1. Dan insya-Allah dengan perkenan sebanyak RM3 juta bagi membangunkan 5 gelanggang futsal dengan spesifikasi *FIFA* di kawasan Iskandar Puteri akan dibangunkan.
2. RM4.5 juta bagi Menaik Taraf Dataran dan Padang Dataran Iskandar Puteri;
3. RM800,000.00 bagi Pembinaan Fasa 1 Mini Stadium Kawasan Bandar Tangkak;
4. RM500,000.00 bagi Membina Laman 'Kulai Cycling Park'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah membentangkan Enam Teras, 29 Strategi dan 99 Inisiatif. Kaki pun rasa macam nak patah. Semua Strategi dan Inisiatif ini telah disusun rapi dengan mengambil kira keutamaan, keperluan, dan kemaslahatan seluruh Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menjelaskan bahawa pembentangan Belanjawan Johor 2024 ini merupakan suatu kesinambungan daripada Belanjawan Tahun 2023. Menerusi Belanjawan ini, saya dan barisan kepimpinan akan berusaha dengan sedaya upaya, dengan penuh tekad dan komitmen, bagi memastikan Agenda Maju Johor ini dijayakan dengan sebaik-baiknya demi rakyat dan negeri tercinta ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sekianlah pembentangan saya bagi Belanjawan Johor 2024 yang bertemakan "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Saya sedar dan insaf bahawa banyak lagi inisiatif, yang perlu dilaksanakan. Namun saya berharap Belanjawan ini akan dapat memberi manfaat kepada 4 juta Bangsa Johor. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya inginkan rakamkan kepada semua Pengerusi Jawatankuasa yang telah memberi cadangan pelaksanaan program dan projek serta peruntukan kewangan bagi menjayakan inisiatif Agenda Maju Johor.

Tidak lupa ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, seluruh pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan, pegawai-pegawai daerah serta pemimpin GLC Negeri Johor. Kita bagi tepukan yang paling gemuruh kepada mereka. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri dari pihak kerajaan dan pengimbang, marilah kita sama-sama berganding bahu dan bersatu tenaga menjayakan pelbagai program sepertimana yang dibentangkan dalam Belanjawan Negeri Johor 2024 sebentar tadi. Saya juga berharap agar kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memantau segala rancangan yang telah disusun agar agenda memajukan negeri ini dapat dijayakan dengan sebaik-baiknya melalui pelbagai inisiatif di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cukup di situ ke nak tambah lagi?

**YB Speaker** : Macam ada yang dinanti-nantikan.

**YAB Menteri Besar** : Saya minum sekejap. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang disebut pada awal ucapan saya tadi, prestasi hasil Kerajaan Negeri, alhamdulillah telah mencapai sasaran. Justeru, selain daripada membantu rakyat di luar sana, sebagai tanda penghargaan kerajaan negeri kepada penjawat-penjawat awam, kita mengambil pendekatan untuk memberikan insentif berdasarkan pencapaian sebenar. Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 sebanyak 2 bulan gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan kakitangan awam persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor. Ini sejarah sebenarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker. Syukur. Semoga bantuan ini bakal menjadi pembakar semangat dan pemangkin motivasi agar kita semua dan penjawat-penjawat awam terus berkhidmat dan berbakti dengan cemerlang serta memberikan yang terbaik kepada Bangsa Johor. Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadangkan, Yang Berhormat Datuk Speaker. (Dewan bertepuk).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon juga membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) dan (4) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) dan juga (4) ditangguhkan sementara. Ahli-Ahli Yang Berhormat alhamdulillah, selesai sudah ucapan Belanjawan Negeri Johor 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Tahniah Yang Amat Berhormat Machap.

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Pemilihan Ahli Dewan Negara ini sebagaimana Seksyen 1 (2) dalam Jadual Ketujuh Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan berikutan kekosongan 1 kerusi Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Negeri Johor. Dengan demikian, cadangan itu hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupannya berkhidmat jika dipilih dan cadangan itu tidaklah perlu dibahas.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sila kemukakan cadangan sekarang.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun sebagaimana Perkara 45 Jadual 7, Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman berumur 61 tahun. Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Keusahawanan dari Humber College Of Art and Technology, Ottawa, Ontario, Canada dan Diploma Perhotelan dari Universiti Teknologi Mara, Dungun.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Johor selama 2 penggal mulai 21 Mac 2004 hingga 13 Februari 2008 dan 8 Mac 2008 hingga 3 April 2013. Beliau juga pernah bertugas sebagai Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia di antara tahun 2014 dan 2018 dan menjadi Ahli Lembaga Penapisan Filem di antara 2013 dan 2018. Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman merupakan Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, KEJORA, Timbalan Presiden Persatuan Sepak Takraw Malaysia dan Presiden Persatuan Sepak Takraw Negeri Johor.

Dalam bidang politik, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Johor dan Ketua UMNO Bahagian Tebrau. Beliau merupakan seorang pemimpin yang aktif yang berpengalaman luas serta sangat dihormati oleh masyarakat Johor. Dan dengan ini, saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**  
: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah pun menerima Rundingan tersebut dan telah pun disokong.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Dengan demikian, saya mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman adalah dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama 3 tahun. Saya bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman, semoga beliau dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya tangguhkan Persidangan ini sukacita saya mengingatkan malam ini malam Jumaat, esok subuh Jumaat, jangan terlajak pulak. Kita ada inisiatif Semarak Subuh, seperti yang diumumkan oleh YAB Machap tadi. Maka jangan lupa esok, solat subuh di masjid, jangan hantar wakil. Wakil hanya untuk ADUN Wanita dan yang bukan Islam. Yang Berhormat Skudai, jangan lupa hantar wakil ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 26 November 2023 jam 9.30 pagi, di mana Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Bagi Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 akan dimulakan.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.32 tengah hari.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI AHAD**

**26 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**  
Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**  
Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.



**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi kerana lima hari lalu, telah menganjurkan Perhimpunan Solidariti Palestin di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn.

Justeru, Dewan Negeri Johor berpendirian sama iaitu bersolidariti dengan rakyat Palestin yang terus dizalimi oleh rejim Zionis Israel sehingga semalam sudah melebihi 14,643 orang rakyat Palestin dibunuh sejak 7 Oktober yang lalu. Perlu diingatkan HAMAS bukan kumpulan pengganas. Mereka adalah kerajaan yang sah, yang menang melalui Pilihan raya Perundangan Palestin pada tahun 2006. HAMAS menang 75 kerusi daripada 132 kerusi yang dipertandingkan. HAMAS mentadbir semenanjung Gaza, manakala kumpulan Al Fatah mentadbir Tebing Barat ataupun *West Bank*. Israel, Amerika dan Kesatuan Eropah menuduh HAMAS melanggar undang-undang antarabangsa sejak 7 Oktober 2023. Sedangkan Israel sebenarnya yang melanggar undang-undang antarabangsa sejak berdekad iaitu sejak tahun 1948.

Israel kerap melanggar keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk keputusan PBB supaya Israel menghentikan pembinaan kawasan-kawasan penempatan baru. Israel, Amerika dan Kesatuan Eropah menggunakan naratif *Israel has the right to defence itself*. Apakah *the right to defence itself* dengan kaedah membunuh kanak-kanak, memusnahkan hospital, rumah dan sekolah. Sehingga ada sekolah menjadi syahid, sekolah tidak ada murid, kerana semua murid-murid di sekolah tersebut terkorban. Kenapa Amerika dan Kesatuan Eropah tidak bertanya Palestin, *has the right to defence itself*. Palestin bukan tanah kosong, Palestin adalah tanah yang ada orang, ada kerajaan, ia dirampas secara haram pada tahun 1948 untuk mendirikan negara haram Yahudi. Justeru, mari kita terus bersolidariti dengan rakyat Palestin. Selain membantu dengan bantuan kewangan dan perubatan, kita wajib istiqamah memboikot apa sahaja perniagaan dan barangan yang ada kaitan dengan Yahudi sebagai tanda solidariti. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Saya jemput, Yang Berhormat Bekok.

**YB Tuan Tan Chong (Bekok) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1. Terima kasih.

Negeri Johor sedang menuju ke arah Negeri Maju 2030, saya percaya kerajaan negeri tidak akan meminggirkan semua golongan dalam menuju kemajuan itu. Apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan?

**YB Speaker :** Saya jemput, Yang Berhormat Panti.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memajukan masyarakat Orang Asli di negeri ini khususnya di kawasan DUN Panti?

**YB Speaker** : Sila.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bekok, terima kasih Yang Berhormat Panti.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bekok membangkitkan tentang perkara yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam menuju negeri maju menjelang dalam tahun 2030. Manakala, ADUN Panti membangkitkan tentang usaha kerajaan memajukan masyarakat Orang Asli khususnya dalam kawasan DUN Panti.

Yang Berhormat, secara keseluruhannya pada tahun 2023, sebanyak RM9,720,344.70 telah diperuntukkan kerajaan bagi program dan projek pembangunan di perkampungan masyarakat Orang Asli seluruh negeri Johor. Peruntukan ini melibatkan peruntukan daripada sumber persekutuan iaitu sebanyak RM9,264,344.70 dan peruntukan Kerajaan Negeri Johor sebanyak RM452,000.00 yang melibatkan projek dan pembangunan infrastruktur, imuniti sosial, bekalan air terawat, pembangunan ekonomi, pemeraksanaan institusi pentadbiran peringkat kampung dan pembangunan modal insan masyarakat Orang Asli. Kerajaan Negeri Johor bersama-sama kerajaan persekutuan sentiasa komited dalam memastikan pelbagai aspek pembangunan dapat dilaksanakan bagi memastikan Orang Asli dapat bersaing seiring dengan pembangunan dan kemajuan negeri Johor.

Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM300.00, RM300,000.00, minta maaf. Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan RM300,000.00 bagi pelaksanaan projek rintis Kampung Orang Asli Sejahtera di Kampung Orang Asli Puting, Segamat. Objektif program ini adalah bagi memastikan kemajuan kampung Orang Asli seiring dengan kampung-kampung lain. Program ini merangkumi 3 komponen utama iaitu program keceriaan, ekonomi dan pendidikan. Program ini memberikan manfaat kepada lebih 200 orang masyarakat Orang Asli Puting daripada pelbagai peringkat umur antaranya pelajar, belia, usahawan, ibu bapa dan lain-lain.

Objektif yang jelas dilihat daripada pelaksanaan projek ini adalah meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat kampung Orang Asli melalui komponen ekonomi dan pendidikan serta meningkatkan kesejahteraan mereka melalui persekitaran yang kondusif. Secara tidak langsung kampung ini dapat menjadi contoh kepada kampung Orang Asli lain sekitar negeri Johor seiring dan ke arah menuju negeri maju tahun 2030. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM152,000.00 bagi melaksanakan program-program pendedahan masyarakat Orang Asli negeri Johor.

Objektifnya adalah bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat Orang Asli mengenai pembangunan sosioekonomi, kepimpinan dan pengurusan dan aktiviti masyarakat Orang Asli di tempat lain. Antara program yang dijalankan adalah, pertama, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Negeri Johor telah membawa seramai 400 orang belia dan beliawanis masyarakat Orang Asli Johor untuk melawat Kelab Bola Sepak Johor (JDT) bagi menyaksikan perlawanan bola sepak *AFC Champion League* di antara pasukan JDT dan pasukan Ulsan Hyundai dari Korea di Stadium Sultan Ibrahim, Nusajaya. Lebih manis lagi

pengalaman mereka diserikan dengan kemenangan JDT iaitu dengan kemenangan 2-1. Ia memberi pendedahan sukan kepada belia masyarakat Orang Asli.

Yang keduanya, seramai 80 orang masyarakat Orang Asli telah dibawa melawat ke Kampung Orang Asli Sejahtera di Pos Yum dan Pos Kuala Mu, Perak pada 17 hingga 19 November lalu. Kampung Orang Asli Pos Yum ini adalah salah satu kampung Orang Asli yang berjaya dalam pembangunan koperasi penduduk. Mereka mengorak langkah berani dengan menerokai dan memperkembangkan bidang ekopelancongan dalam usaha menambah baik sosioekonomi mereka.

Kerajaan negeri berharap agar lawatan ini akan memberi suatu yang bermanfaat kepada JKOA Negeri Johor serta pimpinan Batin, Pengerusi JPKOA dan masyarakat Orang Asli Johor yang turut sama dalam lawatan tersebut terutama dari segi pendedahan berkaitan pentadbiran, pengurusan dan kerjasama dalam komuniti. Tahun ini juga, kepimpinan negeri Johor dan JKOA Negeri Johor telah turun sendiri ke lapangan bagi melihat sendiri kampung-kampung Orang Asli sekiranya terdapat pembangunan yang memerlukan perhatian pihak kerajaan. Kita mahu agar tiada satu pun lapisan masyarakat yang tertinggal daripada arus pembangunan negeri Johor menjelang Maju Johor 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Panti sebanyak RM384,363.00 telah diperuntukkan bagi kampung Orang Asli DUN Panti iaitu Kampung Orang Asli Kempas Menang, Kampung Orang Asli Pasir Intan dan Kampung Orang Asli Sayong Pinang bagi program dan projek pembangunan di perkampungan masyarakat Orang Asli Negeri Johor 2023. Pada tahun ini juga, masyarakat atau Kampung Orang Asli Kempas Menang dan Kampung Orang Asli Pasir Intan terlibat dalam Program Pementoran Desa, sebanyak RM32,820.00 peruntukan dan disalurkan kepada Jawatankuasa Penduduk dan Keselamatan Orang Asli Kampung atau JPKKOA bagi pelaksanaan program-program kampung tersebut. Program Pementoran Desa ini merupakan wadah pemindahan pengalaman serta pendedahan pengetahuan yang bertujuan mewujudkan lebih banyak kampung membangun dan sejahtera.

Program ini juga menggalakkan perkongsian maklumat serta meningkatkan kemampuan individu dan institusi pentadbiran peringkat kampung dari segi pengurusan dan pembangunan. Ia merupakan langkah utama dalam usaha mewujudkan kampung berdikari dan proaktif kepada perubahan serta mampu mengguna pakai kelebihan potensi yang ada dalam kawasan setempat.

Manakala bagi kawasan DUN Bekok pula, pada tahun 2023 ini sebanyak RM1,448,942.90 dari peruntukan kerajaan yang melibatkan infrastruktur dan imuniti sosial, projek bekalan air terawat, naik taraf jalan, bantuan rumah Orang Asli di Kampung Orang Asli Kudung, Kampung Orang Asli Seri Tembayan, Kampung Orang Asli Tamok, Kampung Orang Asli Lenek dan Kampung Orang Asli Kemidak serta Kampung Orang Asli Selai. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Ya, saya jemput Bekok.

**YB Tuan Tan Chong (Bekok) :** Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan soalan tambahan saya. Untuk program Kampung Orang Asli Sejahtera yang YB EXCO nyatakan dalam jawapan tadi, apakah jaminan untuk kerajaan memastikan dia akan berjaya dan adakah program ini akan diteruskan di tahun akan datang? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Terima kasih Yang Berhormat Bekok, Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan kepastian untuk kejayaan Kampung Orang Asli Sejahtera ini ia suatu perkara yang subjektif. Namun, bagi pihak Jawatankuasa ini dan JKOA, ia boleh dipastikan dengan penglibatan

pelbagai jabatan dan agensi yang dilibatkan dalam program Orang Asli Sejahtera ini. Sebagai contoh, Kampung Orang Asli Puting Segamat yang menjalankan ataupun ditetapkan untuk Program Orang Asli Sejahtera Tahun 2023 ini telah melibatkan jabatan seperti Pejabat Daerah Segamat, Majlis Perbandaran Segamat, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, Jabatan Perikanan Negeri Johor, UiTM Segamat, PPD Segamat, Jabatan Penerangan serta pimpinan masyarakat. Jadi, dengan penglibatan jabatan dan agensi ini saya percaya semua pihak akan main peranan dan terlibat sama untuk memastikan kejayaan Kampung Orang Asli Sejahtera ini. Dan berkenaan, adakah program ini akan diteruskan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk Kampung Orang Asli Sejahtera untuk tahun 2024, dan kita akan mengumumkan kampung dan daerah terlibat dalam masa terdekat. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Saya jemput Panti.

**YB Tuan Haji Hahasrin Bin Hashim (Panti)** :vBismillahirrahmanirrahim.Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan bagi soalan tadi.

Yang pertama saya nak ucapkan, nak merakamkan terima kasih kepada kerajaan kerana di dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan bahawa tambahan RM300.00 untuk 46 Batin di seluruh negeri Johor.

Yang kedua di tempat saya Yang Berhormat Datuk Speaker, kemudahan-kemudahan ada beberapa kampung Orang Asli, kemudahan contohnya akses kepada kesihatan, akses kepada capai Internet dan telekomunikasi masih berada di tahap yang maksudnya kalau macam di kampung Orang Asli Sayung Pinang tu, paling dekat adalah Klinik Kesihatan Bandar Tenggara, memerlukan mereka keluar jauh dan sebagainya. Dan kemudahan capaian Internet pun kurang dalam keadaan kita sekarang ni kos sara hidup yang tinggi, mungkinlah kalau yang capaian Internet tu baik, mereka dapat membuat sesuatu.

Soalan saya adakah kerajaan negeri ataupun mungkin persekutuan ada mempunyai perancangan untuk memastikan perkampung Orang Asli, bukan sahaja di tempat di DUN Panti mungkin di seluruh negeri Johor, kemudahan ataupun akses kepada perkara-perkara penting ini dapat dijalankan ataupun dipastikan bahawa berkeadaan baik dan mungkin akses dia lebih mudah, agar memastikan membantu untuk kita mencapai Johor Maju pada tahun 2030. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Panti. Untuk makluman Yang Berhormat Panti, sewaktu lawatan kami ke kampung Orang Asli dalam kawasan Panti, memang perkara tersebut telah dibangkitkan. Dan insya-Allah berkenaan dengan capaian Internet, kami akan berbincang dengan Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi untuk membincangkan pembangunan dari sudut infrastruktur ini ataupun capaian Internet ini. Ia bukan sahaja untuk Panti, malah saya fikir banyak lagi kampung-kampung Orang Asli yang perlukan penelitian dan perhatian terutama dalam capaian Internet, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Ya jemput Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bagi pembangunan, saya ingin tanya berkenaan dengan pembangunan di kawasan ataupun kampung-kampung Orang Asli terutama kemudahan infrastruktur. Sebab kebanyakan kampung-kampung Orang Asli ini terletak di kawasan pedalaman.

Jadi yang pertama, infrastruktur lalu lintas. Yang kedua, banyak lagi kampung-kampung Orang Asli terutama di negeri Johor yang masih belum ada bekalan air bersih atau air terawat, yang mereka masih menggunakan air bawah tanah atau air hujan.

Jadi soalan dari Tangkak adalah apakah inisiatif ataupun bantuan ataupun peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan bagi memastikan kesemua kampung-kampung Orang Asli terutama di negeri Johor ini sekurang-kurangnya mendapat air, bekalan air bersih atau bekalan air terawat. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sangat berterima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang prihatin tentang pembangunan masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Ahli Dewan, bahawa ada 60 kampung Orang Asli di seluruh negeri Johor. Dan untuk program... untuk 60 pembangunan kampung Orang Asli di seluruh negeri Johor ini, untuk tahun 2024, saya maklumkan sahaja, peruntukan yang dicadangkan kepada JAKOA Negeri Johor untuk tahun 2024 adalah berjumlah RM6,732,028.00. Dan daripada jumlah itu, ia melibatkan projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli seperti yang dimaklumkan... dibangkitkan oleh Tangkak iaitu berjumlah RM700,000.00. Kemudian untuk menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara jalan di kampung Orang Asli sebanyak RM1.2 juta.

Jadi saya akan melihat, kami akan melihat keperluan-keperluan ini sama ada ianya wajar dilaksanakan di kampung-kampung yang berkaitan. Saya sebutkan tadi ada 60 kampung Orang Asli yang perlukan pemerhatian dan saya akan ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangkak. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat kita mengalu-alukan pemerhati ke Persidangan kali ini iaitu seramai 31 orang daripada Pemuda MCA. Ada? Ini penyokong kuat YB Yong Peng. Yang kedua 50 orang pelajar-pelajar sains politik UKM. 9 orang daripada Pejabat ADUN Pekan Nanas. 7 orang daripada Pejabat ADUN Johor Lama. (Dewan bertepuk). Terima kasih, selamat datang. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah Binti Ismail (Pasir Raja)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Apa persediaan sekolah-sekolah yang terkesan akibat banjir di negeri Johor dalam mendepani bencana banjir Monsun Timur Laut yang dijangka hujung tahun ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan persediaan murid, guru dan sekolah dalam menghadapi suasana bencana banjir dalam keadaan baik agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

Bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan termasuk di kawasan DUN Pasir Raja, beberapa persediaan telah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor itu sendiri. Terutamanya sesi libat urus, penyelarasan, persediaan menghadapi banjir, JPN Johor bersama dengan PPD pada 27 September 2023 antara fokusnya berkaitan bagaimana penyaluran maklumat keberadaan murid yang terkesan dengan banjir dan pemindahan buku teks ke tempat yang selamat daripada banjir.

Seterusnya sesi libat urus persediaan menghadapi bencana banjir bersama sekolah pada 1 Oktober 2023 hingga 5 Oktober 2023. Penyaluran maklumat keberadaan murid yang terkesan banjir dan pemindahan buku teks ke tempat yang selamat daripada banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pengetua dan Guru Besar juga telah dijemput menghadiri taklimat peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pusat Pemindahan Sementara Banjir (PPS) Sekolah kepada guru-guru dan komuniti setempat di negeri Johor pada 30 Oktober 2023 bertempat di Johor Bahru dan Kluang serta 5 November 2023 bertempat di Kota Tinggi. Taklimat tersebut dikelolakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

Pengurusan pengendalian dan keselamatan adalah berpandukan kepada Pekeliling Persediaan Menghadapi Banjir yang mengancam perjalanan peperiksaan yang dikenali sebagai Operasi Payung Bilangan 1/2021 yang telah dikeluarkan oleh Pengarah Peperiksaan bagi memastikan keselamatan kertas peperiksaan, calon peperiksaan, petugas dan skrip jawatan calon.

Jadi untuk hadirin hadirat sekalian yang berada di Dewan yang Mulia ini, sama-sama kita semua berdoa agar negeri Johor yang kita cintai ini dijauhkan dari segala bencana dan moga Allah mengangkat doa-doa kita semua. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput YB Pemanis. Ooo sebab Pemanis bangun dulu.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita menghargai sebenarnya jasa daripada pihak sekolah untuk membantu terutamanya menyediakan pusat-pusat pemindahan sementara di kawasan-kawasan sekolah terutamanya dalam negeri Johor.

Cuma saya ingin bertanya kepada YB Johor Lama tentang pusat pemindahan bukan tetap, tapi bukan sementara, tapi yang tetap, yang katanya di negeri Johor ini yang pertama akan diadakan di Parit Sulong. Bilakah pelaksanaan pusat pemindahan tetap ini akan dapat dilaksanakan? Kalau dapat dilaksanakan ini nanti, saya yakin ia akan menjadi pusat pemindahan yang dapat membantu terutamanya memindahkan lebih ramai lagi mangsa-mangsa banjir yang berada di dalam kawasan tersebut. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Terima kasih Yang Berhormat DUN Pemanis atas soalan tambahan itu tadi. Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk kepada soalan tadi, ingin saya memaklumkan bilangan sekolah PPS yang berada di negeri Johor, kalau boleh saya sebutkan satu persatu untuk di negeri Johor, berada di negeri Johor – PPD Johor Bahru bilangannya 4; PPD Pasir Gudang, 2; PPD Segamat, 25; Pontian, 6; Batu Pahat, 73; Tangkak, 15; Kulai, 5; Mersing, 7; Muar, 16; Kota Tinggi, 12; Kluang, 22. Jadi jumlah bilangan PPS yang berada di negeri Johor adalah sebanyak 187, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Namun atas soalan tambahan tadi, kita faham dan jelas PPS yang berada di negeri Johor ini sebenarnya tidak mencukupi. Atas masalah itu kita telah pun berbincang... apa berkaitan dengan masalah ini kepada PPD dan JPN juga, insya-Allah masalah-masalah ini akan kita selesaikan. Dan itu juga termasuk di dalam mesyuarat yang telah kita buat sebelum banjir, semasa banjir dan pasca banjir itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Sila Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah Binti Ismail (Pasir Raja)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih di atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO.

Soalan saya adalah apabila berlakunya banjir dan mangsa-mangsa banjir ditempatkan di sekolah-sekolah yang telah terpilih. Tetapi bila masalah penempatan ini berlaku, terdapat peralatan-peralatan di dalam sekolah yang rosak akibat digunakan mungkin oleh kerana terlalu banyak penggunaan di tempat tersebut. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah tersebut? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Terima kasih di atas soalan tambahan daripada DUN Pasir Raja. Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya kongsi mengikut data bilangan sekolah banjir rujukan data Monsun Timur Laut bulan Disember 2022 hingga Mac 2023, adalah sebanyak 56 buah sekolah di negeri Johor yang terlibat dalam operasi ini. Ingin juga saya kongsi untuk daerah Johor Bahru jumlah yang terkesan banjir 1, Segamat, 14; Pontian, 0; Batu Pahat, 23; Tangkak, 7; Kulai, 0; Mersing, 1; Muar, 7; Kota Tinggi, 2; dan Kluang, 1.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, itu jugaklah keluhan daripada pihak-pihak sekolah berkaitan dengan PPS-PPS yang telah digunakan. Kebanyakannya setelah habis musim banjir, kebanyakan sekolah-sekolah yang digunakan sebagai PPS banyak kerosakan yang berlaku. Hal ini telah kita bangkitkan dan kita telah merujuk kepada KPM dan insya-Allah penyaluran daripada segi bantuan juga akan diberikan dalam fokus menyelenggara keadaan sekolah yang terlibat dengan banjir untuk tahun ini. Sekian.

**YB Speaker :** Saya jemput YB Mahkota.

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah Binti Dato' Syed Zain (Mahkota) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Siapa berani kahwin empat, soalan Mahkota nombor empat.

Nyatakan jumlah Tabika Perpaduan di seluruh Johor dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid?

**YB Speaker :** Jawab dengan pantun Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan salam Bangsa Johor, salam Maju Johor. Terima kasih daripada soalan Mahkota. Pantunnya nanti saya jawab kemudian. Yang pertama, saya tak berani nak kahwin empat disebabkan kuota saya cuma satu. (Dewan ketawa). Terutamanya izinkan saya nak minta izin daripada Datuk Speaker untuk sekali lagi saya ucap selamat datang kepada 31 delegasi daripada Pemuda MCA Negeri Johor kerana Ketua Pemuda baru saja dipilih. Ini semua penyokong kuat saya. (Dewan bertepuk).

Negeri Johor merupakan negeri yang paling banyak menubuhkan kelas Tabika Perpaduan dengan jumlah sebanyak 206 kelas. Dengan kriteria penubuhan kelas Tabika Perpaduan hendaklah dalam kawasan Rukun Tetangga. Semestinya kriteria pengambilan kanak-kanak adalah berbilang kaum. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kelas Tabika Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Negara telah mengubah Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan Tahun 2021 hingga 2030.

Melalui pelaksanaan pelan ini kanak-kanak Tabika Perpaduan bukan sahaja diasuh untuk memahami kepelbagaian budaya, kaum dan adat resam masyarakat Malaysia, malah segala aspek kemenjadian murid turut menjadi perkara penting bagi memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara serta mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Bagi merealisasikan pelan ini, sebanyak 13 aktiviti dilaksanakan di semua kelas Tabika Perpaduan di seluruh negara termasuk negeri Johor dan 13 aktiviti ini ada dalam senarai jawapan bertulis, saya tidak sebut satu-persatu. Dan juga sebagai maklumat tambahan kepada DUN Mahkota, terdapat 29 kelas Tabika Perpaduan dalam daerah Kluang dan di antaranya ada 9 yang terletak dalam kawasan DUN Mahkota. Dan saya juga ambil kesempatan ini juga ingin nak buat sedikit hebahan dan juga promosi bagi Tabika Perpaduan supaya mengalu-alukan Bangsa Johor untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar dalam Tabika Perpaduan kerana kita menawarkan perkhidmatan secara, kita bagi apa ini uniform secara percuma, buku teks secara percuma dan juga kita bagi makan pun secara percuma. Dan ibu bapa cuma memberi sumbangan sebanyak RM20.00 setiap bulan. Dan akhir kata, saya ingin nak membalas, mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun, untuk membalas kepada DUN Mahkota. Jelapang padi di tepi rumah, bunga selasih tumbuh di sana, banyak perpaduan banyaklah hikmah, modul Tabika Perpaduan ukhuwah terbina. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Saya jemput, Yang Berhormat Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 5.

Keperluan rumah PPR dan Rumah Mampu Milik Johor amat tinggi di DUN Tiram, apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengenal pasti kawasan yang boleh dibangunkan perumahan PPR dan RMMJ ini kepada golongan berpendapatan rendah di dalam DUN Tiram?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat pagi, salam Maju Johor. Soalan YB Tiram berbunyi keperluan rumah PPR dan Rumah Mampu Milik Johor amat tinggi di DUN Tiram, apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengenal pasti kawasan yang boleh dibangunkan perumahan PPR dan RMMJ untuk golongan berpendapatan rendah di dalam DUN Tiram?

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri sentiasa menambah kawasan baru untuk pembangunan perumahan Rumah Mampu Milik dari semasa ke semasa. Berdasarkan rekod semasa untuk Tiram mempunyai 4,150 unit. Berikut merupakan projek yang melibatkan kawasan DUN Tiram iaitu terdapat 6 projek perumahan yang akan siap dibina sehingga 2026, sebanyak 4,150. Antaranya di kawasan Taman Tanjung Puteri Resort sebanyak 227 unit, Bandar Tiram Fasa Tiga sebanyak 138 unit, Kampung Ulu Tiram, 201 unit, Taman Bestari Perdana, 708 unit, Bandar Layangkasa, 2,876 unit.

Manakala bagi PPR pula, PPR Tiram dengan kos RM130 juta sedang dibina dan telah mencapai peratusan siap melebihi 95% dengan jumlah 700 unit. Pasti bakal memberi manfaat kepada penduduk di DUN Tiram khususnya daerah Johor Bahru amnya. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan tersebut. Disentuh juga tentang PPR Tiram sebentar tadi. Jadi kalau boleh Yang Berhormat EXCO kongsi dengan saya dan dalam Dewan ini apakah status apa ini, kalau boleh dikongsi jangkaan masa untuk penawaran PPR Tiram ini dan juga jangkaan CCC PPR Tiram ini akan selesai?



Selain itu, kalau boleh juga dikongsi kalau ada maklumat yang boleh dikongsi dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana pula dengan penawaran rumah sewa kerajaan dalam kawasan DUN Tiram? Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Untuk makluman Yang Berhormat DUN Tiram, projek di PPR Ulu Tiram ini adalah projek sakit, eh. Sepatutnya tarikh asal siap tahun 2021, sekarang dah 2023, maknanya dah tertangguh lebih 2 tahun. Ia disebabkan beberapa isu di peringkat teknikal dan *funding*.

Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini untuk kemajuan fizikal melebihi 95%, baki kerja yang masih belum disiapkan oleh pemaju ini ialah termasuk juga pelebaran jalan, pemasangan elektrik, pemasangan pemeriksaan untuk STP, kerja perujian M&E dan untuk di peringkat senarai borang G1 sehingga G21 untuk mendapatkan CCC masih belum diproses.

Untuk makluman Yang Berhormat, bila projek ini dikategorikan projek sakit, tempoh 6 EOT telah diberikan oleh pemaju berkenaan dan bulan ini telah bermula denda LED. Bila projek-projek sakit ini di peringkat kerajaan persekutuan. Ha ini, PPR ini di bawah kerajaan persekutuan punya bajet atau dipanggil di bawah KPKT. Bila kita beri EOT atau dipanggil lanjutan masa, dia akan ada tempoh-tempoh tertentu. Dan tempoh EOT yang terakhir adalah EOT 6, maknanya tempoh kerajaan beri telah tamat. Dan ketika ini, pemaju berkenaan berhadapan dengan denda RM23,000.00 sahaja. Maknanya, kalau lewat sehari dia kena bayar RM23,000.00. Projek ini RM130 juta. Kalau dia lewat sebanyak 60 hari, maknanya 60 hari kali dengan RM23,000.00 dan KPKT tidak akan bayar *charge* LED ini. Dan secara kesimpulannya, insya-Allah projek ini dijangkakan akan siap pada Q2 bulan April 2024. Terima kasih.

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya nak bertanyalah, untuk kita membuat Rumah Mampu Milik ada tak perancangan-perancangan dahulu Majlis Pecah Tanah di kawasan Tebrau dan Pasir Gudang. Jadi kita tahu, bahawa adanya Majlis Pecah Tanah ini bermakna projek tersebut akan bermula. Dan kita tahu jangkaannya bila akan rumah itu akan disiapkan. Itu sahaja. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Ah.. Bila sebut Pelancaran Projek Pecah Tanah Rumah Mampu Milik, saya ingat dalam rekod saya lebih daripada 15 projek yang buat pecah tanah semua terbengkalai.

Jadi isunya di peringkat kerajaan hari ini, kita selain kita memaklumkan bahawa projek itu akan dilaksanakan, perkara yang paling penting ialah kita ada satu jawatankuasa yang dipanggil PDRC yang baru dikuatkuasakan tahun lepas. PDRC ini adalah dengan izin, *Plan Design Review Committee* di mana kita berjumpa dengan pemaju perumahan ini, kita berbincang di dalam PDRC ini. Jawatankuasa PDRC ini terdiri daripada CEO PKPJ, Pejabat Dato' PTG, Pejabat Tanah, PlanMalaysia, lepas itu agensi-agensi negeri dan juga persekutuan termasuk juga PBT-PBT.

Dalam PDRC *Taskforce* ini kita panggil pemaju yang berhutang Rumah Mampu Milik dengan kerajaan negeri yang berhutang eh, untuk makluman Yang Berhormat mungkin boleh saya kongsi sedikit tentang Dasar Perumahan Johor ini.

Dasar Perumahan Johor seperti semua YB maklum bahawa adalah 60:40. Maknanya, bila pemaju hantar satu-satu projek perumahan, 60% pulang kepada pemaju untuk membuat rumah pasaran bebas. Dia nak jual RM400,000.00, RM600,000.00, RM1 juta, terpulung pada dia 60%. Tetapi, baki 60%, kerajaan negeri mewajibkan membuat Rumah Mampu Milik

ini RM300,000.00 dan ke bawah. RM300,000.00, RM200,000.00, RM150,000.00, RM100,000.00 dan RM50,000.00. Dia ada kategori A, B dan C dan D.

Jadi, dalam PDRC itu, kita panggil pemaju ini, kita ikat melalui *time frame*. *Time frame* maksudnya tempoh masa bilakah projek ini akan disiapkan. Contohnya, KM dia bila akan *submit* SBKS. Lepas itu, Majlis untuk kebenaran Kebenaran Merancang bila. Kita ikat *time frame* tu. Dulu di peringkat pemaju-pemaju ini kita tak ikat dia dari segi tempoh masa, tetapi sekarang ini kerajaan mewajibkan semua pemaju-pemaju mengikut tempoh masa.

Sebab itu, untuk makluman Yang Berhormat seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, bahawa sasaran kerajaan Johor pada tahun 2022 sehingga 2025 selama tempoh 5 tahun, kita akan membina Rumah Mampu Milik yang harganya RM30,000.00 dan ke bawah sebanyak 30,000 unit. Ini bukan setakat angka, tetapi kita kenal pasti setiap tempat-tempat dan kita tahu *time frame* atau tempoh masa yang mereka patut siapkan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ok, terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri Bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

TVET dilihat penting untuk memastikan kelangsungan pembangunan tenaga kerja berkaitan vokasional dan teknikal di era Revolusi Industri 4.0. Dalam hal ini, apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memastikan peluang pekerjaan graduan ini dapat dimanfaatkan oleh industri tempatan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Jeram menanyakan, mengemukakan soalan yang cukup baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menjawab soalan Simpang Jeram dengan soalan TVET dilihat penting bagi memastikan kelangsungan pembangunan tenaga kerja yang berkaitan vokasional dan teknikal di era Revolusi Industri 4.0, dengan izin. Dalam hal ini, apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memastikan peluang pekerjaan graduan ini dapat dimanfaatkan oleh industri tempatan.

Kebetulan hari ini ada ramai pelajar-pelajar daripada UKM dengan soalan yang cukup baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Simpang Jeram dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di Johor kita mempunyai Hub Skill Johor, merupakan insentif awal iaitu daripada awam dan swasta di mana objektif pembangunan hab ini adalah bagi menjalankan program *upskilling* dan *reskilling* bagi memacu industri dengan menumpukan kepada 6 sektor ekonomi di negeri Johor. Insentif ini dijalankan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan TVET di negeri Johor yang dilancarkan pada tahun 2016.

Berpandukan kepada Pelan Pembangunan TVET Yang Berhormat, TVET Negeri Johor dan Hab ini mampu untuk menyediakan peluang latihan khusus kepada hampir 6,000 pelatih dalam satu masa. Peranan kerajaan negeri juga penting bagi memastikan penghasilan tenaga kerja mahir dan terlatih bagi memenuhi permintaan industri di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat antara usaha-usaha kerajaan negeri Johor menerusi Unit Strategik Modal Insan Johor lebih dikenali sebagai SMI dalam memastikan peluang pekerjaan graduan ini dapat dimanfaatkan oleh industri tempatan

dengan menganjurkan beberapa siri program gerak kerjaya Johor, sebagai maklumat tambahan Yang Berhormat, program kerjasama dengan pelbagai agensi antaranya PERKESO yang merupakan platform setempat bagi orang ramai, khususnya Bangsa Johor mendapat informasi dan membantu dalam pencarian pekerjaan dalam pelbagai sektor sekaligus membantu majikan mendapat tenaga kerja yang lebih mudah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Simpang Jeram, kemuncak Program Mega Gerak Kerjaya, *My Future Job* Johor 2023 telah berlangsung pada 15 dan 16 Julai 2023 yang lalu di Stadium Tertutup Arena Larkin, Johor Bahru. Sebanyak 2,034 peluang pekerjaan dibuka dengan tawaran gaji sehingga RM14,000.00 dan melalui rekod awal kami, pada 16 Julai 2023 yang lalu, jumlah pemohon yang diterima adalah sebanyak 5,727, manakala 3,764 pemohon telah ditemu duga. Jumlah ini sangat memberangsangkan dan lebih jangkauan Yang Berhormat. Daripada pada jumlah jawatan kosong yang ditawarkan itu, seramai 220 orang pencari kerja telah diterima bekerja *on the spot* dengan izin, di hari program kerjaya tersebut oleh majikan yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti minyak dan gas, perkhidmatan, pendidikan, pembuatan, pembinaan, perhotelan, perladangan, pertanian dan banyak lagi. Manakala sejumlah 1,889 pencari kerja menerima tawaran panggilan temu duga kali kedua. Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah pun dikunjungi seramai 7,976 pengunjung dan orang awam daripada sekitar negeri Johor dan negeri-negeri yang berhampiran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya pasti Yang Berhormat juga mungkin tertanya-tanya siapa yang menawarkan pekerjaan dan pekerjaan apa yang ditawarkan. Menjawab soalan Yang Berhormat dan merujuk kepada persoalan-persoalan Yang Berhormat berkaitan dengan kepentingan TVET dan adakah industri tempatan memanfaatkan peluang pekerjaan tersedia, jawapannya semestinya ya Yang Berhormat. Kenapa saya katakan sedemikian? Kerana menerusi Program Mega Gerak Kerjaya tadi, berjaya menarik penyertaan lebih dari 33 buah majikan yang merupakan industri utama memberikan peluang pekerjaan kepada para pencari kerja khususnya telah memberikan kerjasama yang baik, seterusnya menjayakan agenda Johor. Antaranya majikan yang telah mengambil bahagian adalah *Malaysian Marine and Heavy Engineering, Johor Plantation Berhad, KPJ Johor Specialist Hospital, Pos Malaysia* dan *Malaysia Automotive Property* dan IOT Institut dan banyak lagi syarikat-syarikat daripada pelbagai sektor serta industri di Malaysia.

Lebih 70% pekerjaan yang ditawarkan sememangnya berkaitan dengan TVET. Itu adalah acara kemuncak Mega Gerak Kerjaya, *My Future Job*, tetapi suka untuk saya kongsi kepada Yang Berhormat Simpang Jeram dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor menerusi SMI turut mengadakan 7 lagi program yang sama sepanjang tahun 2023, termasuklah *Program Outreach* kita akan bergerak sampai ke bawah Yang Berhormat. Gerak Kerjaya Johor yang menyaksikan keseluruhan jumlah majikan terlibat, termasuk dengan Program-Program Mega Gerak Kerjaya sebagaimana saya nyatakan di awal tadi adalah sebanyak 117 dengan 11,587 tawaran kerja, pekerjaan ditawarkan. Daripada jumlah itu, seramai 10,916 orang ditemu duga dan 3,659 ditawarkan peluang temu duga kedua. Daripada semua lapan-lapan Program Gerak Kerjaya Johor ini seramai 772 orang mendapat tawaran terus pekerjaan. Terima kasih Yang Berhormat dengan soalan itu. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ha, er.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa)** : Puteri Wangsa, Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Puteri Wangsa, minta maaf. Sila.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan sebentar tadi. Pertamanya, saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor atas usaha untuk membuat *Johor Insight*, di mana saya jangkakan bahawa *Johor Insight* ini akan menggunakan satu program *bid* data dengan membuat *forecast* industri-industri yang akan datang ke Johor dan pada masa akan datang.

Soalan saya, sekiranya menerusi *Johor Insight* ini, Kerajaan Negeri Johor ada perancangan untuk menjalankan kerjasama bersama dengan IPTA dan IPTS terutama sekali dalam negeri Johor supaya *forecast* yang dibuat akan dapat disepadankan dengan peluang pendidikan dalam negeri Johor kerana kita tidak mahu lagi ada isu di mana pelajar-pelajar sambung pendidikan tinggi namun pekerjaan itu menjadi dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker *obsolete*, pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Terima kasih dengan soalan Puteri Wangsa, soalan yang cukup bagus dan saya rasa, saya akan berkongsi sedikit pada Yang Berhormat. Beberapa siri yang telah saya berjumpa dengan pasukan kami dan untuk makluman Yang Berhormat Puteri Wangsa dan semua Ahli Dewan yang mulia ini, SMI telah pun mewujudkan satu *team* pemandu, yang mana kerjasama di semua agensi pemberi peluang pekerjaan dan juga suka saya ingatkan kepada Yang Berhormat, insya-Allah pada tahun hadapan dari segi gerak kerja kami mungkin berbeza daripada hari ini.

Dan saya pun telah meminta kepada agensi-agensi di bawah saya khususnya kepada yang meng *offer* dengan izin, peluang pekerjaan ini agar disekalikan bersama dengan unit kami SMI untuk gerak terus, apabila kita tahu sesuatu universiti itu akan mengadakan *convo* kita akan terus buka *booth* dan apa peluang pekerjaan mereka inginkan selepas tamat mereka mengambil *graduate* so sebab itulah saya minta Strategik Modal Insan PERKESO untuk duduk bersama dan semua 49, lebih daripada 49 agensi yang menawarkan tawaran kerja ini untuk kita akan turun ke *out reach*, ke akar umbi dan seterusnya ke universiti-universiti dalam program-program konvokesyen dan kita akan terus buka jika diizinkan, membuka ruangan pameran, *booth* untuk menawarkan pekerjaan setelah mereka *graduate*, insya-Allah, Yang Berhormat. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput, Yang Berhormat Penawar.

**YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan oleh kerajaan kepada penerima bantuan JKM OKU dan lain-lain bagi meringankan beban perbelanjaan mereka dan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan jumlah bantuan tersebut?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Penawar. Soalan yang diberikan kepada saya adalah berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan oleh kerajaan kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU dan lain-lain dalam meringankan beban perbelanjaan mereka dan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan jumlah bantuan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat prihatin dengan senario ekonomi pada hari ini yang berada dalam keadaan mencabar dan tidak menentu. Justeru, JKM komited dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua kumpulan sasar, jabatan yang

memerlukan. Sebagai kerajaan negeri yang prihatin pada tahun 2021, kadar bantuan am telah dinaikkan daripada RM200.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada kenaikan bantuan am tersebut, kajian semula berkaitan kadar bantuan kewangan persekutuan juga telah dilaksanakan melalui Januari 2021. Kadar bantuan kewangan bulanan JKM telah dinaikkan mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 19 Tahun 2022. Dan kenaikan baru bantuan kewangan persekutuan bagi bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua atau sekarang dikenali dengan bantuan warga emas, elaun pekerja cacat, elaun bantuan OKU tidak berupaya bekerja dan bantuan penjagaan OKU terlantar, pesakit kronik terlantar adalah seperti berikut:-

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya sebutkan jumlah-jumlah bantuan tersebut.

1. Elaun pekerja cacat kini dikenali sebagai elaun pekerja OKU daripada RM400.00 kepada RM450.00 sebulan dengan had kelayakan pendapatan RM1,500.00 sebulan berbanding sebelum ini RM1,200.00 sebulan.
2. Bantuan kanak-kanak, bantuan maksimum dinaikkan dari RM450.00 sebulan kepada RM1,000.00 sebulan bergantung kepada jumlah kanak-kanak di bawah usia 18 tahun, 6 tahun ke bawah ditetapkan RM200.00 sebulan manakala 6 hingga 18 tahun ditetapkan RM150.00 sebulan.
3. Bantuan orang tua atau dikenali sekarang dengan bantuan warga emas dinaikkan dari RM350.00 sebulan kepada RM500.00 sebulan.
4. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja dinaikkan dari RM250.00 kepada RM300.00 sebulan.
5. Bantuan penjagaan OKU terlantar, pesakit kronik terlantar dinaikkan dari RM350.00 kepada RM500.00 sebulan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Kebajikan Masyarakat turut mengkaji dan menyelaraskan kembali penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu kenaikan daripada RM960.00 kepada RM1,160.00 untuk pendapatan isi rumah. Manakala untuk pendapatan per kapita telah dinaikkan dari RM224.00 kepada RM320.00. Kadar kenaikan ini dilaksanakan menerusi Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 11 Tahun 2021 dan penggunaan pendapatan Garis Kemiskinan Makanan 2019. Sebagai syarat permohonan bantuan kewangan persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, kenaikan ini adalah bertujuan membantu kumpulan sasaran yang berkelayakan menerima bantuan skim yang bersesuaian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu juga JKM juga menawarkan geran pelancaran kepada golongan OKU yang berminat untuk menjalankan perniagaan, berkemahiran dan berpotensi untuk menjana pendapatan individu dan keluarga. Kadar geran akan diberi sekali gus kepada individu sehingga RM2,700.00 bagi menggalakkan dan membantu klien mencapai matlamat ke arah hidup berdikari tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput, Yang Berhormat Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Berapakah jumlah guru-guru agama di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor dan Pusat Islam Johor yang berstatus kontrak dan adakah kerajaan bercadang untuk menyerap guru-guru berkenaan kepada perjawatan tetap dan berpencen?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Yang Berhormat Datuk Speaker, ada dua soalan yang sama.

**YB Speaker :** Minta maaf, saya jemput Yang Berhormat Kukup.

**YB Dato' Jefridin bin Atan (Kukup) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 9.

Sebagai rakyat Bangsa Johor kita berbangga dengan sistem Sekolah Agama Negeri. Namun demikian, apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan kemudahan di kebanyakan sekolah agama yang begitu usang dan tidak diselenggara dengan baik serta masalah kekurangan guru agama di sekolah agama negeri.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terima dua soalan dari Yang Berhormat Kukup dan Yang Berhormat Maharani. Saya mohon izin untuk menjawab bersekali. Soalan yang pertama dari ADUN Kukup adalah mengenai usaha kerajaan untuk meningkatkan kemudahan di sekolah-sekolah agama.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor begitu prihatin berkenaan penyelenggaraan sekolah agama kerana sekolah yang cemerlang akan melahirkan generasi yang terbilang. Permohonan bagi penyelenggaraan setiap tahun adalah tidak kurang daripada 150 sehingga 200 permohonan daripada keseluruhan sekolah agama yang berjumlah 583. Setiap permohonan ini akan dinilai mengikut kategori kritikal dan tidak kritikal. Bagi kategori kritikal melibatkan pendawaian, bumbung dan tandas setakat ini sebanyak 150 buah sekolah agama telah dikategorikan sebagai kritikal dan perlu dibaik pulih segera.

Pada tahun ini sebanyak 50 buah sekolah agama dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3 juta bagi maksud baik pulih sekolah telah dijalankan. Baki 100 buah sekolah yang belum dibaik pulih akan dilaksana pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM12 juta, kenaikan 3 kali ganda. Kerjasama kerajaan negeri dengan pelbagai agensi seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor, PIJ dan lain-lain. Kerajaan negeri melalui Bahagian Pendidikan Islam telah memajukan permohonan baik pulih kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sebanyak RM15.8 juta, di mana RM9.8 juta bagi baik pulih 64 buah sekolah agama dan RM6 juta bagi baik pulih 51 buah sekolah agama swasta. Buat masa ini, permohonan sedang dalam perhatian dan tempoh kelulusan JAKIM.

Bagi maksud penggantian perabot sekolah agama yang usang, pada tahun ini kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta yang telah memberi manfaat kepada 158 buah sekolah yang melibatkan penggantian 9,370 buah perabot termasuk meja dan kerusi serta peralatan kerusi meja kantin. Pada tahun hadapan, peruntukan ini dinaikkan kepada RM3 juta. Dengan kenaikan tersebut, lebih banyak perabot sekolah yang usang dapat digantikan dengan yang baharu. Pada tahun ini juga, kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menjalankan pemantauan tandas terhadap 583 buah sekolah agama. Dan hasil pemantauan tersebut, sebanyak 3,800 kerosakan dilaporkan merangkumi kerosakan pam tandas, pintu, tandas tersumbat dan lain-lain yang melibatkan kos kecemasan RM500,000.00 kerja baik pulih telah dan sedang dilaksanakan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sebagai inisiatif bagi memastikan peruntukan baik pulih sekolah-sekolah agama ini dapat disalurkan menggunakan prosedur yang betul dan mengelakkan ketirisan dalam permohonan, kerajaan negeri untuk Bajet 2024 telah memperuntukkan RM64,000.00 bagi pembangunan sistem penyelarasan peruntukan baik pulih sekolah agama untuk dibangunkan. Ini bertujuan memudahkan mana-mana jabatan atau agensi luar untuk membuat semakan terhadap mana-mana sekolah yang membuat permohonan sebelum penyaluran bantuan diluluskan. Permohonan sistem ini dipanjangkan kepada masjid dan surau bagi tempoh yang sama.

Sebagai tambahan, bagi DUN Kukup setakat ini sebanyak 2 permohonan baik pulih sekolah agama telah diterima iaitu Sekolah Agama Penerok dan Sekolah Agama Belokok. Bagi isu perjawatan guru Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan kedua daripada ADUN Kukup dan ADUN Maharani mengenai masalah kekurangan guru dan penyerapan guru kontrak kepada tetap.

Untuk makluman Dewan yang Mulia, kerajaan negeri memandang serius akan kekosongan guru-guru yang dihadapi oleh sekolah-sekolah agama kerajaan Johor, terutama bagi isu penghijrahan ke Kementerian Pelajaran Malaysia yang menjadikan kekosongan guru sekolah agama semakin bertambah. Guru di sekolah agama kerajaan Johor seramai 2,348 orang yang telah diisi daripada 3,244 keseluruhannya dan dibantu oleh guru KAFA seramai 2,000 orang bagi mengajar di 583 buah sekolah dengan kapasiti murid seramai 198,375 orang. Kerajaan negeri sedar akan kekurangan guru di sekolah agama disebabkan oleh isu perpindahan guru, guru bersara dan guru meninggal dunia, jika tidak diatasi akan merencatkan pembelajaran murid-murid. Bagi mengatasi masalah ini, pengisian kekosongan jawatan perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi gred DG29 dan DG41 sentiasa dalam perhatian dan tindakan kerajaan Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kekosongan guru agama setakat ini adalah seramai 658 orang bagi gred DG29 dan 74 waran bagi gred DG41. Kerajaan Johor telah membuat permohonan kepada SUK Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk membuat lantikan Pegawai Perkhidmatan DG29 dan DG41 pada Disember 2022 yang lalu. Pada Januari 2023, Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah bermesyuarat dengan Bahagian BPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi membincangkan isu ini. Hasil mesyuarat tersebut dicadangkan untuk membuat lantikan secara tetap dan kontrak secara berperingkat bagi mengatasi masalah kekosongan guru. Cadangan lantikan guru kontrak dan waran tetap adalah disebabkan oleh kekangan kewangan. Dan oleh sebab itu, lantikan kontrak ini dicadangkan. Bahagian Pendidikan Islam telah memohon lantikan secara kontrak dan tetap sebanyak 631 waran bagi jawatan DG29 dan 57 waran bagi jawatan DG41. Tindakan seterusnya akan dibawa oleh pihak BPSM dan SPAJ. Suka saya maklumkan di sini bahawa kerajaan Johor akan melantik seramai 300 orang guru sekolah agama DG29 berstatus tetap dan akan diproses penempatannya pada tahun hadapan. Dan seramai 295 orang guru DG29 berstatus kontrak akan dilantik pada tahun hadapan.

Soalannya kenapa hanya 259 orang guru berstatus kontrak diluluskan berbanding dengan permohonan 331? Ini kerana kebanyakan permohonan tidak melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan. Antaranya tidak melepasi sesi temu duga di bawah SPAJ. Ini bakal mengisi 559 kekosongan. Bagi DG41 pula, proses temu duga dan penempatan akan dilaksanakan pada tahun hadapan untuk mengisi kekosongan 57 jumlah. Bagi guru-guru yang kontrak sekiranya terdapat kekosongan bagi waran tetap, guru-guru kontrak ini akan diberikan keutamaan dan pertimbangan untuk diserapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, semua guru yang berstatus kontrak ini adalah gred DB17 yang mengajar di sekolah agama kerajaan Johor dan guru gred S19 di tadika agama

Johor. Jumlah guru-guru agama gred DB17 seramai 36 orang yang bertugas di sekolah agama kerajaan Johor, guru tadika agama Johor gred S19 seramai 291 orang.

Lantikan guru agama gred DB17 adalah pada tahun 1994 hingga 2006 atas kelulusan MMK yang pada ketika itu memerlukan atas sebab kekurangan perjawatan guru. Pada ketika ini, guru-guru dilantik secara kontrak sementara, waran tetap tiada. Jadi dalam pengambilan guru DB17 kontrak, syaratnya tidak wajib mempunyai diploma pendidikan, cuma perlu ada sijil SPM. Jadi perancangan seterusnya mereka yang diambil dengan kelayakan SPM diberi kelebihan untuk sambung belajar di bawah tajaan Jabatan Agama Islam Johor di Maktab Temenggong Ibrahim. Tamat pengajian disyorkan untuk mohon guru DG29 di bawah SPAJ. Lantikan DB17 pada ketika itu dalam 200 orang lebih guru, bagi 36 orang ini didapati tidak mencukupi syarat pelantikannya. Bagi guru-guru agama gred DB17, mereka ini tidak dapat diserapkan ke status tetap disebabkan tidak memenuhi kelayakan syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun semua guru-guru ini telah mendapat gaji maksimum, manakala guru tadika agama Johor gred S19 mendapat kelulusan lantikan kontrak daripada SUKJ BPSM pada tahun 2019.

Bahagian Pendidikan Islam sememangnya mempunyai perancangan untuk melantik dan menambah baik lantikan Tadika Agama Johor kepada lantikan tetap. Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan *trade off* jawatan tetap yang sedia ada iaitu sebagaimana kehendak JPA. Kerajaan negeri sentiasa peka dengan masalah kekurangan guru dari semasa ke semasa dan insya-Allah akan sentiasa membuat penambahbaikan. Terima kasih.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) :** Mohon soalan tambahan.

**YB Speaker :** Ya, sila Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih di atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Berkaitan dengan guru-guru aliran agama, ada di antara guru-guru aliran agama ini yang memohon menjadi guru takmir di masjid dan juga di surau. Ada di antaranya yang telah pun memohon untuk temu duga hingga 2 ataupun 3 kali tetapi masih lagi tidak mendapat kelulusan untuk mengajar sebagai guru takmir di surau atau pun di masjid. Dan sedangkan mereka ini mempunyai kelayakan dan juga berkelulusan sama ada daripada Mesir, Jordan dan sebagainya yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor. Dan saya mencadangkan agar birokrasi ini dapat dikurangkan supaya permohonan mereka ini dapat diluluskan dengan segera bagi memenuhi keperluan guru-guru takmir di masjid dan surau. Apa cadangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama :** Terima kasih Yang Berhormat Maharani atas soalan tambahan. Isunya kenapa guru-guru sekolah agama sedia ada tak terus diberikan tauliah mengajar di masjid/surau?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sememangnya guru-guru sekolah agama tidak secara automatik boleh mengajar di masjid surau. Pertamaanya kelayakan guru-guru sekolah agama adalah untuk mengajar silibus di sekolah-sekolah agama semata-mata. Memperakui sebahagian daripada mereka mempunyai kelulusan yang baik daripada universiti-universiti awam mahu pun luar negara, namun di Johor ada kaedahnya Datuk Speaker. Semua yang ingin mengajar, ceramah agama dan sebagainya di masjid surau mahu pun di tempat-tempat awam di negeri Johor mesti ada tauliah. Seperti Yang Berhormat Maharani sebutkan sebahagian ini telah memohon 2, 3 tahun tapi masih belum ada jawapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya kira kita perlu memberikan keyakinan kepada agensi kerajaan terutamanya Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan juga Jabatan Mufti dalam mengelola dan juga mengendalikan urusan tauliah ini. Ada kriteria-kriteria yang perlu



dipenuhi dan sudah pasti Yang Berhormat Datuk Speaker, kelulusan semata-mata tidak menjamin mereka itu layak, kalau cara Johor. Semakan daripada badan-badan ber*authority* juga diperlukan. Ini juga menjadikan pertimbangan tambahan sebelum seorang penceramah atau guru agama boleh melebarkan keupayaan mengajarnya di semua masjid dan surau. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Maharani, saya mengambil maklum bahawa sebahagian *red tape* yang ada perlu disingkatkan. Dan sekarang-kurangnya semua pemohon ini perlu diberikan maklumat awal, kenapakah permohonan mereka masih belum berjawab? Ini saya ambil sebagai satu teguran yang baik.

Apa pun secara umumnya Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga kini untuk daerah Muar sahaja daripada 200 orang guru agama, 24 orang daripada mereka sekolah agama telah pun mendapat tauliah. Termasuk sebahagian daripada mereka yang layak akan dapat, tetapi mereka yang masih belum mendapat kelulusan, saya ambil perhatian dan saya akan semak dengan Jabatan, tetapi secara perjawabannya sebahagian mereka ini berkemungkinan memerlukan tambahan-tambahan semakan juga kelulusan tambahan yang perlu diperhalusi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ya jemput Kukup.

**YB Dato' Jefridin bin Atan (Kukup)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada jawapan yang diberi kepada Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan kemudahan dan juga kekurangan guru di sekolah-sekolah agama amat ketara sebenarnya. Dan juga didapati apabila kekurangan guru di sekolah agama ni, kebanyakan soal murid, pengurusan murid dan juga pengurusan kemudahan asas dilakukan oleh guru itu sendiri. Dengan keadaan kekurangan guru, ini juga akan lebih meruncingkan lagi pengurusan pihak sekolah agama. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk melantik anggota kumpulan pelaksana seperti kerani, pembantu am ataupun jaga sekolah di sekolah agama, setidak-tidaknya bagi membantu apa yang dibuat oleh guru-guru yang ada sekarang ini? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama** : Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Berkenaan dengan kekurangan tenaga perkeranian di sekolah agama Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya kerajaan Johor telah pun membuat penambahbaikan yang akan bermula pada tahun hadapan walaupun tidak kita ambil kerani sebagai perjawatan tambahan di sekolah-sekolah agama, tapi insya-Allah satu timbal guna tempoh pengajaran sekolah kebangsaan akan mula diterapkan di sekolah-sekolah agama kita dengan menambahkan waktu kehadiran guru-guru ke sekolah agama lebih awal.

Bermula tahun hadapan, guru-guru sekolah agama kita akan masuk sekolah lebih awal Yang Berhormat Datuk Speaker, berbanding pada ketika ini bermula jam 2.00 petang dan berakhir 6.30 petang. Bagi maksud menampung kekurangan perkeranian di sekolah-sekolah agama, guru-guru ini akan diminta hadir pada lebih awal bermula jam 12.30 pada tahun hadapan bagi maksud mereka menyempurnakan tugas-tugas perkeranian terlebih dahulu. Ini adalah pelan untuk menampung isu kekangan kewangan tapi dalam masa yang sama menimbal guna tempoh masa yang ada dan penambahan waktu kerja mereka ini Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya memberi kelebihan kepada guru-guru sekolah agama, apabila mereka dapat nanti menimbal guna kenaikan gred melalui gred guru-guru sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia apabila waktu bekerja mereka telah pun ditambah daripada 4 kepada 6 jam. Ini adalah kaedah yang kerajaan negeri usulkan bagi menampung kekurangan perkeranian, tapi dapat melakukan penjimatan di dalam masa yang sama mengurangkan isu perkeranian di sekolah-sekolah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Bentayan.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 10.

Berapakah jumlah Program Jualan Rahmah telah diadakan di setiap daerah negeri Johor setakat ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Jualan Rahmah merupakan salah satu program di bawah inisiatif payung rahmah yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Ia menawarkan diskaun harga ataupun subsidi antara 10% hingga 30% daripada harga tawaran peniaga vendor pasar raya yang dilantik bagi menyertai jualan tersebut. Mana-mana peruncit, pemilik pasar mini, kedai runcit, pasar raya yang berminat boleh menyertai Program Jualan Rahmah anjuran KPND memandangkan pelaksanaan jualan rahmah dalam premis di pasar mini, kedai runcit, pasar raya secara tidak langsung membantu meningkatkan jualan harian dan juga mempromosikan premis tersebut.

Dan setakat mulai 1 Februari 2023 hingga 15 November 2023, Program Rahmah telah pun dijalankan sebanyak 335 kali di negeri Johor dan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut: 100 kali bagi daerah Batu Pahat, 136 bagi Johor Bahru, 87 untuk Kluang, 96 untuk Kota Tinggi, 30 untuk Kulai, 29 untuk Tangkak, 25 untuk Mersing, 91 untuk Muar, 56 untuk Pontian dan 85 kali untuk daerah Segamat.

Dan pecahan mengikut modul yang telah pun dilaksanakan adalah seperti berikut: Jualan Rahmah dalam premis atau pun *indoor* sebanyak 391 kali. Jualan Rahmah luar premis *outdoor* sebanyak 19 kali. Manakala, Jualan Rahmah bergerak atau pun *mobile* adalah sebanyak 325 kali. Dan jumlah perbelanjaan kerajaan untuk menjalankan Program Jualan Rahmah di negeri Johor setakat ini adalah RM4,357,623.75 dan jumlah ketua isi rumah yang dijangka mendapat manfaat daripada Program Jualan Rahmah yang telah pun dianjurkan sepanjang masa ini adalah dianggarkan sebagai 850,000 ketua isi rumah. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan)** : Ya, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan YB EXCO atas jawapan yang diberi. Jadi setakat ini, berapakah jumlah nilai jualan keseluruhan untuk Jualan Rahmah ini? Dan ada satu cadangan untuk menambah baik sama ada boleh dipertimbangkan di manakah Jualan Rahmah bergerak atau mobile ini boleh ditetapkan jadual dia atau pun lokasinya supaya lebih memudahkan orang awam untuk membeli barang? Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Terima kasih Yang Berhormat Bentayan. Ya, Jualan Rahmah telah pun mendapat satu sambutan yang sangat-sangat baik daripada semua lapisan masyarakat. Dan Kementerian sedang dalam usaha untuk memperbaiki cara gerak kerja untuk tahun depan. Dan setakat ini memang kita menjalankan Jualan Rahmah sebanyak 2 hingga 3 kali untuk setiap kawasan Parlimen. Dan untuk tahun depan tertakluk kepada peruntukan kerajaan persekutuan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara untuk inisiatif Payung Rahmah dan antaranya RM150 juta akan digunakan untuk Jualan Rahmah.

Dan untuk tahun depan kita akan melalui pejabat daerah melalui Pejabat KPND daerah di setiap daerah untuk berbincang dengan Ahli-Ahli Parlimen atau pun ADUN-ADUN berkaitan dengan jadual melaksanakan Program Jualan Rahmah.

Dan untuk makluman juga, untuk melaksanakan Jualan Rahmah secara bergerak *mobile*, kos operasi kebiasaannya adalah RM500.00 untuk setiap *trip*. Manakala, subsidi yang diperuntukkan untuk setiap Parlimen untuk setiap bulan adalah RM50,000.00. Maka, untuk Jualan Rahmah dalam premis, kos promosi adalah RM1,000.00, manakala subsidi yang di kita bagikan kepada setiap peruncit adalah RM6,000.00 untuk setiap kali. Manakala, untuk jumlah jualan setakat ini kita belum ada satu angka untuk keseluruhan untuk tahun ini, tapi saya akan memberikan jawapan semasa penggulungan untuk sesi ini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat, Mengkibol nak tanya ke? Sila.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Jualan Rahmah terutamanya Jualan Rahmah bergerak dianjurkan mendapat sambutan baik dan 30 lebih item yang dapat diskaun ini, saya dapati ini juga banyak manfaat, kedai runcit atau *supermarket* yang berkolaborasi. Soalan saya adakah pihak kerajaan menentukan berapa subsidi atau pun nisbah diskaun yang juga perlu disumbang oleh pihak kolaborasi daripada pihak *supermarket*, kedai runcit. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, kerajaan tidak menentukan jumlah atau pun nisbah yang perlu di sumbang oleh pihak syarikat atau pun pihak peruncit yang terlibat dalam Jualan Rahmah tetapi sasaran kerajaan atau melalui KPDM adalah 10 hingga 30%. Maka, kita setiap kali akan bincang dengan rakan strategik kita, seperti Pasar Raya Maslee, NSK dan sebagainya supaya mereka menawarkan diskaun antara lingkungan 10 hingga 30%. Bagi siapa-siapa ataupun peruncit ataupun pasar raya yang dapat memberi kerjasama yang baik kepada pihak kementerian, maka kita akan memberi keutamaan untuk melaksanakan Jualan Rahmah di premis tersebut supaya kita dapat memanfaatkan seberapa banyak kepada Bangsa Johor. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Tiram nombor 11.

Apakah punca yang menyebabkan pengguna jalan raya marah dengan proses pembaikan jalan yang dilakukan di kawasan daerah Johor Bahru sehingga tular di dalam media sosial? Kebanyakan kes pembaikan jalan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang tidak masuk akal. Mohon penjelasan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera, Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, antara isu kesesakan yang viral baru-baru ini adalah khususnya di Lebuhraya Pasir Gudang. Lebuhraya Pasir Gudang ini merupakan jalan persekutuan. Faktor utama yang menyumbang kepada kesesakan tersebut ialah pertambahan bilangan kerja-kerja pembaikan.

Untuk makluman semua, pada tahun 2023, sebanyak 27 lokasi kerosakan menerima peruntukan daripada kerajaan pusat dan semua kerja-kerja pembaikan ini perlu dilakukan pada tahun ini juga. Sebagai perbandingan, pada tahun 2021, hanya 11 kerja diluluskan berbanding 34 kerja yang dimohon. Maafkan saya, 41 kerja pembaikan dipohon tetapi hanya 12 kerja sahaja diluluskan. Manakala, pada tahun 2022, hanya 11 kerja diluluskan berbanding 34 kerja yang dimohon.

Alhamdulillah, pada tahun ini, sebanyak 27 kerja yang dimohon, kesemuanya lulus. Ini adalah usaha bersepadu oleh Kerajaan Negeri Johor yang diketuai oleh Yang Amat

Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri yang sentiasa turun padang menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menyelesaikan isu kerosakan jalan raya khususnya di Pasir Gudang.

Komitmen ini dan kerjasama yang baik antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat telah mendatangkan hasil yang baik kepada kerajaan. Selain daripada 27 kerja yang diluluskan di kawasan Pasir Gudang terdapat 115 kerja lagi dilaksanakan di kawasan lain dalam Johor Bahru. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh JKR negeri sebanyak 19 kerja, Pihak Berkuasa Tempatan 63 kerja dan jalan persekutuan 33 kerja.

Selain faktor kerja yang banyak dilakukan, kaedah yang dilaksanakan juga turut menyumbang kepada kesesakan. Ini adalah kerana sebahagian besar kerja pembaikan yang dilakukan adalah menggunakan kaedah *Cold In-Place Recycling* (CIPR) yang mana kaedah ini memerlukan jalan dikorek, dibancuh dengan simen dan perlu dibiarkan terbuka selama 72 jam iaitu 3 hari. Hal ini yang selalu disalah faham oleh pengguna jalan raya apabila mereka fikir jalan tersebut dibiarkan tanpa pemantauan atau kerja terbengkalai.

Bagi mempercepatkan lagi tempoh kaedah ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, JKR telah memendekkan tempoh tersebut daripada 72 jam kepada 12 jam tetapi dengan syarat ketahanan bancuhan simen menepati syarat yang ditetapkan. Kerja-kerja CIPR ini melibatkan tempoh masa yang agak lama tetapi memberikan ketahanan yang lebih tinggi dan mengelakkan kerosakan daripada berulang.

Faktor lain yang menyumbang kepada kesesakan teruk tempoh hari ialah kebanyakan kerja-kerja ini dilakukan dalam tempoh masa yang singkat dan ini menyebabkan laluan-laluan alternatif juga menjadi sesak. Meskipun pihak-pihak berkuasa seperti PDRM dan Majlis Bandaraya Johor Bahru serta yang lain-lain turut membantu bagi menjaga, melancarkan aliran trafik, tetapi akibat terlalu banyak kereta jalan alternatif juga sesak dan tempoh kerja yang panjang dan berlaku secara serentak kesesakan tersebut tidak dapat dielakkan.

Ada juga sesetengah kesesakan disebabkan oleh kerja-kerja yang turut dilakukan di laluan alternatif dan kerja-kerja pembangunan yang melibatkan penutupan jalan seperti kerja-kerja *Rapid Transit System* (RTS). Ini kerana seperti yang saya nyatakan tadi pelbagai agensi yang melakukan pembaikan secara serentak dan ada diantaranya yang tidak berkomunikasi dengan sempurna.

Untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku lagi, satu jawatankuasa menangani kesesakan bandar Johor Bahru telah ditubuhkan dan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang sering berlaku kesesakan dan punca-punca kesesakan ini. Kami memantau semua punca, sama ada disebabkan bilangan kenderaan yang banyak, keadaan jalan yang sempit atau *bottleneck*, kerja-kerja pembangunan yang mengakibatkan jalan ditutup seperti kerja-kerja utiliti dan sebagainya. Kemalangan juga menyumbang kepada kesesakan ini selain koordinasi kerja-kerja ini dilakukan.

Jawatankuasa ini disertai oleh semua jabatan dan agensi yang berkaitan. Beberapa cadangan telah diteliti dan pihak jawatankuasa sentiasa terbuka menerima apa-apa jua cadangan daripada semua pihak. Jawatankuasa ini akan meneliti bukan sahaja lokasi kesesakan, kaedah menanganinya, pemantauan kerja-kerja pembaikan jalan atau kerja yang melibatkan penutupan jalan serta melihat kembali SOP-SOP yang berkaitan bagi tujuan penambahbaikan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jadi kalau boleh Yang Berhormat, buat selepas 12.00 malam tak boleh ke? Ya, jadi kuranglah sikit. Macam semalam saya tengok di Sevana Resort, saya nak ke sana tu, *jammed* teruk. Sedangkan saya kena naik pelamin untuk merenjis. Mujur bukan saya pengantin. Ok ada soalan tambahan? Jemput, Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan tersebut. Cuma tadi Yang Berhormat EXCO sentuh mungkin di Lebuh Raya Pasir Gudang, kerana soalan saya pun melibatkan kawasan daerah Johor Bahru. Cuma soalan ini saya bangkitkan kerana baru-baru ini berlaku kesesakan luar biasa. Maksud luar biasa itu, jalan daripada arah Kota Tinggi ke Johor Bahru. Melibatkan sehingga daripada Kota Tinggi ke Johor Bahru itu memakan masa sehingga 5 jam. Termasuklah kawasan-kawasan jalan alternatif yang mereka lalui dalam kawasan DUN Puteri Wangsa, Taman Puteri Wangsa yang turut menyumbang kepada kesesakan, yang mana dalam masa yang sama, saya dimaklumkan turut berlaku pembaikan yang dijalankan serentak.

Dan jawapan Yang Berhormat EXCO juga tadi memaklumkan, mungkin berlaku tiada komunikasi antara agensi-agensi yang menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut. Terima kasih juga saya baru dimaklumkan ada jawatankuasa yang telah diwujudkan. Jadi, saya mengharapkan agar apa jua hasil daripada mesyuarat yang diadakan oleh jawatankuasa tersebut dapat dimaklumkan kepada kami ADUN-ADUN dalam kawasan daerah Johor Bahru ini yang seramai 10 orang ini untuk kita tahu apa dapatan daripada hasil mesyuarat tersebut.

Soalan tambahan saya, mungkin ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk membina jalan raya bertingkat dalam kawasan sepanjang jalan daripada Kota Tinggi ke Johor Bahru. Kalau boleh difikirkan perancangannya kerana saya melihat apabila berlaku saja pembaikan jalan di kawasan tersebut, maka kesesakan yang sungguh teruk berlaku dalam kawasan tersebut. Dan saya juga ada mencadangkan kepada pihak JKR, kalau kata dibuat pembaikan di jalan tersebut kalau ada bahu jalan yang boleh diguna, saya harap dapat dibuka kepada laluan kenderaan ringan kerana kita memang dah biasa ada 2 lorong, apabila ditutup 1 lorong dan hanya ada 1 lorong sahaja yang dibenarkan, maka itulah antara punca mungkin penyumbang kepada kesesakan yang lebih teruk. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram. Seperti yang saya maklumkan tadi, kebanyakan kerja-kerja ini Yang Berhormat Datuk Speaker memang ada masalah komunikasi sebahagian daripadanya. Di mana contoh Jalan A, diperbaiki kita *declare* Jalan B, sebagai alternatif. Tetapi kita tak tahu, Jalan B juga diperbaiki. Jadi disebabkan itu, kita dah tubuhkan satu Jawatankuasa untuk menilai kembali bagaimana SOP pembaikan ini sebab Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak agensi yang menguruskan jalan-jalan dan juga bukan sahaja faktor kerosakan jalan ataupun pembaikan jalan. Sebagai contoh, kerja-kerja pembangunan di tepi jalan seperti RTS yang saya sebutkan tadi. Kerja-kerja RTS ini melibatkan penutupan jalan, dia bukan disebabkan pembaikan jalan tetapi pembangunan yang menyebabkan penutupan jalan.

Sama juga, Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Tiram, kita dah perhalusi perkara ini dalam jawatankuasa yang telah kita tubuhkan. Berkaitan dengan cadangan *flyover* nanti saya akan fikirkan balik bersama dengan pihak JKR untuk kita kaji keberkesanannya.

Jadi, akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, jawatankuasa ini insya-Allah kita terima apa sahaja cadangan daripada semua pihak dan kita dah bermesyuarat sebanyak 2 kali dan kita dah kenal pasti ada 11 lokasi *choking point* ataupun *bottleneck*. Dan kita pun ada cadangan-cadangan untuk mengatasinya. Cuma kita perlukan sedikit masa, sebab setiap pembaikan ataupun perubahan pada jalan raya memerlukan kajian trafik. Dan insya-Allah, saya akan *explain* lebih nanti dalam penggulungan akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit dan kita akan masuk balik pada 11.25 pagi.

**Persidangan ditangguhkan jam 11.05 pagi.**

**Persidangan disambung semula jam 11.25 pagi.**

**Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2) maka Perbahasan atas Rundingan itu hendaklah dihadkan kepada nas-nas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Dimaklumkan bahawa tempoh perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah selama 4 hari mulai hari ini 26 November hingga 29 November 2023.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya perolehi. Untuk pembahas pertama dan Ketua Pengimbang, masa diberikan ialah selama 45 minit.

Perbahasan atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan 2024 Tahun 2023 dimulakan sekarang. Yang Berhormat Mahkota, dijemput.

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Mahkota)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada Mahkota untuk membuka pentas perbahasan dan membawa suara rakyat. Menjadi pembahas pertama tidak mudah tetapi ianya bukanlah susah. Mahkota mulakan dengan serangkap pantun. Agi idup agi ngelaban, sumpah perjuangan seorang perwira, Maju Johor kita sandarkan, pembangunan dipacu rakyat sejahtera. (Dewan bertepuk).

Mahkota memanjatkan syukur kehadiran Allah SWT bersama ingatan Yang Maha Esa, maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini untuk berbincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran maju negeri dan kesejahteraan rakyat Johor.

Di kesempatan ini, patik mewakili seluruh rakyat DUN Mahkota dengan hormat dan takzimnya merafak sembah, menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 serta sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Rakyat DUN Mahkota sentiasa mendoakan Kebawah Duli Tuanku serta seluruh kerabat diraja dilimpahi rahmat dan hidayah serta berada dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh kedaulatan.

Patik dan seluruh rakyat DUN Mahkota juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dipersembahkan kepada Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Didoakan semoga Tuanku dapat melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa diberikan Allah SWT seluruh rakyat dan DUN Mahkota juga dengan hormat dan takzimnya merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah membawa pasukan bola sepak JDT jauh di persada dengan kejayaan merangkumi Piala Sumbangsih, Piala FA juga

mengulungi kejuaraan liga Super 10 kali berturut-turut dan insya-Allah dengan izin Allah, Piala Malaysia selepas ini.

Rakyat Mahkota berdoa agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta kerabat sentiasa aflatun dan di bawah payung rahmat Allah SWT dalam menerajui Malaysia dan negeri Johor, Insya-Allah. Kerajaan dan rakyat akan mendapat limpah rahmat dan sejahtera yang bertambah dari pemerintahan raja yang adil, bijaksana dan prihatin terhadap rakyat jelata dan negara. Semoga kerajaan diberkati dengan nikmat perpaduan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Tahniah dititipkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pengurniaan Darjah SMIJ dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan juga pembentangan Bajet 2024 yang sangat komprehensif bagi merealisasikan Maju Johor 2030. Syabas juga kepada Yang Amat Berhormat yang telah memacu Johor dengan prestasi yang cemerlang yang memperlihatkan Johor sebagai penyumbang terbesar pelaburan dan perdagangan Malaysia mengatasi negeri-negeri lain. Insya-Allah, dengan kekuatan dan semangat baru Yang Amat Berhormat akan terus maju memimpin negeri Johor Darul Takzim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin Mahkota memulai perbahasan pada pagi ini mengajak sahabat-sahabat di dalam Dewan ini *refresh*, dengan izin, niat mauduk dan tujuan kita supaya sama-sama memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat dengan ingatan Allah SWT yang bermaksud "Sesungguhnya.." saya sebelum nak bagi maksud ini, tertanyanya saya ini orang Arab takut tersalah bagi. Tapi dalam masa sama saya juga kena *challenge* dengan orang Bugis yang sentiasa berhadis dalam Dewan yang mulia ini.

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila menetapkan hukum kepada manusia supaya kamu menetapkan dengan adil dan saksama". Menjadi kerajaan bukannya semudah yang dituturkan. Ianya bukan berkisar kepada aku yang paling betul ataupun kau yang paling salah. Tetapi ianya merentasi segalanya. Ia berpaksikan niat yang luhur, mauduk yang jelas, tujuan yang berobjektif dengan amanah yang dipikul mesti dilunaskan dan janji itu adalah amanah. Janji bukannya barang kosmetik yang jika pakai 100 hari *guarantee* berubah 360 darjah. Dan, barang kosmetik belum tentu ia menjanjikan perubahan yang diimpikan. Sebab itulah bila janji dilihat seperti barang kosmetik, penjualnya petah berkata-kata menjanjikan bulan dan bintang, sudah tentu ramai tertarik, ramai ingin mencuba yang hasilnya belum tentu baiknya.

Kitalah pengimbang, bukannya pembangkang. Telusnya hati pemimpin nusa, buatan Johor bangsa terbilang, hilangkan sengketa ayuh bersama. Marilah kita memanjat kesyukuran Alhamdulillah atas rahmat dan nikmat kesejahteraan yang kita rasai saban hari di negeri bertuah Johor Darul Takzim. Namun dalam masa yang sama, marilah kita terus berdoa untuk rakyat Palestin yang sedang menderita akibat serangan rejim Israel. Sesungguhnya Mahkota menyokong pendirian tegas kerajaan terhadap konflik yang sedang berlaku di Palestin kerana kita menolak sekeras-kerasnya segala bentuk keganasan dan mengutuk tindakan rejim Zionis membunuh insan tidak berdosa di Palestin. Semoga Allah SWT memberikan kemenangan kepada keluarga kita di sana.

Masak gula jadi manisan, buat bekalan masuk ke hutan, belanjawan negeri topik perbahasan, moga sentiasa dapat keberkatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mahkota telah mendengar dan meneliti kandungan ucapan pembentangan Belanjawan 2024 dan mendapati keseluruhan belanjawan yang ditawarkan akan dapat mengarak secara komprehensif, arah tujuan jelas bagi melonjakkan pembangunan Bangsa Johor termasuk transformasi ekonomi negeri secara lebih berkesan. Benarlah dek pepatah lama, orang muda pantas bekerja, minda cerdas lakunya cergas, sangat cepat mendakap maksud, riak rakyat terus disahut.

Syabas dan tahniah anak muda kebanggaan bangsa Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita Dato' Onn Hafiz bin Ghazi yang cakna merealisasikan pelbagai cadangan oleh pemimpin setempat. Jangan lupa ini dah puji, peruntukan kena lebih. Mahkota berpandangan setelah mengamati Belanjawan Negeri Johor 2024, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", dengan menjadikan 6 Teras, 29 Strategi, 99 Inisiatif ianya merupakan belanjawan komprehensif, praktikal, mampu direalisasikan dan *continuous engagement*, dengan izin, serta merangkumi semua lapisan masyarakat dengan membabitkan keperluan rakyat masa kini.

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa belanjawan ini adalah pro rakyat iaitu mengangkat persoalan bagaimana untuk memaksimumkan kesejahteraan rakyat dengan memperkukuhkan jaringan keselamatan sosio dan keperluan asas yang secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada pembangunan prestasi dan juga kemajuan negeri secara holistik. Apa yang diketengahkan ini adalah perkara yang sangat dekat dengan rakyat. Perlu diangkat dan diperkasakan sebagai fokus dalam kehidupan masyarakat kerana ia melibatkan pelbagai aspek ke arah kehidupan yang lebih baik. Maka ini adalah misi yang telah digariskan dalam pelaksanaan menghadapi tahun 2024.

*Glory glory Manchester United, Liverpool said you will never walk alone, Dato' Menteri Besar please don't worried, Mahkota promise you are not alone*, dengan izin. (Dewan bertepuk.)

Terbilangnyanya kita kerana bersama, bersamanya kita tidak keseorangan, ikhlas jiwa iltizam dan usaha bangunkan Johor cipta kegemilangan, insya-Allah. Alamak, lupa pula nak sebut. Mahkota sebelum pergi jauh lagi, Yang Amat Berhormat tengok je saya, macam ada benda nak minta. Sebelum Mahkota pergi jauh izinkan Mahkota ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat kerana pertama kalinya Johor memberikan bonus dua bulan. (Dewan bertepuk).

Sungguhlah tinggi helang bersarang, terbang hinggap di pohon jati, sungguhlah bijaksana MB tersayang, bonus Johor dua bulan penambat hati.

Sungguhlah pipit menawan pagi, cantik si dara berkain satin, sungguhlah wajah seindah budi, MB tersayang sangat prihatin.

Bonus buat penyejuk rasa dan Alhamdulillah atas cakna terhadap poket kami. Habis kita kena jolok hari ini, kali ini, jangan lupa buat kerja melebihi daripada tahun 2023.

Agenda Maju Johor ini adalah gagasan dari sebuah pasukan yang punya niat luhur, mauduk yang jelas dan tujuan yang berobjektif untuk Bangsa Johor. Untuk merealisasikan usaha Bangsa Johor ini, tidak cukup untuk kita bercakap dan berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Tugas kita adalah memastikan secara perancangan ini diturut dengan penuh berintegriti dan bertanggungjawab. Mahkota ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat sebagai Jeneral yang menerajui negeri Johor, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri, para penjawat awam, jabatan-jabatan agensi negeri dan persekutuan, GLC yang telah berjaya usaha-usaha majukan Johor. Kesenambungan daripada itu, kita telah diperlihatkan dalam buku laporan Maju Johor Setahun Bersama, sebagai contoh Johor telah mencatatkan pelaburan tertinggi dalam negara sebanyak RM70.6 bilion.

Di bawah Johor *first lane* kelulusan lesen penjaja sementara dan bergerak dari 60 hari kepada 7 hari, 98.8% liputan internet di kawasan berpendudukan, Taman Negara Endau-Rompin diiktiraf sebagai Asian Heritage Park yang ke-51, Johor juara Sukan Malaysia (SUKMA) 2022. Tahniah YB EXCO Orang Muda, dengan olahraga dan olahragawati terbaik dinobatkan kepada Orang Muda Johor.



Yang Berhormat Datuk Speaker, menuruti Gagasan Murni Maju Johor 2030 dengan 6 teras utama yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor adalah manifestasi untuk menjamin kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat Johor. Almarhum Sultan Sir Ibrahim, pernah bertitah, Johor mesti jadi Johor. Bagaimana? Usaha dan ramuan Johor pada hari ini untuk kegemilangan Johor di masa akan datang. Ramuan ini adalah untuk persediaan melengkapkan negeri Johor dan bangsa Johor sebagai *unbeatable state* dari semua aspek pembangunan fizikal dan manusiawi. Maksudnya urus tadbir kerajaan mesti *first class*. Pembangunan ekonomi juga *first class*. Jaringan keselamatan sosial *first class*. Kemudahan dan keperluan asas *first class*. Keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar *first class* dan Orang Muda Johor juga mesti *first class* dan kacak dan cantik-cantik belaka.

Seorang *scholar* Islam Said Hawwa mengungkapkan tamadun adalah kemajuan manusia yang berusaha menggabungkan dua bentuk kemajuan iaitu kemajuan fizikal dan kemajuan sosial budaya. Inilah yang kita matlamatkan. Inilah yang kita sedang kita rancang. Inilah yang sedang kita bahaskan. Ini juga yang kita mesti laksanakan, realisasikan. Mungkin juga selepas ini Johor akan menjadi Tamadun Bangsa Johor, jika tidak keterlaluhan untuk saya ungkapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah Belanjawan kali ini setiap jiwa di negeri Johor disantuni. Apa yang ditengahkan ini adalah perkara yang sangat dekat dengan rakyat. Perlu diangkat dan diperkasakan sebagai fokus dalam kehidupan masyarakat kerana ia melibatkan pelbagai aspek ke arah kehidupan yang lebih baik. Maka ini adalah misi yang telah digariskan dalam pelaksanaan menghadapi tahun 2024. Belanjawan 2024 turut menengahkan pembaharuan yang diperlukan untuk meletakkan Bangsa Johor di landasan tempat ke arah pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dalam jangka panjang. Peruntukan dalam Belanjawan ini adalah bukti bahawa komitmen kerajaan ada mengutamakan rakyat melalui hala tuju ekonomi misalnya akan dapat menyediakan tenaga kerja berkemahiran, pembangunan usahawan termasuklah golongan mikro, keterjaminan bekalan makanan melalui pelbagai perancangan pembangunan industri dan juga mampu meningkatkan daya saing global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang pasti kemudahan asas atau infrastruktur kepada rakyat juga menjadi perhatian. Bantuan sara hidup, pendidikan, perumahan mampu milik, pertanian moden meningkatkan ekonomi dan juga hal-hal berkaitan syiar Islam diangkat. Tidak ada golongan tertinggal apabila semua lapisan diberikan perhatian. Daripada penjawat awam, golongan wanita, keluarga, kanak-kanak, orang kurang upaya sehinggalah kepada golongan belia. Mahkota mengucapkan syukur dan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kerana telah bersetuju meluluskan peruntukan yang besar untuk Program Flat Awam Jalan Haji Manan yang berada di dalam Kawasan DUN Mahkota. Kalau kita tengok, pembentangan Bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Kluang adalah lebih daripada 9 perkara tapi Mahkota hanya dapat sedikit sahaja. Walau bagaimanapun, terima kasih masih ada Mahkota di dalam senarai.

Di sini Mahkota juga ingin mengecek kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor apakah kiranya jika dapat mempertimbangkan Rumah PPR Kluang itu untuk dibina di kawasan Mahkota. Maklumlah Mahkota inikan, di tengah-tengah bandar Kluang. Kalau boleh carilah kawasan, bantulah EXCO Perumahan supaya benda ini mendapat kenyataan. Supaya saya tidak akan dalam keadaan sentiasa mimpi negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, 'terbang tinggi hai burung merpati, membawa surat utusan bendahara, belanjawan di bentang jiwa disantuni, demi masa depan rakyat jelata'. Teras tiga jaringan keselamatan sosial, strategi 1 Johor berkebakikan. Mahkota peka dengan nasib golongan gelandangan dan terbiar di negeri Johor. Mereka ini tidur berhadap di merata-rata dan mampu merencatkan usaha Johor Bersih. Jika di wilayah persekutuan Kuala Lumpur

rumah transit gelandangan dinamakan Anjung Kembara. Ianya mustahak bagi kerajaan melalui JKM menyelia dan memudah cara dalam memastikan dapat diurus dengan baik. Mahkota juga ingin menyokong cadangan penambahan penyediaan Rumah Transit Bangsa Johor kepada orang awam termasuklah di Taman Tasik Kluang walaupun luar kawasan Mahkota. Sesungguhnya ia akan memberi manfaat kepada rakyat yang sebelum ini dilanda kerumitan. Dalam masa yang sama Mahkota mencadangkan agar ditubuhkan juga pusat transit orang yang terbiar. Tiada tempat tinggal atau golongan gelandangan dengan menggunakan atau mengubah suai bangunan-bangunan terbiar. Kuarters-kuarters kerajaan yang kosong agar impak terbaik dapat diberikan kepada rakyat dengan mengaplikasikan ruang yang telah ada dicadangkan agar pusat transit sedemikian diwujudkan di setiap DUN agar manfaat menyeluruh dapat dikongsi bersama.

Untuk makluman Yang Berhormat EXCO, bahawa terdapat juga kadang-kadang dalam sebulan itu dua, tiga orang yang kita jumpa terbiar tidur di atas jambatan, bawah jambatan dan sebagainya. Sebagai ibu tunggal, kalau ianya lelaki saya tidak boleh bawak balik rumah. Hendak tidurkan di mana, jadi inilah keperluan rumah transit yang kita harus bina di setiap DUN. Sungguh tidak dinafikan bahawa Belanjawan 2024 ini banyak memfokuskan kepada kepentingan rakyat. Rakyat menjadi keutamaan dan rakyat sentiasa diangkat untuk dibela setiap masa. Dalam hal ini, menjadi harapan Mahkota agar harta awam yang membabitkan kepentingan rakyat dibaik pulih, dipindahkan dan dinaik taraf selari dengan peningkatan kemajuan Bangsa Johor. Bangunan-bangunan milik kerajaan sama ada perumahan dan sebagainya dicantikkan semula. Balai raya, dewan orang ramai, masjid, surau, taman-taman awam, taman permainan kanak-kanak, tempat-tempat riadah dan sebagainya harus dibaiki dan dijadikan kawasan yang bukan hanya selesa digunakan tetapi juga cantik mata memandangi. 'Dari mana punai melayang, dari sawah turun ke kali, dari mana datangnya sayang, dari mata turun ke hati'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mahkota jua ingin mencadangkan agar diwujudkan satu peruntukan khusus bagi usaha membaik pulih rumah murah kerajaan yang telah dibina berpuluh-puluh tahun dahulu tetapi hari ini rumah-rumah tersebut telah pun usang. Selain membantu rakyat mendapat kediaman yang selesa, usaha ini juga dapat mengindahkan persekitaran dengan mewujudkan kampung atau bandar yang lebih ceria di samping melonjakkan imej taraf hidup rakyat. Untuk tujuan ini, peruntukan pembiayaan boleh diwujudkan mengikut kaedah lama dengan memberi pinjaman semula pada pemilih rumah dan dihadkan maksimum RM15,000.00 sebuah rumah dan dibayar kembali kepada kerajaan secara ansuran bulanan. Ianya melibatkan beberapa kawasan antaranya dalam kawasan Mahkota. Rumah Murah Kampung Melayu 2, Rumah Murah Kluang 1, ini harus diberikan tumpuan dan ia terletak di tengah bandar Kluang. Mahkota juga menyambut baik inisiatif pemasangan lampu jalan melibatkan lampu solar LED di kawasan-kawasan gelap dan persimpangan merbahaya. Justeru Mahkota mencadangkan agar pemasangan lampu solar LED ini diperluaskan dan dibuat secara menyeluruh termasuk juga melibatkan penggantian lampu-lampu yang lama yang kurang berkualiti, malap dan mudah rosak. Dalam hal ini, biarlah sama rata, sama rasa. Semua suka, maka dicadangkan agar pengagihan lampu solar LED ini melibatkan semua dewan negeri dengan peruntukan 50 ke 100 buah lampu solar untuk dipasang termasuklah di kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara isu yang sedang dibangkitkan oleh rakyat sekarang adalah dalam hal berkaitan dengan cukai. Mahkota terpanggil bagi menyalurkan suara golongan pembayar cukai yang sebelum ini mengeluh dan terbeban. Lantaran kenaikan cukai yang akan dilaksanakan, Mahkota puji tindakan YB EXCO PBT, Dato' Jafni. Ini makna lampu solar kalau ada, beri Kluang dulu kerana memberi respon yang pantas dengan mengemukakan beberapa cadangan menurunkan kadar kenaikan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jafni, pertimbangan sewajarkan amat diharapkan agar apa-apa percukaian yang bakal dilaksanakan tahun hadapan adalah mengambil kira kepada luahan dan keluhan rakyat dengan mengutamakan kesejahteraan masyarakat secara holistik.

Mahkota faham bahawa kenaikan dibuat berdasarkan penilaian kediaman dihuni namun masalahnya tidak semua rakyat senang, malah ada yang menghuni kediaman besar kerana hasil peninggalan keluarga. Hakikatnya, mereka mendiami tanpa memiliki kemampuan sebenar. Mahkota akui bahawa cukai harta ini cukai langsung kepada poket rakyat tidak kira B40, M40, T20 yang memiliki rumah hilang dan lain-lain harta. Kesan dominan perlu diambil kira. Naik cukai semua akan naik termasuklah sewa rumah dan sebagainya. Harapan Mahkota supaya perkara ini dibincang secara tuntas dan dipertimbangkan sebaik mungkin dalam keadaan *win-win situation*. Sehubungan dengan itu, Mahkota yakin Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Johor amat memahami. Bukan niat Mahkota untuk menghalang kenaikan tersebut tetapi sebolehnya PBT kaji semula dan DUN Mahkota ingin mencadangkan supaya kenaikan cukai itu janganlah melebihi 10% agar tidak ada rakyat yang rasa terbeban dalam Belanjawan 2024.

Yang dibentangkan pada hari Khamis, jelas kita dapat melihat penambahan kedudukan ekonomi negeri amat memberangsangkan dengan lebih RM4.21 juta. Kerajaan buat pertama kali mengumumkan bonus untuk 2 bulan. Oleh itu, tentunya kewangan negeri mampu membantu dan menampung berkaitan pengurangan cukai tersebut terbabit. Dalam kesempatan ini, Mahkota ingin merakamkan setinggi penghargaan dan syabas terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor lantaran belanjawan kali ini menampilkan banyak perancangan, perindahan sekolah termasuk bilik guru dan keperluan lain. Sehubungan itu, Mahkota ingin mencadangkan supaya kediaman dan bangunan-bangunan anak yatim tidak ditinggalkan dan mendapat perhatian. Harapan Mahkota supaya semua pertubuhan anak-anak yatim di negeri ini diberikan sumbangan secara *one-off*. Bagi langkah-langkah langsung untuk mereka memperbaiki memperindahkan dan menceriakan kediaman mereka agar kehidupan yang lebih selesa dengan suasana nyaman dan harmoni dapat dirasakan oleh anak-anak yatim ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ruang yang ada dengan peluang yang terbuka Mahkota ingin mengetengahkan beberapa perkara yang masih menjadi isu melingkari kehidupan masyarakat khususnya di dalam bandar Kluang. Sebut nama tempatnya pasti tidak asing. Malah sebuah bandar yang berdaya maju dan pesat membangun namun malangnya hal berkaitan banjir kilat kawasan sekitarnya masih terus berlaku. Tentunya ia bukanlah sesuatu yang tiba-tiba kerana semua pasti bersebab maka sewajarnya juga yang bertakuk ditebang, yang bergaris dipahat; adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung. Merintangi bandar Kluang ada Sungai Mengkibol. Juga beberapa sungai lain seperti Sungai Melantai, Semerloh dan Paloh. Malangnya sungai-sungai ini tidak dapat menampung air apabila hujan lebat dan berterusan dan menyebabkan banjir kilat berlaku. Masalah sungai-sungai kecil, sempit, cetek dan perlukan penyelenggaraan segera perlu diatasi kerana natijahnya memberi kesan kepada rakyat. Apa yang pasti keadaan ini memberikan kebimbangan dan kesan kepada penduduk lantaran menjejaskan kualiti dan produktiviti seharian mereka. Apabila hujan lebat dan berterusan, air sungai naik akibat cetek, sempit dan kecil. Air sungai melimpah maka berlaku banjir membimbangkan penduduk sekitar. Ada kawasan perumahan, ada para peniaga yang terjejas, maka sewajarnya tindakan untuk jangka panjang perlu dilaksanakan agar masyarakat Kluang dapat hidup dengan sejahtera. Di sini Mahkota mohon kerajaan negeri mempertimbangkan cadangan intervensi pelupusan banjir di DUN Mahkota.

Di bawah teras kelima, Keselamatan, Kebersihan dan Alam Sekitar. Strategi 4 : Menambah baik sistem saliran dan pelupusan banjir Johor. Inisiatif 1, menaik taraf sistem saliran. Adalah seperti berikut:

Pertama, pemasangan HDPE *flat gate* di kawasan saliran, perparitan yang sesuai bagi mengelakkan banjir terhadap kawasan yang kerap terlibat dari segi fungsi *flat gate* ini sebagai pintu air dan medium aliran automatik dari segi struktur pembuangan air sungai muara dan laut. Selain itu, digunakan juga untuk mencegah aliran balik pada saat terjadi

banjir dari sungai, HDPE *Flat gate* ianya sangat efektif dan memudahkan penduduk bersiap siaga untuk mengatasi musibah banjir yang akan berlaku. Tak banyak Yang Amat Berhormat, lebih kurang tak sampai RM1.5 juta sahaja. Selain daripada itu, menaikkan taraf sistem saliran dengan mengorek, mendalamkan dan membesarkan sungai-sungai kecil. Jangan kita korek sungai, korek pasir, pasir taruk kat sebelah, besok hujan turun balik pasir, lepas tu buat balik, jadi tak ada kerja lain, duit habis tak tentu arah.

Semoga Sungai Mengkibol serta sungai kecil-kecil, sungai hendaklah dikorek, didalamkan dari hulu hingga ke hilir. Sungai Mengkibol serta Sungai Sembrong Kecil juga perlu dibesarkan supaya sistem saliran dalam keadaan baik. Mahkota terima aduan daripada rakyat, daripada orang kampung yang juga mangsa banjir bahawa sungai mereka dikorek 12 tahun yang lalu, dah 12 tahun, 13 tahun tak korek. Selepas dikorek 12 tahun yang lalu, banjir dah tak ada dan selepas dikorek banjir tidak berlaku, bila lama tak dikorek, banjir datang kembali. Jabatan berkenaan supaya laksanakan kerja-kerja seperti mendalamkan sungai dalam masa 5 tahun sekali.

Yang Ketiga, membina tembok penahanan tebing sungai perlu diperbanyakkan kerana terdapat banyak tebing yang runtuh akibat banjir besar yang berlaku. Kadang-kadang diberi peruntukan, tebing dah buat tapi tak tahu *engineer* ke, *technician* yang salah, tebing buat ini pun dilanggar oleh air, tak tahu di mana kepakaran mereka selama hari ini?

Yang Keempat, membina kolam takungan banjir di kawasan *hotspot* bagi mengelakkan banjir berlaku dengan cepat. Cadangan ini bukan sahaja-sahaja, pertimbangkanlah jika boleh, dikongsi bajet dalam Teras 5, Strategi 4, Inisiatif 1 dalam Belanjawan Johor 2024. Maknanya, duit ini ada tapi jangan pergi tempat lain, datang ke Mahkota.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan banjir juga, Mahkota berterima kasih dan amat menghargai penglibatan semua pihak dalam menguruskan bantuan kepada rakyat yang terjejas. Namun demikian, Mahkota mengharapkan agar ada penambahan baik pengurusan di pusat pemindahan sementara agar mereka yang terjejas dapat berada dalam suasana yang tenteram dan sejahtera. Berkaitan agihan makanan misalnya, Mahkota mencadangkan cara pajakan ini boleh diteruskan tetapi hendaklah dihadkan 100 orang bagi setiap pembekal atau pemajak bagi mengelakkan makanan sampai lewat dan memastikan kualiti yang terbaik.

Mahkota mengucapkan jutaan terima kasih kepada pelbagai pihak yang membantu secara sukarelawan kepada mangsa banjir sama ada yang tinggal di PPS, menumpang di rumah keluarga atau rakan taulan. Mahkota mengharapkan supaya cara pengendalian mangsa banjir ini diteruskan. Pemberian bantuan pada mangsa banjir mesti diteruskan walaupun mangsa banjir tidak duduk di PPS. (Dewan bertepuk). Atas alasan tertentu tapi yang paling perlu, bantuan mesti disalurkan kepada semua kawasan rumah yang menghadapi banjir. Setiap mangsa mesti disalurkan bantuan dan pertolongan bagi meringankan beban mereka tatkala ditimpa musibah. Tak kiralah tinggal di mana, yang penting rumahnya dah tenggelam oleh air. Daun selasih bunga kantan, terima kasih seluas lautan kepada semua petugas-petugas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperkara lagi yang Mahkota ingin bawa adalah berkenaan Terminal Bas Kluang. Cantik tersergam indah di bandar Kluang yang kewujudannya ibarat terhegeh-hegeh bagai rumput di tengah jalan, mati segan hidup tak mahu. Ini kerana kurangnya bas beroperasi di kawasan terbabit yang mengakibatkan tiada pengunjung di sini. Maka, Mahkota berharap agar yang sakit dirawat, yang rosak dibaiki, yang hilang diganti, yang ada terus dihargai dengan mencadangkan agar Terminal Bas Kluang diaktifkan menjadi pusat transformasi bandar. Terminal ini perlukan wajah baharu melalui penyelenggaraan, pemuliharaan dan naik taraf yang sewajarnya agar setanding dengan suasana moden di kawasan terbabit apatah lagi ianya adalah *platform* atau kawasan

perantaraan bagi penduduk atau pengunjung keluar masuk ke daerah ini. Sewajarnya juga Terminal Bas Kluang ini menjadi hab pengangkutan pelbagai mod, iaitu merangkumi perkhidmatan bas henti-henti, bas ekspres, teksi, *e-Hailing* dan sebagainya, di samping pelbagai kemudahan perkhidmatan dan perusahaan yang beroperasi di dalamnya. Jika ini menjadi realiti, maka tidak mustahil bahawa kawasan tersebut akan menyumbangkan kepada kerancakan sosial ekonomi setempat yang mampu memberi pulangan bukan hanya kepada rakyat tetapi juga negeri sekitar secara amnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Mahkota juga menyahut baik dan menyokong usaha berkaitan Teras Keenam iaitu golongan muda. Ini adalah inisiatif langsung kepada golongan belia yang menjadi pelapis kepimpinan masa hadapan iaitu memiliki bukan hanya taraf intelek yang bijak tetapi juga cergas dalam fizikalnya. Justeru, Mahkota mencadangkan agar gelanggang terbuka untuk *outdoor game* diperbanyakkan bagi membantu golongan belia secara terus selain dapat memberi kemudahan kepada rakyat secara tidak langsung, ia akan mewujudkan budaya generasi muda yang aktif dalam aktiviti sukan serta..

**YB Speaker** : Yang Berhormat, tinggal 10 minit.

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Mahkota)** : 10 minit, 10 minit lagi. Saya dah kenal Yang Berhormat Speaker lama, daripada mula-mula balik daripada *oversea* sampai...

**YB Speaker** : Tak ada pujuk-pujuk Yang Berhormat.

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Mahkota)** : Oh tak ada ya? Oh hati dah tutuplah tu.

Tidak langsung ia akan mewujudkan budaya generasi muda yang aktif dan aktiviti sukan serta riadah dan dapat juga dijadikan tempat bertukar idea dan pandangan anak muda semasa berkumpul. Mahkota ingin menyuarakan Yang Berhormat Datuk Speaker, yang ini kita dah minta supaya *outdoor game*. Sekarang ini yang Mahkota nak beralih ke satu lagi jawatan lantikan. Mahkota ingin menyuarakan jawatan lantikan yang membabitkan kepentingan untuk warga Bangsa Johor. Pandangan akar umbi dan masyarakat di bawah haruslah diambil kira dengan Wakil Rakyat menjadi jambatan perhubungan, mata dan telinga serta menyampaikan hasrat hati khalayak ramai yang tentunya dambakan pembelaan dari kepimpinan negeri. Dalam hal ini adalah wajarnya sekiranya Wakil Rakyat turut terlibat dalam pemilihan, dibawa berbincang bagi menamakan mereka yang layak menduduki sesuatu jawatan. Ini kerana apa yang disuarakan oleh Wakil Rakyat sebenarnya adalah suara dari masyarakat, warga Bangsa Johor sendiri. Untuk mengimbangi khidmat bakti dan pembelaan inilah, maka Wakil Rakyat perlu terlibat memilih atau menamakan mereka yang layak dalam urusan jawatan lantikan politik supaya perjalanan pentadbiran dan kemasyarakatan dapat berjalan di antara DUN, masyarakat pimpinan setempat. Ingat, kami menang, kemenangan inilah penentu penubuhan kerajaan hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Wakil Rakyat mempunyai amanah dan tanggungjawab besar, malah kitalah jambatan antara kerajaan dan rakyat. Tugas utama adalah berkhidmat untuk rakyat dan kerana itulah kedudukan sebagai Wakil Rakyat tergalas dengan amanah yang dipertanggungjawabkan iaitu YB adalah orang yang berkhidmat bukan Yang Berhormat. Wakil Rakyat mempunyai peranan kepada rakyat yang sentiasa menjadi keutamaan malah sedaya mungkin semua permasalahan akan disuarakan untuk jalan penyerahan serta penyelesaian yang berkesan. Di sana padi di sini padi, di hujung hikayat tamat riwayat, di sana budi di sini budi, barulah sempurna jadi Wakil Rakyat.

Semuanya dilaksana atas gerak kerja dan pelaksanaan tanpa henti oleh rakyat. Maka, Mahkota memohon agar pertimbangan elaun, gaji, peruntuk Wakil Rakyat, peruntukan alat

komunikasi dinilai, dilihat dan jika boleh ditimbang semula agar pembaikan dapat dilaksanakan. Paling senang tahun depan, peralatan komunikasi kita yang ada hari ini dah lama, gantikan yang baharu dengan peruntukan baharu. Berkaitan elau-elaun ini adalah berasaskan kepada wajaran dan perubahan suasana hari ini kerana ganjaran kepada Ahli Dewan Negeri mestilah kompetitif dan sesuai dengan tanggungjawab agar keterampilan dan kewibawaan dalam melaksanakan amanah tidak terbatas. Wakil Rakyat ini melaksanakan khidmat awamnya bekerja setiap masa. Maka, kenaikan atau imbuhan ini akan mampu melonjakkan lagi pencapaian sekali gus memberi manfaat kepada kesejahteraan Bangsa Johor. Apa yang pasti dari rakyat untuk rakyat, kerana rakyat dan mesti sentiasa pro rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang ini saya mohon Ahli Yang Berhormat dengar dengan teliti. Ke hulu ke hilir dipanggil YB, laksana tanggungjawab penuh dedikasi, ikhlaskan hati bersabarlah YB, bulatkan tekad jayakan aspirasi. Ketua kampung sudah, Tok Batin pun sudah, Yang Berhormat bekerja tidak henti-henti, nak cakap susah tak cakap pun susah, Dato' Menteri Besar tambahkanlah elau kami. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, dulu semasa jadi ADUN Penawar boleh dianggap seperti bomoh, duit banyak lebih kerana pengundi 20k tapi sekarang DUN Mahkota tinggi darjat, rupa-rupa dalam tinggi darjat duit sentiasa kurang. Pengundi 70,000 tidak cukup peruntukan yang dapat. Macam orang meniaga, masuk angin keluar asap, minta tambah macam malu, bak kata orang nak cakap takut, tak cakap tak cukup.

**YB Speaker** : Bukan gaji dah naik ke Yang Berhormat? Bukan gaji dah naik ke?

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Mahkota)** : Belum umum. Wah macam mana ada perbincangan lain ke Datuk Speaker dengan Menteri besar?

Perasaan malu ada juga, *nose not sharp cheek push-push*, jangan cuma bercakap, belanjawan kita *ambush*. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, umpama Sireh menjalar dulu, kemudian melilit barulah memanjat puncak junjung. Demikianlah khidmatnya perancangan, penyusunan dan gerak kerja dalam memastikan Bangsa Johor mendapat kesejahteraan. Maka kini adalah menjadi tugas kita dan semua jentera kerajaan untuk sama-sama menyokong dengan memperjelaskan dan memberikan penerangan mengenai inti pati Belanjawan 2024. Kepada rakyat, belanjawan ini asas kekuatan ekonomi negeri, keutuhan, kestabilan politik dan keupayaan kita dalam melaksanakan gerak kerja berterusan. Mahkota simpulkan belanjawan yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah belanjawan yang berhubung dan penuh cita rasa masa depan. Belanjawan yang baik demi rakyat dibentangkan dengan hemah, tertib dan terancang. Hari ini kita berbahas kerana kita ada cita-cita. Cita-cita kita hari ini untuk masa depan bangsa dan anak cucu kita. Cita-cita kita hari ini hadir dengan iltizam, semangat dan usaha bersama.

Sebagai akhir, ingin saya nukilkan beberapa ingatan Buya Hamka untuk renungan bersama. Tegakkan cita-cita sebelum berusaha, orang berakal hidup untuk masyarakatnya bukan buat dirinya sendiri. Mahkota sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan syabas dan tahniah kepada Dato' Menteri Besar, kepada barisan EXCO-EXCO dan penjawat-penjawat awam di atas pembentangan bajet yang hebat citra terindah bagi Bangsa Johor. Mahkota mendoakan usaha ini dirahmati, diberkati dan dipermudahkan urusan oleh Allah SWT. Semoga segala perancangan dan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri berjalan lancar kerana ini adalah manfaat terbaik kepada Bangsa Johor dan seiring dengan hasrat menjadikan Johor sebuah negeri yang maju menjelang 2030. Ianya menuntut pelaksanaan dan kerjasama sepasukan dari kita semua dengan cita-cita dan iltizam yang satu iaitu merealisasikan Maju Johor 2030, insya-Allah.

Akhir kata, ada masa lagi? Ada lagi 2 minit. Akhir kata, belanjawan yang baik demi rakyat ini di bentang dengan cadangan baik tapi ingatlah jika tidak dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas, telus dan amanah, maka yang tinggal hanyalah sekadar tulisan di atas kertas tapi peruntukan habis entah ke mana, Nauzubillah. Harapan Mahkota supaya setiap idea yang dicetuskan akan dapat dilaksanakan dengan bijaksana. Sesungguhnya permuafakatan itu membawa berkat. Ayuh kita jayakan Belanjawan 2024, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ada lagi dua minit. Maka dengan ini, Mahkota mencadang Belanjawan 2024 Negeri Johor Darul Takzim untuk disokong oleh Ahli Dewan. Sekian, kepada Allah kita berserah. Wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Tahniah Yang Berhormat Mahkota, menepati masa dan cakap pun terang-terang. Sebelum saya jemput Ketua Pengimbang, terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran pemerhati iaitu 55 orang daripada Mahasiswa YPJ, 10 orang daripada ADUN Mahkota, 7 orang daripada kawasan ADUN Johor Lama, 3 orang daripada ADUN Maharani dan 13 orang daripada ADUN Kawasan Larkin. Tahniah. (Dewan bertepuk).

Seterusnya saya jemput Yang Berhormat daripada Stulang, 45 minit.

**YB Tuan Chen Kang Eng (Stulang)** : Terima kasih Datuk Speaker atas peluang yang diberikan. Salam sejahtera. Tahniah juga diucapkan kepada Mahkota atas ucapan yang begitu bersemangat. Dan, sebelum memberikan ucapan, patik ingin merakamkan ucapan selamat hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November. Patik juga merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas pemilihan Baginda selaku Yang di-Pertuan Agong Ke-17 bermula 31 Januari 2024. Saya dan kami mendoakan agar Tuanku dikurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan keafiatan dalam menaungi sekalian rakyat. Semoga institusi Diraja terus menjadi tonggak kestabilan dan perpaduan untuk negara.

Patik juga mendoakan Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dikurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan keafiatan dalam menggalas tanggungjawab sebagai Pemangku Raja Johor. Semoga Tunku dapat menjalankan tugas dengan baik, adil dan saksama.

Tahniah juga diucapkan kepada Dato' Menteri Besar atas kurniaan Darjah SMIJ oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang membawa gelaran Dato'. Tahniah diucapkan. Tahniah juga kepada Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan 2024 *surplus* iaitu belanja lebihan yang berpaksikan 6 Teras dengan dukungan 29 Strategi dan didukung oleh 99 Inisiatif. Sebelum pembentangan belanjawan, saya dan semua Wakil Rakyat dalam Blok Pakatan Harapan telah pun berjumpa dengan YAB Dato' MB untuk sama-sama membincangkan hala tuju belanjawan, pembangunan Johor secara holistik dan keperluan setiap ADUN di kawasan masing-masing. EXCO-EXCO yang bersama juga turut bersama dan cuba menyelitkan atau menggerakkan perkara-perkara yang boleh dibantu. Terima kasih. Terima kasih atas semangat inklusif yang ditunjukkan dan kami amat bersyukur kerana melibatkan kami dalam perbincangan belanjawan sebelum pembentangan. Justeru itu, kami sebagai Barisan Pengimbang PH tidak ada masalah untuk menyokong rundingan yang dibawa.

Walau bagaimanapun, saya berharap YAB Dato' MB dan barisan EXCO boleh memasukkan perkara-perkara penting berkaitan yang dibawa oleh ADUN-ADUN kami dalam perbincangan

nanti. Besar harapan saya adalah semua inisiatif boleh dilaksanakan dengan sempurna agar rakyat boleh menikmati hasil rancangan pembangunan kerajaan.

Yang kedua, kami berharap YAB Dato' MB dan barisan EXCO boleh sentiasa menerima pandangan ADUN-ADUN kami pada masa depan.

Dan yang ketiga, kami berharap YAB MB dan barisan EXCO bersama dengan para pegawai pelaksana kerajaan dan agensi yang berkaitan boleh sentiasa memberikan bantuan nasihat kepada kami dalam perkara-perkara yang diutarakan demi kebaikan dan pembangunan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kami menyambut baik pelaksanaan Zon Kewangan Ekonomi Khas Johor – Singapura yang mensasarkan pelaburan besar ke Johor terutamanya di Iskandar Malaysia. Ini merupakan satu lagi bukti kejayaan kerjasama akrab di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Johor. Saya pasti ia mampu menggalas kesempatan aliran orang yang tinggi selepas projek RTS beroperasi pada awal 2027 dengan anggaran 10,000 penumpang setiap jam. Ditambah pula dengan pembangunan IIBD (*Ibrahim International Business District*) yang merangkumi pusat bandar Johor Bahru, *Coronation Square* serta *Skybridge* yang menghubungkan bangunan-bangunan di sekitarnya sehingga ke JB Central dan CIQ. Dalam konteks yang lebih luas, rangkaian landasan berkembar JB – Gemas dan lebuh raya 6 laluan Sedenak – Simpang Renggam akan mengukuhkan lagi jaringan pengangkutan Johor. Infrastruktur tersebut juga didukung oleh kemudahan lapangan terbang Senai dan Pelabuhan Tanjung Pelepas yang sedang dinaiktaraf untuk memenuhi keperluan pasaran yang semakin meningkat.

Kemudian, pelonggaran syarat-syarat yang sedia ada bagi permohonan *Malaysia My Second Home* (MM2H) serta mewujudkan agensi tunggal sempadan negara atau *single boarder agency* pasti membolehkan lagi kerancangan ekonomi Johor yang bersempadan dengan Singapura ditambah lagi dengan kedudukan strategik Johor dengan memiliki persisiran pantai barat dan pantai timur. Ditambahkan lagi dengan usaha sama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam melancarkan aliran trafik sempadan antarabangsa Malaysia CIQ, BSI dan CIQ, KSAB.

Justeru itu, boleh dilihat pembangunan dan dasar hasil kerjasama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri tersebut memberi keyakinan dan harapan besar kepada seluruh rakyat Johor. Untuk para peniaga, usahawan, pekilang, petani, pelabur, firma perunding dan sebagainya mereka mensasarkan *turn over* yang melipat ganda. Ini merupakan hasil perbincangan saya di peringkat akar umbi dengan mereka, pendapat mereka. Mereka mensasarkan *turn over* yang melipat ganda kerana pembangunan di Johor. Untuk rakyat jelata di Johor mereka mensasarkan peluang pekerjaan yang menjanjikan gaji yang lebih lumayan. Jadi besar harapan kita semua adalah semua projek tersebut yang memesatkan pelabuhan luaran dan dalaman boleh disiapkan dalam masa yang dijadualkan kerana semua projek tersebut merupakan peluang keemasan untuk Johor. Semua projek boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin atau mengikut jadual. Rakyat Malaysia mengharapkan tawaran gaji yang lebih tinggi di Zon Kewangan Ekonomi Khas Johor – Singapura. Saya berharap kerajaan Malaysia – Singapura boleh merealisasikan matlamat ini untuk kebaikan kedua-dua negara. Jadi, dengan usaha setiap pihak, pelaksana, kerajaan, ADUN-ADUN saya mengharapkan projek besar yang lebih banyak lagi pada masa depan untuk keyakinan pelabur dan memacu ekonomi Johor, Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rancangan menetapkan tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor dalam pembentangan belanjawan dan mensasarkan pelawat sebanyak 12 juta merupakan langkah yang bijak. Kami menyambut baik semua inisiatif naik taraf pusat-pusat pelancongan. Untuk mempertingkatkan mutu dan kerangka jaringan pelancongan, Stulang mencadangkan beberapa inisiatif seperti berikut. Ada tiga inisiatif.



Yang pertama, dengan kerjasama PBT, semua pusat penjaja terutamanya di bandar-bandar utama seperti Johor Bahru patut dinaik taraf. Ini kerana pusat penjaja makanan yang menawarkan makanan tempatan sedap bertaraf antarabangsa merupakan pusat pelancongan wajib bagi para pelancong. Bagi kita juga sama, kalau kita sebagai pelancong pun sama, kita pergi ke luar negara kita mesti mengunjungi pusat-pusat penjaja mereka. Jadi sebenarnya pusat penjaja, pasar dan sebagainya adalah tempat pelancongan yang semula jadi. Mereka wajib kunjungi. Justeru itu, wajah keselesaan dan kebersihan yang sejajar dengan status bandar raya antarabangsa patut ditonjolkan bagi menarik lebih ramai pelancong serta memberikan imej yang positif kepada para pengunjung. Buat masa ini banyak premis penjaja telah usang, tidak bersih dan tidak memenuhi *standard* pusat pelancongan sama ada untuk orang luar negara atau pun orang tempatan. Justeru itu saya menyarankan agar PBT dan KPKT memperbanyakkan usaha naik taraf pusat penjaja.

Yang kedua, kelancaran trafik. Kelancaran trafik di bandar-bandar utama adalah penting. Bagi memastikan para pelancong tidak terkandas dalam trafik dan mengakibatkan mereka terlepas *itinerary* rancangan serta masa kunjungan belanja mereka dipendekkan. Kalau *traffic jam*, tentulah masa kunjungan, masa belanja dikurangkan. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku, justeru itu saya berharap kepada PAJ. *MyBus* di setiap daerah boleh membuat kajian mengkaji agar jaringan tempatan kunjungan pelancong dipertingkatkan atau tidak ditinggalkan ataupun *taskforce-taskforce* untuk menyelesaikan masalah kesesakan di bandar-bandar.

Yang ketiga, yang ini saya rasa kita perlu buat. Memperkenalkan *mode* pelancongan *caravan*. Keadaan ini telah pun lama ada di negara lain seperti Australia, New Zealand dan negara-negara Eropah. Jadi untuk tujuan ini tempat *parking caravan* dan keselamatan *caravan* adalah penting. Justeru itu diharapkan PBT negeri dan KPKT pusat boleh bersama-sama merangka garis panduan untuk menawarkan kaedah pelancongan baru ini di Johor. Untuk saling *compliment* dengan kekuatan pusat-pusat pelancongan yang ada pada kita di Johor. Jadi industri pelancongan merupakan sektor yang mampu menjana ekonomi besar kepada Johor sekiranya para pelawat berpuas hati dengan pengalaman Tahun Melawat Johor 2026, maka sebagai kesinambungan mereka akan melawat lagi ke Johor pada tahun berikutnya dan seterusnya meningkatkan kadar bermalam para pelancong di Johor. Kerana sekarang kadar bermalam para pelancong di Johor tidak sampai dua hari. Jadi kalau kita ada persaingan kawasan pelancongan tersebut dengan inisiatif-inisiatif yang ada, saya rasa kadar bermalam mereka boleh ditingkatkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Stulang juga ingin berkongsi pendapat berkenaan dengan beberapa isu yang berkaitan dengan perumahan dan hartanah. Yang pertama, PPR, rumah PPR jenis studio. Stulang mencadangkan agar semua pihak yang ada kepentingan atau peranan perumahan Johor agar mempertimbangkan pembinaan Rumah Sewa Kerajaan Jenis Studio. Ini bagi membolehkan mereka yang sebatang kara atau tidak berkeluarga boleh menyewa rumah PPR kerajaan. Buat masa ini, hanya mereka yang berkeluarga layak untuk memohon. Pejabat saya sentiasa dikunjungi oleh mereka yang ingin memohon sewa rumah PPR tetapi mereka tidak berkeluarga dan hidup bersendirian maka mereka tidak layak. Mereka juga terkongkong dengan beban ekonomi yang ketat dan ramai pemilik rumah juga tidak rela untuk menyewa bilik kepada mereka kerana mereka nampak miskin dan tidak mampu bayar sewa. Jadi, ramai yang tidak rela menyewa bilik kepada mereka. Jadi, ada beberapa orang tua, mereka datang dan mereka yang berseorangan, sebatang kara mereka tanya saya, "adakah saya yang sudah tua dan kesian ini oleh kerana saya sebatang kara, hidup bersendirian, saya tak payah duduk di rumah". Saya tak tahu dan saya pun tak boleh jawab. Jadi, saya rasa rumah PPR jenis studio adalah perlu bagi menampung keperluan mereka yang tidak berkeluarga. Saya berharap pihak perumahan boleh melihat inisiatif dan kemungkinan.

Yang kedua, Skim Rumah Sewa Beli. Saya berpendapat Skim Perumahan Sewa Beli mampu membantu mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Saya mencadangkan agar kerajaan Johor memperbanyakkan Skim Rumah Sewa Beli agar mereka yang hanya mampu menyewa sahaja akhirnya boleh juga memiliki rumah setelah beberapa tahun membayar sewa rumah.

Yang ketiga, Hartanah *Over Hang*. Pada masa ini hartanah yang tidak terjual *over hang* masih banyak. Saya rasa YB EXCO dan YAB MB pun setuju. Ini termasuk unit servis apartment yang melebihi RM500,000.00 seunit serta hartanah mewah yang melebihi RM1 juta. Justeru itu, saya mencadangkan agar kerajaan Johor menggalakkan para pemaju perumahan untuk melaksanakan inisiatif berikut : Pemaju boleh bekerjasama dengan pihak swasta lain agar mempakejkan penjualan rumah mereka dengan tawaran perkhidmatan yang lain dengan harga yang lebih rendah. Dalam hal ini, kerajaan Johor memainkan peranan penting untuk menggalakkan lebih ramai pemain swasta untuk mengambil bahagian. Contohnya, apabila pembeli rumah membeli rumah dengan pemaju mereka akan ditawarkan ataupun diberikan pakej diskaun di pusat membeli belah, *F&B* ke, hotel, pusat servis kereta, keahlian kelab dan sebagainya. Ini sebagai, *in a way*, maknanya memberikan lebih banyak manfaat tambahan kepada pembeli rumah untuk menjadikan rumah tersebut boleh dijual dengan lebih cepat dan tidak *over hang*. Sekiranya, hartanah tersebut boleh dijual sama ada kepada orang tempatan, orang asing atau pelabur luar memakai, memberikan impak ekonomi positif kepada Johor dan ia turut merencanakan perkembangan sektor ekonomi lain. Lebih-lebih lagi dalam iklim pembangunan rancak Johor yang ada sekarang. Peluang penjualan hartanah *over hang* mesti dimanfaatkan. Dengan kata lain, yang memberikan kebaikan bersama kepada pemaju, pembeli dan para peniaga sektor lain yang mengambil bahagian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan kelestarian alam sekitar, Dato' MB juga bervisi agar mencapai persekitaran yang rendah karbon, mampan dan berdaya huni dan saya rasa, saya yakin setiap Ahli Dewan ini setuju dengan hala tuju tersebut. Bahkan, kita telah pun menubuhkan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Lantaran itu, berkenaan dengan Inisiatif Transisi Hijau, *Green Transition*. Saya mengesyorkan yang berikut: berkenaan dengan usaha dengan penambahan *EV Charger*. Saya mencadangkan agar PBT mengkaji kebolehlaksanaan agar membolehkan premis perniagaan iaitu kedai-kedai berserta dengan tempat parkir di depan premis tersebut agar boleh memasang *EV Charger*. Saya rasa ini perlu perbincangan dan dilihat sama ada boleh dilaksanakan atau tidak.

Yang kedua, saya rasa ini penting dan boleh. PBT dan TNB mengkaji kebolehlaksanaan penggunaan tiang lampu sedia ada yang bersesuaian untuk dijadikan tempat mengecas kenderaan EV. Ini telah pun dilaksanakan di United Kingdom. Cadangan inisiatif tersebut adalah sejajar dengan cadangan, sejajar dengan rancangan kerajaan untuk menambah bilangan *EV Charger* di seluruh negara bagi menggalakkan penggunaan EV di Malaysia.

Yang kedua, berkenaan *Green Transition*, adalah berkenaan dengan penggunaan tenaga solar di mana tadi Yang Berhormat Mahkota pun ada menyentuh tentang lampu solar. Jadi, saya menyarankan agar kita menggunakan tenaga solar untuk konsumsi dalaman bangunan kerajaan. Contohnya, saya mengesyorkan agar tenaga solar digunakan untuk bangunan CIQ, BSI, JB Central, CIQ KSAB kerana bil elektrik mereka sebulan beberapa juta. Jadi penggunaan solar yang merupakan konsumsi dalaman, *inner consumption* sahaja. Ini sudah cukup untuk menjimatkan kos dan bil elektrik.

Berkaitan dengan kenaikan cukai taksiran, Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya mengesyorkan agar mekanisme kenaikan cukai taksiran untuk PBT, MBBJ, MBIP, MBPG, MPPK dan MPBP diperhalusi supaya perbincangan lanjut boleh dijalankan agar kenaikan tidak terlalu membebankan rakyat. Saya mencadangkan agar kadar cukai setiap hektar

boleh dilaraskan ataupun diturunkan lagi dengan lebih banyak agar kenaikan penilaian harta yang tinggi tidak akan mengakibatkan kenaikan cukai taksiran yang terlalu tinggi atau mendadak.

Yang kedua, adalah sebarang kenaikan cukai taksiran dikenakan untuk setiap hartanah tidak boleh melebihi 15%. Saya yakin rakyat boleh menerima kenaikan yang dikenakan sekiranya kedua-dua pendekatan tersebut diambil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya rasa kepercayaan di antara kita sama ada blok kerajaan dan blok pengimbang BN dan PH, perlu dipupuk dengan lebih mendalam lagi dan diteruskan lagi. Kami di pihak pengimbang, semua ADUN-ADUN, kami tidak pernah membocorkan apa-apa perbincangan yang rahsia kepada orang luar. Kami ikhlas dalam perbincangan, kami ikhlas dalam pembangunan dan tidak pernah pun meletakkan kelemahan atau kekurangan kepada orang luar untuk tujuan mereka menyerang kerajaan, tidak pernah pun. Dan dalam mesyuarat JKTD dan Sidang DUN pula saya rasa setelah saban tahun lamanya boleh dilihat dan terbukti setiap ADUN kami rajin dan ikhlas mengutarakan isu rakyat serta membentangkan cadangan-cadangan yang bernas.

Dalam kedinamikan landskap politik sekarang, saya rasa selain keikhlasan pendekatan kedua-dua pihak di antara kita perlu lebih kreatif, konstruktif di mana ia akan membawa kepada kemuafakatan dan kestabilan. Kami sebagai blok PH Pengimbang Johor menyokong Kerajaan Perpaduan di Peringkat Pusat dan kami mempunyai tanggungjawab juga untuk mempertahankan Kerajaan Madani Pusat. Dan saya rasa pihak sebelah sana, pihak blok BN juga mempunyai tanggungjawab sama-sama untuk mempertahankan Kerajaan Madani Pusat. Justeru itu, kami PH di Johor tidak boleh dilihat sebagai tidak mempunyai hubungan yang baik atau mesra dengan kerajaan BN Johor dan sebaliknya.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, masa banyak lagi. Saya hanya bersedia untuk...

**YB Speaker** : Ada 20 minit lagi.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Saya sebenarnya bersedia untuk 20 minit sahaja. Tapi tak apa. Secara kesimpulannya, perbahasan saya menyentuh tentang memperhalusi Kenaikan Cukai Taksiran Kelestarian Alam Sekitar, Perumahan, Pelancongan, Zon Khas Johor-Singapura serta Projek-Projek Persekutuan dan Negeri. Saya juga menaruh keyakinan penuh terhadap Kerajaan Perpaduan Persekutuan yang ada serta menekankan kepentingan meneruskan hubungan-hubungan baik antara BN dan PH di Johor.

Marilah kita Bersama-masa majukan Johor agar Johor berperanan sebagai pemacu ekonomi Malaysia. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Stulang. Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi membolehkan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya memohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang diberikan. Masa perbahasan yang diberikan untuk membahaskan berikutnya ialah 20 minit sahaja untuk setiap pembahas. Oleh itu, saya jemput Yang Berhormat Kukup, silakan.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam maju Johor. Dari Kukup ke Machap, singgah di Rengit beli beriani, Belanjawan Johor memang mantap, semoga rakyat dapat menikmati. (Dewan bertepuk).

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Barisan EXCO di atas kerja kuat selama ini untuk memastikan kelancaran pentadbiran negeri Johor yang sentiasa turun

padang dan cakna mengenai masalah rakyat. Tahniah juga sekali lagi buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan 2024 yang cukup kondusif dan menyeluruh. Kredit juga harus diberikan kepada kerajaan negeri kerana berjaya menghasilkan Belanjawan 2024 yang mempunyai lebihan dan surplus Bajet sebanyak RM4.21 juta. Dengan bertemakan belanjawan kali ini, Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat, berpaksikan 29 Strategi dan 99 Inisiatif yang telah digariskan melalui 6 Teras Maju Johor.

Belanjawan ini berfokus kepada rakyat. Banyak inisiatif diberikan kepada rakyat selari dengan barisan dengan Manifesto Barisan Nasional sewaktu Pilihan Raya Negeri pada tahun 2022 tempoh yang lalu yang menggariskan 5 Ikhtiar Barisan Nasional. Ini menunjukkan kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat di dalam pilihan raya yang lalu begitu komited dan juga menunaikan segala manifesto yang telah kita janjikan menerusi 5 Ikhtiar Kerajaan Barisan Nasional. Belanjawan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat berbilang kaum, latar belakang pendidikan mahupun pendapatan termasuk jugalah penjawat awam sehinggalah rakyat yang kurang bernasib baik dan yang bakal menikmati Belanjawan 2024 sekiranya diurus dengan baik dan teratur. Maka, bukan sahaja masyarakat yang dapat kesan dari belanjawan ini tetapi flora, fauna serta alam sekitar turut terbela dengan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bagi memastikan Belanjawan 2024 dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna, kita mestilah bersatu hati bekerja dalam satu pasukan tidak kira daripada pihak kerajaan mahu pun kepada pihak pengimbang yang mana sama-sama untuk mengurus dan membangunkan negeri yang kita cintai ini. Adakah dengan belanjawan yang menyeluruh ini, pihak pengimbang tidak mahu mengangkat tangan selepas ini? Walaupun dengan apa yang ada dijanjikan oleh Yang Berhormat Ketua Pengimbang begitu bersetuju tetapi ianya perlu dijelaskan apabila kita mengundi nanti. (Dewan bertepuk).

Jangan Yang Berhormat hanya mendiamkan diri seolah-olah tidak menyokong belanjawan yang mana Yang Berhormat sendiri berbincang dengan Menteri Besar. Saya menyeru kerana belanjawan ini bukan sahaja untuk bahagian, untuk kawasan-kawasan kerajaan tetapi juga untuk kawasan pihak Yang Berhormat Pengimbang. Kalau pihak pengimbang tidak mahu mengangkat tangan, maka ini bererti belanjawan ini tidak boleh dilaksanakan. Harapan saya, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pengimbang tadi, dapatlah direalisasikan, diterjemahkan dan biarlah menjadi sejarah sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini, seluruh Yang Berhormat mengangkat tangan. (Dewan bertepuk). Menunjukkan solidariti kita untuk membela Bangsa Johor. Boleh Yang Berhormat di belah sana? Angkatlah nanti ya, jangan sembunyi tangan kerana kita diberi tugas, amanah oleh pengundi-pengundi di kawasan kita. Kalau Yang Berhormat perlukan belanjawan ini menjadi kenyataan dan dapat dinikmati oleh ahli-ahli atau pun pengundi kawasan kita, angkat tangan. Saya ingin melihat biarlah menjadi satu sejarah, belanjawan yang baik dan mulia ini disokong oleh seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat tidak pernah membezakan kawasan sama ada kerajaan mahu pun pengimbang. Bagi beliau seluruh Bangsa Johor adalah tanggungjawab bersama Wakil Rakyat yang telah dipilih. Sebab itulah, kita ingin melihat keikhlasan daripada pihak pengimbang kerana kalau kita hari ini ikhlas, kalau kita hari ini bekerjasama, insya-Allah, untuk memastikan negeri Johor menjadi negeri maju pada tahun 2030 akan tercapai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh tentang pembangunan ekonomi, memacu industri pelancongan. Saya ingin mengulas dan menyentuh sedikit teras kedua iaitu memacu industri pelancongan di mana kita tahu, Yang Amat Berhormat telah mensasarkan pada tahun 2026 adalah waktu yang sangat tepat dan bersesuaian yang mana kita menyasarkan 12 juta pelancong untuk masuk ke negeri Johor. Saya menyokong penuh usaha ini kerana Johor mempunyai alam semula jadi yang begitu indah yang

dikurniakan oleh Allah SWT. Kita mempunyai taman negara, kita mempunyai bukit, gunung, paya bakau dan juga kawasan lembah yang mana ianya merupakan warisan bersejarah dan mampu menarik kehadiran mereka di negara kita. Kita juga mempunyai alam semula jadi yang tidak dapat di negeri-negeri yang lain. Kita juga mempunyai jolokan yang terkenal di mana Taman Negara Tanjung Piai merupakan tanah penghujung Benua Asia manakala Pulau Kukup adalah merupakan pulau paya bakau kedua terbesar di dunia, selain daripada taman-taman negara yang lain. Keindahan alam semula jadi inilah yang perlu kita pelihara dan dia menjadi aset di dalam negeri kita untuk kita gunakan sebagai produk *ecotourism*. Pelbagai aktiviti yang dijalankan, namun demikian untuk memastikan apa yang telah direncanakan oleh kerajaan negeri, kita harus menyediakan untuk memastikan Tahun Melawat Johor 2026 ini terlaksana. Kita harus memperbaiki tempat-tempat pelancongan ini, memperkasakan segala infra struktur yang ada. Selain daripada itu, kerajaan juga jangan terlepas pandang bahawa di dalam ekopelancongan ini banyak pemain-pemain industri yang harus kita bantu. Seperti pemandu pelancong, mereka harus dilengkapi dengan ilmu dan juga bahasa untuk menyambut para pelancong.

Yang Kedua ialah pengusaha-pengusaha IKS di mana merekalah yang mengeluarkan produk-produk tempatan untuk diperkenalkan kepada para pelancong. Mereka ini perlu dibantu, mereka ini perlu diperkasakan. Tidak lupa juga dengan pengusaha-pengusaha dengan inap desa kerana merekalah yang akan mencorakkan bagaimana dan ke arah mana industri pelancongan kita perlu dibawa. Dalam masa yang sama, kita juga perlu mempergiatkan promosi di mana kita perlu mengadakan berbagai perkara untuk dijelaskan kepada masyarakat luar. Minta bantuan daripada MOTAC, minta bantuan daripada kedutaan-kedutaan, pasar raya-pasar raya yang ada dan juga kita kena perkasakan pamflet-pamflet kita, *website* kita supaya ramai yang boleh mengetahui tentang pelancongan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga menyarankan untuk memastikan sasaran kita 12 juta pelancong untuk masuk ke negeri Johor, kita juga kena lebih peka terhadap sukan-sukan yang bertaraf antarabangsa seperti *ironman*, *triathlon*, sukan ekstrem kerana inilah yang menggalakkan lebih ramai orang untuk datang melancong ke negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin melafazkan rasa syukur dan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana memperuntukkan RM20 juta kepada Pulau Kukup untuk menaik taraf jeti dan Jambatan Sungai Ular. Namun begitu, yang menjadi kerisauan saya ialah bilakah Pulau Kukup ini akan beroperasi sepenuhnya? Di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa saya telah mengemuka dua kali soalan berhubung tarikh Pulau Kukup ingin dibuka dan kedua-dua tarikh itu sehingga kini tidak dapat menyatakan bilakah operasi Pulau Kukup itu akan bermula? Tambahan pula, apabila lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri datang ke Pulau Kukup menunjukkan perkara ini adalah serius dan perlu disegerakan. Harapan saya, Yang Berhormat EXCO dapatlah menyusun supaya tidaklah keseluruhan Pulau Kukup ini ditutup kerana sudah begitu lama dan kita bimbang para pelancong juga telah lupa di mana Pulau Kukup. Saya berharap dengan tambahan RM20 juta ini setidak-tidaknya kita boleh mengurus Pulau Kukup itu secara berfasa supaya ada fasa-fasa tertentu yang boleh dikunjungi oleh pelancong dan ada fasa-fasa yang perlu kita tutup untuk pengubahsuaian. Dengan bajet RM20 juta ini, mudah-mudahan Pulau Kukup akan terus dikenali di negeri Johor mahupun di luar negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang keterjaminan bekalan makanan yang mana saya rasa cukup penting untuk dibincangkan bersama kerana ini adalah merupakan soal periuk nasi dan perut rakyat, kalau makan tak cukup susahlah kita. Di daerah Pontian khususnya, nanas merupakan salah satu industri tanaman terbesar di Johor. Namun sekarang ini, penghasilan nanas sudah semakin berkurang kerana disebabkan pengusaha dan juga petani yang mengusahakan nanas telah berubah arah untuk mencari produk yang lebih stabil dan menjamin masa depan mereka iaitu menanam

sawit. Namun yang demikian, walaupun kerajaan telah memperuntukkan RM1 juta untuk meningkatkan produktiviti industri agro makanan dan melancarkan aktiviti *eksport* buah-buahan berpotensi, kita juga harus lebih meneliti dan juga menyusun apakah yang hendak dibuat oleh kerajaan negeri. Ini adalah satu lagi persoalan yang mana saya sendiri kurang jelas apakah maksud buah-buahan yang berpotensi? Mudah-mudahan EXCO kerajaan negeri yang berhubung dengan pertanian ini dapat menggariskan kepada kita, apa yang dimaksudkan buah yang berpotensi? Di daerah mana yang ada buah yang berpotensi ini? Sejauh mana ianya boleh diperkasakan? Kerana kalau kita tengok di R&R, kawasan rawat dan rehat sepanjang di dalam negeri Johor itu sendiri, kita boleh lihat berapa banyak buah yang di import daripada Thailand dijual kepada penduduk tempatan. Di mana buah-buahan yang dikeluarkan dari daerah-daerah kita? Sudah semakin berkurangan dan kita berharap kerajaan juga mengambil tindakan untuk mengawal keadaan ini kerana supaya membolehkan hasil tani kita sendiri dapat diletakkan dan dijual di kawasan-kawasan R&R sepanjang di dalam negeri Johor ini.

Saya juga ingin menanyakan kaedah bagaimana peruntukan RM3.1 juta ini untuk meningkatkan produktiviti industri agro makanan dan merencanakan aktiviti *eksport* buah-buahan berpotensi yang akan dilaksanakan supaya 195 usahawan tani ini dapat menafaat yang mana hasil pengeluarannya dapat disasar dan dapat dicapai?

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin membawa isu berhubung dengan projek perumahan sakit di DUN Kukup. Di Taman Satria di mana projek sakit ini terbiar terlalu lama. Banyak alasan yang diberikan berhubung dengan urusan mahkamah dan sebagainya. Sudah puluhan tahun, kita tidak pasti mahkamah mana yang belum menyelesaikan isu sampai puluhan tahun. Adakah mahkamah akhirat nanti yang DiPertua? Ini yang kita bimbang kerana rakyat semakin terjejas, mereka terpaksa membayar bank sedangkan tidak ada rumah, ini yang kita bimbang, kalau ada perkara-perkara yang perlu kita segerakan untuk membolehkan rakyat kita menikmati perumahan ini. Saya juga ingin memohon kepada pihak kerajaan supaya perumahan RMMJ yang mampu milik di DUN Kukup, setakat ini saya tidak nampak ada disenaraikan tentang rumah mampu milik. Di Kukup juga adalah merupakan kawasan kritikal yang amat memerlukan perumahan mampu milik terutamanya generasi kedua. Ini perlu saya suarakan kerana di kawasan Kukup ini kalau kita lihat, ada ramai, ada banyak kawasan-kawasan yang masih kosong, estet-estet lama yang dah ditinggal puluhan tahun. Adakah kerajaan negeri tidak boleh mengusahakan untuk membina Rumah Mampu Milik Johor di kawasan DUN Kukup? Dan juga dalam senarai 30,000 unit rumah mampu milik yang ingin dibina sehingga 2026, saya berharap EXCO Perumahan dapat memasukkan sedikit bagi kawasan rakyat Kukup. Kerana ini amat diperlukan dan inilah janji kita di dalam Manifesto Barisan Nasional yang lalu.

Kerajaan negeri juga perlu membantu mendapatkan peruntukan yang agak lebih besar bagi hakisan pantai terutama di sepanjang Pantai Rambah di Rimba Terjun kerana keadaannya amat kritikal. Banyak pemilik-pemilik geran dah tak tahu di mana tanah mereka. Ini juga satu isu yang bakal akan timbul, mereka ada geran tetapi tak tahu di mana tanah mereka kerana tanah mereka sudah berada di tengah-tengah pantai, di tengah laut. Ini akan menimbulkan persoalan dan saya berharap terutamanya di kawasan Rimba Terjun ini perlulah disegerakan memandangkan kawasan hakisannya amat-amat parah dan perlu tindakan segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam kawasan pelancongan ini tadi, saya juga ingin memohon supaya kerajaan negeri memasukkan pertandingan jong sebagai salah satu permainan di peringkat negeri dan juga antarabangsa kerana Pejabat Daerah Pontian yang hadir pada hari ini ke Iskandar telah juga melaksanakan 2 tahun berturut-turut pertandingan jong peringkat antarabangsa bersama juga dengan DUN Tanjung Surat.

**YB Speaker** : Yang Berhormat tinggal 2 minit aje.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menzahirkan rasa kecewa dan juga rasa pilu saya di dalam Dewan yang mulia ini, tentang apa yang berlaku daripada rakyat Palestin. Saya juga merasakan tindakan yang dibuat oleh Zionis Isreal ini amat melampaui batas, tidak ada perikemanusiaan, kita tahu isu Israel ini telah pun bermula sejak 1948, kerana keganasan yang tidak terbatas inilah saya menyeru seluruh Bangsa Johor supaya sama-sama bersolidariti untuk mengecam tindakan kejam Isreal di negara Palestin ini. Marilah kita sama-sama membantu apa juga program yang berkaitan dengan rakyat Palestin kerana ini sebagai umat Islam ianya adalah merupakan satu pegangan dan akidah kita kerana itu Masjidil Aqsa adalah merupakan salah satu masjid yang diagungkan oleh umat Islam. (Dewan bertepuk).

Oleh yang demikian, saya berharap satu resolusi perlu dibuat di dalam Dewan ini untuk mengutuk kekejaman Zionis Isreal. Dan selamatkanlah rakyat Palestin ini dan heret mereka yang bertanggungjawab ini ke muka pengadilan antarabangsa bagi dihukum kerana keganasan kemanusiaan. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Simpang Jeram, 20 minit.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Perpaduan, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan Johor 2024 yang berteraskan 6 subjek utama, 29 strategi dan 99 inisiatif. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pemanis dalam memberi hujah, syor dan cadangan dalam sesi pembentangan Rundingan Mengenai Penyata Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor Bilangan 1 Tahun 2023 lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu pemanasan global atau *global warming* dengan izin, bukan satu isu baru. Antara tahun 1993 sehingga 2018, pengembangan haba air membawa kepada 42% kenaikan aras laut. Kajian mengenai kenaikan paras laut di Malaysia oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan bahawa purata kenaikan aras laut bagi tahun 2000 hingga 2050 adalah 0.25 meter iaitu bersamaan dengan 5 milimeter setahun. Laporan daripada Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NARIM), Ogos 2021 menyatakan kenaikan aras laut dikaitkan pada 2 faktor utama.

Yang pertamanya disebabkan oleh perubahan iklim dan pemanasan global. Hampir separuh daripada kenaikan aras laut dalam beberapa abad yang lalu disebabkan oleh peningkatan suhu laut kepada yang lebih panas. Fenomena ini menyebabkan air mengembang yang menyebabkan jasad air memerlukan lebih banyak ruang. Apabila ini berlaku ia menyebabkan aras laut meningkat.

Keduanya, kecairan dan keresapan ais dan glasier di kutub. Glasier dan litupan ais akan cair pada kadar yang tetap pada musim panas. Apabila tiba musim sejuk salji yang dihasilkan daripada air laut yang meruap akan mengimbangi kembali kadar kecairan.

Semenjak kebelakangan ini suhu tinggi yang berpanjangan hasil daripada pemanasan global telah menyaksikan kadar kecairan salji yang lebih cepat dan tinggi. Mengaitkan isu pemanasan global ini dengan Malaysia dijangkakan dalam tempoh 30 tahun beberapa bandar utama di Malaysia juga turut akan hilang dari peta kerana ditenggelami oleh air laut. *Centre for Governance and Political Studies (Cent-GPS)* mendapati hampir semua negeri-negeri di Malaysia akan terkesan dengan peningkatan paras laut.

Pada tahun 2050 dianggarkan bahawa bandar seperti Alor Setar, Port Klang tenggelam sepenuhnya. Walaupun NARIM telah menafikan kajian oleh (*Cent-GPS*) tersebut di dalam sebuah kenyataan media pada 10 November 2019, menerusi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli fenomena peningkatan air laut terus berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Muar Bandar Maharani Bandar Diraja tidak dapat lari daripada fenomena ini dan dijangkakan bandar Muar turut akan ditenggelami air pada tahun 2050 dan sudah pastinya kawasan DUN Simpang Jeram akan menerima nasib yang sama. Kejadian banjir kilat disebabkan air pasang besar daripada 4 hingga 7 November yang lalu telah menyebabkan beberapa kawasan rendah sepanjang Sungai Muar dan persisiran pantai telah ditenggelami air. Kejadian-kejadian ini bukan pertama kalinya berlaku banjir kilat disebabkan peningkatan aras laut ini bukan sahaja telah merosakkan harta benda penduduk, tetapi juga dibimbangi akan menyebabkan kehilangan nyawa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peningkatan air laut ini juga akan mengancam keberhasilan pengeluaran hasil pertanian negeri. Air masin yang masuk ke dalam kawasan pertanian ke kawasan ladang dan bendang akan mengurangkan hasil tanaman dan lebih membimbangkan ianya menyebabkan tanaman itu mati. Utusan Malaysia pada 4 Julai 2023 telah melaporkan kira-kira 80 petani di Kampung Kelicap dan Sungai Suluh di Tanjung Labuh, Batu Pahat telah kerugian juta ringgit apabila tanaman yang diusahakan ditenggelami air masin hampir sepanjang tahun. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bimbang langkah kerajaan negeri untuk membantu negara meningkatkan hasil tanaman padi negeri dalam membantu meningkatkan kadar sara diri beras iaitu sebanyak 80% menjelang 2030 boleh terjejas jika langkah-langkah awal pencegahan tidak diambil. Bagi makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, negeri Johor mempunyai lebih daripada 1,600 hektar sawah padi yang aktif dan lebih 54% terletak di daerah Muar serta Ledang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, langkah kerajaan mengesyorkan semua PBT, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor menjalinkan usaha sama dengan kepakaran universiti awam terutama Universiti Teknologi Malaysia dalam membuat kajian dan menghasilkan Pelan Tindakan Iklim satu tindakan awal yang baik.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan ianya bukan sahaja difokuskan kepada melaksanakan tindakan dalam membuat kajian dan menghasilkan Pelan Tindakan Iklim serta urus niaga *Carbon Trading* dengan izin, tetapi perlu diperluaskan kepada langkah pencegahan dari sudut keperluannya. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn telah menjalankan kajian saliran dan pengurusan air ribut. Hasil daripada kajian berupa *hotspot* banjir telah dikenal pasti di beberapa kawasan sekitar bandar Muar.

Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Johor, Majlis Perbandaran Muar kerana telah membina beberapa struktur kawalan banjir sepanjang kawasan tadahan Sungai Muar bagi mengurangkan risiko banjir. Walau bagaimanapun, seperti sedia maklum daerah Muar merupakan salah satu daerah di Johor yang terkesan akibat banjir monsun dan banjir pantai kerana kedudukannya berada di hilir sungai dan berdekatan dengan Selat Melaka. Kejadian banjir besar di daerah ini akan diburukkan lagi jika berlaku limpahan Sungai Muar dan kejadian fenomena air pasang besar.



Hasil kajian yang disebutkan di atas menunjukkan beberapa penyelesaian jangka pendek dan panjang dapat mengurangkan masalah banjir ini. Beberapa kawasan seperti di Mukim Bakri, Mukim Sungai Raya, Bandar Satu, Bandar Dua dan Bandar Maharani telah dicadangkan beberapa penyelesaian seperti menaik taraf parit keliling, menaik taraf ban sungai, ban pantai, membina kolam takungan, membina saluran air keluar dan menaik taraf sistem perparitan sedia ada, memasang pam dan membina pintu air di beberapa kawasan *hotspot* banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar kerana cakna berkaitan dengan perkara ini. Dalam pembentangan Belanjawan 2024 Teras Kelima, Strategi Keempat, sejumlah RM18.9 juta telah diperuntukkan bagi menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir di sungai. Walaupun peruntukan ini kecil dan pastinya tidak dapat menyelesaikan masalah banjir kilat, banjir monsun secara total terutama di daerah Muar dan DUN Simpang Jeram, namun ianya menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri meminumkan kesan banjir kilat, banjir monsun jika berlaku. Saya yakin dan percaya peruntukan yang lebih dapat diangkat kepada kerajaan persekutuan bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kekurangan beras tempatan di pasaran hangat diperkatakan dan diperdebatkan oleh rakyat di media-media sosial hatta lanjutan hingga ke kedai kopi, warung-warung dan di mana sahaja. Isu ini dari hari ke sehari dilihat semakin panas dan timbullah dakwaan-dakwaan liar yang secara totalnya menyalahkan pihak kerajaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, kekurangan beras tempatan di pasaran sebagaimana kita sedia maklum disebabkan oleh beberapa faktor. Apabila negara luar pengeksport beras ke Malaysia seperti India, Vietnam dan berapa negara lain telah menghentikan pengeksportan mereka bagi menjaga kepentingan negara mereka, menyebabkan harga beras *import* meningkat naik dengan drastik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kenaikan harga beras putih *import* ini telah menyumbang kepada peralihan *trend* pembelian pengguna kadar makanan rugi di negara ini. Sekaligus menyebabkan kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran. Peningkatan sebanyak 60% harga beras putih *import* pada akhir Ogos tahun lalu selain pengukuhan Dolar Amerika berbanding Ringgit telah memberi impak kepada peningkatan beras putih *import* yang tahap kebergantungannya adalah sebanyak 30%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sikap tidak amanah dan pertanggungjawaban mencampurkan beras import dengan beras tempatan dan dijual dengan harga beras *import* juga menyebabkan beras tempatan seolah-olah tidak mencukupi. Dan ini mengakibatkan di kedai, *supermarket* dan *hypermarket* beras tempatan ini seolah-olah hilang dari pasaran. Walaupun terdapat kritikan terhadap kerajaan, pelbagai usaha telah dilakukan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan seperti Program Beras Putih Tempatan, Ops Jamin dan operasi beras putih tempatan selain meningkatkan pengeluaran sebanyak 20% bekalan bagi memastikan ia mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam menyelesaikan isu ketidakcukupan beras tempatan di masa ini dan masa mendatang, hasrat kerajaan negeri Johor untuk terus komited menjadi penyumbang utama sektor pertanian dan agro makanan negara perlu kita sokong. Tawaran kerajaan negeri dengan menawarkan tanah di negeri ini untuk dipertimbangkan bagi peluasan kawasan penanaman padi bukan sahaja dilihat dapat meningkat peratus pengeluaran beras tempatan negara, tetapi secara tidak langsung meningkatkan kecukupan beras tempatan di negeri Johor. Tawaran ini perlulah disambut dengan baik bagi menjamin keterjaminan makanan negara khususnya di negeri Johor.

Saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar atas keprihatinan Yang Berhormat bagi memastikan keperluan beras negeri

dapat dipertingkatkan melalui Teras Kedua, Strategi Keempat Keterjaminan Bekalan Makanan. Inisiatif Pertama Pelan Pembangunan Industri Padi dan Beras di bawah Periuk Nasi Selatan bagi hasrat meningkatkan produktiviti pengeluaran beras sehingga 13,000 tan metrik dan dijangkakan dapat dimanfaatkan oleh 700 pesawah di negeri Johor.

Bagi makluman Ahli Dewan, Johor memiliki 10 kawasan sawah padi seluas lebih daripada 1,600 hektar merangkumi di Tangkak 842.97 hektar, Muar 364.22 hektar, Mersing 549.38 hektar, Batu Pahat 141.70 hektar dan Kluang 356.12 hektar membabitkan 875 pesawah. Bagi makluman, musim menuai padi antara 2021 dan 2022 pula, Johor mengeluarkan 10,783 metrik tan padi iaitu bersamaan dengan 7,551 metrik tan beras. Walau bagaimanapun, dibimbangi hasrat murni kerajaan meningkatkan hasil pengeluaran beras ini tidak mencapai sasarannya. Sebagai contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan Sungai Balang tanah sawah padi seluas 364.22 hektar daripada keluasan tersebut yang ditanam padi hanya 297 hektar, manakala 3.306 hektar telah didirikan bangunan rumah, 7.3992 hektar pula telah ditanam kelapa sawit dan seluas 1.54 hektar telah kosong oleh pemilik tanah. Saya dimaklumkan juga terdapat pemilik tanah yang telah memajakkan lot tanah mereka dan ini mengakibatkan penanaman padi tidak diusahakan secara baik dan ianya mengurangkan pengeluaran di kawasan ini. Justeru ini, saya mohon supaya suatu tindakan yang tegas perlu diambil kepada pemilik-pemilik tanah sedia ada yang menyalahgunakan tanah mereka bagi tujuan lain dan tindakan tegas ini bagi memastikan kawasan penanaman padi sedia ada benar-benar digunakan sebagaimana syarat asal. Dan insya-Allah dengan tindakan tegas ini hasrat kerajaan negeri dalam meningkatkan pengeluaran beras di negeri Johor mudah-mudahan terlaksana.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi makluman Ahli Dewan ini pada tahun 2022 sahaja keperluan beras bagi negeri Johor adalah sebanyak 314.207 metrik tan. Bagi memastikan negeri Johor menjadi negeri penyumbang utama sektor pertanian agro makanan lebih-lebih lagi dalam meningkatkan pengeluaran beras negara, maka dicadangkan satu kajian lanjut perlu dilaksanakan di daerah Muar bagi membolehkan lebih banyak tanah digunakan untuk tujuan pengeluaran beras ini.

**YB Speaker :** Yang Berhormat...

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) :** Saya.

**YB Speaker :** Tinggal tiga minit lagi.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) :** Saya juga mencadangkan bajet berkaitan pertanian ini dapatlah dipertingkatkan supaya ianya benar-benar menunjukkan komitmen kita dalam hal ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ekonomi berasaskan pengetahuan adalah sistem ekonomi di mana pengeluaran barang dan perkhidmatan berdasarkan kepada aktiviti intensif berasaskan pengetahuan yang menyumbang kepada kemajuan dan inovasi teknikal dan saintifik. Sejak akhir tahun 2000, ekonomi berasaskan pengetahuan muncul dengan memuncak kuasa pengetahuan dalam sektor modal insan dan kini ditandakan sebagai peringkat terkini pembangunan dalam penstrukturan semula ekonomi global.

Yang Berhormat Datuk Speaker, buat masa ini ekonomi Malaysia terutamanya didorong oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang lebih 50% kepada KDNK negara, sektor pembuatan juga merupakan penyumbang utama kepada ekonomi menyumbang kira-kira 23% daripada KDNK. Menurut Bank Dunia, Malaysia berkemungkinan melonjak daripada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi semasa kepada ekonomi berpendapatan tinggi sekitar tahun 2024 dan 2028. Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.5% pada 2022 didorong terutamanya oleh pemulihan kukuh dalam penggunaan. Pengumuman

penubuhan *Johor-Singapore Special Economic Zone* dan *Special Financial Zone* yang akan dimeterai MoU nya di antara kerajaan Singapura dan kerajaan Malaysia pada 11 Januari 2024 akan menjadi salah satu pemangkin ekonomi kepada negeri Johor.

Yang Berhormat, mengenai situasi ini kerajaan negeri diseru bagi menyediakan ekosistem yang lebih kondusif dalam mengembangkan potensi sedia ada. Untuk tujuan itu, suatu kerjasama strategik antara universiti setempat bersama daerah Muar adalah dicadangkan. Buat masa ini, inisiatif *Living Lab Muar* yang telah dimulakan oleh Pejabat Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar dan Universiti Tun Hussein Onn telah menampakkan hasilnya. Sejak kerjasama dilaksanakan pada tahun 2018, daerah dan masyarakat setempat telah mendapat impak yang positif. Melalui sistem ini, penerangan terhadap pendidikan Muar dapat ditonjolkan melalui mural-mural yang berkisar kepada lokasi pelancongan, unik serta tradisi masyarakat setempat di Muar. Kejayaan ini membuka mata ramai pihak serta menarik pelancong domestik dan antarabangsa. Ia juga mendapat liputan luas media-media massa setempat. Ini telah memberikan pendapatan yang baik kepada pengusaha pelancongan, produk makanan serta perhotelan di Muar. Hari ini, lorong-lorong belakang di Muar telah menjadi salah satu *benchmark* negara dan kerap dilawati oleh pelancong-pelancong terutamanya pada hujung minggu.

**YB Speaker** : Yang Berhormat, masa tamat.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Izinkan saya...

**YB Speaker** : Tak boleh Yang Berhormat.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata saya Simpang Jeram mohon supaya cadangan-cadangan untuk menaik taraf sistem pelancongan di daerah Muar dapat dilihat melalui Belanjawan 2024. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih Simpang Jeram. Saya jemput Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Gangguan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bacaan selawat. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana beri ruang kepada saya. Sesi yang lepas saya ingat Speakernya Datuk Samsol, hari ini Datuk Puad. Jadi, mungkin Datuk Puad tak dengar apa yang saya katakan pada perbahasan yang lepas. Jadi ada beberapa perkara saya terpaksa cerita semula untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Speaker terutamanya masalah banjir Sri Medan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, terutamanya sebelum saya meneruskan ucapan perbahasan saya, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada 22 hari bulan 11 tahun 2023. Saya juga ingin merafak sembah seraya merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang telah diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut, marilah kita berdoa (Dewan bertepuk) agar Piala Malaysia juga akan menjadi milik pasukan JDT. Dan juga saya ingin

mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Belanjawan Johor 2024. Dalam perbahasan kali ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak dapat nak menyentuh semua teras, kita ada 6 teras, 29 strategi, 99 inisiatif. Saya cuba menyentuh serba sedikitlah apa yang telah dibentangkan dalam belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya rasa masa pun tak mencukupi, kesian saya tengok tadi Simpang Jeram, saya rasa banyak lagi tu, ya dia pengalaman pertama Datuk Speaker.

Perbahasan yang lalu banyak saya bangkitkan tentang banjir. Saya ingat kalau kata boleh menangis tu, saya nak menangislah, boleh menitis air mata. Jadi pada ketika itu, selepas DUN Sri Medan dilanda banjir, banyak perkara yang kita lalui sampai sekarang pun sebenarnya tak selesai lagi, banyak lagi yang perlu kita tangani, banyak perkara yang perlu saya dapat kerjasama daripada semua jabatan-jabatan dan hari ini bila banjir masih, kita masih trauma dengan keadaan banjir yang lepas. Dua, tiga hari lepas Medan ini memang nasibnya saya ingat yang sentiasa diuji kerana kita terlibat pula dengan banjir kilat. Banjir kilat kalau empat hari lepas di Kampung Air Putih dan semalam berlaku di kawasan Sri Medan di Kampung Sri Jasa, di Jalan Besar Sri Medan, di Kampung Parit Haji Ahmad, itu antara tempat-tempat yang menjadi tempat kira *hotspot* jika berlakunya banjir kilat. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sebagai ADUN saya ingat dekat 10 tahun, ini merupakan satu pengalaman yang cukup pahit kerana saya terpaksa lalui bersama penduduk kawasan DUN Sri Medan dan saya tahu jabatan-jabatan pun banyak membantu.

Dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah Batu Pahat, saya difahamkan telah menyalurkan peruntukan yang diberi oleh NADMA dan juga kerajaan negeri yang berjumlah saya ingat RM53 juta banyak. Kalau di Batu Pahat sahaja pun saya ingat lebih 20,000 mangsa yang terlibat ketika banjir yang lepas. Tapi, saya dimaklumkan masih ada lagi yang belum dapat dan masih ada lagi yang kata belum terima bantuan wang ihsan yang disebut-sebut oleh kita semualah. Sebab itu, tadi saya dengar ada rakan-rakan menyebut dia kata perlu pengagihan wang itu perlu dipercepatkan kerana saya ingat lagi janji Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ketika selepas saya berbahas ketika penggulungan, tempoh untuk memberi Bantuan Wang Ihsan ini kepada daerah Batu Pahat mungkin sehingga akhir tahun, ok kita akur. Tetapi, saya ingin ingatkan di sini bahawa tanggungjawab kerajaan negeri mesti memastikan bahawa setiap mangsa yang telah berdaftar yang telah diperakui mesti memperolehi Bantuan Wang Ihsan.

Ini Wakil Rakyat DUN Sri Medan bercakap, kerana kita tak mahu akhirnya perkara ini diterima sebagai satu bebanan kepada Wakil Rakyat. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker saya mengharapkan bantuan daripada kerajaan negeri agar tengok balik, saya dah sebut dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Batu Pahat dengan Yang Berhormat Datuk Speaker ada sama ketika Mesyuarat Tindakan Daerah. Saya tak kiralah siapa Pegawai Daerah, saya tahu Pegawai Daerah ini akan bertukar setiap masa tapi pastikan apa keputusan yang dibuat oleh Pegawai Daerah pada ketika itu mesti dipertanggungjawabkan oleh Pegawai Daerah yang baharu. (Dewan bertepuk). Itu yang paling penting kerana kita tahu, orang Medan, tuan-tuan pun tahu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya pun tahu macam mana teruknya kita menghadapi banjir pada ketika itu.

Sebab itu, Yang Berhormat Datuk Speaker saya ingin mengucapkan terima kasih jugalah kepada agensi-agensi yang ada seperti JPS, JKR, *Southern Volunteers* malam tadi pun mereka bergegas ke kawasan Sri Medan untuk membantu, untuk membersihkan rumah-rumah yang terkena banjir kilat. Sebab itu saya dah selalu menyebut, kita pun tahu, YB Raven, EXCO telah datang ke Batu Pahat. Apa yang saya nampak di sini, kekangan peruntukan daripada jabatan-jabatan yang ada ini sebenarnya tak mencukupi Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau apa yang telah dimaklumkan ketika perjumpaan saya dengan JPS, JPS Daerah, peruntukan tak melebihi 40% dengan keadaan panjangnya parit dalam kawasan DUN Sri Medan, hampir 400 kilometer, hanya 100 lebih kilometer sahaja

yang boleh diperuntukkan untuk dicuci parit, sedangkan kawasan-kawasan yang berisiko untuk menghadapi banjir ini adalah kawasan DUN Sri Medan.

Tadi bila kita berborak tadi di luar, ada juga rakan-rakan daripada Parit Yaani dia sebut, selalu salahkan JPS, saya bukan nak salah JPS, saya tahu JPS ini ada kekangan dia, tetapi macam mana kita nak menguruskan dengan tak sampai 40% pun peruntukan yang ada untuk menguruskan parit-parit yang ada. Kalau kata daerah Batu Pahat saya rasa tak kurang daripada 2,000 kilometer untuk pengurusan daerah Batu Pahat, ini sebenarnya akan beri kesan untuk jangka masa panjang. Saya pun tahu saya dah sebut ketika sesi perbahasan yang lepas, kalau Sungai Simpang Kiri itu, projek untuk projek tebatan banjir dilaksanakan setiap 10 hingga 15 tahun sekali. Hari ini Sri Medan kalau kata nak banjir pun 10,15 tahun sekali. Kalau nak kata musibah banjir pun kita dah tahu dah daripada tahun 86 daripada tahun 2006, tahun 2016, 2017 dan tahun 2023. Kalau Yang Berhormat Datuk Speaker boleh kira pun dalam tempoh 10,15 tahunlah sebenarnya berlakunya banjir di Sri Medan.

Jadi kalau ini perkara ini tidak menjadi satu pengajaran kepada kerajaan, saya difahamkan beratus juta kerajaan terpaksa peruntukkan untuk membantu rakyat, membaik pulih rumah dan sebagainya untuk apa untuk membaiki rumah-rumah yang rosak. Saya rasa kita akan menghadap masalah yang sama lebih-lebih lagi dengan keadaan monsun timur laut, hari-hari bila kata hujan lebat kita dalam keadaan kita pun khuatir, apa jadi dengan Medan ya? 12.40 pagi ya orang kampung teks saya, kampung kena banjir kilat. Kerana kita lihat monsun timur laut ni, dia belum diisytiharkan sebagai bencana Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau kita lihat, kalau sapa yang dimaklumkan oleh rakan saya EXCO yang bertanggungjawab monsun timur laut ini akan berlanjutan hingga bulan 3 atau bulan 4, sedangkan monsun timur laut ni dia akan berlaku hujan lebat, dia akan berlaku banjir kilat sedangkan hari ini dia memberi kesan yang cukup panjang kepada penduduk-penduduk tempatan.

Contoh, peniaga, hari ini kalau kata bencana kita bayangkan bencana itu banjir, bencana itu kebakaran tapi hari ini monsun timur laut sebenarnya kalau kata kerajaan negeri kena mengambil kira sebagai satu bencana kerana kesannya juga kepada siapa? Kepada peniaga-peniaga. Yang meniaga tepi jalan kalau dulu dapat RM50.00, RM70.00 hari ini dah tak dapat dah. Buka aje *stall*, selepas pukul berapa, beberapa jam hujan lebat, beri kesan. Yang meniaga-meniaga, yang sewa PBT dengan kedai dan sebagainya akhirnya mereka tak boleh bayar sewa kerana pengunjung dah tak ada.

Sebab tu hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker saya ingin mengajak kerajaan negeri untuk melihat bahawa fenomena monsun timur laut ini sebagai bencana dan perlu kerajaan mengambil kira kesan kepada rakyat yang ada di luar sana kalau peniaga perlu bantu mereka kalau kata pekebun macam mana sawit itu tak boleh nak dipetik kalau kata banjir, berlaku air termenung, tak boleh nak keluarkan sawit. Kalau pekebun getah tak boleh nak noreh getah. Jabatan mana yang bertanggungjawab? Kalau saya tanya ea, kalau YB EXCO yang berkaitan kalau kata bolehlah senaraikan dengan saya dan juga Ahli Dewan apa bantuan yang telah diberikan ketika banjir yang lepas. Saya ada sebut, agensi Jabatan Pertanian apa? Dengan jumlah yang kena keluarga lebih 20,000 apa bantuan yang diberi untuk bantu petani-petani? Sebab itu saya nak mengajak Ahli Dewan semua untuk kita setuju bahawa monsun timur laut ini juga perlu ditangani sebagai satu bencana dalam negeri Johor.

Kalau kata tak bantu, jadi rakyat kalau hari ini kita kata nak tahun 2030 negeri maju. 2030 negeri maju, tadi Simpang Jeram sebut 2030 Muar akan tenggelam. Mana datangnya negeri maju kalau Muar nak tenggelam? Ya? Mana datangnya negeri maju kalau Muar nak tenggelam? Semua aktiviti tak boleh berjalan, kita dah tahu dah kita ada tempoh tak sampai tujuh tahun sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita hebat bercakap, mana

ukuran? Ukuran yang rakan-rakan EXCO semua buat untuk menyatakan bahawa 2030 mesti kita jadi negeri maju. Ukurannya apa? Kena pastikan maju tu dalam bentuk apa? Rakyat semakin susah? Rakyat semakin miskin? Kalau dulu COVID, kena banjir selepas banjir, kena banjir kilat sampai bila kita nak menghadapi keadaan ini untuk menghadapi tahun 2030. Saya rasa kerajaan kena tengok dia bukan kita kata wah! Satu perjuangan yang retorik. 2030 kita negeri maju. Tak pe, saya setuju saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar saya setuju dengan apa yang dibentangkan saya tak da lah kata wah! Ini pembentangan mungkin retorik, tak. Tapi rakan-rakan semua sepuluh-sepuluh EXCO ni bentangkan pencapaian dari semasa ke semasa sehingga 2030. Ini yang paling utama kerana rakyat susah macam mana saya fikir. Ha, saya pernah *post* satu *facebook status*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya boleh kongsi saya tanya dengan rakan-rakan *facebook* saya apa berapa agaknya eh duit dalam kocek kawan-kawan saya semua hari ini. Komen beratus Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ada RM20.00 aje tok nak tunggu 3 hari lagi untuk gaji, ada yang sebut saya nak beli susu anak pun dah tak boleh. Macam mana eh rakan-rakan EXCO, kita mendukung kerajaan hari ini sebagai EXCO kerajaan negeri tapi ada lagi orang yang susah dalam kawasan kita. Ini tanggungjawab sebab tu Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia ada tajuklah saya baca sini tema dia “Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat”, saya pun ada saya punya tema dalam perbahasan kali ini. 4M, Memahami, Merasai, Menjiwai, Melaksanakan Denyut Nadi Rakyat. (Dewan bertepuk).

Kena tahu, kita bukan boleh kita bercakap kita tahu tak apa yang berlaku di bawah? Minta maaf Yang Berhormat Datuk Speaker eh, saya kena sebut eh, siapa Yang Berhormat Datuk Speaker pun sebagai Wakil Rakyat apa sebenarnya berlaku di peringkat akar umbi ini? Yang perlu kita tangani RM1.8 bilion seperti yang diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, 64% lebih adalah perbelanjaan pengurusan. Ea? 64.6% adalah perbelanjaan pengurusan, 34% lebih hanya untuk perbelanjaan pembangunan. Macam mana ea datangnya, datangnya soal negeri maju ni? Saya pernah berpengalamanlah sebagai EXCO kerajaan negeri Johor setiap tahun emolumen mesti naik, 5 hingga 10% mesti naik. Ada jabatan jumpa saya “tok, peruntukan kurang la tok, tak boleh program terpaksa kita kecilkan”, program kita kecilkan, gaji tetap naik. Kita pun hari ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dah umumkan kita dapat 2 bulan bonus, kat luar tu kita nak menjawab sebenarnya tapi tak apalah rezeki, rezeki jangan ditolak, jadi sama-sama jawablah kawan-kawan saya di sana. Bila itu hari kita bentangkan, angkat tanganlah betul macam Datuk Jefridin sebut angkat tangan jangan sampai kita apa? Kita kan dah jadi sahabat, rakan pengimbang. Sokong! Kat luar ni teruk ni, ni belum lagi kita belum umumkan *rumours* macam-macam Datuk Speaker. Gaji Speaker naik, gaji contoh minta maaf, gaji EXCO naik, saya rasa teruk kita tapi tu tak ada masalah tapi kita tahu mereka pun tahu tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat. Kalau nak dibandingkan dengan negeri lain kita masih rendah, betul, masih rendah tapi macam mana kita nak menangani, menangani apa, soalan daripada rakyat selepas ni, kena sama-samalah. Baru kita seronok, baru kata kerajaan kita didukung oleh rakan-rakan pengimbang kita boleh bergerak satu nada, satu derap, itu yang kita nak.

Sebab tu, Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam saya tema, pasal saya memahami, merasai, menjiwai, melaksana ni saya 4 perkara yang selalu saya cuba bawa dalam mana-manalah program-program saya. Yang pertama soal perumahan. Mana-mana cerita soal perumahan, rakan-rakan YB saya, rakan-rakan di sebelah sini pun cerita pasal perumahan tapi apa yang saya, kita nak buat pasal perumahan? Selama ni kita cerita pasal SPNB Syarikat Perumahan Negara Berhad kita bawa turun, berapa ramai anak-anak muda yang datang berpusu-pusu kerana nak tahu apa dia SPNB boleh bantu, yang mohon belum dapat pun apa nak tahu status dia. Apa kerajaan buat ya?

Saya sukalah bukan saya dengki ya apa Mahkota dapat PPR berapa belas juta ke ratus juta tak apa, saya tak ada masalah, saya suka. Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan saya Kampung Atap, Kampung Satay, Jalan Masjid masih banyak lagi rumah setinggan yang belum kita uruskan. Bulan lepas, saya ada 4 buah rumah kena robohkan oleh pemilik yang baharu. Macam mana kita nak letak mereka kat mana YB? Tolonglah saya YB nasib baik adalah YB EXCO Agama dalam kawasan saya dia bayarkan sewa guna Majlis Agama Islam, nasib baik tapi ada lagi lebih daripada 60, 70 rumah yang kita nak selesaikan ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Jafni ada satu kes di Kampung Patani, alhamdulillah atas usaha EXCO Perumahan bekerjasama dengan PKPJ, alhamdulillah kita dapat pindahkan mereka di satu tapak perumahan baharu. Ha ini...

**YB Speaker** : Yang Berhormat tinggal 2 minit je lagi.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Ada banyak perkara lagi ini tak boleh boleh dapat masa kecederaan tak boleh Datuk Speaker, pasal banjir ni ea? Saya minta ihsan sikitlah...

**YB Speaker** : 2 minit Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : 2 minit eh? (Ketawa) yang kedua, tadi pertama perumahan yang kedua pekerjaan. Pekerjaan ni kita cerita 2.5% lah ok, apa pengangguran dalam negeri Johor betul ke data tu? Cek betul-betul YB EXCO saya tengok ramai juga, bukan tempat saya tempat orang lain pun ramai, banyakkann karnival pekerjaan tak ada duit, kalau YB EXCO tak ada duit gunakan duit Yayasan PBT yang ada 16 yayasan yang ada di negeri Johor, gunakan. Macam mana saya gunakan Yayasan Makmur Batu Pahat, YB Datuk Samsol gunakan Yayasan Makmur Yong Peng untuk kita mengerak karnival pekerjaan untuk bantu anak-anak muda. Pendidikan itu penting, macam mana kita nak pastikan anak-anak kita dapat pendidikan yang cukup kalau dulu mereka miskin keluarganya, mereka boleh jadi kaya, mereka boleh mengubah nasib keluarga mereka. Ada satu teori pembangunan masa saya belajar dulu, ada satu teori pembangunan dia sebut Teori Putaran Ganas. Teori Putaran Ganas ini dalam kita punya, kita belajar, dia sebut kalau bapak tu dulu pemandu anaknya mesti jadi pemandu. Macam kat Korea Utara, minta maaf ea, ada satu negara di luar kan? Kalau mereka tu keluarganya pesawah pastinya menjadi pesawah tapi kita kena ubah, nak mengubah nasib sesuatu kaum, sesuatu keluarga mesti bermula daripada pendidikan. Pendidikan itu lah sebenarnya yang boleh membantu mengubah nasib keluarga mereka.

Dan yang terakhir Yang Berhormat Datuk Speaker, kos sara hidup. Banyak Jualan Rahmah apa semua ni, Yang Berhormat Datuk Speaker pun tahu pulak di kawasan kita Jualan Rahmah. Saya minta kalau kita tak mampulah, bekerjasama lah dengan kerajaan pusat yang ada buat program-program Jualan Rahmah. Orang Medan bukan tak ada duit Yang Berhormat Datuk Speaker, orang Sri Medan kaya tapi orang Seri Medan nak harga yang lebih rendah daripada harga yang mereka tawarkan hari ini. Bukan tak ada duit yang tak mampu, Baitulmal ada. Mereka yang dah tak boleh nak beli barang, JKM ada, tetapi mereka yang mampu mereka ada duit tapi mereka nak harga rendah. Jadi, kalaulah mereka boleh belanja dengan duit yang mereka ada dengan sebaik mungkin, insya-Allah negeri maju 2030 orang Medan pun maju semua bangsa Johor semua akan maju. Jadi saya minta maaf Yang Berhormat Datuk Pengerusi, sebenarnya banyak lagi terima kasih kerana peluang yang diberikan kepada saya. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Seri Medan, saya jemput Benut.

**YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama terima kasih di

atas peluang yang diberikan untuk turut sama berbahas pada petang ini sempena pembentangan Bajet 2024 bagi negeri Johor. Seperti mana rakan-rakan Ahli Dewan saya juga mengambil kesempatan untuk ucap Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 22 November baru-baru ini. Patik juga turut merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja atas pengisytiharan pemilihan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Patik juga turut merakam setinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor kerana telah merasmikan *Johor Sustainability Centre* bagi membolehkan negeri Johor terus berada di hadapan dalam usaha untuk memperjuangkan aspek kelestarian sama ada tentang tenaga boleh baharu, tentang teknologi hijau dan sebagainya. Dengan adanya *Johor Sustainability Centre* ini telah meletakkan Johor berada di tempat yang paling hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya juga turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tengku Mahkota Johor yang kita semua tahu bahawa pencapaian kejayaan pasukan JDT ini adalah hasil kegigihan dan juga pengorbanan Duli Yang Amat Mulia Tunku dan hari ini kira point itu *care taken* hari ini saya dah merujuk kepada *podcast*, keluar sekejap sewaktu Duli Yang Amat Mulia hadir dalam siri *podcast* tersebut, dia banyak merungkaikan, banyak persoalan tapi tidak saya berhajat untuk memperkatakannya satu-satu, cuma yang menarik minat saya ialah apabila dalam siri *podcast* itu ditanya, pencapaian Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kalau diukur dari 1 hingga 10 di mana?

Mula-mula Duli Yang Amat Mulia mengatakan 7, *1 to 10, seven*, tapi bila diusik sedikit oleh juru acara turun pulak dah 6. Yang Berhormat Datuk Speaker saya percaya dengan bajet 2024 ini daripada 7 ke atau 6 pastinya pencapaian Yang Amat Berhormat ini sekurang-kurangnya 8. (Dewan bertepuk). Kalau kita ukur daripada skala tersebut. Tapi ada syarat-syaratnya, ada syarat-syarat untuk sampai ke peringkat 8 itu. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan bajet Yang Berhormat dengan tema "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat".

Jadi ini bererti, Yang Berhormat Datuk Speaker, bahawa bajet selalunya berkisar kepada 2 perkara, satu siling, sejauh mana kita boleh pertingkatkan bajet kita. Hasil kerajaan negeri nampaknya terhad walau apa pun pada tahun depan, pada tahun 2024 kita hanya menganggarkan bahawa hasil adalah sebanyak RM1.804 dan perbelanjaan RM1.799. Anggaran Pembangunan RM650 juta, RM650 juta itu adalah lantainya, yang harus kita naikkan kalau misal kata siling kita naikkan, saya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Medan sebentar tadi bahawa kita ada umum tentang soal bonus, ada umum tentang kenaikan elaun, kita menaikkan lantainya, eh kita menaikkan siling. Kos pengurusan meningkat pada tahun depan sebanyak 3.94%. Hasil juga meningkat sebanyak 4.03% tetapi itu silingnya, lantainya macam mana nak tak kita naikkan. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, perlu sebab Johor ini bukannya negara atau negeri yang biasa-biasa. *Its not a mediocre state* sebab itu *Special Economic Zone* berlaku di Johor, *special financial zone* berlaku di Johor. Dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat dengan jelas telah menyatakan bahawa ini adalah satu perancangan pembangunan negeri Johor tidak harus lepaskan peluang daripada meraih sebanyak mungkin faedah daripada kewujudan *Special Economic Zone* ataupun *Special Financial Zone* ini. Alhamdulillah ini bererti bahawa kita tak boleh salahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dia dah ada visi dia, beliau telah pun menyatakan ke mana hala tuju kita. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyambut baik saranan ini, supaya kita cari bagaimana kerajaan negeri boleh mendapatkan sumber hasil baharu.



Amat penting, kerana kita telah menaikkan siling dan kita perlu pastikan lantai juga dapat kita naikan. Dan ini bererti bahawa kalau boleh, cabaran kita, kerajaan pusat mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 4 hingga 5% pada tahun 2024, kerajaan negeri mungkin 7% kalau tak silap saya begitulah 7%, 8%. *That is a very tall order*, dengan izin Datuk Speaker. 7 hingga 8% tentu kita nampak potensi dan peluang yang pada di negeri Johor untuk kita mengunjurkan pertumbuhan sebegitu banyak. Jadi dengan ini saya mencadangkan, Benut mencadangkan, mengesyor kepada kerajaan negeri supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Ekonomi yang akan memberi nasihat dan pandangan bukan hanya tentang soal mengenal pasti hasil baharu tetapi juga kaedah terhadap subsidi yang kita nak bagi, terhadap jaringan perlindungan sosial, terhadap syarikat pemilikan kerajaan yang sedia ada sama ada sudah bersedia atau pun tidak. Untuk meraih sebanyak mana mungkin peluang negeri yang mempunyai *Special Economic Zone* dan juga negeri yang mempunyai *Special Financial Zone* ini. Jadi sebab itu saya kata tadi Yang Berhormat mungkin juga, kita dapat lihat tadi lantai tak naik Yang Berhormat. Tahun 2021 bajet Pembangunan RM850 juta, tahun 2022 bajet Pembangunan RM870 juta, tahun 2023 bajet Pembangunan RM600 juta menurun, tahun 2024 kita jangkakan sebanyak RM650 juta. Itu kepada saya adalah lantainya yang hari ini menurun tetapi juga silingnya nampak macam meningkat. Jadi betullah kata YB Sri Medan tadi, macam mana kita nak menjawab di bawah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berbalik kepada soal dengan adanya *Special Economic Zone* kita pulak negeri yang bukan biasa-biasa, maka perlu kita ada perancangan yang meraih, menaruh sepenuh peluang yang ada. Saya juga mengesyorkan, dengan itu saya mengesyorkan, Benut mengesyorkan supaya diwujudkan satu bandar baharu dalam kawasan Iskandar Malaysia contoh atau kota yang baharu, kita jangan fikir kecil-kecil kita harus bina satu idea yang besar kerana di Kulai itu terdapatnya satu kawasan pembangunan yang dinamakan Ibrahim Technopolis dirangkumkan juga dengan Sedenak Techpark 1 dan 2 yang telah menarik minat begitu banyak pelabur dalam sektor *data centre* ini.

Begitu juga seperti cendawan Yang Berhormat Datuk Speaker, tumbuh di Sedenak, Sedenak Techpark 1 dah mula habis semua habis kawasan dan dalam pembinaan. Sedenak Techpark 2 sedang dalam pembinaan atau pun banyak juga yang membuat tinjauan untuk membangunkan *data centre* di kawasan tersebut. Ibrahim Technopolis kawasan ini merangkumi sebanyak seluas 7,200 ekar, itu tak masuk lagi perancangan Kulim Plantations untuk dia *cut out* sebahagian daripada *plantations* mereka, ladang mereka untuk membangunkan Industri EV, tak jauh daripada situ Yang Berhormat. Ada lagi 2,950 ekar tanah untuk pembangunan industri yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan di atas nama *Southern Catalyst* kenapa tidak ketiga-tiga kawasan ini dirangkumkan, dibangunkan sebuah kota yang baharu (Dewan bertepuk) sebagai satu pertumbuhan ekonomi baharu bagi negeri Johor. Dalam sektor pembangunan *data centre* dalam segi pembangunan *green technology*, dari segi pembangunan-pembangunan kelestarian yang boleh dilakukan di kawasan itu, 7,200 di Sedenak atau Ibrahim Technopolis, 2,000 ekar ladang Sedenak atau pun milik Kulim, 2,900 hampir 13,000 hektar boleh dibangunkan sebagai kota yang baharu Yang Berhormat.

Bila kita dah ada perkara tersebut, Benut mengesyorkan juga kepada kerajaan negeri kalau di Kedah itu Yang Berhormat Datuk Speaker, bila dibangunkan Kulim High Techpark itu dia boleh ada pembekal tenaga secara *independent* secara bersendirian, *independent power producer*. Maka kalau kita kerana Datuk Speaker, kita semua tahu bila *data centre* ini dia tak menyediakan banyak peluang pekerjaan, tak banyak tetapi dia memerlukan tenaga yang begitu banyak, tenaga elektrik, memerlukan sumber air yang begitu banyak sehinggakan pembangunan di Kulai itu menghadapi masalah permohonan-permohonan baharu di luar kawasan *data centre*. Menghadapi masalah untuk mendapat bekalan air, mendapat bekalan

elektrik yang cukup, kerana bimbang dengan adanya permintaan yang begitu meluas untuk pembangunan *data centre*.

Maka, Benut mengesyorkan wajar sampai masa dan ketikanya negeri Johor ini memiliki IPPnya sendiri untuk membekalkan tenaga elektrik kepada industri-industri tersebut. Selain daripada itu SAJ, SAJlah, ia menguruskan air terawat tetapi tidak salah kalau kerajaan negeri tidak menyalahkan atau *Water Supply Services Act* untuk kerajaan negeri memiliki sendiri loji bagi pengeluaran industri dibekalkan kepada industri-industri. Ini yang saya maksudkan hasil-hasil baru bagi kerajaan negeri. Ini tidak termasuk Yang Berhormat Datuk Speaker, cerita-cerita tentang soal nak membekalkan tenaga hijau ke negara jiran kita Singapura. Itu tak termasuk tu lagi, banyak peluang ekonomi baharu yang harus direbut maka sebab itu wajar kerajaan negeri membentuk satu jawatankuasa khas, jawatankuasa penasihat, jawatankuasa khas untuk melihat tentang soal ekonomi bagi memberi nasihat dan pandangan kepada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun 2024 ini memang tahun mencabar. Yang saya boleh ingat boleh ingat ada 4, 5 negara yang akan menghadapi pilihan raya mereka, Singapura akan mengada pilihan raya 2024, Amerika Syarikat mengadakan pilihan raya mereka 2024, India, United Kingdom, Indonesia juga mengadakan pilihan raya. Kita berharap dengan terbentuknya kerajaan baharu, kerajaan yang stabil kerana negara-negara yang saya sebutkan tadi adalah negara-negara pelabur yang besar ke negeri Johor.

Kalau wujudnya ketidakstabilan pada negara-negara berkenaan hasil daripada kesan pilihan raya pada tahun hadapan ianya boleh juga menjejaskan peluang-peluang pelaburan kepada negeri Johor. Sebab apa saya kata begitu Yang Berhormat, Brunei Yang Berhormat ya, United Arab Emirates, Saudi Arabia, KDNK mereka, kita mengukur tadi pencapaian kita melalui KDNK kita menyumbang kepada KDNK Pusat sebanyak 17% dalam sektor pertanian. Brunei, UAE, Saudi Arabia KDNK mereka jauh tertinggi daripada Germany, Sweden, malah Jepun. Tetapi Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak semestinya Brunei, UAE atau Saudi Arabia lebih membangun daripada Germany, Sweden atau Jepun. Jadi, kita mengukuhkan KDNK berbanding dengan pembangunan yang berlaku dalam negara, dua perkara yang berbeza. Sebab itu angka kadang-kadang tidak begitu relevan kepada rakyat yang ada di bawah. Maka bila bercakap tentang soal kita menggunakan KDNK ini perlu optiknya itu baik, optiknya perlulah satu optik yang meyakinkan, kalau tidak kita akan terperangkap dengan perancangan kita sendiri. Sebab itu saya berkata tadi perbandingan tiga negara Arab Saudi, UAE dan juga Brunei tetapi pembangunannya di German, di Jepun dan di Sweden jauh lebih membangun.

Salah satu lagi Yang Berhormat untuk hasil baharu sebelum saya beralih kepada tadbir urus kerajaan. Kita buat perancangan mungkin kerajaan negeri boleh timbangkan *offset* lah dengan pinjaman dengan kerajaan pusat, kita masih ada pinjaman dengan kerajaan pusat saya tak berapa ingat jumlahnya tetapi antara yang terendah, yang paling rendah mungkin negeri Selangor, kedua mungkin yang paling rendah negeri Pulau Pinang, kita nombor tiga Yang Berhormat. Pinjaman yang paling tinggi, yang tak bayar-bayar saya dapat cerita itulah negeri yang mempunyai bajet yang paling besar dalam negara, 10 kali ganda daripada bajet kita tapi hutang *federal* tak bayar. Jadi, kita jangan risau sangatlah tentang hutang *federal* ni. Kalau boleh, projek-projek yang sepatutnya dibuat oleh dibuat oleh *federal* tetapi masih lagi tidak dibuat, kerajaan negeri sewajarnya berunding dengan kerajaan persekutuan, *offset* lah kita buat dulu tapi potong hutang, potong kita punya pinjaman, banyak kita boleh buat projek Yang Berhormat sebab kita nak cari cara naikkan lantai kerana siling kita dah naikkan, bajet bercakap tentang soal siling tentang soal lantai, itu bab apa nama ekonomi kita Yang Berhormat.

Dalam belanjawan Yang Amat Berhormat, kerajaan negeri pada tahun ini menyentuh tentang 6 teras dan salah satu terasnya ialah tadbir urus yang pertama, teras pertama. Yang

Berhormat, saya melihat kepada ada satu kertas yang diletakkan di atas meja kita iaitu penyata tentang Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap. Saya mengalu-alukan cadangan untuk menambah baik Peraturan-Peraturan dan juga Perintah-Perintah Tetap khususnya melibatkan Fasal 110 ditambah dengan 110A dan 110B dan juga 110C. A, B dan juga C.

Yang Berhormat, mengikut lazim kita ya Peraturan Tetap kita ada tiga jawatankuasa yang tetap yang pertamanya Jawatankuasa Perintah-Perintah dan juga Peraturan-Peraturan Tetap, satu, kedua Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ketiga Jawatankuasa Kira-Kira Raya. Tiga jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa Tetap. *It's ok*, benda tu kita kekalkan, kita kekalkan jawatankuasa yang ada. Tetapi saya rasa macam Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhasrat supaya Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana ini kenapa tidak kita buat dalam bentuk Jawatankuasa Pilihan Khas kerana kita bukan hanya berdepan dengan isu perubahan iklim dan juga bencana. Kalau kita ada Jawatankuasa Pilihan Khas, kita juga boleh membicarakan tentang soal ekonomi, soal kewangan, rentas parti. Kita juga boleh bincangkan soal kesihatan, kita juga boleh membincangkan soal pendidikan, keusahawanan, sumber manusia, jaminan bekalan makanan, infrastruktur, pengangkutan dan lain-lain. Semua itu dibuat dalam bentuk Jawatankuasa Pilihan Khas. Tidak menjadi satu Jawatankuasa Tetap, tetap ni dia tetaplah. Dia ada dia punya peraturan tetapi Jawatankuasa Khas ianya boleh dibentuk dan digubal mengikut keperluan semasa. Jadi ini amat penting. Kalau boleh saya minta supaya Jawatankuasa Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap ini dapat memikirkan semula perkara dan termasuklah saya juga terkejut bila Yang Berhormat baca doa. Jadi, saya tanya dengan YB Hahasrin, Panti, *sorry*, YB Panti saya tanya sebab dia yang bentang saya kata kenapa Speaker baca doa? Sebab Jurutulis kita perempuan, saya rasa mungkin itu bukan alasan sebab dulu Cik Shubana pun lama juga Jurutulis perempuan, kalau Datuk ingat masa kita di Parlimen dulu Datuk Rosmee pun 17 tahun Yang Berhormat, tetapi perkara itu tak berbangkit tak membuatkan sehingga Speaker membaca doa kesian Speaker, ada perkara-perkara lain kita terpaksa suruh Speaker pula baca doa. Jadi, saya harap Peraturan-Peraturan Tetap ini perkara-perkara yang melibatkan atur cara dan susunan majlis mesyuarat supaya tidak kita wujudkan suasana ataupun rasa tidak selesa oleh mana-mana pihak kerana selama ini ianya tidak berbangkit.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai Teras Kedua: Pembangunan Ekonomi...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, tinggal dua minit.

**YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut)** : Ok. Terima kasih Datuk Speaker, saya rasa dua minit boleh, betul ada dua keping aje lagi, seminit-seminit. Teras Kedua: Pembangunan Ekonomi Yang Berhormat dalam Teras Kedua kita ada dimaklumkan dalam pembentangan bajet tentang Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor. Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor. Pesatnya pembangunan negeri Johor ini memerlukan tenaga kerja yang mahir, tenaga mahir berkemahiran dan berpendapatan tinggi itu yang kita harapkan. Tetapi Yang Berhormat, dekat Johor ni Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ada SMI, kita ada PUSPATRI, kita ada Johor *Skill Centre*, kita ada PUJB itu tak masuk lagi GLC-GLC lain yang menjalankan latihan dan *job matching* daripada agensi pusat, daripada agensi negeri tetapi akhirnya, pelabur-pelabur yang nak datang ke Johor ini bertanya mungkin YB EXCO Pelaburan nanti mungkin boleh jelaskan, kenapa masih banyak industri yang nak datang bertanya, cukup tak pekerja yang ada di negeri Johor? Apakah *skill* yang ada kepada pekerja-pekerja di negeri Johor? Jadi ini antara perkara-perkara yang saya rasa tak sepatunya berlaku di negeri Johor. Maka itu Yang Berhormat Datuk Speaker, Benut mencadangkan supaya agensi-agensi ataupun pihak-pihak yang menjalankan latihan untuk pekerja dan sebagainya biarlah ada satu agensi tunggal, SMI ke, Johor *Skill* ke, satu sahaja agensi dan yang lain-lain boleh menyokong usaha agensi berkenaan. Ini amat penting bagi

tidak menimbulkan sebarang kekeliruan kepada pelabur-pelabur yang nak datang ke negeri Johor.

Dan akhirnya sekali Yang Berhormat, mengenai Teras Ketiga: Agenda Maju Johor tentang jaringan perlindungan sosial ni. Alhamdulillah banyak perkara yang nak dibuat melalui YPKDT, melalui KEMAS dan sebagainya. Cuma saya nak menambah, Benut nak mengesyorkan satu perkara Yang Berhormat iaitu Pusat *Cerebral Palsy* yang ada di Johor dah 56 tahun Yang Berhormat dia telah melatih pelajar seramai hari ini ada 60 lebih, itu tak termasuk di bengkel yang lebih daripada umur 17 tahun, ada lebih 25 orang yang berada di bengkel tetapi jawatankuasa yang menguruskan Pusat *Cerebral Palsy* seperti sebuah sekolah terpaksa meminta sedekah, terpaksa meminta derma daripada pelbagai sumber. Jadi, Benut mencadangkan supaya kenapa tidak kerajaan negeri mengangkat cadangan supaya Pusat *Cerebral Palsy* ini jadi sekolah kerajaan (Dewan bertepuk). *First in the country*. Johor kan selalu nak jadi *first*, ini juga boleh menjadikan Johor sebagai *first in the country* untuk menjadikan Pusat *Cerebral Palsy* ini sebagai satu pusat yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan persekutuan.

Jadi itu sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan dan saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan bajet yang komprehensif dan saya percaya kalau kita bagi skala 1 hingga 10, pada tahun 2024 ini Yang Amat Berhormat tidak akan mencapai kurang dalam 8. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Tahniah Benut. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini untuk 10 minit ya, jadi kita masuk balik pukul 3.45.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.35 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3.45 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Perbahasan disambung semula. Dijemput Layang-Layang.

**YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim (Layang-Layang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan doa.) Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran saya ke hadrat Allah SWT kerana dapat berada dalam Dewan yang mulia ini dan seterusnya berbahas untuk membahaskan ucapan belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa pembukaan Dewan yang lalu.

Pertamanya, saya juga ingin juga merakamkan sembah saya, ucapan sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas hari keputeraan, ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023 dan saya ingin juga merakamkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas pemilihan yang diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dikurniakan taufik dan hidayah serta inayah pemeliharaan dari Allah SWT dan bertambah-tambah kemuliaan.

Di samping itu juga, saya ingin merakamkan rafaik sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor di atas kejayaan pasukan Johor Darul Ta'zim memenangi kejuaraan bola sepak di peringkat Piala

Super, Piala Liga Super, Piala Malaysia dan seterusnya kejayaan-kejayaan yang akan datang, insya-Allah Piala Malaysia yang akan dilaksanakan, dilangsungkan pada hari akhir tahun ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor, Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama. Semoga pengurniaan ini akan menambahkan lagi kegigihan dan semangat Yang Berhormat Dato' untuk menjadikan Johor sebagai negeri yang maju bersesuaian dengan slogan 'Maju Johor'.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, beberapa garis panduan telah diberikan oleh alim ulama khususnya untuk menjadi sebuah negeri yang maju ada beberapa ciri:

1. Hendaklah penduduknya itu patuh kepada perintah Allah SWT, patuh dan taat kepada perintah Allah SWT.
2. Hasil negerinya tinggi ataupun ekonominya berkembang.
3. Disiplin pegawai dan penjawat awam sangat tinggi dari segi sudut pengurusan.
4. Pendidikan di dalam negeri itu baik dan merata.
5. Angka pengangguran di negeri itu rendah.

Dan yang terakhir negeri itu bersih. Ini disebutkan oleh para cendekiawan ataupun ulama Islam.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di dalam ayat yang saya bacakan di permulaan perbahasan saya tadi, Allah berfirman yang bermaksud, "mereka ini akan ditimpa kehinaan dan juga kemiskinan melainkan mereka menjaga hubungan dengan Allah dan juga hubungan sesama manusia". Maka, di dalam perbahasan kali ini sebagaimana yang dibentangkan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat saya lihat kedua-dua unsur hubungan ini tadi iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia memang ada dan begitu juga dari sudut ciri-ciri sebuah negeri maju itu ada disebutkan oleh alim ulama ada persamaan. Cuma ada sedikit penambahbaikan yang ingin saya cadangkan kepada pihak kerajaan menerusi strategi tadbir urus kerajaan melalui inisiatif yang ketiga iaitu menambahbaik perkhidmatan di kaunter Pejabat Tanah dengan lebih efisien.

Saya ingin mencadangkan soalan ini banyak selalu diajukan kepada saya walaupun bukan datangnya daripada kawasan saya tetapi saya juga menerima pandangan-pandangan mereka supaya diwujudkan satu pasukan *task force* untuk menyelesaikan isu-isu permohonan tanah yang tertangguh lama. Kita sedia maklum sebagaimana yang dibentangkan di dalam belanjawan bahawa hasil negeri daripada cukai tanah ini jumlahnya iaitu RM89%, 89.64% daripada RM1.804 bilion hasil negeri, makna daripada cukai tanah. Maka dengan sebab itu salah satu daripada usaha kerajaan pada hari ini untuk menambahkan lagi hasil daripada kutipan cukai tanah sama ada cukai tahunan atau pun premium, bayaran yang dikenakan kepada kurniaan pengurniaan tanah saya rasa perlu kita wujudkan satu pasukan *task force* oleh pihak Tanah dan Galian sama ada di peringkat negeri, peringkat daerah untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah permohonan yang masih tertunggak.

Saya dapat makluman ada setengah pemohon ini tadi telah mengusahakan lebih daripada 30 tahun. Tanah ini tadi diusahakan permohonan mereka ini tidak diluluskan, satu. Yang kedua ada yang tanah mereka ini telah pun diusahakan dan telah mendapat kelulusan namun mereka tak bayar premium notis 5A tidak bayar, sampai sekarang. Dan ada yang

menunjukkan kepada saya resit daripada tahun 1974. Tuan-tuan cuba bayangkan, kenapa perkara ini boleh berlaku mereka tak bayar premium sedangkan pada ketika itu kalau kita nisbahkan pada hari ini bayaran premium itu hanya sekitar RM270.00

Jadi, sekarang ni nilai tanah tu dah tak boleh dinilai dengan RM270.00 tapi tidak ada *follow up* macam mana kita kesan mereka-mereka ini. Dan, ada juga di tempat saya kelulusan tanah berkelompok iaitu dipanggil sebagai RA ya, kelulusan berkelompok jumlahnya 300 lebih dan diluluskan hanya lebih kurang 200 sahaja yang dah bayar premium dan 100 lebih ini mereka dapat hasil tak bayar premium, tak bayar cukai tahunan. Saya ingat kalau perkara ini, di tempat tuan-tuan pun ada berlaku saya rasa perkara ini dapat diselesaikan. Sebagai contoh tuan-tuan permohonan tanah yang masih lagi tertunggak tak dapat diselesaikan dan mereka telah pun ada setengahnya menanam semula kelapa sawit, iaitu di Kampung Bukit Nyamuk, Kampung Paya, Kampung Parit Salam, Kampung Parit Penghulu, Parit Salman, Kampung Datuk Ibrahim Majid dan sekitarnya banyak.

Kalau saya sebutkan puluhan kampung, Parit Basri, Parit Ghani banyak dan salah satu perkara yang menyebabkan kesukaran mereka ini nanti bila tanah ini tak ada hak milik, tak ada geran, mereka nak buat tanaman nak buat pinjaman loan, di bank atau pun nak mendapat bantuan daripada Jabatan Pertanian mereka tak dapat sebab tak ada hak milik. Ini saya rasa lebih penting juga tuan-tuan, sebab ini adalah hasil kepada kerajaan negeri. Terima kasih kepada Pentadbir Tanah Daerah Kluang sekarang ini dan sebelum-sebelumnya kerana banyak membantu saya untuk menyelesaikan perkara-perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di dalam ucapan belanjawan juga Strategi Ke-3 iaitu memperkasa Institusi Akar Umbi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah memperkenalkan satu bentuk mesyuarat penyelarasan di kawasan saya di kawasan Machap, kawasan Simpang Renggam, dan juga Layang-Layang iaitu menjemput ketua-ketua jabatan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat, pegawai daerah, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim dan juga ketua-ketua kampung dan juga ketua-ketua cawangan di kawasan Simpang Renggam ini untuk bermesyuarat untuk menjalani permasalahan dan dapat kita dapat menyelesaikan masalah mereka itu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka itu dengan lebih tuntas.

Selain daripada itu juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah menyerahkan semula penyeliaan, penyelenggaraan parit di kawasan pertanian di kampung-kampung diserahkan semula kepada pihak JPCK di samping adanya penyeliaan daripada pihak Jabatan Parit dan Saliran kerana sebelum-sebelum ini pernah diambil alih teruskan kepada pihak JPS namun masalah banjir tak dapat diselesaikan, jadi kita lihat kembalikan perkara ini kepada JPCK mudah-mudahan perkara ini tidak lagi berlaku masalah banjir di kawasan-kawasan pertanian khususnya di kampung-kampung.

Strategi yang Ke-5 iaitu mengukuhkan tadbir urus syiar Islam. Saya sebutkan tadi salah satu ciri negeri yang maju ini rakyatnya, pemimpinnya taat dan patuh kepada perintah Allah. Satu program yang sangat baik sebelum ini kita Program Membudayakan Al-Quran, kali ini kita ada Program Semarak Subuh. Kalau tuan-tuan tengok di masjid-masjid kita di negeri Johor Program Semarak Berjemaah ini yang tuan-tuan tengok waktu apa yang paling ramai, waktu Maghrib dan waktu Isyak. Saya pernah berada di Mekah Al Mukarramah berguru dengan seorang guru saya dulu, duduk dalam masjid pada ketika itu tragedi 11 September ya, apabila bangunan World Trade Centre itu dibom, dilanggar kapal terbang, dilanggar dengan kapal terbang semuanya menuding bahawa yang melakukan itu adalah pengganas Islam.

Jadi, saya bertanya kepada guru saya, sampai bila agaknya orang-orang ini akan menuduh bahawa ini adalah kerja orang Islam, *terrorist* orang Islam. Dia kata mereka tidak akan menuduh kita yang melakukan perkara itu sekiranya masjid-masjid kita penuh masa solat Subuh sama seperti penuhnya waktu solat fardu Jumaat, tuan-tuan tengok. Jadi, Program

Semarak Subuh ini tuan-tuan sebenarnya kita lihat solat berjemaah yang paling afdal itu bukan waktu Maghrib, waktu Isyak, waktu Subuh dan di kalangan waktu Subuh pulak di antara waktu Subuh itu, waktu Subuh yang mana paling afdal iaitu Subuh Jumaat.

Jadi, mudah-mudahan Program ini nanti selain daripada usaha-usaha yang disebutkan oleh Yang Berhormat Benut usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan ekonomi kita ini bermacam-macam yang disebutkan kita kena juga sebab kita tak boleh putus hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita dengan manusia. Kita tidak boleh mendapatkan keredaan manusia tanpa terlebih dahulu mendapatkan keredaan Allah SWT. vSurah itu kita diperintahkan untuk sentiasa meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Melalui program ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, cuma ada sedikit penambahbaikan yang saya nak di dalam Program Semarak Subuh ini biasa mungkin lepas solat Subuh ya, saya nak minta supaya imam-imam kita tempat yang kita akan laksanakan Program Semarak Subuh ini mereka membaca surah As-Sajadah dan pada rakaat yang kedua mereka membaca surah tul Al-Insan. Ini salah satu perkara yang perlu kerana ini ada sunnah, kita menghidupkan solat Subuh berjemaah, waktu Jumaat ditambah lagi dengan sunnah yang lain iaitu membaca surah As-Sajadah dan juga surah Al-Insan. Moga panjanglah sikit solat pada ketika itu, mungkin ada yang tak pernah terlupa nak sujud Sajadah mungkin terus pelik, ini pak imam salah ni, kata dia ni, belum rukuk terus sujud, dia kata.

Jadi, selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya nak menambah juga ada satu lagi program sebab kalau kita nak beribadah, ini kita kena sampai kepada Allah SWT sampai timbul keyakinan kita dan yakin dengan penuh keyakinan (potongan ayat al-Quran), “ Kamu kena menyembah Allah SWT sehingga betul-betul menguatkan keyakinan kamu, keimanan kamu kepada Allah SWT”. Iaitu selepas solah Subuh itu mungkin boleh diadakan kuliah Subuh ataupun selepas itu diadakan bacaan zikir Asma’ul Husna dan juga Ratib Al-Attas kerana di dalam DUN N27 Layang-Layang semasa saya menjadi Wakil Rakyat pada mula-mula saya Penggal Yang Pertama saya menjadi Wakil Rakyat saya telah pun melancarkan program dan mentauliahkan mereka-mereka untuk menjadi Naqib untuk membimbing mereka membawa zikir Asma’ul Husna dan juga zikir Ratib Al-Attas.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya 17 tahun berkhidmat di Jabatan Agama Islam Negeri Johor mungkin ada setengah-setengah negeri lain kalau kita tengok tuan-tuan akan bertanya kepada kita apa beza Majlis Agama Islam Negeri dan Lembaga Zakat Negeri kerana negeri lain sebagai contoh negeri Kedah dah ada contoh dia ada Lembaga Zakatnya sendiri. Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dia memisahkan Majlis Agama Islam dan juga Lembaga Zakat. Jadi mungkin juga ada cadangan saya untuk tadbir urus dan juga segi pengurusan zakat yang lebih baik sampai penyampaiannya kepada mereka yang memerlukan khususnya asnaf-asnaf, mungkin saya boleh cadangkan supaya di negeri Johor ini juga diwujudkan Lembaga Zakat Negeri Johor.

Selain daripada itu untuk menambahbaikan tadbir urus negeri Johor khususnya di dalam di Majlis Agama Islam Negeri Johor lebih 50% pegawai-pegawai yang berkhidmat di Majlis Agama Islam Negeri Johor itu adalah kakitangan kontrak. Ramai yang mengadu kepada saya dia kata Yang Berhormat boleh tak bantu kami, sampaikan suara kami bila kami nak tetap. Takkan sampai pencen, kami tak dapat tetap. Saya kata awak tetap tapi tak berpencen, awak tetap sampai pencen. Mungkin kita boleh wujudkan skim, dulu masa saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Agama saya pernah mengesyorkan kepada pihak pentadbiran supaya diwujudkan kepada mereka ini perjawatan tetap tapi tak berpencen. Mereka membuat potongan KWSP dan sebagainya.

Jadi, ini sebenarnya ini memudahkan mereka apabila selagi ada nama kontrak ini dan sebagainya ini menyukarkan mereka dari segi pinjaman perumahan dan bermacam-macam lagi jenis pinjaman yang kemudahan-kemudahan yang mereka boleh dapat. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker saya rasa cukup setakat itu, kerana yang lain telah pun disebutkan oleh sahabat-sahabat yang lain, cuma saya ingin bawa perkara yang dalam kawasan saya. Cuma semasa saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Agama dulu, kita telah pun meluluskan satu projek iaitu Perumahan Transit Bagi Asnaf di Layang-Layang dan sehingga sekarang perkara itu tidak dilaksanakan dan majlis pecah tanah telah pun dilakukan iaitu berhampiran dengan Kompleks Penghulu Mukim Renggam di Kampung Batu 7, Simpang Renggam, sampai sekarang dan saya baru beberapa hari lepas dimaklumkan bila saya nak bawa perkara ini di sini, dimaklumkan bahawa projek itu telah pun dibatalkan. Jadi saya minta pada pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor, khususnya kerajaan negeri Johor melihat semula perkara ini, kerana perkara ini dulu dirancang dan nak diwujudkan tujuannya adalah untuk asnaf-asnaf yang memerlukan rumah dan rumah ini bukan rumah kekal untuk mereka. Rumah ini adalah rumah transit sementara sahaja untuk mereka membina keluarga mereka, meningkatkan ekonomi mereka dan selepas itu mereka boleh memiliki rumah sendiri dengan membeli rumah di tempat-tempat lain. Saya memberikan cadangan, sekiranya tapak itu dikirakan bahawa tapak itu untuk dibangunkan Kompleks Penghulu, di Bukit Nyamuk ada satu kawasan untuk SPKR. Kalau boleh, perkara ini, projek ini dipindahkan ke tapak SPKR yang sedia ada supaya, supaya ianya terus dapat dilaksanakan dan ianya dapat dinikmati oleh asnaf-asnaf yang memerlukan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, satu lagi perkara yang saya nak sebutkan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih saya kepada Yang Berhormat EXCO Perumahan, Dato' Jafni yang telah datang ke tempat saya untuk menyelesaikan banyak perkara yang berkaitan perumahan KEJORA di samping itu juga perbincangan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat bahawa satu perumahan yang akan, projek perumahan yang akan dilaksanakan di Bandar Renggam. Mudah-mudahan perkara ini akan terlaksana dan dapat dinikmati oleh pembeli-pembeli yang dah lama menunggu. Mereka tak nak beli di tempat lain, mereka tak nak keluar daripada Renggam sebab Renggam ni adalah kawasan yang sangat sunyi dan tenteram bagi mereka. Mereka nak kan perumahan itu berada di kawasan Renggam.

Selain daripada itu tuan-tuan dan puan-puan, saya rasa cukuplah setakat itu apa yang ingin saya sampaikan. Masa pun dah tamat. Mudah-mudahan apa yang saya sampaikan dapat dilihat dan diperhatikan dan diambil tindakan. Selain itu juga saya ingin, sebelum saya akhiri saya ingin merakamkan ucapan terima kasih, penghargaan saya kepada ketua-ketua jabatan khususnya Pejabat Daerah Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam, Pejabat Tanah Daerah, JKR pun banyak bantu isu jalan-jalan yang rosak dan tempat-tempat yang merbahaya, jalan-jalan yang merbahaya di kawasan saya. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Layang-Layang mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Layang-Layang. Dijemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, patik mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sempena pengisytiharan Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang juga Ahli Dewan Negeri Machap atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama, Dato' Seri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) oleh Tuanku Sultan baru-baru ini.



Saya mengalu-alukan persahabatan di antara pihak kerajaan negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pihak pengimbang. Saya juga mengalu-alukan kesudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerima idea-idea yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Pengimbang dalam sesi Pra-Belanjawan. Semoga tahap kerjasama yang lebih erat di antara parti-parti yang menyokong kerajaan perpaduan di persekutuan dapat dicontohi dan dicapai di peringkat negeri Johor demi kemajuan Johor Darul Ta'zim.

Saya dimaklumkan bahawa Ahli Kukup telah menzahirkan rasa bimbang dengan keikhlasan pihak Pengimbang. Prinsip-prinsip kami jelas. Pertama, kita berada dalam satu kerajaan yang sama di peringkat persekutuan. Maka sebanyak mungkin pihak Pengimbang cuba membantu kerajaan negeri yang diterajui parti Barisan Nasional yang juga rakan dalam kerajaan persekutuan. Kedua, di mana rundingan atau usul yang pihak Pengimbang diberi peluang untuk menyumbang idea, kami sedia menyokong. Saya ingin ulangi apa yang telah disebut oleh Ketua Pengimbang tadi bahawa kami sebagai barisan pengimbang Pakatan Harapan tidak ada masalah menyokong rundingan yang dibawa iaitu Belanjawan 2024. Dalam konteks ini, saya setuju dan sambut baik cadangan Ahli Benut bahawa lebih banyak Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas boleh ditubuhkan untuk isu-isu spesifik supaya kita dapat membentuk *consensus* di antara kerajaan dengan juga ahli-ahli bukan kerajaan dan Ahli-Ahli Pengimbang dan juga mencari penyelesaian yang kita semua setuju dan ini adalah cadangan yang baik Jawatankuasa Perubahan Iklim adalah contoh yang kita boleh, apa ni, lipat gandakan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita berada di ambang era baharu yang berbeza daripada zaman dahulu. Tahun-tahun yang akan datang akan berbeza dengan paradigma 30 tahun yang lalu, 30 tahun lalu iaitu sejak Tembok Berlin dirobuhkan pada tahun 1989 sehingga tahun 2020 apabila dunia dilanda pandemik COVID-19. Secara ringkas, tiga perubahan yang ketara dari segi pemikiran ekonomi sedang berlaku dan ini memerlukan lonjakan paradigma sebagai jawapan.

Pertama, logik dahulu ialah pengeluaran mengikut amalan *just in time*, tetapi sekarang sudah berubah menjadi *just in case*. Ini bermaksud syarikat-syarikat tidak lagi hanya mementingkan kecekapan dan juga keuntungan, tetapi juga memberi tumpuan terhadap keselamatan rantai bekalan atau *supply chain*. Perubahan ini memberi peluang kedua kepada Malaysia untuk sekali lagi membangunkan industri kita selepas mengalami *premature deindustrialization* sejak penyertaan China ke WTO ataupun *World Trade Organization* pada tahun 2001. Perubahan ini juga menjadi asas kepada hubungan ekonomi baru di antara Johor dengan Singapura. Kesediaan kerajaan Malaysia dan Singapura untuk membentuk *Special Economy Zone*, SEZ adalah usaha yang sangat dialu-alukan dan akan memberi suntikan pelaburan kepada Johor serta membantu Singapura menangani kos perniagaan dan kos perumahan. Untuk meraikan kerjasama ini adalah dicadangkan agar kerajaan negeri Johor dan kerajaan persekutuan bersama kerajaan Singapura menyambut ulang tahun ke-100 Tambak Johor yang dirasmikan oleh Almarhum Sultan Ibrahim pada 28 Jun 1924. Untuk menjayakan SEZ, adalah dicadangkan supaya satu kajian pengangkutan yang menyeluruh dilakukan bersama oleh Malaysia dan Singapura dan merangkumi keadaan pengangkutan rentas sempadan *Greater Johor Bahru* dengan Singapura kerana sekarang ini kita tidak ada apa ni, *traffic study* ataupun pelan induk pengangkutan di *Greater Johor Bahru* dan tidak ada yang merentas sempadan. Apa yang merentas sempadan itu penting supaya memastikan kejayaan SEZ.

Pengangkutan awam di *Greater Johor Bahru* perlu mempunyai sasaran yang lebih tinggi supaya menjana impak positif untuk rakyat. Saya harap kerajaan negeri boleh menyasarkan 50 peratus perkongsian model atau *model share* pengangkutan awam di *Greater Johor Bahru* dalam tempoh 10 tahun. Buat setakat ini kalau mengikut cadangan-cadangan yang sedia ada, ada hanya menyasarkan 15% *model share* iaitu 15% mengguna apa ini, pengangkutan akan mengguna pengangkutan awam dalam jangka panjang masa panjang.

Tetapi yang penting adalah kita lebih apa ini, bersasar dan lebih bervisi dan berani untuk sasarkan sasaran yang lebih tinggi dan saya cadang 50% penggunaan pengangkutan awam dalam 10 tahun. Ini penting bukan sahaja untuk pengangkutan, tetapi juga penting untuk pelepasan karbon. Yang Berhormat Benut telah dilantik sebagai *Johor Sustainability Center*, Pengerusi JCS dan saya mengucapkan tahniah. Sebenarnya di dalam negara kita, 37% pelepasan karbon, *carbon emissions* adalah daripada pengangkutan. Bukan daripada sumber-sumber lain, tetapi daripada pengangkutan dan ini kerana tabiat kita ataupun amalan kita mementingkan kenderaan persendirian. Pembinaan infrastruktur seperti BRT dan LRT harus mengambil kira pergerakan orang ramai di paksi melintang atau *horizontal axle* dari Pasir Gudang ke Link Kedua terutamanya selepas perkhidmatan RTS bermula. Saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM26.5 juta untuk Bas Muafakat Johor, dicadangkan separuh daripada peruntukan ini diguna pakai untuk *on demand buses* seperti perkhidmatan penempahan melalui *apps* seperti *Kumpool* supaya permintaan dan penawaran, *supply and demand* boleh diselaraskan. Perkhidmatan feri di antara Pasir Gudang dan Changi, di antara Puteri Harbour dan Tuas, dan di antara Forest City dengan Tuas harus dipertimbangkan untuk dilaksanakan bagi mengurangkan jumlah kenderaan dan seterusnya kesesakan jalan raya.

Lebih banyak usaha diperlukan untuk menyelaraskan pentadbiran di empat PBT di *Greater Johor Bahru* iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai. Walaupun keempat-empat PBT ini adalah pengurusan yang berlainan, untuk manfaat rakyat dan juga untuk mereka yang datang dari luar negeri, pengurusan *Greater Johor Bahru* termasuk *parking, landscaping, jalan raya, dasar untuk kawasan industri* haruslah diselaraskan. Dicapadkan satu portfolio baru bernama *Greater Johor Bahru* ditambah ke atas tugas-tugas YB EXCO Kerajaan Tempatan supaya memastikan perkembangan pesat yang dijangka akan berlaku di *Greater Johor Bahru* selepas SEZ ditubuhkan dapat diurus dengan baik. So, nanti YB EXCO Perumahan boleh tambah kerjalah.

Perancangan untuk menjadikan *Ibrahim International Business District* sebagai *Central Business District* dan hab perniagaan antarabangsa yang berdaya unik sangat dialu-alukan. Dicapadkan bahawa CBD ini harus memudahkan pejalan kaki, iaitu bersifat *walkable* dengan kemudahan *universal access* supaya semua warga kota termasuk OKU dapat berjalan dengan selesa di kawasan ini. Juga dicadangkan bahawa satu kajian oleh pakar perancang bandar, *urban planners* dilaksanakan terhadap *waterfront* dari Stulang Laut sehingga ke Danga Bay supaya laluan basikal dan juga laluan pejalan kaki boleh diwujudkan sepanjang lapan kilometer tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, lonjakan kedua ialah bahawa dalam era baru, era baru yang berbeza daripada 30 tahun lalu ialah faktor keselamatan dan keterangkuman ekonomi kini menjadi lebih penting. *Economy security and economy inclusivity* termasuk memastikan jurang pendapatan dikawal dan dikurangkan. Kita harus sentiasa mengingatkan diri kita bahawa semua langkah dan keputusan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri mesti menjurus ke arah menjana pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih berpatutan dan memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat tempatan. Saya sebut ini juga ingatan kepada saya sendiri sebagai Timbalan Menteri MITI, saya sentiasa beritahu, berkongsi dengan rakan-rakan dalam MITI dan juga di peringkat kerajaan pusat. Memang kita ingin menarik FDI tetapi FDI yang kita menarik dia perlu ada *domestic linkages* dia mesti ada hubung kait dengan rantai bekalan tempatan. Dan dia apa yang kita menarik haruslah menjana pekerjaan untuk rakyat kita dengan gaji yang lebih tinggi dan lebih berpatutan.

Ramai rakyat tidak faham kenapa, walaupun kadar inflasi begitu rendah sekarang, kadar inflasi sangat rendah 1.8% pada bulan Oktober. Tetapi masih ramai rakyat rasa terbeban dengan kos sara hidup. Ini juga fakta, kalau ditanya ramai rasa mereka dibeban dengan kos

sara hidup. Isu pokoknya bukan harga, isu pokoknya kerana tahap gaji rakyat Malaysia terlalu rendah. Kita kena akui bahawa gaji rakyat kita terlalu rendah dan sebagai kerajaan di persekutuan dan juga kerajaan di Johor, kita perlu cuba sedaya upaya untuk meningkatkan gaji rakyat.

Ini harus jadi sasaran ataupun matlamat yang paling penting dalam usaha ekonomi kita, gaji pertengahan, *medium wages* ini berbeza daripada *average wages* ya, *medium wages* Malaysia pada tahun 2022 adalah RM2,424.00 sebulan dan ini bermakna 50% pekerja yang dapat gaji bulanan, gaji dia rendah daripada RM2,424.00. Ini masalah kita, kerana mereka yang bekerja dapat gaji 50% mereka yang bekerja dapat gaji kurang daripada RM2,400.00 dan ini memang gaji yang terlalu kurang di Johor Bahru atau di merata tempat. Dan kita juga faham bahawa gaji pertengahan sektor pembuatan, *manufacturing medium wages* adalah RM2,205.00 sebulan. Ini beza daripada negara lain, negara lain biasanya *manufacturing sector*, sektor pembuatan adalah sektor yang bayar paling tinggi di negara lain. Negara lain sektor pembuatan dia bayar paling tinggi kerana biasanya sektor pembuatan memerlukan kemahiran yang tinggi daripada sektor-sektor lain. Dan itu sebabkan gaji dia lebih tinggi daripada sektor-sektor lain dan saya harap Bersama dengan kerajaan negeri, kerajaan persekutuan boleh melaksanakan secara bersama hasrat Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang mempunyai sasaran untuk meningkatkan gaji pertengahan sektor pembuatan dengan kadar pertumbuhan 9% setahun kepada RM4,510.00 pada tahun 2030. Ini sasaran yang telah ditetapkan dalam NIMP dan saya harap kerajaan negeri bersama dengan kerajaan pusat akan mengambil kira sasaran ini dan memastikan semua pelaburan ke Johor mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi selari dengan sasaran ini. Satu lagi lonjakan paradigma berkenaan *Centralized Labor Quarters* (CLQ) atau penginapan pekerja asing. Untuk masa depan kita tidak mahu sektor pembuatan hanya bergantung kepada ramai pekerja warga asing. Maka, kerajaan negeri dan PBT boleh memberi galakan insentif kepada pengurus kawasan industri untuk membina kemudahan penginapan bukan sahaja untuk pekerja warga asing tetapi untuk jurutera dan juruteknik orang tempatan, warganegara. Dan juga menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak demi menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi.

*Trend* ketiga, *megatrend* ketiga yang berlaku baru-baru ini ialah semakin banyak pihak memahami bahawa bukan semua benda dalam kehidupan boleh diuruskan oleh mekanisme pasaran. Dan risiko *own worth financialization* perlu ditangani. Salah satu idea yang penting ialah bukan semua orang perlu membeli atau memilik rumah. Saya harap ini idea yang boleh kita kongsi, kita cuba menyerap idea ini dalam dasar kita.

Paradigma dulu ialah semua orang perlu memilik rumah. Pemilikan rumah dijadikan sasaran dan kita bina, kita menggunakan dana awam dan juga dasar-dasar kita untuk mewujudkan rumah dan dimiliki oleh semua orang termasuk yang paling miskin. Tetapi falsafah pembangunan perumahan kita harus beralih kepada pemilikan rumah kepada penghunian. Rumah tu untuk dihuni tetapi adakah dia milik atau tak milik ataupun dia milik separuh, dia sewa beli itu sebenarnya bukan isu yang paling penting.

Kalau kita boleh berubah paradigma kita bahawa bukan semua perlu memilik, maka kita akan membuka ruang untuk lebih banyak cara untuk memastikan rakyat kita dapat rumah yang selesa walaupun dia milik atau sewa atau sewa beli semua tak penting, yang penting dia dapat menghuni rumah yang selesa. Pilihan untuk menyewa bukan hanya untuk mereka yang miskin. Mereka yang mampu boleh memilih untuk memilik rumah, majoriti yang lain boleh menyewa. Di Eropah, biasanya 60% sampai 70% penyewa. Yang memilik mungkin 20%, 30%. Penyewaan oleh kelas pertengahan, dulu kita anggap yang sewa tu orang miskin itu paradigma kita, hanya yang miskin nak sewa yang lain perlu memilik, tapi sebenarnya penyewaan oleh kelas pertengahan, *middle class* terutamanya golongan muda akan membantu memenuhi keperluan perumahan. Penyempurnaan proses dan perundangan untuk melindungi hak kedua-dua pihak (pemilik dan penyewa rumah) harus

diberikan tumpuan. Dicadangkan satu enakmen sewaan rumah dirangka. Dengan perlindungan enakmen dan tumpuan terhadap penyewaan, kawasan-kawasan yang mempunyai lebih stok perumahan seperti *Forest City* boleh dihuni oleh lebih ramai orang.

Saya difahamkan *Forest City* ada 20 lebih ribu unit yang sebenarnya kalau disewa kepada orang ramai memang banyak, ramai akan dapat rumah yang boleh disewa. Dan saya juga faham daripada ramai pegawai-pegawai dari kerajaan pusat, ada pegawai Polis, ada pegawai Imigresen, ada pegawai KASTAM, mereka ramai tidak ingin bertugas di Johor Bahru kerana kos sewa rumah sangat tinggi. Ada yang beritahu, saya difahamkan bahawa di kawasan Polis Iskandar Puteri, ada 700 lebih pegawai, pegawai dan juga lain-lain pangkat tetapi rumah kuarters hanya 95 unit dan ini adalah isu yang saya rasa kita boleh selesai dengan ada pasaran sewaan yang lebih menyeluruh, pasaran sewaan yang lebih kukuh.

Akhirnya berkenaan dengan kenaikan cukai taksiran, saya hanya ikut ataupun ulangi apa yang dicadangkan Ketua Pengimbang, sebarang kenaikan cukai taksiran yang dikenakan kami cadang, pihak kami cadang untuk setiap hartanah tidak boleh melebihi 15% supaya kita tidak jadi apa ni jadikan kejutan kepada mereka yang memilik unit-unit hartanah yang di apa ni dipaksa membayar 300%, 400% tambahan atau cukai taksiran.

Akhirnya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, negeri Johor rakyatnya sejahtera, Darul Ta'zim indah namanya, kerjasama amalannya, setara budaya baik mulia adanya. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Perling. Dijemput Yang Berhormat Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu patik serta seluruh warga DUN Parit Raja merakamkan ucapan selamat hari keputeraan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Negeri Johor Darul Ta'zim pada 22 November yang lalu. Patik dan seluruh warga DUN patik juga merafak sembah merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Negeri Dan Jajahan Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Patik dan seluruh warga DUN Parit Raja berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta berada dalam keafiatan agar terus dapat menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekalian. Daulat Tuanku.

Patik juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan, Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Mudah-mudahan dengan kejayaan ini akan dapat terus memberi inspirasi kepada orang muda Johor dan seterusnya anak-anak di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja merakamkan kesyukuran di atas pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang penuh keazaman dan iltizam untuk terus memacu pembangunan dan menyejahterakan rakyat. Tahniah Parit Raja ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor serta barisan EXCO yang ditunjangi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor yang telah berganding bahu dalam usaha menyediakan Belanjawan Negeri Johor. Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2024 ini bersifat terus memacu pembangunan, meningkatkan ekonomi, inklusif dan mampan agar

dapat terus berdaya tahan ketika saat berdepan dengan ekonomi yang semasa ini berada dalam keadaan yang sangat-sangat mencabar.

Kerajaan negeri Johor yang telah diberi mandat ini mestilah terus mengupaya dan mencorak kesejahteraan rakyat negeri Johor dengan lebih baik. Ini adalah salah satu usaha menyambung kesinambungan kejayaan dan pembangunan yang telah pun dilaksana. Justeru Parit Raja berpandangan bahawa pendirian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor memberi fokus merencanakan pembangunan ekonomi dan menyejahterakan negeri adalah amat bertepatan. Strategi Belanjawan Negeri Johor selari dengan agenda Maju Johor yang ditunjangi 6 Teras, 29 Strategi, disokong 99 Inisiatif yang ampuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja memberi fokus kepada Teras Keenam, Orang Muda Johor. Di bawah agenda Maju Johor, perhatian serius sentiasa diberikan kepada pembangunan belia atau Orang Muda Johor yang dinaungi oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Dalam memastikan masa depan generasi muda Johor sentiasa diberikan ruang dan peluang agar terlibat secara langsung dalam usaha-usaha membawa kemajuan di negeri Johor. Secara keseluruhannya, keenam-enam teras yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri adalah amat berkait rapat dan dekat di hati orang muda Johor. Ini adalah kerana golongan anak muda inilah yang akan menjadi antara pelaksana dan penerima manfaat-manfaat terhadap dasar-dasar kerajaan. Realitinya di Johor, orang muda diletakkan sebagai satu teras bagi merealisasikan Maju Johor. Hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor begitu tinggi agar orang muda Johor berupaya meletakkan diri mereka setanding di peringkat nasional dan global. Maka dengan itu, bukan sahaja hasrat ini perlu disambut oleh anak muda, namun apa yang lebih penting ialah tadbir urus yang melibatkan pelbagai agensi yang bertanggungjawab perlu menggembeng tenaga merealisasikan 6 strategi dan 10 inisiatif untuk orang muda Johor yang bakal dilaksanakan tahun 2024.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, setiap strategi dan inisiatif yang telah digariskan di setiap 6 Teras Maju Johor telah menyentuh isu-isu yang dekat di hati orang muda. Seperti pembangunan kemahiran dan peluang program dan kursus-kursus kepimpinan, peluang perniagaan, perusahaan kecil, sederhana, pertanian dan penternakan, pembangunan sukan dan kebudayaan, pembangunan infrastruktur yang seimbang, mampan dan berdaya tahan hak pemilikan hartanah dan perumahan, infrastruktur, jaringan internet, bekalan air dan tenaga.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, inisiatif pertama dalam strategi pertama iaitu Program Kemahiran Kepimpinan Melalui Institut Dato' Onn (IDO) diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan program kemahiran kepimpinan. Parit Raja melihat kebelakangan ini kerajaan negeri banyak melakukan usaha-usaha namun, sebenarnya berapa ramai di kalangan anak-anak dalam kawasan wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Negeri yang telah dapat terlibat dalam program-program kemahiran yang telah diumumkan? Adakah satu data yang boleh menunjukkan keabsahan anak muda yang dilibatkan ini adalah anak jati Johor dan dari kawasan DUN mana daripada 56 kawasan DUN dalam negeri Johor. Ataupun adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat pernah dimaklumkan sekiranya anak muda daripada kawasan mereka ini telah mendapat manfaat dari apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mengapa ini penting? Kerana anak muda yang terlibat adalah merupakan ikon yang boleh membantu masyarakat setempat dalam bidang kepakaran mereka dan supaya keseluruhan anak muda Johor dari merata daerah dan kampung berpeluang mengikuti kursus-kursus kepimpinan yang ditawarkan oleh kerajaan negeri. Dan juga sebagai salah satu langkah mempromosi bahawa sebenarnya dasar kerajaan negeri telah memberikan manfaat kepada rakyat di merata bandar dan desa.

Selain itu, ia juga diharap pelajar-pelajar yang terlibat memberikan manfaat pulangan kepada kerajaan negeri, membantu menambah baik dan mengkaji dasar-dasar dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang sedia ada. Oleh yang demikian, jika Parit Raja ingin menimbulkan pertanyaan dan persoalan, berapa ramai golongan muda yang telah terlibat dan berjaya dalam perusahaan kecil dan sederhana? Berapa ramai anak muda dari kalangan umur bawah 40 tahun yang telah berjaya mendapatkan bantuan-bantuan daripada PKS, pertanian dan penternakan ataupun industri asas tani. Berapa ramai anak muda yang telah mendapat manfaat dari pembangunan sukan dan kebudayaan? Ini semua telah diperjuangkan oleh kerajaan negeri tetapi kita seolah-olah tiada satu data yang membuktikan benar-benar program ini telah berjaya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam usaha memupuk kemahiran berfikir tinggi, memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah bekerja dalam pasukan dan penerapan minat dalam konsep STEM dalam projek-projek praktikal. Parit Raja ingin mengemukakan cadangan agar kerajaan negeri memberikan perhatian khusus dan menyalurkan satu peruntukan khas bagi menyemarakkan program berkaitan STEM di peringkat sekolah menengah harian dan sekolah rendah. Ianya bagi membuka ruang dan peluang pelajar pelbagai peringkat untuk terlibat secara langsung dan memberi galakan agar pelajar dapat menyerlahkan bakat meneroka inovasi baru memahami dunia sains teknologi kejuruteraan dan matematik dengan cara yang interaktif dan inovatif. Mereka merupakan aset negeri yang paling berharga dan amat wajar diberikan peluang lebih awal bermula dari sekolah rendah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melalui teras orang muda Johor juga diberi perhatian khusus usaha membina dan menaik taraf pusat rekreasi dan sukan. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebenarnya banyak lagi gelanggang-gelanggang futsal yang masih dalam keadaan uzur di kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. (Dewan bertepuk). Lebih memburukkan keadaan, gelanggang menjadi rosak teruk apabila negara dilanda pandemik yang menyebabkan PKP. Tidak pasti apakah ada lagi peruntukan membaik pulih gelanggang futsal dari Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. Di mana dilaksanakan, apa perkembangan terkini, berapa yang telah selesai dan berapa yang belum selesai? Jadi bagaimana anak-anak muda kita hendak beraktiviti di kawasan masing-masing? Oleh yang demikian, Parit Raja berharap perkara ini mendapat perhatian sewajarnya dari pihak KBS. Bagi taman-taman perumahan yang baru dibina pula, Parit Raja mencadangkan pemaju hendaklah menyediakan kemudahan gelanggang futsal ini sebagai satu keperluan yang sangat-sangat penting bagi menyokong usaha pembangunan sukan yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sehubungan dengan itu juga, Parit Raja juga amat berharap agar pembinaan sebuah kompleks sukan di Taman Pura Kencana, Sri Gading, Parit Raja yang telah digazetkan tanahnya agar dapat diberi perhatian dan sangat berkeperluan tinggi kerana pertambahan dan kepadatan penduduk di dalam daerah Batu Pahat dan infrastruktur kemudahan awam ini adalah amat wajar disediakan untuk rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bercakap mengenai pembangunan sukan ini juga tidak dapat dinafikan perkembangan dan latihan awal bermula sejak pendidikan prasekolah dan sekolah rendah. Di sinilah bermulanya pembangunan sukan dan pengukuhan latihan serta penglibatan dalam pertandingan dapat menyerlahkan lagi bakat dan potensi sebenar mereka. Merujuk kepada pencapaian dan kejayaan pelbagai jenis sukan, sekolah rendah dan menengah di pelbagai peringkat kebanyakan dari penggiat-penggiat pembangunan sukan ini sering kali menghadapi permasalahan kekurangan dana, terutamanya untuk menyertai pertandingan di peringkat yang lebih tinggi. Sebab itulah Ahli-Ahli Yang Berhormat sering mendapat surat-surat permohonan dana dari persatuan-persatuan ini. Namun, kita amat berterima kasih kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sentiasa berjiwa rakyat memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi dan menyalurkan peruntukan

kepada persatuan yang terlibat. Pembangunan sukan bermula dari pendidikan pra dan rendah. Perlu mendapat perhatian daripada kerajaan negeri dari segi peruntukan dana agar dapat melonjakkan pembangunan sukan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Parit Raja mengambil ruang untuk mengemukakan cadangan agar mendapat pertimbangan untuk dijayakan. Negeri Johor mempunyai keazaman atas usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan setiap keluarga di Johor mempunyai sama ada seorang graduan atau mempunyai seorang yang berkemahiran tinggi atau sekurang-kurangnya memiliki sijil kemahiran SKM melalui pendidikan kemahiran. Ianya amat penting bukan sahaja untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan dan memberi impak mengecilkan kadar kemiskinan sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Inisiatif yang telah dibentangkan dalam Belanjawan kali ini semuanya dilihat berimpak tinggi. Sedangkan ramai lagi anak muda di luar sana yang menanti dan memerlukan kemahiran. Oleh yang demikian, Parit Raja mencadangkan kerajaan negeri memperbanyakkan kursus hingga tahap sijil kemahiran SKM yang amat bermanfaat kepada mereka yang berminat menjadi usahawan melalui kolej-kolej komuniti atau kelas kemahiran KEMAS yang terdapat di seluruh kawasan DUN. Sehubungan dengan itu, kelas-kelas kemahiran juga diharap dapat dinaik taraf dan ditambah baik agar dapat memenuhi keperluan lebih ramai peserta sebagai penerima manfaat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Parit Raja menyambut baik inisiatif dan pelbagai penambahbaikan yang dilaksanakan dalam memperkasa perumahan rakyat. Namun, apakah inisiatif-inisiatif baru yang ditawarkan khasnya kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama? Dan sekian lama isu perumahan ini diperjuangkan untuk orang muda, sebenarnya berapa banyak orang muda yang telah berjaya memiliki rumah yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Johor. Adakah strategi memperkasa perumahan rakyat ini telah mencapai sasaran dalam membantu golongan muda? Parit Raja juga berharap tawaran baru dapat diberikan kepada rakyat Johor khasnya anak muda untuk memiliki rumah pertama.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu yang membelenggu rakyat khasnya ketua keluarga ialah kenaikan harga barang. Isu berkaitan krisis kenaikan harga barangan, kekurangan beras putih tempatan termasuklah kenaikan harga barangan mentah dan barangan asas yang lain. Isu ini menimbulkan kebimbangan dan kegusaran orang ramai dan juga peniaga kecil. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2022, kuasa beli pengguna dilaporkan akan terus menurun pada bulan-bulan mendatang, berpunca daripada kenaikan harga barangan keperluan. Oleh yang demikian, apakah langkah dan usaha kerajaan negeri untuk mengawal kenaikan mendadak harga barang khususnya barangan keperluan rakyat? Kerajaan negeri perlu merangka pelan bagi mengawal kenaikan harga barangan pengguna agar bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna tetapi memacu ekonomi agar terus berdaya saing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja juga ingin menyentuh beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dan pertimbangan untuk dilaksanakan. Perkara yang secara langsung berkait rapat dengan rakyat khususnya di kawasan Parit Raja dan daerah Batu Pahat. Menginsafi dan mengambil iktibar serta panduan daripada insiden-insiden banjir yang melanda negeri Johor khasnya di daerah Batu Pahat. Jangan sesekali kita memandang rendah permasalahan akibat banjir. Kerana ia menyebabkan kerosakan, kemusnahan, kerugian harta benda yang tidak dapat galang gantinya. Terima kasih kepada Pejabat Daerah, agensi-agensi, jabatan kerajaan yang telah membantu. Namun, usaha tidak boleh berhenti. Maka Parit Raja ingin mengemukakan beberapa cadangan yang telah diangkat oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran, namun masih belum mendapat maklum balas. Iaitu, rancangan tebatan banjir bagi kawasan Parit Botak Fasa Pertama. Kerja-kerja membina dan menyiapkan infrastruktur mekanikal dan elektrik bagi kawasan banjir di

Kuala Senggarang dan Parit Bintang bagi melindungi kawasan berisiko banjir di kawasan Parit Karjo. Lencongan banjir yang melibatkan Parit Botak, Parit Kuda dan Sungai Senggarang bagi melindungi kawasan banjir dalam kawasan DUN Parit Raja. Kerja-kerja menggali dan mendalamkan muara Parit Botak dan Parit Karjo. Dan perancangan menaik taraf sistem pengairan dan saluran antara pihak Genting bersama JPS dan PBT untuk melindungi kawasan di sekitar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya cuba habiskan. Kerja-kerja menaik taraf FT050 yang sedang giat dilaksanakan melibatkan kawasan Parit Raja. Namun apa yang berlaku bukan sahaja saban hari banyak aduan. Apa yang berlaku hari ini kejadian banjir kilat pula termasuklah di persimpangan *traffic light* Pekan Parit Raja. Parit Raja mencadangkan agar kerja-kerja penaiktarafan jalan FT050 ini dapat melindungi kawasan terlibat dari keadaan kejadian banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker akhirnya, bagi merealisasikan Belanjawan Johor, marilah kita berganding bahu untuk memastikan kita dapat bersama-sama merealisasikan agenda Maju Johor. Hormat-menghormati tunjang kekuatan kita, muafakat membawa berkat, bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Sekian Parit Raja menyokong Belanjawan 2024. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. (Dewan bertepuk.)

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan, Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, 27 November 2023, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.05 petang.**



**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI ISNIN**

**27 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada pihak yang bertanya kepada saya, kenapa di dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Johor tidak membenarkan pencelahan. Sukacita saya maklumkan bahawa keutamaan kepada Dewan Negeri Johor adalah kualiti yang terbaik untuk sidang Dewan Negeri Johor. Dan juga kita buat perbandingan di Senat Amerika, tidak berlaku pencelahan, tidak ada pencelahan semasa mereka berbahas. Bahkan, saya sudah beberapa kali menyertai dan masuk ke sidang Parlimen United Kingdom, tidak juga ada sebarang pencelahan, selain mereka mengekalkan tradisi menggunakan perkataan “yeay” yang bermaksud bersetuju. Dan Speaker hanya berkata “*order, order, order*” untuk memastikan Persidangan berjalan dengan lancar.

Sebab itu apabila saya mengikuti perbahasan di Parlimen United Kingdom baru-baru ini terutama dalam tempoh seminggu, mereka banyak berbahas isu Palestin. Ahli-Ahli Parlimen UK yang mempertahankan Palestin tidak pernah diganggu pun ketika berucap. Sebab itulah tuan-tuan bayangkan semalam ketika Sri Medan, Kukup berucap, kalau diganggu, dicelah, sudah tentulah masa mereka terbuang untuk menyampaikan mesej yang lebih penting, yang pada saya terlalu penting untuk dibawa dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN**

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani.

**YB Datuk Mohamad Najib Bin Samuri (Parit Yaani) :** Assalamualaikum dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Adakah Kerajaan Negeri Johor merancang untuk menambah lagi Taska Jauhar *Childcare Center* (JCC) yang dikelolakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim lebih dari satu bagi setiap daerah. Ianya dilihat dapat membantu meringankan beban golongan B40 khususnya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Parit Yaani.

Soalan yang ditujukan kepada saya adalah, adakah Kerajaan Negeri Johor merancang untuk menambah bagi Taska Jauhar *Childcare Center* (JCC) yang dikelolakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim lebih dari satu bagi setiap daerah. Ianya dilihat dapat membantu meringankan beban golongan B40 khususnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim memberikan komitmen tinggi terhadap pembentukan modal insan dan menyediakan kemudahan pengasuhan serta pendidikan awal kanak-kanak, selain

menyediakan ruang dan peluang kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan ini. Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting yang menjadi aset negara dan menyumbang nadi pembangunan negara pada masa akan datang.

Oleh itu, YPKDT mula menubuhkan taska di tempat kerja bagi membantu penjawat awam dari pelbagai jabatan yang mempunyai anak agar dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan Taska YPKDT sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ketiga, bertarikh 26 Januari 1999 serta merujuk kepada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi Negeri Johor 1997-2001:

- Wanita dan Keluarga
- Wanita dan Pekerjaan

Selain menyediakan perkhidmatan *alternative care* dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker kepada anak-anak, ianya merupakan kemudahan sokongan bagi membantu wanita berkerjaya dalam mendapatkan jagaan anak-anak dengan pengawasan yang lebih baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 di bawah Teras 8: Pesona Wanita dan Idealis Anak Muda, Dasar PM2: Kesejahteraan dan Keseimbangan Hidup Wanita iaitu dengan meluaskan sokongan bagi wanita berkerjaya dengan mensasarkan penubuhan 11 buah taska di bawah YPKDT menjelang 2030.

Justeru itu Yang Berhormat Datuk Speaker sehingga tahun 2023, YPKDT telah menubuhkan 4 buah JCC yang telah beroperasi iaitu JCC Kota Iskandar, JCC Daerah Pontian, JCC Batu Pahat dan Muar. Pada tahun 2024, JCC YPKDT dijangka akan bertambah pengoperasiannya di daerah Segamat dan PPR Melana Indah Fasa 2, Skudai, PPR Desa Mutiara, RSK Taman Cendana, Pasir Gudang dan JCC Kluang untuk pembinaan pada tahun 2025.

Yang Berhormat Datuk Speaker, YPKDT akan memberi tumpuan utama bagi penubuhan JCC di setiap daerah bagi memastikan lebih ramai penerima manfaat kemudahan ini. YPKDT juga menyambut baik cadangan untuk mewujudkan JCC lebih dari satu buah setiap daerah selepas mencapai KPI YPKDT 1 daerah 1 JCC.

Walau bagaimanapun, jumlah ini masih terlalu kecil dan perlu meluaskan terutama bagi penerima manfaat di kalangan B40, kategori B40 merupakan 40% atau mewakili 40% pendapatan isi rumah terendah di Malaysia.

Oleh itu, kerajaan negeri melalui YPKDT telah mengambil inisiatif membuat latihan kerja ke Kementerian Pembangunan Wanita, Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura pada 28 Julai 2022. Taklimat telah diberikan oleh MSF secara menyeluruh merangkumi pengurusan, perkhidmatan, pembangunan dan pelaksanaan dasar serta polisi, serta mempelajari kaedah terbaik yang diguna pakai dan diamalkan oleh kerajaan di Singapura terutama dalam menyantuni golongan sasaran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan lawatan yang telah dilaksanakan ini amat membantu YPKDT dalam usaha mempertingkatkan perkhidmatan dalam menyantuni golongan sasaran. YPKDT mencadangkan agar pembangunan JCC diperluaskan khusus kepada golongan sasaran yang memerlukan dan bukan hanya kakitangan awam.

Selari dengan tema Belanjawan Johor 2024, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM593,000.00 menaik taraf dan membaik pulih bangunan kerajaan sedia ada bagi Jauhar *Childcare Center* iaitu JCC, PPR

Desa Mutiara, RSK Taman Cendana dan bagi kerja-kerja awal bangunan JCC Kluang serta pengoperasian JCC pertama dalam komuniti PPR Melana. Terima kasih Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ya jemput Parit Yaani.

**YB Datuk Mohamad Najib Bin Samuri (Parit Yaani)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat atas jawapan sebentar tadi tu.

Yang Berhormat ada menyebut bahawa penubuhan JCC YPKDT ini masih belum mencukupi bagi membantu lebih ramai keluarga B40 dan akan diperluaskan kepada bukan sahaja penjawat awam. Soalannya, apakah antara usaha yang Kerajaan Negeri sedang jalankan agar ianya seiring dengan tema Belanjawan 2024 kita iaitu Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk pengetahuan Yang Berhormat serta Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, JCC YPKDT akan diperluaskan juga di kawasan komuniti dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor (PKPJ). Terima kasih YB Dato' Jafni dalam membantu ibu bapa bekerja menghantar anak berhampiran kediaman mereka bagi mendapatkan khidmat jagaan dan pendidikan awal yang berkualiti dan persekitaran yang kondusif dan selamat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT mencadangkan agar pembangunan JCC diperluaskan khusus kepada golongan sasaran yang memerlukan dan bukan hanya kakitangan awam. Manakala lokaliti yang diberikan tumpuan adalah di daerah Johor Bahru kerana ia merupakan kawasan bandar besar dan mempunyai kepadatan penduduk yang lebih tinggi dari daerah atau lokaliti-lokaliti lain.

Daerah Johor Bahru juga adalah pusat tumpuan mencari rezeki disebabkan kedudukan berhampiran dengan negeri jiran iaitu Singapura. Antara inisiatif yang telah diambil adalah dengan meninjau lokasi-lokasi yang bersesuaian. Dan di antara lokasi yang telah dilawati adalah di kawasan program perumahan rakyat (PPR) sebagaimana berikut:

- RSK Taman Cendana, Pasir Gudang – status pemilikannya adalah PKPJ; dan
- PPR Taman Desa Mutiara – status pemilikan juga PKPJ

Berdasarkan kepada pemantauan dan maklum balas yang diberikan berkaitan penubuhan taska JCC di kawasan seperti ini, pada dasarnya mereka amat bersetuju dan mengalu-alukan sekiranya JCC diwujudkan di lokaliti mereka. Usaha ini juga akan diperluaskan bukan hanya di daerah Johor Bahru tetapi di seluruh negeri Johor dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Skudai.

**YB Puan Marina Binti Ibrahim (Skudai)** : Assalamualaikum Datuk Speaker. Soalan saya nombor 2.

Pengaruh-pengaruh negatif makin membimbangkan dan ada kalanya ia sukar di kawal ibu bapa. Apakah usaha yang telah dirangka kerajaan negeri dalam membantu menangani kejatuhan moral di kalangan belia?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Skudai.

Pertamanya Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan terperinci, ingin saya kongsi soalan daripada Yang Berhormat Skudai berkaitan dengan isu pengaruh-pengaruh negatif makin membimbangkan dan ada kalanya ia sukar dikawal oleh ibu bapa. Apakah usaha yang telah dirangka kerajaan negeri dalam membantu menangani kejatuhan moral di kalangan belia?

Soalan yang cukup baik yang boleh saya kongsi berkaitan apakah pelan-pelan kerajaan yang telah menjalankan ataupun merangka agar belia-belia Negeri Johor hidup dalam keadaan selesa di negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, statistik daripada Institut Kajian Belia Malaysia (IRIS) di Johor sahaja mempunyai belia berumur 15 hingga 30 tahun mempunyai 1.83 juta, belia yang berumur 15 hingga 40 tahun, 1.681 juta, dan juga golongan-golongan belia OKU mempunyai 68,692 orang dan DOSM menunjukkan hampir 2 juta belia di Johor iaitu 45.1% daripada 4 juta rakyat di seluruh Johor.

Yang Berhormat Skudai, izinkan saya kongsi statistik daripada Polis Johor berkaitan dengan keterlibatan, keterlibatan kumpulan belia dalam jenayah, salah laku dan aktiviti kurang sihat supaya Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat Skudai lain dapat gambaran dengan lebih jelas persoalan yang disuarakan. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, sebanyak 2,402 kes jenayah direkodkan sehingga Oktober 2023 membabitkan belia di bawah usia 40 tahun. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tempoh sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 1,970 kes. Jumlah ini melibatkan berbagai kategori kes indeks. Kalau boleh saya kongsi di sini yang pertamanya adalah kecurian. Sebanyak 1,083 kes yang meningkat berbanding 862 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas. Isu kedua, iaitu jenayah seksual 818 kes, juga meningkat berbanding 692 kes dalam tempoh sama tahun lepas. Isu yang ketiga adalah vandalisme, 242 kes sedikit meningkat berbanding 239 kes dalam tempoh tahun lepas. Isu yang keempat adalah samun, 244 kes sedikit meningkat berbanding 166 kes dalam tempoh sama pada tahun lepas. Isu yang kelima adalah samseng dan kongsi gelap iaitu 10 kes sedikit meningkat berbanding 7 kes direkodkan dalam tempoh sama tahun lepas. Dan yang terakhir adalah kes buli iaitu mempunyai 5 kes meningkat 1 kes daripada 4 kes yang direkodkan dalam tempoh yang sama bagi tahun lepas. Dan mengikut rekod Jabatan Siasatan Jenayah IPK Johor juga, jumlah tangkapan bagi semua kategori kes indeks menunjukkan sedikit peningkatan kepada 1,727 tangkapan sehingga Oktober 2023 berbanding 1,717 tangkapan dalam tempoh yang sama bagi tahun lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kontinjen Johor pula merekodkan sebanyak 2,251 tangkapan sehingga Oktober 2023 membabitkan belia di bawah usia 40 tahun. Sedikit menurun berbanding 2,455 tangkapan dalam tempoh sama pada tahun lepas. Jumlah sitaan kenderaan pula menunjukkan trend sedikit menurun iaitu 1,262 berbanding 1,674 dalam tempoh sama bagi tahun lalu. Bagi kesalahan lumba haram, dalam tempoh yang sama sehingga Oktober 2023 sebanyak 421 tangkapan telah dibuat meningkat berbanding 270 tangkapan dalam tempoh sama bagi tahun lalu. Dan bagi kesalahan mabuk pula, sebanyak 492 tangkapan dibuat sehingga Oktober 2023 meningkat berbanding 470 tangkapan dalam tempoh sama tahun yang lepas.

Suka untuk saya kongsi juga, statistik jenayah narkotik membabitkan belia-belia usia 40 tahun di negeri Johor ini menurun. Yang Berhormat, statistik daripada Jabatan Jenayah Narkotik IPK Johor yang dikongsi kepada saya sehingga Oktober 2023 sebanyak 9,942 kes jenayah dadah direkodkan meningkat berbanding 8,482 kes dalam tempoh yang sama.



laitu peningkatan sebanyak 17.21%. Jumlah kes ini membabitkan berbagai kesalahan-kesalahan antaranya Seksyen 39(b), Seksyen 39(a) dan Seksyen 12, Seksyen 6 dan Seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya memahami kebimbangan Yang Berhormat Skudai dan selaku EXCO Belia Negeri Johor saya ambil maklum mengenai trend peningkatan ini. Justeru, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor di bawah Bahagian Pembangunan Belia telah melaksanakan 10 Program Intervensi Sosial Dari Belia Untuk Belia (Y2Y) Bagi Tahun 2023 yang menumpukan kepada advokasi, kempen, pendidikan dan latihan yang memfokuskan kepada usaha untuk mengurangkan keterlibatan belia dalam isu permasalahan sosial. Program ini mensasarkan belia sekolah, belia pengajian tinggi dan belia masa kini yang telah dilaksanakan di semua 10 daerah dengan jumlah penyertaan 1,129 orang peserta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui pelaksanaan-pelaksanaan program di bawah Bahagian Pembangunan Rakan Muda juga pada tahun 2023, sebanyak 71 program telah dilaksanakan di seluruh negeri Johor yang melibatkan penyertaan seramai 30,000 orang dan pelaksanaan program dan aktiviti melalui 10 gaya hidup Rakan Muda yang telah diberi nafas yang baharu ini juga adalah berdasarkan kepada penterjemahan minat kecenderungan positif anak muda.

Untuk makluman Yang Berhormat Skudai juga, pada tahun ini dan tahun hadapan insya-Allah di bawah Majlis Belia dengan kerjasama *Southern Volunteer* juga telah pun menjalankan Program Jelajah Aspirasi Belia dan insya-Allah di dalam Jelajah Aspirasi Belia itu, banyak aktiviti-aktiviti kesedaran dan saya mengalu-alukan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberi pandangan dan idea untuk membangunkan generasi belia bersama untuk Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, saya jemput Skudai.

**YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai)** : Ok. Terima kasih Yang Berhormat kerana memperincikan statistik daripada Jabatan Jenayah di kalangan belia. Dan saya tertarik bila lihat apa ini laporan daripada narkotik sehingga Oktober 2023. Ini peningkatan sebanyak 17.21% gejala dadah di kalangan belia dan sebab saya di lapangan amat rapat dengannya, kalau kita tengok usia belia adalah 15 hingga 40 tahun. Dan kita rapat dengannya belia-belia yang di bawah usia 15, maksudnya di kalangan usia 15 tahun. Dan kita lihat sebagai contoh kes pada baharu-baharu ini, mereka yang golongan muda terlibat dalam aktiviti *vape* dan juga salah guna dadah dan begitu juga di kawasan-kawasan flat terutamanya. 13 tahun, baharu berusia 13 tahun tetapi meninggal akibat *overdose*. Ok, jadi kebimbangan saya ini adalah pada belia umur 15 sehingga 40 tahun ini di mana mereka suka mencuba, mereka cuba nak meng'*explore something*' yang baharu. Dan ada kalanya mereka tersilap langkah. Jadi, soalan saya adakah terdapat kerjasama daripada pihak Yang Berhormat sendiri dan juga pihak Jawatankuasa Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar pendidikan bukan sahaja pada belia tetapi ibu bapa belia juga supaya bersama-sama dapat memainkan peranan supaya anak mereka, belia-belia ini apa ini tidak tergelincir daripada sasaran yang sebenar?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Terima kasih Yang Berhormat Skudai atas pandangan dan soalan yang telah diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat Skudai, Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat hari ini memang ada kerjasama secara langsung pihak EXCO Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya bersama Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim untuk keterlibatan dalam pembangunan sahsiah belia. Insya-Allah cadangan dan pandangan Yang Berhormat akan diteliti dan strategik lautan biru akan diperkasakan merentasi Portfolio Belia, Keluarga dan Masyarakat. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, sebab itu saya menekankan di bawah agensi portfolio saya agar

program-program secara langsung dijalankan di flat-flat kerana saya elakkan program-program di *shopping complex* mahupun program-program di sasaran yang lebih rapat saya rasa dengan golongan-golongan anak-anak flat ini kerana mereka juga inginkan pendedahan yang lebih rapat dengan kerajaan. Sebab itu saya meminta di bawah portfolio saya, pelbagaikan program agar vandalisme yang berlaku di flat-flat ini tidak dipersalahkan akhirnya kerana saya tidak mahu kerajaan sentiasa dipersalahkan dan Alhamdulillah bila saya duduk di portfolio saya ini kerap kali program-program yang berjalan di flat-flat di seluruh Johor saya ucapkan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang dapat bekerjasama dengan semua pihak khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput soalan yang seterusnya, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran pemerhati iaitu daripada kawasan ADUN Johor Lama seramai 20 orang. ADUN Sungai Balang, ada ke? Pemerhati daripada ADUN Larkin, ada. Pemerhati daripada ADUN Tenang. Pemerhati daripada ADUN Puteri Wangsa.

Saya jemput Yang Berhormat Kukup.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup)** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, di Pulau Kukup ada naga, soalan Kukup nombor 3.

Bilakah Taman Negara Pulau Kukup akan beroperasi sepenuhnya kepada orang awam serta apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan negeri untuk menarik pelancong dalam dan luar negeri ke Taman Negara Tanjung Piai dan Pulau Kukup?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman penutupan Taman Negara Johor Pulau Kukup pada 2 November 2021 yang lalu adalah disebabkan oleh kerosakan kemudahan pelancongan yang di selenggara oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA). Taman Negara Johor Pulau Kukup dijangka akan beroperasi semula pada Januari 2024 setelah penyerahan tapak projek oleh IRDA. Saya pasti saya tidak akan lupa untuk menjemput YB Kukup bila Taman Negara Pulau Kukup beroperasi semula. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam Ucapan Belanjawan 2024, Taman Melawat Johor akan diadakan pada tahun 2026. Hasil daripada pengumuman Belanjawan yang telah dibentangkan juga, terang dan jelas menunjukkan kerajaan negeri amat menekankan aspek infra kemudahan awam di tempat ekopelancongan khususnya di taman-taman negara Johor dan hutan-hutan lipur.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, antara kerja-kerja yang sedang berjalan di Taman Negara Johor Tanjung Piai ialah pembinaan kaunter tiket baharu, pembinaan surau, jambatan dan juga rumah sampah. Selain itu, tandas baharu juga telah disediakan dan telah digunakan oleh para pelawat. Bagi tahun 2024 pula, kerja-kerja menaik taraf akan diteruskan dengan pembinaan pintu gerbang yang baharu, menaik taraf galeri dan membina bumbung di kawasan balai ketibaan kompleks pelawat. Manakala, bagi Taman Negara Johor Pulau Kukup, kerja-kerja membaik pulih pelantar oleh pihak IRDA sedang di peringkat akhir sebelum diserahkan kepada pihak Taman Negara Johor. Selain itu juga, bot penumpang yang membawa pelawat ke Pulau Kukup juga akan dinaik taraf. Pulau Kukup dijangka akan dibuka pada pelawat pada awal tahun 2024.

Selain itu, pelbagai langkah drastik telah diambil oleh Perbandaran Taman Negara Johor bagi memastikan jumlah pelawat yang datang ke Taman Negara Johor Tanjung Piai dan Taman Negara Johor Pulau Kukup ditingkatkan. Antaranya, Perbadanan Taman Negara Johor akan menganjurkan program-program berimpak tinggi seperti *World Wetland Day*, *Clean Up*, *Migratory Bird* dan Karnival Hujung Benua dan serta lain-lain lagi. Pelbagai pakej

akan disediakan untuk menarik pelawat yang datang sebagai contoh, pakej CSR yang mempunyai aktiviti-aktiviti konservasi seperti penanaman pokok bakau, pembersihan kawasan hutan bakau dengan melibatkan komuniti tempatan. Penghargaan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana sangat menekankan aspek infrastruktur kemudahan asas di Taman-Taman Negara Johor. Oleh itu, Perbadanan Taman Negara Johor sedang dalam proses penambahbaikan kemudahan bagi keselesaan pelawat yang akan datang.

Tourism Johor juga akan turut kerjasama dengan Perbadanan Taman Negara Johor di dalam usaha memperkasa kempen promosi kedua-dua Taman Negara Johor ini melalui media sosial, penganjuran *Fam Trip*, pameran pelancongan dan bahan-bahan promosi pelancongan negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya sila.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) :** Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat EXCO. Kita tahu bahawa apabila Pulau Kukup itu ditutup, sudah semestinya ada pengubahsuaian, baik pulih dan sebagainya kita faham. Cuma soalan saya di sini kita tahu keadaan di Pulau Kukup itu adalah kawasan yang berair dan juga kawasan laut. Bagi memastikan sesuatu pengubahsuaian ataupun jambatan yang kita bina itu boleh kekal agak lama, adakah pihak EXCO memikirkan apakah bentuk material yang sesuai diguna pakai bagi mengelakkan pengubahsuaian itu dilakukan secara kerap dan ini menimbulkan masalah kepada jadual pelancongan kita pada hari ini. Terima kasih, itu soalan tambahan saya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB Kukup. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Kukup, memang bila dikatakan Pulau Kukup ianya melibatkan air. Material-materialkan, air yang digunakan perlu dibekal dalam kualiti yang tinggi pasal tu bila IRDA membuat penambahbaikan, kita tidak puas hati dengan bila kerja-kerja pertama dibuat oleh kontraktor, kita minta ditukarkan agar material yang digunakan tahan lama dan apabila kerja-kerja IRDA dijalankan juga, kita mendapati jeti yang untuk mengambil penumpang pun dalam keadaan tidak baik yang seperti mana yang dilaporkan oleh JKR. Oleh itu, kita telah pun membuat jeti sementara untuk tidak memberhentikan operasi dan juga kita telah membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan dan kita telah diluluskan sebanyak peruntukan sebanyak RM20 juta untuk buat jeti-jeti baharu. So, kerja-kerja pembuatan jeti baharu akan dijalankan selari dengan pembukaan sebab kita dah ada jeti sementara. Terima kasih Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Kukup, masukkan dalam *TikTok* di Kukup ada naga, ramailah orang datang. Saya jemput Yang Berhormat Endau.

**YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah kerajaan bersedia untuk membina Rumah Mampu Milik Johor di kawasan Tenglu, Endau memandangkan tanah tersebut telah disediakan untuk projek itu?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam Maju Johor. Bismillahirrahmanirrahim. Soalan Kukup, soalan Endau berbunyi, adakah kerajaan bersedia untuk membina rumah mampu milik di kawasan Tenglu, Endau memandangkan tanah tersebut telah disediakan untuk projek perumahan.

Untuk makluman YB Endau dan rakyat Mersing, projek ini telah dilancarkan tahun 2017 di bawah agensi kerajaan tetapi tidak dilaksanakan sehingga kini bila didapati keadaan tanah dan kawasan infra, kosnya terlalu tinggi. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Endau, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian khusus untuk penyediaan rumah mampu milik di daerah-daerah yang kurang menyediakan rumah untuk ditawarkan kepada golongan B40 dan M40. Selain itu dalam rekod *task force* Perumahan Johor sehingga 2026, sebanyak 3,834 unit akan disediakan antaranya, pertama Taman Koperasi Nelayan 76 unit, saya ingat dalam Sidang Tahun 2022, Yang Berhormat ada bangkitkan tentang isu projek sakit, dah sakit semenjak tahun 2017 lebih daripada 7 tahun. Di peringkat *taskforce* kerajaan bersama PKPJ Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor bersama PBT Mersing dan beberapa agensi kerajaan kita telah menubuhkan *task force* untuk projek sakit ini. Dan insya-Allah untuk makluman Yang Berhormat, projek ini akan siap hujung bulan 12 ini, insya-Allah, Q1, 2024 akan diserahkan kunci. Ada juga projek-projek lain yang kedua ialah di Taman Lagenda Suria 3,499 unit yang harganya bermula daripada RM50,000.00 sehingga RM300,000.00. Yang ketiga, Rumah Impian Bangsa Johor pun akan berada di Mersing sebanyak 250 unit dan yang terakhir Taman Markisa 9 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Amat Berhormat, Projek Lagenda Suria, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa PDRC telah meluluskan pembangunan untuk rumah B40 dan M40 berskala besar di daerah Mersing melibatkan pembangunan di Taman Lagenda Suria. Jumlah unit yang mampu dimiliki ia akan ditawarkan sebanyak 3,499 dengan harga bermula RM50,000.00 sehingga RM300,000.00. Projek ini dijangka akan ditawarkan kepada rakyat bermula tahun 2024 sehingga tahun 2029. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Apakah perancangan yang akan dilaksanakan di negeri Johor melalui *Projek Point Of Presence* (POP) Fasa 2 yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan hari ini saya sendiri nak mengalu-alukan kehadiran orang kampung saya dari FELDA Simpang Waha, Kota Tinggi. (Dewan bertepuk). Insya-Allah saya belanja makan tengah hari.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan soalan daripada Sri Medan, apakah perancangan yang akan dilaksanakan di negeri Johor melalui *Projek Point Of Presence* (POP) untuk fasa kedua yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia?

Suka ingin saya kongsi dalam sidang Dewan pada hari ini, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah memperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion bagi meneruskan pelaksanaan projek POP ini untuk fasa kedua. Ini melibatkan 3,693 POP di lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Bagi negeri Johor sendiri kita akan mendapat sebanyak 568 tapak POP ini sekali gus ini merupakan negeri yang paling banyak mendapat manfaat daripada projek ini. (Dewan bertepuk). Untuk makluman semua, projek POP untuk fasa pertama bagi kawasan sekolah di negeri Johor adalah di bawah kelolaan syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd. iaitu sebanyak 50 POP. Sementara bagi kawasan perindustrian di negeri Johor adalah di bawah kelolaan syarikat Visi Telecom Sdn. Bhd. iaitu sebanyak lima tapak POP.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pelaksanaan POP fasa kedua pula akan dilaksanakan pada tahun 2022 hingga tahun 2025. Syarikat yang telah terpilih oleh Kementerian Komunikasi dan Digital untuk dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan projek POP fasa kedua di negeri Johor ini adalah syarikat Konsortium Apex Sdn. Bhd. iaitu sebanyak 568 jumlah POP yang saya telah maklumkan tadi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, objektif projek ini adalah untuk menyediakan penyelesaian penyambungan kepada komuniti luar bandar. Usaha ini bertujuan untuk membolehkan komuniti-komuniti ini mengakses dan mendapat manfaat daripada pelbagai aplikasi internet. Ia juga bertujuan untuk menyambungkan sekolah-sekolah dan pejabat kerajaan yang masih belum mempunyai sambungan fiber optik agar dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi ini yang lebih stabil. Sokongan infrastruktur jalur lebar gentian optik berkelajuan tinggi ini akan dapat meningkatkan proses pembelajaran di sekolah dengan lebih efektif melalui capaian kepada maklumat dan sumber rujukan yang luas dan membolehkan ilmu pengetahuan lebih mudah dikongsi dan dipraktikkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif POP ini juga adalah untuk, adalah antara komitmen Kerajaan Negeri Johor dan persekutuan dalam menggalakkan penerimaan teknologi digital oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira lokasi sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Usaha ini juga bertujuan mempersiapkan rakyat dengan kemahiran digital bagi merapatkan kesenggangan digitalisasi serta memperkasa infrastruktur telekomunikasi di negeri Johor ini sendiri.

Suka juga saya nak kongsi kepada Ahli Dewan pada esok hari, pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (MCMC) akan membuka *booth* di sebelah *wing* kanan, jadi saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat ataupun Pegawai-Pegawai Khas boleh singgah ke *booth* tersebut bagi mengetahui informasi dan perbincangan permasalahan liputan Internet dan komunikasi di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, apa yang seperti dimaklumkan oleh Yang Berhormat EXCO berkenaan Program POP Fasa 2 ini berjumlah RM3.9 bilion dan Johor menerima 568 tapak POP ini. Apa yang saya faham pembinaan mungkin menara yang ada tu mungkin dia berhampiran dengan sekolah dan juga yang kita lihat di mana-mana tempat pun tiap-tiap sekolah tu ada pencawang yang ada pun macam tak ada. Ok, itu yang pertama. Saya lihat di sini, kalau kedudukan 568 tapak ini berada berhampiran sekolah, mungkin ia tidak dapat membantu untuk capaian internet di kawasan luar bandar. Jadi contohnya, saya ada berjumpa dengan SKMM Negeri Johor dan saya melihat bahawa program-program yang dicadangkan itu mungkin tak sama seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat EXCO iaitu Program POP Fasa 2 dan saya di sini, saya ingin mencadangkan dan boleh di rekod oleh Dewan Negeri Johor ada empat kawasan di kawasan Sri Medan yang perlu untuk Yang Berhormat EXCO bantu. Kalau kata fasa dua ini dengan 568 lokasi ini, saya minta empat je lokasi untuk Sri Medan. Yang pertama, di kawasan Parit Laman Mukim 4, Sri Medan, yang kedua, Kampung Parit Haji Yusuf, Sri Medan, yang ketiga, Parit Jayus 4 hingga 6, kawasan Sri Medan, yang keempat Kampung Sri Dayung dan juga Parit Badak, Sri Medan. Kerana apa? Saya bangga dengan apa yang MB umumkan Maju Johor 2030 dan Sri Medan pun nak rasa maju dengan capaian internet, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Terima kasih atas soalan tambahan daripada YB Sri Medan, ok. Ingin saya kongsi juga berkaitan dengan projek POP fasa kedua ini. Langkah-langkah Kerajaan Negeri Johor untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini, kita tak mahu projek ini seperti projek-projek sebelum ini kita mahu ia menambah, ditambah baik lagi untuk projek fasa kedua ini yang

mana kita telah mengadakan projek POP ini telah dikategorikan sebagai projek *fast lane* di bawah Inisiatif Jaringan Digital Negara (JENDELA) bagi permohonan-permohonan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya daerah-daerah.

Selain itu, langkah-langkah kerajaan negeri untuk mempercepatkan lagi projek ini, pihak kami telah mengadakan bengkel serta taklimat kepada pihak-pihak berkepentingan dan yang berkaitan tentang informasi dan perancangan bagi projek *Point Of Presence* Fasa Kedua ini dan selain daripada itu juga, saya juga akan mengadakan mesyuarat bulanan dan laporan secara berkala bagi pemantauan projek ini sepanjang pelaksanaan di negeri Johor seperti mana Yang Berhormat Sri Medan katakan tadi dalam daerah Batu Pahat ada 93 projek POP. Jadi, hanya tuan badan dan orang kampung sendiri tahu di mana projek-projek ini sesuai untuk dilakukan, ok.

Selain daripada itu, bantuan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan mengikut masa yang telah ditetapkan. Dan suka juga saya nak ingatkan, jika ada sebarang masalah tentang pelaksanaan projek ini, boleh terus berhubung dengan pihak saya, pihak kami agar kita terus membuat lawatan dan pemantauan dengan kadar segera. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Panti.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Mohon senaraikan pecahan peruntukan yang diberi kepada setiap sekolah agama di Johor pada setiap tahun.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Panti bertanyakan memohon disenaraikan pecahan peruntukan kepada setiap sekolah agama secara tahunan.

Bagi memastikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran lancar, beberapa pecahan peruntukan tahunan diberikan terdiri daripada kategori di mana setiap sekolah kerajaan Johor menikmati peruntukan yang sama. Antaranya ialah peruntukan kebersihan, sumbangan Majlis Maulidur Rasul, peruntukan peralatan sekolah dan sumbangan kepada kebajikan sekolah.

Bagi peruntukan kebersihan sekolah, sebanyak RM8.1 juta diperuntukkan, di mana sekolah gred A sebanyak 50 buah dan gred B 88 buah di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Manakala sekolah gred C mendapat sumbangan daripada Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor sebanyak RM2.112 juta.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor adalah badan berkanun negeri yang berperanan sebagai menguruskan wang khairat Sekolah Agama Kerajaan Johor dan boleh menerima mana-mana sumbangan lain sebagaimana maksud penyumbang.

Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor turut memperuntukkan sumbangan Maulidur Rasul RM770,000.00 setahun dan Majlis Tilawah Al-Quran peringkat zon, daerah dan juga negeri sebanyak RM700,000.00 setahun yang diberikan kepada 583 buah sekolah agama.

Selain itu Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor juga memberi peruntukan peralatan sekolah sebanyak RM1.76 juta setahun yang merangkumi percetakan kertas soalan peperiksaan akhir tahun, alatan kelengkapan mengajar, alat tulis dan alatan kebersihan.

Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor turut menyumbang kepada baik pulih kecil di mana setiap daerah akan menerima RM10,000.00 setahun.

Bagi sumbangan badan kebajikan, RM1.9 juta setahun daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor diperuntukkan mengikut gred sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Panti, tiada kadar tetap yang diperuntukkan kepada setiap sekolah agama di negeri Johor ini bagi peruntukan baik pulih sama ada kecil mahupun besar dan peruntukan penggantian perabot. Peruntukan akan diberikan berdasarkan kepada permohonan yang dimohon oleh pihak sekolah.

Bagi baik pulih kecil, peruntukan sebanyak RM1,000.00 bagi setiap sekolah disediakan melalui Pejabat Pendidikan Islam Daerah. Segala permohonan baik pulih kecil akan diajukan kepada Pejabat Pendidikan Islam Daerah dan kerja-kerja baik pulih diuruskan oleh Pejabat Pendidikan Islam Daerah itu sendiri.

Kerajaan sentiasa mengenal pasti sekolah-sekolah yang memerlukan kerja-kerja baik pulih kecemasan seperti baik pulih bumbung, *electrical* dan apa-apa jua yang memerlukan tindakan segera. Bagi kerja-kerja seperti ini, kos adalah bergantung kepada keperluan dan tidak dihadkan. Namun begitu ia tertakluk kepada bajet yang sedia ada.

Bagi peruntukan penggantian perabot sekolah agama yang usang, secara puratanya Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor memperuntukkan sebanyak RM2 juta setahun dan peruntukan ini akan diberikan berdasarkan permohonan daripada pihak sekolah.

Pada tahun ini sahaja peruntukan sebanyak RM2.5 juta telah diberikan dan memberi manfaat kepada 158 buah sekolah yang melibatkan penggantian 9,370 buah perabot termasuk meja, kerusi guru-guru dan juga murid. Kerajaan negeri sentiasa cakna dan prihatin kepada keperluan asas ini agar setiap sekolah dapat diberikan perhatian dan 198,000 murid-murid mendapat kebajikannya. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya sila.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang telah diberikan. Terutama saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat EXCO atas segala usaha yang beliau lakukan untuk memastikan peruntukan-peruntukan kepada sekolah-sekolah agama ini khususnya dapat diberi dengan jumlah yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan tentang satu inisiatif daripada pihak kerajaan sendiri iaitu naik taraf bilik al-Bayan. Saya difahamkan naik taraf bilik ini adalah arahan daripada pihak PPID dan akan dibuat secara berfasa. Fasa pertama, sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid yang besar dan mungkin selepas itu sekolah-sekolah yang lain. Cuma saya nak minta penjelasan adakah benar, apa tiada peruntukan diberi kepada sekolah-sekolah ini untuk mereka naik taraf bilik-bilik ini dan jika benar, adakah pihak kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk, cadangan daripada Panti untuk mereka dibantu sebab pada saya, apa perkara-perkara ini penting dalam era sekarang, zaman digital dan sebagainya. Mungkin juga kita boleh dapat jaminan daripada pihak kerajaan tentang perkara ini. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Soalan berkenaan peruntukan khusus kepada bilik al-Bayan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Negeri Johor adalah negeri pertama yang mengendalikan pendidikan agama Islam-nya menerusi sistem pendidikan, Johor Pendidikan Islam Digital al-Bayan. (Dewan bertepuk). Maksudnya tuan-tuan yang di rumah, balik daripada kerja, boleh semak kerja sekolah anaknya, boleh semak kitab anaknya menggunakan sistem JPID al-Bayan, menggunakan telefon masing-masing. Hebat Yang Berhormat Datuk Speaker. Cuma nak beritahu ini adalah tahun kedua pengoperasiannya, dia memerlukan sedikit masa lagi untuk dilengkapkan di seluruh sekolah-sekolah dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Panti, JPID al-Bayan ini dihasratkan supaya anak-anak kita mengalami pendidikan... menjalani pendidikan agama Islam secara maya dan juga digital. Maka beberapa kelengkapan dan naik taraf telah pun disediakan oleh Kerajaan Johor khususnya dalam menyediakan Wi-fi kepada setiap sekolah. Dia menjadi KPI saya Yang Berhormat Datuk Speaker, bahawa pemasangan di semua 585 buah sekolah agama di seluruh Negeri Johor dilengkapi dengan Wi-fi. Tahun ini sahaja Kerajaan Johor mensasarkan 140 buah dipasang, maksudnya nak lengkap kepada semua ni ambil masa sikit sebab peruntukannya pun berkala dan perlu secara berperingkat.

Untuk Yang Berhormat Panti, tahun ini sahaja kita dah lengkapi Sekolah Agama Bandar Tenggara, Sekolah Agama Taman Anggerik Bandar Tenggara, Sekolah Agama Bukit Bintang dan Sekolah Agama Penggeli Timur. Sekolah ini dapat Wi-fi dan juga TV, *Smart TV*. Untuk memastikan semua sekolah ada kelengkapan yang penuh Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bagi pihak kerajaan memang kena menyebut, ianya memerlukan sedikit masa lagi. Peruntukan khas sebagai keceriaan, itu semua tak ada. Yang kita ada, kita melengkapkan dengan kemudahan asas dan setakat ini di Panti, 4 buah sekolah itu dilengkapkan. Tapi saya memberikan keyakinan bahawa usaha berterusan, tahun lepas Datuk Speaker, oh tak tahun ni Yang Berhormat Datuk Speaker, dapat sumbang 80 buah *Smart TV*. Tahun depan Datuk Speaker 190 buah kita peruntukan. Jadi Wakil Rakyat semua kena bersabar sikit, tak dapat nak penuh semua sekali gus tapi akan mula dilengkapkan.

Dan, itu yang dapat saya jawabkan Yang Berhormat Datuk Speaker dan YB Panti. Tiada peruntukan khusus untuk keceriaan, penambahbaikan yang penuh tapi kerajaan komited untuk memberikan kemudahan asasnya dilengkapkan secara berperingkat. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Senai.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai)** : Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Sila nyatakan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan bekalan air yang bakal tidak mencukupi susulan Johor berazam untuk menjadi hab pusat data terbesar di Malaysia.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Dewan sekalian, soalan Yang Berhormat Senai ialah mengenai perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan bekalan air susulan Johor menjadi hab pusat data terbesar di Malaysia.



Sebagaimana Ahli-Ahli Dewan sedia maklum, pembangunan hab pusat data di negeri Johor tertumpu di kawasan Sedenak, Kulai, Johor yang dikenali sebagai Sedenak Tech Park ataupun STeP dan dibangunkan oleh pihak JCorp.

Pembangunan STeP ini dibahagikan kepada 2 fasa iaitu fasa pertama dijangka pembangunan siap pada tahun 2024. Manakala fasa kedua, pembangunan akan bermula pada tahun 2023 dan dijangka siap pada tahun 2028, dengan keluasan tanah masing-masing 700 ekar dan 640 ekar, keperluan bekalan air masing-masing adalah sebanyak 19.62 juta liter sehari dan 31.44 juta liter sehari.

Berdasarkan maklumat daripada pihak JCorp, keperluan bekalan air ini adalah secara berperingkat. Kerajaan Negeri Johor bersama kerajaan persekutuan serta pihak operator air negeri, Ranhill SAJ Sdn. Bhd. telah membuat perancangan bagi memastikan keperluan bekalan air bagi kawasan industri dan penduduk sekitarnya mempunyai bekalan air yang cukup melalui pelaksanaan projek bekalan air mentah dan air terawat yang menyeluruh.

Antara projek yang akan dibangunkan adalah seperti berikut:-

1. Pembangunan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), Sungai Lebak dengan kapasiti 200 juta liter sehari bagi meningkatkan sumber air mentah. Dijangka projek ini akan bermula pada tahun 2025 dan siap 2028.
2. TAPS Sungai Pontian dan Baraj Sungai Pontian dengan kapasiti 260 juta liter sehari bagi meningkatkan sumber air mentah. Dijangka bermula pada tahun 2026 dan siap pada tahun 2028.
3. Pembangunan Loji Pakej dengan kapasiti 50 juta liter sehari di LRA Semangar bagi bekalan air terawat. Tapi kelulusannya bergantung kepada NRECC dan juga SPAN. Kalau lulus insya-Allah kita mula pada suku ketiga 2024 dan akan siap pada suku keempat tahun yang sama, 2024.
4. Pembangunan Loji Rawatan Air Semangar 3 dengan kapasiti 160 juta liter sehari bagi bekalan air terawat. Yang ni dijangka bermula pada tahun 2027 dan siap pada 2028; dan
5. Kita akan buat *rezoning* paip bekalan air terawat bagi kawasan daerah Johor Bahru yang memberikan tambahan 50 juta liter sehari air kepada kawasan Sedenak dan Kulai. *Zoning* ini maksudnya air-air di kawasan lain tu kita ubahsuai menghala ke Sedenak, Kulai ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, projek-projek ini semua dijangka akan dapat disiapkan sebelum 2030 bertepatan dengan Perancangan Pembangunan Negeri Johor 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi keperluan semasa bekalan elektrik pula, untuk jangka masa pendek ialah tahun 2022 hingga 2025, sistem rangkaian TNB sedia ada adalah mencukupi untuk menampung bekalan yang diperlukan oleh *data centre*. Untuk keperluan *mid-term* antara 2026 hingga 2030, berikut adalah senarai pencawang masuk utama yang dikenal pasti dalam Pelan Tindakan TNB untuk menampung beban *data centre* di negeri Johor:-

1. PMU Sedenak 500 KV 275 132 dan 33 KV dijangka siap 2026.
2. PMU Nusajaya Selatan 275 132 33 KV dijangka siap 2027.
3. PMU Nusajaya Utara 275 KV dijangka siap 2029.

4. PMU Tanjung Kupang 275 KV dijangka siap 2029, dan
5. PMU 500 KV Tanjung Kupang bergantung kepada keperluan tapak.

Untuk keperluan *long term* pula Yang Berhormat Datuk Speaker, 2030 dan ke atas, *comprehensive system study* akan dimuktamadkan sebelum Mac 2024 berdasarkan unjuran beban dan kapasiti *generation plan out*. Terima kasih.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai)** : Terima kasih jawapan yang diberikan oleh YB EXCO dan terima kasih atas usaha yang dirancang dan disediakan oleh kerajaan negeri. Jadi soalan tambahan saya, kami difahamkan bahawa pengurusan suhu air penyejuk adalah penting untuk memastikan kestabilan dalam suhu peralatan pusat data. Memandangkan masalah gangguan bekalan air yang sentiasa berlaku di Johor kerana pencemaran air dan juga kebocoran paip dan sebagainya, jadi saya nak tanya adakah pihak YB EXCO dan juga agensi-agensi yang berkaitan sudah bersedia untuk membekal air secara stabil kepada bukan sahaja kepada pengendali pusat data tetapi juga kepada orang awam jugalah. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Senai. Betul, ada beberapa isu yang perlu kita selesaikan akibat kekurangan air sekarang antaranya ialah kita nak tengok kadar *non revenue water* kita. Antara yang boleh tahan tinggi juga iaitu pada 2018, 24.7%. Ini kebocoran yang kita tak dapat *revenue* maknanya air hilang di sepanjang paip. 2019, 24.9%, 2020, 26.7% dan insya-Allah pada tahun 2023 setakat ini 25.3%. Dan untuk mengatasi masalah kebocoran paip ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kita ada melakukan kerja-kerja penggantian paip lama daripada paip AC kepada PE, asbestos simen kepada paip PE. Kita untuk tahun 2022, perancangannya kita untuk 2024 sampai 2025 kita akan gantikan 213 kilometer paip, 2021, 223 kilometer dan 2020, 234 kilometer. Selagi kita tak *repair* paip ini Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Senai, bila kita *increase* tingkatkan dia punya tekanan, paip-paip ini pecah. Jadi, ini salah satu usaha yang kita buat supaya kita dapat pastikan bila kawasan itu padat dengan penduduk, kita nak pam lebih air kat kawasan itu tak ada implikasi paip bocor. Selain yang saya sebutkan tadi, kita perlu buat *rezoning* ada kawasan-kawasan yang mungkin persediaan dulu kita dah sediakan banyak air kawasan itu tapi bila kita buat *rezoning* semula mungkin perindustrian itu pindah ke tempat lain dan insya-Allah macam saya sebut tadi, *rezoning* yang akan dibuat bermula pada tahun 2026 hingga 2027. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8. Terima kasih.

Apakah usaha-usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan pengeluaran industri sawah padi di negeri Johor, terutamanya di dalam daerah Tangkak?

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

Nyatakan jumlah keseluruhan pengeluaran padi dalam setahun di negeri Johor dan apakah usaha kerajaan untuk menambah baik hasil pengeluaran padi bagi menjamin bekalan makanan mencukupi kepada rakyat negeri Johor?

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 10.

Adakah kerajaan berhasrat untuk memperluas hasil tanaman padi sebagai mempertingkatkan inisiatif kerajaan di dalam keterjaminan makanan dan adakah kerajaan telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang dikira bersesuaian untuk tanaman padi serta insentif yang disediakan kepada para petani?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Permas.

**YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 11.

Keterjaminan makanan menjadi isu global. Apakah Kerajaan Negeri Johor akan melaksanakan penanaman padi sepertimana kenyataan YAB Menteri Besar Johor pada 23 September 2023?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

**YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang)** : Pulai Sebatang, Yang Berhormat Datuk Speaker ramai yang tanya ni. Pecah kaca pecah gelas, kami soal EXCO balas, supaya ianya lebih jelas, soalnya nombor 12.

Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menangani isu kekurangan makanan terutamanya beras pada masa-masa akan datang?

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Simpang Jeram.

**YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 13.

Langkah kerajaan menawarkan tanah bagi tujuan memperluaskan kawasan penanaman padi adalah suatu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, apakah mekanisme penawaran penggunaan tanahnya dan jaminan guna tanah ini terus terpelihara?

**YB Speaker** : Sila.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon untuk menjawab bersekali 6 soalan dan kalau panduan kepada 6 soalan ini, jawapan saya mungkin agak panjang dan jika perlukan penjelasan lebih jelas saya harap akan ajukan untuk jawapan bertulis.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertanyaan keenam-enam soalan ini kepada Yang Berhormat Gambir, Yang Berhormat Maharani, Yang Berhormat Penggaram, Yang Berhormat Permas, Yang Berhormat Pulai Sebatang dan Yang Berhormat Simpang Jeram. Rata-rata berkaitan data padi dan beras negeri serta langkah-langkah kerajaan untuk menambah baik pengeluaran padi dan beras negeri. Untuk rekod, keperluan beras setahun bagi rakyat Malaysia adalah sebanyak 2,517,461 tan atau 209,788 tan sebulan. Namun tahap sara diri atau SSR bagi padi negara pada masa ini adalah sebanyak 62.6%. Justeru, selebihnya diimport dari luar negara bagi memenuhi keperluan rakyat. Pada tahun 2022 sahaja, negara mengimport beras sebanyak 1,112,501 tan. Dan untuk makluman Ahli

Dewan, negeri Johor merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai kawasan penanaman padi luar jelapang. Kawasan dan pengeluaran tanaman padi di Johor adalah kecil dengan luas skim 2,254.39 hektar atau 0.8% sahaja berbanding keluasan parcel padi negara seluas 280,208 hektar.

Keluasan skim sejumlah 2,254.39 hektar ini di negeri Johor ini melibatkan 10 buah daerah atau 10 buah kawasan tanaman padi, iaitu 5 di Tangkak dengan keluasan 842.97 hektar, 1 sawah di Muar dengan keluasan 364.22 hektar, 2 di Mersing dengan keluasan 549.38 hektar, 1 di Batu Pahat dengan keluasan 141.7 hektar, dan 1 di Kluang dengan keluasan 356.12 hektar. Daripada jumlah keseluruhan skim ini iaitu 2,254.39 hektar ini luas parcel yang aktif di Johor adalah 1,631.55 hektar. Sebagai makluman Ahli Dewan juga, penanaman padi di Johor dijalankan 2 kali setahun, iaitu pada musim utama dan luar musim. Pada tahun lalu iaitu tahun 2022 keluasan penanaman padi bagi kedua-dua musim adalah sebanyak 2,777 hektar, iaitu 1,460 hektar pada musim utama dan 1,317 hektar pada luar musim. Ia melibatkan seramai kira-kira 891 orang pengusaha bagi setiap musim. Purata hasil pada musim utama adalah 4.3 tan per hektar manakala luar musim 3.5 tan per hektar. Daripada data ini secara keseluruhannya prestasi purata pengeluaran padi Johor bagi tahun 2022 adalah 3.9 tan per hektar dan menyumbang kepada pengeluaran padi sebanyak 10,780 tan dengan penghasilan beras sebanyak 7,551 tan. Dengan anggaran penduduk negeri Johor pada tahun 2022 seramai 4.028 juta orang dan dengan anggaran keperluan per kapita beras 78 kilogram setahun bagi setiap orang. Maka, secara keseluruhannya sebanyak 314,217 tan beras diperlukan oleh rakyat Johor.

Oleh yang demikian, penghasilan beras di Johor hanya dapat menyumbang, hanya 2.4% keperluan rakyat Johor dan selebihnya daripada luar. Sungguhpun negeri Johor merupakan pengeluar padi di luar jelapang dan mempunyai keluasan yang kecil berbanding negeri lain ia tetap menjadi fokus kerajaan negeri dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluarannya. Kerajaan Negeri Johor menerusi Jabatan Pertanian dan agensi-agensi berkaitan telah merangka beberapa pelan strategik bagi pembangunan industri sawah padi di Johor. Antaranya yang pertama, program meningkatkan produktiviti sawah padi dengan sasaran peningkatan daripada 3 hingga 5 tan per hektar pada masa kini kepada 6 tan per hektar pada setiap musim penanaman. Ia akan melibatkan pelaksanaan insentif bagi bantuan input dan teknologi mekanisasi, menaik taraf struktur dan infrastruktur dan kerja-kerja pengurusan sawah dengan peruntukan tahun 2024 sebanyak RM3.9 juta.

Kedua, mengoptimalkan penggunaan kawasan skim tanaman padi yang telah diwartakan serta penguatkuasaan bagi mengekalkan rizab tanaman padi yang akan membantu meningkatkan produktiviti padi di dalam skim sedia ada dan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran padi dan beras secara keseluruhannya.

Dan yang ketiga, seperti juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram, Permas dan Simpang Jeram. Yang ketiga, cadangan pelaksanaan projek pembangunan kawasan baharu tanaman padi. Ia melibatkan kawasan baharu seluas 700 hektar yang telah dikenal pasti di daerah Tangkak dan di Kahang, daerah Kluang. Namun, bagi pembangunan kawasan baharu sawah padi, ia memerlukan kos yang sangat tinggi dengan anggaran RM104,000.00 per hektar. Jika jumlah keseluruhan kos bagi kawasan baharu yang dikenal pasti ini, maka ia akan melibatkan kos lebih kurang RM74 juta. Ianya melibatkan 2 spesifikasi kerja iaitu kerja penyediaan kawasan dengan kos pembangunan sebanyak RM44,000.00 per hektar dan kos pembangunan sistem pengairan premier dengan kos pembangunan sebanyak RM60,000.00 per hektar. Justeru, jabatan mengesyorkan agar pengurusan sawah ini dibuat secara bersepadu seperti Program *Smart* Sawah Berskala Besar atau *Smart* SBB. Program *Smart* SBB ini merupakan salah satu pendekatan baharu untuk menarik lebih ramai pihak swasta sebagai rakan kongsi kerajaan bagi menjadikan sub sektor padi dan beras negara lebih dinamik dan berdaya saing.

Yang keempat, cadangan pewujudan Kawasan Pertanian Bersepadu (AIDA) Wilayah Selatan yang melibatkan penggabungan pengurusan sawah. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi penubuhan AIDA ini ia perlukan sekurang-kurang 3,000 hektar. Justeru, kerajaan negeri telah mencadangkan kepada pihak kementerian bagi menggabungkan pengurusan sawah-sawah di zon selatan iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan di bawah AIDA Selatan. Pelaksanaan ini akan memberi manfaat dari segi mengoptimumkan penggunaan sumber bagi meningkatkan pengeluaran industri padi dan beras. Cadangan ini juga merupakan satu proses transformasi sektor agro makanan secara terancang bersepadu dan menyeluruh bagi pembangunan sawah padi di wilayah selatan. Namun, ia terpulang kepada pihak kementerian untuk menerima cadangan Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi soalan khusus daripada Gambir berkenaan pembangunan sawah padi di Tangkak. Tangkak adalah daerah utama pengeluaran padi pada masa ini dengan keluasan keseluruhan 842 hektar. Dalam usaha untuk menggalakkan serta meningkatkan pengeluaran industri sawah padi khusus daerah Tangkak, Jabatan Pertanian Negeri Johor melalui Program Pembangunan Sawah Padi telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti menaik taraf infrastruktur seperti pembersihan, perparitan sawah, peralatan tanah sawah, penggunaan benih padi bermutu tinggi serta bahan input tambahan dan pemerksaan penggunaan mekanisasi dan teknologi. Jabatan Pertanian Negeri Johor juga untuk rekod telah memperuntukkan sebanyak RM1,492,000.00 bagi tahun 2021 dan RM1,178,000.00 bagi tahun 2022. Untuk pembangunan sawah-sawah padi di daerah Tangkak. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Dijemput Permas.

**YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Terima kasih Datuk Speaker. Yang kita lihat kalau kita perhatikan di *super market*, beras tempatan adalah pilihan terakhir kerana ia murah. Dan ia juga dianggap sebagai beras hancur dan juga apabila dimasak, esok paginya tidak boleh digunakan lagi buat nasi goreng sebab basi. Jadi, adakah kualiti padi beras tempatan ini akan diberi perhatian dan dipastikan bahawa kualitinya setanding dengan beras-beras di luar. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih soalan daripada Permas. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa pihak kementerian sentiasa ambil maklum tentang pembungkusan ataupun beras-beras yang dipasarkan di negara ini. Dan saya difahamkan bahawa jabatan ataupun penguatkuasaan kerap dijalankan di semua pasar raya untuk pastikan kecukupan serta syarat-syarat ataupun prosedur-prosedur yang dijalankan oleh pihak peniaga dipatuhi. Dan pihak kementerian juga mencadangkan supaya mana-mana pihak yang mengenal pasti terdapat pelanggaran syarat supaya maklumkan pada pihak kementerian untuk tindakan. Itu sahaja.

**YB Speaker** : Ya, jemput Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang diberikan. Terima kasih juga di atas segala penyaluran peruntukan kepada sawah-sawah padi terutamanya di daerah Tangkak. Soalan tambahan saya, apakah cabaran atau isu-isu yang boleh menjadi ancaman kepada peningkatan pengeluaran padi khususnya di negeri Johor? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Gambir atas soalan ini dan saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Pertanian memang mempunyai pelbagai cabaran dan perkara-perkara yang perlukan pemerhatian dalam masa jabatan nak

pastikan bahawa padi mendapat perhatian daripada jabatan khasnya di negeri Johor. Untuk itu saya boleh nyatakan beberapa cabaran seperti yang dinyatakan oleh YB Gambir tadi. Antara cabaran yang dihadapi oleh jabatan ialah:

1. Cabaran pembangunan di tanah rizab sawah iaitu kalau seperti saya maklumkan di awal tadi ada 2,254,000 hektar tanah yang digunakan, sepatutnya digunakan untuk penanaman padi tetapi 557 hektar telah bertukar kepada tanaman sawit dan 84 hektar seluruh negeri Johor telah dibina bangunan kekal seperti rumah kediaman dan sebagainya. Juga kita harap pihak-pihak yang berkaitan akan melihat langkah-langkah penguatkuasaan yang boleh atau perlu diambil untuk perkara ini. Satu lagi berkaitan dengan kawasan-kawasan tadahan air, rizab tadahan air pun kita harap ia dikekalkan supaya tidak ada gangguan bekalan air di masa akan datang. Saya ambil contoh Yang Berhormat di kawasan Gambir misalnya tempoh hari waktu pesawah melaporkan tentang padi mungkin menghadapi masalah kerana kekeringan. Tinjauan kami bersama pihak JPS mendapati bahawa ada kawasan tadahan air yang sepatutnya menjadi punca air kepada sawah ini tidak, tidak berfungsi malah telah dipohon untuk menjadi pemilikan kepada penduduk setempat. Jadi ini pun kita serah kepada pihak-pihak berkenaan untuk melihat keperluan sama ada untuk mengekalkan kawasan rizab tadahan air ini atau dibuka kepada penduduk atau permohonan penduduk untuk pemilikan.
2. Isu pengairan dan saliran sawah. Ia juga kadang-kadang berlaku kekeringan akibat kekurangan air kerana musim hujan yang tidak menentu.
3. Bencana alam seperti berlaku banjir dan kemarau.
4. Ancaman penyakit padi dan makhluk perosak seperti siput gondang, benang perang dan sebagainya. Dan saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Johor, Jabatan Pertanian Negeri Johor dengan kerjasama UTM yang telah memperkenalkan satu produk yang diberi nama *SG-Ez Trap* iaitu perangkap siput gondang. Untuk makluman Datuk Pengerusi, Datuk Speaker, siput gondang adalah satu perosak yang bukan sahaja di negara kita malah seluruh dunia terlibat dan produk ini telah mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa apabila menerima Anugerah *Gold Prize* dalam *Seoul International Invention Fair 2023* di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini.
5. Isu kualiti air dan tanah berasid dan masam.
6. Cabaran untuk memperkasa penggunaan teknologi dan mekanisasi di kalangan pesawah.
7. Satu cabaran ataupun ancaman kepada penanaman padi ialah tiada kesepakatan dalam mematuhi jadual penanaman padi yang dicadangkan oleh jabatan.

Itu sahaja, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya sila Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil kepada pengusaha-pengusaha sawah secara berkelompok yang terlalu ramai menyebabkan urusan yang terlalu lemah dan tidak berdaya saing untuk menghasilkan padi yang lebih banyak. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ataupun kami memahami akan terdapat beberapa pengusaha-pengusaha yang tidak berdaya saing dan perlukan bimbingan untuk mengeluarkan hasil yang lebih produktif. Sebab itu dalam jawapan saya di awal tadi bahawa terdapat beberapa perkara ataupun Pelan Strategik Bagi Pembangunan Biasiswa Padi antaranya ialah untuk meningkatkan produktiviti sawah padi daripada tiga ke lima hektar. Ia ada kaitan dengan sawah-sawah padi yang tidak produktif. Jadi Jabatan Pertanian Negeri Johor akan cuba berbincang dengan pesawah ini untuk mematuhi beberapa perkara. Antaranya ialah dengan penggunaan benih padi yang rintang kepada serangan perosak dan penyakit yang penting untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi. Contohnya penggunaan varieti MR 220 CL ataupun padi wangi MRQ 74 dan juga MRQ 76, padi MR dan sebagainya dan beberapa varieti lain dan juga tinjauan ataupun penyeliaan daripada Jabatan Pertanian untuk memastikan padi-padi ini ataupun kerja-kerja ini mematuhi jadual yang ditetapkan oleh jabatan. Contohnya jika mereka tidak mengikut jadual, kita bimbang penyaluran air akan terganggu. Jadi sebab itu jabatan sentiasa memberikan penekanan supaya pesawah-pesawah padi ini menanam padi atau menjalankan kerja-kerja penanaman mengikut jadual yang ditetapkan oleh jabatan.

Walau bagaimanapun, saya mengharapkan agar mereka yang perlukan bimbingan Jabatan Pertanian supaya berhubung dengan Pegawai Pertanian Daerah untuk kita sama-sama bantu. Yang penting pada saya ialah kita menyahut saranan dan seruan kerajaan untuk kita menggembleng, menambah pengeluaran padi negeri. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput Yang Berhormat Kukup.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) :** Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya nombor 14.

Apakah status terkini Tropicana Industrial Park serta industri apakah yang akan dijalankan di sana serta kesan yang akan dialami penduduk sekitar di kawasan tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Taman Perindustrian Tropicana juga dikenali *T Industrial Park* merupakan kawasan perindustrian yang dibangunkan oleh Tropicana Corporation seluas 1,180 ekar dan pembangunan di kawasan ini dijangka dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di daerah Pontian. Terletak 7 kilometer di Pekan Nanas, 12 kilometer dari Pusat Bandar Pontian, 24 kilometer dari Pelabuhan Tanjung Pelepas dan 34 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Taman perindustrian ini akan dibangunkan mengikut 8 fasa yang saling berkaitan dengan fokus kepada industri ringan dan sederhana dalam sektor elektrik dan elektronik, farmaseutikal dan peranti perubahan, logistik, pemprosesan makan dan teknologi berkaitan tenaga boleh diperbaharui.

Terkini, Syarikat Alten Industry Limited Group sebuah syarikat pembekal global peralatan pengguna dan komersil, perkakas dan penjagaan lantai yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan juga di China telah melabur di taman ini dan juga telah mengumumkan pengembangan pangkalan pembuatan serta penyelidikan dan pembangunan R&D mereka ke Malaysia. Pelaburan ini akan direalisasikan melalui tiga fasa dengan fasa pertama merangkumi 45.2 ekar, fasa kedua merangkumi 109.4 ekar dan fasa ketiga merangkumi 245 ekar. Dan jumlah pekerjaan yang dijangka dapat diwujudkan melalui pelaburan ini sekiranya berjaya direalisasikan untuk ketiga-tiga fasa adalah hampir 10,000 peluang pekerjaan.

Beberapa syarikat di dalam sektor perkhidmatan logistik dan pergudangan serta pembuatan bahan pembinaan juga sedang dalam proses perbincangan dengan pihak pemaju taman ini berkaitan kebolehlaksanaan projek mereka di *T Industrial Park*.

Antara kesan positif yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk sekitar tentulah berkaitan aspek peluang pekerjaan dan juga pendapatan. Selain itu, pelaburan yang sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang dilancarkan baru-baru ini juga dapat mengujudkan sekitar pelaburan yang kondusif dan juga menerima teknologi dengan pantas untuk meningkatkan ekosistem teknologi sektor pembuatan negara. Kehadiran pelaburan yang berkualiti juga dapat menjadi pemangkin untuk memupuk kerjasama yang saling menguntungkan dengan pemain industri domestik terutamanya dalam bidang bernilai tinggi dan aktiviti penubuhan tinggi. Dalam hal ini, daerah Pontian memainkan peranan yang penting bagi menyokong visi Wilayah Iskandar Malaysia untuk menjadi rantau yang berdaya tahan di mana prinsip-prinsip kemampanan untuk mencapai keseimbangan antara aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. Rancangan Struktur Negeri Johor 2020 juga menetapkan hala tuju pembangunan daerah Pontian adalah sebagai pusat pelancongan alam semula jadi dan pagi tadi kita dengar dari YB EXCO Pelancongan bahawanya di Taman Perindustrian Kukup akan dibuka pada tahun hadapan. Pelancongan agro dan warisan, pertanian dan perikanan, pusat perindustrian bahan binaan logam, janakuasa dengan sokongan aktiviti perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti.

Pembukaan Jambatan Sungai Pulai pada awal tahun ini juga telah memendekkan jarak dan masa perjalanan ke daerah Pontian dari Johor Bahru seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Johor sempena pembukaan jambatan ini. Kami menjangkakan ia akan membantu meletakkan daerah Pontian sebagai hab sosial ekonomi baharu di Johor selain merencanakan aktiviti ekonomi, meningkatkan nilai hartanah serta menggalakkan pelaburan dan aktiviti perindustrian. Ini juga merupakan komitmen kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan untuk membangunkan semua daerah di Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya jemput Kukup.

**YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) :** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan dan Kukup amat menghargai tentang pembinaan sesuatu pembangunan industri khususnya di kawasan DUN Kukup. Apa yang membimbangkan saya ialah ingin mendapat jaminan daripada kerajaan negeri berhubung dengan sesuatu kelulusan yang dibuat itu atau industri yang dibina ini ialah keterjaminan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan kerana di dalam kajian impak yang dibuat oleh Tropicana Industrial Park baru-baru ini ialah dengan pengambilan hampir lebih 500 pekerja asing daripada luar. Jadi bagaimana kerajaan negeri boleh memberi jaminan kepada kita bahawa setiap sesuatu industri yang terbina di dalam suatu kawasan itu mestilah melebihi beberapa *percent* diambil daripada penduduk tempatan? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Ya memang benar isu pekerjaan merupakan isu penting yang dianggap serius oleh Kerajaan Negeri Johor dan juga kerajaan persekutuan Malaysia. Dalam hal ini apabila sesuatu pelaburan masuk ke Malaysia, memang ada satu polisi di negara kita bahawanya apabila sebagai contoh apabila pelaburan tersebut menerima insentif cukai ataupun insentif lain daripada kerajaan persekutuan melalui pihak MIDA, maka kerajaan persekutuan akan tentukan berapa peratusan dari segi peluang pekerjaan yang perlu dikhaskan untuk warga tempatan dan juga berapa peratusan di peringkat pengurusan dan juga di pelbagai peringkat di syarikat tersebut. Dan untuk pekerja secara amnya, polisi kerajaan sekarang adalah sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pekerja untuk sesuatu projek perlulah diisikan oleh warga Malaysia dan untuk sesuatu projek khas yang melibatkan teknologi yang mungkin susah dicari ataupun didapati di Malaysia, maka pengecualian akan diberikan secara *case by case* oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Pasir Raja.



**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 15.

Memandangkan kepadatan penduduk yang semakin meningkat di daerah Kota Tinggi dan keperluan perubatan yang juga semakin tinggi, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina sebuah hospital daerah yang baru bagi menampung kepadatan pesakit yang ada di Hospital Kota Tinggi dan sekitarnya?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam Bangsa Johor, salam Maju Johor kepada seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada Pasir Raja. Hospital Kota Tinggi yang berkapasiti 158 katil adalah hospital tanpa pakar yang dibuka pada tahun 1913 bererti dah genap 110 tahun bagi memberikan khidmat perubatan kepada penduduk-penduduk di daerah Kota Tinggi. Hospital Kota Tinggi memberikan khidmat perubatan kepada 223,600 populasi penduduk kawasan bandar dan luar bandar. Terdapat banyak FELDA, estet, kampung-kampung di daerah Kota Tinggi serta menerima kes-kes dari kawasan Tenggara, Mersing dan Ulu Tiram, Johor Bahru. Kadar penggunaan katil hospital, *Bed Occupancy Rate* (BOR) merupakan di antara kriteria penting bagi cadangan pembinaan sesebuah hospital gantian.

Laporan statistik tahunan bagi tahun 2022, menunjukkan kadar pengguna katil Hospital Kota Tinggi yang rendah iaitu 56%. Bagi menjamin mutu perkhidmatan dan penyampaian kesihatan yang berkesan kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor khususnya sentiasa berusaha menambah baik kemudahan di fasiliti-fasiliti kesihatan termasuk di Hospital Kota Tinggi bagi memastikan keselesaan pesakit dan waris, ruang menunggu telah dibina bagi kemudahan pesakit luar pada tahun 2022.

Selain itu, bagi kemudahan pesakit dalam pula, peruntukan telah diturunkan untuk membina *Vacuum Insulate Evaporator* (VIE) pada tahun 2022. Selain itu, bagi menampung keperluan perkhidmatan perubatan di daerah Kota Tinggi projek pembinaan Klinik Kesihatan Kota Tinggi Jenis III yang baru juga sedang dilaksanakan dan dijangka siap dan beroperasi pada hujung tahun hadapan iaitu tahun 2024 dengan peruntukan RM24,977,500.50 dan sehingga kini kemajuan projek di tapak adalah 46.35%. Ia terletak hanya 2 km daripada hospital yang sedia ada.

Untuk makluman juga, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika sesi pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu, kerajaan telah bersetuju melaksanakan pembinaan hospital iaitu Hospital Pengajar Universiti (HPU) Universiti Sains Islam Malaysia di Sedili, Kota Tinggi dijangka bermula tahun depan dengan peruntukan yang menelan belanja kira-kira RM938 juta. HPUSIM ini dijangka dapat menampung kepadatan pesakit sedia ada di daerah Kota Tinggi dan Mersing. Pihak kementerian sentiasa membuat penilaian secara berterusan dan cadangan membina bangunan tambahan atau gantian akan dipertimbangkan berdasar keperluan dari semasa ke semasa.

Masak nasi dicampur halia, tambah rasa tradisi Johor Lama, klinik baru Kota Tinggi imej yang mulia, sepakat warga Pasir Raja dorong bersama. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan sehingga jam 11.25 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.25 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Bukit Kepong, jemput.

**YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) :** Terima kasih YB Datuk Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan Doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, dan salam Prihatin Johor.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat Bukit Kepong terlibat dalam ucapan perbahasan sempena Belanjawan 2024.

Bukit Kepong ingin merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas ulang tahun keputeraan pada 22 November yang lalu. Patik bersama sekalian warga Bukit Kepong turut merafak sembah ucapan tahniah kepada Baginda Tuanku Sultan atas pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor berserta seluruh kerabat negeri Johor dikurniakan keafiatan dan di bawah lindungan Allah SWT bagi menaungkan patik-patik sekalian.

Patik turut ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA, juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor kerana yang pertama, berjaya membentangkan Belanjawan Johor tahun hadapan pada Khamis yang lepas. Dan yang kedua, atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Ibrahim Johor oleh Tuanku Sultan.

Sesungguhnya secara peribadi Bukit Kepong menyifatkan tema Belanjawan Johor 2024, iaitu "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat" membawa satu pengertian yang sangat besar. Malah terdapat kebenaran apa yang dikatakan oleh Menteri Besar untuk menjadikan Johor sebuah negeri maju menjelang tahun 2030 tidak akan dikecapi jika kita semua tidak bersatu hati. Maka, seeloknya, sebetulnya, benarkanlah segala strategi dan inisiatif serta pembangunan yang dirancang turut melimpah ke seluruh ceruk negeri ini tanpa ada satu kawasan pun yang tersisih termasuklah DUN diwakili oleh DUN Pengimbang.

Sekiranya ini dapat diberikan perhatian sudah tentulah usaha untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat akan berlaku dengan secara menyeluruh sekali gus mencerminkan kematangan pentadbiran ini. Setiap kawasan DUN Pengimbang yang mempunyai wakil rakyat masing-masing termasuklah Bukit Kepong, libatkanlah kami dalam setiap perencanaan yang mahu di hadapan oleh kerajaan negeri dan moleklah perjalanan kerajaan, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Belanjawan Johor 2024 yang berpasakkan 6 teras agenda Maju Johor dengan didukung 29 strategi dan bersandarkan 109 inisiatif merupakan sebuah naskhah perancangan untuk tahun hadapan dan mendatang.

Bukit Kepong ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanyakan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai perkembangan Zon Ekonomi Khas Pagoh yang sebelum ini telah dilancarkan pada 2 tahun lalu. Pertanyaan ini dibangkitkan kerana mutakhir ini kerajaan ini pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan tumpuan kepada penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan Zon Kewangan Khas Forest City termasuklah dalam Belanjawan tahun depan yang dibentangkan meskipun masih samar-sama penubuhannya. Sedangkan Zon Ekonomi Khas Pagoh telah pun dilancarkan, maka Bukit Kepong berharap kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan dapat kembali melihat perkara ini, jika Johor mahu mencapai status negeri maju tahun 2030.

Menerusi Zon Ekonomi Khas Pagoh, Wilayah Utara Johor boleh berubah sekali gus menjadi sebuah zon ekonomi berimpak tinggi dengan membawa limpahan manfaat kepada rakyat termasuklah penambahan peluang pekerjaan.

Teras kedua, pembangunan ekonomi pula tidak hanya memberi tumpuan kawasan di Johor Bahru semata-mata, sebaliknya pembangunan yang ingin dilaksanakan mestilah berimbang tanpa mewujudkan keadaan senjang. Oleh itu, kesenjangan tidak boleh berlaku jika mahu negeri Johor menjadi sebuah negeri yang maju. Penyediaan infrastruktur dan prasarana perlu juga bersifat *non partisan*, dengan izin.

Bukit Kepong mahu kerajaan negeri membangunkan ekonomi secara holistik tanpa ada mana-mana kawasan yang menjadi terasing sedangkan kawasan ini merupakan tanah bumi Johor. Kalau perlu bawa pelaburan atau program bertaraf negeri ke pasaran antarabangsa, Bukit Kepong, Maharani, Endau bahkan Puteri Wangsa sekalipun, silakan kami Ahli-Ahli Dewan Negeri pengimbang bersedia untuk bersama menjayakannya.

Dalam belanjawan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri dan Menteri Besar Johor, tahniah kerana Kerajaan Negeri Johor telah mendapat peruntukan sebesar RM4.7 bilion. Namun, yang ingin Bukit Kepong bertanyakan dan mohon penjelasan adalah pertamanya pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2, Johor Bahru. Apa jadi dengan Hospital Pasir Gudang yang pernah dulu terbengkalai sebentar? Sewaktu Bukit Kepong menjadi EXCO dan Johor Jaya juga menjadi EXCO, kita telah berjaya meneruskan projek Hospital Pasir Gudang. Diharapkan projek Hospital Pasir Gudang dapat berjalan dengan lancar dan dapat siap pada waktunya.

Yang kedua, telah diumumkan projek Pelebaran Lebuhraya Utara – Selatan daripada 4 kepada 6 lorong yang dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam. Alhamdulillah, kawasan Simpang Renggam merupakan kawasan Dato' Menteri Besar. Hanya pertanyaan saya ialah, jika kita biasa melalui Lebuhraya PLUS, kita akan keluar melalui Tol Skudai, kita akan jumpa Kulai, kita akan jumpa Sedenak, Simpang Renggam, Machap, Pagoh dan seterusnya, sampailah ke negeri Melaka. Jika projek pelebaran ini hanya daripada Sedenak dan Simpang Renggam, Johor Bahru ke Sedenak 2 lorong, Sedenak ke Simpang Renggam 4 lorong dan Simpang Renggam ke Ayer Keroh 2 lorong. Macam mana dapat memulihkan, melancarkan perjalanan kita jika hendak ke Johor Bahru ataupun ke Kuala Lumpur? 4 lorong, jadi 6 lorong, kembali 4 lorong dan kembali di Ayer Keroh menjadi 6 lorong. Dalam jika kita lihat pada waktu biasa pun, bila kita keluar sahaja Tol Skudai kita dapat *jammed* masuk ke Tol PLUS.

Jadi, harapan saya ialah supaya pihak yang berkenaan menjelaskan kepada masyarakat bagaimana projek pelebaran ini dapat dilaksanakan? Hari Jumaat lepas, saya ke Kuala Lumpur pukul 5.00 keluar Tol Pagoh, 5.00 petang keluar Tol Pagoh, alhamdulillah 11.00 malam sampai ke Kuala Lumpur. Jadi, 6 jam. Hari Sabtu, saya balik ke Pagoh keluar ke Kuala Lumpur pukul 3.00, alhamdulillah sampai rumah pukul 8.00 malam. Jadi sebetulnya, sepatutnya kita semua kena berusaha, kena memastikan sebetulnya pelebaran Lebuhraya

PLUS hendaklah daripada Ayer Keroh hingga ke Skudai. Jika hanya dibuat separuh-separuh sebetulnya tidak menyelesaikan masalah.

Sepatutnya projek ini tidak menjadi masalah jika kita melihat hanya kami berempat sahaja yang betul-betul pembangkang. Di hadapan saya ini semua adalah pihak kerajaan. Tangkak, keluar Tol Tangkak, pihak kerajaan, keluar Tol Gambir, pihak kerajaan, Pagoh, saya pembangkang. Kemudian, Yong Peng, kerajaan, Machap kerajaan dan seterusnya. Jadi jika kita semua dapat bekerjasama memastikan peruntukan yang lebih ke negeri Johor, saya rasa lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan.

Kita kena pastikan hubungan YB-YB kerajaan dengan Menteri-Menteri baik, supaya lebih banyak peruntukan dapat diturunkan. Begitu juga, hubungan kita YB-YB dan ketua-ketua jabatan, jika semakin baik, semakin akrab, insya-Allah lebih banyak pembangunan dan peruntukan dapat dilaksanakan. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Belanjawan Johor 2024 juga telah membawa sebuah naratif penting iaitu perhatian kerajaan negeri terhadap Agenda Keterjaminan Bekalan Makanan. Kita sedar isu bekalan makanan asas yang melanda negara baharu-baharu ini. Tidak terkecuali negeri Johor juga berhadapan dengan kekurangan bekalan makanan dengan kekurangan bekalan makanan asas seperti telur ayam, beras, gula di pasaran yang amat membimbangkan. Mungkin situasi pada masa kini seakan reda sedikit, tetapi ia bukanlah isu atau permasalahan yang bermusim. Isu ini tetap akan berlaku pada bila-bila masa jika kerajaan tidak bersedia atau sambil lewa. Oleh itu, sudah tentu strategi keterjaminan bekalan makanan perlu diupayakan dengan sewajarnya. Baik pelan pembangunan industri padi dan beras, perindustrian selatan, program pembangunan industri ternakan ayam, produktiviti agro makanan, industri dominan, tenusu dan lain-lain. Semua ini perlu dipastikan untuk dapat dilaksanakan bukan sekadar disebut dalam belanjawan tetapi langsung tiada pelaksanaan sehingga tidak menampakkan *output* untuk menyelesaikan isu keterjaminan makanan. Johor telah menyatakan komitmen untuk memainkan peranan utama sebagai bakul makanan negara, maka pastikan dahulu bekalan untuk negeri agar tidak berhadapan dengan kekurangan makanan.

Baru-baru ini kita semua sedia maklum bahawa negara mengalami isu yang sentiasa berlanjutan. Mula-mula isu minyak masak, kemudian isu beras dan terlalu, bila terlalu banyak isu menyebabkan harga tidak dapat dikawal. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB EXCO Buloh Kasap kerana telah melawat ke tanaman padi di Sawah Reng. Agak melucukan di negeri Johor apabila kawasan padi di Sawah Reng sendiri mengalami kekurangan bekalan air, betul YB ya? Namun alhamdulillah kerana kerjasama yang baik di antara YB EXCO dengan ketua-ketua jabatan isu itu dapat diselesaikan. Terkadang, perlunya ketua jabatan berbincang dengan YB EXCO untuk mengambil tindakan yang segera. Saya ucapkan tahniahlah, kerana saya dimaklumkan setelah YB EXCO turun isu itu dapat diselesaikan. Isu yang *simple* apabila dipasang *drone*, lihat ke atas rupanya empangan kita telah kering disedut oleh pengusaha-pengusaha durian di kawasan tersebut. Jadi, harapan saya ialah supaya semoga isu-isu ini tidak terjadi di masa akan datang. Memang penting untuk menggunakan teknologi terkini, Alhamdulillah, gunakanlah *drone* sebaik mungkin. Begitu juga dengan Jabatan Perhutanan, gunakanlah *drone* untuk melihat apa, penebangan hutan jika ada yang tidak mendapat izin.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Johor telah menyatakan komitmen untuk memainkan peranan utama sebagai bakul makanan negara, maka pastikan dahulu bekalan untuk negeri agar tidak berhadapan dengan kekurangan. Pastikan agenda keterjaminan bekalan makanan dan belanjawan negeri Johor ke hadapan membawa kepada usaha menyediakan dan mencukupkan stok bekalan untuk Bangsa Johor terlebih dahulu. Kemudian, sekiranya terdapat lebih mampu untuk kita agihkan dan sediakan kepada

negeri lain mahupun negara tanpa sedikit menggugat bekalan untuk negeri Johor bolehlah meneruskan peranan sebagai bakul bekalan negara.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di sini saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Besar tentang hutang bagi Kerajaan Negeri Johor. Kerana sewaktu saya berada di Kerajaan Pakatan Harapan, waktu itu diterajui oleh YB Dato' Osman Sapian dan kemudian saya, kita telah berjaya mengurangkan hutang Kerajaan Negeri Johor daripada RM330 juta lebih kepada tinggal RM100 lebih, iaitu kita dapat pengurangan kalau tidak silap saya adalah sebanyak RM180 juta iaitu projek luar bandar. Kemudian apakah terjadi dengan bakinya kerana pada Belanjawan 2019 telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu bahawa perbincangan telah berada di tahap akhir untuk menyelesaikan baki hutang negeri Johor. Jadi, saya harap bahawa hutang ini dapat diselesaikan dan lebih banyak lagi pembangunan yang dibawa ke negeri Johor kerana sebetulnya negeri Johor ini negeri yang hebat, negeri Johor mempunyai banyak hasil negerinya. Jadi, jika kita negeri yang hebat hasil banyak, sebetulnya kita tidak memerlukan penambahan hutang untuk pembangunan negeri Johor.

Saya cukup yakin bahawa jika kita semua bergerak aktif, kita semua dapat bekerjasama dengan ketua jabatan, saya rasa kita beruntung di negeri Johor ini. Semua ketua-ketua jabatan sangat membantu, sangat mesra, sangat akrab kepada kita YB-YB tidak kira pembangkang ataupun YB-YB pengimbang kerajaan. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada DO Muar, YDP Muar dan semua DO-DO yang banyak membantu kami, kerajaan untuk melaksanakan program-program, projek-projek di kawasan dan saya cukup yakin bahawa jika kita dapat menjalinkan hubungan yang lebih erat antara agensi-agensi kerajaan di negeri Johor dan Menteri-Menteri di pusat saya cukup yakin bahawa akan lebih banyak lagi pembangunan yang dapat kita bawa ke negeri Johor. Kalau boleh kita kurangkanlah hutang di negeri Johor kan? Kita boleh minta dengan mana-mana *developer-developer* yang berhutang dengan kita.

Waktu saya jadi Menteri Besar, ada satu kisah yang sangat menariklah. Ada seorang *developer* bercerita dengan saya tentang pembangunan di negeri Johor A, B, C, D, E, F. Dia cerita hendak beli itu, hendak beli ini, hendak beli itu, hendak beli ini. Beli kapal terbanglah, helikopterlah, dia *present* depan saya. Saya berbincang dengan pegawai kerajaan, *company* tersebut ini ada hutang tak dengan kerajaan negeri? Dan ternyata ada hutang dengan kerajaan negeri. Tindakan pertama saya ialah mudah sahaja, saya *call* sahaja, kan? Tolong bayar hutang, jika anda bayar hutang kerana hasil daripada pembayaran hutang itulah untuk kita buat pembangunan di negeri Johor. Dan saya rasa jika tuan-tuan, puan-puan YB-YB di sini proaktif, bukan *surplus*, bukan hanya RM2 juta mungkin lebih daripada itu, mungkin RM10 juta dan RM20 juta. Harapan saya ialah YB-YB EXCO, semua bekerjasama dengan ketua jabatan dan bergeraklah berjumpa dengan Menteri-Menteri untuk pastikan pembangunan di kawasan kita di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jadi saya harap, saya harap dengan bila YB-YB EXCO dan YB-YB rajin untuk bertemu dengan Menteri-Menteri, rajin untuk datang ke Dewan, rajin untuk ke Mesyuarat EXCO, saya rasa insya-Allah pembangunan di negeri Johor akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan masa yang tidak mengizinkan Bukit Kepong ingin menyentuh beberapa perkara lain secara berskala dan kesemua perkara ini tidak lain melibatkan pemasalahan rakyat di DUN Bukit Kepong. Bukit Kepong berharap penglibatan secara menyeluruh dalam gerak tindakan penglibatan mahu pun perancangan daripada kerajaan negeri bersifat rentas politik. Sebagai contoh, inisiatif Johor Kasih yang merupakan program pembasmian miskin tegar di negeri Johor berkonsepkan keluarga angkat melibatkan pemimpin di pelbagai peringkat termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO Kerajaan Johor, Ahli-Ahli Dewan Negeri dan lain-lain. Ini amat signifikan bagi Bukit

Kepong dan Bukit Kepong bersedia untuk *assist* bagi menjayakan inisiatif murni kerajaan negeri agar hasrat menoktahkan miskin tegar di Johor mencapai matlamatnya. Alhamdulillah, Bukit Kepong juga telah menjadi, ada 30 anak angkat yang Bukit Kepong bantu. Alhamdulillah, terima kasih juga atas bantuan beras daripada Kerajaan Negeri Johor. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan inisiatif ini, Bukit Kepong dengan berlapang dada mahu memastikan pembasmian miskin tegar di DUN diwakili akan dapat dilaksanakan dan dijayakan. Begitu juga dengan inisiatif-inisiatif lain, janganlah dilaksanakan hanya di lokasi-lokasi terpilih sahaja. Kalau hendak buat Jualan Kasih Johor, buat di semua tempat, hendak membina baharu atau baik pulih infrastruktur dan prasarana biarlah mencakupi kawasan DUN pengimbang juga. Bukit Kepong juga mahu kerajaan negeri untuk melihat tanah-tanah milik kerajaan yang dapat dibina dengan lebih banyak rumah-rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat di DUN Bukit Kepong tidak kiralah PPR, RMMJ mahupun Residensi Bangsa Johor. Selain itu Bukit Kepong berharap usaha penubuhan unit bantuan kecemasan dan bencana yang mendapat peruntukan RM4.15 juta dapat diperluaskan ke pihak-pihak berkuasa PBT lain, khususnya di Muar, Segamat, Tangkak, utara Johor juga antara wilayah terkesan teruk akibat bencana banjir.

**YB Timbalan Speaker** : Yang Berhormat, masa.

**YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal (Bukit Kepong)** : Sikit lagi. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bukit Kepong merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada Bukit Kepong menyampaikan ucapan perbahasan pada hari ini. Demi rakyat dan negeri ini, Bukit Kepong bersama rakyat-rakyat di barisan atau blok pengimbang akan terus memainkan peranan sebagai semak dan imbang kepada kerajaan negeri. Semoga dengan komitmen luar biasa pegawai-pegawai tadbir negeri Johor bersama anggota perkhidmatan awam negeri Johor setiap strategi dan inisiatif dalam Belanjawan Johor 2024 akan dapat direalisasikan. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Kepong. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Jementah.

**YB Puan Ng Kor Sim (Jementah)** : Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Onn Hafiz, barisan EXCO dan rakan ADUN sekalian. Pertama sekali terima kasih diucapkan atas peluang yang dibagi untuk saya membahar di Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam pembahasan saya hari ini saya akan membentangkan dua topik utama iaitu isu prasarana di DUN Jementah dan industri pelancongan di Johor. Saya telah membangkitkan usul mengenai sistem infrastruktur di dalam negeri Johor semasa Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-15. Terlebih dahulu patik merafak sembah terima kasih kepada Tuanku yang sentiasa mengambil berat kebajikan Bangsa Johor dan perkembangan ekonomi negeri Johor. Tuanku bukan sahaja satu kali bertitah dan menggesa kerajaan persekutuan perlu mengambil tindakan bagi mengatasi isu lebu ray yang tidak mampu lagi menampung keperluan semasa. Syukurnya Bangsa Johor sentiasa diberkati di bawah pentadbiran Tuanku. Bersama ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas menyambut baik cadangan Duli Yang Maha Mulia dan membentangkan untuk peruntukan sebanyak RM931 juta bagi menaiktarafkan Lebu raya Utara – Selatan dari Sedenak ke Simpang Renggam dalam Bajet 2024. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya menyeru kepada kerajaan persekutuan supaya mengkaji semula tentang pembinaan plaza tol masuk di Jementah atau Segamat.

Bandar Segamat bagai dianaktirikan selama ini. Saya ditertawakan oleh orang ramai semasa saya membentangkan usul ini pada tahun lepas. Bagaikan permohonan ini satu

gurauan yang tidak masuk akal. Adakah ini maksud kepentingan anak-anak bandar Segamat tidak perlu diambil berat. Saya memahami Segamat yang berkedudukan pendalaman berjarak jauh dari rangkaian Lebuhraya Utara – Selatan menyebabkan kos pembinaan jalan pintas ini terlalu tinggi. Para pelabur berpendapat bahawa jarak jauh dari lebuhraya menyebabkan kos pengangkutan tinggi dan membebankan. Masa perjalanan yang panjang juga tidak menggalakkan pelaburan. Rantaian logistik yang sempurna memainkan peranan yang penting bagi memperkembangkan kegiatan ekonomi. Dengan adanya asas infrastruktur yang sempurna ini akan menarik pelaburan dari sektor swasta. Secara langsungnya ini mendorong perkembangan sektor pertanian dan seterusnya sektor perindustrian. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan Segamat merupakan salah satu daerah yang mengeluarkan hasil tanaman durian dan sawit yang terbanyak di Malaysia. Tanaman ini menyumbang banyak kepada dana negara dari segi cukai dan levi pekerja asing. Justeru, demi kemajuan negara dan ekonomi yang mampan saya memohon kerajaan persekutuan mempertimbangkan pembinaan jalan pintas yang menjalinkan Segamat dengan Lebuhraya Utara – Selatan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tuan-tuan dan puan-puan pembahasan saya hari ini merupakan pembahasan ketiga saya dalam Dewan yang mulia ini. Setiap kali pembahasan saya akan mengungkit isu banjir yang berlaku di Segamat. Setiap bulan Disember penganut Kristian tungkus lumus bersiap sedia untuk hari Krismas. Ironinya, warga Segamat sibuk bersiap sedia untuk banjir. Banjir teruk melanda Segamat di tahun 2006, 2011 dan bulan Mac yang lalu mengakibatkan laluan utama yang masuk ke Segamat terputus. Bandar Segamat bagaikan pulau semasa banjir. Walaupun air sungai surut selepas 2 hari, kebanyakan jalan masih tidak dapat dilalui untuk masuk ke bandar Segamat dan mengakibatkan bantuan mengambil masa yang panjang untuk dihantar masuk kepada mangsa.

Percaya ke tidak, perjalanan dari Johor Bahru ke Segamat ketika banjir mengambil masa selama 6 jam, sedangkan saya hanya mengambil masa 3 jam untuk datang ke Dewan ini dari Segamat. Banjir dahsyat berlaku ulang-ulang kali amat menyedihkan dan mengecewakan warga Segamat. Dalam dua dekad ini kerajaan gagal menyelesaikan masalah ini secara kekal. Pembinaan jalan alternatif merupakan salah satu pilihan bagi mengatasi masalah ini. Justeru, saya memohon supaya kerajaan persekutuan mengkaji untuk membina satu jalan susur dari Lebuhraya Utara – Selatan ke Segamat.

Kebajikan dan keselamatan warga Segamat tidak patut diabaikan atas alasan kos yang tertinggi ataupun jarak yang jauh daripada lingkungan lebuhraya. Jalan pintas ini dijangka akan melegakan kesesakan ketika banjir dan menjadi satu jalan alternatif bagi pasukan keselamatan untuk menghantarkan bantuan dalam kejadian banjir di Segamat dalam masa yang tersingkat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bangsa Johor telah memberikan amanah kepada kita sejak Mac 2022. Dalam hampir 2 tahun ini, rakyat memang sentiasa menilai dan memantau prestasi kita semua. Kita tidak menafikan bahawa kebanyakan ADUN memang sangat rajin dan bertanggungjawab menjalankan tugas. Akan tetapi, kita semua memahami kita masih ketinggalan jauh dari dugaan rakyat terutama dari segi pembinaan asas infrastruktur dan kemudahan awam terutama di kawasan luar bandar. Sistem infrastruktur atau prasarana merupakan pemangkin bagi menjana ekonomi dan demi kebajikan rakyat. Duka hatinya sistem pentadbiran yang lemah dan perancangan yang tidak sistematik atau tidak *futurisme* membawa kesulitan kepada rakyat.

Aduan kerap diterima apabila kerja-kerja menaik taraf atau pembaikan infrastruktur dijalankan. Saya percaya bukan sahaja penduduk di kawasan Jementah sahaja mengadu tentang sistem pengurusan kerja pembaikan atau naik taraf. Pengurusan projek melibatkan perancangan keseluruhan, pengawalan dan koordinasi projek sepatutnya bermula dari

peringkat mula sehingga projek tersebut dilengkapkan bagi memenuhi keperluan rakyat. Akan tetapi adakah semua projek yang dijalankan dipantau dengan sepenuhnya?

Sering kali kita terima berbagai aduan, antaranya termasuk ketidakpuasan hati atas kerja-kerja konsesi atau kontraktor, kondisi jalan yang tidak rata selepas kerja-kerja oleh agensi-agensi seperti SAJ, TNB atau UNIFI serta kesesakan jalan yang disebabkan masa pelaksanaan projek yang tidak sesuai ataupun jangka masa yang terlalu panjang. Masalah yang timbul dari pembangunan infrastruktur seperti longkang atau bangunan termasuk pembinaan yang tidak praktikal. Ini mengakibatkan pengguna terpaksa menggunakan kos sendiri untuk menambah baik selepas pelaksanaan projek.

Manakala masalah projek jalan pula membawa kesulitan kepada pengguna dan menambah risiko terutama kepada penunggang motosikal. Kemalangan yang berlaku di kawasan seperti yang disebut berulang-ulang kali berlaku. Apabila perkara ini dipersoalkan semua pihak yang terlibat membahagikan berbagai alasan. Saya ingin menegaskan, meski tertimbun dalam tanah, namun keras timbul juga. Jangan menanggapi warga Johor masih berzaman purba. Hakikat ini bukan sahaja mengakibatkan kerugian dana kerajaan tetapi juga mencemarkan nama baik pihak pentadbiran.

Dalam Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke 15, saya dapat jawapan balasan daripada Yang Berhormat EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Dato' Haji Mohd Jafni bahawa selain daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang, tiada aplikasi seragam yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor bagi tujuan menyemak kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor. MPPG menggunakan sistem *e-Maintenance* untuk memantau dan menilai kerja-kerja kontraktor. Syabas saya ucapkan kepada MPPG.

Ini satu langkah yang menunjukkan inisiatif kerajaan yang sangat baik bagi menekankan pelaksanaan projek-projek yang lebih tersusun dan produktif. Saya memohon supaya semua agensi kerajaan tempatan yang lain turut membentuk aplikasi yang sama bagi memantau kerja-kerja konsesi. Sistem sedemikian bertujuan mengawasi operasi konsesi-konsesi yang terlibat dalam projek menaik taraf atau pembinaan. Sebagai penyelarasan antara pihak pentadbiran dan rakyat, memantau aliran kerja serta menjaga kepatuhan kepada piawai kualiti projek. Sistem aplikasi ini patut diwujudkan bagi menyambut baik saranan rakyat Malaysia supaya tiada sebarang dana negara atau bersamaan titik peluh pencarum cukai dibazirkan.

Pada masa yang sama ia juga merupakan satu aplikasi bagi mengelakkan kesalah fahaman antara orang umum dengan pihak pentadbiran. Sebagai manusia kita tidak terlepas melakukan kesilapan, tetapi elakkan jadikan kesalahan ini sebagai satu tabiat. Kita perlu ada kesedaran dan patut memikul tanggungjawab dan obligasi sebagai seseorang yang dilantik demi negara yang lebih maju, demi masyarakat dan demi anak cucu kita semua.

Isu yang kedua berkenaan pembinaan infrastruktur atau prasarana adalah masalah *futurisme*. Hasrat murni kerajaan menyediakan kemudahan awam kepada rakyat tidak pernah diragui. Namun, perancangan kerajaan yang tidak bersifat *futurisme* tetap menjadi salah satu faktor menzahirkan rungutan rakyat. Pembangunan *futurisme* yang saya merujuk adalah pembinaan atau pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang bukan sahaja mampu memenuhi keperluan semasa penduduk, malah merangkumi keperluan jangka masa depan dalam sekurang-kurangnya 20 tahun hadapan.

Pembangunan yang mampan harus dirancang dengan lebih komprehensif, sistematik dan inovatif. Buat masa sekarang, kebanyakan pembinaan prasarana atau projek menaik taraf tidak dirancang dengan melibatkan elemen-elemen perkembangan kawasan perumahan, peningkatan bilangan penduduk dan perindustrian masa hadapan, lebih-lebih lagi



pembangunan prasarana di Malaysia masih di tahap kurang efisien dan efektif. Proses perancangan dari peringkat permulaan ke peringkat pelaksanaan mengambil yang terlalu panjang dan membazirkan tenaga manusia.

Sistem pentadbiran berkenaan perancangan di peringkat negeri atau negara perlu diperlicinkan supaya ekonomi negara di pacu setaraf dengan kemajuan negara-negara berjiranan. Saya tidak berniat untuk membandingkan negara atau negeri kita dengan negara yang lain tetapi kita patut sentiasa bersikap terbuka, rendah diri dan sanggup belajar dari negara yang lebih maju dan canggih dari segi teknologi. Salah satu negara yang kita oleh contohi adalah Singapura yang terkenal sebagai negara yang terancang di tahap antarabangsa.

GDP di Singapura pada tahun 1960 an adalah 320,000 USD per kapita dan memecut ke 82,800 USD pada tahun lepas. Seoul, ibu negara Korea Selatan juga merupakan salah satu bandar yang termiskin di dunia dan menjadi bandar metropolitan dalam jangka masa 50 tahun. Seoul berjaya mengatasi masalah perbandaran dan menjadi salah satu *smart city*. Saya memohon supaya semua Ahli-Ahli Jawatankuasa serta pegawai kerajaan memandang berat isu-isu yang terbabit dalam perancangan di segala peringkat. Perancangan negara bukan sahaja demi kebajikan rakyat tetapi penting bagi membangunkan ekonomi negara. Negara kita kaya dengan pelbagai sumber semula jadi. Saya sangat yakin negara kita mampu menandingi kedua-dua negara ini jika kita semua bekerjasama dan berusaha dengan tekad dan integriti.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sektor industri di Segamat tidak mampu menandingi daerah Batu Pahat yang dikenali sebagai pusat tekstil negara atau daerah Muar yang terkenal dengan pengeluaran perabot ke pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan Segamat yang berjiranan dengan 3 negeri iaitu Negeri Sembilan, negeri Melaka dan negeri Pahang dilihat sebagai lokasi yang begitu strategik bagi industri pelancongan. Tambahan lagi, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Pindaan 2022 bagi menjadikan daerah Segamat sebagai sebahagian daripada Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau lebih dikenali sebagai ECER pada Julai 2022.

Ini menunjukkan pembinaan asas infrastruktur di sekitar Segamat akan diperkukuhkan lagi. Landasan berkembar sistem *train electric* atau lebih dikenali sebagai ETS yang bakal beroperasi pada tahun 2024 diharapkan dapat menghasilkan daya lonjakan dalam industri pelancongan negeri Johor juga. Namun begitu, asas infrastruktur ini tidak mampu mempromosikan Johor sebagai destinasi pelancongan bagi menarik perhatian penduduk tempatan dan luar negeri, apatah lagi pelancong dari luar negara.

Umumnya, diketahui sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara atau negeri. Maka saya memohon supaya kerajaan negeri merencanakan satu mekanisme yang strategik bagi memperkukuhkan dan memajukan sektor pelancongan di Johor dan seterusnya ke Segamat.

Di sini dengan rendah dirinya saya memberikan beberapa cadangan. Dalam generasi baharu ini internet digunakan untuk menyebarkan informasi, kebanyakan negara menggunakan kaedah ini melalui program berkolaborasi dengan selebriti atau lebih dikenali sebagai *influencer*. Kaedah yang mengajak selebriti dapat menarik minat para peminat mereka untuk turut serta melawat tempat-tempat yang disyorkan. Saya mencadangkan Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor mengkaji kaedah ini bagi mempromosikan negeri Johor kepada warga luar negara mahupun warga Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pertama sekalinya Kementerian Kesihatan Malaysia menganjurkan program *Flagship Medical Tourism Hospital* di Malaysia. Program ini merupakan satu penanda aras baru dalam pelancongan penjagaan kesihatan global. Misi program ini untuk menjadikan Malaysia sebagai ikon pelancongan penjagaan kesihatan yang terkenal di seluruh dunia. Pelancongan perubatan telah bermula di negara kita sejak 20 tahun yang lalu. Kebanyakan pelancong ini datang dari ASEAN, terutamanya Indonesia. Ini adalah sebab kos *medical*, sorry kos perubatan yang lebih murah dan kemudahan perubatan yang lebih moden dan canggih.

Tetapi kebanyakan mereka memilih untuk mendapatkan rawatan di Melaka, Pulau Pinang ataupun Kuala Lumpur. Kita mempunyai 12 buah hospital kerajaan dan 38 buah hospital swasta di sekitar Johor buat masa sekarang. Kita patut merebut peluang ini dan perlu berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dan fasiliti di hospital dalam negeri Johor bagi memenuhi kriteria atau syarat yang tertakluk dalam program ini. Melalui program *Flagship Medical Tourism Hospital* negeri kita akan menjadi buah mulut di pasaran antarabangsa. Ini merupakan peluang emas untuk mempromosikan negeri kita sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja sesuai untuk pertanian dan perindustrian tetapi sesuai untuk beriadah dan menerima perubatan juga.

Saya mohon supaya Yang Berhormat EXCO Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan berkoordinasi dengan Yang Berhormat EXCO Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya dengan sesungguhnya untuk menjayakan program ini.

Selain itu, acara atau pun kejohanan sukan peringkat antarabangsa atau negeri merupakan salah satu kaedah untuk mempromosikan keunikan dan keindahan negeri tercinta kita. Contohnya Sukan Komanwel pada tahun 1998. Dari laporan MIDA, sempena acara Komanwel dijalankan setiap pelawat dari luar negara secara puratanya telah berbelanja sebanyak RM3,800.00 dan menginap di Malaysia sebanyak 12.5 malam. Ini membuktikan walaupun langkah penganjuran acara sukan mungkin melibatkan perbelanjaan yang tinggi tetapi hasil penganjuran akan memberikan pulangan yang berbaloi dalam sektor perindustrian. Sebagai gulungan untuk perbahasan saya, saya ingin menegaskan sistem infrastruktur dan sektor pelancongan saling memainkan peranan yang penting antara satu sama lain. Kita perlukan sistem infrastruktur untuk akses ke tempat pelancongan. Manakala sektor pelancongan akan menjana dana kepada kerajaan untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur.

Sebelum saya gulungkan perbahasan saya hari ini, saya ingin mengambil kesempatan di sini menegaskan sekali lagi bahawa kita barisan pengimbang bersama dengan Ketua Pengimbang menerima Bajet Johor 2024 dengan hati yang ikhlas. Kita juga sentiasa bersikap terbuka dan terima sebarang usul atau cadangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan baik, yang baik demi Bangsa Johor. Perkataan pura-pura dalam perbahasan Yang Berhormat Kukup agak kasar dan tidak sesuai. Sila ingatkan titah Tuanku sempena hari keputeraan bahawa Tuanku harap semua pemimpin patut bertolak ansur dan hormat-menghormati di antara satu sama lain untuk meningkatkan kemakmuran serta kesejahteraan hidup rakyat. Sekian perbahasan saya. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Jementah, seterusnya dijemput Yang Berhormat Bekok.

**YB Tuan Tan Chong (Bekok)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Salam sejahtera, salam sihat, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang dimulihkan.

Awal bicara ini, Bekok merafak sembah dan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni

Almarhum Sultan Iskandar, Sultan bagi negeri Johor. Dan Bekok juga merafak sembah setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong mulai 31.1.2024 akan datang.

Bagi meneruskan ucapan menyokong pembentangan belanjawan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2024. Terlebih dahulu, Bekok mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah membentangkan belanjawan negeri Johor bagi tahun 2024 bertemakan, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", yang saya sifatkan sebagai belanjawan yang memenuhi aspirasi rakyat pelbagai agama, bangsa dan pelbagai taraf kehidupan di dalam negeri Johor.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah menyelitkan peribahasa Cina yang membawa maksud, 'walau apa pun keadaan, kita tidak boleh berhenti membiayai pendidikan". Usaha yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ini sedikit sebanyak menyuntik semangat dan keyakinan bangsa Cina negeri Johor bahawa mereka sentiasa mendapat prihatin dalam setiap belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Johor setiap tahun. Bekok penuh yakin dan percaya bahawa Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kini akan terus maju membawa Johor ke dimensi baharu pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang berjiwa rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bekok menyokong penuh pembentangan belanjawan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2024. Bagi menyokong pembentangan Belanjawan Tahun 2024, Bekok amat tertarik dengan isu vandalisme yang masih berlaku di dalam negeri Johor, meski pun pentadbiran kerajaan negeri telus, gigih berusaha untuk membangunkan negeri Johor sekarang ini. Vandalisme jenayah moral seperti menconteng, mengotori, merosakkan harta awam. Bukanlah perkara baharu bahayanya dianggap sebagai gejala dan masalah sosial yang masih berlaku di dalam negeri Johor dan sukar dibendung atau dikawal. Vandalisme sering dikaitkan dengan remaja kerana golongan ini mudah terpengaruh dengan gejala atau budaya tidak sihat ini. Kebiasaannya gejala ini dianggap sebagai satu bentuk jenayah yang dilakukan kerana rasa tidak puas hati segelintir masyarakat dan ianya menjadi tabiat segelintir masyarakat untuk menghilangkan kebosanan semata-mata.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mencadangkan untuk menyelesaikan isu vandalisme yang majoritinya adalah golongan remaja yang masih meraba-raba untuk mencari identiti dalam kehidupan mereka. Pertama, langkah untuk membendung gejala negatif ini adalah dengan mendidik setiap lapisan masyarakat tentang kepentingan menjaga harta benda awam. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Jelas bahawa dengan pendidikan menghargai harta benda awam vandalisme dapat dibendung.

Kedua, selepas mendidik masyarakat untuk menghargai harta benda awam, perbuatan vandalisme boleh diatasi dengan memberikan ruang kepada mereka untuk menginspirasi diri atau berkarya. Kerajaan Negeri Johor melalui Pihak Berkuasa Tempatan atau Pejabat Daerah boleh menyediakan kemudahan seperti menyediakan ruang atau sudut untuk mereka-mereka ini mencurahkan kreativiti-kreativiti mereka di tempat-tempat yang sesuai.

Ketiga, selaras dengan langkah-langkah di atas, aktiviti vandalisme juga dapat diatasi dengan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas. Secara peribadi, mereka yang melakukan kesalahan vandalisme wajar didenda. Memperbetulkan semula vandalisme yang dilakukan dengan kos yang ditanggung oleh pesalah sendiri dan memperbaiki kawasan tersebut pada tempoh tertentu.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang dimulikan, Kerajaan Negeri Johor juga perlu menggalakkan jabatan-jabatan yang lebih hampir dengan golongan remaja ini seperti Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat-Pejabat Daerah, Polis DiRaja Malaysia dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan agar dapat mengadakan program-program khusus secara konsisten dan berterusan bagi menyalurkan maklumat dan pendidikan yang berkaitan kepada golongan remaja mengenai jenayah vandalisme. Antara kursus-kursus seperti:-

1. Kursus pendek di kalangan remaja di sekolah-sekolah.
2. Mengadakan kursus-kursus motivasi, khusus mengenai vandalisme.
3. Mengaktifkan Kumpulan Rakan Sebaya dalam masyarakat ataupun di sekolah-sekolah bagi membimbing remaja yang bermasalah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di sini juga izinkan saya untuk membawa permasalahan dan harapan rakyat di kawasan saya selari dengan usaha Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan jajaran kepimpinan negeri Johor untuk memakmurkan negeri Johor yang telah digambarkan melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2024 negeri Johor oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Terlebih dahulu, saya mewakili rakyat di dalam kawasan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infra, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah meluluskan peruntukan bagi memasang lampu solar di kawasan yang sering berlaku kemalangan di Jalan Muar- Labis.

Kedua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, mengenai permasalahan pemilikan rumah mampu milik di kalangan rakyat di dalam DUN Bekok. Sebagaimana yang semua sedia maklum, pada tahun 2017 bahawa satu ketika dulu rakyat DUN Bekok telah menerima berita gembira bahawa satu kawasan berhampiran dengan perkampungan Desa Temu Jodoh, Chaah akan didirikan kawasan rumah mampu milik yang akan diusahakan oleh anak syarikat Perumahan Negara (SPNB) tetapi bila kerajaan Barisan Nasional gagal menubuhkan Kerajaan Negeri Johor selepas PRU-14 yang lalu, projek perumahan rumah mampu milik yang telah dirancang di Desa Temu Jodoh pada waktu itu telah dibatalkan.

Oleh yang demikian, saya selaku ADUN Bekok merayu kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi yang sangat prihatin dengan kebajikan rakyat Johor. Dan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor melalui pembentangan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2024 yang telah mensasarkan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik di dalam negeri Johor. Bekok mengharapkan agar Kerajaan Negeri Johor dapat memberi setinggi-tinggi perhatian agar diusahakan kembali projek perumahan mampu milik di dalam DUN Bekok. Inilah sebenarnya harapan rakyat di dalam DUN Bekok kepada Kerajaan Negeri Johor yang memerlukan rumah sendiri untuk kesejahteraan keluarga mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu tempatan seterusnya yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, adalah masalah pembangunan di dalam kawasan Majlis Daerah Labis. Pertamanya, tanah runtuh yang berlaku di Jalan Sendayan, Taman Wijaya Labis dan di Taman Bukit Indah, Labis.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Sidang Dewan yang dimulikan, bahawa isu yang telah berlaku 8 bulan yang lalu. Setelah berlaku kejadian banjir besar di Labis pada 1.3.2023 yang lalu, namun Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Labis akan mengambil tindakan membaik pulih tanah runtuh di Jalan Sendayan, Taman

Wijaya dan Taman Bukit Indah, Labis pada 1.12.2023. Sebab saya bagi pihak masyarakat sekitar merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan tempatan, Majlis Daerah Labis dan syarikat konsesi atas tindakan tersebut.

Di sini juga saya nyatakan bahawa terdapat satu lagi mendapan tanah di Jalan Sendayan Taman Wijaya Labis bersebelahan dengan kawasan yang saya sebutkan tadi. Yang memberikan impak yang merbahaya juga kepada penduduk sekitar. Saya memohon pihak yang bertanggungjawab agar dapat mengambil tindakan pantas sebelum perkara bertambah teruk. Keduanya, masalah parit di dalam kawasan Majlis Daerah Labis banyak telah rosak dan tidak dapat berfungsi dengan baik bagi mengalir air hujan ke kawasan sepatutnya. Untuk makluman saya telah mendapatkan maklumat daripada Ahli Majlis, Majlis Daerah Labis terdapat usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Labis bagi meningkatkan hasil antaranya adalah pelaksanaan penilaian semula semakan semula kadar sewa aset Majlis Daerah Labis dan pelaksanaan *parking* berbayar. Walau bagaimanapun bagi pelaksanaan *parking* berbayar ini adalah tidak sesuai dilaksanakan kerana Labis adalah kawasan pendalaman yang terdiri daripada kawasan pertanian, FELDA-FELDA, *estate* dan kampung-kampung. Selain itu, ekonomi Labis adalah bergantung sepenuhnya kepada masyarakat setempat. Dari segi perindustrian adalah tidak banyak di kawasan Majlis Daerah Labis. Oleh yang demikian, saya memohon prihatin daripada pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor agar dapat membantu dan menambah sejumlah peruntukan tambahan bagi mengatasi masalah kekurangan peruntukan bagi menyelesaikan masalah kemudahan asas di dalam kawasan Majlis Daerah Labis.

Cuaca Monsun Timur Laut dijangka akan membadai negeri Johor sehingga awal Mac tahun 2024. Saya mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri Johor melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk membaik pulih tanah-tanah runtuh selepas pasca banjir yang lalu dapat menyoergerakan kerja-kerja membaik pulih sebelum menjadi bertambah buruk, teruk.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, dan saya, yang terakhir mengenai pelaksanaan kerja-kerja syarikat konsesi di kawasan saya. Sebagaimana kita sedia maklum kerja-kerja membaik pulih bagi jalan-jalan majlis di negeri Johor telah dilaksanakan oleh pihak syarikat konsesi bagi kawasan daerah Kecil Labis. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh Safwa Global Sdn. Bhd. cawangan Pagoh. Di mana cawangan Pagoh juga melaksanakan kerja-kerja bagi daerah Muar, Tangkak dan Segamat. Saya telah mendapat maklumat daripada Ahli Majlis Daerah Labis dan mendapati bermula daripada tahun 2020 sehingga kini terdapat 62 aduan yang memerlukan tindakan pihak syarikat konsesi. Oleh itu, saya mencadangkan agar syarikat konsesi terlebih dahulu merujuk kepada PBT yang berkaitan dalam menyelia perancangan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan supaya kerja-kerja ini dapat diberi keutamaan dan tidak berlaku kejadian di mana jalan yang masih dalam keadaan baik diturap semula tetapi jalan yang memerlukan perbaiki tidak diambil tindakan. Saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah bertujuan supaya peruntukan Kerajaan Negeri Johor yang disalurkan melalui syarikat konsesi tersebut tidak dibazirkan bagi membaik pulih kawasan tidak sepatutnya.

Selain daripada itu, juga dapat mengelakkan tanggapan negatif rakyat bahawa projek-projek kerajaan Johor tidak diurus dengan baik. Akhirnya dua rangkap pantun untuk semua. Dari Bekok ke Nusajaya, bawa amanah dan harapan rakyat, pembentangan belanjawan penuh bergaya, gambaran Johor Maju untuk rakyat. Johor bertuah negeri makmur, dikurniakan pemimpin yang berkarisma, kalau kita dipanjangkan umur, Johor Maju kita kecapai bersama.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker yang telah memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan pembentangan belanjawan Kerajaan Negeri Johor bagi Tahun 2024. Dengan ini Bekok mohon menyokong. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Bentayan.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan)** : Salam sejahtera dan selamat tengah hari. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jutaan terima kasih diucapkan atas peluang yang diberikan kepada Bentayan untuk mengambil bahagian dalam pembahasan Belanjawan Negeri Johor bagi Tahun 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis lepas di dalam Dewan yang mulia ini. Bentayan ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar bersempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Bentayan juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pemilihan baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ke-17.

Bentayan juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama, Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) yang membawa gelaran Dato'.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif dalam belanjawan negeri setiap tahun adalah penting untuk memastikan setiap langkah atau agenda strategi yang akan dilaksanakan dapat memberi manfaat dan impak positif kepada pembangunan ekonomi negeri dan semua golongan yang disasarkan. Jadi, Bentayan ingin tahu berapakah peratusan daripada 35 strategi ataupun 143 inisiatif yang dibentangkan pada belanjawan 2023 yang telah berjaya dilaksanakan dan peratusan inisiatif yang gagal atau tidak dapat dilaksanakan? Dan apakah faktor penyebab kepada kegagalan tersebut? Apakah impak bagi setiap inisiatif atau strategi kepada ekonomi negeri atau golongan yang disasarkan? Kita perlu mengkaji keberkesanan setiap pelaksanaan bagi setiap inisiatif sebelum ini sebagai *lesson learn* dengan izin, supaya langkah-langkah penambah baik boleh diambil pada tahun depan bagi melaksanakan semua inisiatif belanjawan negeri 2024 dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor pada bulan Mac yang lepas telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor. Bentayan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah mencapai misi matlamat dalam tempoh 6 bulan di mana satu penyata telah dibentang di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat yang lepas. Jawatankuasa ini telah berjaya mengenal pasti punca-punca perubahan iklim yang mendatangkan kesan seperti bencana banjir yang sering berlaku di negeri ini. Beberapa cadangan juga telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Johor. Sehubungan dengan ini, apakah tindakan susulan kerajaan negeri terhadap semua cadangan ini? Bentayan faham bahawa isu banjir ini mengambil masa yang agak lama untuk diatasi dan cadangan ini perlu diterjemahkan kepada satu pelan tindakan yang komprehensif, holistik dan menyeluruh termasuk pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Justeru, Bentayan ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa yang melibatkan kepakaran ditubuhkan untuk merancang pelan tindakan, mengkoordinasi dan memantau semua tindakan susulan daripada hasil atau dapatan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana Negeri Johor dengan semua agensi yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, setiap daerah mempunyai punca kepada bencana banjir yang berlainan. Maka Jawatankuasa mencadangkan supaya semua PBT harus menjalinkan usaha sama dengan kepakaran dari Universiti Awam dalam membuat

kajian dan menghasilkan pelan tindakan bagi mengatasi masalah bencana banjir. Tindakan drastik keseluruhan kerajaan atau *All Government Approach* dengan izin, *All Government Approach* dengan izin, perlu diambil dengan membentuk satu jawatankuasa di peringkat daerah yang merangkumi semua agensi tempatan dan kepakaran untuk mengkoordinasi dan memantau semua tindakan susulan daripada hasil kajian jawatankuasa peringkat negeri ditubuhkan untuk mengelakkan agensi bertindak sendiri atau secara solo tanpa sebarang penyelarasan antara agensi lain.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, negeri Johor berhasrat merealisasikan matlamat menjadikan negeri sebagai *food bank* dengan izin, demi kesejahteraan dan kepentingan rakyat. Antara makanan harian utama rakyat Malaysia ialah ayam dan telur. Maka industri penternakan unggas memainkan peranan penting terutama di negeri Johor. Sektor penternakan ayam Johor telah menghasilkan sebanyak 34,404,360 ekor ayam pada tahun 2022 iaitu 23% daripada jumlah hasil keseluruhan di semenanjung Malaysia. Manakala hasil teruk adalah 14,412,000 biji pada tahun 2022 yang merangkumi 22% daripada jumlah hasil keseluruhan di semenanjung Malaysia. Kerajaan negeri juga menggalakkan usaha naik taraf sistem reban ayam terbuka yang sedia ada kepada sistem reban tertutup, reban ayam tertutup yang serba canggih dan dilengkapi sistem kawalan suhu dan kelembapan boleh meningkatkan produktiviti di mana ayam boleh mencapai berat 2.4 kg dalam masa antara 32 dan 35 hari berbanding antara 38 dan 42 hari dalam sistem ternakan terbuka.

Di samping itu, bau yang dikawal juga dapat menghindarkan kehadiran lalat dan najis ayam boleh dijadikan baja kompos. Akan tetapi penternak ayam telah arah supaya mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) oleh PBT terlebih dahulu sebelum menaik taraf reban terbuka kepada reban tertutup. Penternak terpaksa melalui proses permohonan KM yang rumit kerana tiada Akta untuk ladang ternakan unggas. KM yang sedia ada hanyalah untuk perumahan dan industri atau perkilangan. Peluang untuk KM diluluskan agak tipis dan rumit kerana memerlukan rujukan dan sokongan daripada 14 agensi yang berlainan. Sekiranya salah satu agensi tidak menyokong KM ini maka permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan. Tambahan pula semua syarat seperti *building plan* dengan izin, syarat Bomba, ISA dan lain-lain yang dilaksanakan untuk KM industri adalah tidak sesuai dan setimpal untuk diguna pakai dalam ladang ternakan unggas. Proses permohonan KM juga menelan kos yang tinggi kerana pemohon perlu melantik *consultant*, arkitek bertauliah ditambah dengan caj-caj tender yang dikenakan selepas KM atau KM diluluskan dan bayaran lain dan semua kos ini perlu ditanggung sendiri oleh penternak ayam. Adakah semua kos ini boleh dipindah kepada pembeli akhirnya sama seperti pemaju perumahan menambahkan semua kos kepada semua pembelinya. Jika ia, harga ayam akan naik dan pembeli dan pengguna membeli ayam harga yang lebih mahal dengan mengambil kira yang kos yang tinggi dan masa yang panjang dalam permohonan KM. Bentayan percaya kebanyakan pengusaha ladang ternakan ayam tidak mampu menaikkan kepada reban tertutup kerana kebanyakan pengusaha dan penternak sedia ada adalah merupakan penternak berkontrak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Bentayan ingin mencadangkan supaya ladang ternakan ayam dibenarkan beroperasi mengikut Enakmen Penternakan Unggas Negeri Johor dan menetapkan hak kapasiti bagi reban terbuka secara berperingkat. Sebagai contoh kapasiti reban ayam harus tidak melebihi 50,000 ekor bagi kawasan PBT dan tidak melebihi 100,000 ekor untuk di luar kawasan PBT. Sekiranya melebihi had pengusaha wajib menaik taraf kepada reban tertutup.

Kedua, kerajaan negeri boleh menyediakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) baru bagi tujuan penternakan ayam di beberapa daerah seperti yang diamalkan di Kuala Selangor. Di mana kerajaan negeri menyediakan segala infrastruktur TKPM supaya beban kos bagi penternak ayam dapat dikurangkan sekali gus menarik minat lebih ramai pengusaha dan industri penternakan ayam. Sistem reban tertutup adalah terbukti lebih

terkawal dari segi keselamatan dan kebersihan dan produktiviti juga dapat dipertingkatkan. Kerajaan negeri harus membantu industri penternakan ayam supaya industri dapat dikembangkan dan memastikan bekalan ayam sentiasa stabil dan terjamin.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Program Johor Bersih yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 3 Julai 2022 yang lalu dengan sasaran dan matlamat menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim yang bersih, ceria dan indah. Bentayan sering menerima aduan berkenaan rumput panjang di sepanjang bahu jalan negeri atau persekutuan dan longkang atau parit dipenuhi rumput sehingga tersumbat. Mengikut maklumat yang diterima kekerapan memotong rumput jalan di bahu negeri ada 12 kali setahun manakala jalan persekutuan ada 9 kali setahun.

Untuk pembersihan longkang atau parit adalah 2 kali setahun. Bagi kawasan SWM pula kekerapan memotong rumput dan pembersihan longkang ada lebih tinggi iaitu 2 minggu sekali untuk pemotongan rumput dan sebulan sekali untuk pembersihan longkang. Maka kita boleh lihat kawasan SWM tersebut lebih kemas atau bersih berbanding dengan jalan di bawah seliaan JKR. Jadi, Bentayan ingin mencadangkan supaya ditambah lagi kekerapan pemotongan rumput dan pembersihan longkang bagi jalan di bawah pengurusan JKR.

Pengurusan dan penyelenggaraan perparitan yang efisien juga adalah penting untuk mengatasi masalah banjir kilat. Parit yang dipenuhi rumput tebal dan sampah telah menyekat aliran air dan meningkatkan risiko banjir ketika hujan lebat. Oleh itu Bentayan mendesak kerajaan supaya mengkaji semula kekerapan penyelenggaraan sistem perparitan yang sedia ada.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kesesakan trafik di Jalan Salleh dan di Jalan Bakri di daerah Muar semakin hari semakin teruk disebabkan penambahan bilangan kenderaan, terutamanya selepas PKP, COVID-19. Keadaan jalan Bakri dijangka akan menjadi semakin kritikal disebabkan penambahan isi padu trafik dengan kenderaan barangan berat atau separa berat terutama apabila *Muar Furniture Park* (MFP) mencapai kapasiti operasi sepenuhnya pada masa hadapan. Kerana Jalan Bakri merupakan jalan utama menghubungkan MFP ke pusat bandar dan perlu dilalui untuk mengakses laluan lebuh raya PLUS E2, Jalan Bakri hanya sepanjang 10 kilometer tetapi perlu mengambil masa lebih daripada 30 minit ke pusat bandar dari Bukit Bakri. Maka cadangan RTT 2030 Muar mengenai satu laluan baru atau jalan pintasan yang menghubungkan jalan persekutuan FT 002 dan jalan negeri J32 untuk mengakses lebuh raya PLUS E2 itu perlu dipercepatkan. Jalan pintasan ini dijangka sepanjang 10 kilometer dengan anggaran kos lebih daripada RM200 juta. Maka projek ini perlu disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 sebagai salah satu projek utama dalam negeri Johor supaya masalah kesesakan jalan Bakri dapat diatasi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Jalan Salleh pula merupakan jalan raya utama yang menghubungkan hab pendidikan ke pusat bandar Maharani Bandar Diraja. Jalan Salleh berada di laluan jalan negeri J32 yang sepanjang 4 kilometer dan merupakan jalan pintasan di antara Bandar Muar dan Bukit Pasir. Jalan Salleh adalah jajaran jalan dalam projek cadangan naik taraf di bawah tajuk menaik taraf jalan dari Bandar Muar ke Pekan Pagoh J32 sepanjang 20 kilometer Muar – Johor. Bagaimanapun, cadangan perancangan projek ini telah disusun semula kerana kedudukan jalan Salleh ini termasuk dalam cadangan jalan untuk ditukar status dari jalan negeri kepada jalan persekutuan iaitu jalan dari Bandar Muar ke Pekan Labis sepanjang 35 kilometer. Bentayan ingin tahu, apakah status proses pewartaan ke jalan persekutuan dan perancangan seterusnya. Dan adakah projek ini telah di senarai dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12?

Akhir kata, Bentayan berharap agar kesemua inisiatif yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam persidangan Belanjawan 2024 bagi negeri Johor ini



dapat dilaksanakan dengan baik dan berhemah sekali gus memberikan manfaat kepada seluruh rakyat dan ekonomi negeri Johor. Sekian terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bentayan. Selanjutnya, Yang Berhormat Sungai Balang.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk Sungai Balang membahar lebih awal kerana saya membawa suara hati warga Sungai Balang yang hari ini saya ditemani rakan-rakan daripada Sungai Balang yang terdiri daripada Tok-Tok Penghulu, Ketua Kampung dan Persatuan Ibu Tunggal dan juga saya difahamkan ada juga rakan-rakan datang daripada apa ...

**YB Timbalan Speaker :** Masa berjalan.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) :** Ya Yang Berhormat, jadi maksudnya saya hari ini ditemani rakan-rakan daripada kepimpinan DUN Sungai Balang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker saya seterusnya ingin membawa perkara-perkara yang berkaitan dengan awal permulaan kalam ini saya ingin, patik ingin mengucapkan Selamat Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November 2023 yang lalu. Turut tidak ketinggalan patik serta rakyat DUN Sungai Balang merafak sembah serta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pemasyhuran Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Patik mendoakan semoga Malaysia di bawah payung pemerintahan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong akan menjadi lebih maju dan rakyatnya lebih bersatu padu dalam segenap aspek.

Turut tidak ketinggalan juga patik ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim di atas kejayaan pasukan bola sepat JDT yang telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai liga buat kali ke-10 berturut-turut. Mudah-mudahan dengan kejayaan bakal menyebelahi pasukan JDT untuk memenangi Piala Malaysia untuk saingan yang sedang berjalan.

Saya dan rakan warga DUN Sungai Balang turut ingin menzahirkan, merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim yang membawa gelaran dan Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim yang membawa gelaran Dato' oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Johor Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim. Tahniah YAB Dato'.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau memakai kain pelikat, pergi berjamu di tengok sopan, kalau pandai memimpin umat, negeri maju penduduk pun aman. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa tadbir urus adalah tiang seri kekuatan sesebuah kerajaan. Bila mana kerajaan tersebut mempunyai jentera urus yang cekap, berintegriti dan efektif serta berwawasan dalam menjalankan urusan pentadbiran kerajaan dan berdasarkan kepada 5 strategi dan 19 inisiatif yang dirangka dalam Belanjawan Tahun 2024 sudah semestinya kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi tidak beretorik semata-mata untuk memastikan belanjawan ini berjaya mencapai sasarannya.

Dengan berbagai inisiatif yang direncanakan dan suntikan dana kepada pentadbiran merangkumi peringkat *top to bottom* dengan izin, maka setiap peringkat pentadbiran ini akan dapat memperkasakan fungsinya untuk memastikan pencapaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan jaya dan lancar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pentadbiran yang berkoordinasi dan tersusun merupakan satu kunci kepada kelancaran dan penjimatan kos perbelanjaan kerajaan. Jika sekiranya tiada koordinasi yang baik dalam tadbir urus kerajaan maka akan berlaku kesilapan yang berulang dan pertambahan kos perbelanjaan menyebabkan kerugian kepada kewangan negeri. Saya membawa contoh apabila ketiadaan koordinasi antara jabatan dan kerja-kerja contohnya penyelenggaraan perparitan.

Apabila sesuatu jalan yang telah dibaik pulih dinaik taraf oleh pihak kontraktor, JPS yang pula masuk kawasan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan parit. Hal ini sudah semestinya akan menyebabkan jalan yang baru dibaiki dan dinaik taraf tadi akan kembali rosak akibat jentera berat, rantai yang menjalankan kerja perparitan tidak mengikut spesifikasi. Oleh itu perlu diselaraskan informasi antara jabatan dan kerajaan berkaitan supaya contoh situasi ini diberi tidak berulang. Hal yang saya pastikan ini, ketiadaan koordinasi dan penyelarasan dan libat urus antara jabatan kerajaan boleh menyebabkan kos perbelanjaan untuk membaik pulih jalan terus meningkat dan berlaku pembaziran, ini contoh di kawasan tempat saya, saya nak maklumkan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, demografi kawasan Sungai Balang merupakan kawasan yang majoritinya terdiri daripada kawasan kampung menyambut baik keputusan inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang meningkatkan Jawatankuasa Pelan Dan Keselamatan Kampung. Melalui pengembalian semula tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit dan kawasan JPK tersebut secara bergotong-royong di bawah seliaan JPS. Sudah tentu hal ini dapat mengelakkan kesukaran yang dihadapi sebelum ini tentang pusingan kerja-kerja penyelenggaraan parit yang lewat untuk rungutan penduduk di dalam sebuah kampung.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, selain itu suntikan sebanyak RM120,000.00 berbentuk geran pengurusan dan pentadbiran kepada persatuan Ketua-Ketua Kampung di negeri Johor memberikan kemudahan kepada Tok Ketua-Ketua Kampung untuk melaksanakan aktiviti pentadbiran di kawasan mereka. Di tambah lagi dengan pemantapan usaha profesionalisme di kalangan Ketua-Ketua Kampung akan melalui pelaksanaan Kursus Sijil Profesional. Mudah-mudahan pentadbiran peringkat kampung bagi negeri Johor ini akan lancar sistem penyampaian dan dari kerajaan negeri dan rakyat daripada kawasan kampung masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran merupakan aset yang penting dalam nilai kepada negeri untuk merubah status negeri daripada berpendapatan sederhana kepada pendapatan negeri yang berpadatan tinggi. Oleh yang demikian, penyediaan prasarana dan infrastruktur pendidikan yang baik, pemangkin hasrat pemilikan modal insan, bercirikan aspek negeri maju dan dapat direalisasikan. Justeru itu, saya menekankan bahawa di Sungai Balang yang harus mempunyai pusat pengajian dan pendidikan kemahiran di bawah Majlis Amanah Rakyat yang serba lengkap demi membentuk generasi modal insan seperti yang saya nyatakan tadi. Walaupun ketika ini terdapat sebuah Pusat Giat Mara di kawasan Sungai Balang, namun kursus yang ditawarkan hanya terdapat 3 jenis sahaja. Tambah menyedihkan lagi apabila satu bangunan untuk menjalankan kursus kegiatan jahitan di kawasan tersebut menumpang selama hampir 17 tahun di premis milik Persatuan Nelayan Kawasan Muar yang terletak di rizab JPS. Ya, sangat sedih.

Selain itu juga saya mencadangkan agar kerajaan Johor menjalin kerjasama dengan pihak MARA supaya dapat mewujudkan sebuah IKM di DUN Sungai Balang bagi menyediakan kursus-kursus kemahiran jangka panjang seperti kursus berkaitan maritim, penyelenggaraan enjin, kimpalan dalam mempersiapkan tenaga kerja kemahiran yang bila mana *Maharani Energy Getway (MEG)* kelak beroperasi maka modal insan yang terlahir dari industri ini dapat dibekalkan sebagai tenaga kerja berkemahiran dan profesional suatu waktu nanti.

Hal yang berkaitan dengan cadangan fasiliti ini dan bangunan tidak menjadi masalah kerana pihak MARA yang mempunyai tanah keluasan 10 ekar di kawasan Sarang Buaya ini sangat strategik dari sudut geografi dan perhubungan antara jalan dan kawasan *MEG*. Usaha memperkasakan aliran TVET ini amat penting. Selari dengan kerajaan pusat yang ingin melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkepakaran dalam bidang teknik dan vokasional memacu pemodenan negara tanpa perlu bergantung harap sepenuhnya kepada tenaga kerja asing kelak. Sehubungan dengan itu, kita dapat meminimumkan aliran wang negara daripada keluar ke negara-negara tertentu kerana kerja kita bergantung selama ini.

Dalam pada kita memberikan penekanan terhadap kejayaan pelajar daripada aspek duniawi, jangan di lupa juga kepada aspek kejayaan pelajar-pelajar anak bangsa kita dalam aspek ukhrawi yang mana negeri Johor sejak dahulu sememangnya termasyhur dengan sistem pendidikan agama Islam sejak tahun 1923 sehingga kini, yang hampir menjangkau 100 tahun. Alhamdulillah telah melalui pelbagai fasa perubahan dan pemodenan sukatan pelajaran yang dapat diselarikan dengan keperluan semasa hasil daripada tadbir urus syiar agama Islam oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Bermula dengan pendidikan Sekolah Rendah Agama Bersepadu, kemudian ke peringkat MAAHAD untuk ke peringkat sekolah menengah seterusnya hingga ke Kolej Islam Johor Sultan Ibrahim atau MARSAH untuk peringkat pengajian yang lebih tinggi. Dengan laluan ketiga-tiga peringkat pengajian ini, saya yakin negeri Johor dapat melahirkan ramai asatizah sebagai pelapis ilmuan agama bagi meneruskan perjuangan mempertegak syiar Islam di tanah Jauhar ini. Saya yakin dan pasti dengan berbekalkan tadbir urus negeri yang baik melalui teras utama Maju Johor, usaha dan langkah mendaulatkan serta memelihara kesucian agama Islam di negeri Johor dapat berjalan lancar. Semoga dengan demikian negeri Johor mendapat melimpah rahmat daripada Allah SWT selaras dengan ciri-ciri negeri yang baik dan dapat keredaan serta pengampunan Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menyentuh isu berkaitan hal perumahan, saya secara konsisten memberikan fokus kepada usaha-usaha untuk memperjuangkan pelaksanaannya di kawasan DUN Sungai Balang. Untuk tujuan pembinaan rumah mampu milik kepada rakyat di kawasan luar bandar, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Sri Medan semalam, yang menyatakan bahawa keperluan kemudahan asas kepada rakyat harus diutamakan. Alhamdulillah, dalam usaha ini nampaknya telah nampakkan sinar di hujung terowong dengan beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri dan pemegang taruh seperti Pejabat Daerah Muar, Majlis Perbandaran, Pejabat Tanah Daerah Muar dan Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor. Dan lawatan tapak rancangan pembinaan rumah mampu milik (RMMJ) ini telah dilakukan sebanyak dua kali dan beberapa siri perbincangan telah dilakukan. Dengan keluasan tanah 24 ekar di kawasan Parit Jamil tersebut adalah sangat strategik dan bakal menyajikan pemandangan yang cantik apabila hasrat pembinaan projek perumahan mampu milik ini di kawasan berkenaan dapat direalisasikan.

Amatlah tinggi pengharapan rakyat di DUN Sungai Balang supaya rancangan projek RMMJ ini dapat disegerakan dan dilaksanakan supaya mereka yang belum mempunyai rumah milikan sendiri, dapat memilikinya secepat mungkin. Saya pasti dan percaya permintaan yang tinggi terhadap program perumahan tersebut akan merangsang fasa seterusnya penyediaan RMMJ pada masa akan datang. Dan dengan peningkatan pertumbuhan sektor pembinaan sebanyak RM5.68 bilion pada tahun 2022, saya yakin dan positif usaha

pembinaan rumah mampu milik oleh kerajaan negeri ini dapat dipertingkatkan dan diluaskan di kawasan luar bandar yang sememangnya mendapat permintaan yang tinggi. Dan saya juga mendoakan kepada sahabat saya daripada Kukup yang semalam juga menyampaikan hasrat yang sama untuk memastikan kawasan tersebut juga suatu masa nanti akan dapat melaksanakan RMMJ ini di kawasan mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, perkara yang kluatir berkenaan keselamatan makanan benar-benar berlaku pada tahun ini. Di mana kita telah menyaksikan bekalan beras tempatan amat terhad dan tidak menampung permintaan rakyat khususnya mereka yang berada dalam kategori B40. DUN Sungai Balang seperti yang maklum mempunyai kawasan sawah berkeluasan 364.22 hektar merupakan kawasan tanaman padi yang kedua terbesar di negeri Johor. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menambahkan lagi saiz tanaman padi di kawasan Sungai Balang bagi menambah pengeluaran padi beras tempatan agar dapat menampung kelompongan stok berkenaan beras tempatan yang berlaku dalam pasaran hari ini. Selain itu, satu usaha penyelidikan dan pembangunan, R&D perlu dijalankan bagi benih padi yang menghasilkan pengeluaran 3 kali setahun di samping resistansi yang tinggi terhadap penyakit dan ketidaktentuan cuaca ekstrem.

Estet sawah ini menjadi satu penyumbang dalam usaha kerajaan bagi memastikan keselamatan makanan negara tercapai dengan kemandirian penghasilan bekalan makanan kepada rakyat tidak bergantung pada makanan import khususnya beras. Dengan peruntukan sebanyak RM3.9 juta Belanjawan 2024 dan Pelan Pembangunan Industri Padi dan Beras: Periuk Nasi Selatan, saya berharap agar kawasan sawah Sungai Balang ini dapat diberi tumpuan utama aliran pendanaan bagi meningkatkan lagi usaha pengeluaran padi di kawasan tanah tersebut.

Saya juga memohon kepada kerajaan negeri dan pihak Pejabat Tanah dan Galian supaya dapat mengekalkan status 200 ekar bagi tanah di kawasan tersebut sebagai tanah rizab simpanan daerah. Kelak untuk kemungkinan boleh menambahkan saiz sawah. Ataupun jika sekiranya kerajaan bercadang untuk menambah saiz sawah di kawasan berbaki 200 ekar tersebut, maka ia hendaklah dibangunkan dengan perancangan projek yang pro kepada rakyat supaya manfaatnya dapat dirasai oleh semua. Saya juga menyarankan agar tanah-tanah sawah yang sedia ada dan terbiar dan tidak diusahakan oleh pesawah perlu diambil semula oleh kerajaan untuk diusahakan dengan tanaman padi. Hal ini adalah bagi mengelakkan kerugian sumber tanah yang boleh diguna di kawasan sawah berkenaan untuk tujuan penghasilan padi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di Sungai Balang ini selain daripada tanaman padi, juga mempunyai tanaman kontan lain seperti kelapa, nanas, ubi, pisang dan lain-lain tanaman yang memerlukan pemerhatian dan peruntukan bagi membantu para pengusaha tanaman menambah jualan hasil pengeluaran bagi menampung permintaan tinggi di pasaran. Hal ini bagi memastikan usaha ke arah *food basket* kepada Malaysia ataupun *food bank* kepada negara serantau. Namun, permasalahan yang dihadapi sebagai contoh berkenaan pemasaran kelapa yang menyebabkan petani tidak dapat memasarkan hasil secara meluas dalam negeri ataupun negara dan perkara ini timbul akibat ketiadaan satu pihak peraih yang membeli hasil kelapa seperti peraih dalam pemasaran sektor kelapa sawit. Walhal, dalam permintaan terhadap kelapa amatlah tinggi di negeri kita sehinggakan terpaksa mengimport kelapa tersebut daripada Indonesia, demi memenuhi permintaan terhadap penggunaan domestik dan industri. Justeru itu, satu mekanisme berkaitan pemasaran dan pengedaran kelapa di negeri Johor perlu diwujudkan bagi membolehkan para pengusaha tanaman kelapa memasarkan dengan mudah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah meluluskan RM59 juta untuk bilik guru yang

bakal dimanfaatkan oleh 1,193 buah sekolah menengah dan rendah dan saya berdoa juga mudah-mudahan untuk sekolah agama juga tidak tertinggal. Justeru, dalam masa yang sama juga saya menyarankan agar kerajaan negeri dapat menyalurkan dana tambahan. Dana tambahan ini ialah untuk Rancangan Makanan Tambahan untuk murid-murid Bangsa Johor yang tercicir daripada senarai yang layak mendapat bantuan RMT supaya bebanan perbelanjaan ibu bapa dapat dikurangkan. Apabila kita bercakap soal makanan kepada setiap isi rumah di Johor, sudah tentu para ibu bapa juga ingin memastikan anak-anak mereka yang bersekolah khususnya di peringkat rendah dan menengah dapat mengisi perut sewaktu rehat. Anak-anak yang ingin membeli makanan di kantin juga memerlukan wang saku daripada ibu bapa mereka. Dengan keadaan semasa sudah pasti harga makanan turut meningkat dan Yang Berhormat sekalian bayangkan sekiranya kita maklum satu keluarga yang mempunyai 5 orang anak yang bersekolah, bersekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama, bagaimanakan kos perbelanjaan wang saku yang dikeluarkan oleh setiap hari demi memastikan anak-anak dapat mengisi perut ketika di sekolah waktu rehat. Dan tambah menyedihkan lagi apabila ibu bapa tersebut adalah tergolong dalam kategori berpendapatan rendah atau pun B40 mahupun kategori miskin.

Sebagai contoh, dengan penerimaan rancangan tambahan di kawasan saya di DUN Sungai Balang, seramai hanya 939 murid sahaja daripada 13 buah sekolah kebangsaan dan 7 buah sekolah jenis kebangsaan di DUN Sungai Balang. Dan saya mengharapkan pihak Kementerian Pendidikan dapat menambah lagi bilangan murid penerima RMT di sekolah-sekolah dalam kawasan Sungai Balang dan kalau boleh buat tambahan itu mungkin untuk seluruh negeri Johor. Sekurang-kurangnya daripada 939 kepada 1,500 orang pelajar. Saya begitu tersentuh apabila di dalam kalangan ibu bapa di kawasan saya, mengadu bahawa beliau tidak mampu untuk memberi wang saku secukupnya kepada anak-anak yang bersekolah ekoran pendapatan kecil mungkin sebagai tukang rumah secara kecil-kecilan dan dalam masa yang sama anaknya tidak mendapat bantuan RMT di sekolah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, aspek penjagaan kesihatan rakyat juga tergolong dalam matlamat saya selaku Wakil Rakyat DUN Sungai Balang. Dengan 3 buah klinik kesihatan di DUN Sungai Balang iaitu Klinik Kesihatan Parit Jawa, Klinik Kesihatan Sri Menanti dan Klinik Kesihatan Parit Yusof yang juga telah dimaklumkan dan dapat melihat sendiri jumlah pesakit yang datang setiap hari untuk mendapatkan rawatan kini telah meningkat. Pada waktu ini anggaran kehadiran pesakit sehari di fasiliti kesihatan tersebut masing-masing adalah seramai 110 orang hingga 130 orang. Dan pesakit di Klinik Kesihatan Parit Jawa 50 hingga 70 pesakit dan di Klinik Kesihatan Sri Menanti 90 hingga 110 pesakit. Dan, saya ingin menekankan usaha untuk menaik taraf saiz klinik kesihatan ini oleh kerajaan supaya dapat menampung bilangan jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan. Hal ini kerana pesakit yang datang terpaksa menunggu di anjung bangunan klinik oleh kerana kapasiti ruang menunggu dalam klinik adalah terhad sewaktu waktu puncak.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, masa.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) :** Menyentuh aspek kelengkapan fasiliti klinik kesihatan pula, saya mengharapkan ambulans merupakan nadi utama bagi membantu mereka yang berada dalam situasi cemas, kritikal di tempat kejadian. Namun, jika sekiranya mengalami sesuatu keadaan di mana ketiadaan ambulans misi menyelamatkan mangsa dan pesakit sukar. Justeru itu, saya mohon supaya setiap klinik kesihatan di DUN Sungai Balang dilengkapi, sekurang-kurangnya dua buah ambulans bagi memastikan kesiapsiagaan perkhidmatan dapat dijalankan pada bila-bila masa.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya akan memendekkan ucapan saya kerana banyak isu-isu yang saya ingin bangkitkan di kawasan saya dan saksi di kalangan kepimpinan di tempat saya namun saya akan mampu apa yang saya sebutlah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita sedia maklum Sultan Aminah Johor Bahru untuk mendapatkan rawatan oleh doktor pakar. Buat masa ini, negeri Johor hanya mempunyai 3 hospital utama yang mempunyai doktor pakar iaitu doktor pakar Hospital Sultanah Fatimah, Muar, Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, masa. Tetamu nak makan tu.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) :** Kita sambung ke ataupun memang tamat masa saya Datuk Timbalan Speaker? Datuk Speaker, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun supaya kita dapat menikmati juadah tengah hari ini dengan lebih enak.

Kalau berjaja sirih dan kapur, tentulah ada gambir dan pinang, kalau bekerja bersih dan jujur, tentulah namanya dipuji orang. (Dewan Bertepuk). Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Sungai Balang mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, memberi peluang kepada Sungai Balang untuk menjamu para jemputannya, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan dan diperingatkan bahawa tempoh perbahasan kita adalah 20 minit untuk setiap orang. Justeru, untuk menghormati masa kita dan masa orang lain, berbahagialah untuk melihat pada *timer* yang ada pada monitor masing-masing ketika berucap agar kita dapat menepati masa. Saya tidak berhasrat untuk mengganggu perbahasan, namun masing-masing gunakan kebijaksanaan untuk mengurus masa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Ahli Yang Berhormat Puteri Wangsa dipersilakan.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada semua yang hadir dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Johor pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum memulakan perbahasan Belanjawan Johor 2024, patik mahu mengucap sembah tahniah ke atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Benarlah seperti yang dititahkan oleh Tuanku Sultan, tanggungjawab untuk menjaga 33 juta rakyat Malaysia bukan satu tanggungjawab yang mudah. Ianya adalah satu tanggungjawab yang sangat besar. Patik percaya Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan akan menjadi cerminan tauladan yang terbaik sepertimana cerminan tauladan kepada Bangsa Johor juga akan menjadi cerminan tauladan kepada rakyat Malaysia seluruhnya. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih buat Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang sentiasa meletakkan negeri Johor dan seluruh isinya dalam setiap tugas dan tanggungjawab Tunku. Allah peliharakan Sultan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Johor 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada Khamis yang lepas. Sebelum itu saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan juga tahniah kepada seluruh penjawat awam negeri Johor yang sudah bertungkus lumus bersama-sama menghasilkan Belanjawan Johor yang cukup-cukup tuntas dan telah dibentangkan dengan sempurna oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Jasa penjawat-penjawat awam dalam mengemudi pembangunan negeri Johor perlu kita rekodkan dalam rekod rasmi Dewan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk perkara yang pertama, saya ingin bercerita tentang pengurusan belanjawan *surplus* Johor. Kita tahu bahawa baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah menceritakan bagaimana ada peningkatan dalam jumlah *surplus* tahun 2024 berbanding tahun 2023 yang telah diunjurkan. Kalau dalam Belanjawan Johor 2023, jumlah *surplus* yang diunjurkan adalah pada angka RM2.44 juta berbanding Belanjawan Johor 2024 yang kita jangkakan akan mempunyai *surplus* sebanyak RM4.21 juta. Saya mengiktiraf agenda belanjawan *surplus* Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerana ini merupakan satu usaha yang baik oleh Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan bahawa ada cerminan pengurusan kewangan yang baik bagi negeri Johor yang jarang dibuat oleh negeri-negeri lain. Saya sambut baik langkah ini. Angka *surplus* ini boleh menyediakan negeri Johor untuk berhadapan dengan apa-apa hal kecemasan ataupun krisis-krisis yang akan berlaku kelak. Sepertimana kita lihat sebelum ini kita ada krisis ekonomi, krisis pandemik yang baru berlaku tidak kira sampai 3 tahun yang lepas. Sediakan payung sebelum hujan. Saya percaya agenda yang baik ini juga harus disusuli dengan pelaksanaan yang jelas dan juga telus. Saya dengan ini memohon maklum balas daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kalau boleh juga daripada Yang Berhormat EXCO dalam sesi-sesi penggulungan yang akan datang.

Adakah Kerajaan Negeri Johor telah menggunakan jumlah angka *surplus* yang diunjurkan dalam Belanjawan 2023 yang lepas. Dan sekiranya Kerajaan Negeri Johor ada menggunakan jumlah *surplus* bernilai RM2.44 juta itu, apakah sistem kriteria dan *priority* yang telah digunakan dalam membelanjakan peruntukan wang *surplus* yang telah disalurkan ini. Bagi saya maklum balas ini amat penting kerana ia dapat membantu kita membuat unjuran yang lebih jelas dan perancangan-perancangan untuk jumlah nilai dan kegunaan wang *surplus* yang akan datang. Sekiranya ianya ada digunakan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Saya juga melihat trend Belanjawan *Surplus* Johor ini akan diteruskan untuk belanjawan tahun-tahun yang akan datang dan saya sambut baik jika trend ini diteruskan. Maka kalau kita lihat trend perbelanjaan *surplus* di negara-negara ataupun negeri-negeri lain kita lihat bahawa perbelanjaan wang *surplus* ini sama ada mereka gunakan untuk wang kecemasan atau mereka gunakan untuk pelepasan cukai rakyat atau mereka gunakan untuk pelaburan infrastruktur.

Maka dengan itu, apakah rancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan pertama, untuk meningkatkan lagi nilai unjuran belanjawan *surplus* untuk negeri Johor pada tahun-tahun akan datang. Dan kedua, perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Johor dalam pengurusan wang *surplus* Bajet Johor. Jika pengurusan Belanjawan *Surplus* Johor ini diuruskan dengan baik, ia akan menjadi contoh kepada pentadbiran Johor yang akan datang dan juga contoh kepada negeri-negeri yang lain.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kedua, saya ingin menyentuh tentang sosioekonomi Bangsa Johor. Apabila kita mahu mengurus sebuah negeri menjadi negeri yang maju seperti yang sentiasa kita sebutkan kita tidak boleh sesekali melupakan sosioekonomi Bangsa Johor, kualiti hidup mereka perlu terjamin dari soal pendapatan keluarga, soal makan pakai, soal peluang membina masa hadapan anak-anak Johor dalam negeri Johor ini sendiri sehinggalah menyediakan ruang yang paling kondusif agar Bangsa Johor dapat duduk menetap di dalam negeri Johor. Saya juga percaya bahawa bila kita nak

bercerita tentang pembangunan sosioekonomi Bangsa Johor ini, ada dua tonggak utama yang saya ingin sentuh pada hari ini. Yang pertama, Orang Muda Johor dan kedua wanita-wanita dalam Johor. Tunjang ekonomi dalam negeri Johor harus dipasakkan kepada dua golongan ini. Kerana dengan dua golongan ini kita dapat pacu ekonomi negeri Johor dalam tempoh masa yang panjang. Segala persiapan ke arah mempersiapkan Johor menjadi negeri yang maju boleh bermula daripada sekarang. Maka apa yang kita harus lakukan? Tiga cadangan utama saya dalam berhadapan dengan isu sosioekonomi Bangsa Johor.

Yang pertama, mengadaptasi teknologi data analisis terkini. Saya tertarik dengan peruntukan RM500,000.00 kepada usaha *Johor Insight* yang dimaklumkan dalam Belanjawan Johor 2024 yang bertujuan untuk menyediakan maklumat pemetaan kawasan industri ataupun *zone mapping* dan data pelaburan terkini. Saya gesa supaya teknologi akan dibuat ini yang digunakan *Johor Insight* ini juga perlu ditambah dengan sokongan pemetaan peluang pekerjaan kepada anak-anak Johor untuk mengembangkan kerjaya mereka. Kalau boleh dapatan daripada *Johor Insight* ada satu ketelusan yang boleh diakses oleh orang ramai agar ketelusan data ini sebenarnya merupakan satu kunci yang paling penting untuk Bangsa Johor merancang kerjaya mereka pada masa akan datang.

Kerajaan negeri berupaya untuk membantu membuat padanan orang muda dengan kerjaya pilihan mereka serta memenuhi keperluan industri yang terkini. Saya suka juga untuk merujuk kepada catatan dari *Asean Development Bank* bertajuk *Job Matching For Youth In Asea And The Pacific : A Transition Approach For Positive Labor Market Pathways*, dengan izin Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menurut catatan tersebut “*Job matching can help rewire a labor market to make it more efficient and inclusive for youth*” maknanya, penting untuk negeri Johor merangka strategi, untuk dengan izin Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, *job matching system*, agar ada sistem pemadanan kerja yang kukuh menyeluruh dan juga berupaya membantu Orang Muda Johor mendapat kerja yang berkualiti. Kita tidak mahu ada isu-isu di mana Orang Muda Johor memiliki pendidikan yang begitu tinggi tetapi akhirnya tidak dapat bekerja di negeri mereka sendiri. Korea Selatan sebagai contohnya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, mewujudkan sebuah platform yang mereka panggil *work-net* dengan menyatukan 31 laman carian kerja awam dan swasta dengan menggunakan teknologi untuk membuat padanan terbaik kepada rakyat mereka. Sekarang ini adalah dunia digital, saya percaya bahawa sekiranya negara luar boleh buat, negeri kita juga mampu buat. Saya percaya bahawa Johor boleh laksanakan inisiatif ini pada skala negeri yang lebih kecil, lebih mudah diatur dan diurus dengan baik untuk kebaikan orang muda negeri Johor.

Kedua Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita perlu adakan kerjasama kukuh perkongsian data kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Saya juga melihat trend masa kini apabila kerajaan persekutuan juga cukup cenderung mempromosikan penggunaan data dalam setiap pelaksanaan dasar. Malah saya sedar bahawa kerajaan persekutuan mempunyai kapasiti yang lebih besar daripada kerajaan negeri dan juga bajet yang lebih besar daripada kerajaan negeri. Apa salahnya kita ambil kesempatan ini untuk membina pangkalan data kerja yang lebih bersepadu bersama kerajaan persekutuan. Bukan sahaja kerajaan negeri boleh wujudkan kerjasama dengan kerajaan persekutuan malah kerajaan negeri boleh gesa kerajaan persekutuan untuk menjadikan negeri Johor perintis untuk agenda ini.

Pengumuman Johor sebagai destinasi utama pelaburan Malaysia sebanyak RM14.2 bilion wajar meyakinkan kerajaan persekutuan untuk menjadikan negeri kita negeri perintis untuk agenda ini. Kementerian Pengajian Tinggi misalnya boleh menyediakan graduan yang untuk bertapak di negeri Johor, bermakna tidak kiralah orang muda itu datang dari Johor ataupun dari negeri-negeri lain, kita akan jadikan negeri Johor ini negeri yang mesra graduan dan menyediakan peluang-peluang yang berimpak tinggi.



Yang ketiga Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, adalah untuk usaha pemberdayaan wanita untuk kembali bekerja. Saya meneliti teks ucapan Belanjawan 2024 dan mengiktiraf usaha kerajaan negeri terutama sekali Yang Berhormat EXCO Wanita dalam membantu wanita termasuklah memperuntukkan RM1 juta untuk membantu 1,000 ibu tunggal dengan perniagaan, RM770,000.00 untuk Konvensyen Pemerkasaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta *W-Care* Johor untuk lebih 8,000 wanita di negeri Johor.

Tapi saya percaya kita perlu lebih agresif untuk membantu ramai wanita kembali bekerja di Johor. Persoalan utama, adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai data terkini jumlah wanita yang berhenti bekerja, sudah tidak ada dalam pasaran tenaga buruh dan juga faktor ia berlaku? Penting untuk kita kumpul data ini dan merangka strategi untuk menarik wanita-wanita kembali bekerja.

Kalau saya rujuk kepada Data Asas Negeri Johor Tahun 2021 Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, data ini diterbitkan oleh Bahagian Perancangan Ekonomi Johor, jurang penyertaan buruh lelaki dan wanita pada tahun 2021 semakin melebar. Pada tahun 2017, 81.7% lelaki ada dalam alam pekerjaan berbanding dengan wanita sebanyak 50.2%. Kemudian pada tahun 2021, ia melebar di mana lelaki kepada 87.9% dan wanita, kekal pada 50%. Kalau trend ini tidak diubah, saya risau wanita akan ketinggalan dalam alam pekerjaan.

Saya juga faham banyak faktor yang menyebabkan hal ini berlaku tapi kita harus cari jalan untuk memudahkan wanita kembali bekerja. Kenapa? Orang kata kenapa wanita perlu bekerja? Kenapa kita kena berusaha menarik wanita masuk ke alam pekerjaan? Sebenarnya apabila ada wanita dalam alam pekerjaan, pertumbuhan ekonomi juga akan lebih rancak. Kalau kita lihat dalam laporan *International Labor Organization* apabila kita ada mengurangkan jurang jantina ataupun *gender-gap* 25% *gender-gap* dikurangkan akan meningkatkan *GDP Global* sebanyak 3.9%. Begitu juga impak yang akan diberikan kepada negeri Johor dan negara Malaysia secara keseluruhannya.

Maka dengan itu saya gesa Kerajaan Negeri Johor untuk juga mewujudkan ekosistem yang sesuai untuk wanita bekerja, kembali bekerja dalam negeri kita. Saya puji usaha *Jauhar Childcare Centre* di mana ada juga dibuka dalam kawasan saya sendiri di PPR Desa Mutiara, saya galakkan agar *subsidized childcare centre* ini diperluaskan dalam negeri Johor agar ibu-ibu boleh kembali bekerja.

Dan kedua Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita juga perlu membuatkan penguatkuasaan yang lebih kukuh apabila kita nak bercerita tentang undang-undang agar industri-industri dalam negeri Johor tidak ada melaksanakan apa-apa diskriminasi gaji antara lelaki dan wanita.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, selesai tentang sosioekonomi Bangsa Johor, saya juga ingin masuk sedikit tentang sumbangan Yayasan Sultan Ibrahim dan juga perancangan ataupun perancangan Enakmen Peruntukan Pembangunan Kawasan Saksama. Sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Puteri Wangsa, saya sentiasa berjumpa dengan rakyat yang kurang bernasib baik dan saya percaya bahawa pengalaman saya juga sama dengan pengalaman semua ADUN-ADUN yang lain. Ada yang ada masalah kesihatan kronik, ada yang sudah uzur dan berusia, ada yang ditimpa pelbagai masalah yang menjadikan sukar untuk mereka bekerja dan mendapatkan pekerjaan.

Sebagai ADUN yang memikul amanah besar, saya dan pejabat Puteri Wangsa akan terus membantu meringankan beban mereka. Malah saya bersyukur kerana di negeri Johor, semua ADUN termasuklah Puteri Wangsa menerima kurniaan dari Yayasan Sultan Ibrahim termasuklah bekalan beras dan bakul makanan untuk membantu lebih 165 keluarga. Ampun

Tuanju junjungan kasih atas setiap sumbangan keluarga DiRaja Johor pada kawasan patik. Malah Kerajaan Negeri Johor juga bekerjasama tanpa mengira warna politik dan agenda politik masing-masing. Saya kira ini adalah suatu perkara yang bagus yang perlu dicontohi oleh Kerajaan Negeri Johor akan datang dan kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Ini semua adalah satu gambaran sebuah kerajaan yang benar-benar mahu menjaga rakyatnya.

Oleh itu Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin mengulangi seruan agar Kerajaan Negeri Johor membentangkan satu Enakmen Peruntukan Saksama untuk memastikan bahawa mana-mana wakil kerajaan, wakil sama ada daripada kerajaan ataupun daripada pengimbang kerajaan akan dapat berkhidmat dengan rakyat. Enakmen ini akan membolehkan satu garis panduan perbelanjaan dan pelaporan yang lebih telus agar rakyat dapat lihat ADUN-ADUN guna peruntukan untuk apa, ke mana mereka salurkan peruntukan dan melarang mana-mana rakyat tidak kira dari mana pun mereka dihukum atas undi mereka. Dan lebih adil kepada saiz dan peratusan populasi kawasan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker sekiranya negeri Johor berjaya melaksanakan Enakmen Peruntukan Saksama, ADUN-ADUN Negeri Johor akan sentiasa kekal membahaskan isu-isu dasar dan polisi dalam Dewan Undangan Negeri Johor dan bukannya sibuk bergaduh tentang isu peruntukan seperti yang berlaku di Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya percaya bahawa Dewan Undangan Negeri Johor ada potensi ada lebih baik daripada Dewan Rakyat. Jadi kita boleh buktikan dengan kerajaan hari ini. Saya percaya sekiranya kerajaan bentangkan Enakmen Peruntukan Saksama akan dapat sokongan daripada kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir sekali saya ingin sentuh tentang keselamatan dan budaya penyelenggaraan negeri Johor. Sebagai salah seorang yang berbahas di dalam Dewan yang mulia ini, saya pasti ramai ADUN-ADUN yang lain juga memiliki hal-hal penyelenggaraan sedangkan beberapa ucapan sebelum ini pun ramai yang sudah berbicara tentang hal penyelenggaraan. Pasti kita semua banyak menerima aduan daripada penduduk setempat yang kita ingin bawa dan bentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Johor. Misalnya di Puteri Wangsa Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kita ada banyak isu lampu-lampu jalan yang rosak di beberapa kawasan yang telah kami beri aduan berulang kali namun tidak ada apa-apa tindakan.

Hari ini saya datangkan nama-nama jalan-jalan ini bersama jumlah kewangan, kemalangan yang sudah berlaku diakibatkan penyelenggaraan yang tidak lengkap. Di mana sebagai contohnya di Jalan Seri Austin 1, Taman Seri Austin, ada 1 kemalangan. Jalan Ayu 17 di mana terletak SMK Taman Pelangi Indah, 12 kemalangan. Jalan Mutiara Emas 2/1, 8 kemalangan. Jalan Dato' Onn Utama, 9 kemalangan.

Saya nak gesa bahawa negeri Johor mempunyai sistem penyelenggaraan yang lebih bagus agar kita tidak ada lagi kemalangan-kemalangan yang paling utama sekali tidak melibatkan kemalangan nyawa penduduk negeri Johor. Cuma bagi saya tidak cukup kalau saya selaku pembuat dasar berdiri di sini hanya mahu Kerajaan Negeri Johor turap jalan, baiki lampu dan bersih parit. Itu bagi saya ibarat menjadi pembuat dasar yang tak cukup syarat. Sebab tu pada waktu yang sama, saya mahu gesa satu bentuk sistem yang telus dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor. Agar orang ramai yang buat aduan ataupun pejabat ADUN yang buat aduan dapat pantau status aduan yang dibuat atas talian. Sekarang ni kita dah ada Sistem SIPA, bagus Sistem SIPA, kita buat aduan kemudian kita tahu apa status. Tetapi status aduan tu hanya boleh diakses pembuat aduan. Saya cadangkan agar status aduan itu boleh diakses kepada siapa-siapa sahaja. Kita ajak ramai-ramai agar Bangsa Johor kita, rakyat kita menjadi rakan kongsi utama Kerajaan Negeri Johor dalam budaya penyelenggaraan negeri Johor.

Kita lihat sebagai contohnya di Columbia, di mana ada satu aplikasi di mana rakyat boleh pantau segala jenis aduan yang telah dibuat dan mereka jadi mata-mata untuk kerajaan mereka. Dan kita lihat juga melalui sistem aplikasi ini, rakyat juga boleh memberikan penilaian kepada projek-projek yang berlaku dalam negara mereka. Di mana penilaian itu boleh dihantar kepada kerajaan agar kerajaan tahu sekiranya syarikat konsesi yang mereka, yang telah pun bekerja sama dengan kerajaan menjalankan tugas yang baik ataupun tidak. Kita buat satu sistem yang telus agar rakyat negeri Johor kita boleh sama-sama membangunkan negeri kita dengan lebih baik.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tahun lepas saya fikir kita sudah bahas tentang budaya penyelenggaraan, jadi tahun ini kita alihkan fokus kita kepada satu sistem yang lebih menyeluruh.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir sekali masa hadapan negeri Johor. Johor adalah negeri yang bertuah, rakyat Johor bijak pandai kita selalu sebut subur dengan idea, rencana, rakyat Johor ingin berkhidmat dalam negeri kita sendiri. Negeri kita ini tagihkan kemajuan yang seiring dengan negara seberang kerana kita terlalu dekat dengan Singapura. Apa yang kita janji, kita harus kota. Negeri ini juga tidak boleh berdiri hanya di atas kaki kerajaan sahaja malah pengimbang kerajaan juga boleh menjadi kunci kepada kemajuan negeri Johor.

Sebagai ADUN pengimbang kerajaan, saya beriltizam untuk mencurahkan segala tenaga yang ada ke arah melaksanakan mandat rakyat negeri Johor. Peganglah pada amanah rakyat seperti menggenggam air tiada tiris.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat dan sepakat. Doa saya pada Yang Maha Kaya, negeri Johor terus dilimpahi rahmat dan diberkati dalam setiap langkah membina ketamadunan insan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa, seterusnya dijemput Yang Berhormat Pantii.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti) :** Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertamanya Panti mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor serta barisan EXCO atas satu pembentangan Belanjawan Johor 2024 yang lebih baik.

Bertemakan 'Maju Johor: Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat', belanjawan ini hadir dengan 6 teras, 29 strategi dan 99 inisiatif. Diharapkan belanjawan ini dapat memacu negeri, bagi memastikan agenda Maju Johor 2030 dapat kita laksanakan dan capai sebaiknya.

Setinggi tahniah juga untuk seluruh warga perkhidmatan awam negeri yang dipimpin oleh Setiausaha Kerajaan Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani atas khidmat cemerlang selama ini.

Keduanya, Panti mengambil peluang sebelum meneruskan perbahasan untuk merakamkan ucapan Selamat Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu. Panti turut merafak sembah dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat Sempena Pengisytiharan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-

Pertuan Agung Ke-17. Panti berdoa agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT dalam menaungi negeri Johor dan negara Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam perbahasan pada hari ini, Panti ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin boleh dijadikan sesuatu bagi penambahbaikan untuk diberi pertimbangan dan dilaksanakan. Perkara yang ada secara langsung dan tidak langsung berkait rapat dengan rakyat khususnya dari Panti. Sebelum itu, Panti terpanggil untuk menyentuh isu kos sara hidup yang menjadi antara isu paling banyak diperkatakan. Ramai sahabat Ahli Dewan juga ada membangkitkan isu ini secara jelas dan mendalam.

Isunya harga barang semakin naik. Jika dahulu, seorang peniaga nasi lemak membeli beras dengan harga rendah, kini harganya meningkat dengan banyak. Kos meniaga semakin, kos peniaga, kos peniaga semakin naik namun harga nasi lemak tetap tidak berubah. Bagi peniaga kecil mahu meminjam untuk perniagaan pun dengan faedah atau *interest* dengan izin, yang tinggi. Rakyat semakin terhimpit dan Panti sangat berharap kerajaan dapat memainkan peranan bagaimana memastikan ekonomi negeri dapat sentiasa disemarakkan untuk memberi keuntungan kepada semua pihak.

Memang benar, kenaikan harga barang banyak dipengaruhi keadaan pasaran *global* ataupun faktor yang disebut oleh *Adam Smith*, seorang pakar ekonomi dari *Scotland* pada abad ke-18 sebagai *the invisible hand*, dengan izin. Namun, ini bukan alasan bagi kerajaan untuk tidak memikirkan intervensi yang berkesan. Saranan Yang Berhormat Benut semalam merupakan saranan yang patut dan seharusnya diambil perhatian sebaiknya. Negeri perlu mencipta sumber baharu dan lebih kreatif dalam menarik pelaburan agar kegiatan ekonomi sentiasa berputar dan bergerak ke hadapan bagi menjayakan Maju Johor 2030 sesuai dengan yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, teras pertama merupakan satu perkara yang amat penting dalam kita mengurus negeri Johor. Panti mengalu-alukan strategi dan inisiatif yang telah dibentangkan dalam teras pertama ini. Strategi bagi mematikan penyampaian perkhidmatan awam yang responsif merupakan elemen penting yang pasti akan mencapai matlamat menyejahterakan rakyat. Di bawah strategi ini, Panti mohon agar dipertimbangkan memastikan agar komunikasi antara jabatan atau agensi kerajaan dengan rakyat dapat dipertingkatkan lagi. Kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah wang bagi memastikan komunikasi antara kerajaan dan rakyat ini menjadi lebih baik.

Banyak aduan diterima yang mengatakan bahawa jabatan dan agensi tidak responsif apabila sesuatu perkara itu diajukan. Kadang-kadang mengambil masa yang lama menunggu jawapan, akhirnya masyarakat terpaksa meminta pihak lain bagi menyampaikan hasrat mereka termasuklah media massa. Perlu ada satu sistem yang sama di seluruh negeri sebagai contoh mewujudkan *Service Level Agreement* (SLA) yang merujuk kepada satu dokumen yang memperincikan komitmen antara yang memberi perkhidmatan iaitu agensi atau jabatan kerajaan dengan pelanggan iaitu rakyat. Dengan SLA ini, ia perlu dipatuhi dalam memberi perkhidmatan. Mungkin juga penting bagi kerajaan memperkenalkan inisiatif penghargaan bagi agensi atau jabatan yang memperolehi *rating* tinggi agar mereka sentiasa bersemangat dalam memberi maklumat serta perkhidmatan kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah Teras utama juga iaitu strategi memperkukuh tadbir urus syiar Islam, Panti mengalu-alukan inisiatif dari kerajaan membangunkan sistem penyelarasan bantuan masjid, surau dan Sekolah Agama Kerajaan Johor. Pertama, Panti mohon sedikit penjelasan secara lebih mendalam dari kerajaan berkenaan inisiatif ini. Mungkin boleh dijelaskan tentang pelaksanaan serta pemegang taruh yang terlibat. Kedua, Panti berharap agar kerajaan dapat mempertingkatkan lagi peruntukan

khususnya bagi sekolah-sekolah agama berkaitan bagi penambahbaikan serta penyelenggaraan kemudahan sekolah. Panti sedar sememangnya ada kenaikan namun tahap sekolah-sekolah ini kadang-kadang menyedihkan dan perlu ada lonjakan yang ketara berlaku dalam masa terdekat. Selain dari jumlah peruntukan perlu juga dipermudahkan proses permohonan agar sebarang kerosakan dapat diperbetulkan dengan segera. Perlu diingat seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Seri Medan semalam, pendidikan merupakan satu perkara penting dan pendidikanlah yang kita dapat merubah masa depan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, teras kedua ialah pembangunan ekonomi dengan strategi memacu industri pelancongan. Panti mengalu-alukan perkara ini seperti yang semua maklum Panti mempunyai banyak kawasan tumpuan pelancong dan ianya merupakan antara industri yang menyemarakkan pembangunan ekonomi khususnya di Panti. Pertama, Panti memohon dimasukkan juga naik taraf bagi beberapa tumpuan pelancongan di Panti seperti Gunung Muntahak dan Gunung Panti itu sendiri. Keadaan infrastruktur khususnya jalan masuk untuk sampai ke kaki bukit gunung ini perlu dibaik pulih. Soal keselamatan juga perlu diambil kira dalam usaha menjadikan tempat-tempat seperti ini menjadi pilihan utama di dalam negara. Kedua, Panti mohon kerajaan untuk memastikan air terjun Kota Tinggi dapat beroperasi dengan seberapa segera.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah teras kedua ini juga melalui strategi keterjaminan makanan akan dilaksanakan inisiatif program pembangunan industri ternakan ayam. Selain daripada kerajaan memberi tumpuan dalam memastikan bekalan ayam ini mencukupi, Panti mohon agar dilihat sama aspek kualiti alam sekitar apabila perkara ini dijayakan. Ini bagi memastikan tidak ada pencemaran bau dan munculnya isu lalat khususnya bagi kawasan ternakan berhampiran dengan penempatan. Ini berlaku di Panti di Kampung Desa Makmur. Pencemaran bau dan isu lalat yang banyakkian muncul apabila lori yang digunakan oleh penternak keluar mengangkut ternakan menggunakan jalan kampung. Perlu ada syarat yang jelas kepada penternak menggunakan jalan sendiri bagi keluar memasarkan ternakan mereka dan pemantauan berkala yang lebih kerap juga perlu dilakukan. Jika ianya masih berlaku, kerajaan perlu mengambil tindakan kepada yang bertanggungjawab bagi memulihkan isu ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya ialah teras kelima iaitu keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar merupakan satu teras yang penting bagi negeri Johor. Syabas kepada pihak kerajaan yang memberi tumpuan atas banyak perkara dalam teras ini melalui 4 strategi serta 27 inisiatif. Strategi yang pertama dan teras kelima ini ialah Johor Lestari. Panti mengucapkan banyak terima kasih atas inisiatif kerajaan kerana memperuntukkan sejumlah RM420,000.00 bagi menaik taraf kawasan perlindungan Panti walaupun hakikatnya Kompleks Suaka Burung Panti ini terletak di kawasan DUN Sedili ianya secara tidak langsung membawa nama Panti dan berharap agar limpahan ekonomi yang wujud kelak akan dapat warga Panti berkongsi, Insya-Allah. Panti juga ingin mencadangkan agar boleh dibuka pintu masuk kedua bagi memasuki kawasan ini yang mungkin boleh terletak di kawasan Panti. Untuk pengetahuan semua, kawasan hutan ini secara kasarnya 40% terletak di kawasan DUN Panti.

Inisiatif seterusnya yang ingin Panti sentuh di bawah strategi Johor Lestari ini adalah inisiatif pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hijau. Panti menyokong program penghijauan yang dicadangkan dan Panti juga berharap aspek penyelenggaraan dapat diambil kira sebaiknya dan diberi penekanan yang serius. Ini kerana banyak kes pokok tumbang berlaku akibat tiada pemantauan dan penyelenggaraan yang efektif. Antara alasan, adalah kurang peruntukan dan tindakan hanya diambil apabila kes-kes pokok tumbang berlaku. Ini membahayakan masyarakat dan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa atau kecederaan serta kehilangan harta benda.

Strategi kedua di bawah Teras kelima ini pula akan memberi tumpuan kepada pembangunan *Johor Smart City*. Antara inisiatif yang baik adalah peruntukan RM44 juta bagi pemasangan CCTV di tempat strategik di kawasan PBT. Panti berharap peruntukan ini dapat ditambah dan diperluaskan merangkumi kawasan luar dari Johor Bahru khususnya di Panti. Isu keselamatan merupakan isu yang dekat dengan masyarakat dan usaha ini perlulah menyeluruh di seluruh negeri Johor. Keselamatan rakyat pelbagai lapisan merupakan antara faktor bagi pelabur datang ke sesuatu kawasan yang akhirnya memberi impak besar kepada negeri Johor. Cuma di Panti, di bawah daerah Kota Tinggi, Panti mohon agar dibantu bukan sahaja inisiatif CCTV ini malah dari pelbagai sudut lain kerana pendapatan yang diperolehi pihak PBT adalah kecil jika dibandingkan dengan PBT lain khususnya di daerah Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Teras kelima ini juga ada menyatakan strategi Johor Bersih di mana salah satu inisiatifnya adalah memastikan kebersihan persekitaran. Panti mohon agar diberi juga peruntukan bagi pemantauan kualiti dan kebersihan air sungai bukan sahaja di kawasan Pasir Gudang tetapi di kawasan Panti. Sungai-sungai di Panti merupakan elemen penting yang perlu dipastikan kualiti dan kebersihannya. Selain menjadi tempat nelayan darat mencari rezeki, sungai di Panti adalah antara sungai yang mengalir dan terus ke loji-loji rawatan air seperti Loji Air Semangar dan Loji Air Linggiu yang berada di kawasan Panti. Kejadian pencemaran memang pernah berlaku di kawasan ini dan memberi kesan jangka panjang yang buruk. Panti mohon agar cadangan ini dipertimbangkan sewajarnya agar tidak berulang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah teras yang sama, strategi keempat iaitu menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir di Johor. Inisiatif-inisiatif yang dibentangkan juga merupakan inisiatif yang Panti amat alu-alukan. Terima kasih Panti merakamkan atas keprihatinan kerajaan dalam memastikan khususnya isu banjir ini dapat ditangani sebaiknya. Sungai-sungai khususnya di Panti sememangnya perlu di selenggara mengikut jadual dan dengan sempurna agar kejadian banjir dapat dielakkan atau dikurangkan. Ini terbukti apabila Sungai Lalang dan Sungai Jambrot yang lama tidak di selenggara tetapi dapat di selenggara pada akhir tahun 2021, dapat mengurangkan kejadian banjir khususnya banjir kilat di kawasan Panti. Pelaksanaan penyelenggaraan sungai ini perlu berkala dan perlu dalam makluman ketua masyarakat di kawasan terlibat. Ini kerana antara kelemahan yang Panti dapati adalah dari segi pemantauan penyelenggaraan ini. Ada sungai yang sepatutnya di selenggara setiap dua tahun atau setiap tahun contohnya tidak dilakukan dengan alasan kekurangan peruntukan. Akhirnya masyarakat sekitar yang ditimpa musibah sama ada banjir atau hakisan yang berlaku. Selain dari penyelenggaraan sungai, parit dan saliran, penyelenggaraan pam yang sedia ada juga amat penting. Mungkin tidak dinyatakan secara spesifik di dalam pembentangan belanjawan ini namun Panti berharap ianya termasuk dalam perancangan dan sentiasa mencukupi untuk tujuan tersebut.

Satu perkara yang berkaitan dengan banjir ini atau apa sahaja bencana seperti ribut, terbakar dan sebagainya melibatkan kerugian harta benda. Panti ingin cadangkan sekali lagi seperti yang telah disebut dalam sidang Dewan sebelum ini untuk kerajaan negeri mewujudkan satu tabung yang mungkin boleh dipanggil Tabung Bencana Negeri Johor. Tabung ini boleh menjadi satu harapan kepada rakyat untuk mereka mengemukakan permohonan bagi mengurangkan bebanan selepas bencana yang menimpa mereka. Peruntukan untuk tabung ini boleh dimulakan oleh kerajaan negeri dan dibantu oleh agensi kerajaan yang lain. Selain itu syarikat swasta juga boleh menyumbang kepada tabung ini dengan pelbagai inisiatif yang kerajaan dapat beri untuk mereka seperti pengecualian cukai dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum Panti mengakhiri perbahasan pada kali ini, Panti ingin mencadangkan satu perkara yang Panti kira berkait rapat dengan semua

inisiatif yang dibentangkan. Segala peruntukan Panti harap perlu mengambil kira kes kecemasan sama ada ia di peringkat kerajaan sendiri, agensi atau syarikat swasta seperti konsesi yang melaksana penyelenggaraan seperti jalan dan lain-lain. Seperti contoh jika berlaku jalan terputus akibat *culvert* pecah dan sebagainya, mungkin di hujung tahun ia tidak dapat dibaiki segera atas alasan peruntukan sudah habis. Ini kerap berlaku dan memberi cerminan yang tidak baik untuk kerajaan khususnya. Maka setiap perancangan yang baik sudah tentu akan mengambil kira perkara-perkara ini.

Seterusnya Panti mencadangkan untuk kerajaan memperbanyakkan dan lebih agresif melaksanakan *cross initiative* atau *blue ocean strategy* dalam merangka pelbagai inisiatif. Selain daripada pelbagai GLC negeri dan persekutuan seperti KPRJ, JCorp, PIJ dan lain-lain, IPT awam dan IPT swasta seperti UTM, UTHM, UiTM, UniKL dan lain-lain yang kedudukannya berada di negeri Johor merupakan agensi yang besar potensi bagi kolaborasi ini. Contoh pertama adalah seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Iklim untuk bekerjasama serta berkolaborasi dengan UTM. Contoh kedua adalah bagi negeri menyokong dan menjayakan pelan hala tuju peralihan tenaga. Pelan hala tuju peralihan tenaga negara yang antaranya untuk menjadi negeri rendah karbon pada masa depan. Kolaborasi dengan IPT merupakan satu jalan terbaik. Antara usaha jika dilihat bagi menjayakan negeri rendah karbon ini ialah dengan menggalakkan *home based solar system*, dengan izin. Cuma isunya *home based solar system* ini kos pemulanya adalah tinggi, mungkin dengan penglibatan yang diperolehi semasa menggunakan sistem ini dan skim ansuran yang dibeli oleh pembekal akan akhirnya pelaburan yang dibuat oleh pengguna akan dia dapat semula dan juga walau bagaimanapun, pokoknya kos adalah masih tinggi.

Kedua, adalah tentang penggunaan *home based solar system* itu sendiri. Jika kita lihat syarat Jabatan Tenaga, mereka tidak membenarkan penggunaan bateri bersama sistem ini atas faktor keselamatan. Maknanya tenaga yang dijana oleh sistem ini tidak boleh disimpan dan hanya digunakan pada waktu siang sahaja. Kita tahu penggunaan tenaga elektrik khususnya domestik banyak berlaku di waktu malam di rumah-rumah kediaman. Waktu siang kebanyakannya isi keluar rumah sama ada bekerja, belajar dan sebagainya dan pada malam harilah penggunaan akan naik melalui penggunaan perkakasan seperti penghawa dingin dan sebagainya. Di sini kolaborasi IPT boleh diusahakan, kajian boleh dilakukan agar kos dapat dikurangkan dan perwujudan bateri yang selamat dapat dihasilkan agar ia secara langsung dan tidak langsung negeri rendah karbon ini sebaiknya. Ini adalah sebagai contoh sahaja dan saya yakin banyak lagi isu atau permasalahan rakyat dapat kita selesaikan dengan pelbagai kolaborasi seperti ini, Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir sekali Panti mohon mungkin untuk pihak kerajaan mengulas tentang pencapaian Belanjawan 2023 dalam masa penggulungan kelak bagi menunjukkan kepada masyarakat keberkesanan dan kejayaan belanjawan yang lalu. Rakyat seharusnya dimaklumkan segala perkara yang kerajaan janjikan tahun 2023 mencapai tujuan dan sasaran yang ditetapkan. Kesimpulannya Belanjawan 2024 akan datang yang dibentangkan perlulah disokong sepenuhnya walaupun dengan pelbagai rintangan dan keadaan ekonomi yang mencabar pada hari ini, kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi berjaya membawa kepada kita satu perancangan terbaik yang akhirnya memberi kesan positif kepada semua golongan. Semoga usaha ini diberkati oleh Allah SWT dan dipermudahkan untuk kita sama-sama laksanakan. Semoga dengan niat ikhlas kerajaan pada hari ini membantu rakyat, Allah SWT memakbulkan doa kita agar negeri Johor sentiasa aman, makmur, maju dan terus kekal di bawah Barisan Nasional menjelang 2030, Insya-Allah. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Panti mohon menyokong, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Amin, amin ya rabbal alamin. Terima kasih Yang Berhormat Panti. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Tenang.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Jangan disimpan emas di loker, kelak hilang sendiri kerugian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, memberi kesempatan Tenang mengambil bahagian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini patik mewakili rakyat Tenang merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan selamat ulang tahun keputeraan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Di-Pertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim bersempena hari keputeraan baginda yang ke-65 pada 22 November lalu. Patik juga turut merafak sambah merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17. Patik dan seluruh rakyat Tenang juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan dan setinggi-tinggi tahniah kerana telah membawa pasukan bola sepak JDT memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Moga Piala Malaysia juga menjadi milik pasukan JDT nanti. Insyallah.

Dalam kesempatan ini juga, Tenang ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas kurniaan pingat darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama, Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor yang membawa gelaran Dato' bersempena Hari Keputeraan Ke-65 Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Alhamdulillah. Sebelum meneruskan ucapan terlebih dahulu, marilah sama-sama kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT. Kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita hidup dengan aman damai di bumi Malaysia yang tercinta ini. Melihat kesengsaraan yang sedang ditanggung oleh saudara kita di bumi Gaza memberi keinsafan untuk kita sentiasa menghargai kehidupan bersama insan-insan yang tersayang. Dan menguatkan lagi tekad untuk memastikan kesejahteraan dan kestabilan hidup yang dikecapi kini dapat dikekalkan selamanya. Marilah sama-sama kita berdoa semoga konflik yang sedang melanda di bumi Gaza akan menemui titik penyelesaian terbaik.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, meneliti kepada Belanjawan 2024 saya percaya ianya akan membawa kesejahteraan kepada semua. Sesuai dengan temanya "Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat" dengan visi dan misi Yang Amat Berhormat Menteri Besar mahu menjadikan Johor negeri maju menjelang tahun 2030 secara holistik. Perancangan cantik, pengurusan molek. Maka pelaksanaan mestilah terbaik ditambah dengan harapan ekonomi negeri Johor terus berkembang maju. Tenang memohon semua pihak pelbagai peringkat terutama agensi pelaksana dapat melaksanakan sebaiknya apa jua yang telah dirancang dan diputuskan kerajaan. Kami tidak mahu lagi mendengar aduan, keluhan, rintihan rakyat di luar sana yang sering memperkata dan mempersoal tindakan dan pelaksanaan yang dipenuhi dengan ragam birokrasi. Kesukaran berurusan, banyak proses dilalui walaupun kadang kala ianya boleh dipermudahkan dengan kata lain *red tape* dengan izin. Moga dipermudahkan urusan kita semua melaksana tanggungjawab dan peranan masing-masing sebaik mungkin demi kesejahteraan rakyat. Tahniah sekali lagi Yang Berhormat Dato' Onn Hafiz, Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan 2024.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pusat Rekreasi Kolam Air Panas nama diberi, sudah dikenali terus melekat di hati, ramai pengunjung datang ke mari menikmati air panas, bersauna merawat diri, antara tarikan Daerah Kecil Labis ialah sumber alam semula jadi yang mampu menjadi tarikan pengunjung luar. Ini bersesuaian dengan inisiatif yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Belanjawan 2024 di mana tahun 2026 adalah Tahun Melawat Johor. Di sini Tenang ingin mengetengahkan Pusat Eko Pelancongan iaitu Pusat Rekreasi Kolam Air Panas Labis yang terletak di dalam kawasan



Tenang. Ianya kaya dengan sumber asli semula jadi, rendah kandungan sulfur dan mampu mengubat serta merawat pelbagai penyakit kulit. Mengikut data statistik yang diperolehi jumlah pengunjung seramai 96,000 orang direkodkan bagi tahun lepas dan pada tahun ini. Angka ini menunjukkan dengan fasiliti yang sedia ada, Pusat Rekreasi Kolam Air Panas Labis ini boleh dilihat sebagai satu tarikan yang menjadi perhatian kepada pengunjung di dalam negeri mahupun luar negara serta mempunyai potensi yang tinggi dalam menaikkan imej sektor eko pelancongan di kawasan Labis terutamanya Tenang. Sekiranya ditambah baik, ianya dapat membantu menarik lebih ramai lagi pengunjung. Pihak Majlis Daerah Labis telah merancang beberapa pembangunan fasiliti yang baru dan juga penambahbaikan fasiliti sedia ada. Antara perkara yang dirancang adalah keceriaan landskap di kawasan tersebut dengan tujuan untuk menambahkan elemen luar bandar yang tenang sesuai dengan arus pemodenan masa kini yang mana rakyat Malaysia cenderung untuk memilih meluangkan masa lapang bersama keluarga jauh dari kesesakan dan hiruk pikuk belantara konkrit.

Antara penambahbaikan fasiliti yang dirancang ialah *glamping site*, *riding*, *pool* kanak-kanak, tapak kolam air panas yang baru serta gerai-gerai jualan. Untuk makluman, pihak Majlis Daerah Labis telah memohon peruntukan daripada Wilayah Ekonomi Pantai Timur, ECER dan telah menerima jawapan positif untuk tujuan menaik taraf Pusat Rekreasi tersebut. Pihak ECER juga telah membuat lawatan tapak bagi tujuan perancangan pembangunan tersebut. Tenang memohon agar projek ini disegerakan dan diberi keutamaan selaras dengan matlamat menjadikan tahun 2026, Tahun Melawat Johor. Tak sebut, tak cakap nanti jadi lambat Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bermula tahun 2018 sehingga kini, terdapat pembinaan Projek Landasan Berkembar Kereta api Gemas – Johor Bahru milik kerajaan yang dipantau oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh iaitu SIPP-YTL Sdn. Bhd. Berdasarkan pelan perancangan pembangunan yang telah diluluskan termasuklah lampu jalan di kawasan Labis, ROB08. Pemajuan pembinaan lampu jalan di kawasan ROB08 adalah tertumpu di jalan persekutuan FT001 di sekitar kawasan Labis dari Balai Polis Labis hingga di hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Labis. Laluan ini merupakan laluan utama protokol bagi program yang berkaitan pembesar-pembesar negeri Johor. Justeru itu, terdapat keperluan untuk memasang tiang lampu kerawang dengan izin *decorative lamp* yang dapat menonjolkan identiti negeri Johor. Diharap pihak pelaksana projek dapat mengambil kira perkara ini supaya dapat dilaksanakan dalam kerja-kerja pemasangan lampu jalan di dalam kawasan pemajuan landasan kereta api berkembar dengan izin, *double track*.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada tahun 2018, Majlis Daerah Labis juga telah mendapat kelulusan untuk membina sebuah mini stadium. Kelulusan ini diberikan oleh pimpinan kerajaan terdahulu. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana pertukaran kerajaan pada ketika itu. Tetapi, adalah tidak dapat dinafikan terdapat keperluan bagi menyediakan kemudahan fasiliti mini stadium bagi memenuhi keperluan riadah rakyat Labis terutamanya Tenang. Kita dengar aje ada kawasan yang telah pun diluluskan mini stadium dalam Belanjawan 2024 baru-baru ini. Dengan keluasan 3.62 ekar, mini stadium ini dapat digunakan oleh 32 kelab bola sepak di seluruh Daerah Segamat dan 6 daripadanya adalah di dalam Daerah Kecil Labis. Selain aktiviti bola sepak terdapat aktiviti lain yang boleh diadakan. Antaranya perarakan hari kemerdekaan, hari sukan sekolah, aktiviti berjoging dan penduduk setempat serta lain-lain aktiviti rasmi. Tambahan lagi di dalam kawasan sekitar mini stadium ini terdapat 6 sekolah menengah dan 7 sekolah rendah yang boleh menggunakan mini stadium ini bagi tujuan aktiviti sukan sama ada bagi sukan tahunan dan pertandingan-pertandingan peringkat sekolah, daerah dan negeri. Dengan cadangan komponen padang bola mengikut piawaian FIFA, bangunan astaka yang terkandung, bilik persalinan dan tandas, kemudahan-kemudahan lain termasuklah tempat letak kereta, tembok penahan dan lampu limpah. Semua kemudahan ini melibatkan kos anggaran sebanyak RM6.8 juta. Insya-Allah boleh dilaksanakan.

Tenang sangat-sangat mengharapkan kerajaan negeri di bawah Yang Berhormat Menteri Besar dan YB EXCO Sukan untuk melihat dan meneliti kembali keperluan serta membawa ke peringkat persekutuan dalam menjayakan pembangunan mini stadium ini. Kami tunggu pengumumannya dan selewat-lewatnya tahun hadapan dalam Belanjawan 2025, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Tenang juga tidak terlepas daripada isu perumahan mampu milik untuk rakyat. Pada tahun 2018, Majlis Pecah Tanah telah disempurnakan oleh Perdana Menteri pada ketika itu bagi Projek Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) Bukit Mambai, Labis. Ianya adalah projek kerajaan negeri menerusi PIJ Holdings membabitkan sejumlah 380 unit Rumah Mampu Milik Johor. Perumahan Komuniti Johor A dan Perumahan Komuniti Johor B dengan harga jualan di antara RM42,000.00 dan RM150,000.00. Projek ini tidak dapat diteruskan kerana pertukaran kerajaan selepas itu. Sehubungan itu, Tenang memohon dan mencadangkan kerajaan negeri pada hari ini meneliti dan mengkaji semula untuk meneruskan projek tersebut bagi keperluan rakyat Tenang memiliki rumah sendiri. Percayalah permintaannya sangat tinggi dan masih dinanti-nanti.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada hari ini perkembangan sistem pengangkutan awam seiring dengan kemajuan dan kemodenan sesebuah negeri menjadi sebahagian daripada indikator dalam kesejahteraan rakyat. Justeru, inisiatif kerajaan negeri memperkenalkan Bas Muafakat Johor merupakan langkah proaktif yang membantu perkembangan sistem pengangkutan awam khususnya untuk kebajikan rakyat. Selain itu, dengan adanya sistem pengangkutan *e-Hailing* bukan sahaja memberi pilihan kepada rakyat memilih sistem pengangkutan tetapi juga berperanan sebagai penyumbang kepada pendapatan isi rumah. Kemudahan *e-Hailing* memberi ruang kepada rakyat untuk mempelbagaikan pendapatan keluarga. Namun begitu, kita mungkin terlupa. Sistem pengangkutan ini secara tidak langsung memberi impak kepada pengusaha kereta sewa dan teksi yang telah bertapak sekian lama. Secara tidak langsung, perkembangan ini turut menjejaskan pendapatan golongan ini yang terpaksa bersaing dengan pengusaha *e-Hailing* untuk mendapatkan pelanggan. Justeru, Tenang ingin mencadangkan sebagai langkah yang adil dan memberi ruang kepada semua pihak untuk menjana pendapatan, kerajaan negeri perlu mengambil langkah proaktif untuk mengatasi isu ini.

Pertamanya, Tenang ingin mencadangkan agar kerajaan negeri menyediakan insentif tetap kepada pengusaha kereta sewa dan teksi secara kekal untuk membantu golongan ini dengan inisiatif melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor menyediakan kemudahan pengangkutan kepada asnaf yang menerima rawatan di pusat-pusat dialisis. Pihak MAIJ boleh menyewa secara tetap kereta sewa dan teksi ini untuk membawa pesakit yang menerima rawatan di pusat dialisis saban minggu.

Keduanya, perkhidmatan juga boleh dikembangkan kepada pusat jagaan orang-orang tua atau orang perseorangan untuk membawa mereka menerima rawatan di klinik dan hospital. Inisiatif ini juga boleh disebarikan kepada golongan asnaf yang ingin mendapatkan perkhidmatan kereta sewa dan teksi untuk mendapatkan rawatan yang serupa atau lainnya. Makanya, Teras Ketiga Jaringan Keselamatan Sosial, Strategi 1 Johor Berkebijakan dan Inisiatif 7 Bantuan Kebajikan Ummah dapat diperluaskan kepada golongan yang diperkatakan tadi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, hari ini kita bakal berhadapan dengan gelombang monsun yang membawa hujan lebat di kebanyakan kawasan di negeri Johor. Fenomena ini secara langsung akan turut menyebabkan bencana banjir. Fenomena banjir ini bukanlah sesuatu perkara yang baru, pastinya semua pihak sedang bersiap siaga. Di kesempatan ini, Tenang ingin merakamkan penghargaan kepada petugas-petugas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) seluruh negeri Johor. Namun, Tenang ingin menarik perhatian berkaitan

petugas-petugas sukarelawan yang bertugas ketika bencana banjir. Untuk pengetahuan, kebanyakan petugas ini merupakan pekerja sukarela. Ianya tidak berdaftar ya, sama ada di bawah agensi kerajaan ataupun NGO-NGO terdiri daripada warga kampung ya. Saya ulang sekali lagi, petugas-petugas sukarelawan ini terdiri daripada warga kampung dan individu yang ingin menyumbang tenaga tulang empat kerat dan keringat kepada mangsa-mangsa banjir di PPS. Golongan inilah yang merupakan tulang belakang, sayap kiri dan kanan PPS. Fungsi dan peranan mereka sangat besar, saban masa selepas bencana banjir, Pihak Berkuasa Tempatan ada yang menganjurkan majlis, majlis menghargai sukarelawan-sukarelawan yang bertugas. Tetapi kita sering kali terlupa dan terlepas pandang kelompok petugas sukarelawan yang saya nyatakan tadi.

Justeru, Tenang ingin mencadangkan agar diwujudkan insentif khas kepada petugas-petugas sukarelawan yang tidak didendang ini. Pengalaman Tenang memerhati perkembangan ini, petugas-petugas di PPS ini bertugas penuh dedikasi tanpa mengira masa. Oleh itu, amatlah berpatutan, kerajaan negeri hari ini menilai jerih perih mereka, insentif khas yang dicadangkan ini meliputi kebajikan petugas sukarelawan di PPS dan imbuhan selepas bencana. Insya-Allah moga dapat dipertimbangkan sebaiknya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) adalah satu program anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pemulihan anak-anak istimewa. Ianya memberi peluang membangunkan kebolehan dan kemahiran mengikut potensi yang ada di dalam diri anak-anak ini. Rentetan itu Tenang memohon elaun penyelia dan petugas PDK disemak semula selaras dengan gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak RM1,500.00. Ini berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat, selain bebanan kerja mereka yang tidak mudah, memerlukan tahap kesabaran dan empati yang tinggi dan bukan semua orang berminat untuk melakukannya.

Mohon semua yang ada dalam Dewan ini, datanglah ke PDK dan melawat serta melihat sendiri petugas-petugas ini mengendalikan pelatih di bawah jagaan mereka. Selain itu, mohon dipertimbangkan bayaran bonus kepada mereka sepertimana diumumkan di dalam belanjawan baru-baru ini mengikut kesesuaian semasa, tidak perlulah sama tetapi sekurang-kurangnya ada untuk mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Tenang merakamkan ucapan terima kasih di atas tindakan turun padang Yang Berhormat EXCO Pendidikan ke Kompleks Kwarters Guru yang sekian lama terbiar di Labis, pada 10 November lalu. Tenang telah membawakan isu ini pada sidang DUN pertama sebaik PRN 2022. Tenang mengharapkan masalah ini diberi keutamaan dan tindakan penyelesaian segera.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau boleh hari ini juga saya minta jentolak, tolak bangunan tersebut dan ratakan kawasan tersebut supaya apa? Supaya rakyat nampak inisiatif dan kesungguhan kerajaan menanganinya. Sebab ianya telah terlalu lama menjadi gajah putih di mana untuk makluman ianya dibina pada tahun 2002 dalam RMK-8, mula diduduki pada tahun 2004 dan kosong serta tidak diduduki lagi pada tahun 2015. Ianya menjadi tular dan kecaman di media sosial dan ada juga yang memberi reaksi negatif dan positif tetapi saya berharap pihak YB EXCO Pendidikan dapat segerakan cadangan bagaimana ianya dapat dilaksanakan dengan segera.

Akhirnya, tahniah dan syabas sekali lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Belanjawan 2024, yang sangat teliti, penuh pelbagai inisiatif demi rakyat yang disayangi. Sekian, daripada saya mewakili suara hati masyarakat Tenang, semoga apa yang saya sampaikan mendapat perhatian dan tindakan sewajarnya demi kesejahteraan, kestabilan dan kemakmuran masa depan. Tenang dengan ini menyokong. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Tenang, tenang aja. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sidang saya tangguhkan sehingga 15 minit sehingga 3.45 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.30 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3.45 petang.**

**YB Timbalan Speaker** : Persidangan disambung semula. Yang Berhormat Bukit Batu.

**YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu)** : Selamat petang, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Salam Malaysia Madani Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Johor yang saya hormati.

Saya berdiri di hadapan anda hari ini dengan rasa tanggungjawab dan rasa syukur sebagai Wakil Rakyat Bukit Batu. Ini adalah satu penghormatan dan satu keistimewaan untuk berkhidmat kepada rakyat negeri Johor dan saya sentiasa berkomited kepada prinsip keadilan, akauntabiliti dan kemajuan negeri Johor.

Dengan ini Bukit Batu ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dengan ucapan tahniah dan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pemilihan baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Di Dewan yang mulia ini saya ingin menyuarakan kebimbangan dan kekesalan saya mengenai kualiti udara yang semakin teruk di sekitar Taman Puteri, Kulai, Fasa 4 baru-baru ini. Sepanjang beberapa minggu terakhir, terdapat peningkatan ketara dalam tahap pencemaran udara yang memberi kesan negatif kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk setempat. Isu utama yang menyumbang kepada situasi yang mengkhawatirkan ini adalah pembakaran terbuka yang mungkin mengandungi sisa perindustrian pencemaran udara. Dan punca-punca ini bukan sahaja merosakkan udara yang kita hirup tetapi juga memberikan risiko kesihatan yang ketara kepada masyarakat setempat termasuk kanak-kanak, warga emas, individu yang mempunyai masalah pernafasan.

Walaupun keseriusan situasi ini, tapi nampaknya sedikit tindakan telah diambil untuk menangani dan membetulkan punca pencemaran ini. Ketiadaan usaha yang ketara daripada pihak berkuasa yang berkaitan mengecewakan, mengecewakan dan menimbulkan pertanyaan serius mengenai kesejahteraan komuniti kita secara keseluruhan. Oleh itu, saya memohon kepada EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya, Yang Berhormat Tuan Raven Kumar dan agensi kerajaan negeri yang berkaitan agar penyelidikan segera dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca utama yang menyumbang kepada peningkatan tahap pencemaran di kawasan tersebut dan mengimplicasikan langkah-langkah yang berkesan untuk mengawal kadar pencemaran tersebut.

Selain itu, saya juga meminta kemas kini berkala mengenai kemajuan yang dicapai untuk membetulkan keadaan ini dan memastikan persekitaran kehidupan yang lebih sihat untuk semua penduduk. Selanjutnya saya juga mencadangkan penubuhan program kesedaran masyarakat untuk mendidik penduduk mengenai kesan buruk pencemaran udara dan menggalakkan amalan mampan. Dengan memupuk rasa tanggungjawab dan kesedaran, kita dapat untuk mengurangkan impak alam sekitar dan melindungi kesihatan komuniti kita. Saya sangat menghargai perhatian segera terhadap perkara ini dan yakin bahawa tindakan segera akan diambil untuk mengatasi krisis pencemaran udara yang semakin meningkat di kawasan Bukit Batu.

Selain itu, saya juga ingin membawa satu isu yang membimbangkan mengenai *Sedenak Tech-Park (STeP)* sebelum ini dikenali sebagai *Kulai Iskandar Data Exchange Index*

(KIDEX). Seperti kita dimaklumkan, ia adalah kawasan seluas 745 ekar yang ditetapkan untuk menarik pembangunan pusat data. Kawasan ini dilindungi dengan selamat dan dilengkapi dengan sumber tenaga dan air yang banyak. Semuanya penting untuk operasi pusat data standard antarabangsa. STeP juga telah mendapat sokongan penuh bebanan dan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), agensi utama Malaysia untuk pertumbuhan ICT dan ekonomi digital dan ketetapan dan sambungan gentian gelapnya ke Singapura, meletakkan ia sebagai hab data alternatif utama untuk rantau Asia Tenggara.

Inisiatif ini telah menyumbangkan pelbagai kebaikan seperti pertumbuhan ekonomi dengan aktiviti perniagaan yang meningkat, boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi keseluruhan kawasan tempatan dan pemindahan teknologi yang dibawa syarikat asing dapat membawa teknologi dan amalan yang canggih yang boleh memberi manfaat kepada tenaga kerja dan industri tempatan.

Pelabuhan, pelaburan asing juga telah menyebabkan peningkatan dalam infrastruktur tempatan seperti pengangkutan dan utiliti. Namun, terdapat juga beberapa keburukan yang telah menjadi kerisauan ramai penduduk tempatan di sekitar kawasan tersebut. Kemasukan perniagaan asing telah menyebabkan cabaran budaya terhadap tradisi tempatan. Di pejabat DUN Bukit Batu, saya menerima beberapa aduan daripada penduduk tempatan bahawa warga asing yang bekerja di kawasan tersebut membuang sampah merata-rata. Dan rakyat tempatan bimbang bahawa ia akan membawa kemudaratan kepada kesihatan.

Selain itu, isu yang timbul pengurangan pengambilan pekerja tempatan di syarikat korporat multinasional yang menetap di STeP. Saya ingin menegaskan, kenyataan saya di sini bahawa keutamaan untuk mengajikan pekerja asing boleh menyumbang kepada kadar pengangguran tempatan yang tinggi, membawa kepada cabaran sosial dan ekonomi. Tambahan pula jika pekerja tempatan tidak dilatih dengan baik atau dimasukkan dalam peranan utama, terdapat risiko kekurangan pengetahuan dan kehilangan peluang untuk pembangunan kemahiran dalam kalangan tenaga kerja tempatan. Peluang yang tidak saksama bagi pekerja tempatan dan asing boleh menyebabkan ketidak seimbang, ketidakseimbangan pendapatan dan mencipta ketegangan sosial dalam masyarakat.

Negara kita juga tidak boleh bergantung terlalu banyak kepada pekerja asing, boleh mencipta kerentanan bagi syarikat menghadapi perubahan dalam Dasar Imigresen. Isu geopolitik atau kemerosotan ekonomi di negara asal pekerja asing, representasi yang rendah dalam kalangan pekerja tempatan dalam jawatan pembuatan keputusan boleh mengakibatkan kurangnya pertimbangan terhadap keperluan dan pilihan tempatan dalam keputusan strategi syarikat.

Penyelesaian kepada isu-isu ini kerap melibatkan pelaksanaan dasar-dasar yang perlu memberi keutamaan kepada pembangunan tenaga kerja tempatan dengan menyediakan peluang latihan dan memupuk budaya tempat kerja yang inklusif dan menghargai kepelbagaian dan memastikan peluang yang sama untuk pekerja tempatan.

Saya juga ingin mengambil peluang keemasan ini untuk memberikan sebuah cadangan dan menginginkan untuk dipertimbangkan iaitu cadangan projek di laluan FT001, Jalan Persekutuan Johor Bahru ke Ayer Hitam yang berada di dalam kawasan Bukit Batu. Laluan ini merupakan jalan perhubungan utama ke utara dan selatan. Saya ingin membawa cadangan ini atas kekurangan, kekurangan fasiliti pusingan 'U' dan beberapa lokasi persimpangan tidak mempunyai lorong percepatan dan kelambatan yang mencukupi. Tahap perkhidmatan semasa waktu puncak mengalami penyusutan mendadak memandangkan ianya merupakan laluan penghubung utama tanpa tol di antara daerah Kulai dan Kluang.

Kewujudan sektor perindustrian di sepanjang laluan ini merupakan kepada peningkatan komposisi kenderaan berat yang menjadi punca utama berlakunya kesesakan trafik.

Perlaksanaan projek menaik taraf jalan sedia ada daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala sepanjang 17.7 km adalah amat mendesak menjelang pengoperasian penuh Sedenak Tech Park (STeP) seluas 745 ekar di Sedenak. Ia adalah pelaburan berteraskan teknologi dalam negara dengan fasiliti di mana pelabur dan syarikat IT antarabangsa kelak akan membuka pusat-pusat data dan perkhidmatan awam. Sebanyak tujuh buah kilang kuari beroperasi di laluan ini menyumbang kepada peningkatan bilangan kenderaan muatan berat di laluan ini. Jalan sedia ada tidak dapat menampung beban trafik di mana daerah Kulai yang merupakan daerah terdekat dengan pusat bandar Johor Bahru turut menerima tempat pembangunan, industri perkilangan, perumahan dan hasil galian yang pesat di daerah Kulai. Peningkatan kemudahan infrastruktur jalan raya di daerah Kulai sejajar dengan cadangan bagi menaik taraf daerah ini menjadi bandar raya menjelang tahun 2025. Sejalan dengan Rancangan Tempatan Daerah RTD dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang selesa dan selamat kepada pengguna jalan raya.

Saya berharap Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi dan Kerajaan Negeri Johor dapat memenuhi hasrat ini dan dapat mempertimbangkan untuk menyediakan jaringan raya, jalan raya yang strategik buat pelabur. Peningkatan yang dicadangkan ini adalah, dan kemudahan yang berkaitan adalah penting untuk pertumbuhan dan pembangunan mampan kawasan daerah Kulai. Kami dengan rendah diri memohon sokongan dan pertimbangan Menteri Besar Johor terhadap projek ini kerana ia sejajar dengan wawasan bersama kita untuk komuniti yang lebih selamat, efisien dan dinamik dari segi ekonomi. Terima kasih atas masa dan perhatian anda semua terhadap perkara ini. Saya selaku ADUN Bukit Batu berharap dapat berbincang lebih lanjut mengenai cadangan projek ini.

ADUN-ADUN yang dihormati, secara kesimpulannya, dengan perasaan yang amat syukur saya ingin menyatakan jutaan terima kasih saya yang tulus dan ikhlas kepada Kerajaan Negeri Johor dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi kerana menyelesaikan projek selekoh `S` yang telah menjadi salah satu impian yang signifikan kepada warga Kulai. Saya juga ingin berterima kasih kepada YB EXCO Bukit Pasir, YB EXCO Bukit Permai, YB Senai dan juga Ahli Parlimen Kulai yang sentiasa bekerjasama bersama saya untuk membantu dalam penyelesaian isu ini. Komitmen Kerajaan Negeri Johor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor terhadap pembangunan infrastruktur tidak hanya meningkatkan kemajuan, tetapi juga meningkatkan keseluruhan kualiti hidup penduduk setempat. Penyelesaian projek-projek sakit sebegini mencerminkan dedikasi kerajaan negeri dalam menangani keperluan rakyat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaan projek-projek ini dengan lancar dan cekap adalah bukti kepada kerja keras dan dedikasi semua pihak yang terlibat. Daripada perancang dan jurutera sehinggalah pekerja pembinaan yang menghadapi cabaran untuk menjadikan pembaharuan ini sebagai kenyataan. Jalan-jalan yang baru dinaik taraf bukan sahaja membawa kemudahan kepada pengguna harian, tetapi juga menyumbang kepada daya tarikan daerah Kulai untuk pelabur industri yang berpotensi.

Akhir kata, saya berharap agar Dewan Undangan Negeri Johor ini dapat mempertimbangkan cadangan-cadangan ini dengan serius dan mengambil langkah-langkah untuk menjadikannya kenyataan. Pembangunan yang berterusan dalam semua aspek adalah kunci untuk mencapai masyarakat yang sejahtera dan dinamik. Sekian terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Dijemput Yang Berhormat Endau.

**YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Pertamanya Endau merafakkan puji dan syukur kepada Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar nabi kita, Nabi Muhammad SAW atas limpah kurnia serta

keberkatannya Endau berada dalam Dewan yang mulia pada petang ini. Terima kasih Endau ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kerana membenarkan Endau mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini. Sesungguhnya Persidangan pada kali ini adalah penting bagi Endau untuk menyampaikan beberapa permasalahan yang dihadapi di kawasan Endau. Semoga apa yang Endau bangkitkan pada kali ini mendapat perhatian oleh pentadbiran kerajaan negeri.

Terlebih dahulu Endau merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang menyambut hari ulang tahun keputeraan Baginda ke-65 pada 22 November yang lalu. Patik mewakili sekalian rakyat dalam kawasan DUN Endau mendoakan agar Tuanku sentiasa diberikan kesihatan yang baik, dilanjutkan usia dan bertambah daulat, bersemayam di atas takhta kerajaan Tuanku, ampun Tuanku. Patik juga merafak setinggi-tinggi tahniah kepada Tuanku kerana telah dipilih dan dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-17. Patik yakin dan percaya bahawasanya Tuanku akan melaksanakan tugas tersebut dengan cemerlang bersandarkan kebijaksanaan, kebijaksanaan Tuanku, ampun Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga Endau ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor yang membawa gelaran Dato'. Endau juga merakamkan ucapan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan seluruh pasukannya kerana telah berjaya merangka, merancang, menyediakan serta membentangkan Belanjawan 2024 Negeri Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ada beberapa perkara yang Endau ingin utarakan pada perbahasan kali ini, bagi menyampaikan suara hati orang Endau. Pertama, mengenai pertanian dan keterjaminan makanan. Dalam usaha kita mempergiatkan ekonomi melalui agenda keterjaminan makanan, perkara pokok dan asasnya yang perlu kita lihat adalah berkaitan bagaimana kita memaksimumkan sumber iaitu tanah. Jika kita lihat khususnya di kawasan luar bandar, petani hanya mampu mengusahakan pertanian mereka dalam skala kecil sahaja kerana ada dalam kalangan mereka tidak mempunyai tanah yang luas dan ada yang sampai terpaksa menyewa atau memajak tanah orang. Contoh mudah, petani yang mengusahakan tanaman kontang, kontan dalam kawasan Endau paling luas tanah yang mereka ada pun tidak lebih dari lima ekar sahaja. Dengan keluasan yang ada sebesar itu, macam mana mereka nak keluarkan hasil yang banyak. Mampukah hasil yang tidak seberapa itu menampung permintaan dalam pasaran? Itu belum cerita pulangan yang mereka dapat, banyak mana sajalah Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Sebab itu Yang Berhormat sekalian, bila kita cakap hal keterjaminan makanan ini, keterjaminan pendapatan petani pun kita kena tengok sama. Justeru Endau secara konsisten merasakan dalam, merasakan kerajaan negeri kena mengambil inisiatif dalam perkasakan petani sedia ada dan dalam masa yang sama kita lahirkan juga golongan orang muda menjadi petani moden berteknologi. Tahun demi tahun, pelbagai teknologi pertanian dicipta dan diperkenalkan. Dulu orang tabur benih padi secara manual, sekarang dah boleh pakai *drone*. Dulu orang membaja atau meracun secara tenaga manusia, sekarang dah boleh pakai *timer*, dengan izin.

Seperkara lagi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, hal tanah milik Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan atau kita panggil tanah milik SSI. Endau dah pernah bangkit hal ini yang mana di kawasan Endau, tanah SSI ini banyak dan luas. Jadi sekali lagi Endau pohon kerajaan negeri kaji semula terma dan syarat bagi pajakan tanah SSI ini. Bukan dari segi apa, dari segi bayaran pendahuluan, kalau boleh semak balik kaedah dan amaun itu. Sebab Endau dimaklumkan jumlah yang dikenakan itu sangat tinggi dan perlu dibayar selepek, serentak katanya. Kadang-kadang petani ini pun kurang modal juga pada

mula-mulanya. Jadi Endau mohon pihak kerajaan tengok balik macam mana kita dapat bantu dalam hal ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, keduanya sekali lagi hal perumahan. Hal ini tidak pernah habis Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Baik soalan lisan ke, soalan bertulis, dalam perbahasan ke, Endau selalu sebut dan akan terus utarakan. Tapi sebelum itu, Endau nak ucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor yang telah menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai di taman perumahan Koperasi Nelayan Endau. Alhamdulillah, terima kasih YB, Endau terhutang budi. Berbalik isu rumah ini, semua tahu Endau kawasan luar bandar. Ramai orang susah, kadang-kadang satu rumah itu ada sampai empat atau lima keluarga. Nak sewa mahal sangat, sampai 600, 700. Nak beli lagi mahal, sampai ratus ribu. Nak buat rumah, tanah tidak ada. Jadi apa yang mereka harap, harap pada rumah murah yang mampu mereka beli, sesuai dengan pendapatan mereka. Endau sudah ada satu projek yang berjaya di bawah kerajaan negeri iaitu Projek Perumahan Datuk Ajib. Projek ini zaman Yang Berhormat Dato' Khaled Nordin sebagai Menteri Besar Johor dan ketika itu Yang Berhormat Datuk Latif Bandi sebagai EXCO Perumahan. Projek ini mampu membantu orang-orang yang susah. Harga rumah tidak sampai RM50,000 siap ada subsidi kerajaan, bayaran secara sewa beli selama 30 tahun, jadi Endau pohonlah kerajaan negeri fikirkan satu mekanisme atau kaedah yang lebih kurang sama macam Taman Datuk Ajib ini. Endau merayu sekali lagi akan keprihatinan kerajaan negeri dalam soal pembangunan perumahan kerana rumah ini asas kepada semua.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ketiganya adalah berkaitan pendidikan. Pendidikan ini mana-mana negara, mana-mana negeri, mana-mana pemimpin perlu ambil berat. Kemajuan, pembangunan sesebuah negara mahupun negeri bergantung tahap pendidikan, pemikiran warganya. Dalam temu bual Program Keluar Sekejap pun Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor menyampaikan bahawa fokus pertama baginda sebagai Pemangku Raja adalah menyentuh soal pendidikan. Jadi kerajaan negeri dan Jabatan Pendidikan perlu ambil berat hal pendidikan di Johor ini. Endau pernah memaklumkan melalui soalan Dewan berkaitan trek olahraga di Mersing. Pada ketika itu, Endau menerima jawapan bahawa tiada rancangan untuk membina atau mewujudkan sebuah trek olahraga di daerah Mersing.

Untuk makluman sidang Dewan, sehingga kini Mersing langsung tidak mempunyai fasiliti trek olahraga bagi kegunaan pihak sekolah dalam sebarang acara, baik MSSD, MSSJ mahupun MSSM. Kita terpaksa menggunakan padang yang sedia ada di sekolah-sekolah. Nak maklum, padang dekat sekolah-sekolah ini pun kondisinya bukanlah elok sangat. Kalau ketika kejohanan berlangsung hujan turun, padang jadi lecek dan berlopak teruk. Sudah macam berlari dalam sawah padang Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Kesian tengok anak-anak kita, pelajar-pelajar kita berlumpur, berlecek mereka. Endau dimaklumkan daerah lain kebanyakannya sudah ada. Mersing saja daerah yang tidak ada lagi. Kita kenalah sediakan fasiliti yang baik sebab kemenjadian pelajar itu yang kita fokuskan. Endau ada berbincang dengan Pengetua SMK Seri Mersing dan Endau rasa bila sebut SMK Seri Mersing, sekolah ini tidak lari dengan kejayaan-kejayaan dalam bidang akademik, malah kejayaan utama adalah berkaitan sukan ragbi. Jadi Pengetua bersedia dan menawarkan diri untuk pihak kerajaan membina sebuah trek olahraga daerah Mersing di sekolah ini. YB EXCO Pendidikan dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, besar tapak tangan, nyiru kami tadahkan. Semoga permohonan fasiliti Endau ini dapat dipertimbangkan dan dimasukkan dalam Bajet 2024 bagi membina trek olahraga pertama di daerah Mersing ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kebajikan tenaga pengajar juga perlu kita lihat sama dalam hal ini. Benar mereka dapat gaji, benar itu tugas mereka, benar itulah kerjaya yang mereka pilih. Namun sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, aspek kebajikan juga kita perlu lihat. Justeru Endau mohon agar kerajaan menyediakan atau menghadiahkan sebuah



van jenazah ke setiap Pejabat Pendidikan Daerah dalam negeri Johor atau sekurang-kurangnya sebuah van jenazah di Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi kegunaan kematian warga Pendidikan. Kita nampak isu ini remeh tapi fardu kifayah itu kena ada. Setakat ini, di JPN mahupun di PPD masih tidak ada van jenazah untuk kegunaan warga Pendidikan. Van ini bukan hanya boleh digunakan pakai oleh Pegawai Pendidikan, tapi boleh juga digunakan oleh staf sokongan dalam Jabatan Pendidikan ataupun pelajar dalam negeri Johor. Kalau kita lihat, polis ada van jenazah mereka, askar ada van jenazah mereka, hospital memang semestinya ada van jenazah, tapi guru yang hampir 400,000 orang ini, sebuah van jenazah pun tak ada. Jadi, Endau mohon juga lah hal ini dapat perhatian pihak kerajaan. Mana Bajet 2024 yang boleh di selit-selit itu, mohon pihak kerajaan selitkan dan belanjakanlah demi kebajikan warga pendidikan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, yang terakhir ini yang ingin Endau akan sentuh secara sekali lalu sahaja. Jadi Endau mohon pihak ada, pihak jabatan yang ada di sini yang berkaitan boleh *take note* dengan izin dan ambil tindakan.

Pertama, sekali lagi kalau boleh Endau minta pihak Jabatan Kerja Raya untuk tengok balik pencahayaan jalan di kawasan Masjid Kampung Sawah Dato. Endau dah dapat banyak kali aduan daripada orang kampung yang mana sering berlaku kemalangan di situ disebabkan jalan yang gelap. Kadang-kadang lampu jalan hidup, kadang-kadang tak hidup.

Kedua, mohon kerajaan semak balik peruntukan khas RM10.5 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 28 Januari 2023 yang lalu ketika beliau melawat PPS, Politeknik Mersing. Peruntukan yang beliau umumkan ini adalah bertujuan untuk pembinaan rumah pam dan pembelian tiga pam air. Ini dah masuk musim Monsun Timur Laut, peruntukan yang diumumkan itu adalah untuk kawasan berisiko banjir. Kita nak kurangkan kawasan terjejas banjir, jadi mohon kerajaan dan jabatan berkaitan semak hal ini dan mohon maklumkan statusnya di dalam sidang pada kali ini juga.

Ketiga, Endau nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang umumkan peruntukan sejumlah RM1.8 juta bagi projek di Air Papan, Bukit Selantai, Floating Jety dan Pulau Mawar. Endau yakin dengan tersedianya peruntukan ini akan meningkatkan lagi keindahan fasiliti dan keselesaan buat pelancong. Sudah pasti lokasinya semua adalah dalam kawasan DUN Endau. Terima kasih sekali lagi kepada pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Endau rasa setakat ini sahaja yang Endau ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini. Endau sentiasa menginsafi bahawa setiap pemimpin sentiasa ada kelebihan dan kelemahannya. Kalau kelebihan yang ada Endau akan terus perjuangkan membawa suara hati rakyat Endau di Dewan yang mulia ini. Segala kelemahan yang ada pula, akan sentiasa Endau perbaiki dari masa ke semasa. Mengambil kesempatan ini, Endau ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Tadbir Negeri Johor, ketua-ketua jabatan di peringkat negeri mahupun persekutuan yang sentiasa membantu Endau dan penduduk kawasan DUN Endau. Endau tidak berkecil hati jika Endau dilibatkan sebarang program dalam membantu rakyat kerana akhirnya Endau yakin penduduk Endau menerima manfaatnya. Semoga dengan muafakat kita semua sebagai Bangsa Johor, negeri ini akan terus makmur di bawah rahmat Allah SWT. Akhir kalam, Endau sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker atas ruang dan peluang berbahas pada kali ini. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Endau menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Endau. Dijemput Yang Berhormat Permas.

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas):** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang

Berbahagia Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan yang dimuliakan. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnianya Permas dapat sekali lagi bersama-sama di dalam Dewan ini. Lebih-lebih lagi terdapat ucapan-ucapan yang sangat menarik oleh Yang Amat Berhormat Machap dalam pembentangan Belanjawan 2024. Terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Machap.

**YB Timbalan Speaker** : Berhenti sekejap beri laluan untuk azan, Permas.

(Persidangan berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan.)

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ingin merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluknya sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Setinggi-tinggi tahniah juga kepada Tuanku yang telah dipilih sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-17. Permas juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Sultan Ismail, Tunku Mahkota Johor yang berjaya meletakkan pasukan JDT ke tahap yang digeruni oleh pasukan lain termasuk Kedah. Usaha DYAM Tunku telah memberi impak yang baik kepada sukan bola sepak tanah air hingga pasukan Harimau Malaya menampakkan kemajuan yang baik di mana Malaysia berada di kedudukan yang pertama dalam kumpulan D, walaupun baru main tapi dia juara dalam kumpulan D ketika ini dan seramai 13 orang pemain JDT mewakili pasukan kebangsaan. Tahniah sekali lagi kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, rakyat ketika ini dilihat dalam keresahan. Soal ekonomi sentiasa menjadi perbualan hangat bukan hanya pakar-pakar ekonomi, malah rakyat biasa sentiasa bercerita tentang ekonomi. Ia kerana rakyat sedang mengalami keperitan dalam kehidupan harian, bermula dengan keperluan barangan asas, kos bekerja, bayaran hutang dan sewa rumah. Ditambah baru-baru ini cukai harta meningkat tinggi, kawasan sayalah. Bayaran hutang kereta, kos persekolahan anak-anak lebih membebankan bila melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Dan paling terbaru kos kematian juga meningkat di mana kubur-kubur dan urusan kematian telah meningkat ketika ini. Jika dahulu orang Johor tak kan bekerja di Singapura, mereka hanya lihat bagaimana susahnya pendatang asing bekerja di tempat mereka. Namun pada hari ini, ramai orang Johor menjadi pendatang asing di Singapura mencari pendapatan yang lebih bagi menampung sara hidup harian mereka. Apakah ekonomi akan pulih dan bila masanya ia akan pulih? Pada pandangan saya, kita hampir tak kan mungkin menikmati kemewahan dan kemakmuran yang pernah wujud seperti zaman pemerintahan Barisan Nasional suatu ketika dulu. Jika bernasib baik dengan keadaan politik yang stabil dan kerajaan mempunyai pemimpin-pemimpin yang bijaksana barulah rakyat dapat mengecapi semua, tetapi ia mungkin mengambil masa yang agak lama kemungkinan lima tahun, sepuluh tahun atau dua puluh tahun yang akan datang. Justeru, semua pihak sama ada pemimpin-pemimpin parti di blok kerajaan, pihak pengimbang, termasuk dari blok pembangkang, kakitangan kerajaan dan juga rakyat jelata wajib berganding bahu membangunkan ekonomi negara.

Kefahaman kerjasama ini perlu diterapkan kepada setiap individu masyarakat supaya tiada usaha untuk merosakkan kestabilan negara yang hingga boleh membawa kepada niat menumbangkan kerajaan yang sedia ada. Permas bersetuju sangat permintaan Kukup, supaya blok pengimbang agar menyokong dengan mengangkat tangan setiap kali rundingan yang, setiap kali bagi menunjukkan solidariti dan keikhlasan kerjasama yang telah dijanjikan. Lebih-lebih lagi, banyak permintaan blok pengimbang ditunaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan Permas merasakan hanya baru sekali permintaan oleh Yang Berhormat

Kukup bagi pihak rakan-rakan di blok Barisan Nasional. Dan Barisan Nasional telah menunjukkan keikhlasan bersama-sama dengan Pakatan Harapan. Kalau kita lihat, Pilihan Raya Kecil yang lepas sama ada di Pulai mahupun di Simpang Jeram, kita telah menunjukkan betapa ikhlasnya jentera-jentera Barisan Nasional ketika itu. (Dewan bertepuk). Pulai tiada kat sini, tetapi Simpang Jeram ada di sini. Beliau adalah antara saksi yang melihat bagaimana parti Barisan Nasional ini betul-betul memberi menunjukkan keikhlasan ketika itu untuk memenangkan Simpang Jeram. Kalau diizinkan oleh pihak Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, inginlah saya bertanya dengan Simpang Jeram atau memberi sedikit komen, adakah perkara itu benar-benar berlaku ketika pilihan raya yang lepas? Saya minta sedikit sahaja komen ataupun setuju ataupun tidak, kalau boleh diizinkan. Minta Simpang Jeram...

**YB Timbalan Speaker :** Tidak diizinkan. (Dewan bertepuk). Tak perlu jawapan.

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) :** Terima kasih Pengerusi.

**YB Timbalan Speaker :** Teruskan Permas. Perbincangan tiada pertanyaan.

**YB Tuan Ir Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman (Simpang Jeram) :** Simpang Jeram mengakui.

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) :** Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ini bukan nak meriuhkan suasana atau memansangkan suasana. Saya hanya nak bertanya sahaja dan saya lihat Simpang Jeram pun bersetuju untuk memberi jawapan ataupun komen tapi kalau Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker tak benarkan, itu kuasa Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker lah. Tapi terima kasih kepada Simpang Jeram kerana cuba menjawab. (Dewan bertepuk). Kan dah hilang. Justeru semua pihak mesti bekerjasama.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Permas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan belanjawan yang menyeluruh dengan mengunjurkan perbelanjaan pada tahun 2024 sebanyak RM1.799 bilion. Dan belanja mengurus sebanyak RM1.163 bilion. Unjuran ini bukan satu perkara yang mudah untuk membangunkan negeri Johor tanpa sokongan yang kuat dari kerajaan pusat. Jika kita lihat ada empat negeri yang diperintah oleh kerajaan pembangkang, ia memberi banyak hikmah yang lebih banyak di mana perbelanjaan akan ditumpukan kepada negeri-negeri yang menyokong kerajaan perpaduan termasuk negeri Johor.

Permas yakin kerajaan pusat akan memberi kerjasama penuh kepada negeri Johor di mana Barisan Nasional memperolehi mandat lebih dari 2/3 oleh rakyat bangsa Johor. Yang Amat Berhormat Menteri Besar mintalah sebanyak mungkin, nescaya ia akan mendapat pertimbangan dan sewajarnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Masih banyak peluang yang belum diterokai misalnya industri pelancongan. Johor mempunyai beberapa pintu masuk yang merangkumi luar negara seperti Singapura dan juga Indonesia termasuklah Batam. Ramai yang orang pergi Batam ni Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Tahun 2026 Johor mensasarkan 12 juta pelancong mengunjungi negeri Johor, ia adalah satu jumlah yang agak ramai. Bermakna purata sehari seramai 33,000 pelancong mengunjungi negeri Johor.

Oleh yang demikian, Johor perlu mengambil usaha menaik taraf setiap destinasi pelancongan supaya akan memberi kepuasan kepada pelancong dan mereka berhasrat akan kembali ke Johor untuk melancong semula. Johor kaya dengan keindahan alam semula jadi yang boleh dihidangkan kepada pelancong luar negara. Johor mempunyai pelabuhan yang strategik, yang mampu menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dari negara jiran. Ia boleh merencanakan lagi urusan perdagangan antarabangsa. Ambil contoh di

Guangzhou. Jauh saya ambil contoh di negeri China, di negara China yang menjadikan kawasan perindustriannya sebagai pusat pelancongan. Bukan sahaja untuk membeli barang-barang keperluan, malah ia menjadi tempat mencari peluang-peluang perniagaan yang boleh dibawa pulang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Berhormat juga menyentuh soal sumber pendapatan baharu. Menarik pelabur-pelabur adalah antara agenda utama setiap negeri mahu pun negara. Kerajaan perlu menjadikan kemudahan asas terbaik, menjadikan Johor pilihan pertama. Antara yang penting selain hotel, pembangunan perumahan perlu diperhebatkan, seiring dengan kemajuan ekonomi Johor. Ia boleh dijadikan rumah-rumah persinggahan. Ia juga secara tidak langsung tawaran yang banyak akan dapat mengawal nilai harta tidak naik mendadak menyebabkan cukainya turut naik mendadak. Ia juga akan membuka ruang kepada pemaju hartanah membina lebih banyak rumah-rumah mampu milik. Selain itu Johor mempunyai tanah yang subur. Sediakanlah pusat R&D khas untuk tujuan keterjaminan makanan dari teknologi-teknologi baharu bagi mengatasi masalah pekerja. Buat kajian dari segi benih, baja, makanan haiwan, kaedah-kaedah baharu serta guna tanah yang sedikit tetapi menghasilkan tanaman yang lebih banyak mendapatkan hasil dan lebih cepat dan lebih murah harganya. Tanaman dan juga ternakan yang semakin tidak mencukupi bukan hanya Malaysia tetapi ia menjadi masalah dunia memberi peluang kepada Johor memperbanyakkan lagi industri ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, polisi ESG, *Environment Social Governance* dengan izin yang bermaksud setiap perancangan dan pelaburan mesti mengambil kira soal alam sekitar, masyarakat dan juga tadbir urus. Polisi ini adalah polisi global yang perlu dipatuhi, yang mengambil kira antaranya apakah manfaat yang boleh didapati oleh rakyat. Setiap pembangunan ekonomi hendaklah mengambil kira soal keperluan masyarakat sama ada dari segi keselesaan, limpahan dan juga peluang-peluang pekerjaan.

Yang Amat Menteri Besar Johor dalam pembentangan Belanjawan Johor mengandungi enam teras termasuklah tentang kemudahan dan keperluan asas. Terima kasih kerana menitik beratkan keperluan yang diharapkan oleh rakyat. Peruntukan yang besar telah disediakan dalam teras yang keempat. Ia menunjukkan Yang Amat Berhormat tidak lupa memikirkan kemahuan dan kehendak rakyat Johor. Kualiti hidup antara tuntutan rakyat mereka mahukan sepanjang perjalanan hidup berada dalam keadaan yang selesa dan menggembirakan, merasai kemakmuran untuk diri mereka dan juga keluarga mereka. Setelah bekerja keras setiap hari, mereka perlukan ruang untuk menikmati masa rehat mereka dengan aktiviti-aktiviti yang menggembirakan.

Justeru setiap perancangan pembangunan mesti mengambil kira apakah keperluan yang perlu disediakan kepada rakyat supaya mereka merasai pembangunan yang dijalankan bukan hanya dari segi ekonomi, tetapi kemudahan-kemudahan untuk beriadah bersama keluarga mereka. Permas ingin memberi pandangan, setiap pembangunan perumahan dan komersil kawasan-kawasan lapang dan taman permainan perlu disatukan supaya rizab kawasan ini keluasan ini cukup besar untuk dijadikan pusat komuniti yang lengkap dengan dewan kemudahan pusat penjaja, tempat permainan kanak-kanak, tempat berjoging, tempat berbasikal dan tempat beriadah. Pusat komuniti ini secara tidak langsung dapat mengumpulkan masyarakat setempat dan mengeratkan hubungan antara mereka. Jika dilihat kadang kala masyarakat dalam satu komuniti tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Aktiviti setiap mereka pergi kerja petang dan balik kerja tutup pintu. Kebiasaannya berlaku di taman-taman. Tiada ruang untuk mereka bertanya khabar. Pusat komuniti yang lengkap Permas berpendapat ia dapat membantu masyarakat setempat menangani masalah ini. Setiap taman dan pusat komersial perlu disediakan lorong-lorong pejalan kaki dan berbasikal. Ia juga sebagai persediaan bagi kegunaan basikal-basikal elektrik yang semakin popular untuk mereka gunakan ke kedai-kedai dan ke pasar raya dan juga memudahkan bagi kegunaan pelajar-pelajar sekolah, pelajar-pelajar pengajian tinggi ke

sekolah dan ke kampus. Laluan janganlah disediakan di jalan-jalan raya. Kalau kita lihat ketika ini, laluan basikal diletakkan di jalan raya, bersebelahan dengan jalan kereta dan sebagainya, seperti mana yang kita lihat ketika ini kerana ia amat membahayakan pengguna. Laluan ini perlu disediakan di bahu-bahu jalan yang bersambung dari taman ke taman dan dari kedai ke kedai. Konsep ini banyak dilaksanakan di luar negara seperti London, seperti Australia, seperti Amsterdam yang boleh kita contohi. Saya fikir Yang Berhormat Datuk Speaker pergilah sana, buat lawatan seminggu, dan kalau dapat peruntukan itu jangan lupa kami di sini, bawalah sekali untuk kita lihat bagaimana infra untuk pejalan kaki dan juga berbasikal di tempat mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kesesakan lalu lintas antara isu yang menjadi keresahan kepada rakyat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Machap telah berusaha keras mencari peruntukan-peruntukan dan menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya. Hubungan baik kerajaan Johor dan kerajaan pusat, Yang Berhormat Menteri Besar berjaya mendapatkan persetujuan menjadikan Lebuhraya Utara – Selatan kepada enam lorong dari Sedenak dan juga Simpang Renggam, manakala Lebuh Raya Pasir Gudang dalam keadaan pelebaran sedang dijalankan dan kerja-kerja naik taraf pada kali ini sangat cermat kerana kurang memberi gangguan kepada pengguna Lebuh Raya Pasir Gudang. Tiada dengar komplimen dari mereka-mereka pengguna jalan raya dan juga tiada dengar pujian dari mereka kepada kita semua. Namun banyak lagi kawasan-kawasan yang masih mengalami kesesakan lalu lintas.

Permas mohon kajian menyeluruh dilakukan dan buatlah perancangan jangka panjang dan mohonlah peruntukan kerajaan pusat dengan segera. Janganlah bila telah mengalami kesesakan yang teruk, baru kita bertindak untuk menyelesaikannya seperti yang berlaku ketika ini. Seboleh-bolehnya kawasan-kawasan yang dilihat mula berlaku kesesakan, maka pada ketika itu kerajaan telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf dan jalan-jalan tersebut. Maka rakyat tidak akan lagi menempuh suasana yang amat menyusahkan bila mereka keluar menuju ke destinasi masing-masing.

Belanjawan pada kali ini juga memfokuskan kepada pusat kesihatan. Sudah sepatutnya perkara ini sentiasa dilihat supaya pusat-pusat kesihatan dan hospital sentiasa mencukupi. Rakyat semakin ramai, sudah pasti pesakit akan bertambah. Maka pusat kesihatan dan hospital perlu ditambah ataupun diperbesarkan. Alhamdulillah yang tepuk tadi, alhamdulillah Hospital Pasir Gudang sedang dalam pembangunan dan dalam dan dapat menempatkan sebanyak 300 lebih katil. Terima kasihlah tepuk lagi. Masih lagi ramai pesakit yang tidak dapat perkhidmatan yang sempurna di hospital kerajaan sama ada di HSA atau pun HSI dan juga hospital di Kota Tinggi. Saya masukkan Kota Tinggi sekali lagi. Kemungkinan ia berlaku di hospital-hospital di daerah lain hingga ada pesakit-pesakit di wad kecemasan terpaksa duduk berjam-jam menunggu kekosongan katil, kesian. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tengok lentok saja dia dekat situ.

**YB Timbalan Speaker :** Ya, Yang Berhormat, masa.

**YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) :** Ada juga pesakit yang masih belum sembuh dengan sempurna terpaksa diminta pulang ke rumah bagi menempatkan pesakit-pesakit baharu. Oleh itu, mohon supaya kerajaan ambil perhatian yang serius. Saya ingat saya dah buat pendek. Jadi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya pun tidak perlukan memanjangkan lagilah perbincangan saya ini kerana masa itu sangat mencemburui.

Jadi, akhir sekali Permas sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang membentangkan Belanjawan yang baik untuk dinikmati oleh rakyat bangsa Johor dan Permas memohon menyokong. Sekian wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Permas. Jemput Johor Jaya.

**YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya)** : Salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih Datuk Timbalan Speaker bagi memberi peluang kepada Johor Jaya untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Patik juga merafak sembah dengan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena pemilihan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berjaya membentangkan Belanjawan 2024 *surplus* yang bertema 'Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat' yang merangkumi enam teras. Dalam teras kedua iaitu pembangunan ekonomi, Yang Amat Berhormat telah membentangkan RM1 juta untuk membantu memperdayakan wanita dan golongan sasaran dengan melatih dan membantu 1,000 ibu tunggal, B40 dan OKU memulakan perniagaan. Selain itu, dalam teras ketiga iaitu jaringan keselamatan sosial, Yang Amat Berhormat juga membentangkan RM300,000 diperuntukkan bagi memperdaya dan kemandirian orang kurang upaya dan warga emas melalui tiga program utama iaitu pertama, *Employer Job Coaching Assistant Skill Training*, kedua Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia dan ketiga *Disable Skill And Career Course*. Kesemua inisiatif ini telah menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri terhadap golongan sasaran iaitu ibu tunggal, warga emas, OKU dan golongan B40 supaya dapat menjalankan *business*, mencari kerja atau membangunkan OKU demi menjana pendapatan. Ketiga-tiga program dan inisiatif ini memang baik tetapi usaha ini bukan program baharu. Program ini memang ada di bawah JKM dan juga YPKDT selama ini. Selain JKM dan YPKDT mungkin jabatan lain ada pun usaha untuk membantu golongan sasaran ini. Sebagai contoh, di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, ada juga program PPKI iaitu Program Pendidikan Khas Integrasi yang sedang dijalankan. Kelas ini disediakan di sekolah biasa bagi golongan kanak-kanak keperluan khas termasuk masalah penglihatan, pendengaran serta yang mempunyai masalah dalam pembelajaran dan pintar cerdas. Objektif PPKI ini adalah untuk menyediakan peluang dan kemudahan Pendidikan khas untuk golongan OKU dan juga untuk mengembangkan bakat dan potensi mereka.

Baru-baru ini, saya telah pun melawat dan memberi sumbangan peralatan bakeri ke atas kelas PPKI di dalam kawasan Johor Jaya. Apabila saya berbual-bual dengan cikgu, pihak sekolah maklum kepada saya selepas kelas PPKI ini tamat, selepas pelajar ini mereka biasanya tidak dapat pekerjaan. Kebanyakan pelajar OKU ini hanya duduk di rumah. Ini cerita kisah seorang bapa tunggal yang benar-benar berlaku di kawasan saya. Bapa tunggal ini berumur 80 tahun dan dia datang ke pejabat saya minta bantuan kerana dia kata, dia tidak dapat menjaga lagi anak OKU dia. Dia minta supaya sama ada boleh carikan mana-mana tempat yang boleh jaga anaknya sebab dia bimbang semasa dia meninggal satu hari siapa yang boleh jaga anak dia.

Ini bukan sahaja satu cerita Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di mana kes seperti ini memang berlaku dalam masyarakat. Apabila mereka lepas pembelajaran, majoriti mereka akan kembali dan duduk di rumah sahaja. Kenapa? Sebab persepsi ibu bapa, persepsi anak dan persepsi masyarakat kita. Mereka anggap bukannya senang bagi masyarakat untuk menerima anak mereka sebagai pekerja dan tidak dapat banyak peluang pekerjaan bagi mereka. Dengan ini nampak tak, bukannya kerajaan atau jabatan kurang inisiatif tetapi apa kecekapan, efektif bagi program-program tersebut. Johor Jaya ingin bertanya berapakah golongan OKU yang sedang dijalankan *job coach* di bawah JKM? Berapakah bilangan OKU yang sudah dapat kerja selepas mereka tamat *job coach* sebelum ini? Berapakah agensi atau pihak swasta yang berdaftar atau bekerjasama dengan JKM

untuk sudi menerima mengambil golongan OKU ini untuk menjadi pekerja mereka dan berapakah bilangan OKU yang sedang bekerja dengan Kerajaan Negeri Johor? Berapa peratusan pekerja OKU antara kakitangan awam? Ia adalah sangat menyedihkan sekiranya pihak Kerajaan Negeri Johor pun tidak memberi peluang yang banyak kepada mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izinkan saya kongsi pengalaman saya melawat satu tempat *enabling village* yang berada di Singapura semasa saya memegang portfolio ini. *Enabling Village* ini merupakan satu pusat OKU yang ditubuhkan oleh kerajaan Singapura dengan kerjasama sektor swasta. Ia adalah satu tempat yang inklusif dan mewujudkan satu ekosistem bagi golongan OKU. Selain membolehkan sektor swasta menubuhkan pejabat dalam tempat tersebut, mereka turut mencungkil kreativiti OKU dan menjadikan ini satu tempat pusat *autism*, *art centre*, tempat *f&b*, pasar raya kecil, pusat taska dan tadika dan *child care*, bilik *gym* dan sebagainya dalam satu tempat ini. Segala fasiliti dalam pusat ini turut sesuai bagi mereka yang ada masalah penglihatan atau kekurangan fizikal. Yang paling penting, semua penjualan dan hasil turut menjadi pendapatan bagi golongan sasaran dan membolehkan mereka berdikari dan menjamin peluang pekerjaan bagi mereka. Dengan ini, adalah mustahak bagi Kerajaan Negeri Johor mengkaji pelan induk atau hala tuju OKU serta menggalakkan komuniti yang inklusif dan membina satu ekosistem yang dapat merangkumi semua sektor, sektor awam, sektor swasta atau badan bukan kerajaan.

Johor Jaya ingin bercadang, pihak kerajaan negeri harus mengambil contoh negara jiran kita dan mewujudkan satu pusat khas OKU negeri Johor termasuk pertama *job training* seperti *F&B*, *art* dan fesyen dan lain-lain. Kedua, *job pusat job matching*. Ketiga, pusat majikan dan pekerja iaitu dengan izin *employability and employment centre* yang membolehkan pihak swasta yang menubuhkan pejabat di sana memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Keempat, kafe, kedai pastri dan restoran dalam pusat ini dan terus membolehkan golongan ini terus bekerja di sana. Dan kelima, tempat jualan *souvenir* yang turut menjadi salah satu tempat pelancongan bagi pelancong supaya memberi sokongan atas hasil buatan atau *design* yang dihasilkan oleh mereka. Saya bagi contoh yang paling *famous* terkenal di Singapura adalah isteri Presiden Singapura selalu membawa beg tangan yang dihasilkan oleh pelukis autisme sehingga menjadi berita dunia. Dan keenam, pusat aktiviti dengan seliaan fasiliti yang sesuai untuk kegunaan golongan OKU ini. Kerajaan Negeri Johor perlu memandang serius dan menjadikan pusat khas OKU negeri Johor sebagai satu projek perintis dan menggalakkan pihak lain turut berserta.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, DUN Johor Jaya telah terbabit dalam isu kenaikan cukai taksiran baru-baru ini di mana antara lima PBT yang mengenakan cukai taksiran kawasan DUN Johor Jaya dirangkumi iaitu MBBJ dan juga MBPG. Johor Jaya faham atas keperluan kenaikan cukai taksiran namun Johor Jaya mengesyorkan agar mekanisme kenaikan cukai taksiran boleh diperhalusi agar kadar cukai yang dinaikkan boleh ditimbang semula seperti apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pengimbang. Kadar cukai setiap hektar boleh dikurangkan lagi supaya pemilik tidak berasa beban apabila kenaikan penilaian harta dan tambahan kadar yang tinggi mengakibatkan kadar kenaikan cukai taksiran yang tinggi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kenaikan cukai taksiran ini adalah untuk menambah hasil PBT dan penambahan hasil ini mestilah membawa pembangunan tempatan. Memandangkan DUN Johor Jaya merupakan salah satu penyumbang hasil PBT yang besar, Johor Jaya memohon pembangunan tempatan di kawasan antaranya yang paling dinanti-nantikan oleh penduduk Johor Jaya adalah menaiktarafkan Pasar Awam Johor Jaya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam usaha menyambut Tahun Melawat Johor 2026, Kerajaan Negeri Johor perlu memastikan menarik pelancong domestik dan juga pelancong antarabangsa. Dengan kedudukan strategik negeri Johor dan statistik pelancong

antarabangsa, pelancong yang paling ramai mengunjungi ke Johor tetaplah pelancong dari Singapura. Ini turut selaras dengan usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyelesaikan masalah trafik di CIQ dan Tuas Second Link. Pelancong suka mencari makan, minum, beli barang harian, cuci kereta di Johor Bahru. Mereka selalu mengunjungi AEON Tebrau City di sana untuk membeli belah dan beli *grocery*. Dalam usaha menjayakan Tahun Melawat Johor 2026 dan memacukan ekonomi tempatan, Kerajaan Negeri Johor harus memupuk lagi bisnes kecil supaya penduduk tempatan dapat untung dari usaha kerajaan.

Pasar Awam Johor Jaya yang terletak di Taman Johor Jaya semakin usang dan menghadapi pelbagai masalah fasiliti termasuk bumbung bocor dan masalah elektrik yang sudah banyak kali diperbaiki. Bangunan di sebelah Pasar Awam Johor Jaya termasuk Terminal Bas Johor Jaya. Terminal Bas Johor Jaya ini, bas dari KL ke KL ke Mersing akan lalu di sana. Dan Arked Johor Jaya di mana Pejabat MBBJ pun terletak di sana termasuk juga Medan Selera Johor Jaya dan juga sebahagian bangunan ini dulu disewa kepada peniaga tetapi sudah lama terbengkalai. Kalau saya lihat tempat ini, secara keseluruhan tempat ini kelihatan terbiar dan ini boleh ditukar imej untuk menjadi sebagai satu hab bisnes tempatan. Ia penting bagi imej Johor Bahru dan peniaga tempatan.

Pasar Awam Johor Jaya harus ditukar imej kepada sebuah pasar awam yang moden dan juga bertaraf lima *star*. Kita bukan sahaja mahu tandas yang lima *star* tetapi pasar awam moden yang lima *star*. Peniaga di pasar awam selalu mengadu bahawa bisnes di pasar tidak dapat bersaing dengan pasar raya besar sebab imej yang kotor, berbau busuk, basah mengakibatkan pengunjung semakin berkurang. Orang muda semua pergi ke pasar raya besar. Ini, selain itu tempat ini turut boleh dijadikan sebagai satu ruang bisnes kepada orang muda, ibu tunggal, kepada mereka yang berkeaktiviti. Ramai orang muda yang kekurangan platform untuk *start up* bisnes mereka. Dan tempat ini paling sesuai ditukar imej dan membolehkan mereka membuat bisnes dan dijadikan sebagai satu tempat pelancongan. Ini adalah tanggungjawab kerajaan tempatan untuk membantu tukar imej pasar awam dan menjadikan sebagai satu pasar awam moden, bersih, ada tempat makan, ada tempat duduk, ada medan selera dan juga berhawa dingin. Saya yakin ini pasti dapat meningkatkan imej pasar awam selama ini dan juga membantu bersaing dengan pasar raya besar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru supaya rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat termasuk makan dengan seimbang, tidak merokok, belajar menangani *stres* dan juga melakukan aktiviti fizikal. Rakyat jelata pun semakin mengambil berat terhadap isu kesihatan terutamanya selepas COVID-19. Dengan ini, taman permainan jadilah pilihan utama bagi penduduk yang suka pergi berjoging atau membawa anak-anak mereka bermain di laman atau di taman permainan yang dekat dengan rumah. Namun, Johor Jaya perhatikan peralatan permainan, peralatan senaman atau larian trek atau fasiliti lain di taman permainan ini dalam keadaan kurang memuaskan atau kurang selesa. Sama ada besi peralatan berkarat, wayar tertanggal, bahan plastik atau gentian kaca yang digunakan sudah pecah, permaidani getah iaitu *rubber floor mate* yang dihampar juga rosak atau tercabut, sampah sarap yang tidak diangkut sehingga berbau busuk, kelihatan gelap kerana lampu tidak menyala pada waktu malam. Dan juga rumput tidak dipotong mengikut jadual dan sebagainya.

Kemudahan awam yang daif dan kurang memuaskan ini akan mengancam keselamatan pengguna terutamanya kanak-kanak. Sebagai contoh, kanak-kanak yang suka lari ke sana sini akan jatuh apabila *rubber floor mate* ini tercabut dan lantai menjadi tidak merata. Baik pulih pada masa yang tetap adalah penting. Ini telah *defeat purpose* nya iaitu berfungsi sebagai penyerap hentakan. PBT harus sentiasa memastikan keadaan peralatan dan kawasan tersebut dalam keadaan bersih, selesa dan selamat digunakan. Sebagai contoh, terdapat satu taman permainan di kawasan Johor Jaya, Jalan Teratai 49, papan baik pulih



telah diletak sejak tahun 2021. Katanya kerja selenggara akan dijalankan dalam tempoh satu tahun iaitu dari tahun 2021 hingga tahun 2022. Sehingga kini, kerja masih belum dilaksanakan. Dengan ini, Johor Jaya bercadang supaya pertama, kaji semula keselamatan peralatan permainan dan menjalankan penyelenggaraan pada masa yang tepat. Kedua, menambah baik reka bentuk dan cat supaya lebih menarik. Ketiga, menambahkan alat senaman kepada kegunaan warga emas memandangkan negara kita akan menjadi negara menua pada tahun 2030.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, selama 10 tahun Johor Jaya bahas dalam Dewan yang mulia ini, dari blok pembangkang ke blok kerajaan dan kemudian ke blok pembangkang dan sekarang berada di blok pengimbang. Saya yakin semua Wakil Rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat memang ikhlas dalam perkhidmatan masing-masing sebab kita diberi tanggungjawab besar dan mandat daripada pengundi. Seperti apa yang disebut oleh ketua pengimbang, kami menghadiri mesyuarat JKTD dengan membawa isu kawasan supaya isu-isu tersebut dapat diselesaikan dengan baik. Kami berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Barisan EXCO dengan hati yang terbuka penuh keikhlasan. Dengan itu, mana-mana pihak jangan mempertikaikan hati kami sebagai rakan strategik dengan sangkaan buruk, jangan menyebarkan virus memecahkan perpaduan dalam Dewan yang mulia ini atas titah Tuanku.

Izinkan saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun. Kalau ada jarum yang patah jangan simpan dalam peti, kalau prasangka resah gelisah, murnikan jiwa bersihkan hati. Akhir kata, sama-sama kita berganding bahu memastikan Belanjawan 2024 dan segala usaha Kerajaan Negeri Johor dapat direalisasikan demi keharmonian dan kesejahteraan rakyat, kemajuan negeri Johor dan perpaduan negara. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Johor Jaya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok 28 November 2023 jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI SELASA**

**28 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sedikit perkongsian ilmu mengenai Parlimen United Kingdom. Mereka bersidang di bilik yang kecil dan dihiasi secara sederhana dengan tema hijau dan *upper house* tema merah. Ahli kerajaan duduk di sebelah kanan, sementara ahli pengimbang duduk di bangku sebelah kiri. Di hadapan setiap set bangku, satu garisan merah telah dilukiskan pada permaidani dan para ahli secara tradisional tidak dibenarkan melintasi garisan itu sewaktu perdebatan. Ini untuk mengelakkan pergaduhan dan bertumbuk antara satu dengan lain.

Tidak semua Ahli Parlimen boleh dimuatkan dalam bilik persidangan kerana ia hanya menyediakan 420 tempat duduk berbanding 646 Ahli Parlimen United Kingdom. Ahli Parlimen yang datang lewat harus berdiri berhampiran tempat masuk dewan jika mereka ingin mengikuti perbahasan. Walaupun dewan perbahasan kecil dan sempit, tetapi tradisi perbahasan amat berkualiti dan diutamakan. Justeru, Dewan Negeri Johor yang cantik dan lengkap dengan berbagai kemudahan seperti monitor, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memelihara perbahasan yang berkualiti. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN**

**YB Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Sedili.

**YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Sedili nombor 1.

Permintaan ke atas permohonan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dalam DUN Sedili adalah sangat tinggi. Apakah Kerajaan Negeri masih ada perancangan bagi penambahan lot baru Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ini, mohon agar ditambah dan kelulusan sebaiknya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam Maju Johor.

Soalan YB Sedili berbunyi permintaan ke atas perumahan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dalam DUN Sedili adalah sangat tinggi. Apakah kerajaan negeri masih ada perancangan bagi penambahan lot baru Program PPRT ini, mohon agar ditambah dan kelulusan sebaiknya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Program Perumahan Rakyat Termiskin atau dipanggil PPRT adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Sepertimana juga Rumah Mesra Rakyat atau dipanggil SPNB tertakluk di bawah

bidang kuasa Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan. Hal ini bermakna jumlah peruntukan adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan.

Menyedari bahawa keperluan perumahan sedemikian sangat diperlukan oleh rakyat Johor, maka Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor telah memperkenalkan satu program dipanggil Rumah Kasih Johor. Objektif Rumah Kasih Johor ini adalah membina rumah kepada golongan dalam senarai e-Kasih atau golongan miskin dan miskin tegar yang mempunyai pemilikan tanah. Kos pembangunan rumah adalah ditanggung keseluruhannya oleh pihak Kerajaan Negeri Johor.

Program ini yang telah dimulakan pada tahun 2023 telah memberi manfaat kepada seramai 50 peserta, di mana setiap satu daerah dalam negeri Johor diperuntukkan 5 buah. Jadi keseluruhan Johor ini ada 10 daerah, dengan jumlahnya 50 buah.

Justeru itu, program Rumah Kasih Johor ini yang akan diteruskan pada tahun 2024 dengan tambahan peserta di setiap daerah seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, seramai 1,200 orang keluarga miskin golongan miskin akan diperuntukkan Rumah Kasih Bangsa Johor ini. Saringan peserta Rumah Kasih Johor ini adalah di bawah penyelarasan Pejabat Daerah. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan nama daripada peserta yang layak oleh Wakil-Wakil Rakyat kepada Pejabat Daerah untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri Johor.

Untuk makluman tambahan, tahun lepas kita memperuntukkan lebih 50 unit rumah dengan nilai kos RM6.5 juta dan insya-Allah untuk tahun 2024, peruntukan sebanyak RM17 juta untuk membina 120 unit rumah untuk keluarga miskin dalam negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum itu Dewan ini mengalu-alukan kehadiran para pemerhati ke persidangan pada hari ini iaitu 3 orang daripada Pejabat ADUN Sungai Balang. Ada? 9 orang daripada Pejabat ADUN Johor Lama, kalau ada bangun ya. 44 orang daripada Pejabat ADUN Bukit Pasing, 3 orang daripada Pejabat ADUN Tenang, 2 orang daripada Pejabat ADUN Gambir, 3 orang daripada Pejabat ADUN Tanjung Surat dan 2 orang daripada Pejabat ADUN Kota Iskandar. Dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Soalan tambahan...

**YB Speaker** : Ooo nak tanya soalan tambahan. Silakan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Ya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB Sedili kerana membangkitkan perkara ini dan terima kasih kepada jawapan daripada Dato' EXCO tentang Program Perumahan Rakyat Termiskin. Saya pun kami di Dewan Negeri ini dimaklumkan tadi sebentar tadi oleh YB Dato' EXCO tentang Program Perumahan Rakyat Termiskin ini di bawah KKDW. Perkara ini sebenarnya di luar pengetahuan kita. Contohnya Yang Berhormat Datuk Speaker, di daerah Batu Pahat saya ingat satu-satunya Program Perumahan Rakyat Termiskin berada di Sri Medan. Saya ingat lebih daripada 30 tahun.

Saya pun telah membangkitkan perkara ini di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah sebelum ini tentang siapa yang akan menguruskan kalau ada kerosakan, siapa nak membaiki? Jadi, saya meminta pandangan daripada Yang Berhormat Dato' EXCO berkenaan program-program untuk membaiki pulih kerana Perumahan Rakyat Termiskin ini, dia telah melebihi tempoh yang terlalu lama, lebih 30 tahun kerosakan banyak. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan membantu untuk kerja-kerja membaiki pulih bagi kita membantu mereka yang tinggal di dalam Program Perumahan Rakyat Termiskin. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih kepada YB. Sebenarnya seperti yang saya maklumkan kita ada 3 kategori kat sini :

1. PPRT–PPRT ini dipanggil Program Perumahan Rakyat Termiskin ini bawah dulu dipanggil KKDW atau Kemajuan Desa dan Wilayah yang terbaru ini.
2. Satu rumah RMR atau Rumah Mesra Rakyat. Dia di bawah SPNB.

Dua ini adalah diselaraskan di peringkat persekutuan atau contoh SPNB ini, dia pemohon dia mesti melalui *online* SPNB. Dan penilaian dan keputusan dibuat oleh peringkat SPNB atau di peringkat persekutuan. Sebab itu di peringkat Kerajaan Negeri Johor seperti yang disarankan sebelum ini kepada oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita membuat satu kaedah yang sama dipanggil Rumah Kasih Johor. Rumah Kasih Johor ini adalah rumah kasih yang dipengerusikan di peringkat Pejabat Daerah, daerah-daerah untuk menapis mereka-mereka yang layak.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, tahun lepas kita telah umumkan 50 unit dan insya-Allah Q1 2024 akan siap sebanyak 50 unit. Dan tahun 2024 *allocation* baru dengan izin, ada lagi 120 unit dan ditambah kepada 10 daerah, maksudnya setiap daerah akan dapat 10 unit dan peringkat YB boleh cadangkan.

Menjawab soalan Sri Medan tadi, kita sedia maklum bahawa di peringkat Kerajaan Negeri Johor, kita di peringkat Perbadanan Kemajuan Negeri Perbadanan Kemajuan Johor, kita jika ada isu-isu seperti perumahan-perumahan yang perlukan bantuan atau tanah daripada PKPJ, insya-Allah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Dijemput Sungai Balang.

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Sungai Balang nombor 2. Terima kasih.

Apakah perkembangan terkini program jalur lebar untuk masjid dan Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dan berapakah jumlah masjid dan SAKJ yang telah menerima manfaat daripada program tersebut setakat ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang bertanya berkenaan perkembangan terkini program jalur lebar untuk masjid dan sekolah di Negeri Johor dan berapakah jumlah masjid dan Sekolah Agama Kerajaan Johor yang telah menerima manfaat.

Kerajaan mensasarkan sebanyak 583 buah sekolah yang akan menerima manfaat pemasangan internet, Wi-fi yang akan dipasang secara berfasa. Semalam saya dah sebut Yang Berhormat Datuk Speaker, sekolah agama akan dipasang Wi-fi untuk dilaksanakan Program Pendidikan Digital Negeri Johor.

Sasaran bagi tahun 2023 adalah sebanyak 140 buah yang terpilih akan menerima Wi-fi dengan kos melebihi RM400,000.00 ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sasaran ini terbahagi kepada 2 fasa iaitu fasa pertama 20 buah sekolah dan fasa kedua 120 buah sekolah terpilih.

Sehingga November 2023, sebanyak 20 buah sekolah fasa satu telah pun selesai pemasangan yang digunakan sepenuhnya. 20 buah fasa yang pertama ini Yang Berhormat Datuk Speaker ialah fasa pemantauan bagi 20 sekolah yang pertama.



Bagi fasa kedua tahun ini, sebanyak 72 buah sekolah selesai dipasang perkakasan Wi-fi di sekolah yang terpilih. Bakinya sedang dalam pelaksanaan pemasangan dan dijangka dapat selesai ke semua 120 buah sekolah fasa dua pada Disember 2023 ini.

Bagi DUN Sungai Balang, sebanyak 3 buah sekolah agama yang menerima manfaat Wi-fi dan *Smart TV* daripada Perbadanan Islam Johor bagi melengkapi pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. Sekolah tersebut ialah Sekolah Agama Parit Jamil, Sekolah Agama Sungai Balang Darat dan Sekolah Agama Sungai Resik.

Insyaa-Allah pada tahun hadapan 2024, inisiatif ini akan diteruskan bagi memastikan 583 buah Sekolah Agama Kerajaan Johor Ke Arah Pembelajaran Abad Ke-21. Pendigitalan masjid dan surau negeri Johor melalui inisiatif kemudahan Wi-fi masjid dan surau negeri Johor kini berada pada landasan yang terbaik dan akan diteruskan untuk tahun 2024. Untuk rekod, setakat 16 November 2023, sebanyak 21 buah masjid dan surau telah menerima kemudahan Wi-fi di seluruh negeri Johor. Sekali gus jumlah ini menunjukkan kemajuan KPI tahun 2023 telah mencapai 94% bagi suku tahun keempat yang menelan belanja sebanyak RM470,404.80. Antara daerah yang telah siap pemasangannya adalah Segamat, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing. Bagi DUN Sungai Balang, sebanyak 4 buah masjid yang menerima manfaat pemasangan Wi-fi ini iaitu di Masjid Ubudiah Parit Limbong, Masjid At-Taqwa Parit Pecah, Masjid Jamek At-Taqwa dan Masjid Al-Ihsan Parit Jawa.

Pada masa yang sama, pendigitalan masjid dan surau negeri Johor telah memperkasakan fungsi masjid dan surau sebagai pusat rujukan umat Islam sejagat. Dengan itu kemudahan Wi-fi di masjid dan surau yang dirancang pada tahun hadapan dengan anggaran kos RM878,609.60 bakal memberi manfaat kepada 320 buah masjid dan surau melalui pelbagai jenis penggunaan Wi-fi seperti urusan pentadbiran masjid dan surau, aktiviti pengimarahkan, kewangan, pendidikan dan pembelajaran, sumbangan dan sukarelawan dan lain-lain termasuk penggunaan keselamatan dan info setempat. Dan untuk makluman Dewan yang mulia, Wi-fi yang telah dipasang di masjid dan surau Yang Berhormat Datuk Speaker, telah pun digunakan secara *live* bagi Program Solidariti Bangsa Johor untuk Palestin tempoh hari yang sehingga sekarang menunjukkan *viewers* nya seramai 46,000 orang. Yang ini juga semasa hari berlangsung di Masjid Sultan Iskandar tempoh hari, dipasang juga di masjid dan surau yang telah pun mempunyai kemudahan. Ini adalah bagi maksud mendigitalkan masjid surau kita. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Dijemput Sungai Balang

**YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih YB EXCO Semerah di atas penjelasan. Cuma soalan tambahan saya adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menguar-uarkan memperluaskan penerima jalur lebar ini di Sekolah Agama Kerajaan Johor, masjid, surau dan apakah penyelesaian pihak kerajaan negeri bagi sekolah dan masjid di kawasan liputan jalur lebar yang sedia ada? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang atas soalan tambahan. Untuk makluman Dewan yang mulia, melalui inisiatif pemodenan pengimarahkan masjid dan surau di bawah Teras Keenam Orang Muda Johor strategi pemerkasaan pendidikan syiar Islam telah mensasarkan pemasangan kemudahan Wi-fi di 800 buah masjid dan surau negeri Johor bagi tempoh 5 tahun bermula tahun ini. Inisiatif ini telah mendorong perluasan kemudahan jalur lebar bukan sahaja di masjid dan surau setiap daerah, malahan secara tidak langsung inisiatif ini telah memberi impak perluasan kemudahan jalur lebar di beberapa tempat meliputi rumah kediaman, kawasan taman, komuniti dan sebagainya. Melalui kajian keberkesanan pemasangan Wi-fi masjid surau negeri Johor pada tahun ini, sebanyak 96.1 responden mencadangkan agar kemudahan ini diteruskan kerana memberi manfaat kepada orang muda, membantu

pertambahan jemaah hadir ke masjid dan surau serta memberi impak kepada pengimarah masjid dan surau, biar pun mengakui cabaran utama mengendalikan kemudahan ini adalah bebanan mengawal penggunaan Wi-fi di masjid dan surau itu sendiri. Insya-Allah pada tahun hadapan tambahan sebanyak 160 buah masjid dan surau akan dilengkapi dengan jaringan Wi-fi ini dan menjadikan sebanyak 320 buah masjid dan surau daripada 2,776 masjid dan surau negeri Johor akan dilengkapi dengan kemudahan internet.

Bagi Sekolah Agama Kerajaan Johor pula, Yang Berhormat Datuk Speaker, tambahan sebanyak 200 buah sekolah akan dilengkapi dengan jaringan Wi-fi dan menjadikan keseluruhannya 340 buah sekolah agama daripada 583 buah sekolah akan dilengkapi jaringan internet pada tahun hadapan. Bagi isu penyelesaian sekolah, masjid dan surau yang berada di luar liputan jalur lebar, setakat ini alternatif yang digunakan adalah dengan mendapatkan cadangan syarikat TELCO yang mempunyai kemudahan infra. Sekiranya setengah kawasan dicadangkan belum mempunyai liputan Telekom Malaysia (TM), pihak Jabatan akan mendahulukan sekolah, masjid dan surau yang mempunyai liputan terlebih dahulu. Pihak Jabatan juga bersedia dan berbincang untuk melantik mana-mana TELCO yang mampu memasang perkhidmatan Wi-fi sekiranya kawasan tersebut tidak mendapat liputan TM. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Kemelah.

**YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah)** : Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Kemelah nombor 3. Terima kasih.

Adakah pemantauan akan dilakukan secara berkala atau hanya selepas kerja-kerja turapan jalan siap dilakukan memandangkan terdapat sebahagian jalan yang diturap tidak rata serta (bahu jalan) terlalu tinggi hingga mendatangkan risiko kepada kenderaan ringan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Kemelah yang bertanyakan berkenaan pemantauan kerja-kerja pembaikan jalan. Pihak saya sentiasa menerima aduan daripada orang awam terutamanya melalui media sosial yang turut mengadu tentang sama ada jalan yang rosak atau kerja-kerja pembaikan yang tidak sempurna.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, aduan ini terbahagi kepada 2 kategori. Yang pertama ialah aduan mengenai kerosakan jalan dan satu lagi kategori ialah aduan mengenai prestasi kontraktor dalam melakukan sesuatu kerja sama ada isu semasa kerja dijalankan atau pun hasil kerja mereka. Untuk aduan kerosakan, sebenarnya pihak konsesi yang diberi tanggungjawab untuk menyelenggara jalan-jalan negeri dan persekutuan mempunyai pasukan rondaan mereka sendiri. Rondaan yang dilakukan oleh pihak konsesi jalan negeri ialah sekali seminggu untuk jalan utama dan 2 kali seminggu untuk jalan protokol. Untuk jalan-jalan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, rondaan dibuat 2 kali seminggu, manakala untuk jalan persekutuan, pihak konsesi melakukan rondaan 2 kali seminggu.

Namun begitu disebabkan jalan-jalan yang perlu dipantau ini adalah panjang, ada kemungkinan besar sesuatu lokasi rosak itu tidak dipantau dalam tempoh yang lama ini menyebabkan kerosakan jalan itu tidak disedari. Selain pemantauan dibuat oleh pihak konsesi pihak JKR dan PBT juga ada melakukan rondaan dan juga pemantauan secara rawak dan berdasarkan aduan. Oleh itu, aduan daripada orang awam sangat-sangat dialu-alukan. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, media sosial juga menjadi salah satu saluran utama untuk orang awam membuat aduan, cuma di media sosial pihak kami memerlukan perincian seperti lokasi sebenar aduan tersebut. Untuk pemantauan terhadap kerja dan hasil kerja kontraktor pula, pihak konsesi, Jurutera Perunding, Jurutera JKR dan juga Penolong

Jurutera akan melakukan pemantauan. Sekiranya kontraktor tersebut dilantik oleh pihak konsesi, maka menjadi tanggungjawab pihak konsesi untuk memastikan kerja-kerja dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan seperti tempoh kerja, persekitaran di tempat kerja dan juga hasil kerja.

Antara skop kerja Jurutera Perunding adalah untuk memberikan khidmat perundingan kerja-kerja reka bentuk struktur berdasarkan keperluan termasuk bagi kerja-kerja kecemasan. Dan juga memantau kerja-kerja rutin dan berkala yang dilaksanakan mengikut spesifikasi JKR. Sekiranya sesuatu projek itu dilaksanakan tanpa Jurutera Perunding maka menjadi tanggungjawab Jurutera dan Penolong Jurutera untuk melakukan pemantauan seperti menyemak dan menyelia kerja-kerja rutin dan berkala mengikut spesifikasi JKR, menyemak laporan bulanan bagi kerja-kerja fizikal dan bukan fizikal dan juga koordinasi pemeriksaan mandatori bagi jambatan secara tahunan serta laporan tahunan, serta juga menyemak dan membetulkan jadual kerja yang dimajukan oleh pihak konsesi agar mematuhi garis panduan JKR.

Sebagai langkah penambahbaikan, selain pemantauan dibuat oleh pihak konsesi, Jurutera Perunding JKR dan PBT, kerajaan melalui *Johor Centre For Construction Development* (JCCD) selepas ini akan memantau prestasi kerja semua kontraktor. Sekiranya JCCD menerima aduan dan siasatan mendapati pihak kontraktor tidak mematuhi syarat-syarat kerja seperti bekerja melebihi tempoh masa yang ditetapkan, tidak menyediakan TMP yang sempurna, kerja yang tidak mematuhi SOP dan juga kualiti kerja yang tidak memuaskan, JCCD boleh mengambil tindakan dengan sama ada menurunkan taraf syarikat berkenaan ataupun menamatkan pendaftaran syarikat tersebut. Dengan penamatan pendaftaran syarikat, syarikat tersebut tidak boleh lagi menerima sebarang kerja yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

**YB Speaker** : Sila Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih YB Exco di atas jawapan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir selalu menerima aduan berkenaan dengan jalan yang baru diturap menyebabkan bahu jalan itu menjadi rendah dan akhirnya membahayakan kepada pengguna-pengguna motosikal dan juga kenderaan ringan. Jadi isu yang cuba Gambir sampaikan pada hari ini adalah bolehkah atau tidak kos untuk membina ataupun menurap baru jalan raya itu terutama di kampung dan desa, memasukkan juga kos menurap bahu jalan supaya ianya boleh dibuat secara sekali gus tanpa memohon peruntukan tambahan untuk kita menurap bahu jalan. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Gambir atas soalan tambahan. Saya setuju sepatutnya memang projek yang melibatkan pembaikan jalan termasuk sekali dengan bahu jalan dan mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Gambir itu ialah kerja-kerja *maintenance*, selenggara kerja-kerja melibatkan penyelenggaraan khususnya jalan negeri yang menggunakan peruntukan MARRIS kita tidak boleh melebarkan jalan dan sebagainya, hanya *maintenance* sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, seperti saya sebut tadi sepatutnya kalau projek yang melibatkan jalan memang kita akan masukkan sekali bahu jalan dan perabot jalan dan sebagainya. Insya-Allah selepas ini saya akan semak balik dengan pihak kewangan negeri sama ada kita boleh juga gunakan peruntukan MARRIS untuk digunakan untuk pelebaran dan juga penambahbaikan di bahu jalan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Minta maaf Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong penuhlah apa yang telah dilakukan pihak JKR atau pihak Selia Senggara dan juga konsesilah yang telah melakukan kerja-kerja penyelenggaraan. Cuma apa yang saya lihat di sini, jika dibenarkan pertanyaan saya atau boleh jawab atau tidak saya tak ada masalah mungkin boleh bertulis. Spesifikasi jalan-jalan yang ada pada hari ini sama ada masih bersesuaian dengan ketebalan yang ada, kerana kalau kita lihat pada hari ini dengan jumlah kenderaan yang banyak, dengan kenderaan berat yang selalu keluar masuk di kampung mungkin mengakibatkan kerosakan jalan dengan lebih kerap dan juga yang kedua, saya ingat 20 atau 30 tahun dulu, pihak KPRJ ni pernah menjalankan kerja-kerja membina jalan dan sebagainya, di kawasan-kawasan kampung saya lihat ada memasang pagar untuk mengelakkan daripada kenderaan berat melalui jalan tersebut. Adakah pihak kerajaan boleh menimbangkan untuk kita melihat semula spesifikasi untuk ketebalan jalan, *premix* dan juga memasang pagar dan juga yang ketiga kerja-kerja untuk *compaction*. Kalau kita lihat ketika membina jalan-jalan baru penggunaan jentera berat mungkin seberat 8 tan tapi untuk kerja-kerja penyelenggaraan mungkin penggunaannya menggunakan *compactor* yang kecil, adakah ini disedari oleh pihak konsesi atau pihak JKR? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Untuk soalan yang pertama berkenaan dengan spesifikasi jalan, saya setuju. Ada banyak jalan-jalan kita Yang Berhormat, telah jauh daripada spesifikasi asal, sebagai contoh saya ingat 2, 3 minggu lepas saya dengan Yang Berhormat Puteri Wangsa ada melawat kawasan FELDA Ulu Tebrau. Jalan tu sebenarnya jalan FELDA tetap disebabkan perkembangan pembangunan negeri Johor, jalan tu dah jadi jalan utama. Dan bila kita kesan jalan tersebut Yang Berhormat Datuk Speaker, kita memerlukan lebih kurang RM9.0 juta untuk kita ganti balik kerosakan ini sebab dia dah melibatkan kerosakan struktur asal jalan itu. Sepatutnya jalan tu jalan FELDA, jalan orang kampung guna, tapi telah digunakan oleh kenderaan yang berat tapi kita ada juga permohonan yang diangkat Yang Berhormat untuk menaik taraf jalan-jalan sedia ada, cuma untuk jalan-jalan federal kita ada kekangan sedikit sebab ia dilakukan mengikut permohonan. Sebagai contoh, Jalan Pasir Gudang, kita alhamdulillah kita dapat peruntukan untuk menggunakan kaedah yang lebih tahan lama, melibatkan struktur iaitu kaedah CIPR tapi, satu kosnya tinggi dan kaedahnya tak banyak diguna pakai di Malaysia, jadi kita kena susun baik-baik tetapi saya setuju dengan cadangan untuk kita menilai semula jalan-jalan di seluruh negeri Johor, sama ada masih kekal relevan untuk dilalui oleh kenderaan-kenderaan masa kini.

Untuk soalan kedua, satu cadangan yang baik, insya-Allah akan diusulkan supaya pagar-pagar dapat dibina supaya kenderaan tertentu sahaja boleh menggunakan jalan-jalan tersebut dan juga untuk *compactor* tadi tu, sama juga Yang Berhormat, isu ini ialah satu, isu kos tapi untuk jalan-jalan yang selalu berlaku kerosakan memang kita akan guna *compactor* yang 1 tan lebih, yang jenis *roller* pula. Contohnya, yang kita buat adalah di Pasir Gudanglah, sebagai contoh, sebab bila lokasi itu selalu berlaku kerosakan berulang ia melibatkan *structure base* kepada jalan tersebut dan kita akan menggunakan *compactor* yang lebih sesuai. Insya-Allah, cadangan-cadangan ini akan, akan kita pertimbangkan dalam pembaikan yang akan datang. Terima kasih.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Sri Medan, lain kali tanya satu soalan tambahan sahaja. Tak boleh sampai tiga.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Maaf Pengerusi, maaf Speaker, minta maaf.

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Jika banjir berlaku sewaktu berjalannya peperiksaan awam, apa tindakan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pelajar-pelajar yang terkesan akibat banjir.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, YB Pasir Raja bertanya jika banjir berlaku sewaktu berjalannya peperiksaan awam, apakah tindakan Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pelajar-pelajar yang terkesan akibat banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama dengan Lembaga Peperiksaan (LP) dan Majlis Peperiksaan Malaysia sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan semua calon yang layak dan telah mendaftar sebagai calon peperiksaan SPM dan STPM, sama ada calon sekolah atau calon persendirian berpeluang untuk menduduki peperiksaan termasuklah calon yang terlibat dengan bencana banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Peperiksaan telah mengeluarkan Pekeliling Persediaan Menghadapi Banjir yang mengancam perjalanan peperiksaan Operasi Payung Bilangan 1 Tahun 2001. Jadi, tindakan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan sekiranya berlaku banjir, calon disediakan tempat penginapan di sekolah dan penempatan di kediaman keluarga yang mempunyai akses terdekat di sekolah. Makan dan minum juga disediakan oleh pihak sekolah, kebajikan calon dan petugas peperiksaan adalah di bawah tanggungjawab sekolah. Selain daripada itu, kerjasama antara ATM dan JPAM digunakan untuk membawa calon ke pusat peperiksaan.

Kebebasan berpakaian kepada calon diberikan semasa peperiksaan dijalankan. Kebajikan calon dan petugas peperiksaan adalah di bawah tanggungjawab sekolah. Sekolah menyediakan peralatan kepada calon yang terlibat dengan banjir. Calon juga diberikan penangguhan menduduki peperiksaan oleh Pengarah Lembaga Peperiksaan. Tarikh menduduki peperiksaan SPM kali kedua akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemudahan lain yang boleh diberikan kepada calon yang terlibat dengan banjir, jika berlaku banjir, calon dibenarkan mengambil peperiksaan di mana-mana pusat peperiksaan yang berhampiran dengan kediaman mereka. Sekiranya calon terlewat hadir kerana bencana banjir, mereka boleh menduduki di pusat peperiksaan sebelum 30 minit peperiksaan dijalankan. Calon yang terlewat kerana banjir juga diberikan kemudahan menduduki peperiksaan di bilik kuarantin atau bilik berasingan selepas 30 minit peperiksaan berjalan dan masa gantian untuk menjawab soalan diberikan sepenuhnya. Bagi calon yang tidak hadir semasa hari peperiksaan kerana banjir, mereka akan menduduki peperiksaan kali kedua berdasarkan jadual yang akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai-Pegawai Daerah khususnya Pegawai Daerah Kota Tinggi juga Pejabat Daerah Kota Tinggi, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi, kerana sewaktu Kota Tinggi dilanda banjir pada tahun ini, penyelarasan dan gerak kerja sangat-sangat memudahkan segala urusan. Jadi, sama-samalah kita doakan moga-moga Kota Tinggi dan negeri Johor ini dijauhkan segala bencana.

Untuk makluman Ahli Dewan, ini info tambahanlah untuk pagi ini, hari ini pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) telah membuka *booth* di sebelah *wing* kanan Dewan,

jadi saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh singgah ke *booth* tersebut bagi mengetahui informasi dan perbincangan masalah liputan internet dan komunikasi di kawasan masing-masing. Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Tanjung Surat.

**YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Selari dengan pembangunan Pengerang sebagai hab pembangunan sektor kimia dan petrokimia, nyatakan insentif-insentif kerajaan untuk memastikan kawasan Pengerang kekal strategik dan menjadi pilihan utama pelabur asing.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi pembangunan kawasan Pengerang sebagai hab kimia dan petrokimia, kerajaan persekutuan melalui Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia atau *Malaysia Petroleum Resources Corporation* telah menubuhkan *Johor Petroleum Development Corporation* sebagai satu agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC), yang meliputi kawasan industri hiliran minyak dan gas dan industri petrokimia seluas 9,269 hektar di Pengerang, Kota Tinggi.

Mandat JPDC termasuk menjadi agensi termaju untuk perancangan dan penyelarasan kerja-kerja pembangunan industri hiliran minyak dan gas di PIPC dan mempromosi dan memudahcara pelaburan minyak dan gas hiliran dan petrokimia masuk ke PIPC. Pembangunan kelompok tenaga kerja berkemahiran yang sedia untuk diambil bekerja oleh industri serta memudahcara penglibatan tenaga kerja dan usahawan ataupun perniagaan tempatan dalam pembangunan ekonomi di kawasan PIPC.

Kawasan ini menempatkan kemudahan seperti loji penapisan minyak, loji penghasilan petrokimia, terminal pengangkutan produk cecair, tangki-tangki penyimpanan minyak mentah dan produk petroleum cecair, loji pengelasan semula serta prasarana dan kemudahan sokongan lain. Pembangunan PIPC telah pun dirancang mengikut *PIPC Master Plan* untuk dilaksanakan dalam tempoh 25 tahun di antara tahun 2013 hingga tahun 2037 dan telah menerima pelaburan komited hampir RM140 bilion setakat pertengahan fasa kedua pembangunan iaitu antara tahun 2020 hingga 2025.

Dalam Belanjawan 2024, yang baru diluluskan oleh Dewan Rakyat semalam, kerajaan persekutuan telah pun mengumumkan bahawa pembangunan PIPC akan terus disokong melalui pemberian Pakej Galakan Cukai Khas atau Elaun Cukai Pelaburan. Inisiatif ini adalah selari dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan *Chemical Industry Road Map 2030*, di mana sektor kimia dan petrokimia merupakan salah satu sektor yang digalakkan.

Dua pakej insentif utama sedang dibincangkan oleh pihak JPDC, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor bersama pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia untuk ditambah baik dan ditetapkan syarat-syarat permohonan dan kelayakan insentif cukai. Secara amnya, pakej satu, melibatkan bagi syarikat baharu dengan pelaburan minima sehingga RM500, pelaburan minima RM500 juta dan ke atas dalam aktiviti kimia dan petrokimia. Untuk pakej ini, pelabur bakal menikmati kadar cukai istimewa, untuk cukai pendapatan, elaun cukai pelaburan, pengecualian cukai, duti setem dan pengecualian duti import.

Dan untuk pakej dua, untuk memaju kawasan perindustrian di kawasan PIPC, di mana pemaju bakal menikmati kadar cukai istimewa. Turut dilaksanakan adalah inisiatif di bawah Rangka Kerja, *My MPTCHR* atau *Malaysian Men Power Training Certification Hiring and Retention Programme*, yang menyediakan latihan kemahiran industri termasuk *up-skilling* dan *re-skilling* pada rakyat Malaysia dan Bangsa Johor, demi mempersiapkan kelompok tenaga kerja berkemahiran, cekap serta mempunyai pensijilan daripada Institut Latihan Teknikal, yang mempunyai pentauliahan industri. Inisiatif ini juga memajukan permintaan industri, bermakna JPDC membuat pepadanan antara majikan yang memerlukan tenaga kerja mahir dengan calon-calon terlatih seperti mana yang saya kongsi dengan Dewan ini, pada awal tahun ini. Inisiatif *My MPTCHR* ini telah pun mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan sehingga antara tahun 2013 hingga akhir tahun lepas tahun 2022. Inisiatif ini telah menyediakan 6,299 orang tenaga kerja mahir, ini termasuk 3,700 dan dua tenaga kerja mahir yang dilatih dan diambil kerja oleh pelbagai majikan untuk keperluan masa pembinaan antara tempoh 2013 hingga 2022. Dan, untuk tempoh operasi telah pun melibatkan 2,597 tenaga kerja, tenaga kerja mahir dan daripada jumlah tersebut sebanyak 521 orang adalah orang tempatan dari kawasan Pengerang.

Kerajaan juga telah pun mengumumkan pembinaan lorong memotong di Lebuhraya Senai – Desaru, yang menghubungkan Pengerang dengan kawasan-kawasan ekonomi utama termasuk Bandaraya Johor Bahru, pelabuhan dan kawasan perindustrian di Pasir Gudang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Projek ini akan dapat membantu melancarkan aliran trafik yang semakin meningkat susulan pembangunan dan operasi PIPC dan kawasan peranginan di Desaru. Kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah Kota Tinggi, Majlis Perbandaran Pengerang dan Invest Johor juga sentiasa memberi konsentrasi bagi projek-projek di kawasan PIPC, supaya ia dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila.

**YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas jawapan yang diberikan tadi. Sememangnya projek PIPC ini merupakan projek yang berimpak tinggi dan memberi kesan langsung terhadap pembangunan ekonomi setempat. Jadi, soalan saya sebagai ADUN kawasan, apakah projek yang sedia ada, projek apa yang akan datang juga projek yang betul-betul komited untuk pembangunan pelaburan akan datang. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat, Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang, sehingga setakat ini telah pun ada 4 projek utama yang telah pun direalisasikan di kawasan PIPC iaitu *Pengerang Integrated Petroleum Complex* oleh Petronas yang melibatkan nilai pelaburan sehingga RM109.6 bilion yang melibatkan projek penapisan minyak, loji petrokimia dan tangki simpanan petrokimia serta terminal penegasan semula dan projek kedua utama yang direalisasikan oleh Dialog Group Berhad sebanyak RM14.71 bilion yang melibatkan jeti dan tangki simpanan. Projek ketiga adalah oleh Johor Corporation untuk Taman Perindustrian Pengerang Bersepadu yang lengkap dengan kemudahan dan infrastruktur untuk industri berat, sederhana dan ringan dan projek keempat oleh *Petronas Resource Two Energy Sdn Bhd* iaitu kompleks sehenti untuk memproses sisa berjadual kepada sumber tenaga. Dan sepertimana yang diumumkan baru-baru ini telah pun ada 2 projek yang dijangka akan dimulakan pada tahun depan iaitu oleh Syarikat Dialog – Morimatsu iaitu usaha sama antara Dialog Group Berhad dengan Morimatsu Limited, yang melibatkan perkhidmatan kejuruteraan sehenti dan fabrikasi untuk peralatan proses kritikal dan juga loji kemudahan modular, yang melibatkan pelbagai fasa, di mana fasa 1 dan fasa 2 melibatkan nilai pelaburan sehingga RM300 juta dan kerajaan sedang dalam perbincangan dengan syarikat tersebut untuk fasa ketiga.

Dan juga diumumkan adalah oleh Petronas Chemical Group Berhad untuk membina loji kitar semula kimia termaju di rantau Asia yang menghasilkan minyak hidrolisis dan projek ini sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Pihak JPDC juga aktif untuk, dalam, sedang perbincangan dengan beberapa syarikat lain untuk membuat keputusan pelaburan akhir ataupun dalam proses kajian kebolehlaksanaan yang melibatkan pelbagai projek, projek melibatkan pembinaan loji penapisan minyak, pemecahan, melibatkan cadangan pembangunan *bio-refinery* menggunakan minyak masak terpakai untuk menghasilkan bahan api bio yang melibatkan cadangan untuk pembangunan projek yang menghasilkan *entry low natural* untuk pelbagai aplikasi, yang melibatkan cadangan pembangunan ladang tenaga *photo watex* serta cadangan pembangunan projek penghasilan bahan kimia untuk *poly interim* dan sebagainya. Dengan adanya projek-projek sebegini, kita jangka kawasan Pengerang, kawasan Kota Tinggi akan terus dimajukan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Endau.

**YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah kerajaan bersedia untuk membina dan menubuhkan satu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di kawasan DUN Endau?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang dikemukakan oleh Endau adalah, adakah kerajaan bersedia untuk membina dan menubuhkan satu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di kawasan DUN Endau?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin terhadap kumpulan sasar Jabatan termasuklah warga emas. Pusat aktiviti warga emas ini adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial, dengan izin *reaching out* dan pembangunan, dengan izin *developmental* kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGO.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kriteria penubuhan sebuah pusat aktiviti ini adalah perlu mengambil kira perkara-perkara berikut :

1. Bilangan warga emas. Bilangan warga emas yang ramai dan berminat untuk menjalankan sesuatu aktiviti dalam sesebuah komuniti;
2. Lokasi. Lokasi premis hendaklah strategik dan mudah untuk diakses oleh warga emas dan orang awam. Ianya juga biasanya berhampiran dengan kemudahan awam;
3. Pemilihan Premis. Premis pusat aktiviti warga emas yang dipilih hendaklah mesra warga emas dan sesuai dengan program dan aktiviti yang hendak dijalankan seperti bangunan kerajaan, premis swasta, kuarters, balai raya dan sebagainya; seterusnya adalah
4. Komuniti Penggerak. Komuniti penggerak yang mempunyai minat dan komitmen dalam mengendalikan warga emas seperti pertubuhan bukan kerajaan, persatuan-persatuan komuniti setempat atau agensi swasta yang merupakan tulang belakang terhadap pelaksanaan pusat aktiviti warga emas ini; seterusnya



5. Sokongan pegawai (bunyi kuat) mohon maaf Datuk Speaker. Penubuhan pusat aktiviti warga emas ini hendaklah terlebih dahulu mendapatkan sokongan daripada pejabat kebajikan masyarakat, Pengarah bagi membolehkan proses permohonan dibuat serta lain-lain kriteria yang bersesuaian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehubungan itu mana-mana agensi swasta, NGO yang mempunyai keperluan dan cadangan bagi penubuhan pusat aktiviti ini yang baharu boleh membuat permohonan untuk penubuhan pusat aktiviti ini kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan untuk diangkat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penubuhan dan pemberian bantuan kewangan kerajaan berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Terima kasih Datuk Speake Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ya jemput Endau.

**YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan tadi dan soalan tambahan saya sehingga kini berapa buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang sedia ada di negeri Johor dan apakah kriteria untuk menjadi ahli PAWE? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Endau. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin terhadap kumpulan sasaran jabatan termasuklah warga emas. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif adalah menjadi objektif utama penubuhan pusat aktiviti ini.

Sehingga Oktober 2023, terdapat 16 pusat aktiviti warga emas yang telah berjaya ditubuhkan di negeri Johor dengan bilangan ahli warga emas yang berdaftar di pusat-pusat aktiviti tersebut adalah 3,959. Izinkan saya menyebutkan senarai pusat-pusat tersebut yang terdapat di negeri Johor mengikut Parlimen dan DUN.

1. Kluang;
2. Parit Keroma, Muar;
3. Johor Bahru di Johor Bahru;
4. Pasir Gudang;
5. Bukit Pasir, Muar;
6. Kota Tinggi;
7. Pusat Aktiviti Bandar Segamat, Segamat;
8. Pusat Aktiviti Tangkak di Tangkak;
9. Pusat Aktiviti Tenggara di Mersing;
10. Pusat Aktiviti Kawanku di Mersing;
11. Pusat Aktiviti Permai di Kulai;
12. Pusat Aktiviti Gemilang di Pontian;
13. Pusat Aktiviti Bandar Penawar di Kota Tinggi;
14. Pusat Aktiviti Labis di Segamat, Labis;
15. Pusat Aktiviti Seri Sulong, Batu Pahat; dan
16. Pusat Aktiviti Bandar Tenggara di Kota Tinggi

Yang Berhormat Datuk Speaker, penerimaan pelbagai lapisan masyarakat terhadap perkhidmatan pusat aktiviti warga emas ini telah menyebabkan kumpulan sasaran keahlian pusat aktiviti ini dikembangkan bagi membolehkan kemudahan ini dinikmati oleh semua pihak. Kriteria kumpulan sasaran bagi keahlian ini terbahagi kepada 2 iaitu :

1. Secara langsung – warga emas yang berumur 60 tahun ke atas yang sihat tubuh badan dan boleh berdikari;
2. Secara tidak langsung – ahli komuniti setempat seperti kanak-kanak, remaja, wanita, orang kurang upaya, keluarga dan komuniti rentan dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani.

**YB Datuk Mohamad Najib Bin Samuri (Parit Yaani)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 7.

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan di Klinik Kesihatan Tongkang Pechah dan Parit Yaani?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor kepada seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada Parit Yaani kerana telah menanya soalan melibatkan klinik kesihatan di kampung saya.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Klinik Kesihatan Tongkang Pechah telah menjalankan projek naik taraf di unit makmal dan pembaikan sekeliling pada tahun 2023, dengan jumlah kos RM450,000.00 dan telah pun siap sepenuhnya. Namun begitu menyedari bahawa kedatangan harian yang lebih 200 setiap hari, kawasan sekeliling yang membangun dengan pesat dan keluasan tanah sedia ada, membolehkan pihak Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat merancang untuk mengemukakan cadangan pembinaan klinik kesihatan baharu jenis 3 di Tongkang Pechah dalam jangka masa panjang.

Fasiliti serba baharu ini akan menyediakan perkhidmatan tambahan seperti radiologi, fisioterapi, pemakanan dengan kapasiti yang lebih besar daripada fasiliti sedia ada. Ini akan dimantapkan lagi dengan pembukaan Program Kesihatan Mental Komuniti (Mentari) yang akan mula beroperasi dalam jangka masa terdekat.

Klinik Kesihatan Parit Yaani pula juga telah mendapat projek naik taraf bernilai RM350,000.00 dan status projek kini berada di fasa akhir dan dijangka akan siap dalam masa terdekat ini. Berbeza dengan Tongkang Pechah, kawasan ini membangun dengan lebih perlahan, dengan kedatangan pesakit atau pun pelanggan sekitar 100 hingga 150 sehari.

Dimensi tanah sedia ada juga yang sedikit sempit menjadi kekangan kepada pembinaan klinik baharu dan erti kata kedua-dua klinik kesihatan dalam kawasan Yang Berhormat Parit Yaani telah menerima jumlah peruntukan RM800,000.00 dalam tahun 2023. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya jemput Parit Yaani.

**YB Datuk Mohamad Najib Bin Samuri (Parit Yaani)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat EXCO (Yong Peng), dia bantu kawasan Parit Yaani ini sebab dia tinggal di Tongkang Pechah. Selesai kedua-dua klinik di klinik kesihatan di Tongkang Pechah dan Parit Yaani. Apa pula perancangan kerajaan dalam masa meningkatkan kualiti perkhidmatan di klinik desa? Sebab klinik desa ini merupakan sistem perkhidmatan kesihatan yang paling dekat dengan orang kampung. Itu saja. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Ok, terima kasih Parit Yaani. Memang benar apa yang dikatakan oleh Parit Yaani. Sistem kesihatan yang paling dekat dengan orang kampung adalah klinik-klinik desa yang didirikan dalam kawasan pendalaman atau pun di kawasan kampung. Dan untuk maklumat Yang Berhormat, di klinik desa dalam kawasan Parit Yaani antaranya Klinik Desa Beroleh dalam tahun 2023 telah menerima peruntukan sebanyak RM349,000.00 untuk projek menaik taraf. Dan manakala bagi Klinik Desa Sungai Linau yang di bawah operasi KK Tongkang Pechah dan juga Klinik Desa Parit Yob yang di bawah operasi Klinik Kesihatan Parit Yaani telah tersenarai dalam fasiliti daif bagi cadangan kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih fasiliti kesihatan dalam tahun 2024, mudah-mudahan.

Dan untuk maklumat seisi Dewan, dalam tahun 2023 jumlah KK yang menerima peruntukan untuk dinaik taraf adalah 14 klinik kesihatan. Bagi klinik desa pula yang menerima peruntukan untuk menaik taraf adalah 29 buah dengan jumlah peruntukan RM13,629,430.16. Mudah-mudahan pada tahun 2024 nanti kita akan teruskan kerja-kerja menaik taraf klinik-klinik daif yang bergantung peruntukan yang diterima daripada pihak KKM. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Dijemput YB Kemelah.

**YB Puan Saraswati A/P Nallathamby (Kemelah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Kemelah nombor 8.

Johor merupakan antara pengeluar utama buah-buahan dan sayuran di negara ini, apakah potensi dan tumpuan yang boleh dititikberatkan pengusaha tempatan bagi mengembangkan lagi sektor yang telah mereka usahakan ini.

Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat YB Kemelah.

YB Kemelah bertanyakan berkenaan dengan potensi dan tumpuan kerajaan dalam membantu pengusaha tempatan mengembangkan lagi sektor yang telah mereka usahakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor merupakan pengeluar utama beberapa produk tanaman makanan negara terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran. Untuk rekod pada tahun 2022, Johor merekodkan keluasan tanaman buah-buahan terbesar iaitu seluas 50,217 hektar dengan pengeluaran terbesar iaitu sebanyak 772,317.4 metrik tan atau 34.5% daripada pengeluaran buah-buahan seluruh negara.

Untuk tanaman sayur-sayuran pula pada tahun 2022. Johor merekodkan keluaran, keluasan bertanam seluas 17,188.3 hektar dengan pengeluaran kedua terbesar selepas Pahang iaitu sebanyak 300 minta maaf iaitu sebanyak 245,330.4 metrik tan.

Kami ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini juga bahawa kerajaan berazam dalam agenda jaminan bekalan makanan negeri Johor untuk meningkatkan lagi pengeluaran industri tanaman makanan utama bagi komoditi buah-buahan dan sayur-sayuran ini. Untuk buah-buahan misalnya kerajaan negeri menyasarkan peningkatan pengeluaran buah-buahan fokus sebanyak 33.61% atau 230,436 metrik tan pada tahun 2027.

Buah-buahan yang menjadi fokus utama adalah betik, durian, nanas, pisang, tembikai, nangka dan kelapa. Untuk sayur-sayuran pula, kerajaan negeri menyasarkan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran fokus sebanyak 39.9% atau peningkatan sebanyak 44,977

metrik tan pada tahun 2027. Sayur-sayuran fokus adalah cili, halia, bendi, kacang panjang, sawi dan timun.

Bagi mencapai sasaran ini, kerajaan negeri melalui pelbagai agensi menyediakan pelbagai insentif bagi membantu petani melaksanakan aktiviti tanaman ini. Bantuan insentif meliputi pembangunan ladang seperti penyediaan kawasan, infrastruktur asas, benih dan input, teknologi dan IOT, sistem pengairan, peralatan, mekanisasi dan jentera, pusat pengumpulan hasil ladang dan lain-lain insentif yang boleh menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil tanaman.

Kerajaan negeri juga dalam usaha untuk merencanakan lagi aktiviti eksport produk hasil tanaman tempatan yang berpotensi ke negara serantau dan antarabangsa. Ketika ini Johor merupakan pengeksport utama produk pertanian ke negara jiran, Singapura termasuklah komoditi buah-buahan, sayur-sayuran dan produk hiliran.

Tanaman fokus utama Johor adalah seperti tanaman nangka, durian, kelapa, nanas, cili dan sayur-sayuran daun bagi pasaran negara jiran dan negara lain yang telah mendapat laluan pasaran. Sebagai contoh, komoditi nanas yang pada masa ini bukan hanya dieksport ke Singapura, malah merangkumi negara jiran negara China, Jepun, Korea Selatan, Negara Timur Tengah seperti Dubai dan Qatar termasuk juga Negara-Negara Eropah.

Dengan potensi permintaan dan pemasaran yang luas ini, kerajaan negeri menjadikan nanas sebagai salah satu komoditi berpotensi tinggi untuk dipertingkatkan keluasan tanaman dan pengeluarannya bagi memenuhi permintaan eksport. Untuk rekod, negara telah mengeksport nanas ke luar negara dengan nilai 1.2 bilion pada tahun 2022 dan sebahagiannya adalah datangnye daripada Johor.

Selain daripada nanas dan juga durian, nangka juga menjadi salah satu buah-buahan yang berpotensi untuk dieksport. Pada awal tahun 2024 nanti, Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama pengusaha tempatan akan melaksanakan penghantaran percubaan pertama eksport nangka ke China. Susulan pelaksanaan protokol baru berkaitan keperluan pemeriksaan dan kuarantin, telah dimeterai kerajaan Malaysia dan China pada 1 April lalu. Pemeteraian rasmi ini akan membuka peluang pasaran eksport baharu negara menerusi peluang potensi jualan ke negara berkenaan. Jadi kepada pengusaha-pengusaha nangka, saya harap akan merebut peluang pasaran ke China ini.

Keperluan untuk memenuhi permintaan eksport memerlukan perhatian kepada aspek kuantiti dan kualiti produk. Justeru kerajaan negeri melalui pelbagai agensi sentiasa bersedia untuk membantu para pengusaha untuk tujuan tersebut. Program kolaborasi antara syarikat peneraju dengan petani kecil dan sederhana juga akan diperkasakan bagi memastikan segala keperluan dan kriteria negara pengimport dapat dipenuhi, di samping potensi dan peluang ini dapat dirasai oleh semua peringkat pemain dalam sektor industri pertanian dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan peluang dan potensi ini pihak kerajaan menggalakkan para pengusaha untuk melaksanakan beberapa aspek:

1. Mendapatkan pensijilan My Gap, My Organic, MESTI dan HALAL. Ia penting untuk jabatan mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik ini bagi mengeluarkan makanan yang selamat dan berkualiti, menjaga keselamatan alam sekitar serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja.
2. Menggalakkan pengamalan pertanian moden dan berteknologi. Pengamalan ini akan meningkatkan pengeluaran di samping dapat menurunkan kos operasi dalam jangka panjang.

3. Bijak meneroka peluang pemasaran. Sebagai contoh, menjalankan pengurusan dan kolaborasi dengan pihak pengusaha lain seperti *Anchor Company*, sebagaimana program kolaborasi antara syarikat peneraju dan pengusaha kecil dan sederhana yang akan memberi manfaat dan *win win situation* dari segi peluang pemasaran, harga jualan yang berpatutan dan peluang perkongsian kepakaran. Kami juga menggalakkan pengusaha untuk memanfaatkan penggunaan media sosial.
4. Pengamalan *Intergrated Pest Management (IPM)* yang disyorkan oleh Jabatan. Ia bagi memastikan kawalan perosak dan penyakit yang berkesan bagi mengawal kemerebakan kerosakan teruk dan kehilangan hasil pertanian.
5. Sentiasa merujuk kepada jabatan berkaitan bagi tujuan perkembangan untuk dapatkan peluang serta nasihat daripada pihak Jabatan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Panti.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Datuk Speaker Panti merupakan, di kawasan Panti merupakan pengeluar nangka bagi negeri Johor. Antara isu yang dihadapi oleh pengusaha apabila saya turun ke ladang-ladang mereka adalah kekurangan pekerja, khususnya pekerja asing. Dan antara syarat yang dikenakan bagi mereka untuk mendapatkan pekerja asing adalah menyediakan kediaman ataupun hostel yang mempunyai CF dan sebagainya. Dan antara ada landang-ladang ini jauh daripada kawasan penempatan, so lebih mudah bagi mereka jika mereka dapat membina hostel atau pun kediaman dalam ladang itu sendiri. Tetapi bila dalam ladang ini syaratnya tak boleh ada bangunan kekal, so CF tak lepas tak boleh dapat. Soalan saya adakah kerajaan bersedia untuk bantu mereka dari sudut ini, maknanya memudahkan. Mungkin apa bagi pengecualian berbincang kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk pengusaha-pengusaha ladang ini, sebab mereka beri jaminan akan membina kediaman yang selamat dan sebagainya untuk pekerja-pekerja mereka. Dan saya minta daripada kerajaan bersedia untuk membantu mereka ni dari segi pekerja asing. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Panti atas soalan ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Dewan, bahawa isu ini bukan hanya kepada pengusaha nangka di Panti sahaja, ia sebenarnya isu yang dibangkitkan juga oleh bukan sahaja oleh petani-petani atau pengusaha tanaman, tetapi juga dibangkitkan sama oleh ladang dan ternakan kerana ia melibatkan Kebenaran Merancang (KM). Jadi untuk makluman Ahli Dewan dan Panti bahawa perbincangan sedang dan akan dilakukan bersama dengan Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan termasuk juga PBT-PBT untuk memikirkan bagaimana menyelesaikan KM khas untuk mereka menjalankan kerja-kerja pertanian dan penternakan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya Tangkak, sila.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Apa yang telah dijawab atau dikongsikan oleh Yang Berhormat EXCO tadi lebih kepada perkembangan atau mengembangkan lagi pengusaha pertanian ini dari hulu. Apa yang Tangkak ingin tanya adalah berkenaan dengan industri terutama industri buah-buahan bagi hiliran iaitu kami sedia maklum bahawa terdapat pengusaha-pengusaha terutama generasi kedua pengusaha kebun ini telah membuat industri buah-buahan, saya ambil contoh ada kita ternampak buah-buahan jambu batu kering atau pun buah-buahan lain. Jadi soalan daripada Tangkak soalan tambahan apakah bantuan atau ganjaran ataupun khidmat nasihat yang akan atau telah disediakan oleh Jabatan Pertanian khususnya bagi membantu lebih ramai terutama generasi kedua pengusaha kebun buah-buahan ataupun sayur-sayuran ini

untuk menceburi dalam industri pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran ini supaya dapat mengembangkan lagi sektor ini sehingga menjanakan pendapatan ataupun hasil untuk kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya terima kasih Yang Berhormat Tangkak yang telah membangkitkan perkara ini terutama tentang penglibatan anak muda dalam pertanian ataupun program hiliran tadi. Dan Yang Berhormat Datuk Speaker minta maaf tidak dapat menyertakan jawapan di sini kerana ia melibatkan ada banyak perkara yang boleh jabatan dan Pejabat Pertanian bantu dalam program tersebut jadi saya akan sertakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Tangkak. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat. Sidang kali ada jamuan buah-buahan ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker sebenarnya saya pun nak maklumkan bahawa seperti yang lepas-lepas Jabatan, portfolio ini dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri dan daerah-daerah bukan sahaja kali ini menyediakan buah-buahan durian, malah kita akan sertakan buah-buahan seperti yang disebutkan tadi termasuk nangka, rambutan dan sebagainya. Saya jemput semua Ahli Yang Berhormat untuk menikmati kenikmatan buah-buahan Johor pada Khamis nanti insya-Allah. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Terima kasih, jangan lupa ya. Saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar, ada soalan tambahan.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) :** Yang Berhormat saya bangun dulu.

**YB Speaker :** Saya bagi Kemelah dahulu.

**YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya mengucapkan terima kasih jawapan yang diberi oleh YB EXCO tadi. Langkah-langkah dan usaha-usaha yang dilakukan pihak jabatan sangat baik. Saya percaya boleh bantu pekebun dan menambah hasil keluaran mereka, soalan tambahan saya apakah pula jaminan Jabatan agar hasil yang meningkatkan nanti tidak menyebabkan lambakan hasil pertanian dan apa yang boleh dibantu terhadap harga yang mungkin jatuh ke paras terendah? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kemelah, terima kasih atas soalan ini. Sebenarnya Jawatankuasa ini sentiasa ambil maklum tentang perkara yang dibangkitkan oleh Kemelah, termasuk lambakan dan kejatuhan harga apabila berlaku lambakan atau pengeluaran satu-satu jenis tanaman itu banyak dalam satu masa. Sebagai langkah membantu lambakan ini, Jabatan Pertanian Negeri Johor dengan juga kerjasama beberapa jabatan lain, telah berusaha untuk membantu pengusaha ini.

Antaranya ialah jabatan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang telah membuka Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) yang di selenggara oleh Pertubuhan Peladang Kawasan atau PPK. Di Johor terdapat lebih kurang 29 PPHP ataupun Pusat Pertanian seluruh negeri yang bersedia untuk menjadi pusat pengumpulan kepada hasil pertanian, jadi saya harap agar mana-mana pengusaha atau petani di dalam kawasan-kawasan berkenaan bincang dengan Pertubuhan Peladang untuk mereka ambil tindakan atas lambakan ini.

Yang kedua Yang Berhormat Datuk Speaker perkara yang dilakukan oleh pihak FAMA. FAMA juga memainkan peranan yang penting untuk membuat belian secara langsung dan

juga membuat pengaturan pasaran kepada petani yang terjejas. Untuk rekod Ahli Dewan pada tahun 2022 sahaja sebanyak 966 metrik tan dengan nilai belian RM1.47 juta telah dijalankan melalui khidmat pemasaran urus niaga FAMA negeri Johor. Dan untuk tahun 2023 ini sehingga Oktober 2023 sebanyak 540 metrik tan dengan nilai RM1.28 juta telah dilakukan khidmat pemasaran oleh pihak FAMA iaitu FAMA telah membeli barang-barang ataupun hasil pertanian lambakan ini tetapi dengan harga yang bersesuaian, tidak terlalu tinggi tetapi tidak akan merugikan pengusaha. Antara komoditi yang agak terjejas dan biasa dibantu oleh FAMA ialah cili merah, pisang berangan, pisang tanduk, timun, ubi kayu, tembikai, buah-buahan bermusim seperti rambutan, pulasan, manggis dan durian.

Jadi sehubungan dengan itu, semua projek dan program yang disediakan ini diharap dapat dimanfaatkan oleh semua kumpulan sasar bagi memastikan hasil keluaran mereka dapat dipasarkan secara efektif seterusnya dapat bersaing dengan pasaran terbuka serta mengurangkan kerugian kepada petani. Terima kasih.

**YB Speaker** : Tenang nak tanya ke? Sila.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Kita tahu raja buah sangat popular iaitu buah durian dan kita melihat buah durian ini bermusim ya. Dan apabila luruh kita tengok dia berlambak-lambak dan kadang kala ianya tidak dapat dijual dan sebagainya. Jadi adakah usaha ataupun inisiatif daripada kerajaan negeri untuk membawa masuk pelaburan supaya durian-durian ini bukan sahaja dibuat semasa musim-musim ini, tetapi mengeluarkan produk dari durian itu sendiri. Saya pernah melihat satu kilang di Raub, di mana kilang itu khas hanya untuk mengeluarkan produk-produk daripada durian. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, durian yang kami akan hidangkan pada Yang Berhormat pada hari Khamis bukan kerana lambakan, itu untuk makluman. Tetapi saya setuju dengan apa yang dinyatakan Yang Berhormat Tenang tentang lambakan durian pada musim-musim utama. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Dewan bahawa pada beberapa tahun dahulu durian pernah jatuh ke paras ke 50 sen ke RM1.00 sekilogram. Tetapi kerajaan pada ketika itu telah mengambil inisiatif untuk mempromosi durian negara kita keluar dan antara negara yang menyambut atau mengimport durian dengan jumlah yang besar hari ini ialah negara China. Jadi, kemudian selepas daripada itu ada banyak pengusaha-pengusaha yang mula membuka ladang durian secara besar-besaran dan Jabatan telah membuat satu tinjauan bahawa jika tidak dilakukan sesuatu, dan jika pihak negara China menghentikan import durian negara kita, maka 2 atau 3 tahun akan datang akan berlaku lambakan durian secara besar-besaran kerana ada banyak pengusaha yang telah menukar tanaman biasa seperti getah, sawit dan sebagainya ditukar kepada durian.

Jadi Jabatan melalui FAMA telah mengambil inisiatif untuk membuka pusat pengumpulan hasil pertanian khusus untuk durian. Dan FAMA telah mencadangkan Tangkak sebagai pusat ini yang akan bekerjasama dengan pihak swasta untuk mengumpul durian ini, pertama untuk menjadikan ianya seperti yang disebut oleh Tenang tadi, hasil-hasil sampingan seperti pes dan sebagainya.

Dan yang kedua FAMA berusaha untuk mengumpul durian ini, disejukkan dan akan pasarkan durian di luar musim. Jadi kita harap usaha ini akan menjadikan durian Johor khususnya, akan dapat dijual semasa musim dan di luar musim. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan hari ini ada banyak pengusaha durian kita yang menghantar ke Raub seperti yang dimaklumkan oleh Tenang tadi, betul kerana kita tidak ada satu pusat pengumpulan khusus untuk menyimpan durian jangka masa panjang. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Yang Berhormat, negara China dah boleh tanam durian ke? Negara China, mereka dah boleh tanam durian sendiri ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, melalui laporan yang kami terima daripada Jabatan Pertanian bahawa di China ada satu wilayah yang telah mula cuba untuk menanam durian dan itu yang disebutkan oleh jabatan tadi, bahawa jika ia berjaya, maka kita bimbang eksport daripada negara kita ke China mungkin akan berlaku penurunan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya nampak wajah Datuk Speaker agak muram hari ini. Soalan saya nombor 9.

Dalam usaha kerajaan menjalankan Kempen Johor Bersih dan Lestari, apakah kaedah pengurusan sampah yang dihasilkan oleh kawasan kediaman bukan kawalan PBT dan juga setinggan? Bagaimanakah peranan agensi dalam memastikan mereka juga dapat menyumbang kepada kejayaan kempen ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada ADUN Kota Iskandar, soalnya berbunyi dalam usaha kerajaan menjalankan Kempen Johor Bersih dan Lestari, apakah kaedah pengurusan sampah yang dihasilkan oleh kawasan kediaman bukan kawalan PBT dan juga setinggan. Bagaimanakah peranan agensi dalam memastikan mereka juga dapat menyumbang kepada kejayaan kempen ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman, kawasan kediaman bukan kawalan PBT, pihak PBT, Pihak Berkuasa Tempatan seperti kawasan kampung, kawasan tidak bercukai adalah bukan kawasan selenggaraan dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal oleh PBT. Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam hanya diberikan kepada pembayar cukai PBT kerana ia melibatkan kos pengurusan perkhidmatan dan penyelenggaraan. Dengan pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah berkuat kuasa pada 1 September 2011, segala kerja-kerja tersebut dilaksanakan serta diuruskan oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara atau dipanggil JPSPN yang di bawah KPKT.

Buat masa ini, kaedah pengurusan sampah di kawasan tidak bercukai secara tradisional iaitu dengan dibakar atau ditanam serta diuruskan oleh pemimpin setempat. Walau bagaimanapun, pihak PBT telah mengambil langkah yang perlu bagi memastikan kawasan ini juga turut diberi perkhidmatan supaya tidak menjadi masalah, salah satu inisiatif adalah dengan membekalkan tong sampah berpusat, berkapasiti 1,100 liter dengan tong RORO secara CSR di lokaliti kawasan kediaman tidak bercukai serta menyediakan perkhidmatan pengurusan sampah dari rumah ke rumah dengan menggunakan pengangkutan *sidecar*, bagi sampah domestik secara berkala.

Pihak PBT juga turut membantu pihak Pejabat Daerah bagi melaksanakan Program Johor Bersih di kawasan-kawasan kampung dan kawasan pinggiran PBT serta diperluaskan di semua kawasan di Majlis bagi menjalankan aktiviti gotong royong yang melibatkan penduduk setempat. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' EXCO di atas penjelasan jawapan yang diberikan.



Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini, PBT khasnya Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah menghantar notis penilaian baharu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 137 dan 141. Dihantar kepada pemegang-pemegang atau pemilik harta di dalam kawasan pentadbirannya. Soalan saya, ini termasuk Yang Berhormat Datuk Speaker, kampung-kampung yang berhampiran, saya beri contoh, dulu kampung ini ditadbir, diurussetiakan oleh Pejabat Daerah, sekarang saya beri contoh dua, Datuk Pengerusi, pertama di Maju Jaya kawasan Skudai, dulu kampung, sekarang notis penilaian dibuat oleh pihak PBT kemudian di tempat saya Kota Iskandar sebagai contoh, Kampung Pulai, Kampung Pulai, nilainya amat tinggi. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah apabila mereka membayar cukai kepada pihak PBT, mereka-mereka ini dapat perkhidmatan seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' EXCO sebentar tadi, seperti pengendalian sampah, pemotongan rumput, sedangkan mereka baru masuk dalam PBT dan kemudahan asas dan keperluan lain masih berkurangan lagi. Jadi, supaya mereka ni dalam Johor Bersih ni, Kempen Johor Bersih dan Lestari ini mereka juga dapat faedah pembaikan seperti mana di taman-taman pentadbiran PBT tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum itu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat dalam Kempen Johor Bersih yang telah berusia lebih satu tahun empat bulan. Menjawab soalan ADUN Kota Iskandar sebentar tadi, untuk maklumat sidang yang mulia ini, pihak PBT di seluruh Johor ni ada 16 PBT. Dan di mana taman-taman perumahan, perdagangan atau industri yang ada notis cukai atau membayar cukai setiap tahun kepada PBT, mereka layak mendapat servis bukan sahaja untuk pembersihan longkang, rumput, sampah tetapi juga *allocation* untuk projek-projek pembangunan di kawasan masing-masing seperti pembinaan balai raya, gelanggang terbuka dan juga dewan. Begitu juga, baru-baru ini terdapat beberapa kampung seperti dinyatakan oleh ADUN Kota Iskandar, bahawa kampung-kampung ini terlibat dalam *exercise* untuk membayar cukai.

Untuk maklumat Datuk Speaker, proses untuk memasukkan kampung-kampung ini dalam Pihak Berkuasa Negeri atau PBT, dia mengambil tempoh yang lama. Sebenarnya dia ada sesi *Town Hall*, sesi penerangan sama ada penduduk-penduduk kampung itu bersetuju untuk di kampung mereka itu dikenakan cukai pada kadar yang rendah. Menjawab soalan ADUN Kota Iskandar, dah tentulah mana-mana kampung, yang membayar cukai, mereka mempunyai hak mendapat perkhidmatan seperti pembersihan longkang, potong rumput, mengangkat sampah dan bukan itu sahaja, di peringkat kampung-kampung baru ini boleh mencadangkan untuk projek-projek seperti gelanggang terbuka, dewan terbuka dan juga fasiliti-fasiliti lain termasuk juga infra seperti jalan dan longkang. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, Yang Berhormat, sila-sila.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) :** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh YB Dato' EXCO, soalan saya tentang tempat awam *or* yang saya dapat aduan seperti di trek pejalan kaki, yang sebelah Dataran Kampung Baru Kulai juga tidak dalam servis perkhidmatan sapuan oleh SWM, saya sudah semak dengan SWM lah dan mereka cakap hanya boleh buat secara CSR sahaja. Jadi soalan saya, bolehkah kita selaku Wakil Rakyat, kita boleh cadang masukkan tempat awam seperti ini dalam senarai servis, ini soalan saya. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih kepada ADUN Senai. Bila bercakap tempat-tempat awam ini, dia ada beberapa kategori sama ada tempat awam tu statusnya tanahnya bagaimana, sama ada kawasan lapang ataupun kawasan berpemilik atau kawasan swasta. Kalau misal status tanah itu adalah kawasan lapang dan ada *allocation* atau di dalam kawasan PBT tersebut, pihak Wakil Rakyat atau

pihak penduduk setempat boleh mencadangkan kawasan itu dimasukkan dalam kawasan senarai di bawah PBT. Tetapi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya nak beritahu bahawa untuk isu-isu penyelenggaraan, pembersihan parit dan longkang ini semua adalah di bawah tadbir urus SW Corp. Dan SW Corp. ini di bawah dia adalah dipanggil konsesi SWM. Bila maklumat atau permohonan itu dilakukan oleh YB kepada pihak PBT, pihak PBT akan memohon kepada SW Corp. dan melalui SWM memasukkan dalam senarai dan itu akan ada sedikit proses dan tetapi perkara itu boleh dilakukan asal sahaja kawasan lapang itu di dalam kawasan PBT. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Panti.

**YB Tuan Haji Hahasrin Bin Hashim (Panti) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 10.

Adakah agensi seperti JKM dan Baitulmal mempunyai perancangan untuk melaksanakan proses permohonan bantuan, kemas kini data dan lain-lain secara atas talian berbanding proses secara manual seperti dipraktikkan pada masa ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Panti. Soalan yang ditanyakan kepada saya, adalah, adakah agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitulmal mempunyai perancangan untuk melaksanakan proses permohonan bantuan, kemas kini data dan lain-lain secara atas talian berbanding proses secara manual seperti yang diamalkan pada masa ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jabatan, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin tentang menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada putaran kemiskinan dan mampu hidup berdikari. Bantuan kebajikan yang diberikan bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya, sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup lebih selesa dan sempurna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa ini terdapat dua kaedah proses permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu pertama, permohonan secara manual, pemohon perlu mengisi borang permohonan dan mengemukakan permohonan bersama dokumen dan surat sokongan yang lengkap kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan pemohon akan dihubungi bagi penetapan tarikh siasatan.

Kedua, permohonan bantuan secara talian. Permohonan bantuan kebajikan atas talian ini boleh dibuat melalui laman sesawang e-Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pemohon hendaklah memuat naik dokumen-dokumen sokongan diperlukan bagi membolehkan permohonan mereka diproses dan bagi permohonan yang tidak lengkap, pemohon perlu hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat tempat pemohon tinggal dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan untuk proses menghantar dokumen dan siasatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perancangan JKM terhadap pembangunan sistem permohonan dan pengurusan bantuan kebajikan terkandung dalam Pelan Tindakan Pendigitalan JKM 2021-2025, bertujuan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan digital kepada kumpulan sasar yang seterusnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan masyarakat di Malaysia. Berikut adalah objektif pembangunan yang dicadangkan oleh JKM, pertama, untuk membangunkan sebuah sistem berteknologi semasa, yang merangkumi proses-proses terlibat dan semua jenis bantuan kewangan yang diurus oleh JKM secara atas talian sepenuhnya dan mengintegrasikan agensi kerajaan dan swasta yang berkepentingan terhadap maklumat

penerima bantuan kewangan. Mewujudkan platform digital yang selamat dan berintegriti bagi semua pemegang taruh bersama-sama terlibat bagi memastikan permohonan bantuan kewangan diproses dan diluluskan dengan pantas.

Ketiga, mewujudkan satu pangkalan data profil penerima bantuan yang disediakan fungsi *business intelligence* yang berintegrasi dengan *MyGDX*. Keempat, pembangunan, membangunkan sistem yang boleh dicapai oleh rakyat Malaysia dan kakitangan awam di dalam pelbagai peranti digital seperti komputer tablet, telefon pintar dan fungsi keselamatan terkini. Dan akhirnya, pembangunan, membangunkan sistem yang mesra pengguna, yang berteknologi *geographical information system* dan *alert notification*. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Parit Yaani. 20 minit. (Dewan bertepuk.)

**YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani)** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Di kesempatan ini, patik mewakili seluruh rakyat DUN Parit Yaani dengan hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 serta sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Rakyat DUN Parit Yaani sentiasa mendoakan ke bawah Duli Tuanku serta seluruh kerabat diraja dilimpahi rahmat dan hidayah serta berada dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh kedaulatan.

Patik dan seluruh rakyat DUN Parit Yaani juga ingin merafakkan sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dipersembahkan kepada Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Seluruh rakyat DUN Parit Yaani juga dengan hormat dan takzimnya merafak sembah mengucapkan setinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor yang telah membawa pasukan bola sepak JDT jauh di persada dengan kejayaan memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga mengulangi kejuaraan Liga Super 10 kali berturut-turut dan insya-Allah dengan izin Allah kita sekali lagi menjulang Piala Malaysia 8 Disember ini. Dan malam ini pun kita sama-sama doakan delegasi dan juga pemain-pemain kita di Jepun akan memenangi Piala ACL.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak lupa di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pengurniaan Darjah SMIJ daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan juga pembentangan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2024 dengan tema "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Syabas juga kepada Yang Amat Berhormat yang telah memacu negeri Johor dengan prestasi yang cemerlang dan memperlihatkan Johor sebagai penyumbang terbesar

pelaburan dan perdagangan Malaysia mengatasi negeri-negeri lain. Insya-Allah dengan kekuatan dan semangat baru Yang Amat Berhormat akan terus maju memimpin negeri Johor Darul Ta'zim.

Sehubungan dengan itu, apa yang saya sendiri boleh gambarkan berkaitan dengan belanjawan pada kali ini khususnya pembahas-pembahas dalam masa dua hari ini rata-rata menyebut Johor Maju 2030. Tapi, saya ingin mengingatkan kita semua jangan setakat omong-omong kosong, macam nak buat, kena buat betul-betul. Kena buat sama-sama, kena kasi jadi. Jangan satu ketika dulu kerajaan seingat saya waktu itu saya masih sekolah rendah lagi, Yang Berhormat Datuk Speaker, sekitar tahun 90-an dibuatkan Wawasan 2020 ketika itu, daripada sekolah sampailah saya tiba 2020 panjang umur, Alhamdulillah, tak ada apa. Yang ada COVID.

Dan, hari ini, di Dewan yang mulia ini saya mohon kalau boleh apa pun pembangunan yang kerajaan rancang kena buat betul-betul, kena kasi jadi. Contohnya *high speed rail* ataupun kereta api laju yang sebelum ini dibatalkan oleh kerajaan pusat. Kalau kita lihat kenyataan akhbar pada tahun 2021, 29 Mac, pembatalan *HSR* Malaysia bayar pampasan lebih RM300 juta. Kemudian disebut di situ, pada 1 Januari lalu Perdana Menteri Malaysia dan Singapura dalam kenyataan bersama mengumumkan projek *HSR* sepanjang 350km ditamatkan. Kita rugi RM350 juta. Kalau kira RM350 juta tu macam-macam benda yang kita boleh buat. So, hari ini kita mohon peringkat kerajaan negeri bersama-sama dengan persekutuan kalau boleh diteruskanlah *high speed rail* itu kerana untuk menjelang Negeri Maju 2030 kemudahan pengangkutan awam ini begitu kira mendesak dan semoga dengan wujudnya kereta api laju tersebut dapat menghubungkan jalinan perdagangan ekonomi antara daerah-daerah di Johor Bahru, Batu Pahat dan juga daerah Muar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam belanjawan kali ini saya sangat tertarik dengan beberapa teras walaupun ada keseluruhannya 6 Teras, 29 Strategi dan juga 99 Inisiatif. Yang pertama, Teras Keempat, Kemudahan dan Keperluan Asas. Dalam strategi yang pertama, memperluas jaringan jalan raya dan juga perhubungan. Dalam inisiatif kedua iaitu pembinaan jalan serta jambatan negeri daerah Batu Pahat, ini daerah kita Yang Berhormat Datuk Speaker. Ada dua projek yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat, yang pertama adalah RM4.1 juta bagi membina laluan baru dari Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading. Alhamdulillah, ini sebenarnya isu besar di daerah Batu Pahat. Banyak Wakil Rakyat terlibat dan juga Ahli Parlimen dan juga ADUN. Terima kasih kepada kerajaan negeri yang dapat meneruskan projek tersebut. Dan, yang kedua ini RM5.4 juta bagi menaik taraf persimpangan Bindu dan jambatan di jalan Tongkang Pechah, Jalan Bindu, Batu Pahat. Alhamdulillah. Ini memang kawasan saya. Warga Parit Yaani khususnya di Tongkang Pechah pada hari ini merasa amat berterima kasih, bersyukur kepada kerajaan negeri kerana isu aliran trafik yang begitu sesak pada hari ini sedikit sebanyak dapat diselesaikan. Insya-Allah.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Teras Keempat juga ada inisiatif yang ketiga, Penyelenggaraan Jalan juga. Kerajaan negeri akan melaksanakan RM635 juta bagi penyelenggaraan jalan negeri, jalan PBT, jalan kampung dan jalan pertanian sepanjang 25,210km. Saya memohon agar kerajaan negeri memberi peruntukan sedikitlah kepada kawasan Parit Yaani yang mana sebenarnya di Mukim Linau, Batu Pahat itu dalam kawasan Parit Yaani terdapat sepanjang 111.920 km jalan pertanian. Jalan pertanian ini banyak yang rosak selepas banjir besar tempoh hari dan saya sangat-sangat berharap agar kerajaan negeri mempertimbangkan permohonan ini.

Seterusnya, adalah Teras Kelima iaitu Teras Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar. Yang ini, isunya sebenarnya berkait dengan isu banjir. Bila cerita tentang banjir ini di kawasan apa ni, Parit Yaani, ada tiga jenis banjir. Banjir kilat, banjir termenung

dan juga banjir besar. Ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dah rasa semua. Daripada tahun lepas sampai tahun ini saya dah rasa semua. Ketiga-tiganya dah rasa.

Dan untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat sekalian, dekat Dewan Negeri Johor ini ada dua je parit. N21, Parit Yaani dan juga N22, Parit Raja, sahabat saya. Dan, kita sebenarnya ada abang besar kita iaitu Parit Sulong. Hari ini kita ada Seri Medan wakil Parit Sulong. Kami ini Parit Raja dan Parit Yaani ni, apa-apa tunggu Parit Sulong. Kalau Parit Sulong tak selesai masalah memang kami pun tak akan selesai masalah, kalau isu banjir ni. Dan saya semalam ada berbual dengan Yang Berhormat Seri Medan juga berkaitan dengan banjir ini, banjir ni sebenarnya dia ada 3 segmen iaitu segmen sebelum, semasa dan selepas. Sebelum tu maknanya kita menghadapi pembukaan pusat-pusat pemindahan sementara, mengurus PPS awal, macam mana nak uruskan dia punya bekalan makanan, dia punya khemah dan sebagainya. Semasa tu memberi bantuan-bantuan seperti beras dan sebagainya. Dan, selepas inilah masalah selepas. Banjir dah selesai bulan Mac yang lepas tapi hari ini saya dimaklumkan di Batu Pahat masih ada lagi yang belum selesai menerima apa dipanggil Bantuan Wang Ihsan Banjir ataupun BWI. Ada yang merayu dan saya dapat makluman daripada RM2000.00 mungkin tak diturunkan tinggal RM1,000.00. Ha, ini kerajaan kena bertanggungjawab. Itu awal saya katakan tadi, kalau nak buat, buat betul-betul. (Dewan bertepuk.) Kasi jadi betul. Jangan kata nak bagi RM2,000.00 tinggal RM1,000.00. Marah orang kampung.

Kami ni daerah Batu Pahat, Yang Berhormat Seri Medan, Parit Raja semua ni boleh kata setiap kali malam, kalau ada hujan memang tidur pun tak tenteram. Memang itulah masalahnya. Sama juga YB Semarang pun dia senyum juga. Sama juga. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar saya hari ini berpeluang berbahas ber apa ni Yang Berhormat ada sekali kan. Itulah, di kesempatan ini..

**YB Speaker :** Boleh ulang baliklah, yang tak bayar tu, ulang balik.

**YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani) :** Itulah kalau boleh di kesempatan inilah saya pun kalau boleh nak mohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, habis je sidang Dewan ini, hari Ahad saya dengan orang kampung saya nak jumpalah. Walau dalam keadaan 15 minit ke 20 minit pun tak apa lah. Sekadar ingin mengucapkan terima kasih saya, warga Parit Yaani apabila projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Suria Jaya Batu Pahat telah pun selesai. (Dewan bertepuk.) Dan disambung semula peruntukan sebanyak RM15 juta Yang Berhormat. Kredit juga Yang Berhormat EXCO Johor Lama yang banyak membantu. Terima kasih banyak dan saya mohon kita sama-sama berdoa agar sekolah tersebut dapat terus diselesaikan dan dapat dioperasikan menjelang 2025. Negeri Maju 2030, ha kurang-kurang 2025 Parit Yaani dah maju sekejap. Kena seiring.

Seterusnya, berkenaan banjir tadi juga, hari ini tempoh hari belanjawan di peringkat pusat saya dengar ada peruntukan untuk membina pusat pemindahan kekal mangsa banjir. Saya kira ada 9 dan mungkin setiap PPK dipanggil pusat pemindahan kekal tu peruntukan sebanyak RM5 juta kalau tak salah sayalah. Dan saya mohon dalam Dewan ini supaya daerah Batu Pahat diberi kuota untuk membina Pusat Pemindahan Kekal tersebut. Tak kiralah di Sri Medan ke, di Tongkang Pechah ke, di Semarang ke tetapi yang penting di Batu Pahat. Insya-Allah, semoga ianya memberi sedikit sebanyak kelegaan kepada orang kampung di sana, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya teras yang keempat iaitu kemudahan dan keperluan asas dalam strategi yang ketiga menaik taraf kemasukan bekalan air dan tenaga. Ini dalam inisiatif yang kedua iaitu antara projek yang akan dilaksanakan oleh RSAJ ialah RM18.6 juta bagi menaik taraf agihan air Parit Sulong Batu Pahat yang akan memanfaatkan 18,000 pengguna domestik. RM165 juta bagi meneruskan projek penggantian paip lama di

negeri Johor yang melibatkan penggantian sepanjang 206 kilometer untuk memanfaatkan 170,000 pengguna. Yang ini, walaupun berada di Parit Sulong sebenarnya manfaatnya sama juga pada untuk orang Tongkang Pechah. Nama Tongkang Pechah ini orang kata boleh tukar nama, masa itulah, asyik paip pecah aje dia kata. Masalahnya, tiba-tiba setiap bulan mesti ada masalah paip pecah. Sampai suruh tukar nama Tongkang Pechah, tetapi saya dah buatkan mercu tanda baru pula, Armada Tongkang Pechah itu tak akan nak tukar paip pulak kan? Yang ini kalau boleh kerajaan negeri macam mana juga selesaikan masalah paip tadi itu.

Seterusnya, ini dah 16 minit ye? Saya ini nak bawa pasal Orang Muda Johor tetapi yang hal kawasan saya tak selesai lagi, tak apalah.

Ok, teras yang keenam adalah Orang Muda Johor. Pertamanya, aspirasi Orang Muda Johor. Di sini terdapat inisiatif RM1.5 juta bagi Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor dan program ini meliputi program jelajah usahawan, program gerak kerjaya dan sambutan Hari Belia Negara. Yang ini kalau boleh kita cadangkan di Dewan ini supaya program ini dibuat di peringkat DUN-DUN, setiap DUN. Sama juga konsepnya macam Sukan Bangsa Johor dan kalau boleh selesai peringkat DUN, buat satu kali di peringkat negeri, kena promosikan program ini. Kalau dahulu tahun 2006, ketika itu kita ada program JOM Centre, JOM itu, JOM itu Jumpa Orang Muda, jelajah satu Johor, buat semula, *rebranding*.

Ok, yang seterusnya berkaitan dengan Orang Muda Johor, inisiatif RM600,000.00 untuk Persatuan Mahasiswa IPT Anak Johor, yang ini semua ADUN dah pun menerima anak angkat daripada universiti yang terpilih, terima kasih kepada kerajaan negeri.

Seterusnya inisiatif Aktif Johor, RM1.1 juta bagi penganjuran Sukan Bangsa Johor melibatkan 56 kawasan DUN, yang ini yang saya cakap tadi, Sukan Bangsa Johor ini dah bertahun-tahun, dah ada *brand* Bangsa Johor dan saya minta kalau boleh di peringkat kerajaan negeri peruntukan tersebut memang tak mencukupi setiap DUN, RM20,000.00 dengan penganjuran yang banyak acara kan?

**YB Speaker** : Parit Yaani, tinggal 2 minit lagi.

**YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani)** : Ok, sekejap. Kalau boleh kolaborasi dengan syarikat korporat ataupun macam di Melaka, kenapa kerajaan negeri boleh bersama dengan Mamee? Kalau kat tempat saya ada Hwa Tai, ada Hup Seng ada Munchy's, mungkin kerajaan negeri boleh kolaborasi dengan syarikat-syarikat tersebut.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sekali lagi ingin mengucapkan, sebelum terlupa dalam Teras Orang Muda Johor ini juga saya mohon agar dibina ataupun dinaik taraf sebenarnya ataupun dibaik pulih gelanggang-gelanggang futsal setiap DUN seperti mana Yang Berhormat Parit Raja ada sebut semalam. Yang ini masalah, semua ADUN masalah, gelanggang futsal ini semua dah tak boleh guna tetapi peruntukan tak ada, carilah kaedah macam mana kolaborasi dengan kerajaan persekutuan ataupun syarikat-syarikat GLC, bantulah naik taraf ataupun baik pulih gelanggang futsal. Dan saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri yang banyak membantu kawasan saya. Insya-Allah, saya doakan semoga Bajet 2024 ini dapat dijayakan dengan jayanya, insya-Allah. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker (Dewan bertepuk). Salam Semarak Parit Yaani, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ngam 20 minit. (Dewan ketawa).

**YB Speaker** : Tahniah. Dijemput Yang Berhormat Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker yang disayangi, Alhamdulillah Gambir memanjatkan kesyukuran dan mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dalam Mesyuarat Keempat Belanjawan 2024 Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 kali ini.

Sebelum meneruskan ucapan perbahasan, izinkan patik bagi rakyat DUN Gambir merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor dan setinggi-tinggi tahniah sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih buat Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan Johor sepanjang Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor melaksanakan tanggungjawab sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17 nanti.

Yang Berhormat Datuk Speaker yang disanjung, Gambir mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor yang amat disanjung, pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor yang membawa gelaran Dato'. (Dewan bertepuk). Sesungguhnya, kurniaan darjah tersebut mencerminkan pengiktirafan dari Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap kecemerlangan pentadbiran dan seharusnya menjadi azimat untuk terus mengekalkan momentum agar misi dan visi menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang maju 2030 dapat dicapai.

Gambir juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas pembentangan Belanjawan Johor 2024 yang sekali lagi mencatatkan lebih untuk dua tahun berturut-turut. (Dewan bertepuk). Belanjawan Johor 2024 ini yang bertemakan, "Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat" dilihat begitu komprehensif dan seboleh mungkin mencakupi segenap kawasan dan kelompok masyarakat. Terima kasih juga untuk beberapa pengumuman penting untuk daerah Tangkak yang pastinya memberikan khabar berita gembira kepada kami khususnya di DUN Gambir.

Yang Berhormat Datuk Speaker yang kacak, segak dan bergaya, Gambir menyanjung tinggi..

**YB Speaker :** Masa tak tambah ya, 20 minit juga. (Dewan ketawa).

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Gambir menyanjung tinggi usaha Kerajaan Negeri Johor yang begitu beriltizam dan bertekad membantu rakyat dan menumpukan usaha bersepadu dalam mengekang peningkatan kos sara hidup yang menekan rakyat. Keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dengan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM5 juta yang antara lainnya diperuntukkan untuk Program Jualan Kasih Johor di bawah Teras Ketiga Jaringan Keselamatan Sosial membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional ini benar-benar bekerja untuk rakyat. (Dewan bertepuk). Kerajaan Barisan Nasional ini benar-benar merasai keperitan rakyat dan kerajaan ini benar-benar ikhlas bekerja untuk rakyat.

Dan ini adalah merupakan impak daripada kestabilan politik yang dihadirkan oleh rakyat ketika Pilihan Raya Negeri Johor 2022 yang lalu. Jualan Kasih Rakyat ini yang memberikan subsidi kepada harga barang yang akan menyebabkan pengurangan harga yang signifikan terutamanya menjelang musim perayaan di 300 lokasi ini diharap dapat memberi manfaat kepada 800,000 orang penerima sepanjang tahun 2024. Cumanya, Yang Berhormat Datuk Speaker di negeri Johor ini kalau saya tidak silap terdapat tiga program jualan seperti ini, pertamanya Jualan Rahmah oleh kerajaan pusat, keduanya Jualan Kasih Johor ini dan yang

ketiganya Bazar Rakyat Agro Johor. Jadi, saya harap ianya dapat diselaraskan supaya dapat memberikan manfaat kepada lebih ramai masyarakat pengguna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peningkatan kos sara hidup ini merupakan isu yang sering diperkatakan sejak zaman berzaman, tahun bertahun, tidak kiralah parti mana yang memerintah. Dahulu kita terangkan kenaikan harga barang ini tiada kena mengena dengan pemerintahan siapa, tetapi rakyat terus diperdaya dengan ekonomi BN, “Barang Naik”, terus dipropagandakan dengan pelbagai nama dan gelaran. Negara kini telah ditadbir oleh tiga gabungan besar dalam negara, adakah kita dengar mana-mana gabungan pernah mengisytiharkan kos sara hidup telah diturunkan dengan cemerlang, gemilang dan terbilang oleh mana-mana gabungan parti Yang Berhormat Datuk Speaker? Tidak pernah Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ulang tidak pernah diisytiharkan sedemikian rupa. Lalu hari ini saya menyeru kepada seluruh Bangsa Johor, usah lagi terpedaya dengan propaganda-propaganda begitu.

Setiap gabungan parti telah dikurniakan kesempatan oleh Allah untuk mentadbir negara Malaysia tercinta ini dan natijah pemerintahan mereka, peningkatan kos sara hidup masih belum ada satu penyelesaian yang tuntas. Menyedari tentang hakikat harga barang dan kos sara hidup sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kuasa pasaran, maka *intervensi* kerajaan Johor selaku kerajaan yang sangat bertanggungjawab dan prihatin dengan adakan Jualan Kasih Johor ini adalah sangat-sangat kita puji dan kita alu-alukan. Inilah kerajaan yang telah menunaikan amanah dan kewajibannya dalam menjaga kebajikan dan prihatin tentang nasib rakyat.

Di samping usaha intervensi untuk mengekang kenaikan kos sara hidup ini juga, Gambir ingin melihat bagaimana Johor pada hari ini dapat menumpu kepada soal peningkatan taraf hidup rakyat. Kos sara hidup dan taraf hidup rakyat adalah dua frasa perkataan yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Kos sara hidup adalah kos yang ditanggung oleh isi rumah untuk memenuhi keperluan asas mereka, manakala taraf hidup mengukur perbandingan antara pendapatan boleh belanja yang diterima dengan kos sara hidup. Sekiranya pendapatan pada kadar yang lebih rendah berbanding kos sara hidup, maka taraf hidup seseorang dikatakan merosot dan begitu juga sebaliknya. Dan kegagalan kerajaan dalam menyeimbangkan antara peningkatan kos sara hidup dan peningkatan taraf hidup memberi implikasi yang besar kepada rakyat yang mana ianya memberi kesan buruk kepada psikologi, sosial, keselamatan dan pengangguran. Maka, Gambir dengan ini mengalu-alukan cadangan kerajaan yang secara serius meletakkan peningkatan ekonomi dan taraf hidup di Teras Ketiga bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat bagi menyeimbangkannya dengan kos sara hidup. Perkara yang penting dalam menangani kos sara hidup adalah pendapatan isi rumah dan bukannya harga barangan. Pelbagai inisiatif dalam Belanjawan Johor 2024 seperti Program *Reskilling*, *Upskilling*, bantuan usahawan, memberdayakan wanita dan OKU diharap dapat menjadi jawapan dalam meningkatkan penglibatan pendapatan dan sekali gus mampu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker yang penuh karisma, Gambir dengan penuh rasa rendah diri ini juga ingin menyeru kepada semua pihak agar berganding bahu dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat agar tidak terus terbeban. Cukup-cukuplah kita dengan retorik politik yang sempit. Menuding tangan ke sana ke sini sedangkan isu ini adalah isu bersama menjangkau sempadan politik. Kerajaan juga diharap agar lebih tegas dalam aspek pemantauan dan penguatkuasaan dengan mengutamakan keperluan rakyat. Usaha untuk meningkatkan tahap persaingan dan menghapuskan kuasa monopoli serta pembentukan kartel mesti dibuat sepanjang masa bukan bila ada kenaikan harga barangan sahaja. Produktiviti sektor pertanian mesti juga ditingkatkan dengan amalan pertanian dan penerapan teknologi moden. Saya percaya ini semua telah banyak kali di bincang dan diputuskan terutama di peringkat nasional, malangnya belum nampak hasilnya.



Yang Berhormat Datuk Speaker yang cukup baik budi pekerti. Selain individu dan kerajaan, terdapat satu lagi badan yang dapat membantu mengekang dan mengurangkan peningkatan kos sara hidup ini iaitu Koperasi. Bilangan anggota koperasi yang mungkin lebih kurang 1/4 atau 1/5 dari populasi negeri dapat dipercayai dapat mempengaruhi penawaran dan permintaan barang-barang pengguna dalam pasaran. Ini menunjukkan kuasa gerakan koperasi dapat memberi kesan kepada harga barangan pengguna dalam pasaran. Kerajaan juga di saran supaya dapat menyediakan pakej insentif kepada koperasi bagi memperkasakan peranan koperasi dalam perdagangan dan pengedaran di mana ia berupaya untuk menawarkan harga yang lebih berpatutan kepada pengguna dalam mengimbangi kos sara hidup.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan mesti mempunyai kerangka yang jelas dan betul dalam perekonomiannya. Ia mesti dirasai oleh rakyat. Semoga semangat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk menangani masalah rakyat dapat direalisasikan. Pastikan punca permasalahan itu ditangani bagi penyelesaian yang mampan. Gambir melihat bahawa kos sara hidup dan juga ini adalah berkait rapat dengan isu keterjaminan makanan. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan EXCO nya kerana dalam belanjawan baru-baru ini telah menekankan tentang iltizam dan komitmen kerajaan negeri untuk menjadi negeri Johor ini sebagai *food bank*. Bukan sahaja untuk negeri, malah untuk negara Malaysia yang tercinta ini.

Sebelum pergi jauh dalam perbahasan mengenai isu ini, Gambir ingin mengingatkan bahawa menyediakan akses makanan asas kepada rakyat keseluruhannya adalah amanah yang begitu besar bagi kerajaan kerana makanan adalah keperluan asas bagi kelangsungan hidup manusia. Kerajaan mestilah memberi penumpuan kepada golongan yang mengusahakan makanan mentah ini, siapakah mereka? Pesawah-pesawah padi yang bergelumang dengan lumpur, pekebun-pekebun sayur yang berpanas hujan, peladang-peladang yang bermandi peluh, penternak-penternak yang tidak menghiraukan keharuman aroma dari kandang dan reban serta nelayan-nelayan yang tidak pernah gentar berhadapan lautan gelora. Dari sudut kekuatan nasional keutamaan profesion ini adalah seperti tentera yang menjaga keamanan negara. Sedang golongan yang saya sebutkan ini tadi berusaha keras pada setiap hari menghasilkan makanan menjadi jalan memelihara nyawa setiap manusia. Justeru, golongan ini perlu dibela dan diangkat kedudukan mereka sesuai dengan jasa mereka kepada negeri dan negara. Terima kasih kepada pesawah padi. Terima kasih kepada pekebun sayur, petani, penternak dan peladang yang terus gigih menghasilkan bekalan makanan untuk negeri Johor yang tercinta ini.

Keterjaminan makanan adalah amat penting dan menjadi kritikal apabila kadar permintaan pengguna melebihi apa yang ditawarkan oleh pembekal. Punca utama keadaan ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh faktor cuaca atau bencana alam, tetapi juga disebabkan oleh belian panik menyebabkan barang makanan berkurangan di pasaran yang mana pada masa yang sama mengakibatkan kenaikan harga. Malah suatu menyedihkan juga keadaan ini bertambah teruk apabila ada kartel-kartel tertentu yang menyorokkan barangan keperluan asas seperti minyak masak dan beras atas dasar dan jurang untuk memanipulasikan harga barangan dan memberikan imej yang buruk kepada kerajaan.

Gambir ingin mencadangkan agar kerajaan melihat, supaya dapat melihat kepada satu cadangan membangunkan sistem maklumat pengurusan keterjaminan makan bersepadu negeri Johor bagi membantu kerajaan memantau dan membuat keputusan yang baik dan lancar bagi menjamin bekalan makanan negeri. Sistem ini jika dapat dibangunkan di negeri-negeri Johor ini pastinya dapat bertindak sebagai tulang belakang operasi keterjaminan makanan negara disambungkan kepada sistem maklumat geografi dan ramalan cuaca sekali gus mampu membantu pesawah, petani dan peladang memantau hasil tanaman secara moden berpandukan sistem pintar. Di samping dapat meningkatkan kualiti pengeluaran berbanding dengan hasil tanaman secara konvensional. Gambir juga

mencadangkan agar pihak kerajaan, agar pihak kerajaan negeri melihat untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana tanah yang telah diberi milik dengan syarat pertanian atau sawah padi tetapi telah diusahakan dengan tanaman lain. Hal ini jika dibiarkan boleh menyebabkan ia semakin berleluasa dan akhirnya menyukarkan hasrat murni kerajaan dalam usaha menjadi *food bank* kepada negara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet Johor 2024 yang dibentangkan telah menzahirkan komitmen kerajaan untuk terus membangunkan negeri tercinta ini menuju Maju Johor 2030. Sewajarnya kemajuan yang dicita-citakan harus menepati keperluan dan kehendak rakyat. Kemajuan yang ingin dicapai itu tidak harus meminggirkan mana-mana kelompok masyarakat dan yang paling penting kemajuan dan pembangunan itu harus dirasai manfaatnya, harus dilihat hasilnya, harus memberi pulangan semula kepada rakyat. Gambir dengan konsisten sejak penggal ini dibuka pada Jun 2023 yang lalu menekankan bahawa daerah Tangkak sebuah daerah kecil yang berada di hujung utara Johor harus dibangunkan secara komprehensif dan bersepadu oleh Kerajaan Negeri Johor. Apakah kami di hujung utara Johor ini hanya menjadi penyaksi kepada segala macam pembangunan dan kemajuan di daerah lain? Apakah kami yang berada di kejauhan sana hanya bertaraf pemerhati? Melihat segala macam pelaburan di tempat lain? Apakah nanti akhirnya gurauan halaman belakang Melaka benar-benar menjadi satu kenyataan dan realiti? Mujurlah Yang Berhormat Datuk Speaker kami masih mempunyai Gunung Ledang dan lagenda puterinya.

Gambir mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala peruntukan-peruntukan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' dalam pembentangan bajet baharu-baharu ini. Sebanyak RM2.8 juta untuk menaik taraf kemudahan dan membina baru *canopy roof* serta RM600,000 lagi untuk meningkatkan kemudahan sistem pembetung di kawasan penginapan.

Gambir berpendapat jika benar mahu majukan sektor pelancongan di Tangkak, lakukanlah bersungguh-sungguh, lakukanlah, laksanakan lah dengan penuh perancangan yang komprehensif, bersepadu dan menyeluruh. Jaringan pengangkutan daratnya bagaimana? Kemudahan penginapannya bagaimana? Bagaimana pula dengan penyertaan masyarakat desa, masyarakat kampung dalam mengambil bahagian dengan kepesatan pembangunan Gunung Ledang? Kalau perlu pinjam duit di peringkat ke kerajaan persekutuan, pinjam lah. Asalkan daerah pelancongan Tangkak ini benar-benar menjadi sebuah daerah pelancongan yang kita mimpikan. Saya tidak mahu kehendak dan kemahuan kerajaan negeri dalam membangunkan daerah Tangkak sebagai daerah pelancongan dibantutkan dengan kelemahan pelaksanaan. Kita mahu rakyat merasainya dan kita mahu rakyat mendapat faedah dari program yang telah pun, pelancongan yang telah pun diuar-uarkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesungguhan kerajaan negeri dalam memastikan rakyat sentiasa mendapat hasil dari lonjakan pertumbuhan dalam sektor ekonomi turut diterjemahkan melalui pengumuman-pengumuman menggembirakan dalam Teras ke-4 iaitu Kemudahan dan Keperluan Asas. Dalam menjayakan misi dan visi menuju negeri, Negeri Maju 2030 Gambir melihat bahawa pengumuman sebanyak RM331.2 juta yang dijadikan tumpuan untuk rawatan bekalan air bersih dan terawat di negeri Johor adalah satu peruntukan yang cukup besar dan memberi manfaat kepada seluruh Bangsa Johor. Walau bagaimanapun, Gambir merasa terkilang kerana dalam pembentangan belanjawan ini tidak langsung dimasukkan peruntukan untuk mengatasi masalah air yang kerap berlaku dan terganggu di DUN Gambir dan semakin parah apabila sampai musim perayaan. Isu ini beberapa kali telah pun Gambir bangkitkan dan mohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun EXCO yang berkenaan dapat memberikan penjelasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sedikit isu kawasan. Pertamanya adalah klinik kesihatan Bukit Gambir, klinik ini telah beroperasi sejak 1955. Memberi perkhidmatan kepada 40,000 orang di bawah kawasan operasi klinik. Dan kedudukan klinik ini yang berada betul-berul

ditepi jalan besar Bukit Gambir serta keadaan geografinya yang berbukit sangat-sangat tidak kondusif tiada ruang meletak kenderaan yang mencukupi, cukup-cukup untuk *staff* dan kakitangan. Keadaan ini benar-benar...

**YB Speaker** : Ok. Tinggal 2 minit.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Keadaan ini benar-benar mewujudkan rasa tidak selesa kepada pesakit Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya mohon agar kerajaan negeri dapat memperjuangkan semoga permohonan menaik taraf klinik ini kepada pembinaan baharu klinik kesihatan jenis 3 dapat disegerakan. Ia merupakan isu tempatan yang menjadi polemik di DUN Gambir khususnya.

Yang keduanya adalah perumahan Rumah Mampu Milik Johor di Sagil. Projek ini telah dicadangkan untuk dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebuah syarikat GLC telah dipertanggungjawabkan untuk membinanya. Majlis pecah tanah projek ini telah pun disempurnakan pada tahun 2017 oleh Menteri Besar pada ketika itu. Projek ini sepatutnya dimulakan pada tahun 2019, kerja-kerja awal telah pun dilaksanakan, tetapi ianya tidak diteruskan kerana hasil daripada jawapan dari soalan bertulis oleh Yang Berhormat EXCO menyatakan keseluruhan tanah hanya akan dibangunkan dengan komponen RMBJ, Rumah Mampu Biaya Johor dan ianya akan mengalami defisit kerugian yang tinggi yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak dapat menerima alasan sebegini. Pada ketika rakyat memerlukan pembelaan dan keprihatinan kerajaan untuk mencari tempat berteduh, menyediakan ruang untuk keluarga tinggal dan meneruskan kehidupan, pada ketika hati rakyat berbunga mendengar khabar projek ini akan dilaksanakan, menggunung harapan rakyat tersenyum lebar menyaksikan majlis pecah tanah dilakukan. Tiba-tiba hari ini ranap dengan perkhabaran projek tidak dapat diteruskan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai Wakil Rakyat DUN Gambir saya sangat mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM56 juta untuk membina sebanyak 147 unit residensi Bangsa Johor di daerah Tangkak. Dan, saya ingin memohon, merayu simpati Kerajaan Negeri Johor agar menjadikan tapak tanah di Sagil ini sebagai tapak untuk projek residensi Bangsa Johor ini dengan syarat harga yang ditawarkan adalah harga yang mampu milik. Satu isu sikit, sikit lagi Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baharu-baharu ini juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah membentangkan dalam belanjawan bahawa kerajaan beriltizam untuk menjadikan Johor sebagai Hab Sukan antarabangsa. Antaranya adalah dengan membina 5 buah futsal di Iskandar Puteri yang berstatus ataupun berspesifikasi *FIFA*. Saya menyokong usaha tersebut, kita harap ianya dapat direalisasikan walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merayu pertimbangan dan jasa baik Menteri Besar Johor untuk mempertimbangkan sekurang-kurangnya di DUN Gambir ini dapat dinaik tarafkan satu gelanggang futsal berbumbung, supaya ianya memberi kemudahan dan keselesaan kepada orang muda kita untuk beriadah dan berekreasi.

**YB Speaker** : Masa tamat Yang Berhormat.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Akhir kata Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penjawat-penjawat awam yang telah pun memberikan khidmat dan bakti yang baik di DUN Gambir. Semoga kita mampu lagi untuk merealisasikan hasrat kita menuju kepada sebuah negeri maju menjelang 2030. Akhir kata, Gambir mohon untuk menyokong. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Gambir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri Johor mengalu-alukan kehadiran 29 orang pemerhati daripada Pejabat Daerah Muar. (Dewan bertepuk). Saya jemput Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja)** : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan Selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam demikian juga limpahan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW semoga kita semua mendapat syafaat dan rahmat kelak. Terlebih dahulu dengan hormat dan penuh takzimnya patik mewakili warga DUN Pasir Raja merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah selamat hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu. Patik berdoa kepada ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat Di Raja dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang baik dan sentiasa dalam rahmat Allah. Patik juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tuanku Mahkota Johor di atas kejayaan pasukan bola sepak JDT memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga menjuarai Liga Super sepuluh kali berturut-turut. Adalah menjadi kebanggaan Bangsa Johor di atas pencapaian pasukan JDT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pasir Raja juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor, Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor yang membawa gelaran Dato'. Penganugerahan ini adalah satu pengiktirafan kepada segala daya usaha Yang Amat Berhormat dalam memacu Johor menjadi negeri yang maju dan stabil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana diberi ruang dan peluang kepada Pasir Raja untuk menyuarakan suara rakyat dan mewakili pendapat, pandangan dan mengemukakan cadangan-cadangan khusus dan turut serta mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan kali ini. Seperti firman Allah di dalam surah Al-Kahfi ayat 84 yang bermaksud "Sesungguhnya kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi dan Kami berikan kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya". Mudah-mudahan apa yang dibahaskan ini dapat diterjemahkan dengan komitmen kita semua agar dapat memberi manfaat dan melakukan yang terbaik buat Johor dan khususnya buat warga DUN Pasir Raja. Beras segantang sudah disukat, lalu disimpan di atas para, andai seluruh masyarakat muafakat, negeri damai rakyat sejahtera. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan tahniah buat Menteri Besar Johor Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas pembentangan Belanjawan 2024 yang bertemakan Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat dengan memperuntukkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM1.163 bilion bagi melaksanakan 6 Teras, 29 Strategi dan 99 Inisiatif. Pasir Raja juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada yang Berhormat Tenggaroh, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor dan Yang Berhormat Buloh Kasap, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor yang telah sudi datang bertandang dan memenuhi jemputan Pasir Raja di dalam lawatan ke tapak pelancongan dan pertanian DUN Pasir Raja. Terima kasih juga Pasir Raja berikan kepada Yang Berhormat Yong Peng, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor kerana sama-sama turut serta di dalam lawatan menjejut di Hospital Kota Tinggi.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, Pasir Raja telah menerima banyak aduan di Hospital Kota Tinggi hinggakan ia menjadi *viral* di laman media sosial. Alhamdulillah berkat lawatan tersebut semalam, Dewan yang mulia ini, telah dimaklumkan bahawa RM24,977,500.50 telah diperuntukkan bagi membina Klinik Kesihatan Kota Tinggi jenis 3. Ini bertepatan dengan Teras ke-3 Jaminan Keselamatan Sosial, strategi ke-3 meningkatkan kualiti

kesihatan Bangsa Johor. Semoga ianya sedikit sebanyak mampu mengatasi masalah di Hospital Kota Tinggi, Insya-Allah. Terima kasih juga di atas baik pulih Klinik Kesihatan FELDA Bukit Besar.

Pasir Raja juga ingin merakamkan ucapan terima kasih buat Yang Berhormat Johor Lama, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor di atas keprihatinan dan komitmen beliau mengatasi masalah pencapaian jaringan internet dan komunikasi di dalam DUN Pasir Raja dengan terbinanya pencawang di kawasan FELDA dan kampung seperti yang telah dijanjikan. Pasir Raja yakin dengan ciri-ciri khidmat bakti begini, kita sama-sama dapat menjaga kesejahteraan Bangsa Johor bersesuaian dengan tema Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Teras ke-2 Pembangunan Ekonomi, Inisiatif ke-3 iaitu Keterjaminan Bekalan Makanan sebanyak RM12.8 juta diperuntukkan bagi meningkatkan produktiviti industri agro makanan dan merencanakan aktiviti eksport buah-buahan berpotensi. Sektor pertanian yang merangkumi perladangan dan penternakan adalah penting untuk menjamin bekalan makanan yang cukup untuk rakyat. Sektor ini juga penting untuk membangunkan kawasan-kawasan pendalaman. Sektor pertanian sering dijadikan sebagai satu aktiviti ekonomi yang boleh membawa banyak impak positif kepada para petani sendiri. Sektor ini juga mampu menjana pendapatan besar kepada negeri Johor. Hasil tani yang dituai oleh petani kecil boleh menjadi penyambung rezeki. Kesimpulannya semua impak positif yang dihasilkan melalui sektor pertanian menunjukkan betapa pentingnya sektor ini. Oleh yang demikian Pasir Raja mencadangkan agar permohonan pinjaman bank kepada petani-petani yang pernah membuat pinjaman dan mempunyai rekod bayaran yang konsisten tidak perlu lagi ada cagaran seperti yang berlaku sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Dewan, projek pembangunan Johor *Eco Entertainment Park* atau JEEP bertempat di Bandar Akademik Yayasan Pelajaran Johor Kota Tinggi yang bernilai RM2.7 bilion adalah merupakan salah satu cadangan projek mega yang dicadangkan oleh Pentadbiran kerajaan terdahulu yang berada di dalam kawasan DUN Pasir Raja semasa pembentangan Bajet 2018. Projek ini berupa sebuah taman tema bercirikan ekotropika, pembelajaran alam sekitar dan hiburan 3E, *environment, education* dan *entertainment* yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara. Namun demikian Dewan yang mulia ini dimaklumkan bawah butiran mengenai projek ini tiada dalam makluman pihak Tourism Johor. Justeru itu projek ini telah dibatalkan. Oleh yang demikian, Pasir Raja mencadangkan agar tapak projek *Johor Eco Entertainment Park* dijadikan sebagai kawasan perindustrian yang baru memandangkan kawasan perindustrian sedia ada seperti Kulai dan Skudai yang berdekatan sudah terlalu padat dan sesak. Ianya juga sangat sesuai kerana lokasinya berhampiran dengan lapangan terbang dan kemudahan jalan raya dan lebuh raya. Kita sedia maklum akan lambakan graduan yang masih tidak mempunyai kerja. Dengan pembinaan kawasan perindustrian yang baru ini secara tidak langsung dapat membuka peluang pekerjaan kepada mereka dan warga setempat. Selain itu ia juga dapat memudahkan para pelajar Yayasan Pelajaran Johor bagi menjalani latihan praktikal di kawasan perindustrian itu yang berkaitan dengan pembelajaran yang diambil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Teras ke-3, Jaringan Keselamatan Sosial, Inisiatif Ke-3 iaitu Jualan Kasih Johor. Sebanyak RM8 juta diperuntukkan bagi pemberian subsidi harga barang. Dalam mendepani abad ke-21 ini rakyat lebih cakna terhadap isu kewangan yang saban hari semakin membebankan. Salah satu topik yang menjadi bualan orang ramai iaitu isu kenaikan harga barang. Bagi mereka yang kurang berpengetahuan mereka akan menyalahkan pemimpin dan menjadikan perkara ini isu politik. Sedangkan pelbagai faktor yang mengakibatkan kenaikan harga barang. Berlakunya inflasi dan krisis ekonomi di peringkat global merupakan salah satu faktor penyebab kenaikan harga barang. Oleh yang demikian Pasir Raja berharap Inisiatif ke-3 di bawah Teras ke-3 Jaringan Keselamatan

Sosial iaitu Jualan Kasih Johor sedikit sebanyak mampu meringankan beban rakyat bagi menghadapi kekangan kenaikan harga barang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Teras ke-4, Kemudahan dan Keperluan Asas, Inisiatif Ke-4 memperluas jaringan jalan raya dan perhubungan. Sebanyak RM5.6 juta diperuntukkan bagi pemasangan lampu jalan. Pasir Raja memohon agar pemasangan lampu jalan dapat dilaksanakan di beberapa kawasan di dalam DUN Pasir Raja kerana keadaan di kawasan-kawasan tersebut terlalu gelap dan membahayakan pengguna jalan raya. Untuk makluman Ahli Dewan kemalangan jalan raya sering berlaku di FT003 kerana kawasan ini sangat gelap dan jalan yang bergelombang. Di dalam DUN Pasir Raja, kawasan-kawasan yang memerlukan pemasangan lampu jalan ialah di simpang Kulai hingga ke PULADA, di simpang Kulai hingga simpang Orchard, di FELDA Pasir Raja hingga ke FELDA Sungai Sayong, di FELDA Sungai Sayong hingga ke simpang Inas. Besarlah harapan Pasir Raja agar permasalahan ini dapat perhatian bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Teras ke-5 Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar, Strategi Ke-4 menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir Johor. Saban tahun beberapa kawasan di dalam DUN Pasir Raja pasti di landa banjir terutama apabila musim tengkujuh. Lantaran ini pelbagai strategi pengurusan banjir dan persediaan awal menghadapi banjir telah diterapkan. Pasir raja menyarankan agar keselamatan mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) perlu diambil kira dan dititikberatkan. Sementara pemantauan terhadap kanak-kanak dan remaja perempuan perlu diutamakan supaya tidak berlaku pencabulan atau sebagainya seperti mana yang telah *diviralkan* di media sosial baru-baru ini. Tidaklah Pasir Raja mahu mangsa-mangsa ini menjadi trauma apabila berlaku banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Teras ke-6 Orang Muda Johor, Strategi ke-6 membina dan menaik taraf pusat rekreasi dan sukan. Sebanyak RM8.8 juta telah diperuntukkan bagi memastikan kemudahan sukan pusat rekreasi dan permainan dalam keadaan baik. Johor telah meluaskan kuasa dalam arena sukan negara menerusi kejayaan sebagai juara keseluruhan buat kali pertama di Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 apabila mengungguli carta kedudukan pingat dengan kutipan 77 emas, 52 perak dan 43 gangsa. Untuk mencapai kecemerlangan di dalam bidang sukan ini bukanlah satu impian yang agak mudah dicapai. Oleh itu satu perubahan perlu diambil dalam mencorakkan masa depan sukan di Johor. Pilihan sukan olahraga merupakan satu sukan berprestij dan selalu menjadi tumpuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ketandusan atlet olahraga berkualiti menjadi rangsangan untuk Pasir Raja mencadangkan pembinaan trek olahraga yang bermutu tinggi di padang asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Habab.

Pasir Raja memohon agar padang asrama ini dinaik taraf sebagai mini stadium bagi memberi kemudahan sukan olahraga. Dengan adanya kemudahan ini boleh menampung kehendak-kehendak latihan dan penyediaan pasukan bukan sahaja untuk sekolah ini malah keseluruhan sekolah di dalam DUN Pasir Raja khasnya dan keseluruhan sekolah dalam daerah Kota Tinggi amnya. Di mana setakat ini tiada satu pun kemudahan trek olahraga sintetik dalam daerah Kota Tinggi yang mengandungi 12 buah sekolah menengah dan 29 buah sekolah rendah. Dan, seterusnya berkeupayaan untuk mengelola kejohanan olahraga yang lebih sempurna. Pasir Raja pernah menyuarakan cadangan ini pada sidang belanjawan yang lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak keluk ke penarik, keluk tumbuh pohon kuini, nan elok bawalah balik, yang tak elok tinggallah di sini. Kita yang berada dalam Dewan ini adalah Wakil Rakyat dan ada tanggungjawab untuk menyuarakan apa yang terbaik untuk rakyat. Belanjawan Johor 2024 telah menyediakan keperluan-keperluan rakyat secara menyeluruh demi kemakmuran rakyat dan kestabilan negeri Johor. Akhir kata diharapkan

kerajaan terbuka hati menerima segala cadangan yang diberikan agar ianya mampu menambah baik supaya rakyat kekal percaya kepada kerajaan negeri yang memerintah. Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Pasir Raja mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih Pasir Raja. Dijemput, Senggarang.

**YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan perkenanNya jua rakyat dan Negeri Johor Darul Takzim yang bertuah ini terus disirami rahmat dan kesejahteraan. Senggarang ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama membahas mengenai belanjawan 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada minggu yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Senggarang meneruskan bicara izinkan Senggarang menzahirkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November baru-baru ini. Didoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa beroleh keafiatan, dilimpahi kerahmatan dan keampunan Allah SWT serta dikurniakan segala kebaikan dan kesejahteraan untuk terus memayungi negeri Johor Darul Ta'zim yang tercinta ini.

Pada hari ini yang dimohon keberkatan ini juga, Senggarang dengan penuh hormat dan takzim merafakkan sembah dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas pemilihan Baginda selaku Yang di-Pertuan Agong Ke-17 bermula 31 Januari 2024. Senggarang dan kami semua mendoakan agar Tuanku dikurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan keafiatan dalam menaungi sekalian rakyat. Semoga institusi Diraja terus berperanan sebagai tunggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan dan payung penyatuan rakyat berbilang bangsa, kaum dan agama.

Senggarang juga mendoakan Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor dikurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan keafiatan dalam menggalas tanggungjawab sebagai Pemangku Raja Johor. Semoga Tunku dapat menjalankan tugas dengan baik, adil dan saksama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang turut merakamkan ucapan tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Mahkota Johor di atas kejayaan pasukan bola sepak JDT telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga menjuarai Liga Super, 10 kali berturut-turut. (Dewan bertepuk). Semoga kejayaan ini akan berterusan dan terus dapat melakar sejarah baharu di masa akan datang. Ucapan tahniah Senggarang ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor yang amat disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang membawa gelaran Dato', tahniah. Juga sekali lagi diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan 2024. Menjadikan satu belanjawan yang amat prihatin kepada pembangunan negeri, manakala setiap golongan khususnya mereka yang memerlukan perhatian dan pembelaan di setiap pelosok dan kawasan dalam negeri Johor tidak terkecuali untuk diberikan perhatian. Berdasarkan Belanjawan 2024 yang bertemakan Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat ditunjangi enam teras, 29 strategi, 99 inisiatif. Senggarang percaya, belanjawan ini sememangnya eksklusif, komprehensif dan sejahtera untuk rakyat di negeri Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum meneruskan ucapan ini, Senggarang mengucapkan syukur dan terima kasih untuk ke sekian kalinya kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menyerahkan semula penyeliaan, penyelenggaraan

dan pembersihan parit yang terletak di kawasan pertanian di kampung-kampung kepada pihak pentadbiran kampung JPKK di samping adanya penyeliaan daripada pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Semoga masalah banjir yang berpunca dari parit-parit yang tidak di selenggara dengan baik dapat diatasi dan dikurangkan. Senggarang juga mengucapkan terima kasih kepada JPS kerana telah menyelesaikan kerja-kerja pembersihan dan penggalian parit yang terdapat di kampung-kampung khususnya di kawasan Senggarang bagi persediaan menghadapi Monsun Timur Laut yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang memberi fokus kepada teras kelima iaitu berkenaan keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor begitu tinggi agar ia menjadi keutamaan. Namun, apa yang lebih penting ialah tadbir urus yang melibatkan pelbagai agensi yang bertanggungjawab perlu menggembelng tenaga merealisasikan 4 strategi dan 11 inisiatif untuk memastikannya agar dilaksanakan pada tahun 2024.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas keprihatinan dengan mewujudkan strategi keempat di bawah teras ini iaitu menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir di Johor. Senggarang amat tertarik dengan inisiatif 1 di bawah strategi keempat ini iaitu berkenaan menaik taraf sistem saliran. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana penaiktarafan saliran akan dilaksanakan. Meskipun ianya bakal dilaksanakan secara berfasa, namun bagi fasa pertama Senggarang berharap agar limpahan peruntukan sebanyak RM18.9 juta bagi menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir dalam kerja-kerja berkaitan pengairan, pengawalan hakisan dan pencegahan banjir dapat dirasai oleh penduduk khususnya di DUN Senggarang. Meskipun, peruntukan ini kecil dan pastinya tidak dapat menyelesaikan masalah banjir secara menyeluruh di Senggarang khususnya, namun ianya menunjukkan kesungguhan dan komitmen pihak kerajaan negeri meminimumkan kesan masalah banjir ini. Senggarang amat berharap agar peruntukan yang lebih dapat dipohon kepada kerajaan persekutuan bagi mengatasi masalah ini. Jika tidak, Senggarang percaya masalah ini pasti akan berlarutan setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu Senggarang juga berharap agar satu kajian dapat dijalankan dengan menyeluruh agar kejadian benteng pecah dapat diatasi. Ini disebabkan terdapat beberapa kawasan di DUN Senggarang seperti di Kampung Sungai Ayam, Kampung Sungai Suloh, Tanjung Laboh Kelicap dan Parit Jabar sering berlakunya masalah benteng pecah. Contohnya yang berlaku di Kampung Sungai Ayam dalam tempoh satu tahun lebih, lebih kurang tiga hingga empat kali kejadian benteng pecah berlaku di tempat yang sama. Kos bagi memperbaiki benteng yang pecah ini yang berukuran 10 meter, satu lubang sahaja telah memperuntukkan berjumlah hampir RM20,000.00 hingga RM25,000.00. Bayangkan jika benteng yang pecah tersebut 10 kali ganda panjang daripada jumlah tersebut. Sepertimana yang terjadi di Kampung Parit Jabar, Senggarang. Berapakah jumlah yang terpaksa pihak JPS dan kerajaan keluarkan? Sudah tentu melebihi ratusan ribu ringgit.

Begitu juga halnya yang berlaku di Kampung Tanjung Laboh Kelicap. Benteng kecil dan tidak lebar pada awal bulan Januari 2023 yang lalu telah pecah dan berjaya dibaiki. Malangnya pada akhir April 2023, benteng tersebut telah pecah semula dan setelah dibaiki, hal yang sama juga berlaku pada bulan Julai dan dibaiki lagi. Berapakah jumlah yang terpaksa dikeluarkan untuk memperbaiki benteng pecah tersebut yang berulang-ulang kali? Oleh sebab yang demikian, Senggarang sangat berharap agar satu kajian yang menyeluruh dapat dilaksanakan. Jika tidak, kerajaan akan melakukan pembaziran yang banyak hanya mengatasi perkara yang sama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang juga berharap kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim menambah peruntukan kepada pihak JPS bagi kerja-kerja membina dan menyelenggara



jambatan di kampung-kampung khususnya. Ini berikutan terdapat beberapa jambatan di kawasan Senggarang yang rosak dan mendak kecil iaitu seperti di Parit Kasih. Struktur tiang jambatan berkenaan yang retak perlu diganti ataupun dibina semula. Selain itu, Senggarang juga berharap agar jambatan ke Kampung Parit Kadir Darat perlu dinaik taraf. Penambahan serta pelebaran disebabkan jambatan sedia ada terlalu kecil sedangkan jambatan berkenaan merupakan jambatan utama bagi menghubungkan ke beberapa kampung dan Jalan Parit Hamid, Parit Botak J009.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang ini projek KEMAS Datuk Speaker. Projek Rakan Kebun SKoD telah diperkenalkan untuk membantu isi rumah meringankan beban kos sara hidup dengan cara mengeluarkan sendiri bahan makanan melalui bimbingan agensi yang berkaitan. Penyertaan dari sukarelawan SKoD dan komuniti desa boleh menambahkan pendapatan selain dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan penjualan hasil tani. Rakan Kebun SKoD adalah satu strategi untuk menggalakkan komuniti desa bekerjasama secara berpasukan untuk menghasilkan produk makanan sama ada untuk penggunaan sendiri ataupun untuk dijual. Projek Rakan Kebun ini dilaksanakan secara berkelompok dalam dua kaedah dan terdiri dari sukarelawan SKoD berdaftar melibatkan kerjasama Jawatankuasa SKoD, Sukarelawan SKoD, komuniti desa, KEMAS dan Jabatan Pertanian.

Objektif pelaksanaan Rakan Kebun SKoD ini adalah untuk mewujudkan aktiviti pertanian, untuk memberi nilai tambah bagi memastikan bekalan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan serta pengurangan kos sara hidup. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan ianya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat khususnya golongan miskin dan berdaftar dengan e-Kasih. Antara penambahbaikan tersebut adalah dengan memperluaskan lagi penerima yang layak dengan memberi peluang kepada kampung-kampung lain merasai projek ini di bawah kelolaan KEMAS.

Selain itu, agensi-agensi yang berkaitan dengan hasil penanaman ini seperti Jabatan Pertanian, Peladang dan FAMA harus berkolaborasi untuk mewujudkan *platform* pemasaran hasil tuaian mereka pada kadar harga yang berpatutan. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, di Parit Kemang ada satu projek ini. Masa mesyuarat yang pertama, KEMAS kata anggaran harga lada ini RM12.00 sekilo tetapi bila berlaku tuaian harganya jadi RM6.00 sekilo. Jadi, kelompok ini rasa kecewa dengan harga tersebut.

Akhir sekali, Senggarang mencadangkan agar nilai projek ini perlu ditambah daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00 supaya lebih banyak kuantiti daripada yang sedia ada. Sekarang ini projek itu bernilai RM10,000.00 dah jalan menghampiri setahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH). Tujuan asal penubuhan MARSAH adalah untuk menghantar pelajar ke Universiti Al Azhar. Ini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah menengah untuk melanjutkan pengajian dalam negeri Johor. Kerajaan negeri telah pun mengarahkan bahawa latihan persediaan guru-guru agama bagi Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor (SAKNJ) pada diploma hendaklah diuruskan oleh MARSAH. Kemudian MARSAH turut berkembang dan didaftarkan sebagai sebuah IPTS dan bergerak sehingga kini. Pada awal tahun 2023, MARSAH telah dinaiktarafkan kepada Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI). Tahniah Kerajaan Negeri Johor. MARSAH adalah milik MAIJ dan pengajian Diploma Pendidikan Islam di MARSAH adalah berasaskan sistem Pendidikan Agama Islam Negeri Johor. Graduan Diploma Pendidikan Islam juga menjalani praktikum di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKNJ). Lulusan MARSAH bagi graduan Diploma Pendidikan Islam adalah layak untuk memohon perjawatan DG29 Guru Sekolah Agama Johor di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Oleh yang demikian, Senggarang berharap agar lulusan Diploma Pendidikan MARSAH ini terus dilantik menjadi

guru di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor sepertimana yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada graduan lulusan-lulusan IPG mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Persatuan Pengakap Malaysia merupakan antara pertubuhan NGO yang tertua di Malaysia. Pengakap ditubuhkan mengikut Akta Parlimen 1968 Semakan 1989. Dengan keistimewaan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu serta Tuan Yang Terutama merupakan penaung Persatuan Pengakap di peringkat negeri dan nasional. Pengakap di Johor bermula pada tahun 1928. Salah satu kem Pengakap yang paling masyhur ialah Kem Pengakap Jubli Intan di Tanjung Laboh Batu Pahat, terletak di dalam DUN Senggarang. Tapak Kem Jubli Intan Tanjung Laboh atau turut dikenali dengan nama *Diamond Jubli Park* telah diambil bersempena nama dari perayaan kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar 1895, 1955. Tapak kem ini berkeluasan lebih kurang 34 ekar setengah. Pada 23 Mac 1956, Yang Teramat Mulia Tunku Mahkota kemudiannya bergelar Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim telah berkenan merasmikan kem ini. Kem ini mempunyai kemudahan seperti air, elektrik, *dorm* penginapan, kantin, bilik mesyuarat, pejabat, kem padang kawat bertar yang luas tetapi malangnya bilik mandi dan tandas yang sudah berusia dan sentiasa memerlukan penyelenggaraan. Kem ini juga sering digunakan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Tentera, Polis, Bomba, JPM dan agensi bukan kerajaan seperti PBSM, Pandu Puteri, selain Pengakap itu sendiri untuk pelbagai aktiviti perkhemahan tahunan, kem motivasi dan sebagainya. Salah satu kemudahan yang paling penting yang sangat diperlukan kem ini sejak penubuhannya ialah dewan terbuka berpentas. Aktiviti terbesar di kem ini Yang Berhormat Datuk Speaker, yang terbaharu yang diadakan ialah Perkhemahan Pengakap Kelana iaitu Pengakap berumur 18 tahun dan ke atas dengan penyertaan lebih 1,000 orang. Semasa mewakili Yang Berhormat EXCO Belia Dan Sukan di majlis penutupan program, Senggarang sendiri melihat, menyaksikan betapa perlunya sebuah dewan terbuka berpentas dibina bagi kegunaan peserta-peserta kursus tersebut. Pasti anak-anak dan generasi pemimpin, pelapis yang sedang dibina dan di bangun dan dibentuk oleh Pengakap ini akan bersyukur dan berterima kasih dan mengenang budi kerajaan.

Kem Pengakap Jubli Intan Tanjung Laboh ini, kos bagi pembinaan dewan tersebut adalah berjumlah RM500,000.00. Buat makluman pihak Ahli Yang Berhormat sekalian, Kem Jubli Intan Tanjung Laboh merupakan satu-satunya kem Pertubuhan Pengakap Negeri Johor yang terdapat di dalam negeri Johor ini. Sehubungan dengan itu, Senggarang berharap pihak kerajaan negeri dapat meluluskan pembinaan dewan terbuka berpentas di Kem Pengakap Jubli Intan Tanjung Laboh ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penemuan longgokan bahan hiasan mengandungi ayat suci Al-Quran terbuang di kawasan pelupusan sampah bukan kejadian asing. Kejadian seperti ini berlaku lantaran sikap ambil mudah pihak tidak bertanggungjawab bagi melepaskan diri dari terbeban dengan bahan-bahan berkenaan yang tidak mahu digunakan lagi sama ada di rumah, stor atau premis atau berbagai faktor seperti rosak, susut nilai, susun atur baharu melibatkan tempat simpanan dan sebagainya. Ditambah pula dengan kekurangan ilmu pengetahuan pihak-pihak terlibat serta nipisnya nilai sensitiviti terhadap hukum dan adab beragama maka berlakulah pembuangan atau pelupusan bahan-bahan seperti ini sama seperti bahan-bahan terbuang yang lain. Yang ini Yang Berhormat Datuk Speaker rungutan daripada orang-orang masjid dan surau. Mereka mencadangkan agar pihak kerajaan negeri dapat mewujudkan satu sistem pungutan Al-Quran dan kitab-kitab agama mahu pun bahan hiasan mempunyai ayat suci Al-Quran hinggalah proses pelupusannya dapat disusun atur. Ianya termasuk di rumah-rumah, di masjid, mahu pun di surau, di sekolah-sekolah dan sebagainya. Kaedah pungutan, kaedah pelupusan memang kita maklum ada, tetapi pungutan, bagaimana hendak dikumpulkan bahan-bahan tersebut, perlu ada satu mekanisme.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Majlis Perbandaran Batu Pahat dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa negeri Johor, PLANMalaysia@Johor dan pejabat projek zon selatan Jabatan Perancang Desa dan Bandar dalam proses penyediaan rancangan kawasan khas persisiran Sungai Batu Pahat Johor, yang telah bermula pada 15 Mac 2023 dan telah berakhir pada 15 September 2023. Pada 4 Disember 2023 hingga 4 Januari 2024, merupakan program publisiti rancangan kawasan khas ini yang memberi peluang kepada orang awam untuk membantah dan memberi cadangan berkaitan kajian ini. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan isu dan masalah seperti mana berikut. Aktiviti pelaburan tukar barang *barter trade* di persisiran Sungai Batu Pahat yang beroperasi secara tidak terancang. Semakin berkembang pesat dan memerlukan kawalan perancangan bagi penyusunan dan pemajuan semula. Kesesakan lalu lintas disebabkan kenderaan berat yang menunggu untuk memasuki jeti kastam Jalan Shah Bandar bagi tujuan aktiviti pemunggahan barang. Kekejangan banjir di jeti kastam Jalan Shah Bandar, Jalan Pantai, Jalan Shah Bandar, Jalan Dato' Syed Isa, Jalan Minyak Beku, Terminal Feri Minyak Beku, Taman Sri Banang, Kampung Muhibah, Kampung Tambak dan sebahagian Bandar Penggaram. Aktiviti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan barang-barang dari luar khususnya dari wilayah Riau, Indonesia. Keperluan untuk mempertingkatkan kawalan pintu keluar masuk negara dan kawalan penguatkuasaan melalui aktiviti pelabuhan. Kerosotan kualiti air Sungai Batu Pahat yang mana indeks kualiti air, IKA berada di tahap 3, tercemar dengan nilai Ph rendah dan berasid. Kerosotan nilai biodiversiti kesan daripada kemusnahan akibat habitat flora dan fauna. Kawasan *mudleft*, *mudlave* dan muara yang menjadi habitat pelbagai spesies hidupan bakau kesan.

**YB Speaker** : Senggarang, tinggal 2 minit.

**YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang)** : Baik, Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Maafkan saya Yang Berhormat Datuk Speaker. Di dalam kajian tersebut itu juga telah terdapat beberapa penemuan utama berdasarkan isu dan masalah yang berlaku iaitu aktiviti pembangunan di pinggir sungai di atas rizab Sungai Batu Pahat. Pembangunan tidak terancang, perindustrian dan kediaman setinggian. Aktiviti pembaikan perusahaan kapal, kesesakan kedudukan jeti Shah Bandar, keberkesanan kedudukan Terminal Feri Minyak Beku, laluan alternatif jambatan kedua pembangunan komited *second port logistic*. Kualiti visual persekitaran. Oleh yang demikian, Senggarang mohon untuk kerajaan negeri setelah meneliti rancangan kawasan khas di Sungai Batu Pahat, Johor. Secara terperinci Senggarang sangat berharap dan memohon agar perancangan dan kajian ini dapat direalisasikan bagi memastikan kerajaan rancangan kawasan khas persisiran Sungai Batu Pahat Johor ini Senggarang berharap juga kerajaan negeri dapat memberikan perhatian yang serius dan membantu dalam menjayakan perancangan yang telah dibuat serta dilakukan oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sama ada dari segi tadbir urus mahu pun bantuan peruntukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekali lagi Senggarang merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah menunjukkan kepintaran idea, iltizam dan kesungguhan yang luar biasa dalam memajukan ekonomi negeri Johor. Senggarang turut ingin merakamkan sekali lagi pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang meluluskan peruntukan-peruntukan di Senggarang khususnya untuk manfaat penduduk di Senggarang. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, terima kasih Yang Amat Berhormat Datuk Speaker, Senggarang mohon menyokong. Wabilahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Senggarang. Seterusnya, saya jemput Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana telah memberi peluang dan juga ruang kepada Tangkak untuk bersama-sama menyertai dalam perbahasan rundingan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) tahun

2023. Sebelum bermula perbahasan Tangkak izinkan patik merakamkan ucapan selamat hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang jatuh pada tanggal 22 November. Patik dan seluruh warga kawasan DUN Tangkak merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena pengisytiharan sebagai Seri Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Tangkak juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar serta pasukan pentadbiran beliau atas berjaya membentangkan belanjawan Johor tahun 2024 yang bertema Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat pada 23 November yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan negeri sangat bergantung kepada kutipan hasil selain bantuan dan insentif daripada kerajaan persekutuan. Tangkak menyambut baik dengan pencapaian terimaan hasil negeri bagi tahun 2023 telah melebihi jumlah yang diunjurkan. Kami telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa dari sasaran pungutan hasil bagi tahun 2024, sebahagian yang sangat besar adalah daripada sumber cukai tanah. Sejak 10 tahun dahulu sumber hasil negeri utama memang bergantung sangat kepada cukai tanah. Namun, selepas 10 tahun pada hari ini pungutan hasil yang masih dari sumber yang sama sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang semakin meningkat setiap tahun. Berbanding dengan masa lalu, keadaan sekarang adalah seperti mana yang telah disebut oleh rakan kita Yang Berhormat Seri Medan pada hari Ahad yang lalu iaitu perbelanjaan untuk mengurus telah meningkat dan perbelanjaan pembangunan terpaksa dikurangkan. Tangkak bersependapat dengan Yang Berhormat Seri Medan bahawa keadaan ini adalah tidak sihat untuk pembangunan negeri. Tangkak tiada masalah untuk kerajaan menaikkan emolumen kakitangan-kakitangan negeri dengan kadar yang munasabah setiap tahun. Cuma untuk tidak mengurangkan perbelanjaan pembangunan kerana kekangan jumlah hasil. Kita bersama-sama perlu cari punca hasil yang baharu supaya dapat terus membangunkan negeri Johor. Oleh itu, adakah kerajaan dan anak-anak syarikat milik kerajaan mempunyai pelan rancangan atau tindakan untuk meneroka sumber-sumber hasil pendapatan baharu buat negeri serta mengurangkan kebergantungan kepada pendapat hasil premium tanah?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor pelancongan adalah salah satu peluang untuk Johor meningkatkan sumber hasil pendapatan. Dengan kedudukan geografi yang unik dan menarik, Johor mempunyai 2 jiran yang merupakan tempat tarikan pelancong antarabangsa yang terkenal. Johor juga mempunyai pantai yang terpanjang di semenanjung Malaysia. Johor mempunyai pulau-pulau yang cantik di Taman Laut Sultan Iskandar. Johor mempunyai gunung-gunung yang diminati oleh pendaki-pendaki antarabangsa seperti Gunung Ledang, Tangkak. Johor mempunyai banyak kebun-kebun, sayur-sayuran dan buah-buahan dan Johor merupakan tanah paling selatan di benua Asia. Johor juga mempunyai tempat-tempat yang bersejarah, berwarisan dan tempat-tempat yang penuh dengan budaya tempatan. Makanan-makanan yang istimewa dan sedap, semua yang telah disebut di atas adalah tarikan-tarikan pelancong yang unik di negeri Johor. Tourism Johor juga selama ini bekerja keras untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Johor. Tangkak ingin mencadangkan Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Daerah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia produk pelancongan di dalam kawasan masing-masing. Dengan bantuan sumber daripada Tourism Johor dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya. Setiap daerah digalakkan untuk menyediakan risalah pelancongan yang merangkumi semua maklumat pelancongan di dalam daerah termasuk tempat-tempat tarikan pelancongan, tempat makanan istimewa, tempat penginapan, peta fasiliti kemudahan dan pengangkutan serta informasi-informasi yang berkaitan pelancongan dengan terperinci. Sekiranya setiap daerah dapat menyediakan risalah pelancongan ini dengan format yang sama dan lengkap, kita akan dapat 10 risalah dari daerah di negeri Johor yang boleh dibukukan sebagai satu buku rujukan pelancongan Johor yang sangat berguna untuk pelancong-pelancong yang datang ke Johor dan sudah tentu ia akan jadi salah satu alat yang sangat penting dalam mencapai sasaran Kerajaan Negeri Johor

bahawa 12 juta pelancong ke Johor sempena Tahun Melawat Johor 2026. Dengan risalah yang dicadangkan ini Tangkak percaya kita bukan sahaja boleh menjayakan Tahun Melawat Johor 2026 tetapi limpahan ekonomi dari sektor pelancongan ini akan sampai ke semua daerah dan tempat di seluruh negeri Johor seterusnya memanfaatkan ekonomi sosial setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tadbir urus yang terus berakauntabiliti, berintegriti dan berhemah juga akan memastikan kerajaan dapat mengurus hasil negeri dengan baik dan elak daripada berlaku pembaziran supaya hasil-hasil tersebut dapat dinikmati oleh bangsa-bangsa Johor melalui pengurusan dan pembangunan negeri. Tangkak pernah bercadang kepada Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas supaya kerajaan memasang panel-panel solar untuk menjana tenaga elektrik di semua bangunan-bangunan kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan serta anak-anak syarikat kerajaan yang sesuai supaya dapat kita menjimatkan perbelanjaan dari bil kegunaan elektrik. Tangkak mohon kerajaan kalau boleh kongsi jumlah bangunan-bangunan kerajaan yang telah menggunakan sistem penjana elektrik yang boleh dibaharui ini setakat sekarang dan adakah penggunaan panel solar ini akan diteruskan pada masa yang akan datang? Selain panel solar di bangunan kerajaan lampu-lampu jalan milik kerajaan selain TNB juga dicadangkan mengguna lampu solar LED yang dijana elektriknya dari solar yang bukan sahaja mesra alam tetapi dapat jimat bil elektrik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tangkak bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Benut iaitu Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana dibuat dalam bentuk Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Johor dan kita boleh menubuhkan pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas bagi isu-isu yang tertentu, yang penting mengikut keperluan pada masa hadapan. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah selari dengan amalan Parlimen di negara luar dan Malaysia dan sejajar dengan *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) dengan izin. Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Tangkak membawa beberapa isu tempatan yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan ataupun barisan EXCO supaya dapat dibantu, disalurkan bantuan ke Dewan yang mulia ini.

Yang pertama mengenai bekalan air. Untuk makluman semua, Tangkak pernah berkongsi pengalaman pahit di Dewan yang mulia ini kerana telah menghadapi masalah gangguan bekalan air di kawasan sebanyak 56 kali sepanjang tahun 2022. Jadi, untuk Yang Berhormat Parit Yaani bukan sahaja disebabkan nama Tongkang Pecah ada paip pecah, Tangkak tak pecah pun, paip pun tetap pecah, Yang Berhormat. Oleh itu, Tangkak dimaklumkan bahawa kejadian ketiadaan gangguan bekalan itu berlaku kerana kerap sangat berlaku kes kebocoran paip, kes kerosakan di loji rawatan air serta kes kerosakan di tangki air di dalam kawasan. Tangkak mengalu-alukanlah pengumuman kerajaan dalam memperuntukkan dana untuk menaik taraf Empangan Gunung Ledang dan akan meneruskan projek penggantian paip lama sepanjang 206 kilometer di Johor pada tahun yang akan datang. Cuma, Tangkak minta supaya pemantauan yang berkala dijalankan terhadap kerja-kerja penggantian paip air ini supaya projek-projek yang telah dirancang dapat disiapkan mengikut rancang dan mengikut jadual.

Mengikut jawapan yang diperolehi dari Dewan yang mulia ini pada Ranhill SAJ melalui rancangan perniagaan yang telah diluluskan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Pengurusan Aset Air Berhad telah melaksanakan program penggantian paip lama di seluruh negeri seperti berikut; Program untuk tahun 2018 dengan 2019. Sepanjang 190 kilometer paip lama akan ditukar dan jangka siap tahun 2022. Pada tahun 2020, 281 kilometer diumumkan. Pada tahun 2021, 223 kilometer diumumkan. Masing-masing akan siap pada tahun 2024. Untuk tahun 2022, diumumkan 154 kilometer dan dijangka siap tahun 2025. Dalam belanjawan tahun 2023 pada hujung tahun lepas, 234 kilometer telah diluluskan untuk diganti di negeri Johor. Setakat ini, Tangkak dimaklumkan hanya kira-kira 110.2 kilometer paip lama jenis AC telah diganti dengan paip PE sepanjang tahun 2023.

Oleh itu, jumlah ini adalah sangat menyedihkan kerana Johor mempunyai paip air lama sepanjang 6,000 kilometer. Adakah pihak Ranhill SAJ, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Pengurusan Aset Air Berhad dapat mempercepatkan lagi kerja-kerja penggantian ini kerana paip air yang dinyatakan ini kebanyakan telah melebihi usia 40 tahun. Inilah penyebab terbesar berlakunya gangguan bekalan air di kawasan Tangkak dan merata tempat di negeri Johor.

Ranhill SAJ sendiri menerima hampir 7,000 aduan setiap bulan berkenaan dengan kejadian paip air bocor. Kalau kerja-kerja penggantian tidak dipercepatkan, Tangkak percaya bukan sahaja kes air bocor akan berlaku dengan lebih kerap tambahan lagi tekanan air terpaksa direndahkan supaya paip yang telah uzur ini boleh diguna. Kedua-dua keadaan ini akan menyusahkan pengguna air di Johor dan mengakibatkan peningkatan kadar air tidak berhasil (NRW) dengan izin dalam negeri. Sehingga berlaku kerugian yang lebih besar berbanding dengan kos mengganti paip baharu. Tangkak mohon Yang Berhormat EXCO kalau boleh kongsi maklumat terperinci berkaitan dengan jumlah kepanjangan paip lama yang telah siap diganti sejak tahun 2018 sehingga hari ini. Tangkak sekali lagi mencadangkan kerajaan sekiranya Ranhill SAJ masih tidak dapat melaksanakan program penggantian paip lama dengan efektif dan mengikut jadual, kita harus lantik syarikat lain yang lebih berkemampuan. (Dewan bertepuk). Kalau tidak sampai bilakah Bangsa Johor perlu menghadapi gangguan bekalan air yang disebabkan paip air bocor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang kedua yang ingin Tangkak bawa berkenaan dengan fasiliti kesihatan di kawasan DUN Tangkak. Klinik Kesihatan Paya Mas yang terletak di bandar Tangkak merupakan fasiliti kesihatan yang telah beroperasi sejak tahun 1970. Saya rasa kedua tertua berbanding dengan klinik kesihatan di kawasan YB Gambir. Klinik ini berkhidmat untuk kira-kira 31,500 orang penduduk di kawasan operasinya yang seluas 117 kilometer persegi yang melibatkan bukan sahaja penduduk di daerah Tangkak tetapi juga kepada kawasan Jasin Selatan negeri Melaka. Secara purata klinik ini menyambut kedatangan harian pesakit di antara 280 hingga 350 orang. Namun, disebabkan ruangan yang disediakan sejak lebih daripada 50 tahun telah tidak mencukupi untuk menampung peningkatan pesakit yang datang ke klinik. Klinik ini boleh kata menghadapi masalah penuh atau kesesakan setiap hari diikuti dengan ruangan meletak kenderaan dan ruangan menunggu yang tidak mencukupi, keadaan bertambah teruk dan telah menjejaskan para pesakit yang datang serta pegawai perubatan dan jururawat yang berkhidmat di klinik.

Tangkak juga telah dimaklumkan bahawa Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak sedang berunding dengan Hospital Tangkak bagi cadangan menggunakan tanah lapang Hospital Tangkak seluas empat ekar untuk tujuan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 2 Tangkak yang baharu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Hospital Tangkak mempunyai sekeping tanah lapang seluas 9 ekar di atas Lot 3176 Mukim Tangkak yang terletak bersebelahan dengan hospital. Tanah lapang ini sekarang adalah tanah kosong dan tiada sebarang bangunan dan tanaman dan lokasinya adalah di persimpangan masuk ke Taman Tangkak Jaya, satu kawasan perniagaan dan perumahan yang terbesar di dalam bandar Tangkak. Memandangkan tanah tersebut merupakan tempat yang paling sesuai untuk pemindahan Klinik Kesihatan Paya Mas, Tangkak memohon bantuan Jabatan Kesihatan Johor untuk bersama-sama merealisasikan cadangan ini dengan mendapat kelulusan kegunaan tanah serta dana dari kerajaan persekutuan.

**YB Speaker** : Tangkak, tinggal dua minit lagi.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Baik. Sebagai tindakan penyelesaian sementara, Tangkak ingin bercadang untuk pemasangan bumbung pergola di tepi dan dua belah pintu masuk untuk Blok Kesihatan Perkhidmatan Kesihatan Pesakit Luar, Blok Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak serta Blok Perkhidmatan Farmasi dengan kelengkapan kerusi dan kipas untuk dijadikan sebagai tempat duduk pesakit. 9 unit kuarters yang tidak diguna sejak lama lagi

yang terletak di dalam kawasan klinik juga boleh dirobuhkan sebahagiannya atau beberapa unit untuk dijadikan tempat letak kenderaan dan yang bakinya diubahsuai sebagai balai menunggu untuk pesakit atau dijadikan bilik stor untuk Klinik Kesihatan Paya Mas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tangkak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah merancang dan meluluskan beberapa projek pembangunan tempatan bagi kawasan DUN dan daerah Tangkak. Tangkak merakamkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan barisan pimpinannya atas prihatin yang diberi kepada kawasan DUN dan daerah Tangkak. Akhir kata, kerajaan Madani Malaysia ditubuhkan kerana Pakatan Harapan dan Barisan Nasional mendukung politik matang bagi menjamin kestabilan politik negara dan demi kesejahteraan rakyat. Konsep ini kita guna di sini dengan cara Bangsa Johor.

Oleh itu, Tangkak meminjam dua rangkap pantun daripada Timbalan Menteri Kewangan 1 dan ke-2 untuk dikongsikan kepada rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan Negeri Johor yang berbunyi, ada kiblat penunjuk arah, ada dacing penentu timbang, ada pengubat nusa yang parah, ada peluang menamat bimbang.

Daripada dibiarkan jurai, lebih baik diikat mati, daripada membenih cerai, lebih baik menanam bakti. Demikianlah perbincangan dari Tangkak untuk Persidangan kali ini. Terima kasih atas masa dan peluang yang diberi oleh Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Terima kasih Tangkak, mudah-mudahan Ranhill SAJ beri perhatian kepada apa yang dibangkitkan oleh Tangkak dan juga YB-YB yang lain dalam isu air ini. Ini adalah masalah besar, sebab saya pun Wakil Rakyat juga. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada 2.30 petang.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Tanjung Surat. (Dewan bertepuk.)

**YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk turut sama berbahas pada petang ini sempena pembentangan Bajet 2024 bagi negeri Johor. Sepertimana rakan-rakan Ahli Dewan yang lain, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 22 November baru-baru ini. Patik juga turut merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja atas pengisytiharan pemilihan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17 tidak lama lagi. Di samping itu juga, saya ingin merakamkan rafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor di atas kejayaan pasukan Johor Darul Ta'zim juara Liga Super, juara Piala FA, juara peringkat akar umbi dan banyak lagi. Insya-Allah, Piala Malaysia akan datang akan menjadi juga milik kita. Sudah 10 tahun revolusi JDT, dulu kita dijadikan bahan jenaka tapi sekarang lihatlah di mana kita berada. Jangan kata bola sepak di Johor ini hampir semua sukan kita juara, SUKMA pun kita juara dan saya juga di sini ingin mencadangkan kepada YB EXCO supaya mengekalkan *Chef de Mission* SUKMA kita yang lepas untuk menjadi *Chef de Mission* SUKMA yang akan datang di Sarawak.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama. Semoga pengurniaan ini akan menambah lagi semangat Yang Amat Berhormat Dato' untuk menjadikan Johor sebagai negeri yang maju selaras dengan Agenda Maju Johor 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menyentuh Teras Ke-6 Bajet 2024 iaitu Orang Muda Johor. Saya selalu berkata bahawa orang muda Johor sangat bertuah kerana memiliki Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang sentiasa menjadikan pembangunan belia sebagai salah satu agenda utama negeri Johor. Pelbagai usaha dilakukan Baginda dalam usaha memaju dan memperkasakan belia di negeri Johor. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang komited membangunkan belia melalui Bajet 2024 dengan meletakkan pembangunan belia di bawah satu teras khusus iaitu Teras Ke-6 Orang Muda Johor yang merangkumi 6 strategi dan 10 inisiatif. Izinkan saya berkongsi kata-kata dari Nelson Mandela dengan izin, *the youth of today are the leaders of tomorrow*, anak muda pada hari ini ialah pemimpin hari esok.

Justeru, pelbagai langkah ke hadapan perlu dilakukan sekarang dalam usaha melahirkan pemimpin yang boleh membawa negeri Johor bukan sahaja gah di dalam negara, malah ke persada dunia. Alhamdulillah, saya berada di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini juga hasil dari kilang belia. Kilang Majlis Belia Negeri Johor, kilang MOYC Negeri Johor, kilang-kilang ini telah melahirkan ramai pemimpin dalam Dewan ini juga dan juga di Dewan Rakyat. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 kepada bagi dana bantuan pengurusan dan pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor, RM365,000.00 bagi geran pentadbiran pengurusan kepada 73 Majlis Belia FELDA Malaysia Negeri Johor dan juga RM50,000.00 bagi pelaksanaan Kursus Pengurusan Organisasi, Majlis Belia Negeri Johor. Terima kasih atas semua inisiatif untuk belia Bangsa Johor dan ini semua bukti kerajaan negeri komited dan serius membangunkan orang muda Johor terutama dari aspek kepimpinan dan peningkatan *soft skills*.

Menjunjung kasih Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang amat menitikberatkan soal pendidikan kepada Bangsa Johor. Kita perlu memastikan orang muda Johor mendapat pendidikan yang berkualiti untuk mempersiapkan orang muda Johor yang serba lengkap dengan segala kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi apa sahaja cabaran dan menjadi pemimpin masa depan. Saya lihat dalam Bajet 2024 ini terdapat beberapa inisiatif khas untuk memperkasakan pendidikan orang muda Johor. Antara yang menarik perhatian saya, RM2 juta bagi biasiswa orang muda Johor kepada pelajar-pelajar cemerlang SPM, bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di universiti terkemuka di luar negara. RM150,000.00 bagi biasiswa di bawah Tabung Pendidikan Sarjana PDT kepada pelajar pasca siswazah dan RM3.7 juta bagi insentif Mahasiswa Anak Johor yang akan memberi manfaat kepada 75,000 Mahasiswa Anak Johor. Insya-Allah inisiatif ini akan memberi manfaat kepada orang muda Johor dan akan melahirkan lebih ramai orang muda Johor yang akan menjadi pakar dalam bidang masing-masing.

Namun begitu Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat satu perkara yang merisaukan saya. Fenomena *brain drained* atau perpindahan pakar-pakar ke luar negara pernah melanda negara kita dan sekarang pun kita masih lagi berhadapan dengan fenomena ini. Walaupun fenomena ini suatu yang boleh dipandang dari sudut yang positif kerana ia juga boleh menguntungkan negara, namun ia juga merupakan satu kerugian kerana pakar-pakar tersebut tidak berkhidmat dan menyumbang idea kepada negara kita. Saya tidak mahu fenomena ini juga melanda negeri kita. Saya harap kerajaan negeri dapat merangka satu strategi khusus supaya mahasiswa-mahasiswa yang hebat-hebat sama ada yang sedang berada di dalam negara ataupun di luar negara pulang dan berkhidmat sendiri di negeri Johor setelah selesai menimba pelajaran dan pengalaman di luar negara. Selain itu juga,



saya juga mohon agar peruntukan RM150,000 bagi biasiswa di bawah Tabung Pendidikan Sarjana PDT kepada pelajar pasca siswazah ini ditambah lagi supaya kita dapat melahirkan lebih ramai orang muda Johor yang mempunyai *Master* dan juga PhD, tambah lagi kos untuk melanjutkan pelajaran pada masa sekarang juga semakin meningkat. Saya juga mohon YB EXCO masukkan saya dalam skim ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dasar globalisasi ekonomi pasaran bebas, perkembangan teknologi yang sangat pantas menuntut orang muda Johor untuk lebih proaktif dan sentiasa cakna dengan peluang baharu terutama dalam bidang masa depan seperti Teknologi Kecerdasan Buatan AI. Kecerdasan Buatan merupakan teknologi yang memperlihatkan potensi besar dalam banyak bidang kehidupan termasuk perubatan, perniagaan, pendidikan dan penyelidikan. AI memberikan pengaruh kepada masa depan digital, menggerakkan perkembangan robotik, automasi dan pembelajaran mesin, selain melibatkan projek menganalisis data dan pengambilan keputusan. Pendek kata pada masa akan datang semua bidang boleh dikuasai oleh AI. Kita sudah nampak AI adalah peluang bidang pada masa depan. Justeru bermula dari sekarang, kita perlu merangka perancangan yang bersesuaian supaya orang muda Johor dapat menguasai bidang ini, seterusnya menjadi peneraju dalam industri ini.

Syabas saya ucapkan kepada kerajaan negeri yang memberi fokus terhadap teknologi AI ini supaya beberapa inisiatif dalam Bajet 2024 seperti penubuhan Pusat Pengajian Kecerdasan Buatan yang pertama negara iaitu Fakulti Kecerdasan Buatan AI di UTM. RM5,000.00 bagi *IDO Research Centre* yang akan memanfaatkan kuasa analisis data menggunakan kecerdasan pembuatan AI untuk menjana perubahan serta menyediakan cerapan dan analisis berasaskan data dan RM1,000.00 bagi Program *Johor Outbound School* yang direka khas bagi pelajar cemerlang semasa cuti sekolah melalui pembelajaran teknologi AI. Namun begitu terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian khusus oleh kerajaan negeri. Saya ingin bertanya adakah sudah dapat kod etika serta tadbir urus yang akan menjadi asas kepada pengawal seliaan AI dalam negeri kita yang merangkumi proses pengawalan dan pengetahuannya melibatkan pelbagai aspek seperti teknikal, perundangan, etika, polisi serta *standard* ataupun piawai dalam penggunaan teknologi AI? Selain itu, adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu pelan hala tuju kecerdasan buatan AI khas untuk negeri Johor?

Yang Berhormat Datuk Speaker, salah satu faktor yang mempengaruhi pengangguran belia pada hari ini ialah kerana *mismatch* atau ketidakpadanan antara graduan dan kehendak industri. Menurut kajian akademik, ramai graduan tidak memiliki kemahiran yang tepat dan terkini yang diperlukan oleh pasaran kerja khususnya kemahiran *soft skills*. Perkara ini turut disahkan oleh Bank Negara dalam laporannya yang menyatakan bahawa wujudnya ketidakpadanan yang ketara antara kemahiran yang diperlukan industri dengan kemahiran yang dimiliki para pekerja. Selain itu, menurut kajian Pertubuhan Kerjasama Pembangunan Ekonomi, *Organisation For Economic Corporation And Development* (OECD) mengenai ketidak seimbangan kemahiran di Malaysia, majikan melaporkan kekurangan dalam kemahiran komunikasi dapatan daripada kajian ini secara amnya konsisten dengan kesukaran mendapat pekerja seperti yang dilaporkan oleh majikan di Malaysia sejak dahulu lagi. Jadi dalam hal ini saya berpendirian bahawa perlunya kita menawarkan kursus-kursus yang bersesuaian dan menerima permintaan tinggi oleh industri. Tawarkan bidang pengajian yang sememangnya menepati kehendak pasaran kerja. Sebelum ini kita kejarkan kemahiran TVET tetapi belum ada jaminan pekerjaan dalam bidang ini. Saya juga ingin mencadangkan perlunya ada satu badan khusus yang bertindak sebagai peneras antara industri dan juga kolej. Tanpa *job matching* ini kita tidak akan merasakan graduan-graduan kita yang keluar daripada TVET dan kemahiran tidak mendapati pekerjaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti kita sedia maklum kerajaan pusat melalui Bajet 2024 kerajaan persekutuan telah mengumumkan PIPC Pengerang sebagai hab

pembangunan sektor kimia dan petrokimia yang turut disertai dengan pemberian pakej galakan cukai dalam bentuk kadar cukai khas atau elaun cukai pelaburan. Untuk rekod, PIPC telah menerima pelaburan komited hampir RM140 bilion setakat pertengahan fasa kedua pembangunan 2022-2025. Sudah tentunya ianya akan memberi impak ekonomi kepada kerajaan negeri dan juga kepada penduduk sekitar. Sudah tentu kita perlu lakukan pelbagai usaha dengan lebih giat lagi untuk menarik minat syarikat gergasi menempatkan koperasi mereka di seluruh negeri Johor.

Berkenaan penempatan kerajaan dalam membentuk ekosistem, aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Bagi merencanakan pembangunan ini adalah penting untuk memastikan kemasukan pihak pelabur ini dipermudahkan, ini terutamanya dalam aspek mendapatkan kelulusan-kelulusan wajib daripada pihak kerajaan pusat dan juga pihak kerajaan negeri sebelum mereka membina kilang-kilang tersebut. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa adalah lebih baik sekiranya terdapat satu agensi kerajaan yang diberi punca kuasa sebagai koordinator supaya agensi terpilih ini dapat memastikan semua kelulusan wajib di peringkat kerajaan pusat dan kerajaan negeri dapat dipercepatkan agar pelaburan dapat masuk dengan mudah dan lancar. Kita perlu wujudkan satu ekosistem dan pengurusan yang mesra pelabur. Seperti Ketika kewujudan PIPC Pengerang, telah tertubuhnya penubuhan *PIPC Project Steering Committee* yang bermula tahun itu adalah bagi menentukan hala tuju menangani isu-isu berbangkit serta merealisasikan keperluan-keperluan asas untuk manfaat pembangunan PIPC di Pengerang. Hal yang demikian amat penting kerana dalam keadaan ekonomi kini iklim pelaburannya semakin kompetitif, pelabur mempunyai banyak pilihan bagi menjaga kepentingan pelaburan syarikat mereka. Oleh itu semua pihak harus bekerjasama dan terus berusaha dalam menjadikan Johor tetap menjadi destinasi pilihan pelabur dan mewujudkan ekosistem yang mesra pelabur. Pelabur-pelabur ini juga akan menjadi agen penghubung atau jambatan bagi menarik minat pelabur asing yang lain. Bila servis elok, perkhidmatan elok, maka ramai lagi pelabur Asia akan masuk dan melabur di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan kemudahan sukan, saya menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengumumkan RM8.8 juta bagi memastikan kemudahan sukan, pusat rekreasi dan permainan dalam keadaan yang baik demi keselesaan masyarakat setempat. Saya mohon juga kerajaan negeri memberi perhatian kepada infrastruktur terutama di kawasan DUN saya, DUN Tanjung Surat. Kita semua sedia maklum bahawa pertambahan penduduk yang berlipat ganda ekoran pembangunan projek PIPC ini. Infrastruktur sedia ada terutamanya padang awam bola sepak dan gelanggang futsal sangat tidak mencukupi. Yang sedia ada pun mudah rosak kerana terlalu kerap digunakan. Oleh hal yang demikian, saya berharap kerajaan negeri dapat memberi perhatian kepada perkara ini bagi memberi keselesaan kepada penduduk di kawasan saya, terutamanya anak-anak muda yang nak bersukan dan beriadah.

Selain kemudahan sukan, saya juga mohon kerajaan negeri memberi perhatian kepada perkhidmatan kesihatan di kawasan Tanjung Surat. Seperti yang saya katakan tadi akibat pertambahan penduduk, banyak kemudahan dan kelengkapan asas kepada penduduk perlu dinaik taraf dan ditambah baik. Hal ini termasuklah bilangan ambulans yang tidak mencukupi sehingga terdapat kes-kes yang lambat diselesaikan akibat ketidakcukupan ambulans di mana suasana Tanjung Surat ini nak menghantar ke hospital mengambil masa satu jam ke Hospital Kota Tinggi. Dalam masalah yang dibangkitkan oleh YB Pasir Raja juga berkenaan dengan Hospital Kota Tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan Tanjung Surat ini dikelilingi lautan yang cantik dan berpotensi menjadikan tarikan pelancong. Banyak *hot spot* yang boleh dijadikan tapak perkhemahan atau *camp site*. Sudah menjadi *trend* masyarakat kita untuk berkhemah di kawasan tepi pantai, nak *healing*, nak *OOTD*. Rentetan daripada itu, terdapat banyak kewujudan tapak perkhemahan persendirian di kawasan terutama di kawasan Pantai

Punggai sehingga ke Teluk Ramunia. Perkara ini saya lihat satu perkembangan yang positif. Lanya satu tarikan baharu di kawasan saya di samping dapat menambah pendapatan dan meningkatkan ekonomi penduduk-penduduk dan menarik kehadiran pelancong. Dan yang terbaharu Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila kedudukan pantai yang bersih ini sudah ada anak penyu naik ke pantai di sekitar Pantai Punggai dan menjadi tarikan terbaru di kawasan pantai ini. Namun begitu saya juga kluatir kerana ada di antara mereka yang beroperasi tanpa kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan dan ada di antaranya yang menggunakan tapak rizab pantai. Cuma harapan saya berharap pihak PBT dan PTD janganlah mendenda mereka ini, sebaliknya turun padang dan berbincang dengan pengusaha-pengusaha ini dan mempermudah urusan mereka untuk mematuhi setiap peraturan dan garis panduan yang disediakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini di kawasan saya dibanjiri oleh pekerja asing dengan izin, bukan pekerja asing tanpa izin. Hampir 300,000 pekerja dari Bangladesh datang dan menetap sementara di kawasan saya, berhampiran dengan projek minyak dan gas Pengerang. Isunya mereka ini datang tetapi tidak bekerja, mereka ini dijanjikan kerja oleh agen-agen yang membawa masuk mereka ini, dan selepas tiga bulan datang mereka masih lagi tidak bekerja. Rentetan daripada perkara itu, saya berharap agar ada satu pelaksanaan dan juga garis panduan tepat bagi memasukkan pekerja asing ke negara kita. Baru-baru ini, pada dua hari lepas Yang Berhormat Datuk Speaker, sudah ada 400 orang mogok tidak dapat bekerja. Duduk tepi jalan dengan bawa beg besar. Jadi perkara ini sangat merisaukan saya kerana ia boleh mengakibatkan perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh kita berlaku terutamanya berkenaan dengan gejala sosial di kawasan DUN Tanjung Surat dan kawasan berhampiran dengan minyak dan gas. Persoalannya bagaimana mereka ini boleh dimasukkan sedangkan tidak ada pekerjaan? Adakah kerajaan telah semak akan kekurangan tenaga kerja? Kenapa kelulusan ini diberikan sedangkan mereka masuk tiada pekerjaan. Jadi saya harap kerajaan pusat terutamanya untuk semak dan pastikan semula dalam keadaan ini bahawa mereka ini hanya masuk yang untungnya adalah agen kepada syarikat-syarikat yang ada ini. Jadi, saya harap perkara ini harus diambil serius, mungkin pada ketika ini di tempat saya yang akan datang mungkin ada lagi berlaku di tempat-tempat yang lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya saya sudah sampai yang terakhir ini, saya mengharapkan segala apa, segala yang saya cadangkan ini diberi perhatian khusus oleh Kerajaan Negeri Johor supaya memberikan perkhidmatan terbaik dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor kerana membentangkan bajet yang berbaik bagi tahun 2024. Akhir kata, Abang Wahab hendak ke Machap, singgah sebentar membeli lontong, terima kasih beri ruang berucap, Tanjung Surat mohon menyokong. Sekian terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Surat. Saya jemput YB Kemelah.

**YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) :** Salam Muafakat Johor, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor pada hari ini. Sebelum lidah ini berbicara dengan lebih panjang, izinkan Kemelah merafak sembah menjunjung kasih untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 bermula tahun hadapan serta ucapan selamat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Tidak ketinggalan juga Kemelah ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tuanku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan dan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan pasukan bola sepak

JDT yang telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai liga buat kali ke-10 berturut-turut. Tahniah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka memulakan ucapan perbahasan pada kali ini tidak ada frasa yang lebih baik untuk saya tuturkan di Dewan yang mulia ini selain ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selaku pemimpin tertinggi dan tadbir negeri Johor yang telah berusaha keras untuk membawa Johor hingga menggapai pencapaian terbaik yang sungguh memberangsangkan sehingga hari ini.

Dalam alunan lidah ini Kemelah juga tidak ketinggalan untuk menuturkan ucapan tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas pengurniaan darjah Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sesungguhnya dengan pengurniaan ini Kemelah yakin menjadi suntikan bagi Yang Amat Berhormat untuk memacu Johor terus maju ke hadapan meninggalkan negeri-negeri lain dengan prestasi negeri yang lebih cemerlang. Perkara ini telah direalisasikan dengan titik mula setelah mendengar pembentangan Bajet 2024 minggu lalu. Satu bajet yang merangkumi segala aspek tanpa ketinggalan serta memberi sinar kepada semua bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka dengan ini saya mendukung hasrat yang sama dalam kejayaan besar yang dibawa oleh kepimpinan kita ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Kemelah ingin membawa perhatian di Dewan yang mulia ini terhadap beberapa perkara yang cukup penting dan perlu diutamakan selaku pemimpin yang diberi amanah dan tanggungjawab membawa harapan besar kepada penduduk kawasan Kemelah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika melihat kalendar sebulan lagi tirai 2023 akan berlabuh menunjukkan kita sudah sampai ke penghujung tahun. Dan mendongak pula ke langit, matahari umpamanya emas bagi ibu-ibu khususnya yang memikirkan pelbagai daya usaha bagi memastikan pakaian dijemur kering. Selain peniaga-peniaga yang tidak ada pelanggan waktu musim tengkujuh ini. Dan bagi Kemelah sudah tiba masanya untuk merancang dan memikirkan tindakan efektif bagi mangsa-mangsa banjir yang lalu sebagai persediaan, bak kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'.

Jika diimbaz kembali isu banjir ini, kita semua sedar bahawa taburan hujan kali ini begitu banyak tidak seperti tahun yang lalu dan hanya dalam tempoh yang singkat, kurang daripada 48 jam, Kemelah telah dipenuhi air di serata pelosok kampung sehingga menyebabkan banyak jalan terputus hubungan dalam tempoh tersebut. Meski pun persediaan telah dibuat perlunya beberapa perancangan lain sebagai alternatif bagi mangsa-mangsa di Kemelah. Bulan lepas semua barangan pangkalan hadapan telah selesai dihantar ke tempat-tempat yang kerap terputus ketika berlakunya banjir. Dan satu inisiatif baik bagi memastikan bekalan tidak lewat tiba sekiranya air naik secara mendadak dalam tempoh singkat. Namun begitu Kemelah ingin mencadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat agar melantik pembekal makanan atau sukarelawan dengan lebih ramai untuk menampung kapasiti sekiranya berlaku banjir serentak dalam daerah Segamat amnya. Perkara ini menyebabkan banyak PPS telah dibuka secara segera dan semestinya kita akur dalam keadaan mangsa-mangsa berpindah segera. Pelbagai masalah timbul bukan sahaja seperti banjir yang lalu kita lebih bersedia dalam semua permasalahan.

Mengikut rekod sepanjang banjir ini melanda Kemelah telah membuka sebanyak 17 buah PPS secara berturut-turut dan ada yang telah ditutup dan dibuka kembali. Ada beberapa buah PPS belum sempat memulangkan barangan keperluan bencana dahulu dan ianya telah digunakan semula pada waktu terdesak. Manakala 17 buah PPS Kemelah telah merekodkan sebanyak 270 buah keluarga yang melibatkan sebanyak 1,497 mangsa banjir hanya dalam tempoh satu minggu tersebut. Jumlah ini agak banyak kerana ada beberapa

tempat yang tidak pernah dinaiki air sebelum ini terlibat dengan banjir sehingga mereka hadir ke PPS dalam keadaan sehelai sepinggang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara utama Kemelah lihat ialah bekalan asas yang sampai lewat di PPS terputus hubungan seperti di Kampung Choh dan Kampung Pogoh Tengah, Kampung Tekan dan beberapa buah PPS yang lain meski pun barang pangkalan telah dihantar, namun kerisauan di hati tetap ada dengan segala kemungkinan. Terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan membekalkan bekalan banjir pangkalan hadapan akan tetapi saya berharap akan berkurangan isu bekalan makanan asas lambat sampai ke PPS hingga mangsa terpaksa berlapar hingga petang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kemelah menyambut baik Belanjawan 2024. Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat yang dibentangkan Khamis lalu. Meneliti satu persatu, helaian demi helaian, Kemelah tertarik dengan Teras Ketiga, Jaringan Keselamatan Sosial Memperkasa Perumahan Rakyat. Sebanyak RM10.4 juta diperuntukkan bagi program perumahan rakyat, pelaksanaan konteks pengurusan fasiliti. RM7.5 juta program perumahan rakyat, program penyelenggaraan perumahan dan RM13.8 juta membaik pulih rumah rakyat, kerja-kerja membaik pulih rumah golongan miskin.

Kemelah ingin menyatakan pembinaan rumah PPR amat perlu dalam kawasan Kemelah. Meski pun Kemelah terletak di kawasan luar bandar Kemelah melihat golongan B40, asnaf dan miskin tegar agak sukar hendak keluar dari kepompong tersebut meski pun telah dibantu dengan pelbagai agensi seperti MAIJ, JKM, e-Kasih serta bantuan-bantuan sara hidup yang lain dalam arus perdana dengan peningkatan ekonomi yang tinggi, kadar sewa rumah juga kebanyakannya tidak kurang dari RM500.00 yang sedikit sebanyak akan membimbangkan dengan hanya lepas pergi bayaran sewa sahaja. Bantuan tersebut tidak termasuk bayaran utiliti penerima yang lain.

Kemelah juga memohon agar kerajaan negeri meneliti kembali projek perumahan berdekatan dengan Kolej Segamat telah terbengkalai begitu lama. Kemelah selalu dibanjiri oleh pemilik perumahan tersebut yang masih dipotong gaji bulanan hingga sekarang, bahkan ada yang sesetengah yang telah melunaskan semua bayaran tetapi tidak nampak bayang projek tersebut akan diperbetulkan semula.

Kemelah ingin menarik perhatian YB EXCO berkaitan isu bangunan baharu KEMAS. Kemelah merupakan kawasan luar bandar yang majoritinya penduduk berpendapatan rendah. Oleh itu, kemasukan Tadika KEMAS perlu untuk pelajar baharu masuk. Tadika berkenaan di Bandar Putra sebuah tadika telah terlibat dengan kebakaran pada 5 hari bulan Ogos 2022. Rintihan dari itu sehingga hari ini pelajar terpaksa menumpang di Balai Islam, Bandar Putra. Kemelah mohon pertimbangan sewajarnya agar anak-anak tadika ini kembali seperti sedia kala sebelum bangunan itu terbakar.

Yang Berhormat Speaker, Kemelah ingin menarik perhatian Dewan mulia ini mengenai rumah perlindungan yang dicadangkan setiap daerah dan sepatutnya mempunyai perumahan tersebut. Sebelum ini Mahkota ada membangkitkan isu tidak kurang jauh beza dari Kemelah dan Kemelah menyokong sepenuhnya kerana ianya melibatkan mangsa untuk mendiami rumah perlindungan di situ. Rumah ini bukan sahaja mangsa rumah terbakar, bahkan mungkin boleh didiami mangsa yang diusir oleh keluarga yang hilang tempat berteduh. Acap kali sekiranya berlaku kebakaran, secara amnya mangsa tidak boleh mendiami di kawasan tersebut lagi sehingga ditaksirkan ianya selamat diduduki. Oleh kerana begitu, sebagai wakil rakyat sememangnya kita perlu menggalas tugas untuk memastikan mereka tidak tidur beralaskan tikar, berbumbungkan bulan dan bintang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kemelah mendukung penuh Teras keempat dengan penyediaan bas percuma yang kita semua maklum memberi kesan positif kepada Bangsa

Johor dan perlu diteruskan di masa mendatang. Melihat kepada pendekatan ini Kemelah memohon agar laluan bas percuma ini dapat ditambah dan dikaji semula mengikut keperluan selain tempoh waktu beroperasi bas tersebut.

Pengguna bas percuma ini kebanyakannya sudah menjadi penumpang tegar sehingga pemandu bas sendiri akan ingat pada waktu sekian, di tempat sekian. Bagi memastikan kemudahan ini digunakan secara lebih optimum, Kemelah mencadangkan pergerakan bas ini diawalkan dan melihat kembali jadual waktu persekolahan. Perkara ini berhubung dengan pelajar miskin dan ibu bapa yang memang selalu menggunakan servis ini bagi perjalanan harian anak-anak mereka ke sekolah. Dengan ini, maka tujuan dan hasrat kerajaan negeri akan lebih tercapai dengan penggunaan secara menyeluruh kemudahan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam Teras keempat, kemudahan keperluan asas sebanyak RM30.25 juta telah diperuntukkan bagi memperluaskan bekalan elektrik untuk menaik taraf 13 tan voltan tinggi 33 KV di daerah Johor Bahru. Sebanyak RM127.97 juta bekalan elektrik telah diperluaskan untuk membangunkan 3 pencawang pembahagian umum utama di kawasan perindustrian Senai, Kulai, Yong Peng dan Tangkak.

Jika direnung kembali persekitaran DUN Kemelah banyak kawasan industri terletak dalam DUN ini jika dibandingkan dengan DUN berdekatan Kemelah. Meski pun industri ini masih ditakuk lama tidak dapat berkembang pesat seiring dengan peningkatan pengeluaran produk mereka memandangkan isu-isu asas tidak selesai sehingga hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat sebuah kawasan luas yang sepenuhnya mengusahakan pelbagai produk di Segamat *Inland Port* masih lagi mengalami masalah bekalan elektrik walaupun sudah berkali-kali kertas kerja cadangan diutarakan kepada pihak berkaitan demi kestabilan bekalan elektrik di kilang mereka, kawasan Segamat *Inland Port* ni tepat pelbagai jenis kilang dan saya sendiri telah menerima cadangan dari pelabur luar untuk mengusahakan kilang baharu ini di terminal tersebut namun agak mendukacitakan bila mereka membuat analisis terdapat masalah utama yang menyebabkan mesin tidak dapat beroperasi mengikut jadual kerana bekalan elektrik kerap terganggu di kawasan ini. Kemelah mencadangkan agar sekiranya stesen elektrik tidak dapat dibina dengan skala yang besar dapatlah kiranya bekalan elektrik dibekalkan tanpa gangguan yang kerap memandangkan mesin-mesin besar ini memerlukan voltan lebih tinggi dari kegunaan harian dari di rumah serta bila terganggu, hasil produk juga kurang berkualiti.

Tanah generasi kedua FELDA Kemelah. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam DUN Kemelah terdapat dua buah FELDA iaitu FELDA Redong dan FELDA Kemelah, pada masa yang sama kedua-dua buah FELDA ini masih lagi menuntut dan ternanti-nantikan lot-lot tanah bagi generasi kedua ini. Sehingga hari ini generasi kedua FELDA Redong dan FELDA Kemelah masih menanti racikan terkini untuk dikurniakan kepada mereka. Saya difahamkan perkara ini masih dalam proses, di mana pendapatan lebih 100 penerima kedua-dua buah FELDA tersebut. Kemelah berharap seiring dengan inisiatif belanjawan yang di bentang terdahulu, perkara seperti ini dapat memberi lebih kemakmuran dan kesejahteraan kepada generasi kedua di masa akan datang.

Ada juga tanah yang telah diusahakan oleh peneroka FELDA boleh diteruskan oleh generasi kedua dan ada juga generasi kedua yang masih kosong, tidak mempunyai asas dan hanya berharap agar kelulusan tapak tanah generasi kedua dapat dikurniakan dalam tempoh terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Teras keenam, orang muda. Kemelah mendukung Hasrat kerajaan negeri yang sememangnya sentiasa peka dan cakna berkaitan isu-isu hal orang muda dari dahulu lagi kerajaan negeri tidak pernah mengetepikan hasrat orang-orang muda yang bakal menjadi pelapis kepimpinan masa depan. Untuk melahirkan belia yang lebih

berpolitik bukan sahaja dengan melahirkan mereka yang bijak pandai bahkan Kemelah berpendapat tubuh badan fizikal yang sihat melahirkan golongan belia yang bijak pandai. Dalam DUN Kemelah masih tidak mempunyai satu kawasan yang dikhususkan untuk golongan belia berkumpul di satu tempat. Alangkah baik, sekiranya mini stadium yang telah diusahakan sebelum ini dapat diteruskan bagi mendapatkan anak muda beriadah seperti gelanggang *futsal*, gelanggang bola jaring dan sukan-sukan yang lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kemelah juga ingin menarik perhatian pihak PBT terutamanya mengenal pasti kawasan taman yang selalu dijadikan tempat berkumpul golongan anak muda waktu malam untuk diterangi dengan lampu-lampu dan menggantikan lampu yang telah rosak. Perkara ini dilihat seperti masalah kecil tetapi memberi impak tinggi dengan suasana yang kelam serta mengundang berlakunya pelbagai jenayah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, karnival. Ingin saya mohon perhatian Pihak Berkuasa Tempatan dan EXCO Tempatan untuk mengkaji semula karnival-karnival yang bakal diadakan di setiap kawasan terutama menjelang musim perayaan di negeri Johor. Perkara ini jelas apabila setiap kali musim perayaan, cuti sekolah atau cuti sekolah panjang, setiap daerah akan dibanjiri oleh pelbagai karnival, ekspo dan jualan-jualan yang mana kita tahu salah satu ianya boleh mendatangkan hasil kepada PBT setempat. Namun begitu, janganlah kita lupa dan alpa dalam kegembiraan mereka yang terdapat tangisan bagi peniaga-peniaga kita. Kemelah ingin menyeru bahawa keluhan yang diterima daripada peniaga-peniaga setempat, rata-rata berdukacita apabila sesebuah karnival dianjurkan kerana peniaga yang memonopoli sesebuah karnival itu ialah peniaga dari luar negeri seperti Pakistan, India, Kemboja dan dari lain-lain negeri. Semestinya peniaga ini tidak membayar cukai seperti mana peniaga tempatan di sekitar kawasan tersebut. Kemelah berharap PBT dapat membendung perkara ini, seperti ini demi mengutamakan peniaga tempatan terlebih dahulu sebelum peniaga dari luar menguasai karnival kawasan kita. Alang-alang madu kelulut, pokok asam tempat bersarang, pandang-pandang semua sudut, Johor jelas makin cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, para Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan sekalian, melihat helai demi helai antologi pembangunan yang berlipat-lipat kini tentunya seluruh rakyat Johor terutamanya penduduk Segamat sangat menghargainya. Kemelah yakin sungguh walau daerah Segamat terletak di ceruk, tidak akan berada di pinggir lagi kerana Kemelah melihat kesungguhan kerajaan negeri merapatkan jurang pembangunan sambil menolak ke tepi apa-apa juga cabaran yang menghalang mahupun pancaroba yang cuba-cuba menduga. Senada dengan ungkapan ini, Kemelah mohon mengharap agar apa yang diketengahkan awal-awal tadi hingga ke akhir, kiranya juga mendapat perhatian dan pertimbangan kerana pokok pangkalnya kerajaan sememangnya komited membela nasib rakyat, mendengar suara hati setiap rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kelantangan lidah berbicara ini, Kemelah ingin memohon maaf andainya terguris hati dengan perbahasan Kemelah sebentar tadi yakni tidak lain tidak bukan hanya untuk kebaikan dan meningkatkan lagi infrastruktur yang sedia ada demi kesejahteraan warga Kemelah. Kemelah juga menyusun 10 jari dengan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar dan semua barisan EXCO yang tidak pernah bosan membantu dan menyokong segala usaha Kemelah. Sebelum ini memberi manfaat kepada penduduk DUN Kemelah. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Kemelah. Saya jemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

**YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk

Speaker, saya Pulau Sebatang. Pantun. Di dalam timba airnya jernih, air dibuang mencuci alas, Datuk Speaker terima kasih beri ruang saya berbahas. (Dewan bertepuk). Hari ini saya tak adalah bercakap isu banyak tapi saya nak sentuh empat perkara, yang pertama berkaitan dengan JPS dan juga galian parit tanah, lepas itu saya nak sentuh berkaitan lampu solar, lepas itu berkaitan dengan urus tadbir kerajaan negeri di bawah teras pertama belanjawan dan yang akhir sekali berkaitan dengan isu Palestin.

Tapi sebelum itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sebagaimana rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lain nak ucap beberapa ucapan tahniah kepada Tuanku Sultan. Tuanku, patik ingin merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan Allah peliharakan Tuanku Sultan sempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada 22 November yang lalu. Patik juga turut ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik mewakili rakyat Pulau Sebatang amat yakin dengan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelak Malaysia akan menjadi lebih makmur, harmoni dan diberkati. Daulat Tuanku.

Seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjunggi Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim yang membawa gelaran Dato'. Dengan penganugerahan kurniaan darjah kebesaran Dato' Sri Mulia Ibrahim Johor kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ianya merupakan satu pengiktirafan terhadap cara pengurusan dan tadbir urus yang cemerlang dan sekali gus turut mengiktiraf kerja-kerja yang kami ADUN-ADUN dan semua jabatan-jabatan dah laksanakan selama ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tuanku gembira dengan sukacita Tuanku anugerah dan kurniakan darjah kebesaran kepada Menteri Besar Johor kita. Menteri Besar kita gembira dengan prestasi kerja yang kita tunjuk, Menteri Besar hadiahkan kita dengan bonus dua bulan gaji. (Dewan bertepuk). Terima kasih Tuanku, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker seingat sayalah sepanjang saya berkhidmat dalam kerajaan sebelum ini selama 22 tahun, saya tak pernah merasa bonus dua bulan gaji ini, jadi hari ini pun saya rasa sangat gembira dan bertuah. Dan di kesempatan ini saya nak umum satu perkara. Saya nak mengucapkan juga ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada seluruh staf Pejabat DUN Pulau Sebatang yang telah memberikan kerjasama yang baik bersama-sama dengan saya demi untuk Pulau Sebatang. Jadi, dekat sini nak umum oleh kerana saya gembira, saya juga turut nak hadiahkan semua kakitangan Pejabat DUN Pulau Sebatang dengan bonus dua bulan gaji juga. Mari bersama sepakat semua, usahlah susah bersedih hati, kita bekerja dengan gembira, moga Allah sentiasa berkati. Yang Berhormat Datuk Speaker ini mungkin dia orang ada dekat luar ini, dia orang tak tahu lagi ini Yang Berhormat Datuk Speaker eh, dia orang dengar mesti dia orang gembira, Alhamdulillah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita semua telah pun mendengar pembentangan Belanjawan Johor bagi tahun 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang bertemakan Memacu Pembangunan Menyejahterakan Rakyat. Saya yakin bagi merancang dan merangka kertas pembentangan Belanjawan Johor bagi tahun 2024 ini, ianya telah dimulakan sejak beberapa bulan yang lalu. Saya difahamkan sejak dua bulan ini hampir setiap Sabtu, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi akan pergi ke BPENJ bagi meneliti dan menyemak kertas Belanjawan Johor 2024 sebelum dibentangkan kepada kita semua di dalam Dewan ini pada hari Khamis yang lalu. Begitu komited dan teliti sekali Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, meneliti dan menyemak supaya Belanjawan 2024 ini adalah yang terbaik buat rakyat Johor. Belanjawan yang mengambil kira segala genap



pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak, daripada pelbagai aspek dan sudut pandang serta mengambil kira suara hati rakyat yang terbanyak. Syabas dan tahniah kepada Menteri Besar Johor juga syabas dan tahniah saya ucapkan kepada barisan EXCO-EXCO dan juga jabatan-jabatan yang membantu memberi *input* dalam menyediakan kertas pembentangan Belanjawan Johor 2024. Rakan-rakan Ahli Yang Berhormat saya nak ucap tahniah juga kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat kerana apa, kerana kita juga turut memberikan cadangan, pandangan dan idea dalam perbahasan kita semua pada sidang-sidang Dewan yang lepas untuk kerajaan negeri pertimbangkan dan diambil kira dalam merangka Belanjawan Johor 2024 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam perbahasan saya tahun lepas iaitu pada 6 hari bulan 12, 2022 dan pada tahun ini iaitu pada 20 hari bulan 3, 2023, saya ada minta dan saya ada cadangkan agar pembersihan parit dan penyelenggaraan pemotongan rumput di jalan-jalan kampung yang dilaksanakan oleh JPS diserahkan semula kepada ketua kampung ataupun JPKK yang mana sebenarnya sebelum ini kerajaan negeri dah pernah buat pun. Dan Alhamdulillah di dalam pembentangan Belanjawan Johor 2024, Teras Pertama bagi Tadbir Urus Kerajaan di bawah Strategi Ketiga untuk Memperkasa Institusi Akar Umbi dan dimasukkan di dalam inisiatif pertama sebanyak RM12 juta telah diperuntukkan kepada JPKK untuk menyelenggara parit-parit di kawasan pertanian dan kampung-kampung. Kenapa? Kenapa nak serah balik pada ketua kampung? Kerana ianya lebih sesuai sebab kita tak menafikan JPS sudah laksana kerja dengan sangat baik, tetapi kalau parit-parit dekat kampung itu orang yang lebih mahir nak tahu gali parit mana dulu berbanding parit lain adalah orang kampung itu sendiri yang diketuai oleh kampung dan juga JPKK. Sebab itu kita minta diserahkan semula kepada ketua kampung dan kita faham peruntukan itu tak banyak, peruntukan itu sikit, jadi ketua kampung tahu nak dulukan parit yang mana berbanding parit yang lain.

Cuma persoalannya, adakah peruntukan RM12 juta ini yang diumumkan ini yang diuruskan oleh JPKK di bawah seliaan JPS, adakah merupakan peruntukan tambahan daripada kos penyelenggaraan tahunan JPS atau RM12 juta itu ditarik daripada kos penyelenggaraan tahunan sedia ada? Saya harap ianya adalah peruntukan tambahanlah eh, bukan peruntukan yang ditarik daripada bajet tahunan sedia ada. Sebab saya teliti juga, di dalam bajet berkali-kali saya teliti saya tak nampak jelas tentang adanya pertambahan peruntukan tentang gali parit ini sedangkan perkara ini sangat serius untuk membantu kita menangani meminimumkan banjir. Tetapi di dalam bajet ada bentang tentang nak naik taraf parit utama Taman Damai Jaya Skudai, ada bentang nak naik taraf pasal kawasan parit di kawasan Pasir Gudang, nak menyelenggara Sungai Taman Johor dan Sungai Taman Anggerik dan juga Sungai Melana. Tetapi, ada diumumkan peruntukan sebanyak RM18.9 juta secara umum untuk naik taraf sistem saliran kerja-kerja berkaitan pengairan, pengawalan hakisan dan pencegahan banjir, adakah ini peruntukannya? Dan kalau ini peruntukannya, macam mana cara nak bagi. Kita mintalah YB EXCO terangkan pada kita macam mana nak bagi peruntukan ini, kalau nak bagi kepada 10 daerah macam sikit baru RM1.89 juta. Dekat Pontian, panjang parit tanah kampung ada 1,400 kilometer. Tahun ini peruntukan kerajaan negeri ada bagi dekat RM5 juta pun tak dapat nak *cover* keseluruhan panjang jalan, hanya dapat *cover* 40% sahaja daripada 1,400 kilometer parit tanah yang berada dalam daerah Pontian. Jadi, saya harap YB EXCO dapat beri penjelasan akan isu ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya di dalam perbahasan saya tahun lepas pada 22 hari bulan 6, 2022, saya ada mohon untuk pemasangan lampu jalan di dalam kawasan DUN Pulau Sebatang. Lepas itu, kemudiannya saya bawa lagi sekali dalam perbahasan saya pada 6 hari bulan 12 tahun yang sama iaitu tahun lepas, mencadangkan agar kerajaan negeri mengadakan Program Pencahayaan Kasih Bangsa Johor yang mana peruntukan ini diberi kepada setiap ADUN melalui Pejabat Daerah dengan memasang lampu solar di jalan-jalan kampung dan juga persimpangan yang gelap dan berisiko berlaku kemalangan pada waktu malam. Dalam belanjawan tahun lepas, untuk tahun ini MB ada umum sebanyak

RM12 juta nak pasang lampu jalan tapi hanya meliputi kawasan Jalan Tampoi, Jalan Tebrau, ini yang bajet yang di umum tahun lepas untuk tahun ini, hanya meliputi Jalan Tampoi, Jalan Tebrau-Pandan, Lebuhraya Pesisir Pantai-Permas Jaya, kawasan pentadbiran Iskandar Puteri dan pemasangan lampu di persimpangan serta jalan-jalan negeri yang hanya dapat cover 21 kilometer je. Jadi, belanjawan yang di bentang tahun lepas untuk tahun ini memang tak ada canlah Pulai Sebatang nak mohon, memang tak ada canlah Pulai Sebatang nak dapat. Setahun menanti, akhirnya Khamis lepas dalam belanjawan, dalam belanjawan, MB ada umum di dalam Teras Ketiga Agenda Maju Johor, strategi pertama inisiatif keempat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada mengumumkan peruntukan sebanyak RM5.6 juta bagi pemasangan 2,230 unit lampu LED untuk kawasan luar bandar. YAB MB juga ada beritahu dalam ucapan. Apa YAB MB kata? YAB MB kata Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudah ada senarai boleh bagi kepada YB EXCO berkenaan. Jadi, hari ni Pulai Sebatang memang sudah ada senarai pun. Kami sudah ada senarainya sudah daripada tahun lepas lagi. Jadi hari ini saya siap bawa surat. Saya nak serah kepada YB EXCO yang berkenaan surat permohonan untuk lampu jalan ini dipasang di kawasan Pulai Sebatang. Pulai Sebatang nak cop 200 batang lampu solar. Ada dua surat, satu saya nak serah kepada YB EXCO siap berserta dengan senarai jalan-jalan yang kita nak pasang, lagi satu surat ini saya nak simpan dalam fail pejabat saya, nak minta YB EXCO cop dan tandatangan terima supaya senang saya nak buat rujukan permohonan *follow up*. Terima kasih.

**YB Speaker** : Kalau dapat tambah bonus tiga bulan ya.

**YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang)** : Itu insya-Allah tahun depanlah mungkin. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai rakyat Johor, saya rasa amat berbangga apabila pentadbiran kerajaan negeri menitik beratkan kakitangannya untuk meningkatkan diri dalam pendidikan. Bak kata bidalan, ilmu itu lebih baik dari kekayaan kerana kekayaan itu harus dijaga sedangkan ilmu menjaga kita. Di dalam pembentangan belanjawan tahun lepas untuk tahun 2023 iaitu tahun ini, YAB MB ada umum tiga pegawai JCS tamat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, 25 pegawai JCS serta pegawai pengurusan dan profesional Pejabat SUK menerima penganugerahan Sarjana Sains Kaunseling dan ditauliahkan sebagai Kaunselor Berdaftar oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Dua pegawai JCS sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di Singapura. Ini untuk tahun lepas. Untuk tahun ini di bawah tadbir urus kerajaan teras pertama, Yang Amat Berhormat memperuntukkan hampir RM5 juta bagi menyiapiagakan anggota perkhidmatan tadbir negeri Johor ke program-program Pasca Siswazah dan Ijazah Doktor Falsafah serta pelbagai kursus jangka pendek sama ada di dalam mahupun di luar negara termasuklah menghantar pegawai kanan kerajaan negeri ke *Harvard* dan *Oxford University, US*. YAB MB ada kata ini mesti ada ramai ADUN nak ikut ni. Memang kalau boleh YB Datuk Speaker, YB Datuk Speaker nak ikut, tapi kami ini tidak boleh tinggal kawasan lama. Nanti jadi isu, *backfire* pula kepada kerajaan negeri.

Di dalam Belanjawan 2024, YAB MB juga ada umum seramai 103 orang Pegawai Tadbir Negeri Johor telah mengikuti Program Pasca Siswazah, lapan orang telah memperoleh Ijazah Doktor Falsafah, 95 orang memiliki Ijazah Sarjana ataupun *Master*, 50 orang pegawai akan dihantar mengikuti program Sarjana dan PhD. Manakala Akademi JCS sedang mempersiapiagakan senarai calon-calon bagi mengikuti program Sarjana di *National University of Singapore and US* dan juga *Nanyang Technology University, NTU* yang mana ini ditaja penuh oleh kerajaan Singapura. Semua program-program yang saya sebutkan tadi di bawah Belanjawan 2024 adalah program yang sangat baik, imej yang sangat baik kepada Kerajaan Negeri Johor. Ianya sudah tentunya di bawah Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor atau lebih dikenali sebagai Akademi JCS. Cuma persoalannya, adakah bidang yang akan diambil oleh Pegawai Tadbir Kerajaan Negeri Johor sama ada nak ambil PhD ataupun *Master* ini ditentukan sendiri oleh tuan badan dia nak ambil bidang apa ataupun ditentukan oleh Akademi JCS mengikut kesesuaian jabatan yang mereka wakili supaya

nanti segenggam PhD dan *Master* yang mereka perolehi itu boleh digunakan dalam membantu meningkatkan tahap perkhidmatan kerajaan negeri.

Yang kedua, saya juga nak cadangkan perlu adanya kayu pengukur atau KPI bagi setiap pegawai tadbir yang telah memiliki *Master* dan PhD dengan ilmu yang ada, apakah penambahbaikan yang telah dibuat bagi membantu menaik taraf tahap perkhidmatan dan pengurusan urus tadbir kerajaan negeri.

Yang ketiga, saya juga nak cadangkanlah agar kami-kami Ahli Yang Berhormat ini juga turut didedahkan dengan program-program kursus jangka pendek berkaitan pengurusan dan pentadbiran bagi memberi ilmu dan pengalaman kepada kami dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Saya nak ucap tahniahlah kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebab anda semua *multi talented*, anda semua *multi tasking*. Kejap-kejap jadi JKR, kejap-kejap jadi perikanan, kejap-kejap jadi petanilah pula, dan lepas jadi petani jadi JKM pula, dah jadi JKM jadi pula Baitulmal, lepas itu nak banjir jadi pula JPS, ini nak naik sekolah jadi pula PPD. Itu kat luar, dekat pejabat, pejabat kami kitalah ketua kewangan, kitalah ketua pentadbiran, dan kitalah segala-galanya. Baru-baru ini dapat pula keluarga angkat dan anak angkat. Bila ada masalah contohnya, contohnya katalah masalah berkaitan dengan tanah, rakyat tidak telefon tuan-tuan, rakyat tidak pergi ke pejabat tuan-tuan. Kalau pergi ke pejabat tuan-tuan pun, mungkin bukan tuan-tuan yang mengadap. Yang mengadap ini pekerja-pekerja bawahan. Tapi rakyat jumpa siapa. Rakyat jumpa kami ini ADUN-ADUN. ADUN-ADUN yang tidak ada kepakaran dan cetek ilmu tentang tanah dan lain-lain. Sebab itu tadi saya cadangkan dan saya minta adakan kursus pendek buat kami ADUN-ADUN kerana kami juga membawa imej pentadbiran kerajaan negeri di mata rakyat. Kursus kami tidak payahlah jauh-jauh, tidak payah kat *Harvard*, tidak payah kat *Oxford University*. Dekat New York pun boleh, New York Hotel Johor Bahru. Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, kami ADUN-ADUN tetap terus berusaha dengan semangat menjalankan tugas dan amanah yang diberikan walaupun dirintanginya kami dengan pelbagai dugaan dan cabaran kerana apa, *it's in the blood, it's in our blood, our passion, we are happy to serve*. Cara beradab mohon panjangkan, kursus diberi membantu khidmat, amanah tanggungjawab kami laksanakan, moga memenuhi kehendak rakyat.

Akhirnya isu Palestin, Yang Berhormat Datuk Speaker marilah kita sama-sama berdoa agar bumi Palestin kembali aman damai seperti sebelum tahun 1948. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi dan YB EXCO Agama kerana telah menganjurkan Perhimpunan Solidariti Palestin di Masjid Sultan Iskandar yang lalu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker di mana Yang Berhormat Datuk Speaker di dalam pemasyhurannya pada Ahad yang lalu ada menerangkan perjuangan sah Hamas di Gaza. Isu Palestin ini bukan semata-mata isu agama, isu Palestin ini bukan semata-mata isu kaum, ianya adalah berkaitan hak dan kebebasan manusia. Pengganas Israel mengebom semua rumah ibadah, rumah ibadat, mengebom sekolah, hospital, wanita, kanak-kanak dan segalanya tanpa sifat belas kasihan demi kerana nak merampas tanah Palestin dan mendirikan negara haram Yahudi. Siapa sahaja tidak kiralah sama ada yang ada dalam Dewan ini ataupun yang berada di luar Dewan ini, kalau tidak terkesan dan tidak merasa sedih dengan tindakan kejam Israel Zionis ini kepada rakyat Palestin, selayaknya mereka ini digelar manusia berhati syaitan.

Saya sangat setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Datuk Speaker iaitu selain membantu dengan bantuan kewangan dan perubatan, kita wajib istiqamah memboikot apa sahaja perniagaan dan barangan yang ada kaitan dengan Yahudi sebagai tanda solidariti kita kepada rakyat Palestin. Kita juga ramai-ramai harus *share* di media sosial masing-masing tentang kekejaman Zionis supaya biar semua dunia tahu dan sedar akan pelanggaran undang-undang yang dibuat Israel Zionis ini.

Pantun akhir kata, bentang belanjawan penuh hemat, pentadbiran terbilang rakyat bahagia, maju pembangunan menyejahterakan rakyat, Johor gemilang bangsa sejahtera. Bunga kemboja si bunga raya, bunga teratai kembang melata, sekian sahaja perbahasan saya, maaf andai terkasar bahasa. Pulai Sebatang mohon menyokong. Pantun akhir, Pak Kopit menjahit kopiah, kopiah dijahit baldu yang utuh, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Pulai Sebatang. Tahniah dan kalau ada YB-YB yang nak ikut Pulai Sebatang iaitu bagi bonus dua bulan kepada kakitangan silakan. Saya nampak Layang-Layang boleh, sebab tengok banyak sangat hasil kebun itu kan. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan selama 15 minit, kita masuk balik 3.40 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.25 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 3.40 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Perbahasan bersambung semula. Dengan hormatnya dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin (Bukit Naning)** : Bismillahirrahmanirrahim, (Doa) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas izin dan kehendakNya jua maka kita dapat berkumpul menghadiri sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini. Di kesempatan ini dengan penuh hormat dan kerendahan hati, saya merafak sembah merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17.

Patik berdoa ke hadrat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keafiatan agar dapat terus menaungi negeri Johor yang tercinta ini. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih buat Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang sentiasa memberi galakan, motivasi dan inspirasi dalam memacu pembangunan negeri Johor ini. Patik turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Marilah kita berdoa agar pasukan JDT dapat mengekalkan prestasinya serta menempa kejayaan demi kejayaan dalam penguasaan sukan yang menyatukan Bangsa Johor ini.

Di kesempatan ini juga, saya seluruh rakyat di DUN Bukit Naning mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di atas kecemerlangannya memacu ekonomi negeri Johor. Semoga kecemerlangan ini dapat mempertingkatkan lagi kecemerlangan Bangsa Johor.

Mentari terbit sungguh mempesona, beburung berkicau tanda gembira, pentadbiran terurus cekap dan cakna, Johor prihatin rakyatnya sejahtera. Air di kali dingin sekali, dibuat mandi si anak cucu, pengurusan profesional terus diyakini, pembangunan holistik bersama dipacu.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Dewan yang dihormati sekalian, sebagaimana kita sedia maklum pembangunan dan pembentukan sahsiah insan amat penting di dalam membentuk sesebuah masyarakat yang berjaya. Di mana ianya melibatkan proses penerapan, membina dan mencapai kemajuan insan atau masyarakat. Dengan erti lain kata, pembinaan insan yang tepat dan betul dapat membantu sesebuah negara dalam melahirkan masyarakat dan juga pimpinan yang cemerlang yang dapat memastikan kejayaan di masa depan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pembangunan dan pembentukan sahsiah insan hanya akan dapat dijayakan melalui latihan dan penerapan motivasi dalam usaha melahirkan generasi muda yang berketerampilan serta mempunyai semangat jati diri dan integriti menjadi perkara pokok dalam penghasilan kualiti pengurusan dan pentadbiran sebagaimana yang diharapkan. Keikhlasan dalam menjalankan tugas dan amanah penting ini, ia harus wujud dan dipupuk dalam pemikiran setiap penjawat awam. Semuanya ini bertitik tolak dari niat atau pun nawaitu kita. Inilah yang cuba diterapkan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran kita selaras dengan usaha yang dinyatakan melalui teras inisiatif dan strategi yang dibentangkan dalam belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita baru-baru ini.

Pembangunan modal insan perlu diteruskan dan diperkasakan kerana ia dirujuk sebagai pembangunan sumber manusia yang perlu digilap di peringkat awal iaitu semasa seusia muda. Kerana ia merupakan elemen penting bagi memastikan negara terus berdaya saing dan tahan lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi. Ini bertepatan dengan tema belanjawan kita bagi tahun 2024 iaitu Maju Johor, Pemacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat dengan menggariskan 6 teras dalam urus tadbir negeri.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pendidikan merupakan satu proses mendidik sorang insan untuk terus memperolehi keilmuan sehingga dapat mengubah tingkah laku serta sikap daripada negatif kepada positif. Pendidikan juga dapat mengembangkan potensi individu ke arah positif seperti membina akhlak budi pekerti dan peribadi yang mulia. Malahan pendidikan membangunkan insan daripada aspek sosial iaitu sumbangan seseorang kepada diri masyarakat serta negeri Johor.

Justeru, strategi memperkasakan institusi akar umbi melalui inisiatif meningkatkan keupayaan iaitu JPKK amatlah dialu-alukan. Ini bukan sahaja menjadi nilai tambah terhadap kepimpinan peringkat kampung bahkan menambah ilmu dan pengalaman mereka melalui pendedahan yang berguna bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah kampung. Belanjawan Johor memacu pembangunan, memenuhi hasrat, mencapai impian, penyampaian berkesan, tingkatkan pencapaian, cekap berintegriti, memenuhi wawasan. Belanjawan di bentang penuh strategi, inisiatif diatur sedia di laksana, bersama bergerak penuh inspirasi, perkhidmatan mantap tanggungjawab semua.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, penanda aras kualiti pengurusan dan pentadbiran kerajaan di semua peringkat haruslah ditambah baik dan dipertingkatkan melalui strategi yang digariskan di bawah teras penyampaian perkhidmatan awam yang responsif, saya turut menyarankan agar konsep pusat perkhidmatan setempat iaitu *one stop centre*, dengan izin harus diperluas dan diperkasakan oleh jabatan-jabatan untuk menyelaraskan dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan terutamanya permohonan yang memerlukan input dan ulasan daripada pelbagai jabatan termasuk jabatan dalaman dan jabatan atau pun agensi luaran.

Antara lain, tanggungjawab pusat perkhidmatan setempat ini termasuklah menerima permohonan daripada pelanggan yang berkaitan seterusnya proses permohonan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan. Dengan penubuhan pusat perkhidmatan setempat ini, pelanggan tidak perlu pergi dari satu jabatan ke satu jabatan yang lain untuk mendapatkan kelulusan bagi permohonan mereka. Aduan yang merupakan salah satu ukuran utama terhadap keberkesanan pentadbiran kerajaan harus diambil serius. Bagi menangani isu aduan dan responsif, cepat dan berkesan membolehkan kerajaan melangkah ke fasa urus tadbir yang lebih baik, dengan mengambil langkah-langkah proaktif pencegahan dan penambahbaikan berdasarkan isu aduan yang diterima. Ia agar kredibiliti kerajaan akan sentiasa terpelihara. Kerajaan di saran agar menyediakan platform atau pun saluran aduan yang lebih mudah, efisien dan pantas untuk rakyat menyatakan pandangan mereka secara lebih bertanggungjawab. Bagi meningkatkan keberkesanan dan memastikan jentera pentadbiran sentiasa cekap dan berkesan, pentadbiran kerajaan negeri perlu memastikan setiap prosedur kerja dan pengurusan kualiti melalui KPI mesti dipatuhi.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan. Justeru, setiap agensi amat digalakkan untuk memperkemaskan prosedur kerja bagi mempercepatkan proses kerja dan membantu membuat keputusan dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, isu perlindungan data, keselamatan siber dan penggunaan kecerdasan buatan iaitu *AI*, dengan izin yang hangat diperkatakan ini harus diteliti, diperhalusi dan ditangani dengan berkesan agar tidak menjadi ancaman keselamatan, dieksploitasi dan dimanipulasi sistem tadbir urus sehingga boleh menggugat kelancaran permohonan ini tadi.

Persoalan integriti dan salah laku penjawat awam iaitu seperti rasuah, pecah amanah, gangguan seksual dan penyalahgunaan dadah harus ditangani secara tegas dan berkesan. Agar perilaku dikenakan hukuman yang setimpal serta menjadi pengajaran kepada pihak yang lain. Pemberian sagu hati sebagai penghargaan adalah pemangkin untuk motivasi agar perkhidmatan terbaik serta menjadi contoh dan ikutan kepada penjawat yang lain. Dalam dunia digital ini harus menjadi perintis dalam menginovasi dan meningkatkan keupayaan teknologi melalui penggunaan alat digital di pejabat-pejabat kerajaan agar ianya dapat mempercepatkan urusan dan pentadbiran. Ia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta merangsang perkembangan perusahaan mikro kecil dan sederhana iaitu PMKS yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi.

Dalam pada itu, kami di DUN Bukit Naning mengharapkan agar kerajaan terus memberikan fokus kepada pembangunan luar bandar agar masyarakat luar bandar seperti di kawasan saya agak luas, agar terus terbela dan terus merasa tempias pembangunan yang wujud seiring dengan kepesatan pembangunan bandar-bandar lain di negeri Johor ini. Di sini saya menggesa agar kerajaan negeri meneruskan momentum yang sedia ada dengan terus memberikan fokus terhadap isu-isu teras yang lain seperti isu infrastruktur awam, pemilikan rumah, pekerjaan, kebajikan dan kos sara hidup rakyat, pertanian, pendidikan serta industri berasaskan makanan yang sinonim dengan masyarakat kampung khususnya di DUN Bukit Naning.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebagai satu langkah penjimatan dan menyokong dasar kerajaan terhadap pengesyoran penggunaan sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui. Saya mencadangkan agar kerajaan melestarikan alam dengan pemasangan lampu LED *solar* yang lebih mesra alam terutamanya di kawasan luar bandar. Meskipun ianya dilihat melibatkan kos awalan yang agak tinggi tetapi ia mampu menerangi jalan-jalan terutamanya di persimpangan dan di laluan kampung yang membantu mengurangkan risiko kemalangan selain menghindarkan kehadiran haiwan buas terutama di kawasan laluan awam kami.

Justeru itu, Bukit Naning merayu kerajaan negeri melalui agensi dan anak syarikat yang ada agar dapat memberikan sumbangan bagi pemasangan lampu LED *solar* ini demi kesejahteraan semua. Rancangan pembangunan yang diperkenalkan melalui Rancangan Tempatan Daerah Muar iaitu RTD 2030, adalah rancangan pembangunan menyeluruh yang amat baik sekali. Saya berharap agar kampung-kampung seperti Mukim Ayer Hitam di DUN Bukit Naning ini tidak terpinggir dan menerima manfaat daripada limpahan ekonomi yang terjana kelak. Satu lagi pusat ekonomi digital yang dibangunkan sebelum ini merupakan platform yang terbaik dalam membantu usahawan tempatan terlibat secara langsung dalam membangun, mempergiatkan, memberi ruang serta menarik minat terutamanya generasi muda untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan berkonsepkan e-dagang.

Diharap kerajaan akan terus memperkasakan PEDI ini agar ianya terus relevan seiring dengan keperluan masyarakat luar bandar seperti kami di DUN Bukit Naning terutama dalam menyediakan infrastruktur jaringan Internet serta aktiviti yang dilaksanakan bagi menarik minat penyertaan penduduk setempat. Selain itu, peranan penguatkuasaan di bawah KPDN haruslah lebih proaktif dan agresif dalam menangani isu kenaikan harga barangan. Tindakan pantas perlu dilakukan bersama agensi-agensi lain yang terlibat semasa pemeriksaan di premis-premis perniagaan agar kawalan pencatutan harga dapat dikawal di mana keingkaran peniaga akhirnya akan membebankan pengguna terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya amat menghargai dan mengucapkan terima kasih atas segala inisiatif yang digariskan oleh kerajaan negeri dalam belanjawan kali ini yang sudah tentunya berdasarkan maklum balas, pandangan, idea dan juga cadangan sebelum ini dari semua pihak termasuklah dari pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri.

Belanjawan Johor 2024 yang digubal dengan berpegang kepada enam teras Maju Johor di dokong oleh 29 strategi dan disokong ampuh oleh 99 inisiatif ini amat di alu-alukan dan saya menyokong penuh apa yang telah dibentangkan. Saya menyeru kepada semua yang berada di Dewan ini, agar marilah kita bersama-sama bersatu hati bergerak sebagai satu pasukan melalui mandat kepercayaan dan amanah yang diberi untuk terus berusaha merealisasikan belanjawan yang dibentangkan agar mencapai sasaran dan objektifnya semaksimum mungkin.

Orang Acheh menanam padi, padi tumbuh nampak jarang, antara kasih dan budi, budi juga dikenang orang. Orang Daik memasang periuk, bawa pergi tanah seberang, baik budi ke laku elok, ke mana jauh di sayang orang. Akhir kalam, sekian wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Bukit Naning mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih dan tahniah Bukit Naning. Dijemput Yang Berhormat Skudai.

**YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor dan Salam Malaysia Madani. Saya memulakan ucapan perbahasan ini dengan merafak sembah dan merakam ucapan setinggi tahniah atas sambutan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada 22 November lalu serta setinggi-tinggi tahniah kerana telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17. Dan ucapan setinggi tahniah juga buat Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim sebagai pemangku Sultan Johor kelak. Seterusnya saya juga ingin ambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari Machap atas pengurniaan Darjah SMIJ dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan juga kepada

Kerajaan Negeri Johor yang bukan sahaja berjaya malah konsisten untuk membentangkan belanjawan lebih pada tahun, bagi tahun 2024. Bahkan kalau kita lihat Kerajaan Negeri Johor juga berjaya mengutip hasil melebihi jumlah sasaran 100 peratus setakat ini berbanding unjuran dalam Belanjawan Johor 2023 sebelum ini. Syabas saya ucapkan kepada seluruh jentera pentadbiran dan juga penjawat awam Kerajaan Negeri Johor atas pencapaian tersebut.

Isu pertama yang saya ingin sentuh berkaitan menyejahterakan perumahan berstrata. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya menekuni belanjawan negeri dan persekutuan yang kedua-duanya memberi fokus kepada aspek perumahan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat dan seperti yang kita semua cakna, kepimpinan Duli Yang Maha Sultan Johor dan pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Machap menyasarkan negeri Johor sebagai kuasa ekonomi serantau dan berstatus negeri maju pada tahun 2030. Dan sasaran tersebut bukan sahaja bakal merencanakan limpahan pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan malahan menjadi pemangkin pembangunan termasuk segmen hartanah di negeri Johor. Antaranya di kawasan *Greater Johor Bahru* dan Iskandar Malaysia. Pun begitu kepesatan pembangunan juga bakal memberi kesan kepada nilai dan ruang tanah yang terhad untuk membangunkan hartanah. Kediaman berstrata seperti pangsapuri dan kondominium kelak bakal menjadi pilihan memandangkan kediaman bertanah semakin berkurangan dan mahal. Saya terus membawakan suara rakyat terbanyak di luar Dewan yang mulia ini untuk perhatian kerajaan negeri berhubung isu perumahan sejahtera seiring dengan tema Belanjawan Johor 2024 iaitu Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat.

Dan isu perumahan sejahtera ini bukan soal bilangan rumah yang akan dibina namun tertumpu kepada aspek ketersediaan bagi memastikan perumahan di Johor ini kekal sejahtera untuk didiami dan ini bukannya isu Skudai tetapi isu merentas seluruh daerah yang mana isu kebersihan, keselamatan, keuzuran, ketidak aturan bakal menghantui perumahan berstrata selang beberapa tempoh dihuni. Masalah ini juga memberikan kesan kepada kualiti kehidupan dan juga kebajikan penduduk dan sekiranya kita mengabaikan aspek ketersediaan dalam pengurusan rumah berstrata ini, kelak lebih banyak lagi rumah berstrata akan mengikut jejak flat-flat uzur yang ada pada hari ini. Tak percaya, sidang-sidang Dewan sekalian, saya minta anda semua turun pergi ke kawasan-kawasan anda, lihat ke flat-flat atau pun apartmen di sana. Berapa banyak hutang penyelenggaraan yang mereka, pihak badan pengurusan perlu tanggung akibat keculasan penduduk sendiri.

Saya berikan contoh, di kawasan Medini sendiri. Flat-flat ataupun apartmen, kawasan apartmen mewah. Anda ke sana, anda boleh lihat sendiri satu unit rumah kadang-kadang ada tunggakan melebihi RM30,000.00. Dan ini juga ternyata, jadi di Villa Skudai di mana kawasan tersebut bukannya kawasan flat murah di Taman Tun yang mana kebanyakan tunggakan lebih RM20,000.00, RM30,000.00 dan kebanyakan pemilik rumah adalah golongan yang mempunyai kerjaya jurutera, kemudian *lecturer*, jadi hal ni tetap berlaku. Dan apabila ada masalah-masalah, kelak kita terpaksa menanggung dan saya bagi contoh di Skudai ada 15 kawasan flat dan 1 kawasan sebagai contoh Tun Aminah ada 88 blok bangunan. Kalau kita rasa, kita cakap kebanyakanlah kita lihat mungkin ada sesetengah pihak yang nak, yang nak ketepikan isu ini dengan alasan bukan tanggungjawab kita, bukan bawah kita itu adalah bawah pengurusan, pihak pengurusan, JMB atau MC. Tapi lihat jika ada flat seperti contoh di kawasan Tun Aminah tidak membayar, tidak mempunyai tunggakan yang banyak dan tidak membayar bil elektrik atau pun mempunyai tunggakan dan kerosakan di kawasan tersebut, kita sebagai ADUN kawasan dan juga pihak kerajaan negeri harus menanggung. Takkanlah bila orang dah *call* kita, YB dah tiga hari tak ada api ini sedangkan akibat pihak pengurusan sendiri tidak mampu membayar penyelenggaraan di kawasan tersebut. Takkan kita sebagai YB, kita nak cakap bukan tugas saya ya. Ini tugas JMB, ini urusan MC. Akhirnya, perkara ini akan berbalik kepada kerajaan negeri.



Dan, Alhamdulillah pagi tadi sebelum ke sidang Dewan saya dapat panggilan daripada Datuk Bandar MBIP iaitu Dato' Haffiz di mana tahu-tahu sahaja beliau pada hari ini saya akan membangkitkan isu milikan strata. Dan, mudah-mudahan yang saya kira baik didengari pada waktu pagi tadi akan dapat direalisasikan tapi Dato' kalau boleh saya mintalah untuk sertakan sekali Skudai dalam perbincangan isu di kawasan flat kerana kita perlu tahu *progress* terkini untuk dijelaskan kepada rakyat kelak. Ini tiba-tiba sahaja pihak JMB, pihak MC *call* nyatakan bahawa ada perbincangan kita pun tak tahu. Sedangkan hari itu YB EXCO Kerajaan Tempatan juga ada maklumkan untuk melibatkan Skudai sekali dalam perbincangan atau pun jawatankuasa.

Dan di Skudai sendiri kita terpalit dengan isu perumahan berstrata yang berada dalam keadaan uzur dan teruk sehingga mencacatkan imej negeri Johor sehingga mendapat perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sekitar bulan Mei lalu. Kalau kita lihat isu flat ini adalah sebenarnya adalah peranan dan kesedaran penduduk yang sangat lemah. Bukan sahaja peranan dan kesedaran penduduk malah JMB atau MC sendiri anda tanya apa peranan mereka terhadap pengutipan cukai, terhadap tugas fungsi peranan mereka. Mereka sendiri tidak boleh jawab. Malahan kita pula yang terpaksa membantu mereka dan ini adalah satu kelemahan yang harus kita bantu. Dan juga kita juga mengharapkan sokongan daripada kerajaan untuk membendung masalah ini. Dan lebih malang lagi apabila terdapat perumahan berstrata yang langsung tak ada pihak pengurusan, tak ada JMB, tak ada MC. Bila tak ada JMB tak ada MC tidak dikutip yuran *maintenance fee* jadi bagaimana penyelenggaraan nak dilaksanakan. Bila penyelenggaraan tak dilaksanakan, insurans tidak dibayar apa jadi seperti di kawasan Skudai, apa terjadi, apabila kebakaran siapa yang nak tanggung? Akhirnya berbalik kepada beban kerajaan negeri, beban PBT dan ini yang harus kita fikirkan. Dan persoalan yang kita bangkitkan, sering bangkitkan kenapa negara jiran kita Singapura mampu menguruskan perumahan bertingkat mereka dengan cekap dan tersusun bagi memastikan penduduk dapat menikmati hidup berkualiti. Itu belum lagi kita sentuh soal perancangan perumahan bertingkat yang berkualiti.

Jadi saya nak sentuh sedikit, saya telah meminta izin sebelum ini dengan YAB Menteri Besar untuk ke Singapura untuk pergi berjumpa dengan pihak HDB untuk belajar dengan mereka bagaimana pengurusan flat di kawasan, flat awam di kawasan sana dan kita juga membentangkan Akta 757 Milikan Strata yang kita terpakai di Malaysia, penyelenggaraan, cara penyelenggaraan JMB atau pun MC, kutipan duit dan pengurusan. Dan ternyata pihak HDB sendiri terkejut dengan Akta Strata dan cara pengurusan kita yang mana bayangkan yuran penyelenggaraan RM15 satu bulan pun tidak dibayar. Jadi bagaimana kerja-kerja penyelenggaraan nak dilaksanakan. Bayangkan sebuah flat yang ada 400 unit, RM15 dikutip satu bulan, pendapatan RM6,000.00 sahaja bagi menguruskan flat-flat kawasan ini. Adakah ia cukup? Tidak cukup.. dan kita juga sebenarnya ada kesilapan. Kadang-kadang kita fikir Singapura senanglah, maksudnya kerajaan menanggung semua pengurusan flat tetapi tidak. Kerajaan hanya menampung 15% sahaja kos penyelenggaraan flat awam di sana. Manakala 85% adalah melalui kutipan yuran penyelenggaraan. Di mana yuran penyelenggaraan bayaran yuran oleh penduduk sendiri, penduduk setiap unit. Oleh sebab itu flat di sana mampu setiap tujuh tahun dicat dan setelah berlaku lebih kutipan akhirnya digunakan untuk program sosial masyarakat dan ditambah pengurusan di kawasan flat tersebut. Diberi pulangan balik kepada masyarakat yang hidup di kawasan flat. Dan ini bukan terjadi baru satu hari, dua hari ya, kerana apa pihak HDB sendiri memaklumkan perkara ini tidak terjadi dengan satu malam. Kalau kita lihat pembangunan flat HDB di Singapura berlaku sejak tahun 1960 an. Yang mana flat pertama adalah di Toa Payoh. Jadi mereka nyatakan bahawa pada tahun 70-an dan 80-an mereka dah alami yang kita alami sekarang. Mereka dah alami yang mana flat ini kita mesti akan dalam fikiran kita adalah tempat yang kotor, tempat bermasalah, tempat golongan yang berpendidikan rendah. Jadi mereka dah alami sejak tahun 70-an, 80-an tetapi berjaya dibendung akibat penguatkuasaan dan pendidikan. Dan kita juga harus belajar bagaimana kutipan cukai bagi

memastikan setiap penghuni bayar melalui penguatkuasaan kerajaan tempatan dan kelompongangan dan apa yang perlu diubah pada hari ini adalah Akta 757.

Disebabkan itu, saya menyeru usaha kerajaan negeri menubuhkan satu jawatankuasa. Jawatankuasa khas yang mana kita boleh membincangkan isu flat agar jawatankuasa ini boleh membina satu jambatan bersama *federal* untuk membincangkan isu ini dan kita mengubah akta sedia ada, 757. Kerana apa? Akta ini sebenarnya memberikan kuasa yang berat yang penuh kepada JMB dan MC sedangkan JMB dan MC ini kebanyakannya tidak mampu berfungsi dengan baik malahan kerajaan negeri atau pun PBT tidak dapat mengambil tindakan kerana apa semua kuasa yang ada pada hari ini adalah pada badan pengurusan. Dan ini adalah tugas kita jika tidak, mungkin 5, 10 tahun lagi kita setiap kawasan yang ada pemilikan strata ada flat awam, ada apartmen mungkin akan menjadi satu masalah atau pun bebanan yang besar kepada kita.

Dan kalau kita lihat juga di Singapura, kerajaan. Kalau kita lihat pada hari ini kita bincangkan berkenaan dengan bagaimana kita nak membaik pulih rumah-rumah di kawasan flat. Kalau kita lihat, dengan melakukan kutipan cukai yang baik kerajaan di Singapura sebenarnya hanya memberi rebet kepada setiap penghuni rumah untuk membaiki rumah-rumah mereka. Kerana apa? Apabila yuran penyelenggaraan semua cukup dikutip, jadi tidak perlu kerajaan mereka mengeluarkan kewangan yang banyak untuk membantu memperbaiki flat-flat di kawasan mereka. Oleh itu saya yakin, sudah tiba masanya kesesuaian dan keberkesanan undang-undang ini dikaji semula sebelum memberi kesan rantaian tanpa kesudahan kepada bangsa Johor kerana kita tak nak ada yang tertinggal, ada yang tercicir dan hidup alam keadaan yang tidak selesa di Johor. Dan pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Machap dan juga Yang Berhormat Bukit Permai atas keprihatinan beliau terhadap isu perumahan berstrata ini kerana banyak isu yang bantuan telah mereka salurkan kepada isu-isu flat di kawasan Skudai juga. Dan pandangan dan pendirian yang positif terhadap isu perumahan berstrata ini amat penting bagi menterjemahkan matlamat Maju Johor. Tidak ketinggalan juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada agensi yang terlibat dalam membetulkan keadaan di flat TUTA seperti Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) SWCorp., SWM (*Environment*), *Southern Volunteers* dan lain-lain. Dan kalau kita lihat ketika ini, ada pihak yang menyatakan bahawa dia nak melaksanakan proses rejuvenasi ataupun *redevelop of* flat di kawasan TUTA, betul, bagus untuk kita *redevelop* flat-flat yang lama yang mungkin dah tak selamat untuk diduduki. Tetapi kita kena ingat jika kita *redevelop* flat tersebut tetapi tidak ada akta yang mengawal itu sebenarnya tak akan memberi kelainan kepada perumahan negeri kita.

Dan yang kedua, isu kedua adalah Menokhtahkan Kemiskinan Aspirasi Gagasan Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dan sidang Dewan sekalian, sebelum meneruskan perbahasan, sebagai pemimpin suka saya petik kata-kata Sri Medan "Pemimpin jangan cakap sahaja tapi tak tahu apa jadi di bawah. Pemimpin kena ada 4M, memahami, merasai, menjiwai dan melaksanakan denyut nadi rakyat." Saya beralih pula ke bahagian kedua perbahasan pada petang ini dengan memberi fokus kepada usaha menokhtahkan kemiskinan sama ada yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang disasarkan pada tahun ini mahu pun yang digarap kemas di dalam Belanjawan Johor 2024 oleh Yang Amat Berhormat Machap seiring dengan Aspirasi Gagasan Maju Johor.

Kalau kita lihat dalam Jabatan Perangkaan Malaysia di dalam Laporan *Survey* Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2020, mengumumkan insiden kemiskinan mutlak menurun kepada 6.2% bagi tahun 2022 berbanding 8.2% pada tahun 2021 dan 8.4% ketika pandemik *covid* melanda pada tahun 2022 lalu. Dan apabila kita menyebut soal kemiskinan ini saya suka sekali untuk merujuk pandangan ekonomi daripada susuk penerima Nobel keamanan dalam ekonomi yakni Ahmad Yessen yang telah tampil melalui pendekatan pembangunan

modal insan. Kemiskinan menurut beliau bukan sekadar tentang sedikit sebanyak pendapatan tetapi juga merangkumi keterbatasan upaya seseorang untuk memanfaatkan sepenuhnya kebebasan dan keupayaan diri. Dan isu kemiskinan ini bukan isu baru. Sering diperdebatkan, sering dibahaskan sekian lama. Dalam konteks tempatan saya suka kongsi pandangan susuk Zainal Abidin Bin Ahmad atau Pendeta Zaaba yang menyimpulkan kemiskinan sebagai punca mundur dalam mengejar kemajuan. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab yang membahaskan menimbulkan isu kemiskinan ini. Dan menurutnya, kemiskinan itu bukan soal wang ringgit dan harta benda sahaja, tetapi miskin juga terkait dengan cita-cita, ilmu dan kemahiran serta perangai yang mengakibatkan terus terbelenggu dalam kemiskinan.

Dan kalau kita lihat dalam Teras 3 Jaringan Keselamatan Sosial, RM3.2 juta diperuntukkan dalam Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Johor. Ini program keluarga angkat, saya faham kesungguhan YAB Dato' MB tetapi sebenarnya isu kemiskinan ini adalah isu rentas kawasan bukan kawasan Skudai sahaja. Isunya adalah isu berantai yang merentasi generasi ada kemiskinan yang turun temurun dan data adalah menjadi senjata yang ampuh. Maaf tuan-tuan dan puan-puan saya nyatakan ketika ini data yang kita perolehi sebenarnya tidak mencukupi. Saya bagikan contoh, melalui statistik sub nasional DUN pada tahun 2020 di kawasan Skudai golongan miskin yang tercatat adalah 34 sedangkan 34 orang yang mana miskin tegar 4 dan miskin adalah 30, sedangkan di Skudai mempunyai 137.8 ribu penduduk dan 2023 orang miskin termasuk miskin tegar adalah 87 orang dan saya rasa jumlah ini sangat tidak relevan dan kita memerlukan data. Bila kita ada data baharu kita boleh rangka program intervensi, baharu kita boleh rangka apa bantuan yang kita kena laksanakan. Dan saya percaya bukan di kawasan saya saja malahan di kawasan anda semua. Tanya pada diri anda sendiri, ada tak anda bila turun ke kawasan terdapat orang-orang miskin yang tidak masuk dalam data? Dan ini yang penting. Kalau mereka tidak terkait dalam data, bagaimana bantuan nak disalurkan kepada mereka, mereka ini akan tertinggal oleh pembangunan dan mereka ini akan kian tercicir dan ini kita tidak mahu. Kita tak nak, kita punya kemiskinan turun tapi hakikatnya di lapangan, tidak. Bukan ini yang kita mahukan. Menjadi badan dunia menyatakan data itu sangat penting pada tahun 2021 data itu sangat penting. Jadi, saya harap kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan agensi-agensinya yang kita ada untuk mengumpul data memastikan tiada mereka yang keciciran. Ia pada mulanya mungkin kita akan dapat peningkatan data kemiskinan ataupun miskin tegar, tapi akhirnya bila kita sulami dengan program-program intervensi yang mana daripada program-program kemahiran, program-program jabatan tertentu, GLC daripada peruntukan Ahli Parlimen digunakan untuk membantu mereka ini, insya-Allah kemiskinan tegar ini dapat dikurangkan dan kita kena faham juga, kita tidak mahu memberikan mereka ikan saja, tapi kita mahu memberikan mereka ini pancing supaya bukan mereka saja tetapi generasi mereka itu dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Dan, akhir sekali adalah penyelesaian tuntas berkenaan dengan masalah tapak parkir. Tapak parkir di Skudai ini saya rasa dah dua kali isu ini telah saya bangkitkan. Di mana masalah tapak parkir ini adalah disebabkan pekerja Singapura yang memarkir kenderaan mereka di kawasan persekolahan dan juga kawasan-kawasan perniagaan. Dan pagi ini saja tahu-tahu saja penduduk Skudai saya nak bangkitkan isu ini. Dapat mesej, satu petak parkir itu semualah digunakan untuk mereka yang bekerja di Singapura untuk *parking* kan kenderaan mereka di sana. Dan masalah ini tidak akan selesai, jadi saya perlukan satu penyelesaian yang saya rasakan proaktif untuk menangani masalah ini. Kerana masalah ini akan membelenggu seluruh penduduk Johor dan sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar pihak berkuasa memperbanyakkan lagi tapak parkir mengikut masa disediakan di kawasan perniagaan dan melaksanakan operasi penundaan kenderaan yang memarkir secara haram di kawasan SJK(C) Ko Kuang dan beberapa kawasan lain seperti di Jalan Bentara 1 dan juga Jalan Perwira 8. Dan, saya juga mencadangkan agar pihak berkuasa dapat mengkaji semula kesesuaian ruang dan lokasi untuk dijadikan tapak parkir

kenderaan berbayar khususnya bagi memudahkan pekerja Singapura menggunakan bas dan ini juga sebenarnya boleh menjadi sumber pendapatan bagi PBT.

Dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, mudah-mudahan 3 isu yang saya bangkitkan ini bukan sahaja isu Skudai tapi ianya adalah isu kita bersama di setiap DUN di setiap negeri isu ini adalah isu yang membelenggu kita. Mudah-mudahan 3 isu ini dapat perhatian daripada kerajaan negeri dan bersama-sama kita berusaha untuk memacu pembangunan dan menyejahterakan rakyat. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Dijemput Yang Berhormat Penawar.

**YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Penawar mewakili rakyat DUN Penawar untuk berbahas Belanjawan Negeri Johor Bagi Tahun 2024.

Sebelum memulakan perbahasan, Penawar ingin merakamkan ucapan selamat hari ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November 2023 yang lepas. Patik turut merafak sembah merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Patik berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat. Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Yang Berhormat Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor yang membawa gelaran Dato' bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Tuanku Sultan Yang Ke-65 pada 22 November 2023 lalu.

Sekali lagi ucapan tahniah buat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2024 baru-baru ini. Dengan tema Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat, bajet yang baru beberapa hari dibentangkan ini mendapat maklum balas yang baik dari segenap lapisan masyarakat. Penawar yakin dan pasti negeri Johor akan terus bertambah maju dan makmur terutamanya dari aspek ekonomi, kebajikan dan sosioekonomi rakyat. Dalam keadaan ekonomi dunia dan Malaysia dilanda ketidakpastian, namun, negeri Johor berjaya mencatatkan belanjawan lebih sebanyak RM4.21 juta bagi tahun kedua berturut-turut. Ia merupakan pencapaian yang sangat luar biasa.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pertama sekali Penawar ingin menyentuh berkaitan Teras Ke-5 iaitu Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar. Di bawah teras ini, terdapat 4 strategi dan 11 inisiatif yang dirangka untuk memastikan keselamatan, kebersihan dan alam sekitar di negeri ini sentiasa menjadi keutamaan. Kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi program rintis penggunaan kenderaan elektrik atau *Electric Vehicle* (EV) sebagai kenderaan jabatan yang merupakan antara inisiatif awal yang terdapat di dalam *Johor Green Deal* di bawah Program Rintis Kenderaan Elektrik. Penawar menyambut baik idea kerajaan negeri untuk memulakan inisiatif ini di peringkat kerajaan negeri terlebih dahulu. Namun, alang-alang menyeluk pekasam, biarlah sampai ke pangkal lengan. Penawar ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk lebih serius meneroka bidang EV yang berpotensi menjadi prospek pulangan tinggi dari segi pelaburan kepada ekonomi negeri Johor dan akan mengurangkan pencemaran di negeri ini.

Perkembangan ekonomi digital dan kepesatan Revolusi Industri 4.0 menuntut kita semua untuk memberi tumpuan kepada aspek inovasi dalam bidang yang boleh memberikan impak yang besar kepada ekonomi negara dan negeri kita dan salah satu industri yang boleh diberikan tumpuan ialah industri EV ini. Perkembangan industri EV semakin pesat di dunia. Sektor EV dalam pasaran Asia diunjurkan berkembang hampir 33% setahun kepada USD 2.7 bilion yakni bersamaan RM12.01 bilion menjelang 2027 daripada hampir USD 500 juta pada 2021. Ini bermakna elektrifikasi menjadi agenda yang lebih penting dan dari perspektif automotif. Malaysia dan negeri Johor perlu memacu ke arah matlamat yang lebih tinggi untuk penembusan EV dalam negara dan negeri ini.

Kerajaan pusat juga nampak serius untuk membangunkan industri ini. Malaysia menasarkannya sebanyak 38% kenderaan elektrik berada di atas jalan raya menjelang pada tahun 2040. Selain itu, sejumlah RM14.7 bilion pelaburan dalam ekosistem kenderaan elektrik telah diluluskan sejak 2018 sehingga September 2022, merangkumi pemasangan kenderaan, komponen EV dan komponen pengecasan. Malaysia juga telah menerima pelaburan dua syarikat utama, Tesla dan Amazon Web Services (AWS) yang dijangka membawa limpahan ekonomi kepada negara sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti tinggi kepada rakyat. Namun timbul satu persoalan adakah negara kita atau negeri kita sendiri bersedia untuk menerima perubahan ini dan bersedia dari segi memenuhi ekosistem industri ini meliputi aspek penyelenggaraan, kemudahan seperti Stesen Pengecas Pantas Kenderaan Elektrik (EV), Modular Mudah Alih dengan sistem simpanan kuasa bateri yang mencukupi, tenaga mahir dan lain-lain lagi. Sudah tentu pembeli yang membeli EV memerlukan sokongan dari segi penyelenggaraan, alat ganti dan perlu terdapat mekanik mahir sekiranya berhadapan dengan masalah. Bersediakah pengusaha-pengusaha bengkel kenderaan untuk menaik taraf segala peralatan yang mereka ada bagi membolehkan bengkel itu menyelenggara EV? Dan adakah kita mempunyai tenaga mahir untuk memenuhi keperluan industri ini?

Sehubungan dengan itu, kita perlu memperhebat usaha-usaha dan strategi untuk menjadikan negeri Johor sebagai salah satu peneraju atau hab utama dalam industri kenderaan EV ini. Ia akan mendapat membuka peluang pekerjaan bergaji tinggi kepada anak-anak Johor dan seterusnya dapat meningkatkan jumlah pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negeri Johor. Justeru soalan Penawar, apakah usaha kerajaan negeri untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi pasaran pekerjaan dalam industri EV ini? Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional ia ini TVET bagi melahirkan ramai pekerja yang boleh menguasai kemahiran komputer dan sistem elektrik yang diguna pakai oleh EV. Selain itu, apakah usaha kerajaan untuk menarik minat syarikat-syarikat utama dalam EV seperti Tesla untuk melabur di negeri Johor?. Penawar berharap suatu hari nanti, negeri kita dapat melahirkan jurutera, separa jurutera, juruteknik dan tenaga mahir dalam industri EV agar ia tidak dikuasai oleh warga negara asing sepertimana di sektor-sektor lain.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menurut data yang dikeluarkan *The 2022 Environmental Mental Performance Index* (EPI) yang menggunakan 11 indikator utama menunjukkan negara kita menduduki tangga ke-132 dunia dalam indeks prestasi alam sekitar EPI daripada 180 negara. Pada hemat Penawar, perkara ini sesuatu yang mendukacitakan lebih-lebih lagi negara jiran kita Singapura menduduki tangga ke-44 jauh lebih baik daripada kita. Selain itu, memetik laporan Sinar Harian pada Oktober 2023, kualiti air di 14 sungai di Johor dikategorikan paling tercemar di negeri ini dengan dipenuhi longgokan sampah sarap, sisa buangan dan bau busuk berikutan pencemaran bahan kimia. Manakala, laporan kualiti alam sekeliling 2020 yang dikeluarkan Kementerian Alam Sekitar dan Air atau Jabatan Alam Sekitar mendedahkan Johor adalah negeri yang merekodkan bilangan tertinggi sungai tercemar merangkumi kelas 3 dan kelas 4. Justeru, program Johor Bersih yang dilancarkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita merupakan satu langkah proaktif untuk memastikan negara kita khususnya negeri Johor menjadi antara negara

terbersih di dunia. Tiada yang mustahil. Ingatkah kita bahawa daerah Muar pernah dinobatkan sebagai Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN bagi tahun 2020?

Penawar menyambut baik inisiatif dari Bajet 2024 yang memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 bagi penubuhan *Squad Anti Litter* bagi pelaksanaan penguatkuasaan terhadap pesalah yang membuang sampah di tempat awam. RM250,000.00 bagi pelaksanaan sistem e-Merit bagi memastikan penguatkuasaan kebersihan di dalam dan luar premis. RM565,000.00 bagi pemantauan kualiti dan kebersihan air sungai di kawasan Pasir Gudang serta mengenal pasti bilangan *real time pollution sensor* yang diperlukan bagi memastikan mitigasi segera dapat diambil terhadap sebarang elemen pencemaran.

Selain itu, di bawah Bajet 2024 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan RM2.4 juta diperuntukkan untuk memperkasa Program Sungai Bersih. Malah, Penawar turut menzahirkan penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang sama-sama turun ke sungai mengutip sampah dalam salah satu program pembersihan sungai baru-baru ini. Satu contoh teladan yang baik buat kita semua dan juga keseluruhan rakyat Johor. Penawar juga telah menjalankan Program Johor Bersih Peringkat DUN Penawar hampir 30 siri sepanjang tahun. Ini di kawasan Penawar bersama-sama komuniti anak-anak muda dan juga agensi-agensi di dalam kawasan Penawar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, negeri kita sememangnya bertuah kerana selain faktor lokasi dan geografi yang strategik, negeri kita juga kaya dengan adat budaya dan alam semula jadi yang indah dan menarik serta bangunan warisan bersejarah yang mampu menjadi tarikan pelancong dari seluruh dunia. Tahniat kepada kerajaan negeri atas inisiatif Johor Majestic yang mana Festival Majestic Johor telah menerima anugerah *Gold Award Attractive State Tourism Event*. Penawar menyambut baik peruntukan sejumlah RM1.7 juta untuk memperkasakan dan memperhebatkan inisiatif ini. Penawar juga mengucapkan terima kasih atas peruntukan berjumlah RM4.2 juta untuk menaik taraf dataran Tasik Bandar Penawar. Hal yang demikian sangat tepat pada waktunya kerana kawasan tersebut telah menjadi salah satu nadi utama setiap aktiviti besar dan pelancongan di kawasan Bandar Penawar. Seperti kita sedia maklum, kawasan Penawar merupakan salah satu destinasi utama pelancong baik dalam dan mahupun luar negara. Desaru Coast umpamanya, pernah diiktiraf sebagai salah satu daripada 100 destinasi terbaik dunia pada tahun 2021 oleh *Times Magazines*.

Selain itu, *Desaru Bike Week* juga telah menjadi acara tumpuan setiap tahun kerana kebanjiran peminat motor berkuasa besar, berkuasa tinggi dari seluruh pelosok tanah air dan juga dari seluruh dunia. Dalam hal ini, Penawar mohon supaya kerajaan negeri menambah baik infrastruktur di kawasan Penawar supaya lebih mesra pelancong. Setiap kali hujung minggu mahupun hari cuti umum dan hari perayaan, Penawar kerap kali menerima rungutan daripada rakyat di kawasan Penawar berkenaan isu kesesakan jalan raya yang sangat luar biasa.

Penawar mohon kerajaan negeri mengambil perhatian terhadap isu ini kerana ia menimbulkan rasa kurang selesa terhadap penduduk malah orang ramai yang datang ke Penawar untuk bercuti. Penawar difahamkan sudah terdapat perbincangan untuk menaik taraf jalan FT.90 dari Petronas Bandar Penawar ke bulatan Bandar Penawar. Namun, terdapat beberapa masalah terutamanya dari segi peruntukan. Penawar mohon jasa baik kerajaan negeri terus memberi perhatian terhadap isu ini. Penawar juga menyambut baik inisiatif kelima dalam Bajet 2024 iaitu membentuk *task force* projek berimpak tinggi bagi memastikan projek-projek utama seperti pelebaran lebuh raya Plus dan lorong memotong lebuh raya SDE siap mengikut jadual. Penawar berharap *task force* yang diwujudkan ini dapat menyelaras segala isu berbangkit dan memastikan kelulusan jabatan teknikal dapat diperolehi dengan kadar segera. Penawar turut difahamkan bahawa projek lorong memotong SDE ini diperuntukkan sebanyak RM117 juta untuk lapan kilometer. Penawar

berpendapat adalah lebih baik jika jarak tersebut dipanjangkan menjadi 11 kilometer dengan mengambil kira jumlah kenderaan yang semakin bertambah serta sering berlakunya kemalangan di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, negeri Johor kaya dengan warisannya. Bila sebut tarian zapin, gambus dan muzik ghazal pasti dikaitkan dengan Johor. Warisan ini harus dikekalkan dan diperluaskan lagi kerana ia mencerminkan jati diri Melayu Johor. Selain menjadi salah satu budaya bangsa di Malaysia, muzik tradisional seperti gambus juga boleh dijadikan sebagai instrumen perpaduan dan persefahaman kaum. Apakah usaha kerajaan negeri untuk meluaskan pemahaman dan penerimaan warisan Johor sebagai instrumen muzik tradisional yang fleksibel melalui penciptaan lagu-lagu kontemporari yang baru?. Selain itu, apakah usaha kerajaan negeri untuk mempromosikan seni warisan Johor ini kepada anak-anak muda Johor supaya kita sentiasa mempunyai pelapis dalam bidang ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, selain muzik, Penawar juga berpandangan bahawa Muzium Tokoh Johor juga perlu dipelihara. Tahniah kerajaan negeri yang memperuntukkan RM3 juta bagi kerja-kerja konservasi *electrical* dan mekanikal bangunan Muzium Tokoh Johor. Bangunan-bangunan bersejarah ini perlu dipergiat promosinya supaya maklumat dan artifak berkaitan tokoh-tokoh negeri Johor dapat dikumpul, dipelihara dan dipamerkan sebagai khazanah dan pengiktirafan kepada tokoh dan pemimpin yang pernah menjadi inspirasi anak Bangsa Johor. Penawar ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pelancongan Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor yang telah turun ke kawasan Penawar untuk melawat Muzium Nelayan Tanjung Balau. Insya-Allah muzium ini akan ditambah baik lagi terutama dari aspek pengisian, keceriaan dan keselesaan yang bukan sahaja dapat menarik minat pengunjung-pengunjung semata-mata namun lebih dari itu, ianya dapat menjadi tempat untuk anak-anak muda mempelajari dan menghayati serta mengenang jasa para nelayan Malaysia yang merupakan penyumbang utama industri makanan di Malaysia. Muzium Nelayan Tanjung Balau yang berada di bawah kelolaan KEJORA merupakan satu-satunya muzium di Malaysia yang memaparkan peradaban kehidupan masyarakat nelayan tradisional di Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izinkan Penawar untuk membawa beberapa isu di kawasan Penawar. Pertamanya, berkaitan pendidikan. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian, Penawar mohon Yang Berhormat EXCO Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi memberikan perhatian terhadap isu pendawaian elektrik yang usang di sekolah-sekolah di dalam kawasan terutamanya FELDA dibina, yang telah dibina sekitar tahun 70-an. Kebanyakannya masih *single phase* dan tidak sesuai untuk menampung keperluan penggunaan alat elektrik akibatnya sekolah-sekolah ini sering berlaku gangguan *trip* yang dikhuatiri akan turut memberikan kesan kepada peralatan lain khususnya komputer. Penawar mohon untuk menaik taraf pendawaian kepada *three phase* di sekolah-sekolah berkenaan iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Tanjung Buai, Sekolah Kebangsaan FELDA Air Tawar 1, Sekolah Kebangsaan FELDA Air Tawar 4, Sekolah Kebangsaan FELDA Air Tawar 5, Sekolah Kebangsaan Semenchu, Sekolah Kebangsaan Kampung Layau, Sekolah Kebangsaan FELDA Sungai Mas, Sekolah Kebangsaan Bandar Mas dan Sekolah Kebangsaan Bandar Penawar.

Penawar juga mohon agar KPM, dapat mengkaji semula pelaksanaan kelas bercantum di sekolah kurang murid, SKM. Hal yang demikian menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Beban tugas guru juga semakin bertambah kerana mereka perlu menjalankan tugas, bengkel dan kursus seperti guru-guru lain juga.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penawar dapati dalam pembentangan Belanjawan 2024 ini, terdapat sejumlah wang yang diperuntukkan untuk menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir di negeri Johor. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker juga, kawasan Penawar merupakan antara kawasan yang teruk

dilanda banjir terutama di kawasan Taman Desaru Utama, Kampung Baru Sungai Mas dan juga di Jalan Ladang Siang. Kawasan seperti Taman Desaru Utama misalnya semakin tahun semakin teruk banjir yang berlaku. Antara penyelesaian jangka panjang yang diperlukan ialah naik taraf *calvert* dan naik taraf saluran bagi menampung air dari bukit dan sungai berdekatan.

**YB Timbalan Speaker** : Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

**YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar)** : Baik. Membaik pulih sungai yang, cerun sungai yang terhakis dan runtuh. Hal ini memerlukan kos yang amat tinggi. Akhir kata, Penawar juga merupakan salah satu kawasan yang berada dalam lingkungan atau ekosistem projek RAPID Petronas Pengerang. Penawar mencadangkan perlu adanya kerjasama daripada RAPID Pengerang dan agensi-agensi kerajaan untuk menambah baik sistem jaringan jalan raya dan capaian internet berkelajuan tinggi sebagai salah satu usaha mengharmonikan kehidupan masyarakat di Penawar. Dikesempatan ini juga Penawar ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah serta Ketua-Ketua Jabatan dalam daerah Kota Tinggi di atas kerjasama yang baik bagi memastikan Penawar terus dikelilingi oleh agensi-agensi yang sentiasa mendengar keluh resah rakyat. Penawar berharap usaha dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan demi kesejahteraan rakyat Penawar. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 29 November 2023, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.50 petang.**



**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI RABU**

**29 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita adalah Ahli Perundangan. Kita pembuat undang-undang, di Parlimen dikenali sebagai Akta dan di Dewan negeri dikenali sebagai Enakmen. Kita adalah dengan izin, *the law maker*. Justeru kita adalah pematuh undang-undang. Ada 5 peristiwa di mana ahli-ahli perundangan melanggar prinsip-prinsip perundangan. Mereka bergaduh dan bertumbuk ketika bersidang. Pertama, Ahli Parlimen Hong Kong bertumbuk sebab berebut kerusi Ketua Jawatankuasa Dewan iaitu Jawatankuasa Pilihan. Ia melibatkan dua kumpulan iaitu prodemokrasi dan pro Beijing Kedua, Ahli Parlimen Uganda bertumbuk ketika perbahasan usul agar umur Presiden Uganda tidak melebihi 75 tahun. Ketiga, Ahli Parlimen Kuwait baling-membaling kasut ketika Perdana Menteri Kuwait disoal siasat di dalam Parlimen. Yang keempat, Ahli Parlimen Afrika Selatan bertumbuk ketika perbahasan mendesak Presiden Jacob Zuma meletak jawatan. Kelima, Ahli Parlimen Taiwan bergaduh sambil membaling belon berisi air sesama mereka kerana tidak bersetuju pencalonan Ketua Badan Pemantau Kerajaan ataupun *Ombudsman*. Saya harap dalam Dewan ini tak ada yang bawa belon air. Sebagai Ahli Dewan Perundangan saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan berbahas dengan teliti terutama apabila ada Enakmen dibentangkan di dalam Dewan ini. Saya bersedia melanjutkan tempoh perbahasan sehingga lewat malam jika masa perbahasan tidak mencukupi. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Puteri Wangsa.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya nombor 1.

Apakah tindakan konkrit yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk mengatasi kes bunuh diri yang semakin meningkat di kalangan penduduk dan membantu mereka yang berisiko?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor kepada seisi Dewan sekalian. Terima kasih daripada Puteri Wangsa kerana telah menanyakan satu soalan atau satu topik yang sering dibincangkan iaitu topik kesihatan mental yang sering dibincangkan khususnya selepas pandemik COVID-19. Bagi Jabatan Kesihatan Negeri Johor, beberapa strategi telah dilaksanakan bagi membantu masyarakat menangani isu kesihatan mental yang mudah-mudahan boleh mengurangkan dengan tindakan bunuh diri. Ia meliputi aspek promosi, pengesanan awal serta intervensi bagi mereka yang hadir ke fasiliti kesihatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan seisi Dewan sekalian, pada 2022 terdapat 115 kes bunuh diri dalam negeri Johor dan merupakan pengurangan kes berbanding 140 kes pada tahun 2021. Dalam *trend* kes bunuh diri dalam 5 tahun *trend* meningkat dari tahun 2018

sehingga 2021 iaitu 76 kes dalam tahun 2018, 97 kes dalam tahun 2019 dan 99 kes pada tahun 2020. Antara sebab utama yang dikenal pasti daripada laporan kes bunuh diri ini adalah masalah dengan pasangan suami isteri, masalah penyakit kronik serta masalah mental, kemurungan dan barulah sampai masalah kewangan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah melakukan pelbagai inisiatif proaktif seperti penganjuran ceramah kesihatan, forum, sistem saringan minda sihat dan perkhidmatan kaunseling.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam ucapan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Kerajaan Negeri Johor akan melancarkan inisiatif kesihatan Klinik Kesihatan Bergerak, kerajaan negeri dengan kerjasama Yayasan Mohd Noah, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, PAJ, UiTM dan NGO's akan memperkenalkan perkhidmatan ini secara berperingkat ke 56 kawasan DUN dalam menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, rawatan asas dan pergigian kepada seluruh rakyat Johor dengan peruntukan berjumlah RM1.3 juta. Turut bersama dengan perkhidmatan klinik kesihatan bergerak, saringan kesihatan mental juga akan dilaksanakan.

Jabatan Kesihatan Negeri Johor akan bekerjasama dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor yang melibatkan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor dalam membantu kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental rakyat Johor yang terkesan akibat dari pandemik COVID-19. Kerajaan Negeri Johor akan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk NGO dalam usaha membina kesedaran pencegahan melalui dan pengesanan awal kes bunuh diri dan intervensi atau rawatan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, sila.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan sebentar tadi. Kalau kita lihat laporan PDRM pada tahun 2021, sebanyak 872 daripada 1,000 kes bunuh diri di Johor melibatkan kanak-kanak berusia 15 hingga 18 tahun. Bermakna, sepatutnya isu kesihatan mental ini kita selesaikan daripada waktu mereka muda lagi. Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri Johor punya apa-apa rancangan untuk buat intervensi sewaktu mereka di sekolah? Sebagai contohnya di Sarawak ada menjayakan satu program *Gatekeepers*, dengan izin, *Gate Keepers Suicide Prevention Training* di mana *training* ini diberikan kepada Pegawai Kebajikan. Namun, mungkin untuk Kerajaan Negeri Johor boleh juga buat latihan kepada guru-guru sebagai dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, *first responder*, kepada anak-anak yang mengalami masalah kesihatan mental. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Ok, terima kasih soalan tambahan daripada Puteri Wangsa. Memang benar kalau mengikut data yang diperolehi, khususnya pada tahun 2020 di antaranya yang berlaku kes bunuh diri, 52.5% dalam tahun 2020 adalah dalam golongan muda iaitu daripada tahun 18 hingga 40. Pada tahun 2021 ada 53.57%, pada tahun 2022 pula kes bunuh diri berlaku pada orang muda iaitu 67.8%.

Dengan mengikut *trend* tersebut kita boleh mendapat kesimpulan bahawa anak-anak muda inilah yang golongan lebih mudah terkesan ataupun mereka kekurangan kemampuan untuk pengurusan daripada apa ni, daripada psikologi mereka. Oleh itu, program berterusan perlu diadakan lebih kerap dan ini bukan sahaja tanggungjawab kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor, ia perlu berganding bahu daripada beberapa agensi khususnya mungkin daripada Jabatan Kesihatan kita perlu ada pelbagaikan program untuk memperkuat semangat mereka atau jati diri mereka dan juga pihak sekolah kita ada kaunselor dalam sekolah supaya pelbagaikan program dan juga mengenal pasti lebih awal supaya kita dapat

buat *prevention* yang awal. Apa yang lebih menarik kepada seisi Dewan dan kepada kes-kes bunuh diri ini, kebanyakan mangsa kes bunuh diri adalah daripada golongan lelaki. Oleh itu, sama-sama kita perlu apa orang kata ini, lebih kasih sayang kepada golongan lelaki supaya mereka dapat mengawal emosi mereka. Itu sahaja, sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Sebelum saya jemput pertanyaan seterusnya. Dewan ini ingin mengalukan kehadiran para pemerhati iaitu daripada Pejabat ADUN Johor Jaya seramai 7 orang, ada? Pejabat ADUN Johor Lama, 5 orang, Pejabat ADUN Kempas, 7 orang iaitu daripada Persatuan Ikatan Anak Johor (MARSAH) dan daripada Pejabat ADUN Kota Iskandar, 10 orang. (Dewan bertepuk). Dijemput Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih. Soalan Tangkak nombor 2.

Apakah Tourism Johor bercadang untuk mewujudkan sebuah Pusat Informasi Pelancongan di bandar Tangkak memandangkan bandar ini merupakan sebuah lokaliti yang strategik?

**YB Speaker** : Dijemput Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha memajukan sektor pelancongan di daerah Tangkak?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Terima kasih Datuk Speaker. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terlebih dahulu Datuk Speaker, izinkan saya untuk menjawab kedua-dua soalan Tangkak dan Gambir kerana ia melibatkan sektor pelancongan di bandar Tangkak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, Tourism Johor buat masa ini tiada mempunyai perancangan untuk mewujudkan pusat informasi pelancongan di bandar Tangkak kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang besar serta penempatan kakitangan. Namun begitu, Majlis Daerah Tangkak dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Daerah Tangkak telah pun mewujudkan sebuah pusat informasi pelancongan di bandar Tangkak yang terletak di Dataran Ledang. Pusat informasi pelancongan ini beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang bagi sesi pagi dan jam 5.30 petang hingga 11.30 malam bagi sesi malam iaitu pada setiap hari Ahad sehingga hari Khamis. Pusat informasi pelancongan ini telah menjadi *one stop centre*, dengan izin kepada pelancong untuk mendapatkan risalah pelancongan daerah Tangkak, cenderamata daerah Tangkak dan selain itu para pelancong berpeluang menyertai aktiviti permainan rakyat seperti congkak, batu seremban dan sebagainya.

Sektor pelancongan di daerah Tangkak dilihat mempunyai potensi untuk dimajukan kerana selain kedudukannya yang strategik dan mempunyai ketidaksampaian yang baik, daerah Tangkak juga mempunyai tarikan pelancongan tersendiri terutamanya Gunung Ledang. Bagi perancangan jangka panjang di daerah Tangkak, terdapat dua buah Taman Negara Johor yang dikawal selia oleh Perbadanan Taman Negara Johor iaitu Taman Negara Gunung Ledang (Lagenda) dan Air Terjun Gunung Ledang.

Air Terjun Gunung Ledang baru sahaja dibuka pada penghujung Julai 2023 yang lepas selepas proses pengambilalihan daripada operator sebelumnya dan proses menaik taraf beberapa kemudahan selesai dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Tangkak telah merangka beberapa perancangan untuk memajukan sektor pelancongan di daerah Tangkak iaitu:

1. Memperkukuhkan pengurusan pelancongan daerah Tangkak terutamanya peranan sekretariat pelancongan daerah Tangkak.
2. Menganjurkan *townhall* bersama pemain industri pelancongan daerah Tangkak bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan juga mengeratkan hubungan kerjasama antara agensi kerajaan dan pemain industri.
3. Memberi plak pengiktirafan kepada pemain industri bagi menggalakkan pemain industri berdaftar dengan Majlis Daerah Tangkak bagi tujuan pemantauan dan pengumpulan data.
4. Mengemas kini inventori produk-produk pelancongan daerah Tangkak bagi tujuan penglibatan risalah pelancongan daerah Tangkak, risalah *Fun Map*, *handbook* dan sebagainya.
5. Mewujudkan pelan strategik pelancongan daerah Tangkak 2024-2030.
6. Mewujudkan *QR Code* di setiap papan iklan dan lokasi-lokasi pelancongan di daerah Tangkak bagi memudahkan para pelancong mendapatkan maklumat berkaitan pelancongan di daerah Tangkak.
7. Memperhebatkan kempen promosi produk-produk pelancongan daerah Tangkak melalui media sosial seperti *Facebook* dan *IG Amazing Tangkak*.
8. Menambah baik pusat informasi pelancongan daerah Tangkak.
9. Mempelbagaikan acara-acara pelancongan di daerah Tangkak dan memperkukuhkan penjenamaan acara *Amazing Tangkak Festival* sebagai *Signature Event* bagi daerah Tangkak.
10. Membangunkan pakej pelancongan daerah Tangkak, memohon peruntukan dengan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan bagi menaik taraf kemudahan pelancongan, keceriaan dan keindahan di daerah Tangkak.

Perancangan ini akan diselaraskan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa dan melibatkan pelbagai pihak seperti Tourism Johor, Tourism Malaysia, MOTAC Johor dan sebagainya. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan Tangkak mengambil peluang ini untuk mengucap terima kasih terutama kepada Majlis Daerah Tangkak dan juga warga-warga Pejabat Daerah Tangkak kerana yang paling signifikan adalah telah berjaya menganjurkan dua kali *Festival Amazing Tangkak*, yang telah sekali lagi meningkatkan nama Tangkak terutama pada produk-produk pelancongan tempatan.

Soalan saya adalah, tadi Yang Berhormat EXCO telah menyatakan iaitu daerah Tangkak terutama dalam sektor pelancongan ini, Tangkak mempunyai satu produk atau tempat tarikan pelancongan yang tersendiri dan terkenal iaitu Gunung Ledang, jadi soalan tambahan dari Tangkak pada pagi ini adalah kalau boleh minta Yang Berhormat EXCO



kongsikan berkenaan dengan penginapan terutama di *Gunung Ledang Resort* yang telah diambil balik pengurusannya oleh kerajaan negeri pada awal tahun ini. Bilakah *Resort Gunung Ledang* ini akan dibuka balik? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Tangkak, pengoperasian *resort* di kawasan Air Terjun Gunung Ledang telah diambil balik oleh Perbadanan Taman Negara Johor. Tapi, apa pun, air, *resort* di Air Terjun Gunung Ledang belum dibuka kepada pelawat lagi.

Perbadanan Taman Negara Johor sedang dalam proses, peringkat akhir dalam penyediaan *TOR, Term Of Reference*, dengan izin dan konsep pembangunan serta kaedah pengoperasian bersama pemaju yang ingin memajukan *resort* tersebut bersama Perbadanan Taman Negara Johor yang dijalankan. Bagaimanapun, mana-mana pihak yang berminat untuk memajukan *resort* tersebut boleh memajukan *proposal* kepada pihak Perbadanan Taman Negara Johor dan menyatakan niat bagi tindakan selanjutnya.

Tapi, apa pun Yang Berhormat Datuk Speaker dan untuk informasi Yang Berhormat Tangkak dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, walaupun *resort* kita masih belum buka lagi, tapi kita dah buat *renovation* di *resort-resort* di Taman Gunung Ledang Lagenda, yang bernilai lebih kurang RM600,000.00 kita dah banyak *upgrade*. Dalam Gunung Ledang Lagenda kita ada chalet yang boleh memuatkan seramai 154 orang pelancong iaitu kita ada *VVIP Chalet*, satu yang berkapasiti untuk 4 orang, *VIP Chalet* 1 unit berkapasiti 4 orang, *Family Chalet* 8 unit berkapasiti 4 orang setiap *chalet*, *dormitory* 20, satu blok lelaki berkapasiti 37 buah katil dan 1 blok perempuan berkapasiti 37 buah katil, pondok 20 unit berkapasiti 2 orang setiap pondok. So, yang ni adalah *temporary alternative*, so, kita dah sediakan tempat itu pun dah cantik dan saya pun mempelawa Yang Berhormat Datuk Speaker dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau boleh pergi ke *chalet* tersebut, tengok sebab keadaan dia memang cantik sekarang. Terima kasih.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ya, silakan Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas jawapan yang telah pun diberikan. Sebenarnya, Tangkak diisytiharkan sebagai sebuah daerah pelancongan ini bermula pada tahun, zaman Datuk Khaled Nordin sebagai Menteri Besar, pada ketika itu mungkin 7 ataupun 8 tahun yang terdahulu. Tetapi perkembangannya di DUN, di daerah Tangkak ini begitu perlahan. Kalau kita lihat, negeri Melaka contohnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, bagaimana mereka telah mentransformasikan bandar mereka sebegitu cantik dan dapat menarik sebilangan ramai pelancong ke negeri mereka. Jadi, isunya di daerah Tangkak ini, walaupun telah diisytiharkan sebagai daerah pelancongan, tapi persoalan yang sering bermain di pemikiran saya adalah, bagaimana sehingga kini kita tiada satu kemudahan penginapan yang baik kecuali Taman Lagenda yang telah pun diterangkan oleh YB EXCO.

Bagaimana pula dengan kemudahan-kemudahan yang lain? Bagaimana pula dengan keceriaan dan keindahan bandarnya? Bagaimana pula dengan bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada pengusaha-pengusaha inap desa? Semua ini perlu dilihat secara menyeluruh dan saya sangat merayu kepada kerajaan negeri supaya dapat melihat bahawa peruntukan-peruntukan tertentu yang mungkin besar perlu disalurkan ke daerah Tangkak bagi benar-benar kita wujudkan bahawa daerah Tangkak itu adalah sebuah daerah pelancongan. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :**

Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak, memang tidak dapat dinafikan kepesatan pelancong di daerah Tangkak memang meningkat. Kalau kita tengokkan data lepas kita buka Gunung Ledang, Air Terjun dari bulan Julai hingga sekarang dah lebih dari 100,000 pengunjung yang datang, yang tu terlibat, terdiri daripada pelancong tempatan lebih kurang 100,000 dan luar negara ada lebih kurang dekat 2,000 pelancong yang telah hadir. Dan ini jelas menunjukkan bahawa yang memang perkembangan pesat tengah berlaku. So, apa pun kerajaan negeri kita tengok kan dari segi apakah *jewel*, dekat Tangkak. Kita tengok kan Gunung Ledang, peruntukan kerajaan negeri dari tahun lepas kita dah peruntukan lebih daripada RM2 juta untuk pembangunan semua fasiliti-fasiliti infra di Gunung Ledang dan kita juga akan teruskan untuk tahun ini apa seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk fasiliti-fasiliti kemudahan di Gunung Ledang.

Tapi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gambir, kita akan bincang dengan Majlis Daerah Tangkak dan juga Pejabat Daerah, kita akan *plan* dengan lebih holistik apa yang kekurangan, misal contohnya, dari segi penginapan, dari segi kemudahan-kemudahan tempat makan yang lain, yang boleh membawa keselesaan kepada pelancong, yang ini akan dibincangkan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput, Yang Berhormat Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Parit Raja nombor 4.

Terdapat banyak aduan sepanjang kerja-kerja naik taraf jalan FT050 yang mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya dan masalah banjir kilat. Minta dinyatakan apakah usaha pihak kerajaan menanganinya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja.

Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan FT050 ini adalah di bawah projek persekutuan dengan tajuk Membina Median Pusingan 'U' dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Batu Pahat – Air Hitam, Kluang Daripada Parit Sempadan, Batu Pahat Seksyen 21 hingga jambatan merentasi Lebuhraya PLUS Seksyen 34.5. Projek ini diluluskan kerana kebanyakan jajaran FT050 merupakan lokasi *blackspot* dan menyebabkan banyak kemalangan berlaku. Tujuan projek ini adalah untuk mengurangkan kemalangan di jalan tersebut dengan kos projek menelan belanja RM219 juta dan kerja-kerja telah bermula daripada Oktober 2021 dan dijangka siap pada Oktober 2024.

Antara skop projek ini adalah seperti berikut:-

1. Pembinaan pembahagi jalan sepanjang 13.5 kilometer dengan 3 pusingan 'U' untuk kenderaan berat.
2. Menaik taraf lima persimpangan iaitu persimpangan Parit Sempadan, Pekan Parit Raja, Parit Botak, Pekan Air Hitam dan Bandar Baru Air Hitam.
3. Membina baru jejantas pejalan kaki dan laluan motosikal baru di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Menteri dengan tambahan *ramp* motosikal.

4. Membina dua jejantas motosikal baru di Sekolah Menengah Kebangsaan Suria Perdana dan Masjid Parit Suntut.
5. Membina semula dan menaik taraf sistem perparitan dan pemetung sedia ada.
6. Kerja-kerja elektrik dan pengalihan utiliti.

Berkenaan aduan yang diterima berkenaan projek menaik taraf jalan ini, kerajaan melalui JKR Johor telah mengarahkan kontraktor yang bertanggungjawab terhadap projek FT050 ini untuk melaksanakan tindakan segera bagi menangani aduan pengguna jalan raya dan masalah banjir kilat.

Antara tindakan yang telah dilakukan oleh pihak kontraktor adalah seperti berikut:-

1. Mempercepatkan pengorekan dan pembinaan longkang baru di kawasan lot kedai persimpangan Air Hitam bagi mengelakkan banjir kilat yang sering terjadi di kawasan tersebut.
2. Kerja-kerja menebuk dinding longkang 'U' bagi membolehkan air dari longkang pihak ketiga masuk ke dalam longkang baru sedang giat dijalankan bagi mengurangkan aduan air bertakung dan tidak mengalir.
3. Memastikan longkang yang ditutup sementara ketika kerja pembinaan longkang baru dibuka semula selepas habis kerja bagi memastikan air dapat mengalir ketika hujan lebat.
4. Akses utama ke kampung-kampung dan lot kedai yang rosak dan berlubang dibaik pulih semula dengan meratakan semula *crusher run*, kerja premik di semua akses utama tersebut dijangka bermula pada 23 November 2023.
5. Terdapat *team* trafik dan ERP, yang memantau keadaan di tapak 24 jam sehari bagi memastikan tapak projek dalam keadaan selamat. Contohnya, membetulkan *plastic barrier* yang masuk ke jalan, memperbaiki *pothole*, menjaga trafik ketika berlakunya kemalangan di tapak.

Jika kontraktor tidak mematuhi arahan dan syarat daripada JKR, pihak JKR boleh mengeluarkan *Non-Conformance Report* ataupun *NCR*, jika kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, arahan untuk memberhentikan kerja serta merta juga boleh dilaksanakan jika ia memberi kesan yang besar kepada pengguna jalan raya.

Selain itu, sekiranya pihak kontraktor masih gagal melaksanakan arahan kerja yang ditetapkan seperti mana dalam kontrak, surat peringatan akan dikeluarkan oleh JKR Daerah dan juga JKR Negeri. Selain itu, pemotongan bayaran bagi skop kerja berkaitan juga boleh dibuat seperti mana dalam kontrak. Dalam masa yang sama, penalti sebanyak 25% akan dikenakan kepada kontraktor jika syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak tidak dipatuhi. Tindakan terakhir, sekiranya pihak kontraktor masih gagal melaksanakan arahan kerja, tindakan penamatan kerja kontraktor boleh dibuat setelah amaran dikeluarkan mengikut syarat-syarat kontrak. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Sila, Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang telah diberikan itu tadi. Tetapi apa yang menyedihkan eh, projek ni tunggu lebih kurang, lebih, lebih daripada 10 tahun orang

Parit Raja sampailah ke kawasan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, eh. Lebih 10 tahun tunggu. Bila buat, datang pula penyakit banjir kilat. Ini kita dah tak boleh nak salahkan hujan ke ataupun dan sebagainya eh. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Sri Medan, kenapa masyarakat takut bila ada pembangunan, kerana tidak melindungi kawasan-kawasan yang sebelum ini tak ada berlaku banjir, hari ni bukan sahaja di persimpangan, dia dah berjangkit masuk ke taman-taman perumahan sekitar eh, kawasan Parit Raja tersebut dan katanya projek ini telah diambil alih di bawah tanggungjawab JKR Persekutuan, kalau dah namanya JKR Persekutuan ni, sepatutnya kerjanya lebih majulah, cemerlanglah eh, tidak perlu ada aduan-aduan seperti ini eh. (Dewan bertepuk).

Sistem aduan tidak ada, bukan tidak efisien, saya ingat tidak ada. Jadi, masyarakat memang mengambil ruang..

**YB Speaker** : Soalan Yang Berhormat.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Membuat aduan di laman sosial. Soalan saya, adakah perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi mengambil kira pelan kecemasan jangka pendek dan jangka panjang, sekiranya pelan kecemasan tadi berlaku dalam masa yang terdekat, pelan jangka pendek dan jangka panjang dan adakah besok kalau dah siap Oktober 2024, berlaku lagi masalah seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Untuk makluman, projek ini bukan diserahkan kepada JKR Negeri memang asal-asalnya pun projek ini adalah projek dari kerajaan persekutuan. JKR Persekutuan, yang memantau projek ini dibantu oleh JKR Negeri. Mungkin dekat situ ada berlaku *leak up* sikit, sebab proses komunikasi antara negeri dan juga persekutuan. Namun begitu, saya ambil maklum khususnya tentang pelan kecemasan tadi. Dan, insya-Allah sebenarnya memang ada *Emergency Response Team, ERT* yang mana saya sebutkan tadi, cuma kita perlu perkasakan lagilah.

Yang Berhormat, insya-Allah projek ini telah pun mendapat perhatian oleh pihak negeri. Antara projek yang kita pantau secara dekatlah, telah menerima banyak aduan khususnya daripada Yang Berhormat Parit Raja dan Yang Berhormat persekitaran situ memang banyak perkara-perkara yang perlu kita perhalusi semula. Dan, insya-Allah dengan berbaki tidak sampai setahun projek ini siap kerajaan negeri akan pastikanlah projek ini akan mengikut apa itu syarat-syarat spesifikasi dan juga ada pelan kecemasan selepas projek ini siap nanti. Insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Jemput Pemanis.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Sebenarnya isu aduan sepanjang kerja-kerja naik taraf jalan dan sebagainya ini memang sangat banyak. Dan Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini pada 2 September lepas, ada 6 sekeluarga meninggal di KM5 Jalan Segamat – Kuantan kerana kegagalan kontraktor menyediakan kaedah yang selamat terutamanya bagi memastikan urusan-urusan kerja di kawasan jalan itu dapat dilaksanakan.

Dan baru-baru ini, tular di media sosial bahawa pengguna-pengguna jalan raya yang terlibat dengan kemalangan di kawasan-kawasan yang memang sedang dinaik taraf jalannya, tidak kira lah jalan persekutuan ataupun jalan negeri, mereka boleh buat tuntutan kepada pihak konsesi atau kontraktor dengan syarat dapat kebenaran daripada pihak JKR. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Pasir, adakah boleh sebenarnya tuntutan ini dibuat,

dan kalau boleh bagaimana kaedah dan caranya? Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Benar, sebenarnya setiap kali projek-projek sama ada projek selenggara jalan ataupun projek bina baru jalan, memang ada insurans sekiranya berlaku apa-apa di tapak kerja termasuklah mereka yang menggunakan jalan raya dan sekiranya berlaku kemalangan, contohnya, langgar lubang dan sebagainya boleh buat report Polis dan adukan kepada pihak JKR untuk tuntutan dan sebagainya.

Saya maklum, Yang Berhormat Pemanis, seperti saya sebutkan tadi selain kita, JKR memantau dari segi kontrak, prosedur kerja (SOP) dan sebagainya, saya telah menjawab dalam 2, 3 hari lepas berkaitan dengan tujuan ataupun apa itu, kita nak naik taraf JCCD supaya dia pun turut boleh memantau. Jadi, banyak agensi yang akan memantau satu ialah jurutera perunding, JKR negeri, JKR persekutuan dan pihak JCCD sendiri, selain pihak konsesi. Dan insya-Allah, saya faham tadi saya nak sebut juga pasal Parit Raja berkaitan dengan tiada sistem aduan.

Kita ada sistem aduan, tetapi saya faham mungkin kurang efisien *and* insya-Allah itu pun akan ditambah baik oleh pihak JCCD nanti sama ada aduan berkaitan dengan jalan ataupun aduan prestasi kerja kontraktor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker :** Saya jemput, Tanjung Surat.

**YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Sejauh manakah kerajaan negeri menekankan akan usaha untuk memperkasa golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian masa kini dan apakah inisiatif yang disediakan untuk dimanfaatkan oleh mereka?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat bertanyakan tentang usaha untuk memperkasa golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian masa kini dan apakah inisiatif yang disediakan untuk dimanfaatkan oleh mereka. Dan kalau boleh saya sebutkan juga Yang Berhormat dengan izin, soalan ini ada kaitan dengan soalan tambahan yang diajukan oleh Tangkak semalam.

Yang Berhormat, kerajaan pada masa kini giat merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi menggalakkan rakyat termasuk golongan belia menceburi pekerjaan dalam sektor 3D. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti menggalakkan industri supaya beralih kepada teknologi pertanian pintar dalam mewujudkan ekosistem pertanian yang menggalakkan pembinaan kapasiti penyelidikan dan pembangunan serta penggunaan *Internet of Things* (IoT) yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi.

Dalam masa yang sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat-peringkat. Bagi menggalakkan petani-petani atau usahawan muda kekal berdaya saing dan berdaya maju, pelbagai insentif telah disediakan kepada para belia, petani dan diharap dapat membantu merencanakan pembangunan industri

pertanian sebagaimana yang disediakan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM8,321,694.00 telah diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun 2023 bagi pemberian insentif kepada 2,183 orang belia untuk menyokong dan memperkasakan lagi aktiviti pertanian dan penternakan yang diusahakan oleh mereka menerusi pelaksanaan 14 program inisiatif.

14 program inisiatif ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau boleh saya ringkaskan mengikut jabatan adalah seperti berikut:

1. Jabatan Pertanian Negeri Johor. Jumlah peruntukan RM6,264,944.00 melibatkan 7 program dan memberi manfaat kepada 1,995 orang.
2. Jabatan Perikanan Negeri Johor. Peruntukan bernilai RM128,750.00 melibatkan 2 program dan memberi manfaat kepada 7 penerima belia.
3. Perkhidmatan Veterinar melibatkan peruntukan RM130,000.00 dengan 1 program dan 15 penerima manfaat belia.
4. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Johor. Peruntukan RM1,400,000.00 melibatkan 2 program dan memberi manfaat kepada 146 belia; dan
5. Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor. Peruntukan RM400,000.00 dengan 2 program dan melibatkan 20 penerima manfaat belia.

Jumlah keseluruhan RM8,321,694.00, 14 program dan 2,183 penerima manfaat.

Selain daripada itu, jabatan dan agensi juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat, pelaksanaan kursus dan latihan dan pembelajaran secara teknikal dan *hands on* bagi memupuk minat dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam pelaksanaan aktiviti pertanian.

Pada tahun 2023, sebanyak 188 siri kursus dan latihan pelbagai bidang telah dilaksanakan dan melibatkan 4,317 orang belia tani. Perinciannya adalah seperti berikut:

Yang pertama, Jabatan Pertanian Negeri Johor menyediakan 143 kursus atau latihan melibatkan 2,852 belia dan antara kursus-kursusnya adalah seperti, banyak Yang Berhormat saya tidak dapat sebut satu-persatulah. Jabatan Perikanan Negeri Johor, 17 kursus melibatkan 337 belia. Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 14 kursus 657 penglibatan belia dan Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Johor, 14 kursus dan latihan melibatkan 471 belia. Dan jumlah keseluruhan 188 kursus atau latihan dengan 4,317 penglibatan belia. Bantuan dan latihan yang disediakan ini sedikit sebanyak telah membantu kumpulan belia dalam menjayakan agensi kerajaan bagi meningkatkan keterjaminan makanan khususnya di negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila Tanjung Surat.

**YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat YB EXCO atas jawapan yang diberikan tadi.

Baru-baru ini, saya telah menyertai Jelajah Belia di Pontian. Sebelum itu, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada YB EXCO Belia, Sukan, Pembangunan

Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia kerana menginspirasi mengadakan jelajah ini dan cakna kepada belia-belia seluruh negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Dapatan daripada jelajah itu, ada rungutan dan aduan dari golongan belia, di mana mereka ini sukar mendapatkan bantuan atau geran bagi memulakan program-program pertanian. Apakah pendekatan kerajaan bagi membantu dan mengatasi perkara ini? Terima kasih

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Tanjung Surat atas soalan tambahan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kami memang menyedari terdapat ramai di kalangan usahawan-usahawan baru ini yang gagal mendapatkan bantuan, sukar mendapatkan pinjaman dan sebagainya untuk memulakan program-program terutama menceburkan diri dalam bidang pertanian terutamanya golongan muda.

Dan sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka yang ingin menceburkan diri atau mendapatkan bantuan atau pinjaman-pinjaman untuk mulakan perniagaan ini sebenarnya perlu memenuhi syarat kriteria yang ditetapkan oleh jabatan, antaranya ialah :

Pertama, mesti menghadiri kursus atau seminar untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada jabatan.

Yang keduanya, perlukan dapat pengesahan status tanah. Iaitu sama ada tanah milik persendirian atau milik pihak lain yang mendapat persetujuan untuk menggunakan tanah tersebut.

Dan yang ketiganya, Yang Berhormat Datuk Speaker ialah mesti di kalangan mereka ini telah memulakan sebahagian daripada kerja-kerja pertanian. Jika mereka *fresh*, belum pernah buat, memang sukar untuk menerima bantuan ataupun mendapat pinjaman dan sebagainya. Terima kasih.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Soalan tambahan..

**YB Speaker** : Parit Raja, bangun dulu.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir)** : Terima kasih.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas jawapan daripada Yang Berhormat EXCO itu tadi. Soalan saya, ialah kita faham borang-borang ini memang cuma ada Jabatan Pertanian, Pejabat Pertanian Daerah sahaja, ia tidak boleh diletak di pejabat-pejabat Wakil Rakyat. Cuma kaedah, cara nak memohon itu ada macam tak laluan *fast track*. Jadi kalau mohon tahun ini, dapat tahun ini. Kalau mohon tahun ini, dapat tahun depan itu, saya ingat takut dah hilanglah minat belia-belia kita, motivasi belia-belia kita untuk menceburi bidang sektor pertanian sebab mereka, mereka berminat dan mereka bukan kalau kita tidak bagi pun mereka usahakan barang itu sendiri, tetapi ada laluan, ada permohonan, kata boleh mohon, mohon. Tapi barangnya terlalu lambat untuk diperoleh. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Parit Raja tentang perkara ini dan ia bukan perkara baru. Memang pihak jabatan kerap menerima rungutan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun jabatan terikat dengan perolehan dan sebagainya. Dan sebab itu, kita mengadakan belanjawan atau bajet tahunan untuk merangka program dan perbelanjaan untuk tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, jika ia melibatkan peruntukan yang tidak berskala besar, maksudnya peruntukan-peruntukan kecil contoh setakat bekalan untuk *piping* ringkas, dengan izin, untuk peralatan pam yang berskala kecil dan tidak melibatkan kos yang besar, ia boleh dirunding dengan Pejabat Pertanian Daerah masing-masing atau melibatkan Pejabat Jabatan Pertanian kerana kita ada peruntukan lain yang boleh diselaraskan mengikut keperluan. Insya-Allah YB.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Soalan tambahan, Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ha, ya sila Gambir.

**YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Sesungguhnya sektor pertanian itu merupakan satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan utama negeri Yang Berhormat Datuk Speaker. Dan tahniah kepada YB EXCO serta barisan jabatan-jabatan yang terlibat yang dilihat begitu bersungguh-sungguh merevolusikan pertanian kita dengan memperkenalkan kaedah dan teknik pertanian moden serta memberikan galakan kepada belia untuk menceburi diri dalam bidang pertanian.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Speaker, sesungguhnya pertanian itu adalah satu perniagaan. Dan perniagaan itu memerlukan modal. Soalan tambahan saya adalah, berdasarkan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan mengikut jabatan, bolehkah dijelaskan di sini peruntukan-peruntukan yang dikhaskan untuk daerah Tangkak dan berapakah ramai belia yang terlibat? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, diawal ucapan saya, jawapan lisan saya tadi saya sebutkan bahawa jumlah keseluruhan peruntukan yang diperolehi oleh jabatan ini, ataupun Kerajaan Negeri Johor daripada kementerian dan negeri ialah sebanyak RM19 juta bagi tahun 2023. Daripada jumlah itu, RM6,262,944.00 adalah peruntukan khusus untuk belia yang melibatkan 1,995 orang penerima di kalangan belia iaitu 32% daripada jumlah keseluruhan peruntukan daripada Jabatan Pertanian. Dan daripada RM6,262,944.00 jumlah peruntukan keseluruhan yang diperolehi oleh Johor dan daripada 1,995 jumlah belia yang terlibat, kalau boleh saya sebutkan di sini antara daerahnya ialah Segamat 300 orang terlibat, Muar 234 orang terlibat, Kluang 231, Mersing 291, Kulai 57, Kota Tinggi 141 orang, Johor Bahru 279, Pontian 42, Batu Pahat 312 dan Tangkak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah seramai 108 orang melibatkan RM355,845.00 jumlah tersurat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dan, ambil kesempatan Yang Berhormat, saya juga mohon kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan, bahawa program ataupun projek pembangunan yang boleh dipohon ataupun yang perlukan perhatian oleh belia ini bukan hanya terdapat dalam Jabatan Pertanian, Veterinar, Perikanan semata-mata. Maksudnya bukan di bawah sekadar, di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar sahaja, tetapi mereka boleh juga merujuk kepada Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia kerana di sana pun ada banyak peruntukan, bantuan yang boleh diperolehi oleh belia khusus untuk pembangunan ekonomi belia. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Dijemput Tenang.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) :** Tenang tenang air di laut, sampan kolek bawa ke tanjung, hati terkenang mulut menyebut, budi baik rasa nak junjung. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6.



Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengawal kadar sewa premis seperti rumah dan kedai supaya tidak membebankan penyewa? Perlukah ditetapkan harga siling supaya harga dapat diselaraskan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Tenang, soalan apakah usaha kerajaan negeri bagi mengawal kadar sewa premis seperti rumah dan kedai supaya tidak membebankan penyewa? Perlukah ditetapkan harga siling supaya harga dapat diselaraskan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman kerajaan negeri melalui PKPJ sangat menitikberatkan isu-isu yang dekat dengan rakyat, khususnya melibatkan perkara berkaitan perumahan. Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenang, mengenai usaha kerajaan negeri bagi mengawal kadar sewa premis seperti rumah dan kedai, dibawah PKPJ kesemua premis-premis yang dikawal selia oleh pihak PKPJ, Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor termasuk rumah sewa PPR, rumah sewa RSK, *rent to own*, Rumah Transit Bangsa Johor, kadar sewa ditetapkan dan sangat berpatutan. Misalnya kadar sewa PPR ditetapkan adalah paling rendah RM124.00 sebulan dan paling tinggi RM250.00 sebulan dengan keluasan 750 sq ft, 3 bilik 2 bilik air. Manakala bagi Rumah Transit Bangsa Johor ditetapkan kadar sewa adalah RM650.00, di mana 30% lebih rendah dari kadar sewaan pasaran. Kadar yang ditetapkan ini sangat berpatutan dan tidak membebankan rakyat.

Untuk Rumah Transit Bangsa Johor ini Yang Berhormat Datuk Speaker, ini adalah satu program dibuka kepada orang yang baru berumah tangga di mana RM600.00 dia bayar kepada PKPJ, RM650.00, RM190.00 disimpan sebagai deposit. Selepas 3 tahun, dia akan mengumpulkan lebih kurang dalam RM5,000.00 lebih atau, dan duit itu akan dikembalikan kepada penyewa dan PKPJ menawarkan rumah mampu milik kepada mereka ini.

Bagi premis yang bukan di bawah kelolaan PKPJ, kerajaan negeri juga akan memberi keutamaan bagi memastikan Bangsa Johor tidak terbeban dengan isu-isu yang berkaitan dengan kadar sewa yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada Mac yang lalu, Rang Undang-Undang atau dipanggil RUU Akta Sewaan Kediaman dijangka dibentangkan di Parlimen tahun depan. Yang mana akta ini akan mengawal isu yang wujud dalam sektor sewaan kediaman yang pada ketika ini tiada undang-undang khusus membuat pemantauan. Antara perkara yang terkandung dalam Rang Undang-Undang ini yang dirangka adalah berkaitan dengan sewaan kediaman, tanggungjawab penyewa dan pemilik rumah serta tindakan penguatkuasaan. Rang Undang-Undang ini turut menyediakan prosedur tindakan dan mekanisme penyelesaian sekiranya wujud sebarang pertikaian dalam urusan sewa kediaman. Langkah ini dilihat memberi sinar baru dalam mewujudkan garis panduan lebih jelas berkenaan sewa kediaman. Sekali gus, dapat menyelesaikan konflik berpanjangan pembeli, pemilik dan penyewa seperti harga sewa dan keluasan ruang sewaan yang tidak masuk akal, pertikaian tanggungjawab pemilik dan penyewa serta konflik antara pemilik dan penyewa. Melalui akta sewaan kediaman, terma kontrak penyewaan dibuat mengikut garis perundangan yang akan selari dengan akta sewaan yang akan dilaksanakan kelak. Johor akan menyokong Rang Undang-Undang Akta Kediaman ini. Terima kasih.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat EXCO tadi. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan zon harga sewa premis perniagaan yang terkawal bagi satu-satu kawasan premis terutama kawasan kecil seperti Majlis Daerah Labis, Daerah Kecil Labis, memandangkan gerai-gerai atau kedai-kedai yang disediakan oleh PBT ini sangat-sangat tidak mencukupi. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Untuk makluman Yang Berhormat Tenang, kalau premis, gerai-gerai atau kedai-kedai yang di bawah PBT ini, biasanya di peringkat Jawatankuasa, Ahli-Ahli Majlis bersama PBT yang tentukan kadar yang sesuai untuk satu-satu premis. Kalau, itu di peringkat PBT-PBT lah. Sebab itu peranan Ahli-Ahli Majlis dalam mendengar suara hati rakyat dan di bawa di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan untuk dibincangkan kadar yang sesuai untuk penyewa-penyewa ini.

Seperti semua sedia maklum, pada tahun 2020 ketika COVID melanda selama dua tahun, banyak premis-premis di bawah PBT-PBT ini kita beri secara sewa percuma. Ini adalah tanggungjawab kerajaan dan untuk menjawab dari segi lokaliti atau kawasan-kawasan tertentu untuk ditetapkan harga sewaan kedai itu sendiri setakat ini tidak ada dasar atau rang undang-undang tertentu. Sebab itu dasar yang akan diputuskan di peringkat Parlimen ini akan memberi kita atau maklumat tentang prosedur, tindakan dan mekanisme penyelesaian untuk jangka masa panjang. Terima kasih.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang)** : Yang Berhormat Datuk Speaker..

**YB Speaker** : Tak boleh dua kali Yang Berhormat.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang)** : Tak boleh ke?

**YB Speaker** : Dijemput Perling.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) bagi pihak YB Tuan Liew Chin Tong (Perling)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 7.

Nyatakan rancangan kerajaan negeri untuk menyelaraskan strategi pelaburan dan perindustrian di Johor dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada September yang lalu.

**YB Speaker** : Yang Berhormat wakil ke apa?

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Wakil boleh?

**YB Speaker** : Dia minta wakil ke apa?

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Dia tidak hadir hari ini.

**YB Speaker** : Dia tak ada bagi nota, kan? Dia ada bagi nota ke apa untuk minta kebenaran soalan dia diwakilkan.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Ha?

**YB Speaker** : Saya jemput Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Mohon nyatakan jumlah saudara baru mualaf bermula dari tahun 2020 sehingga sekarang di negeri Johor dan bagaimanakah status pemantauan serta rancangan pemurnian akidah kepada mereka dan umat Islam secara keseluruhannya?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Maharani soalnya mengenai jumlah saudara

baru bermula dari tahun 2020 sehingga sekarang dan beliau bertanyakan kaedah pemantauan dan rancangan pemurnian akidah yang dilaksanakan di Johor.

Untuk makluman Dewan yang mulia, seramai 728 orang saudara baru pada tahun 2020, 688 orang pada tahun 2021, 766 orang pada tahun 2022 dan pada tahun ini sehingga November seramai 633 orang saudara baru telah memeluk agama Islam. Saudara kita di negeri Johor terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Cina, India, Iban, Bidayah, Kadazan, Orang Asli juga warga asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Johor telah ditubuhkan satu persatuan yang dinamakan Pertubuhan Kebajikan Saudara Kita yang dikawal selia oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang telah berdaftar dengan Pendaftar Pendaftaran Pertubuhan (ROS) pada tahun 2020.

Pertubuhan ini berperanan dalam melaksanakan modul pengajian Islam berkaitan akidah, ibadah, muamalah, sirah, akhlak dan pengajian al-Quran. Antara lain pertubuhan ini berfungsi memberi bimbingan keagamaan kepada golongan mualaf termasuk rakan-rakan kita Orang Asli. Bekerjasama dan membantu Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam usaha mempertingkatkan syiar Islam dan menjaga kebajikan sosioekonomi golongan mualaf ini. Di samping itu, melalui program pengukuhan akidah dan pemantapan kefahaman akidah Islam, beberapa aktiviti telah dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor bersama rakan-rakan mualaf. Antaranya Kursus Islam Pilihanku, Kem Sinar Ibadah, Majlis Iftar Ramadan, Program Ziarah Riadah, Kursus Tafsir al-Quran dan Sambutan Maulidur Rasul. Pertubuhan ini menerima peruntukan secara purata sebanyak RM15 juta setahun daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah, kebajikan mualaf dan juga membayar elaun tenaga pengajar. Saudara kita ini di negeri Johor dipecahkan kepada dua kelompok, yang pertama Saudara Kita Mualaf dan juga Saudara Kita Orang Asli.

Bagi Saudara Kita Mualaf dilaksanakan di 13 buah Darul Ukhwah di setiap daerah di mana 3 di daerah Johor Bahru, 2 di daerah Kluang dan 1 di setiap daerah. Seramai 123 orang guru pengajar Saudara Kita yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor dan 30 daripadanya dilantik dari kalangan mualaf itu sendiri yang telah memeluk agama Islam lebih daripada 10 tahun terdiri daripada pelbagai bangsa termasuk juga rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak. Kelas pengajian agama Islam Darul Ukhwah diadakan pada setiap hari Ahad.

Bagi Saudara Kita Orang Asli, melalui pemerksaan akidah masyarakat Orang Asli terdapat 36 buah surau kampung Orang Asli yang telah dibina di mana 33 surau daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2 daripada JAKIM dan 1 daripada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) bagi melaksanakan Modul Pengajian Islam. Seramai 14 penggerak lantikan JAKIM dan 8 pembantu penggerak lantikan Majlis Agama Islam Negeri Johor ditempatkan di perkampungan Orang-orang Asli. Majoriti penggerak JAKIM adalah di kalangan masyarakat setempat manakala pembantu penggerak agama Islam daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor dilantik di kalangan Orang Asli sendiri, Yang Berhormat Speaker. Tugas mereka adalah untuk menjalankan aktiviti dakwah, kelas pengajian agama, ziarah kampung Orang Asli serta hal ehwal pengislaman dan kematian untuk mereka. Kelas pengajian Islam dilaksanakan pada waktu pagi dan malam selepas solat maghrib.

Menyedari kekurangan penggerak dan pembantu penggerak yang ditugaskan untuk menjalankan aktiviti dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Agama Islam Negeri Johor telah melantik seramai 31 orang guru pengajar Orang Asli bagi melaksanakan aktiviti ini. Guru pengajar ini dibayar elaun, Datuk Speaker. 31 orang guru ini akan mengajar di surau kampung Orang Asli dan telah ditetapkan sehingga pemakluman lain ataupun ditukarkan ke tempat yang lain. Penggerak-penggerak ini perlu menjalankan aktiviti ziarah,

pengislaman dan menguruskan kematian di kampung-kampung rakan-rakan kita Orang Asli, yang telah saya sebutkan tadi. Manakala, guru pengajar pula akan mengajar pada waktu yang ditetapkan.

Perkara kedua yang dibangkitkan Yang Berhormat Datuk Speaker, iaitu tentang permurnian dan pemantauan akidah umat Islam. Pemerkasaan akidah bagi umat Islam secara keseluruhannya dapat dilihat melalui kerjasama antara Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang menjalankan pemantauan secara berterusan terhadap kes-kes kesalahan akidah terutamanya kes-kes yang masih aktif, agar ajaran tersebut tidak berkembang dan disebarluaskan. Antara kes utama yang sentiasa dipantau dan difatwakan sesat dalam negeri Johor ini adalah berkaitan Syiah, Hizbut Tahrir, SiHulk, Hadi Minallah dan Aurat Muhammadiyah. Antara program dan aktiviti pemulihan akidah yang dijalankan oleh Jabatan Agama Negeri Johor adalah mengadakan sesi khidmat kaunseling secara berkala kepada individu atau kumpulan yang telah dikesan mengamalkan ajaran yang bercanggah dengan Islam.

Berdasarkan laporan daripada Bahagian Penguatkuasaan, sebanyak 29,065 kes dilaporkan yang melibatkan kesalahan jenayah syariah dalam tempoh 10 tahun dan 71 daripadanya adalah kes pelanggaran Enakmen Jenayah Syariah yang melibatkan ajaran sesat dan amalan sesat. Bagi mengelakkan individu dan kelompok yang terlibat daripada terus hanyut dengan ajaran dan amalan yang sesat Datuk Speaker, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dengan memperuntukkan sebanyak RM400,000.00, pada tahun hadapan bagi mewujudkan Pusat Pemulihan dan Rumah Pemurnian Syariah Islam. Pemurnian akidah yang terletak di Jalan Dato' Menteri Johor Bahru. Penubuhan pusat pemulihan ini telah saya jadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk tahun 2024, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Pusat pemulihan ini diwujudkan bagi menempatkan individu-individu atau kelompok yang disabitkan kesalahan jenayah syariah berhubung dengan akidah mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997. Pusat pemulihan ini bukan sahaja diwujudkan bagi mereka yang terpesong akidahnya, tapi juga menempatkan golongan-golongan bagi pemurnian isu-isu LGBT, Yang Berhormat Datuk Speaker, agar kembali ke fitrah asal. Kewujudan pusat pemulihan bagi golongan yang mengamalkan hubungan sesama jantina ini ataupun yang tidak menepati norma kebiasaan manusia, rumpun kita, merupakan pertama kalinya diadakan di Malaysia yakni berlaku di bumi Johor Darul Ta'zim. Status pengoperasian pusat pemulihan tersebut sedang dalam proses persiapan kemasukan harta modal di bahagian pejabat, asrama pelatih lelaki dan perempuan. Pusat ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada Julai 2024. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ya, sila Semerah, eh.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya dan apakah jenis pecahan bantuan yang diberikan kepada mualaf dan seterusnya ialah adakah kerajaan negeri memberi peruntukan khusus kepada Persatuan Saudara Baru yang aktif di negeri Johor contohnya seperti Pertubuhan Kebajikan Saudara Kita di daerah Muar yang begitu aktif dan dapat menjalankan beberapa aktiviti yang telah pun dirancang. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Yang Berhormat Datuk Speaker, di awal jawapan telah saya sebutkan. Purata RM15 juta setahun telah pun diberikan bagi maksud pengoperasian Persatuan Saudara Baru kita ini di negeri Johor. Dan ianya dipecahkan bagi maksud kategori pengoperasian persatuan dan juga kelas-kelas agama yang diadakan serta juga bagi maksud aktiviti dakwah dan kebajikan mualaf itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi saudara-saudara baru kita di negeri Johor ini, fatwa telah mengatakan saudara baru yang dipanggil mualaf adalah bagi tempoh sehingga sepuluh tahun sahaja. Bermaksud kita yakin dan percaya saudara baru kita ini sama ada Orang Asli ataupun masyarakat yang biasa, mereka mampu mengadaptasi dan mempelajari ilmu agama dalam tempoh sepuluh tahun maka tempoh ini mereka dipanggil mualaf. Dalam tempoh ini Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah yang kita bantu, antaranya adalah mereka diberikan insentif bulanan bagi maksud yang bujang, berkahwin, kebajikan mereka, Yang Berhormat Datuk Speaker, masuk Islam kita jaga sebaik-baiknya. Yang Berhormat Datuk Speaker, dan sekiranya mereka ini tergolong dalam golongan asnaf Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka berhak seperti mana orang Islam yang lain, boleh diberikan bantuan saraan bulanan asnaf, yang mana mencakupi saraan bulanan, kebajikan perubatan, pendidikan juga hari raya, jadi maksudnya Yang Berhormat Maharani, mereka ini sentiasa dalam jangkauan kita dan perhatian kita dan Alhamdulillah sehingga kini semua kebajikan rakan-rakan mualaf kita sentiasa kita santuni sebaik-baik mungkin. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Stulang, ya. Sebarang soalan kalau mahu diwakilkan, perlu ada notis kepada saya ataupun Pejabat Jurutulis, tapi Yang Berhormat Perling tidak ada memberi sebarang notis, walaupun kita faham beliau juga adalah Ahli Parlimen dan juga Timbalan Menteri, kerana kesibukan tugas ya, tetapi perlu notis dan tadi Yang Berhormat pun menyebut soalan saya, ya sedangkan itu soalan Perling. Sebab itu saya tak benarkan. Sebelum saya menjemput pertanyaan berikutnya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran 44 orang pemerhati daripada Pejabat ADUN Semerah. Dijemput Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

Berapakah jumlah sekolah dan peruntukan keseluruhan bagi Projek Penyelenggaraan Tandas RM70,000.00 setiap sekolah yang peruntukannya diberi oleh kerajaan persekutuan serta apa tindakan kerajaan negeri dalam membantu dan memantau menyiapkan projek agar pelajar-pelajar negeri Johor dapat manfaatnya?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, Sri Medan bertanya, berapakah jumlah sekolah dan peruntukan keseluruhan bagi projek penyelenggaraan tandas RM70,000.00 setiap sekolah, yang peruntukannya diberi oleh kerajaan persekutuan serta apa tindakan daripada kerajaan negeri dalam membantu dan memantau menyiapkan projek agar pelajar-pelajar di negeri Johor ini dapat manfaatnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan sebanyak RM65.66 juta bagi projek khas naik taraf tandas sekolah di negeri Johor. Setiap sekolah diperuntukkan sebanyak RM70,000.00, untuk kerja-kerja menaik taraf kefungsi tandas sekolah bagi memastikan persekitaran, infrastruktur dan kemudahan pembelajaran untuk murid di semua sekolah berada dalam keadaan yang kondusif. Agensi pelaksana bagi projek khas ini adalah di bawah seliaan dua agensi dengan pecahan seperti berikut:

Agensi pelaksana pertama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor sendiri bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melibatkan lima daerah Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Muar dan Mersing. Dan bilangan sekolah yang terlibat sebanyak 475 buah sekolah dengan peruntukan sebanyak RM33.2 juta. Agensi pelaksana yang kedua, Pejabat Pembangunan Negeri Johor bersama dengan Pejabat Daerah melibatkan enam daerah, Kota Tinggi, Kulai, Pasir Gudang, Pontian, Segamat dan Tangkak. Ini melibatkan 463

bilangan sekolah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM32.4 juta. Projek khas ini adalah inisiatif dan adalah inisiatif dan aspirasi daripada YAB Perdana Menteri yang ingin menginginkan kemudahan tandas yang bersih dan selamat untuk keselesaan lebih 500,000 pelajar dan hampir 50,000 guru di negeri Johor ini.

Memandangkan penyaluran peruntukan dengan jumlah yang sangat banyak dengan melibatkan 938 buah sekolah, sudah tentu kerajaan persekutuan memerlukan kerjasama daripada kerajaan negeri untuk sama-sama terlibat di dalam projek khas ini demi mencapai objektif pelaksanaan. Penglibatan Pejabat Daerah secara langsung di bawah pemantauan Pejabat Pembangunan Negeri Johor sangat-sangat membantu di dalam projek khas ini bagi enam daerah iaitu yang mana saya sebutkan tadi, Kota Tinggi, Kulai, Pasir Gudang, Pontian, Segamat dan Tangkak. Dibawah seliaan Pejabat Pembangunan Negeri Johor, Pejabat Daerah telah diberikan mandat dan tanggungjawab sepenuhnya dalam merancang, melaksana dan memantau projek khas ini. Penglibatan secara langsung adalah di dalam penentuan skop kerja tandas, proses perolehan dan perlantikan syarikat, pemantauan kerja dan juga pengesahan kerja dan pembayaran.

Ahli Yang Berhormat sekalian, bantuan dan pemantauan daripada Pejabat Daerah sebagai wakil kerajaan negeri telah membuktikan komitmen daripada kerajaan negeri untuk sama-sama memastikan agar warga sekolah terutama di negeri Johor ini mendapat manfaat daripada projek khas ini. Untuk makluman semua, pada masa ini Pegawai-pegawai Teknikal Pejabat Daerah di peringkat akhir penyediaan dan seterusnya bergerak ke arah untuk mengesahkan kerja supaya pembayaran dapat dilaksanakan pada tahun semasa seperti yang diarahkan.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan hari ini juga, mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di atas komitmen daripada Pegawai-Pegawai Yang Berhormat di dalam projek khas tandas negeri Johor ini. Semoga kerjasama ini dapat memberi manfaat yang sebaiknya kepada warga sekolah di samping dapat mengukuhkan lagi kolaborasi di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Dengan izin, Datuk Yang di-Pertua, *alone we can sold little, together we can do so much*. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, sila.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih, saya setujulah apa juga jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tentang soalan saya sebentar tadi. Tak sangka rupanya Yang Berhormat Tan Sri pun banyak bantu untuk menguruskan projek yang di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya cukup gembira, saya suka dan saya cukup teruja dengan perhubungan baik antara Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk membawa peruntukan RM70,000.00 kepada setiap sekolah yang ada dalam negeri Johor dan saya tahu, program ni adalah program untuk satu Malaysia, tapi ini merupakan satu kejayaan jugalah untuk negeri Johor. Dan saya harap, selepas ini akan ada hubungan yang baik kerana banyak lagi keperluan sekolah-sekolah, kerajaan negeri perlu terus melobi, masuk Jabatan Pendidikan, jadinya, saya tak perlu melobilah untuk masuk ke dalam sekolah-sekolah.

Soalan saya, Yang Berhormat Datuk Speaker, mungkin sama ada YB EXCO maklum atau tidak, setiap sekolah diberi peruntukan RM70,000.00. Saya memberi contoh, untuk kawasan saya sahaja ok, saya ada empat buah sekolah menengah, 18 buah sekolah rendah, dengan bilangan murid berbeza dan juga bilangan tandas pun berbeza. Jadi, ada atau tidak perbincangan antara Kementerian dan juga Jabatan Pendidikan ataupun Pejabat Pembangunan Negeri Johor tentang keadaan yang ada di peringkat sekolah-sekolah ni. Jadi contohnya, RM70,000.00 kalau untuk Sekolah Kebangsaan Air Putih cuma ada 4 tandas, tapi kalau kata Sekolah Kebangsaan Parit Sulong ada 12 tandas. Macam mana cara

pengagihan peruntukan ini sedangkan sekolah yang kecil dapat peruntukan yang sama dengan sekolah yang besar. Jadi, mohon jawapan daripada YB EXCO. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Terima kasih atas soalan tambahan itu. Yang Berhormat Datuk Speaker, kenapa semua sekolah dapat peruntukan yang sama, sekolah yang murid tak ramai dan sekolah murid yang ramai tetapi peruntukan adalah sama. Sering kali ditanya oleh saya, ini adalah sempena dengan pemberian daripada Menteri Pendidikan Malaysia. Jika, kita nak buat unjuran mengikut jumlah pelajar akan melambatkan proses penyiapan tandas ini. Ia juga dapat melihatkan kreativiti sekolah dalam menggunakan peruntukan RM70,000.00 bagi pembinaan dan penyelenggaraan tandas tersebut. Untuk Sri Medan, kebetulannya 2 sekolah saya sempat memantau, SK Sri Medan, Batu Pahat dan SJKC Chung Hwa, Sri Medan. Alhamdulillah sering saya menjadikan contoh dua sekolah ini ke daerah-daerah yang lain kerana tandasnya begitu cantik. Jadi, selain daripada itu, pemantauan kepada sekolah sering kali dilakukan. Tindakan juga akan diambil di mana-mana kontraktor yang tidak memenuhi BQ. Jadi, sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Boleh saya..

**YB Speaker :** Saya pernah jumpa sekolah di pedalaman yang tandasnya tak ada dinding pun antara satu tandas dengan satu tandas yang lain. Jadi oklah tu, kalau RM70,000.00 walaupun berbeza.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Yang Berhormat...

**YB Speaker :** Ya, tak boleh tanya soalan lagi.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Saya nak mulakan Peraturan 45(9), ya.

**YB Speaker :** Apa dia?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Ahli Dewan tidak dibenarkan bercakap lebih dari sekali, tapi saya perlukan jawapan, keterangan daripada YB EXCO.

**YB Speaker :** 45?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** 45(9).

**YB Speaker :** Tak, Yang Berhormat. Sila duduk, saya tak benarkan. Boleh?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Boleh atau tidak Yang Berhormat Datuk Speaker?

**YB Speaker :** Tidak boleh.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Tidak boleh, saya akur.

**YB Speaker :** Dijemput, Penawar.

**YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 10.

Apakah perkembangan terkini cadangan kerajaan untuk mewujudkan hab atau pusat makanan ringan yang diusahakan usahawan wanita di setiap daerah di negeri Johor dalam usaha meningkatkan ekonomi golongan wanita terutama ibu tunggal dan wanita B40.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Soalan yang diberikan, bagaimanakah usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan ekonomi golongan wanita terutama ibu tunggal dan wanita B40.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Penawar, suka saya kongsi terlebih dahulu statistik atau data terkini di dalam Sistem Pusat Data Usahawan Johor atau dikenali PADU supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat gambaran lebih jelas dan maklum mengenai situasi terkini khususnya berkaitan usahawan wanita di Johor.

Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, menerusi rekod di dalam sistem PADU, setakat 27 November 2023 seramai 16,256 usahawan wanita atau bersamaan dengan 38.51% dari jumlah keseluruhan 42,221 usahawan yang telah pun mendaftarkan diri menerusi sistem PADU.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat EXCO Pertanian tadi nyatakan, betul, ada sebilangan peruntukan-peruntukan yang telah pun diagihkan. Suka saya kongsi di dalam Dewan yang mulia ini kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023 di bawah PUJB selaku sekretariat ataupun pengerusi di bawah MPUNJ sebanyak RM192.698 juta peruntukan sudah dibelanjakan di bawah agensi MPUNJ. Lebih 30,000 usahawan Johor yang menerima manfaat. Dan mengikut rekod dan data yang telah dikumpulkan oleh sekretariat Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB), sejumlah RM183.199 juta diperuntukkan membabitkan keseluruhan agensi. Asalnya, pada tahun 2023 namun setakat Oktober lalu, sebanyak RM192.689 juta sudah dibelanjakan termasuklah peruntukan tambahan yang memberi manfaat kepada 30,568 usahawan keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, data ini juga termasuk dengan pengusaha sektor-sektor informal untuk kebanyakan masih tidak berdaftar dalam sistem PADU. Untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, definisi sektor informal dalam konteks keusahawanan adalah pertubuhan atau perniagaan yang tidak berdaftar dengan mana-mana agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Badan Profesional dan Pihak Berkuasa Tempatan serta memiliki bilangan pekerja yang kurang daripada 10 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga suka saya sarankan untuk berkongsi maklumat kepada orang-orang kawasan agar layari sistem PADU, *padu.pujb.my*. Mungkin ramai usahawan-usahawan menanyakan soalan-soalan, apakah peruntukan? Bagaimana peruntukan? Sebab itulah di bawah agensi PUJB ini kita ada Pemandu, Jawatankuasa Pemandu dan mempunyai keahlian 49 agensi, semua agensi di bawah usahawan dan kita kumpulkan.

So, alhamdulillah sebanyak jumlah yang telah saya sebutkan tadi dan dimanfaatkan kepada keseluruhan usahawan-usahawan yang telah pun memohon. Dan di dalam sistem PADU juga bukan sahaja untuk kita agihkan peruntukan malah belia ataupun usahawan-usahawan dapat melihat program-program ataupun peruntukan-peruntukan yang boleh dimohon.



Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak jabatan juga, pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ketika ini masih membangunkan pangkalan data bagi sektor informal ini, namun pihak DOSM pada tahun 2021, ada mengeluarkan dapatan awal di mana Johor memiliki 133,655 individu atau peniaga yang terlibat dalam sektor informal dan industri mikro.

Jumlah ini meletakkan Johor di tangga ke-3 selepas Selangor mempunyai 271,944 individu ataupun peniaga, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 146,256 orang ataupun peniaga dan saya yakin jumlah ini kian bertambah memandangkan sektor ekonomi yang semakin pulih dan terus memacu selepas pasca COVID-19.

Sebagai alternatif bagi memuktamadkan keperluan khusus mewujudkan pusat makanan ringan di setiap daerah, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor menerusi Perbadanan Usahawan Johor telah pun mewujudkan pusat data yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi ekosistem dalam bidang keusahawanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu pihak kerajaan mencadangkan agar pusat pengumpulan produk IKS sedia ada yang telah beroperasi melibatkan kesemua daerah dapat dinaik tarafkan untuk dijadikan hab IKS bagi menempatkan produk keluaran usahawan-usahawan wanita termasuk ibu tunggal dan golongan B40. Bagi merealisasikan perkara ini, saya sendiri akan menyelaras satu jawatankuasa *task force*, dengan izin, melibatkan daerah, pihak PBT termasuk PUJB dan agensi lain seperti Jabatan Pertanian dan FAMA untuk dilaksanakan agar perkara ini dapat dilaksanakan selewat-lewatnya tahun 2024.

Justeru, saya menyeru pihak kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dapat dengar ataupun lihat kemajuan-kemajuan yang ada di Johor ini, malangnya saya lihat di peringkat *federal*, Menteriinya agar kurang mendengar ataupun turun ke padang, insya-Allah saya akan ke Kuala Lumpur pada tahun hadapan, lebih kerap dan memohon peruntukan-peruntukan lebih banyak untuk usahawan-usahawan di negeri Johor. Sekian, terima kasih Yang Berhormat. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Ya, sila Penawar.

**YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Jika dilihat kepada statistik dan bilangan usahawan wanita di negeri Johor agak signifikan dan memberangsangkan.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat EXCO, apakah inisiatif dan program berkesan yang sudah dan akan dilaksanakan untuk mentransformasikan usahawan ini kepada usahawan digital supaya semua individu atau usahawan wanita ini bukan sahaja dapat *sustained*, dengan izin, seterusnya menyumbangkan produk perniagaan mereka ke tahap yang lebih baik?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Terima kasih YB Penawar. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Penawar, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) di bawah EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor merupakan agensi yang menjadi Ahli Majlis Pembangunan Ekonomi Negeri Johor seperti yang saya sebutkan, MPUNJ.

Di bawah pelaksanaan YPKDT, terdapat program-program dalam memperkasakan keupayaan wanita dan golongan sasar terutamanya dalam pembangunan keusahawanan wanita iaitu Program Pemberdayaan Wanita dan Golongan Sasar atau PINTAR, yang mana di bawah program ini terdapat 3 sub program dalam membantu membangunkan serta meningkatkan keberhasilan ekonomi wanita dan golongan sasar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program ini telah disusun menjadi satu model atau pusingan yang lengkap dalam melahirkan usahawan terutamanya usahawan rintis. 3 sub program di bawah PINTAR adalah:

1. *Woman Income Generating Skill Projects (WINGS)*, dengan izin.
2. Skim Bantuan Peralatan Perniagaan, atau (SKIP); dan
3. Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB).

Program-program ini juga meliputi latihan, kursus asas, pemberian bantuan peralatan sehinggalah kepada pemantapan kemahiran usahawan.

Bagi *Woman Income Generating Skill Projects (WINGS)*, itu meliputi 2 kaedah perlaksanaannya, iaitu kursus kemahiran asas utama dan kursus kemahiran asas. Kursus-kursus ini telah dilaksanakan di setiap daerah dengan melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS, Kolej Komuniti, Jabatan Pertanian, Giat MARA dan lain-lain lagi.

Dan bagi Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIP) ini pula, bantuan telah ditambah baik kaedahnya. Pelaksanaannya meliputi bantuan-bantuan asas peralatan, *Basic Business Equipment (BBE)*, dengan izin. Dan juga, bantuan kemajuan peralatan perniagaan, *Advanced Business Equipment (ABE)*.

Bagi Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB) Yang Berhormat Penawar, YPKDT telah pun melaksanakan sebanyak 12 siri kursus meliputi 3 zon, iaitu Zon Utara di daerah Muar, Tangkak dan Segamat. Di Zon Tengah, daerah Batu Pahat, Kluang dan Mersing. Dan Zon Selatan, daerah Kulai, Pontian dan Johor Bahru serta Kota Tinggi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Program Pemberdayaan Wanita dan Golongan Sasar atau lebih dikenali PINTAR akan diteruskan insya-Allah pada tahun 2024. Dan mensasarkan seramai 1,000 orang pemanfaat, penerima manfaat yang terdiri daripada golongan ibu tunggal, golongan wanita B40, golongan OKU dan lain-lainnya.

Program ini akan diteruskan dalam kaedah pelaksanaan serta akan ditambah baik, insya-Allah dari masa ke semasa agar dapat melahirkan lebih ramai usahawan rintis bagi menjana ekonomi serta meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30% daripada pendapatan asal mereka. Dan secara tidak langsung sedikit sebanyak mereka juga dapat membantu dan menjana ekenomi negeri dan Malaysia. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Saya jemput, Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya nombor 11.

Apakah usaha kerajaan negeri membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam sektor pekerjaan supaya golongan tersebut boleh bekerja seperti orang biasa? Sejauh manakah keterlibatan golongan ini memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar?

**YB Speaker** : Dijemput, Kemelah.

**YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah)** : Selamat pagi, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Kemelah nombor 12. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya hanya benarkan jawapan dan tidak ada soalan tambahan. Sila.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :**  
Terima kasih Datuk Speaker. Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menjawab dua-dua soalan bersekali.

Soalan ditanyakan kepada saya adalah berkenaan membantu golongan Orang Kurang Upaya dalam sektor pekerjaan supaya golongan ini boleh bekerja seperti orang biasa dan sejauh manakah penglibatan golongan ini memenuhi pasaran kerja yang semakin mencabar dan seterusnya sejauh manakah taraf sendiri dan tahap Orang Kurang Upaya dalam menjadikan tahap pendidikan kemahiran sendiri untuk mereka terus bekerja dan peluang mereka, peluang menaikkan taraf golongan ini yang boleh bekerja supaya mereka mampu berdikari tanpa mengharap bantuan ihsan orang lain.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan dan mendayaupayakan golongan Orang Kurang Upaya. Golongan istimewa ini mempunyai hak dan peluang yang sama untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan industri. Bagi memastikan OKU mampu berdikari dan dapat bersaing dan kekal dalam alam pekerjaan, Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan JKM Johor melaksanakan Program *Job Coach* untuk membantu OKU mendapatkan pekerjaan dan pengekalan dalam pekerjaan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Program *Job Coach* YPKDT ini menggunakan Kaedah *Open Employment Model* yang diwujudkan oleh *United Nation Development Programme* (UNDP). Sehingga kini seramai 190 kumpulan istimewa ini mengikuti program di bawah Unit Pembangunan OKU YPKDT telah ditempatkan bekerja di sektor awam dan swasta dan masih bertahan hingga saat ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman juga sehingga kini seramai 12,350 Orang Kurang Upaya bekerja dengan jumlah pendapatan sebanyak RM1,500.00 dan menerima insentif elaun pekerja OKU JKM sebanyak RM500.00 sebulan. Tambahan JKM juga menyediakan pusat latihan bagi melatih OKU seperti Pusat Latihan Industri dan Pemulihan yang memberikan perkhidmatan kepada OKU seperti melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. Selain itu juga, Bengkel Terlindung telah ditubuhkan mengikut Kaedah-Kaedah Wokshop Terlindung 1979. Bengkel ini dikhususkan untuk OKU yang tidak berdaya saing untuk dapatkan pekerjaan di pasaran terbuka.

Datuk Speaker, dalam Belanjawan Johor 2024, melalui Teras Ketiga, Jaringan Keselamatan Sosial, Inisiatif 1: Johor Berkebakikan, Inisiatif 6: Pernerdayaan dan Kemandirian Orang Kurang Upaya dan Warga Emas. Kerajaan negeri melalui YPKDT terus mengambil peranan untuk memperkasakan golongan Orang Kurang Upaya ini dengan meneruskan tiga program utama iaitu Program Pernerdayaan dan Peningkatan OKU, Kemahiran dan Latihan Bantuan Kejurulatihan Pekerjaan Kebajikan, Kursus Intensif Bahasa Isyarat Malaysia dan Kursus Kemahiran dan Kerjaya OKU. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri juga sentiasa memberi galakan kepada pertubuhan bukan kerajaan yang sama-sama menawarkan perkhidmatan dalam menyediakan latihan dan peluang pekerjaan kepada kumpulan istimewa ini. Di antara pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan pekerjaan kepada OKU negeri Johor adalah Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia Cawangan Batu Pahat iaitu Bengkel Sampul Surat dan *Johor Area Rehabilitation Organisation* (JARO) yang ada di Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010, dasar yang memperuntukkan 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya. Dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan di kalangan rakyat Malaysia. Melalui dasar ini, OKU yang memiliki kelayakan akademi dan kemahiran sesuai dalam bidang tugas sesuatu jawatan akan dipertimbangkan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, seramai 58 orang

penjawat awam yang berkhidmat dalam Kerajaan Negeri Johor merupakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pelbagai kategori.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan dalam memperkasakan OKU di lapangan bagi tujuan menyokong aktiviti penempatan pekerjaan dan menjana pendapatan OKU di negara ini. Sesungguhnya Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan dan mendayaupayakan golongan OKU. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membangkitkan tentang *Standing Order*, selain daripada menyebut fasalnya maka perlu dibacakan butirannya kenapa *Standing Order* itu dibangkitkan. Jadi apabila Sri Medan bangkit tadi menyebut tentang Perkara 45 (9) ia adalah berkaitan tentang perbahasan, bukan cara-cara menyoal iaitu Perkara 26 sebab itu saya tidak benarkan ya. Lain kali sebut Fasal berapa dan butirannya jadi senang Speaker untuk membuat justifikasi untuk membenarkan *Standing Order* tersebut.

Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan yang tidak dijawab akan dijawab secara bertulis dan sidang ini saya tangguhkan sehingga jam 11.25 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.05 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.25 pagi.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari terakhir Ahli-Ahli Yang Berhormat berbahas atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024 Tahun 2023. Saya mohon kerjasama agar mematuhi masa yang telah diberikan. Esok kita akan mula mendengar jawapan penggulungan daripada pihak kerajaan atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Senai.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera, salam perpaduan, salam Maju Johor. Senai amat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk berbahas berkenaan Belanjawan Johor 2024 di Dewan yang mulia ini. Pertama kali Senai ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu. Patik turut merafak sembah serta merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim atas lantikan sebagai Pemangku Sultan dan memikul tanggungjawab jaga negeri dan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai ingin merakamkan ucapan tahniah atas usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi atas pembentangan Belanjawan Negeri Johor 2024 bertema, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", digubal dengan berpegang kepada 6 Teras Maju Johor dan didokong oleh 29 Strategi serta disokong ampuh oleh 99 Inisiatif. Senai amat bersetuju pembangunan ekonomi perlu menjadi fokus utama bagi kerajaan negeri dan kerajaan pusat setelah negara dilanda pandemik COVID-19 dan mengalami ketidakstabilan politik dalam tiga tahun ini. Justeru itu, Senai mengalu-alukan pengumuman Zon Ekonomi Johor – Singapura dan Zon Ekonomi

Khas. Dua projek utama ini akan menjadi pemangkin ekonomi kepada dua zon di bawah Iskandar Malaysia iaitu Zon A Pusat Bandar Johor Bahru dan Zon B Iskandar Puteri. Pada yang sama saya berharap selain daripada dua zon tersebut iaitu Zon E Skudai dan Senai dan Zon F Sedenak juga akan diberikan perhatian dari segi pembangunan infrastruktur seperti jalan akses, kelengkapan pengangkutan awam, kemudahan awam dan sebagainya. Seperti mana yang semua sedia maklum pembangunan infrastruktur memainkan peranan yang amat penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Walaupun daerah Kulai banyak menyumbang dalam sektor pengilangan dan perkhidmatan, kami tidak mendapat perhatian dan peruntukan pembangunan yang seimbang dalam pembentangan Belanjawan Johor 2024. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga Mac 2023, Johor telah menerima pelaburan pengilangan sebanyak RM1.8 bilion antaranya RM134.5 juta adalah dari daerah Kulai iaitu daerah ketiga tertinggi. Manakala bagi pelaburan sektor perkhidmatan negeri Johor sebanyak RM1.6 bilion dalam tempoh yang sama. Sebanyak RM3.2 juta adalah dari daerah Kulai juga daerah ketiga tertinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti contoh baru-baru ini Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) telah siap menjalankan projek pembesaran balai berlepas dan dijangka mampu meningkat kapasiti pengendalian dari, kepada 5 juta penumpang setahun dari 4 juta penumpang setahun sebelum ini. Oleh itu Senai berasa bersyukur dengan inisiatif yang diambil dijangka yang dijangka lebih ramai pelabur dan juga pelancong akan datang ke Johor melalui pintu masuk LTAS, akan tetapi apa yang merisaukan Senai adalah masalah kesesakan trafik di Jalan Seelong dan Jalan Lapangan Terbang Senai akan menjadi semakin kritikal memandangkan pembangunan Kawasan Perindustrian Senai dan *Senai Airport City* dan juga kawasan berhampiran yang semakin membangun secara pesat. Keadaan sekarang adalah pada waktu puncak beratus-ratus bas kilang, bas sekolah dan juga kenderaan persendirian akan sesak di jalan tersebut. Tambahan pula 5 juta penumpang pesawat terbang LTAS turun bergantung kepada laluan yang hanya ada untuk menuju ke destinasi masing-masing.

Jadi, Senai ingin bertanya apa status Laporan Kajian Impak Trafik (TIA) di Jalan Seelong dan Jalan Lapangan Terbang Senai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Sudah setahun Senai menunggu tetapi tiada sebarang kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan sejak Senai bangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia pada perbahasan pembentangan belanjawan tahun yang lepas. Senai ingin mengesyorkan satu jalan alternatif yang dapat menyuraikan kesesakan lalu lintas, Jalan Lapangan Terbang Senai dan sekeliling kawasan sekali gus merancakkan lagi sektor pengilangan dan perindustrian di Senai iaitu Jalan Chang Chun, Saleng yang menghubungkan Lebuhraya Putra Utama, Bandar Putra yang terletak di Kawasan Perindustrian Chang Chun. Kawasan Perindustrian Chang Chun berada di lokasi yang amat strategik iaitu sebelah Jalan Persekutuan FT001 dan sebelah landasan projek elektrik Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru dan juga atas ada jalan berpotensi untuk mengakses ke LTAS.

Namun amat dikesali kawasan perindustrian ini tidak disediakan jalan yang *proper*, dengan izin, dan juga parit dan juga lampu jalan ataupun fasiliti infrastruktur seperti pili Bomba secara terancang. Ini bukan sahaja tidak adil kepada para pengusaha yang telah membayar cukai harta dan cukai tanah atas kegunaan tanah sebagai industri tetapi juga membazirkan potensi-potensi yang ada pada kawasan ini. Tambahan lagi, para pengusaha kawasan perindustrian Chang Chun juga sedang menghadapi masalah untuk mengakses ke kilang mereka susulan kerja-kerja mendirikan pagar hampir siap dilaksanakan di sekeliling tapak Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru. Segala usaha pengilangan hanya bertapak bergantung kepada jalan akses di atas tanah persendirian yang mempunyai risiko tinggi jika pemilik tanah tidak membenarkan mereka terus mengguna jalan tersebut. Oleh demikian, saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan saya untuk mengkaji potensi-potensi kawasan perindustrian Chang Chun dan bersetuju untuk

melengkapkan fasiliti infrastruktur yang diperlukan pada masa yang sama, sediakan jalan alternatif ke Jalan Lapangan Terbang Senai juga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai menyambut baik kenyataan media daripada YB EXCO Kerja Raya Pengangkutan Dan Infrastruktur tentang kerajaan Johor akan mengadakan Mesyuarat Khas Transit Aliran Ringan iaitu LRT di bandar raya Johor Bahru. Dan kertas cadangan tersebut akan diserahkan kepada kerajaan persekutuan mengikut kajian awal, 3 jajaran LRT melibatkan laluan Skudai, Tebrau dan Iskandar Puteri akan dicadangkan dengan jarak sejauh kira-kira 30 km dan juga akan dipanjangkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Selain LRT, Senai berharap bahawa dalam jajaran projek Elektrik Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru juga dapat menambah stesen baharu di Senai di antara Stesen Kulai dan juga Stesen Kempas Baru. Senai difahamkan cadangan ini memang dalam perancangan tetapi jadual masa pelaksanaannya bergantung kepada keperluan. Dengan penambahan Stesen Senai sudah tentu ia sekali gus membantu melengkapkan sistem pengangkutan Senai dan memacu ekonomi tempatan dan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti tema Belanjawan Johor tahun ini, tahun 2024 “Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat”. Walaupun kita perlu bertungkus lumus untuk memacu pembangunan tetapi tujuan muktamad adalah memberi manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat. Oleh demikian, Senai ingin menitik beratkan tentang impak-impak negatif projek pembangunan terhadap sosial, ekonomi tempatan. Pertama, isu banjir berulang yang dipuncakan oleh projek pembangunan pada 11 November 2023 yang lepas, banjir berlumpur sekali lagi berlaku di Jalan Persekutuan berdekatan Kulai Besar. Air dari kolam takungan air di tapak pembinaan melimpah ke atas jalan raya yang mempunyai aliran trafik yang tinggi seterusnya memasuki rumah penduduk-penduduk. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB EXCO Dato’ Jafni yang telah turun padang dan membuat lawatan dan terus mengarah kerajaan Pihak Berkuasa Tempatan, PBT untuk memberi penyelesaian banjir. Walaupun beberapa inisiatif telah kemukakan oleh PBT, seperti meminta pemaju-pemaju berkaitan untuk memastikan sistem kawalan hakisan dan kelodak di tapak pembinaan dilaksanakan sebagaimana pelan kelulusan dan diselenggara mengikut jadual. Akan tetapi, kerugian harta benda, ancaman keselamatan dan kesulitan sudah wujud dan memberi kesan negatif yang besar kepada mangsa-mangsa banjir. Justeru itu, tindakan yang lebih proaktif perlu diambil dari segi perancangan sistem saliran, pemantauan projek-projek tapak pembinaan perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa secara lebih kerap jika mendapati pemaju-pemaju yang tidak mematuhi pelan kelulusan perparitan atau kolam takungan air tidak diselenggara, tindakan tegas seperti memberi notis berhenti kerja perlu diambil supaya penambahbaikan akan dilaksanakan dengan segera bagi memastikan kesilapan atau kecuaiian tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu banjir di Taman Aman Senai merupakan salah satu isu yang sememangnya Senai beri tumpuan sejak menjadi Wakil Rakyat. Pada tahun yang lepas, 2 kali berturut-turut taman ini dilanda banjir yang teruk. Senai ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri, Majlis Perbandaran Kulai, Jabatan Pengairan dan Saliran kerana telah berganding bahu melaksanakan kerja-kerja menaik taraf kolam takungan air dan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan juga ada kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan Sungai Skudai. Walau bagaimanapun, isu banjir di Taman Aman masih belum diselesaikan secara menyeluruh. Memasuki musim tengkujuh pada bulan ini, beberapa rumah di Jalan Bunga Dahlia 10, Taman Aman sudah tiga kali dinaik air dan memasuki rumah. Senai juga telah melawat kolam takungan yang siap dinaik taraf bersama dengan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kulai untuk melihat sendiri kekurangan pelan pengurusan banjir tersebut. Inisiatif perjumpaan dengan pemaju-pemaju projek perumahan baharu yang sebelah Taman Aman juga akan diambil oleh PBT seperti sebagai tindakan lanjut. Yang tidak dapat dinafikan, akibat perubahan iklim menjadi tidak menentu dengan musim tengkujuh dan kemarau. Cuaca yang semakin ekstrem menyebabkan banjir menjadi lebih serius dan di luar jangkaan. Namun, faktor aktiviti

pembangunan yang tidak terancang dan perlakuan tidak lestari juga menjadi punca bencana. Oleh demikian, Senai menyeru semua pihak mengutamakan kemampuan dahulu sebelum menjalankan sebarang pembangunan.

Kedua, impak-impak kebanjiran pekerja warga asing di Senai. Senai tertarik oleh inisiatif menyediakan tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan. Johor tidak boleh berterusan bergantung kepada pekerja asing jika mahu mencapai matlamat Revolusi Perindustrian Ke-4 atau Industri 4.0. Isu penempatan pekerja warga asing di taman perumahan sekitar Senai semakin tidak terkawal dan menimbulkan pelbagai masalah kebersihan, kacau ganggu dan kesesakan asrama khususnya, di Taman Scientex Jaya, Senai. Isu ini sudah berlarutan sekian lama dan setakat ini dianggarkan lebih 1,300 orang pekerja asing telah tinggal di Taman Scientex Senai membabitkan kira-kira 80 unit rumah. Kewujudan asrama-asrama ini telah memberi banyak implikasi negatif di dalam taman tersebut sekali gus menyebabkan kegusaran dan ketidakselesaan para penduduk kawasan berkenaan. Bayangkan warga Senai bersusah payah untuk merealisasikan impian mempunyai rumah sendiri. Akhirnya, menghadapi pelbagai masalah setiap hari berpunca oleh pengusaha kilang-kilang di sekitar Senai yang ingin penjimatan kos operasi dengan menghantar pekerja-pekerja asing mereka menginap di kawasan perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu warga asing yang berniaga di sekitar kawasan Senai sentiasa mendatangkan kecaman warga Kulai khususnya di media sosial. Mereka sanggup tidak mematuhi undang-undang negara kita dan berniaga sewenang-wenangnya sehingga mengganggu rentak peniaga-peniaga tempatan di kawasan tersebut. Senai memahami kekangan-kekangan PBT kerana kuasa diperuntukkan oleh Akta Kerajaan Tempatan adalah terhad. Oleh demikian, saya mencadangkan satu *task force* yang mengandungi Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan agensi berkaitan untuk menjalankan operasi bersepadu secara kerap supaya impak-impak kebanjiran pekerja warga asing di Senai dapat ditangani dengan lebih efisien dan telus.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim Kulai terletak di kawasan DUN Senai dan juga satu-satunya hospital kerajaan di daerah Kulai. Daerah Kulai ketiga tertinggi kepadatan penduduk iaitu seramai 330,000 penduduk pada tahun 2020.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) :** Ok. Dengan isu peningkatan kepadatan penduduk, permintaan perkhidmatan kesihatan yang tinggi sudah mendesak, Hospital Kulai memerlukan 3 buah ambulans secara mendesak. Oleh demikian, Senai menyeru kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan boleh bersama-sama menitik berat terhadap keperluan perubatan warga Senai dan Kulai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata di bawah semangat perpaduan, Senai percaya Johor akan terus dibangun dengan maju misalnya pada tahun ini banyak permohonan kerja pembaikan diluluskan dan juga Projek *Point Of Present* Johor merupakan negeri yang paling banyak mendapat manfaat. Ada projek-projek mega seperti Projek Pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2, Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat di Hospital Sultanah Aminah dan sebagainya juga telah diluluskan. Sebelum Senai mengakhiri ucapan perbahasan saya, Senai berharap rakan-rakan di Dewan ini, marilah kita berganding bahu dan mengenyahkan perbezaan untuk memastikan belanjawan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada seluruh Bangsa Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Tahniah Senai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran seramai 8 orang daripada Pejabat ADUN Maharani. Dijemput Yang Berhormat Kahang.

**YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu patik mewakili rakyat DUN Kahang merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan Selamat Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bersempena Hari Keputeraan Baginda pada 22 November yang lalu. Patik juga turut merafak sembah merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sempena pengisytiharaan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik dan seluruh rakyat Kahang juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan Johor.

Yang Berhormat Speaker, saya juga di kesempatan ini ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya membentangkan satu bajet yang cukup holistik, satu bajet yang kena dan tepat pada masa iaitu "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat".

Yang Berhormat Speaker, Johor diunjurkan akan terus menjadi antara pemacu ekonomi terbesar pada masa hadapan. Ini susulan potensi dan kedudukan strategik Johor di dalam di rantau ini. Belanjawan yang telah dibentangkan menjadi penyata merangkumi ciri-ciri utama dasar kewangan dan ekonomi negeri pada peringkat yang cukup penting dan kritikal ini, yang mewujudkan asas untuk mencapai pembangunan ekonomi dan sosial yang komprehensif. Berdasarkan isi strategik yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mempunyai pembaharuan ekonomi serta meneruskan pelaksanaan pembaharuan kewangan. Pembaharuan ini bertujuan untuk meningkatkan kadar pertumbuhan, meningkatkan kadar pekerjaan dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Tambahan pula melalui usaha ini, dapat mengembangkan dan mempelbagaikan pelbagai program pembangunan rakyat dan perlindungan sosial untuk rakyat terutamanya kumpulan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik serta program yang memberi manfaat kepada kelas pertengahan.

Ekonomi mampan mesti diurus dan dikawal dengan cara yang mencipta dan menjana sumber yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti sosial dan ekologi yang penting untuk mengekalkan ekonomi serta kualiti kehidupan manusia yang diinginkan. Pertumbuhan ekonomi mampan juga merujuk kepada aktiviti ekonomi yang meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang mampan juga merujuk kepada kadar pertumbuhan ekonomi yang dikekalkan tanpa menimbulkan masalah besar pada masa hadapan. Kita negeri Johor mesti mengekalkan dan terus mencari pelaburan dan pendapatan baharu untuk rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hari ini kalau kita lihat di rantau ini, negara-negara, banyak negara sebenarnya berlumba-lumba untuk menjadi *The Economic Powerhouse* antaranya China, India, Thailand dan Indonesia. Dan di rantau ini pula kalau kita lihat dalam konteks negara kita sendiri semua negeri di Malaysia ada perancangan untuk menjadi negeri maju dan juga kita menghadapi cabaran yang cukup besar dengan Singapura dan provinsi dan negeri-negeri di rantau Indonesia. Jadi kita perlu mewujudkan infrastruktur perniagaan yang baik dan menggalakkan globalisasi dan integrasi ekonomi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Johor perlu meningkatkan eksport dan mengakses pasaran baharu yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang-peluang yang baharu. Tetapi adakah kita kekurangan infrastruktur, teknologi dan sumber yang diperlukan,



untuk bersaing dalam pasaran global. Saya bersetuju bahawa RTS perlu disegerakan, LRT perlu disegerakan dan BRT perlu diperluaskan di negeri Johor ini. Jalanan jalan raya mesti ditambah, kualiti jalan mesti diperbaiki dan sistem tebatan banjir mesti diselesaikan dan dibuat kerana pada hari ini di negeri Johor ada kawasan bandar juga mengalami banjir kilat dan sebagainya. Pencapaian capaian Internet khususnya di kawasan-kawasan luar bandar masih tidak sempurna, infrastruktur dan prasarana perlu ditambah baik bukan sahaja di selatan negeri Johor, tetapi di keseluruhan negeri Johor. Barulah kita boleh menarik minat dan juga pelabur-pelabur khususnya pelabur-pelabur baharu untuk masuk ke negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada infrastruktur dan sebagainya, isu pembangunan modal insan merupakan perkara yang paling asas apabila pelabur-pelabur memasuki ke negeri kita, antara perkara yang mereka akan lihat *whether we have the talent* sama ada kita mempunyai pekerja-pekerja yang mahir. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Benut bahawa di negeri Johor banyak agensi yang terlibat dalam konteks pembangunan sumber manusia ini, kadang-kadang bercelaru. Sebab itulah dulu kita tubuhkan satu unit dipanggil Strategik Modal Insan, pada asalnya dipanggil Unit Strategik Modal Insan. Unit ini berdiri dibangunkan, ditubuhkan dengan menjadi *one stop centre* kepada negeri Johor dalam konteks pembangunan sumber manusia, dalam konteks mencari pekerja-pekerja mahir, supaya apabila pelabur-pelabur ingin ke Johor, mereka boleh merujuk kepada unit ini sama ada *we have* potensi pekerja-pekerja mahir di negeri Johor dalam industri-industri yang ingin dilabur oleh pelabur-pelabur yang besar ini. Sekiranya kita gagal untuk menyediakan pekerja-pekerja ini. Saya pernah berulang perkara yang sama di Dewan ini, sekiranya kita gagal maka akhirnya limpahan ekonomi akan terlepas daripada tangan orang Johor. Pelabur-pelabur tidak boleh menunggu masa yang lama, mereka memerlukan tenaga kerja, akhirnya mereka akan ke negeri-negeri lain membawa mereka masuk ke negeri Johor untuk bekerja dalam industri-industri mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebenarnya menjadi Johor Maju memang agenda kita, tetapi kita juga harus memberi fokus kepada Johor Berkemahiran. Kita kena pastikan bahawa orang Johor mempunyai kemahiran apabila menceritakan kemahiran bukan sahaja dalam konteks TVET, bukan sahaja dalam konteks teknikal, tetapi *soft skills* juga kemahiran dalam pelbagai bidang untuk memajukan kehidupan masing-masing. Barulah kita dipanggil sebagai sebuah negeri yang maju. Barulah kita mempunyai *The Talent Corp* yang dipanggil pembangunan modal insan. Jadi saya amat berharap pihak kerajaan negeri akan terus memperkasakan Unit Strategik Modal Insan ini. Unit Strategik Modal Insan ini bukan sahaja harus berperanan menjadi agensi yang membuat *job fair*, ataupun menjalankan program-program menjana pendapatan, tetapi menjadi *one stop centre* untuk negeri Johor di mana mereka harus mempunyai data dan segalanya berkaitan dengan pembangunan modal insan dan ini akan memudahkan para pelabur yang ingin masuk ke negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu dalam konteks isu tenaga mahir ini juga saya amat berharap bahawa pelbagai jenis program akan terus dijalankan, termasuk kepada anak-anak daripada kawasan FELDA, masyarakat Orang Asli, belia-belia India, di mana kerajaan negeri harus memberi fokus, memberi kursus-kursus kemahiran, kerajaan negeri boleh menaja program-program tersebut dari segi kos penginapan, makan, minum, serta yuran serta tajaan, ini perlu kita lakukan. Saya tak pasti sama ada kerajaan negeri ada program sebegini ataupun tidak? sekiranya tidak? Tolong memberi fokus kepada program-program seperti ini. Kerana program ini akan membantu golongan belia dalam mendalami bidang kemahiran dan teknikal sebagai persediaan untuk bekerja dalam bidang berkaitan di masa hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga, saya sekali lagi ya, saya pernah bangkitkan perkara ini di pelbagai peringkat, bahawa di negeri Johor pada hari ini perlu ada satu jabatan ataupun Unit Hal Ehwal Khas Masyarakat India dan di mana unit berperanan badan pemantau pelaksanaan dasar-dasar pembangunan berkaitan masyarakat India di

negeri Johor. Unit ini harus diletak di bawah Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Penubuhan unit ini Yang Berhormat Datuk Speaker, akan membantu kerajaan menyelaras dan menguruskan pembangunan sosioekonomi kaum India secara lebih bersasar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan sahaja tidak akan menyelesaikan isu kaum India di Johor, tetapi dasar yang inklusif dan realiti ekonomi semasa. Jadi saya amat berharap bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan memberi, akan meneliti cadangan saya ini dan juga saya meminta supaya *task force* masyarakat India yang pernah ditubuhkan dulu diaktifkan semula, kerana *task force* ini penting di mana ianya akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, dibantu EXCO dan ketua-ketua jabatan di mana *task force* berperanan untuk menyelesaikan isu-isu masyarakat India dalam konteks intervensi dan konteks *inclusiveness* akar umbi. Jadi saya harap perkara ini juga akan terus diberi penelitian oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat MB kerana memberi peruntukan bagi bantuan persekolahan, saya berharap agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga akan menyediakan bantuan bagi membaik pulih dan penyelenggaraan prasarana sekolah-sekolah Tamil di negeri Johor.

Dalam konteks pembangunan usahawan pula, saya juga berharap bahawa usahawan komuniti India dalam pelbagai sektor juga yang merupakan satu lagi aspek yang harus diberi oleh kerajaan negeri, difokus oleh kerajaan negeri. Dalam Bajet 2024, pelbagai inisiatif telah pun diberikan peruntukan oleh YAV Dato' MB. Antaranya ialah Jejak Usahawan Mikro, Generasi Usahawan Maju Johor, Program Latihan Keusahawanan, Program Pengukuhan Ekonomi dan taraf hidup, inisiatif bantuan berdikari dan sebagainya. Jadi saya berharap rakan YB EXCO Usahawan, tolong pastikan masyarakat India juga terlibat dalam semua inisiatif ini (Dewan bertepuk). Saya juga amat berharap bahawa pembangunan kontraktor-kontraktor kecil India juga akan terus diberi fokus dan dibantu oleh kerajaan negeri di mana pihak seperti JCCD harus terus membuat *engagement* dengan mereka dan juga mereka harus diberi penglibatan secara aktif dalam konteks pembangunan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan ekonomi adalah fenomena yang kompleks, dan pelbagai rupa yang mempunyai kesan yang meluas ke atas ekonomi global, politik, masyarakat dan alam sekitar. Jadi penggubal dasar dan pemimpin negeri mesti berusaha untuk memastikan bahawa perdagangan distrukturkan dengan cara menggalakkan pembangunan yang saksama dan mampan dan faedah ini dikongsi oleh semua ahli masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan saya ada beberapa isu yang ingin saya bawa antaranya ialah isu tapak perumahan generasi kedua FELDA, khususnya di kawasan FELDA Ulu Belitong dan juga di FELDA Ulu Pengeli. Saya harap pihak yang berwajib mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan isu yang tertangguh begitu lama.

Isu banjir di kawasan saya dalam sidang yang lepas, saya pernah bangkitkan juga mengenai isu banjir di kawasan saya khususnya di kawasan Kampung Melayu MARDI, di kawasan Kampung Sri Lukut, di kawasan Kampung Contoh, perkampungan Orang Asli dan sebagainya. Minta kerajaan negeri memberi fokus kalau boleh membuat kajian bagaimana fenomena banjir ini akan dapat diselesaikan. Saya tidak pasti sama ada tindakan ada diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan ataupun tidak. Tetapi kita hari ini sudah sampai ke hujung tahun. Selalunya hujung tahun musim banjir. Jadi saya berharap supaya isu banjir ini kerajaan harus memberi fokus kerana kita tidak boleh mengharap saban tahun penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat ini, duduk di kawasan PPS dan sebagainya seolah-olah tidak ada kehidupan Yang Berhormat Datuk Speaker.

Isu gajah di kawasan saya, Yang Berhormat Datuk Speaker kawasan saya seolah-olah jadi *safari park*. Banyak sangat video-video yang viral, mengenai gajah-gajah di kawasan

Kahang ini. Tetapi yang menyedihkan ialah apabila hasil tanaman pekebun-pekebun kecil ini rosak kerana gajah masuk ke kawasan mereka. Sekiranya mereka ada syarikat gergasi perladangan yang besar mungkin impaknya tidak begitu besar. Tetapi impak ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil ini terlalu drastik dan ini saban kali berlaku kerana hasil tanaman rosak. Mereka tanam belanja duit taruk modal, hasil tanaman rosak, jadi saya amat berharap bahawa kerajaan juga akan melihat sama ada bantuan boleh diberi kerana ia harus dianggap bencana Yang Berhormat Speaker. Serangan gajah ni bukan berlaku di semua kawasan, di setengah-setengah kawasan. Jadi ia harus dianggap sebagai bencana, pekebun-pekebun kecil yang terlibat, hasil tanaman rosak, harus diberi pembelaan oleh kerajaan (Dewan bertepuk). Kerajaan harus membantu mereka, sekiranya ada dana bencana yang telah pun disalurkan kepada Pejabat-pejabat Daerah dan juga disalurkan kepada Wakil-wakil Rakyat. Wakil Rakyat memang kita bantu, tetapi tak mencukupi. Kita perlukan satu dasar daripada kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil khususnya yang terlibat dalam serangan gajah ini, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Dalam sidang yang lepas juga saya membangkitkan baik pulih jeti di Kahang. Jeti Kahang ini penting kerana ialah menjadi *center* untuk pengagihan makanan dan minuman kepada perkampungan Orang-orang Asli di Kahang yang ada 9 perkampungan apabila berlakunya banjir. Di situlah agensi akan berkumpul dan mengagihkan makanan menerusi sampan, bot dan sebagainya, tetapi jeti itu pada musim banjir yang lepas tenggelam sepenuhnya dan dah rosak sepenuhnya. Jeti itu perlu diperbaiki, perlu dibaik pulih kegunaan masyarakat ketika bencana. Jadi saya harap, ini kali kedua saya bangkitkan, pihak berwajib tolong. Saya bukan minta bajet berjuta untuk memperbaiki jeti tersebut tetapi sekadar dapat memulihkan jeti dalam keadaan yang selesa dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga berharap supaya Jalan Persekutuan Kluang ke Mersing, kita selalu nampak jalan daripada Batu Pahat sampai ke Ayer Hitam ni dah beberapa kali dibaik pulih, dibuat dan sebagainya tetapi saya rasa Jalan Kluang – Mersing ini perlu diperluaskan, perlu diperbaiki kerana ia juga merupakan potensi untuk pembangunan ekonomi. Banyak kawasan Kluang, kawasan Mersing yang melalui Kahang ni merupakan kawasan potensi untuk pembangunan pertanian, hasil-hasil pertanian dibawa masuk dan sebagainya. Saya berharap supaya Jalan Kluang – Mersing ini dinaik taraf.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang berkali-kali telah saya bawa. Saya percaya rakan YB EXCO yang menjaga luar bandar telah pun sedia maklum bahawa Projek Bekalan Air Bersih di Kampung Orang Asli Sedohok masih belum lagi diselesaikan ataupun tidak dapat diselesaikan saya pun tak faham. Saya risau bajet yang diperuntukkan itu akhirnya tak mencukupi dengan alasan kos projek itu telah pun meningkat dan sekali lagi kita kena tunggu pulak untuk bajet yang baharu, nak tunggu baharu entah berapa lama ia akan ambil. Jadi, saya berharap projek ini akan, dah memang patut dan perlu disegerakan. Jadi saya harap rakan YB EXCO yang menjaga luar bandar tolonglah, ya tolong bantu kita, kalau perlu ke federal kita pergilah ke federal jumpa dengan Menteri dan sebagainya untuk penyelesaian kepada isu ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan masjid baharu di Kampung Contoh Kahang juga memerlukan perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana difahamkan kita masih lagi memerlukan dana. Permohonan telah pun dimajukan kepada YAB Dato' MB. Saya harap pembangunan, peruntukan pembangunan masjid baharu di Kampung Contoh Kahang ini juga akan diberi perhatian pada kadar yang segera.

Yang Berhormat Datuk Speaker...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, satu minit lagi.

**YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya berharap bahawa isu-isu yang kita bangkitkan ini akan diberi perhatian. Kadang-kadang memang betul ada perkara yang kita bangkitkan tak dijawab pun oleh rakan-rakan YB EXCO. Mungkin mereka memilih untuk tidak menjawab, tetapi apa yang dibangkitkan ialah suara rakyat akar umbi. Kita bukan datang berseronok di Dewan ini sekadar nak menunjukkan kehebatan kita membuat ucapan atau *ordinary script* tetapi yang dibangkitkan dalam sidang ini ialah isu akar umbi, isu rakyat yang perlu diselesaikan dan saya harap kalau rakan-rakan YB EXCO tak nak jawab tak apa, pastikan ada penyelesaian kepada isu-isu dibangkitkan. (Dewan bertepuk).

Kadang-kadang berkali-kali setiap sidang kita kena bawak balik isu yang sama. Ataupun, tunjukkan jalan bagaimana nak kita selesaikan dan sebagainya. Saya berharap agar isu tidak mencukupi bajet, tak cukup bajet tahun depan ini janganlah kita gunakan ya. Kita bukan untuk kepentingan diri kita, kepentingan rakyat. Ini untuk pembangunan Johor Maju yang menyeluruh. Kalau nak tengok Johor ni menjadi Johor Maju seperti yang diimpikan oleh YAB Dato' MB, pembangunan Johor mestilah daripada Johor sampai ke Segamat, utara Johor bukan sahaja di selatan negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang telah pun diberikan dan saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan akan terus diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih Kahang. Saya jemput Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor, salam Tiram di hati. Terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada Tiram pada hari ini untuk turut sama dalam sesi perbahasan Belanjawan 2024.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu patik mengambil kesempatan merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor sempena sambutan hari ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Patik juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pemilihan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang telah diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Marilah kita bersama berdoa agar Piala Malaysia juga akan menjadi milik JDT pada Jumaat minggu hadapan, 8 Disember 2023. Tiram juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Datuk Seri Mulia Sultan Ibrahim yang membawa gelaran Dato'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan YB EXCO serta pasukan yang telah mengumumkan Belanjawan 2024 dengan tema, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat" yang dirangkumkan melalui 6 Teras, 29 Strategi dan 99 Inisiatif untuk dilaksanakan pada tahun 2024. Kalau kelmarin Yang Berhormat Sri Medan dengan '4M'nya, memahami, merasai, menjiwai, melaksana denyut nadi rakyat, perbahasan saya kali ini bertemakan 1M,

“Memimpin Pendapat Rakyat”, atau *Leading People’s Opinion*, dengan izin. Saya mungkin tidak dapat menyentuh kesemua 6 Teras yang dibentang dalam Belanjawan 2024, hanya menyentuh beberapa inisiatif di bawah beberapa teras yang saya boleh kaitkan dengan isu-isu rakyat yang ada dalam DUN Tiram selaras dengan tema, “Memimpin Pendapat Rakyat”.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta dalam Inisiatif Jualan Kasih Johor. Saya yakin inisiatif ini akan menjadi satu program yang dinantikan oleh Bangsa Johor sebagaimana Program Jualan Rahmah yang telah pun dijalankan. Tiram sendiri telah beberapa kali menganjurkan Program Jualan Rahmah di kawasan dengan kerjasama pihak KPTM dengan JKPZ serta kepimpinan setempat termasuklah dua program yang terakhir yang akan dijalankan pada 3 dan 10 Disember ini, insya-Allah.

Saya mencadangkan agar program ini dibuat tempat yang selesa seperti di dalam dewan ataupun kawasan berbumbung bagi memberi keselesaan kepada pengunjung di saat waktu panas mahupun hujan. Dalam hal ini, besar harapan saya agar pihak PBT dapat memberi kebenaran menggunakan Dewan-dewan Muafakat dalam kawasan pentadbiran PBT. Tetapi saya mengharapkan tiada caj penggunaan dikenakan kepada penganjur dalam menggunakan dewan-dewan tersebut. Insya-Allah kita gunalah konsep dari rakyat kepada rakyat. Dan saya tahu ianya mungkin akan tertakluk kepada kekosongan dewan tersebut. Maklumlah Program Jualan Rahmah, Jualan Kasih Johor ini mungkin akan diadakan pada hujung minggu yang mungkin bertembung dengan sewaan majlis perkahwinan dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita pernah dengar dengan istilah, “*Belt and Road Initiatives*” (BNR) dengan izin, kalau di negara China dikenali sebagai *One Belt One Road* atau dalam Bahasa Mandarinnya, *Yīdài yīlù*, dengan izin yang merupakan strategi yang menghubungkan satu kawasan perdagangan dengan kawasan yang lain, yang menghubungkan negara China dengan negara lain mahupun wilayah yang lain. Ini menunjukkan hubungan jalan raya atau, merupakan jalan perhubungan yang penting dalam membangunkan ekonomi sesuatu kawasan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kawasan saya ada satu jalan pintas yang menghubungkan antara kawasan Pasir Gudang dan pekan Tiram seterusnya akan membawa ke jalan menghala ke Kota Tinggi, Johor Bahru, Kulai, Mersing dan ke utara melalui Loji Sultan Iskandar di Kampung Cahaya Baru. Yang Berhormat Datuk Speaker, panjangnya lebih kurang 5 kilometer. Namun, jalan ini bukan jalan yang digazetkan, bukan jalan kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri jadi Tiram mencadangkan agar ada usaha untuk mengazetkan jalan tersebut supaya penyelenggaraan jalan pintas ini dapat di selenggara secara berkala kerana ianya menjadi laluan alternatif kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembinaan Jambatan Kampung Perigi Aceh telah mengambil masa yang agak panjang akibat pelbagai faktor antaranya COVID dan yang terkini jambatan utiliti di sebelahnya senget akibat faktor semula jadi yang di luar kawalan kita. Penduduk juga sudah maklum pembinaan ini akan dilanjutkan lagi tempohnya sebelum ianya benar-benar boleh digunakan oleh penduduk kampung. Pendek kata mereka dah kurang bertanya, ‘bila boleh siap jambatan ini YB?’ Namun begitu, ada pertanyaan yang masih, yang masih lagi berlegar di kalangan penduduk iaitu perkara yang besar yang menjadi harapan penduduk agar kerajaan negeri dapat membantu mengatasi masalah ini iaitu masalah kerosakan jalan yang kritikal dan teruk. Pihak JKR ada memaklumkan skop kerja pembaikan jalan tersebut ada tetapi ianya akan dilaksanakan setelah Jambatan Kampung Perigi Aceh tersebut siap dan ianya tidaklah meliputi sepanjang jalan masuk ke kampung hingga ke dalam kampung. Ianya hanya sebahagian sahaja yang di bawah penyelenggaraan pihak JKR. Jadi, Tiram mohon pihak kerajaan membantu penduduk di Kampung Perigi Aceh ini dengan menggunakan pendekatan yang lebih sesuai kerana

pembinaan jambatan ini masih lagi dalam proses pembinaan yang akan mengambil masa dan dalam masa yang sama pada masa akan datang juga akan diadakan kerja-kerja pembinaan Sekolah Kebangsaan Perigi Aceh manakala di kiri kanan jalan ke Kampung Perigi Aceh ini merupakan hutan paya bakau. Saya yakin kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor akan membantu penduduk Kampung Perigi Aceh mengatasi masalah ini.

Untuk makluman sidang Dewan, buat masa ini pelajar juga berulang alik ke Kampung Tanjung Langsung bagi mengikuti pendidikan kebangsaan dan sekolah agama akibat Sekolah Kebangsaan Perigi Aceh tidak selamat digunakan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat kepada Menteri Besar Johor kerana telah meluluskan peruntukan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan ulang alik para pelajar ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Langsung yang mana peruntukan tersebut telah pun disalurkan kepada pihak PPD Pasir Gudang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan DUN Tiram ini ada dua buah kampung yang masih belum sempurna infrastruktur jalannya iaitu di Kampung Bukit Dagang dan Kampung Seri Perdana. Kedua-duanya terletak dalam Mukim Sungai Tiram. Tidak sempurna itu, saya merujuk kepada adanya rizab jalan tetapi jalannya belum ada. Sebahagiannya masih lagi hutan belukar dan bergaung. Ada penduduk yang perlu melalui tanah orang lain untuk membina rumah mereka, kalaulah esok lusa pemilik tanah tersebut pula berhasrat untuk membina rumah maka mereka yang telah membina rumah lebih awal tiada akses ke jalan utama akibat rizab jalan yang sepatutnya telah dibina jalan tapi masih belum ada jalannya. Di kampung-kampung ini terutama Kampung Seri Perdana juga belum ada lampu jalan Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi saya mohon kepada pihak berkaitan untuk turut melihat kekangan yang dihadapi oleh penduduk di kedua-dua kampung ini.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024, sebanyak RM635 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan negeri, jalan PBT, jalan kampung dan jalan pertanian. Saya mengharapkan agar permohonan-permohonan yang dibuat sejak saya dipilih selaku ADUN Tiram ini dapat diberi perhatian sewajarnya. Antaranya jajaran Jalan Mesra, Kampung Pasir Putih, Jalan Pertanian, Kampung Desa Sayang, jalan-jalan di Kampung Sungai Tiram, Jalan Kampung Sungai Latoh dari Kong-Kong Laut dan jalan-jalan yang lain yang pernah dibuat permohonan sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram pernah membawa perkara ini dalam Persidangan yang lepas iaitu isu Persimpangan Bertingkat di Plaza Tol Cahaya Baru dari arah Cahaya Baru – Layangkasa menghala ke Kawasan Perindustrian Tanjung Langsung yang masih belum dibuka lagi kepada orang awam. Perkara ini juga telah dibangkitkan beberapa kali dalam apa jua saluran yang boleh saya bangkitkan termasuklah Mesyuarat Tindakan Daerah. Penekanan kepada pembukaan jalan ini dibuat kerana apabila ianya telah boleh dibuka, ianya mampu mengatasi masalah kesesakan yang berlaku dalam kawasan saya khususnya di Taman Kota Masai, Taman Pasir Putih, Taman Cahaya Masai termasuk juga kawasan-kawasan di dalam DUN Permas, Taman Scientex dan sebagainya. Kesesakan kritikal ini cukup, berlaku khususnya sewaktu waktu puncak pada hari bekerja mahupun pada hujung minggu. Jadi, dengan itu saya mohon campur tangan pihak kerajaan negeri dalam mengatasi masalah ini supaya kemudahan yang telah siap ini dapat digunakan oleh Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Strategi Ketiga dalam Teras Ketiga, hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti kesihatan Bangsa Johor dengan pelbagai inisiatif. Saya nak minta perhatian daripada Yang Berhormat EXCO Kesihatan. Baru-baru ini saya ada melawat, membuat lawatan kerja ke 3 buah klinik, klinik kesihatan dan juga klinik desa iaitu Klinik Kesihatan Cahaya Baru, Klinik Desa Kampung Pasir Putih dan Klinik Desa Sungai Tiram. Klinik Kesihatan Cahaya Baharu asalnya merupakan klinik desa yang telah dinaik taraf

kepada klinik kesihatan. Walau bagaimanapun, hasil lawatan kerja tersebut saya dapati klinik ini kemudahannya masih lagi tidak sempurna. Bangunannya uzur, tempat menunggu menjadi laluan pesakit menerima rawatan, menjadi laluan ke tandas, menjadi laluan ke farmasi malahan peralatan kesihatan seperti tempat penyimpanan ubat juga diletakkan di kawasan laluan pesakit. Klinik Kesihatan Cahaya Baru ini mempunyai ruang tanah yang pada hemat saya, boleh dibina bangunan tambahan supaya ianya lebih sesuai dan selesa kepada mereka yang menerima rawatan selaku statusnya sebagai sebuah klinik kesihatan. Begitu dengan Klinik Desa Kampung Pasir Putih, bangunan asal bangunan kayu yang ada yang saya pernah terima rawatan semasa saya kecil masih lagi digunakan, walaupun sebahagian lantainya telah ditanda atau diletak penanda untuk pengunjung berhati-berhati untuk mengelakkan ianya terpijak dikhuatiri bobos pulak lantainya, kalau dipijak. Klinik Desa Kampung Pasir Putih ini juga menerima bilangan penerima rawatan yang cukup tinggi. Ianya meliputi kawasan sehingga ke Taman Pasir Putih termasuklah taman-taman perumahan yang baharu yang telah dibuka. Klinik ini juga mempunyai ruang tanah yang boleh dibangunkan dan diperbesarkan lagi bangunan klinik desa sedia ada. Sementara itu, Klinik Desa Sungai Tiram juga memerlukan pembaikan ruang di dalam klinik yang tidak boleh digunakan untuk diperbaiki supaya ianya dapat terus digunakan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor kesihatan ini juga merupakan sektor yang kritikal dari segi jumlah staf dan anggotanya. Moga dapat kiranya ditambah jumlah staf supaya perkhidmatan yang lebih baik dapat diberikan kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah kepada kerajaan yang telah mengumumkan tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor. Sejumlah RM67.6 juta diumumkan dalam Inisiatif Pertama, Strategi Ketiga, Teras Kedua Pembangunan Ekonomi. Tersenyum lebar Kota Iskandar bila turut menerima limpahan belanjawan pembangunan semula Kampung Sungai Melayu, tahniah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam DUN Tiram ada juga ada kampung-kampung yang berpotensi sebagai kawasan ekopelancongan. Antaranya kampung Kong Kong Laut yang telah diumumkan sebagai kawasan ekopelancongan oleh Mantan Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Saya pernah mencadangkan perkara ini tetapi nampaknya masih belum menampakkan bunga-bunga untuk dibangunkan atau ditambah baik kawasan ini sebagai kawasan ekopelancongan. Kampung Pasir Putih juga merupakan kawasan ternakan kupang yang boleh dipelopori sebagai kawasan berpotensi selaku kawasan ekopelancongan yang akan menaikkan ekonomi di kawasan setempat dan sekitar. Saya menjemput Yang Berhormat EXCO untuk turun ke kedua-dua kampung ini, kita pekena asam pedas dan juga kupang rebus. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan jawapan lisan Yang Berhormat EXCO Agama semasa sesi Soalan Lisan pada hari Ahad lepas, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan sebagaimana saranan daripada Yang Berhormat Senggarang tentang graduan Diploma Pendidikan Islam oleh Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim yang boleh menampung kekurangan guru-guru Sekolah Agama Johor. Apa yang saya pernah dimaklumkan, modul Diploma Pendidikan Islam MARSAN ataupun KUIJSI ini memang modul yang direka khas untuk melahirkan guru-guru Sekolah Agama Johor. Mengikut statistik Diploma Pendidikan Islam KUIJSI pada tahun 2021, seramai 259 orang yang telah bergraduasi pada tahun 2022, manakala calon pelajar pada tahun 2022 dan 2023 adalah seramai 201 orang. Inilah potensi calon-calon untuk kita isi kekurangan, kekosongan guru-guru sekolah agama.

Yang Berhormat EXCO ada mengatakan ramai calon yang gagal temuduga dan calon-calon tersebut mungkin datang dari pelbagai IPTA mahupun IPTS. Sehubungan dengan itu, saya mengharapkan pihak KUIJSI perlu tegas dalam pemilihan calon-calon pelajar Diploma

Pendidikan Islam ini bagi mengelakkan mereka sangkut ataupun tak lepas di peringkat temuduga. Biarlah mereka menamatkan pelajaran dengan standard yang diperlukan oleh pihak Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor dan juga pihak SPAJ. Kualiti perlu menjadi keutamaan dari sekadar mempunyai jumlah pelajar yang tinggi mendaftar.

Selain itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mendapat maklumat masih ada agensi-agensi kerajaan yang mempunyai masalah kekurangan staf dan anggota. Dalam Persidangan sebelum ini saya bangkitkan kekurangan staf di Jabatan Kebajikan Masyarakat, kali ini saya nak sentuh perjawatan di Jabatan Perpaduan Daerah Johor Bahru yang masih banyak belum diisi. Setakat ini dalam makluman saya hanya 5 orang yang boleh bertugas termasuk staf sokongan pentadbiran yang perlu menjaga 5 kawasan Parlimen, 10 kawasan DUN, yang mengawal selia 258 KRT termasuk 10 KRT yang baharu serta 48 buah tabika perpaduan. Walaupun perjawatan ini di bawah kerajaan pusat, saya memohon kerajaan negeri untuk membantu menyalurkan masalah kekurangan anggota di agensi-agensi ini kerana mereka ini jugalah yang akan membantu kerajaan negeri dalam menyalurkan apa jua dasar kerajaan negeri, menganjurkan aktiviti pada Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam Yang Berhormat Pulau Sebatang ada mengusulkan cadangan agar kami ADUN-ADUN juga diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus tertentu. Kursus-kursus jangka pendek dan mungkin kursus-kursus profesional sebagaimana yang dimaklum kerana kami ini adalah barisan hadapan yang menjadi rujukan kepada masyarakat, kepada rakyat dalam apa jua aduan yang disalurkan untuk kita selesaikan. Saya mohon menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Pulau Sebatang.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan, dalam kawasan DUN Tiram ini terdapat 3 kampung Orang Asli. Kampung Orang Asli Pasir Puteh, Kampung Orang Asli Teluk Kabong dan juga Kampung Orang Asli Pasir Salam. Di negara kita yang pelbagai bangsa dan kaum ini, ada Melayu, Cina dan juga lain-lain etnik yang mempunyai kepelbagaian adat resam, budaya dan sebagainya. Saya mohon kepada pihak Yang Berhormat EXCO untuk memikirkan cara dan bagaimana untuk kita mengetengahkan semula budaya sama ada seperti adat resam, pakaian ataupun makanan masyarakat Orang Asli ini supaya ianya tidak terus dilupakan oleh generasi masyarakat Orang Asli akibat daripada peredaran zaman yang berlaku pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya punya masa lebih kurang 2 minit, tak banyak lagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan Johor yang mahu menjadikan Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2030. Perkara-perkara asas seperti masalah kerosakan jalan raya, masalah bekalan air, masalah perumahan perlu kita tangani. Tiada guna jika kita mahukan sebuah negeri yang maju tetapi perkara-perkara asas seperti ini masih belum dapat diatasi, masih berlaku dan sebagainya. Justeru, untuk mengatasinya kerjasama semua, keprihatinan semua, keberadaan bersama semua agensi-agensi amat diharapkan. Selaku pemegang taruh, kita semua bertanggungjawab dengan segala aduan dan rungutan daripada rakyat. Bergeraklah kita secara seiring. Terima kasih di atas kerjasama respons yang diberikan selama ini oleh agensi dan semoga kerjasama antara ADUN dan agensi-agensi dapat diteruskan lagi pada masa akan datang. Semoga apa yang saya sampaikan atas tema, "Memimpin Pendapat Rakyat" ini mendapat perhatian sebaiknya daripada pihak kerajaan. Sebelum tahun 2023 melabuh tirainya dalam tempoh lebih kurang sebulan lagi, mari kita terus mendoakan agar saudara kita di Palestin terus berada dalam perlindungan Allah SWT. Moga Allah juga melindungi kita semua dalam menghadapi Monsun Timur Laut yang telah tiba yang dijangka berakhir sekitar Mac atau April 2024.

Sebelum mengakhiri ucapan sekali lagi patik dan seluruh Bangsa Johor khususnya dalam DUN Tiram merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang



Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Keluarga Diraja yang tidak pernah lekang dari turut membantu Bangsa Johor yang memerlukan bantuan melalui Yayasan-yayasan Keluarga Diraja. Allah peliharakan Sultan, Daulat Tuanku. Anak itik Tok Wi mandi dalam kolam, dalam kolam itu juga Tok Wi mandi, terima kasih akhiru kalam, jumpa lagi jagalah diri. Sekian, Tiram mohon menyokong. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Terima kasih Tiram. Sekarang dijemput Mengkibol.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam madani dan salam Maju Johor kepada semua Ahli-Ahli Dewan. Mengkibol amat berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk membawa isu rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Mengkibol ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Keputeraan Duli Yang Maha Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 22 November yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama, Belanjawan Negeri Johor, jumlah bajet ialah RM1.8 bilion, Bajet Peruntukan Pembangunan untuk tahun 2024 adalah RM650 juta atau 36.11% daripada jumlah bajet. Walaupun ia lebih tinggi sedikit daripada RM600 juta pada tahun 2023 tetapi ia masih pengurangan 25.3% berbanding dengan RM870 juta pada tahun 2022. Berbanding dengan Bajet Negeri Selangor 2024 yang baharu dibentang baru-baru ini dengan jumlah bajet RM2.53 bilion. Peratusan perbelanjaan pembangunan Selangor sebanyak 47.4% hampir capai *target* mereka pada 50%. Peratusan Bajet Pembangunan yang rendah mungkin membawa kesan kepada jangka Panjang. Semasa Belanjawan 2022 dan 2023, Mengkibol juga pernah mencadangkan agar peratusan Bajet Pembangunan harus semakin meningkat, demi memberikan kesan positif jangka panjang dan mempercepatkan pembangunan ekonomi negeri Johor secara keseluruhan. Bajet Peruntukan Pembangunan Negeri Johor sebelum ini adalah seperti berikut; tahun 2018 RM615 juta, 2019 RM613 juta, tahun 2020 RM 780 juta, tahun 2021 RM850 juta dan 2022 RM870 juta. Selain itu apabila meneliti rumusan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2022 muka surat 70, Mengkibol mendapati menurut laporan dalam bentuk simpanan tetap menurun sebanyak RM620 juta atau 40.9% daripada RM1.514 bilion pada tahun 2021. Pengurangan besar ini menimbulkan persoalan, pihak kerajaan negeri mungkin boleh memberi jawapan apakah penggunaan simpanan tetap yang begitu besar.

Kedua, *Johor – Singapura Special Economic Zone, (JS-SEZ)* dan *Special Financial Zone, (SFZ)*. Yang Berhormat Datuk Speaker, Mengkibol menyokong ucapan YAB Menteri Besar mengenai kepentingan JS-SEZ dan SFZ sebagai pemangkin ekonomi negeri Johor. Untuk menyambut baik usaha ini, JS-SEZ perlu dilaksanakan dengan jayanya melalui teras strategik yang tepat pada titik sejarah ini. Inisiatif JS-SEZ perlu memberi fokus kepada perindustrian teknologi hijau dan *decarbonization* sebagai enjin tumbuhan ekonomi baharu yang boleh memacu Johor ke era ekonomi baharu. Pelan Pembangunan Mampan Johor, (PPMJ 2030) Mengkibol berharap agar kerajaan dapat meluaskan manfaat inisiatif kepada daerah-daerah supaya pembangunan yang seimbang dinikmati di seluruh negeri Johor. Johor adalah satu-satunya negeri yang mempunyai pantai timur dan pantai barat di Semenanjung. Johor Tengah yang meliputi daerah Kluang merupakan penghubung kerana terletak di tengah-tengah negeri Johor yang menjadi lokasi strategik dan mempunyai potensi yang sangat besar. Bandar-bandar dan pekan-pekan sekitar harus berkolaborasi agar berupaya menerima limpahan ekonomi daripada JS-SEZ. Oleh itu, peruntukan yang mencukupi perlu diberikan bagi melaksanakan pembangunan yang mampan di Johor Tengah. Mengkibol juga sokong terhadap saranan Yang Berhormat Benut supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat Ekonomi yang akan memberi nasihat dan pandangan dan memupuk semangat Johor ini bukannya negeri yang biasa-biasa. *It is not a mediocre state.*

Yang ketiga, Johor peneraju aspek ESG. Mengkibol juga bersetuju dengan YB Permas bahawa perlu mengukuhkan kerangka atau *framework* ESG di dalam perancangan dan pelaksanaan setiap dasar-dasar yang dibuat Mengkibol menonton *BBC News* pagi ini mengenai *sustainable aviation*, penerbangan Trans Atlantic yang pertama di sejarah, dari London Heathrow Airport ke New York JFK dengan bahan bakar hijau, *green fuel* dan juga mengenai perkembangan *European Hydrogen Backbone*. Selaras dengan *National Energy Transition Roadmap* (NETR) yang diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi pada Julai 2023 juga menyarankan penggunaan *energy* hijau iaitu *green methanol* di dalam industri perkapalan. Kerjasama antara Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dengan Maersk iaitu Syarikat Perkapalan terbesar di dunia mampu menjayakan inisiatif ini. PTP yang volume sekarang hanya 30% daripada *Singapore* boleh menjadi pelabuhan yang lebih berdaya saing berbanding dengan *Singapore*.

Mengkibol ingin berkongsi pengalaman dalam lawatan ke Shanghai Maritime University yang berhampiran, Yang Shan Port, Shanghai pelabuhan terbesar di dunia. Zon ini telah berusaha dalam penggunaan *green methanol* untuk perkapalan. Zon ini juga maju dengan industri *energy hydrogen* dan basikal berkuasa hidrogen boleh nampak di merata tempat.

Di Kuching, Sarawak telah kita guna *smart tram* tanpa rel kuasa *energy hydrogen* pertama di dunia yang dibuat oleh China menggunakan *smart track* yang dilukis di permukaan jalan raya tanpa rel besi. Mengkibol berharap agar kerajaan negeri dapat mengkaji dan melaksanakan dasar-dasar penggunaan sumber kuasa baru yang menuju ke arah *decarbonization*.

Usaha mengurangkan kenderaan di atas jalan raya perlu menjadi salah satu sasaran jangka panjang. Jumlah warga Malaysia yang berulang alik bekerja di *Singapore* adalah kira-kira 250,000. Setiap hari ribuan warga Johor ulang-alik ke *Singapore* dengan motosikal. Kerajaan pusat telah memberikan rebate sebanyak RM2,400.00 kepada mereka yang berpendapatan di bawah RM120,000.00 setahun untuk pembelian *e-Bike*. Sekiranya lebih ramai menggunakan *e-Bike* impak yang besar telah mencapai *target decarbonisation* dan *net zero transformation*. Setakat ini masih tidak ramai pengguna kenderaan EV tetapi Johor mampu menjadi peneraju kepada sektor tenaga boleh diperbaharui, dengan izin, *renewable energy* (RE) demi untuk menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keempat cadangan penyelesaian isu Kluang. Isu penstrukturan semula Kampung Gunung Lambak yang berpuluh tahun masih belum diselesaikan dan belum ada tindakan yang diambil. Mengkibol selalu memohon isu ini dapat diselesaikan termasuklah dalam pertemuan dengan YAB MB pada bulan Oktober. Isu ini pernah dirujuk dan saranan daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, PlanMalaysia adalah mengadakan PTK iaitu Pelan Tindakan Khas. PTK yang diusulkan melibatkan usaha sama Pihak Berkuasa Tempatan, MPK, Pejabat Tanah, PlanMalaysia Negeri Johor dan Pejabat Menteri Besar bagi menyelaras proses pengurusan kemajuan termasuk serah balik kurnia semula (SBKS). Mengkibol berharap pada tahun 2024 PTK akan dapat ditubuhkan untuk menyelesaikan isu ini. Sebuah Task Force perlu ditubuhkan mungkin dengan arahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, PTK akan dapat ditubuhkan pada kadar segera.

Mengkibol ingin mengucapkan tahniah kepada warga Machap kerana projek CSR Plus Malaysia yang telah membaiki dan menaik taraf laluan pintas di bawah lebuh raya *Vehicular Box Culvert* (VBC) di Machap baru-baru ini. Ia menghubungkan tujuh kampung lain dengan sekolah dan 2,000 penduduk antara semua. Ini membuktikan kerjasama antara semua pihak serta kerajaan dapat merealisasikan yang berkesan dan membawa manfaat kepada penduduk. Pada masa yang sama Mengkibol juga ingin menyatakan rasa dukacita, kecewa kerana projek jalan sambung 500 meter VBC Jalan Mengkibol belum dapat dilaksanakan. VBC yang bernilai RM2 juta telah dibina oleh YTL secara CSR pada tahun 2020. Terdapat juga lebih daripada 2,000 penduduk telah tandatangan petisyen penduduk sekitar untuk

pembinaan jalan sambung ini dan ia mampu menyelesaikan kesesakan semakin serius mengikut JKR, *Level of Service* (LOF E) semasa waktu kemuncak. Ini bertentangan dengan tema bajet masa ini Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat. Mengkibol berharap agar ia masih dalam perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kesesakan lalu lintas merupakan salah satu isu yang dihadapi oleh warga Kluang. Oleh itu, Mengkibol mencadangkan agar kajian trafik yang menyeluruh dijalankan untuk mendapatkan *Traffic Model*, satu *mathematical model of real world traffic* dan penyelesaiannya.

Keenam mengiktiraf peranan ADUN Pengimbang. Komunikasi adalah sangat penting. Pertemuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan para ADUN PH pada 27 Oktober merupakan satu perbincangan yang sangat konstruktif. Mengkibol ingin mencadangkan agar pertemuan berkala ADUN Pakatan Harapan pengimbang dengan Menteri Besar dilakukan tiap 3 bulan sebelum Sidang Dewan Negeri. ADUN pengimbang perlu diberikan ruang yang lebih luas. Semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor menitahkan supaya Wakil Rakyat Pembangkang di Johor digelar sebagai pengimbang. Tuanku bertitah, peranan mereka juga besar sebagai pengimbang dan pemeriksa terhadap tindakan kerajaan negeri dan semua pihak bekerjasama demi untuk rakyat dan Johor. Semua pihak bekerjasama demi rakyat dan negeri Johor.

Pengimbang ada berkolaborasi dengan *National University of Singapore* di bawah tajuk *liveable city*, bandar bahagia, lawatan kajian pelajar antarabangsa program saujana seramai lebih kurang 50 orang pelajar dari pelbagai negara juga mendapat kelulusan Tan Sri SS supaya menerima taklimat agensi kerajaan. Sebuah buku *liveable city, liveable Kluang* pun telah diterbitkan bersama Pejabat ADUN Mengkibol dan *National University of Singapore*.

Semasa Pejabat ADUN Mengkibol menganjurkan forum dan pameran hasil kajian di bulan Mei disebabkan tidak terima kelulusan kerajaan negeri, PBT, tarik diri dari penganjuran bersama *last minute*. Tiada seorang pun Ahli Majlis yang hadir, tiada seorang wakil pun yang hadir. Walaupun program ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri KPKT, YB Akmal. Walau bagaimanapun, terima kasih kepada YB Mahkota kerana turut hadir dan sokong. Soalan saya adakah kakitangan kerajaan tempatan dan negeri adakah mereka tidak boleh menghadiri program pengimbang? Mengkibol mohon pihak kerajaan negeri memberi arahan yang jelas supaya menjelaskan kekeliruan ini. Rakyat meletakkan tanggungjawab ADUN Pengimbang setara dengan ADUN kerajaan mereka berharap pengimbang menyelesaikan permasalahan yang dihadapi tanpa peranan dan suara dalam jabatan-jabatan dan agensi kerajaan menyebabkan sukar untuk ADUN Pengimbang menyelesaikan masalah rakyat. Berkomunikasi dengan arahan nombor satu YAB Perdana Menteri sekarang, ADUN Pengimbang telah menjadi Ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah. Terima kasih.

Berkomunikasi, dalam proses menaikkan kadar cukai harta adalah wajar sekiranya juga boleh melibatkan ADUN Pengimbang kerana kami perlu menghadapi masyarakat setiap hari. Berkomunikasi, sekurang-kurangnya pihak ADUN diberikan maklumat yang lengkap terhadap perkara tersebut dan terlibat untuk bersama-sama memikirkan kaedah terbaik kerajaan perpaduan, kerajaan Madani telah meletakkan keprihatinan dan sifat rahmah di dalam pentadbiran agar rakyat dapat merasai kemakmuran dan kestabilan. Atas dasar ini, keputusan-keputusan PBT perlulah fleksibel dan memihak kepada dasar kemanusiaan dan memudahkan urusan rakyat.

Di kawasan Mengkibol sebuah rumah papan kampung mengalami kebakaran bulan Jun, hangus. Keluarga seramai 9 orang terpaksa menumpang di sebuah bilik di rumah saudara mereka. Nenek, datuk, cucu masih menyusu. Datuk *stroke*, 9 orang dalam satu bilik. Terima kasih kepada YB EXCO Belia dan Sukan dengan peruntukan *Johor Future*, Pejabat ADUN Mengkibol bersama *Southern Volunteer* membersihkan tapak melalui program gotong

royong. Malangnya tapak itu disita oleh penguat kuasa PBT, semasa kerja baik pulih. Permohonan ditolak, permohonan kebenaran ditolak di bulan September. Malah mangsa diberikan kompaun RM1,000.00 bulan November atas kesalahan tidak mendapat kebenaran merancang untuk kerja baik pulih. Berkomunikasi, Mengkibol telah hantar dan *WhatsApp* mohon jasa baik pihak PBT, mohon jasa baik juga YB EXCO untuk membatalkan kompaun berkenaan atas dasar kemanusiaan. Rumah hangus dapat kompaun RM1,000.00 kerana tidak memohon walaupun ditolak kerana tidak dapat kebenaran merancang. Kebakaran itu bukan boleh dirancang.

Isu kenaikan cukai harta yang berkali ganda dan mendadak di Johor baru-baru ini. Dengan peranan sebagai pengimbang dan pemeriksa terhadap tindakan kerajaan, Mengkibol memberi beberapa cadangan konstruktif mengenai cukai harta termasuk tundaan pelaksanaan dan mengehadakan kenaikan kadar. Ini tidak harus dipandang sebagai “belasah” PBT ataupun putar belit.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara Johor 2022 yang diterima jadual 43, statistik peningkatan dan tunggakan cukai tanah tunggakan 1-3 tahun adalah 70% kepada jumlah besar. Ini menunjukkan membuktikan warga Johor masih berada di dalam fasa pemulihan ekonomi akibat PKP dan masih ramai terkesan akibat hilang punca pendapatan dan terpaksa menanggungkan bayaran cukai. Seperti yang dikatakan oleh Puteri Wangsa kita perlu menggunakan analisa data dalam pelaksanaan dasar dan membuat keputusan.

Ahli-Ahli Majlis MBPG Pasir Gudang dan MPK dalam kenyataan media menyatakan pendirian mereka tidak menyokong kenaikan cukai harta. Ahli Majlis MBPG juga telah menolak senarai penilaian baru dalam peringkat jawatankuasa selepas prosedur pendengaran. Ahli-Ahli bukan belasah tetapi membawa suara rakyat, maka wajarlah pendapat dan pandangan mereka didengar. Dengan ini, kita nampak betapa pentingnya supaya kerajaan dapat mempertimbangkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan dan juga mencadangkan bermula dengan pemilihan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Bandar Ipoh agar kuasa pemilihan dikembalikan kepada rakyat. Ahli-Ahli Majlis sekarang adalah lantikan politik, bukannya melalui pemilihan, maka tidak ada asas pendapat awam dan membawa pandangan awam. Adalah satu pembaziran sekiranya Ahli Majlis tidak berfungsi, tidak berkhidmat ataupun tidak dihormati oleh PBT.

Berkomunikasi, perbincangan formal dan berkala di antara PBT dan penjawat awam amat penting. Melalui perbincangan ini permasalahan akan dapat diselesaikan dengan lebih baik dan bersedia terhadap isu-isu yang timbul dapat dilakukan lebih awal. Berkomunikasi, semua pihak bekerjasama demi rakyat dan Johor. Oleh itu menyahut cadangan YB Mahkota pelantikan politik perlu melibatkan ADUN, Mengkibol ingin mencadangkan agar sekurang-kurangnya seorang Ahli Majlis dapat dilantik oleh ADUN yang akan membawa perspektif rakyat yang diterima oleh ADUN. Hal ini juga dapat menambah baik komunikasi antara pejabat ADUN dan PBT. Berkomunikasi, semua pihak bekerjasama demi untuk rakyat dan Johor.

Akhir sekali cadangan mengenai menyemarakkan pelancongan. Industri pelancongan menyumbangkan 23% kepada jumlah tenaga kerja melibatkan 3.5 juta orang, menyumbang 6% kepada GDP sejak April 2022 sehingga Mac 2023, Johor menerima 9.14 juta orang pelancong. Sejak tahun 2018 telah beberapa kali mencadangkan pemberian VOA (*visa, arrival visa*), *transit visa* dan pengecualian visa demi menarik segmen pelancong yang tertentu. Mengkibol menyambut baik pengumuman Perdana Menteri mengenai pengecualian visa bagi pelancong dari China dan India bermula 1 Disember. Kerajaan negeri juga perlu menyambut baik perkara ini dengan menggerakkan agensi-agensi pelancongan untuk mempromosikan negeri Johor sebagai destinasi wajib bagi pelancong yang hadir ke Malaysia. Untuk makluman, laman-laman *Web* di China telah pun mula mempromosi Malaysia sejak pengumuman. Mengkibol mencadangkan agar penerbangan

terus dari China di Lapangan Terbang Senai perlu ditambah sebagai perbandingan, Changi Airport mempunyai 10 penerbangan terus daripada Shanghai sahaja setiap hari. Kita perlu meningkat ...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, masa tamat.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol)** : Ok, terima kasih. Mengkibol mencadangkan kerajaan dan pihak Imigresen meningkatkan perkhidmatan feri-feri di Terminal Feri Pasir Gudang, Desaru Coast, Stulang, Puteri Harbour, Mersing dan Pengerang supaya membantu lebih banyak pelancong datang ke Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita ada 7 lagi pembahas dan saya rasa cukup 7 pembahas ini berucap di sesi petang. Jadi, oleh itu saya tangguhkan Persidangan ini kepada jam 2.30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023**

**YB Timbalan Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sedang memasuki sesi sebelah petang terakhir untuk sesi perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat selepas ini. Oleh kerana kita pun telah menikmati hidangan yang lebih pada biasa hari ini, maka, saya ingin mencadangkan menganjurkan agar untuk tidak mengganggu perbahasan sesi rehat kita tangguhkan. Namun, pada masa yang sama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak boleh menahan keadaan bolehlah mengambil masa secara bergilir-gilir. Sebagai ingatan mesra, oleh kerana petang ini adalah sesi yang terakhir untuk perbahasan, sayugialah, jika Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berlaku amanah kepada masa yang diberikan, agar Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan akan lebih selesa dan tenteram.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Kempas. (Dewan bertepuk).

**YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani (Kempas)** : Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. (Doa). Segala puji-pujian bagi Allah SWT, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta kerabat, para sahabat dan pengikut baginda hingga ke akhir zaman. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bersyukur saya kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Kempas sekali lagi dapat turut serta dan mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Johor 2024 yang bertemakan, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat" di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Terlebih dahulu, izinkan Kempas untuk merafak sembah ucapan setinggi terima kasih dan ucap selamat ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang di-Pertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena Ulang Tahun Keputeraan pada 22 November yang lalu. Patik bersama sekalian warga Kempas berdoa kepada Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta sekalian Kerabat Diraja

Johor dilanjutkan usia seterusnya berada dalam keadaan sihat walafiat bagi menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas juga turut ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di atas penganugerahan Darjah Sultan Ibrahim Johor yang amat disanjung Pangkat Pertama, Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ). Semoga dengan kurniaan Darjah ini, ia akan menjadi pemangkin kepada Yang Amat Berhormat Dato' agar terus memberikan perkhidmatan terbaik bagi mencapai agenda Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Johor 2024 di mana belanjawan kali ini telah berjaya disusun dengan begitu baik bagi menyantuni semua lapisan masyarakat. Dari golongan miskin tegar, Orang Asli, nelayan dan petani, penjawat awam, guru-guru, jururawat hinggalah ke pelajar-pelajar serta mahasiswa, semuanya bakal mendapat manfaat daripada belanjawan kali ini. Harapannya, belanjawan ini akan memberi impak positif kepada semua rakyat Johor dari utara, selatan, timur dan barat. Tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan pasukannya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, belanjawan yang selari dengan agenda Maju Johor iaitu impian melihat negeri Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2030 yang menampilkan 6 teras disertakan dengan dokongan strategi dan inisiatif yang kompak ini, begitu eksklusif holistik bertepatan dengan ikhtiar ke arah memacu pembangunan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dicapai. Maka, besarlah harapan Kempas untuk melihat segala strategi dan inisiatif daripada setiap teras tersebut dapat direalisasikan dan dijayakan pada tahun hadapan, sekali gus rakyat negeri Johor bukan sahaja meraih, malah menikmati setiap manfaat daripada segala apa yang telah disediakan untuk mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dibentangkan dalam belanjawan kali ini, di mana di dalam Teras kedua, pembangunan ekonomi iaitu inisiatif penubuhan *Johor – Singapore Special Economic Zone* (JS-SEZ) dan *Special Financial Zone* pada tahun 2022, Johor telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan dengan kenaikan 8.2% tatkala seluruh dunia masih lagi bergelut akibat krisis kegelapan ekonomi kesan daripada pandemik kesihatan yang melanda dunia. Singapura dan Malaysia juga telah disenaraikan sebagai rakan dagang kedua terbesar, masing-masing dengan jumlah dagangan dua hala mencecah USD83.53 bilion. Saya percaya dengan perubahan JS-SEZ ini bukan sahaja memberikan impak kepada Johor sahaja, malah kepada negara secara amnya dengan jumlah pelaburan yang bakal hadir. Saya kira langkah perubahan zon khas ini sebagai satu langkah terbaik kerajaan ke arah memacu ekonomi negeri Johor khususnya dan Malaysia secara amnya. Kerana dengan kewujudan eko sistem zon ekonomi ini, ianya dapat memberikan limpahan ekonomi dan juga membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Kempas berharap agar limpahan ini akan memberi manfaat kepada seluruh Bangsa Johor amnya dan tidak lupa juga kepada warga di kawasan DUN Kempas khususnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, inisiatif Residensi Bangsa Johor yang dibentangkan dalam belanjawan kali ini iaitu di bawah strategi memperkasakan perumahan rakyat juga adalah salah satu inisiatif yang begitu dekat dengan masyarakat. Sememangnya isu perumahan ini menjadi satu cabaran pada masa sekarang, tatkala harga tanah kian meningkat serta peningkatan kos sara hidup sehingga memberikan kesan ke atas pemilikan rumah. Pada masa kini, kita sedia maklum wujudnya permintaan yang amat tinggi terhadap kerajaan negeri untuk membina lebih banyak kediaman mampu milik terutama kumpulan masyarakat B40 di kawasan bandar khususnya. Dan usaha kerajaan yang ingin mewujudkan 30,000 unit rumah mampu milik sehingga tahun 2026, sedikit sebanyak akan

memberikan nafas lega kepada rakyat terutamanya golongan B40 dan Orang Muda Johor yang amat menantikan inisiatif sebegini agar mereka dapat memiliki kediaman yang sempurna.

Selain itu, Kempas juga ingin berterima kasih kepada kerajaan negeri yang telah memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta bagi program penyelenggaraan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pembangunan Residensi Bangsa Johor ini, tidak akan tercapai begitu sahaja jika tiada usaha daripada kerajaan negeri dengan kerjasama daripada masyarakat berkaitan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Diharapkan kerjasama ini akan terus dipergiatkan dan diterjemahkan dengan penggunaan lebih banyak projek perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan yang memerlukan. Sebagai contoh, tanah wakaf yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang begitu strategik tetapi terbiar yang mungkin boleh dibangunkan sebuah projek perumahan. Hasil daripada kerjasama agensi kerajaan bersama syarikat pembangunan hartanah di mana ianya bukan sahaja mampu menyediakan rumah buat rakyat Johor tetapi juga boleh menjana hasil pendapatan dari sewaan rumah tersebut.

Sehubungan itu Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas ingin membawakan cadangan kepada Kerajaan Negeri Johor agar menjadikan tanah rizab yang berpotensi di bawah kendalian Majlis Agama Islam Negeri Johor dibangunkan sebagai projek perumahan rakyat menerusi konsep wakaf perumahan. Sebagai contoh, terdapat satu kawasan luas bersebelahan Taman Damansara Alif yang berada di bawah kendalian Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kempas berpandangan, jika sekiranya status tanah wakaf ini adalah wakaf am, maka demi kemaslahatan bersama rakyat Johor, Kempas mohon kepada Majlis Fatwa Negeri Johor agar usaha mulia ini dapat dibincangkan dan diputuskan pelaksanaannya kerana daripada sudut masalah iaitu dharuriyyat iaitu keperluan asas dan hajiyyat iaitu kemudahan dan kelapangan, mungkin masalah ini perlu dijadikan peluang oleh kerajaan kerana hadap sama instrumen wakaf dan termasuk memberi manfaat kepada masyarakat. Apatah lagi jika mampu menyelesaikan permasalahan besar rakyat seperti isu harga rumah yang sentiasa meningkat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas yakin jika cadangan ini diterima, ianya akan memberi khabar gembira kepada rakyat Kempas khususnya, sekali gus membantu kerajaan negeri membina lebih banyak projek perumahan rakyat untuk Bangsa Johor. Projek ini juga boleh digandingkan bersama dengan anak syarikat kerajaan negeri sebagai pemaju utama dan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah ataupun *stake holder*. Negeri Johor terkenal sebagai pelopor kepada konsep wakaf di Malaysia dan ianya terbukti apabila wujudnya pelbagai produk wakaf seperti wakaf Rumah Pelajar Johor di Mesir, wakaf hemodialisis dan wakaf bangunan sekolah agama. Kempas berpandangan, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri Johor melaksanakan projek wakaf perumahan ini demi kesejahteraan rakyat khususnya di Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, oleh kerana itu Kempas sangat menyokong langkah penubuhan unit pentadbiran dan pembangunan tanah oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor agar dapat memperkukuhkan fungsi pengurusan harta wakaf dan Baitulmal.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, perkara ketiga yang Kempas yang ingin sentuh pada perbahasan kali ini adalah inisiatif pendidikan Orang Muda Johor yang terkandung di bawah Teras Keenam. Kempas ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat EXCO Pelajaran yang telah melantik Kempas sebagai ADUN angkat bagi kaitan anak Johor MARSAM iaitu Persatuan Mahasiswa Johor di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim melalui Program ADUN Angkat Persatuan Mahasiswa di bawah kendalian Yayasan Pelajaran Johor. Sesungguhnya, jalinan

kerjasama ini bukan sahaja baru dibentuk, malah ia telah terjalin sejak sekian lama sebelum ini dan sebenarnya program sukarelawan yang pusat khidmat DUN Kempas anjurkan, insya-Allah Kempas akan menggalas tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin bagi memastikan kebajikan mahasiswa ini sentiasa dijaga.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, anak-anak kita yang menuntut di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim dalam bidang Syariah dan Usuluddin berpeluang besar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di timur tengah khususnya di Jordan. Mereka ini merupakan pelapis muda Johor yang berpotensi besar dalam membangunkan syiar agama Islam di negeri ini. Sehubungan itu, Kempas ingin memajukan cadangan kepada kerajaan agar menaikkan kadar derma siswa daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada anak Johor kita yang belajar di timur tengah khususnya di Jordan ini. Kadar terkini derma siswa yang diberikan kepada mereka berjumlah RM8,000.00 setahun dengan tiada sebarang kenaikan sejak tahun 2016. Jumlah ini didapati tidak mencukupi bagi mahasiswa di sana. Jika mengikut pertimbangan ekonomi dan kos sara hidup serta bebanan yuran yang kian meningkat, maka adalah satu keperluan untuk dipertimbangkan semula jumlah derma siswa ini yang ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Dewan, tukaran mata wang satu dirham Jordan kini bersamaan dengan RM6.60. Pada tahun lalu mahasiswa daripada Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim yang melanjutkan pelajaran di Jordan perlu membelanjakan kos pengajian sebanyak RM10,111.00 bagi tempoh setahun pengajian melalui pakej *twinning* program atau dikenali sebagai pakej Program Berkembar. Pakej ini perlu diambil kerana tempoh pengajian mahasiswa MARSAH ini sudah dipindah kredit sewaktu mereka di sini dan tempoh pengajian mereka di Jordan selama 2 tahun bukan sahaja kos pengajian, bahkan kos-kos lain seperti rumah sewa, makan minum, pengangkutan dan kelengkapan diri kian meningkat. Oleh itu, Kempas berharap agar Kerajaan Negeri Johor menerusi agensi Majlis Agama Islam Negeri Johor dapat mengetengahkan di sini agar kadar derma siswa anak-anak Johor kita di sana dapat diberikan perhatian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, masalah gangguan bekalan air di kawasan DUN Kempas yang merupakan menjadi isu yang sering berlaku. Dan ianya memerlukan jalan penyelesaian yang tuntas dan segera. Malah Pusat Khidmat DUN Kempas sentiasa berkomunikasi dan melaksanakan industri bantuan bersama pihak Ranhill SAJ. Kempas ingin merakam ucapan terima kasih kepada Ranhill SAJ di atas kerjasama yang telah diberikan semasa tempoh terputus bekalan air yang kerap kali berlaku, saya kira dalam tempoh setahun ini sudah tiga kali bekalan air terputus tanpa notis. Yang mengambil masa lebih dari 4 hingga 5 hari untuk diselesaikan sepenuhnya. Tempoh 4 - 5 hari ini ianya adalah sebuah tempoh masa yang agak kritikal sehingga bukan sahaja telefon saya tidak berhenti menerima panggilan dan rayuan penduduk, malah di laman media sosial saya itu dihujani dengan rungutan, aduan dan kemarahan mereka terhadap tindakan yang kurang efisien daripada pihak yang bertanggungjawab iaitu Ranhill SAJ. Manakan tidak berlaku begitu, penduduk perlu menunggu hampir 24 jam untuk mendapatkan bekalan air bersih. Perkara ini pastinya memberikan kesukaran kepada penduduk yang terjejas kerana ianya berlaku tanpa sebarang notis pemakluman dan pengetahuan mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas merasakan bahawa terdapat kekurangan yang perlu dan boleh kita perbaiki. Iaitu dengan mengubah polisi bekalan air bersih terutamanya semasa terputus bekalan air tanpa notis. Maka, Kempas ingin mencadangkan agar polisi bekalan air bersih semasa terputus bekalan air perlu ditambah baik di mana kebiasaannya penduduk-penduduk perlu menunggu sehingga 24 jam untuk mendapatkan bantuan bekalan air sementara mungkin pihak Ranhill boleh mempercepatkan usaha untuk memberikan bekalan selewat-lewatnya dalam tempoh 5 dan 8 jam sahaja. Mungkin pihak Ranhill SAJ juga boleh menempatkan tangki-tangki bantuan bekalan air di kawasan sering terputus bekalan ini. Sebagai langkah awal bagi memastikan penduduk



boleh mendapatkan bekalan dengan lebih cepat. Selain itu, pemakluman awam juga memainkan peranan penting, pihak Ranhill SAJ perlu mengambil langkah proaktif bagi menyampaikan maklumat kepada penduduk terutama melalui media sosial dan laman sesawang rasmi mereka. Penyampaian terhadap pemakluman ini pasti akan menimbulkan kekecewaan dan tekanan daripada masyarakat. Saya percaya sebagai pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa, pihak Ranhill SAJ secara lebih responsif dan memberikan penjelasan secara terbuka kepada pengguna. Kerana pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat yang jelas mengenai sebab-sebab terputusnya bekalan air mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kempas berharap semoga cadangan ini dapat diberikan perhatian serius oleh pihak berkenaan dan langkah-langkah yang diperlukan diambil untuk meningkatkan kecekapan dan *responsibility* dalam menangani masalah bekalan air di Kempas. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di akhir perbahasan kali ini Kempas ingin menyeru semua Ahli Dewan untuk kita sama menunjukkan solidariti kita kepada rakyat Palestin agar krisis kemanusiaan dan pembantaian rakyat Palestin oleh pihak zionis dihentikan dengan segera. Kempas mengutuk tindakan Israel yang melakukan serangan kejam terhadap orang awam terutama kanak-kanak dan wanita di mana seperti yang dimaklumkan di media seramai lebih 10,000 orang terkorban, dari angka tersebut seramai 4,104 adalah kanak-kanak dan 2,061 adalah wanita. Seramai 2,300 lagi hilang termasuk 1,100 yang hilang adalah kanak-kanak, sesungguhnya tindakan solidariti ini bukanlah disebabkan semata-mata kerana mereka adalah seagama dengan kita, tetapi lebih dari itu kerana ianya adalah sifat kemanusiaan yang perlu ada dalam diri kita bagi memastikan keamanan sejagat terus dikecapi. Dalam hal ini Kempas ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri di atas kejayaan penganjuran Program Solidariti Bangsa Johor Untuk Palestin baru-baru ini. Dan telah menyaksikan keadaan lebih 7,000 rakyat Bangsa Johor. Terima kasih juga diucapkan kepada semua penyumbang di atas kutipan sebanyak RM2.5 juta yang telah berjaya dikumpulkan untuk disumbangkan bagi memberikan bantuan kepada saudara kita di Palestin. Sesungguhnya hanya Allah yang maha kuasa yang dapat membalas usaha murni kita ini. Sebagai penutup, Kempas sekali ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Johor 2024 yang realistik dan bertepatan dengan agenda menjadikan Johor sebagai negeri maju. Sekian wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kempas mohon menyokong. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Bismilahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Burung helang burung tempua, terbang tinggi bersama-sama, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, beri peluang Kota Iskandar berbicara. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar ingin menzahirkan ucapan terima kasih dan syukur kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia serta izinNya diberi kesempatan lagi saya berada dalam Dewan yang mulia ini mewakili rakyat Kota Iskandar untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Johor 2024 pada hari ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Belanjawan Johor 2024 yang menyeluruh, prihatin dan cakna serta mencakupi semua lapisan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, patik merafak sembah dan merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas sambutan ulang tahun keputeraan Baginda baru-baru ini. Patik mendoakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dilindungi, dirahmati Allah SWT serta dilimpah kurnia dan kesihatan yang baik dalam menaungi negeri Johor Darul Ta'zim yang amat kita cintai ini. Patik juga merafak sembah kepada setinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor kerana di bawah pimpinan Tuanku pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim terus gah dan menjadi skuad terhebat di negara kita sehingga kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa khususnya di Asia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar ingin merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama, Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) yang membawa gelaran Dato'. Penganugerahan ini adalah pengiktirafan terhadap kegigihan dan kejayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam memacu Johor menjadi sebuah negeri yang maju dan stabil. Kota Iskandar turut mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan 2024 yang merupakan belanjawan lebihan atau *surplus* bagi tempoh 2 tahun berturut-turut. Ini jelas membuktikan bahawa Johor terus maju, makmur dan sejahtera dipimpin oleh seorang Menteri Besar yang muda, dan penuh dengan idea dan wawasan bagi melonjakkan nama Johor Darul Ta'zim ini bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa. Malah tema Belanjawan 2024 iaitu "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", membawa maksud yang amat mendalam dan tepat bahawa setiap aspek pembangunan yang akan dilaksanakan sentiasa menjaga dan mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Belanjawan 2024 berjumlah RM1.804 bilion mempunyai enam teras utama yang didukung 29 strategi dan disokong 99 inisiatif.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar ingin merakam terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana memberikan peruntukan sebanyak RM12.2 juta bagi pembangunan semula Kampung Sungai Melayu secara menyeluruh. Peruntukan ini akan digunakan bagi kemudahan dan infrastruktur awam di kampung tersebut untuk menjadi pilihan satu lokasi tarikan pelancongan di negeri Johor ini apatah lagi pada 2026 akan diumumkan sebagai Tahun Melawat Johor yang akan menyasarkan 12 juta pelancong.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tidak lama lagi bolehlah datang Sungai Melayu, pagi menyusuri sungai melihat *migrate bird* ataupun penjual burung-burung, tengah hari makan asam pedas, malam menginap di inap desa yang telah disediakan dan malamnya dihibur dengan persembahan kebudayaan-kebudayaan tradisional termasuklah tarian ketam bangkang di Kampung Asli Sungai Temol.

**YB Timbalan Speaker :** *Crocodile Son* ada?

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) :** Itu nanti kita ceritakan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Dalam pada itu Kota Iskandar juga amat mengaluakan peruntukan sebanyak RM42 juta bagi kerja awalan menaik taraf jalan daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke persimpangan Pulau Perdana. Alhamdulillah, Kota Iskandar yakin langkah ini akan memberi kelegaan dan keselesaan kepada para pengguna khususnya penduduk di kawasan tersebut yang sering berdepan dengan kesesakan dan jalan yang rosak. Sebelum saya berhujah lebih panjang lagi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, IRDA, Iskandar Investment, Tourism Johor, MOTAC dan termasuk Pegawai Daerah yang menyokong penuh pewujudan Kampung Sungai Melayu sebagai kampung

ekopelancongan yang baharu di negeri Johor ini. Namun, Kota Iskandar berharap laluan tersebut akan terus dinaikkan taraf dengan peruntukan yang lebih besar supaya laluan tersebut boleh ditambah kepada masa yang akan datang. Apatah lagi banyak taman perumahan yang sedang dibina di kawasan tersebut.

Kota Iskandar juga berterima kasih dan lega dengan langkah kerajaan meningkatkan capaian Internet di negeri ini untuk memberi perkhidmatan dan akses yang lebih baik. Semoga usaha ini bukan hanya dinyatakan di atas kertas tetapi perlu dilaksanakan dan direalisasikan demi meningkatkan capaian Internet rakyat sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mengharapkan dalam Kota Iskandar ini masih ada kampung-kampung yang perlu kita teruskan capaian Internet yang baik. Sebagai contoh, Kampung Sungai Melayu walaupun jadi kampung ekopelancongan, Kampung Ladang Tanjung Kupang, Kampung Pendas Baru dan termasuk Kampung Orang Asli Simpang Arang sangat-sangat memerlukan kemudahan ini, agar mereka juga dapat mengecapi nikmat di atas capaian Internet yang baik. Agak memalukan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jika Johor yang terkenal dengan kepesatan pembangunannya namun pencapaian Internet masih jauh ketinggalan apa lagi negara kita amat menekankan aspek pendigitalan dan kehidupan rakyatnya khusus untuk meningkatkan pendidikan dan ekonomi keluarga. Johor tidak harus tertinggal dalam aspek capaian Internet ini.

Kota Iskandar juga mengucapkan terima kasih atas peruntukan RM3 juta yang bagi membangunkan 5 gelanggang futsal mengikut spesifikasi FIFA di kawasan Iskandar Puteri ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Belia, Larkin, alhamdulillah kemudahan ini akan meningkat lagi motivasi peminat sukan futsal dalam kalangan anak muda khususnya di kawasan Kota Iskandar ini. Dengan kemudahan bertaraf antarabangsa ini, Johor juga boleh menganjurkan kejohanan yang bertaraf antarabangsa bagi memperkenalkan lagi imej dan nama negeri ini di peringkat antarabangsa. Saya, Kota Iskandar merakamkan tahniah kepada ADUN Tiram kerana menjadi juara Sukan Bangsa Johor pada 2023 yang lalu. Kita menunggu pula DUN Senggarang untuk menjadi juara pada 2024 ini. Kota Iskandar nama diberi, makmur sejahtera Iskandar Puteri, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, MB, jika ada peruntukan berilah lagi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar menyokong penuh usaha *Special Economic Zone* iaitu SEZ dan *Special Financial Zon* (SFZ) di kawasan Forest City yang mana berada dalam DUN Kota Iskandar. Wawasan ini jelas mencerminkan kesungguhan kerajaan termasuk kerajaan negeri dalam menjadikan Johor khususnya digital yang merangkumi empat Pihak Berkuasa Tempatan. Majlis Bandaraya Johor Baharu, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan tidak ketinggalan juga Majlis Perbandaran Kulai sebagai pusat ekonomi baharu. Langkah ini memang bertepatan dan sederap dengan langkah dan aspirasi kerajaan negeri menjadikan Johor sebagai negeri maju pada tahun 2030. Kota Iskandar yakin dengan perancangan yang baik kewujudan SFZ, SEZ akan dapat melancarkan aktiviti ekonomi di negeri ini apatah lagi negeri Johor ini amat strategi lokasi ini kerana berjiran dengan sebuah negara maju Singapura. Kelebihan ini harus direbut dan dimanfaatkan sepenuhnya demi menarik lebih banyak pelabur beroperasi dalam perniagaan di Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ia sekali gus melenyapkan aktiviti ekonomi dan memberi impak yang besar terhadap ekonomi setempat negeri dan negara seperti memberi banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan juga dapat menarik lebih ramai pekerja mahir, separuh mahir mencari rezeki di Johor sekali gus memacu ekonomi tempatan. Kehadiran ramai pekerja yang akan merangsang projek pembangunan hartanah serta kemudahan awam untuk memenuhi keperluan mereka justeru dengan pembinaan lebih banyak harta tanah sekali gus meningkatkan hasil cukai PBT dalam kerajaan negeri mahupun di peringkat negara. Walau

bagaimanapun, Kota Iskandar berharap butiran terperinci khususnya berkaitan dasar-dasar yang akan diperkenalkan ini dan diguna pakai di kedua-dua zon ekonomi ini harus diperjelaskan dengan baik kepada rakyat supaya tidak timbul kekeliruan dan serta dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk meraih sokongan atas tiket individu atau parti tertentu. Kegagalan menjelaskan tentang pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu, sehingga menjadikan salah satu punca kekalahannya BN pada pilihan raya umum yang lalu, suatu ketika dahulu harus menjadi iktibar.

Justeru, Kota Iskandar mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu oleh kerajaan untuk membantu, meneliti dan merangka dasar-dasar yang sesuai dilaksanakan dan diguna pakai di SEZ dan SFZ. Kota Iskandar bimbang sekiranya pelaksanaan dasar tidak dapat dijelaskan dengan baik akan memberi kesan dan menjejaskan reputasi kerajaan.

Kota Iskandar juga mengharapkan lebih banyak rumah mampu milik seperti seperti Rumah Transit Johor (RTJ), Rumah Mampu Milik (RMJ) dibina di kawasan DUN Kota Iskandar bagi memenuhi keperluan rakyat khususnya golongan B40, M40 dan jangan biarkan rakyat hanya mampu tengok tapi tidak mampu beli rumah-rumah yang akan dibina di masa yang akan datang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Jafni selaku EXCO Kerajaan Tempatan dan Perumahan di dalam pembentangan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membina pembinaan Rumah Transit Johor di Taman Mutiara Rini. Mudah-mudahan dengan ada pembinaan ini dapat memberi peluang kepada mereka-mereka yang tidak mampu membeli rumah tapi boleh duduk dan bekerja di dalam kawasan Kota Iskandar ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar juga menyokong cadangan supaya kerajaan persekutuan mempertimbangkan pembinaan sistem transit aliran LRT di Johor. Sistem pengangkutan yang lebih moden amat diperlukan Johor khususnya di kawasan *Greater Johor* yang pesat membangun. Sistem pengangkutan awam yang moden dan lebih efisien ini membantu memberi manfaat kepada ramai rakyatnya. Malah, ia turut mampu mengurangkan kesesakan jalan raya dan sistem LRT dapat berfungsi dengan baik serta meliputi banyak kawasan perumahan. Pasti rakyat akan menggunakannya. Walau bagaimanapun, Kota Iskandar mengharapkan jalan-jalan perlu diteliti dengan baik supaya memudahkan pergerakan pengguna dari kawasan perumahan mereka ke pejabat mahupun ke kawasan tumpuan ramai seperti pusat beli belah, taman tema dan pusat riadah. Dengarlah suara rakyat supaya semua kemudahan dan infrastruktur yang dibina untuk kepentingan rakyat dapat mencapai matlamatnya. Justeru, lakukanlah kajian terperinci dari pelbagai aspek supaya projek pembangunan dan kemudahan infrastruktur ini dibina tidak menjadi gajah putih dan membazirkan wang rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu kedaulatan menjadi perhatian dan amat dekat dengan Kota Iskandar, khususnya kawasan perairan di Selat Johor. Justeru, Kota Iskandar mencadangkan Pulau Merambong yang terletak di dalam DUN Kota Iskandar dijadikan Pusat Pangkalan Penguatkuasaan Maritim Negara. Kewujudan pangkalan maritim di Pulau Merambong ini amat penting dan membantu dan memastikan perairan udara tidak diceroboh oleh mana-mana pihak. Malah, insiden nelayan tempatan yang saya nyatakan pada Persidangan Dewan yang lalu yang mencari hasil marin di kawasan perairan negara sudah beberapa kali diganggu oleh pihak berkuasa negara jiran. Tindakan ini tidak berjawab seperti tidak harus dibiarkan terus berlaku dan kepentingan negara dan rakyat harus dijaga, diberi keutamaan. Justeru, pangkalan maritim, perkara tersebut bukan sahaja mampu menjaga kedaulatan negara, malah melindungi rakyat tempatan yang mencari rezeki di perairan. Selain itu, kewujudan pangkalan maritim ini juga bagi melindungi kelestarian

hidupan marin di kawasan perairan berkenaan yang menjadi habitat pelbagai spesies termasuklah dugong, penyu dan kuda laut yang jarang-jarang ada di kawasan yang lain. Khazanah alam ini harus dipelihara supaya tidak pupus di hilang zaman.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada hari ini kita di Kota Iskandar memerlukan beberapa sekolah yang baru perlu dibina kerana kepadatan penduduk yang ada di Kota Iskandar sekarang dah mencapai hampir 350,000 orang penduduk. Dan salah satu kehendak mereka adalah sekolah yang baru. Kalau kita pergi di Pulau Indah, di taman-taman bersekitarnya di Kangkar Pulai, Sekolah Menengah Kangkar Pulai sahaja boleh menampung hingga 1,500 murid. Yang terbaru di Pulau Jaya 2, 1,500 juga dan tidak mampu lagi menampung kehadiran penduduk-penduduk yang ramai yang akan membangun di Taman Scientex dan sebagainya. Dan saya mencadangkan kepada YB EXCO kerajaan negeri khasnya di bawah EXCO Pelajaran, kalau boleh dibina satu sekolah menengah dan sekolah rendah di Pulau Mutiara setidak-tidaknya mengurangkan bebanan kepada sekolah-sekolah yang terpaksa menampung murid yang begitu ramai dan tidak adil Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kalau satu sekolah boleh, satu kelas boleh menampung hingga 40 orang murid terpaksa belajar dengan keadaan bersesak-sesak.

Jadi akhirnya, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan ini Kota Iskandar sekali lagi merafakkan sembah dan menjunjung setinggi kasih di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim atas naungan Baginda menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim yang amat kita cintai kekal aman damai serta harmoni. Semoga Tuanku dan Kerabat Diraja sentiasa dilindungi rahmat Allah SWT. Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, tahniah dan syabas saya ucapkan atas pembentangan Belanjawan Johor 2024 yang saya sifatkan mampu melonjakkan lagi ekonomi dan pembangunan negeri sekali gus membawa manfaat kepada semua lapisan Bangsa Johor. Kepada Allah Kita Berserah, Allah Berkati Johor. Dari Johor Bahru ke Kota Iskandar, singgah minum kopi di medan selera, kepada pemimpin negeri kita bersandar, Johor maju, rakyat makmur dan sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Kota Iskandar ingin menyokong. (Dewan bertepuk). Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Maharani.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan doa). "Demi sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran". Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kerana memberi laluan kepada Maharani untuk membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi selaku Menteri Besar Johor di dalam pembentangan Belanjawan 2024 Negeri Johor kali ini yang bertemakan "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Puji dan syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmatnya berlangsungnya Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15 kali ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda Muhammad SAW yang menjadi pedoman kita di dalam kehidupan. Patik merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas keputeraan Baginda pada 22 November yang lalu. Patik juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kali Ke-17. Mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dianugerahkan dengan nikmat sihat, nikmat iman dan Islam untuk terus memayungi rakyat Bangsa Johor. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih buat Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota yang sentiasa memberi galakan bagi memacu kemajuan negeri Johor dan patik juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang telah memenangi

Piala Sumbangsih, Piala FA, Piala Liga Super dan didoakan semoga Piala Malaysia akan menjadi milik JDT. Maharani juga merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas penerimaan pangkat pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim (SMIJ) yang membawa gelaran Dato'. Semoga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selaku pemimpin utama terus berbakti kepada rakyat negeri Johor dengan adil dan saksama.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya nak gunakan Peraturan 45(1)...

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Maaf, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

**YB Timbalan Speaker** : Jap. 45(1)

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : 45(1). Tiap-tiap Ahli dikecualikan Speaker atau Ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi hendaklah berdiri bila bercakap, berdiri betul dan hendaklah dihadapkan percakapannya itu kepada Speaker atau Ahli yang mengetuai mesyuarat atau pengerusi. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Selingan dan peringatan mesra.

**YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani)** : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini Maharani ingin menzahirkan rasa simpati ke atas saudara kita di bumi Palestin terutamanya di daerah Gaza dan sekitarnya. Semoga Allah SWT memberikan ketabahan buat mereka dan kekuatan kepada kita agar sentiasa mendoakan yang terbaik serta mampu memberikan dana sumbangan kepada mereka. Maharani juga mengucapkan penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor yang telah menganjurkan Himpunan Solidariti Palestin di Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato' Onn baru-baru ini dan mengeluarkan notis supaya masjid dan surau membacakan doa Qunut Nazilah pada setiap waktu solat. Mudah-mudahan amalan ini menjadi peluru kepada musuh-musuh Islam lantas memberikan kemenangan kepada rakyat Palestin. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-Hujrat ayat 10, (Bacaan potongan ayat Al-Quran). Yang bermaksud, "Orang-orang yang beriman itu, sesungguhnya bersaudara. Oleh itu, damaikanlah antara kedua saudara kamu dan takutlah terhadap Allah supaya kamu mendapat rahmat". Dengan ini, Maharani ingin membahaskan Belanjawan 2024 Negeri Johor bagi Persidangan kali ini dan Maharani menyambut baik pembentangan bajet dan ingin menyentuh beberapa perkara dan persoalan serta cadangan untuk penambahbaikan bagi masyarakat di DUN Maharani.

Belanjawan kali ini menunjukkan peningkatan hasil negeri Johor yang telah melebihi 100 peratus daripada hasil Belanjawan 2023. Ini menunjukkan prestasi pengurusan kewangan negeri Johor berada di dalam tahap yang baik dan cekap. Tahniah diucapkan. Pada tahun 2024, unjuran hasil negeri Johor adalah sebanyak RM1.8 bilion. Manakala unjuran perbelanjaan tahun 2024 adalah sebanyak RM1.799 bilion. Ini menunjukkan bahawa Belanjawan 2024 Negeri Johor merupakan belanjawan lebih sebanyak RM4.21 juta. Diharapkan lebih belanjawan ini dapat digunakan sewaktu kecemasan seumpama banjir dan lain-lain lagi. Mudah-mudahan Belanjawan 2024 ini juga akan mendapat hasil lebih disebabkan kecekapan pihak pengurusan dan pentadbiran bagi merealisasikan slogan, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat".

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah strategi tiga, Meningkatkan Kualiti Kesihatan Bangsa Johor. Di bawah inisiatif yang keempat, Bangsa Johor Bebas Dari Dadah. Merujuk kepada Bangsa Johor bebas dadah, Maharani ingin membawa suara daripada Persatuan Pengasih Malaysia Negeri Johor yang berada di Muar yang telah banyak berjasa dalam membentuk semula bekas penagih-penagih dadah menjadi manusia yang normal dan sihat untuk kembali kepada masyarakat. Dimaklumkan bahawa Pengasih Negeri Johor ini adalah di bawah seliaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Kementerian Dalam Negeri. Kali terakhir persatuan ini menerima geran khas daripada Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Negeri Johor pada tahun 2012. Sehubungan dengan itu, Maharani mencadangkan agar diberikan peruntukan melalui satu geran khas kepada Pengasih Negeri Johor untuk mereka mengurus, melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Maharani juga di sini ingin membawa suara pakatan pemandu teksi dan kereta sewa bandar Maharani Muar yang menghadapi persaingan dengan *e-Hailing* menyebabkan kesukaran mendapat pelanggan, akhirnya menjejaskan sumber pendapatan mereka. Oleh yang demikian, Maharani mencadangkan kepada pihak kerajaan mengambil berat akan isu pemandu teksi ini dengan menaik taraf sistem teksi sebagai pengangkutan awam bagi rakyat negeri Johor serta dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka. Seperti contoh, pemberian subsidi minyak atau subsidi baik pulih teksi. Dan Maharani mencadangkan juga sekiranya pihak kerajaan ada inisiatif kepada pemandu teksi bagi membantu mereka secara bulanan bagi menampung sara hidup mereka seperti contoh, mengambil sebagai agen iklan bergerak bagi agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam sektor pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, inisiatif yang kedua, Johor Prihatin. Melalui inisiatif dua Johor prihatin ini, Maharani berharap peruntukan sebanyak RM5.9 juta tersebut dapat sebahagiannya disalurkan kepada sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri Johor terutamanya di DUN Maharani yang mempunyai lebih kurang 9 buah sekolah agama yang memerlukan peruntukan baik pulih bilik-bilik guru berserta kelengkapan utiliti seperti di Sekolah Agama Seri Jong, Sekolah Agama Bandar Maharani dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melalui Teras Keempat iaitu Kemudahan Dan Keperluan Asas, Maharani juga ingin membangkitkan mengenai isu jalan kampung yang runtuh dan tidak dibaiki walaupun telah diajukan kepada pihak-pihak berwajib seperti PBT, Pejabat Daerah dan juga JKR. Contoh yang boleh diberikan di sini ialah seperti jalan masuk ke Kampung Parit Keroma, Jalan Kampung Parit Besar, Jalan Kampung Parit Raja, Jalan Kampung Parit Amal dari Jalan Abdul Rahman hingga ke Jalan Jonid Laut, juga Parit Besar dari Jalan Temenggong Ahmad hingga ke Jalan Dato' Haji Kosai yang mana berlakunya mendapan jalan menyebabkan kesukaran untuk keluar masuk kenderaan penduduk setempat. Maharani mengharapkan dengan peruntukan yang disalurkan kepada pihak berwajib daripada belanjawan kali ini, dapat mengambil tindakan segera terhadap isu yang dibangkitkan oleh masyarakat setempat.

Maharani mencadangkan agar dibina parit, longkang 'U' yang lebih besar, mengelakkan berlakunya mendapan tanah. Maharani juga mohon agar kerja-kerja baik pulih atau naik taraf ini dapat dipantau oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap projek tersebut supaya kerja-kerja yang dilakukan mempunyai kualiti yang baik serta mendapat banyak projek yang telah siap tidak mengikut piawaian yang sepatutnya ibarat melepaskan batuk di tangga sahaja.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melalui Strategi Kedua, Memperkasakan Perumahan Rakyat. Maharani menyambut baik hasrat kerajaan untuk memperkasakan perumahan rakyat. Ini kerana rakyat negeri Johor majoritinya belum ada rumah sendiri yang berkeluarga, terutamanya golongan Bumiputera dan B40. Namun, situasi hari ini sukar untuk

membuat pinjaman perumahan disebabkan harga rumah yang melambung tinggi untuk dimiliki. Maka, Maharani mencadangkan agar kerajaan negeri dapat mewujudkan semula rumah kos sederhana untuk rakyat Johor terutamanya di DUN Maharani. Maharani juga menggesa kerajaan supaya projek perumahan Islam di negeri Johor yang telah pun dirasmikan sejak daripada dahulu yang terletak di Jalan Jonid berhampiran Sekolah Maahad Muar yang masih belum dibina sehingga sekarang agar dapat disegerakan untuk keperluan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Maharani juga mencadangkan agar kerajaan negeri dengan kerjasama berwajib mengambil berat mengenai program pembasmian miskin tegar. Selain daripada bantuan sara hidup melalui Baitulmal, JKM atau mana-mana agensi, Maharani mencadangkan sekiranya kerajaan negeri mampu untuk mewujudkan satu lagi skim bantuan tunai rakyat Johor kepada golongan miskin tegar. Skim bantuan ini boleh diberikan secara berperingkat, tiga ataupun empat kali setahun. Diharapkan dengan kaedah ini dapat membantu menjana pendapatan kewangan untuk menyara hidup mereka.

Teras yang keenam, Orang Muda Johor. Di bawah bantuan inisiatif dua bantuan akses pendidikan kepada golongan asnaf, Maharani mencadangkan bantuan ini hendaklah diperluaskan kepada golongan B40. Diharap pihak kerajaan dapat memberi satu inisiatif bantuan tunai pelajar rakyat Johor sepanjang pengajian mereka secara bulanan. Ianya bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh keluarga mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di bawah Strategi Keenam, Menaik Taraf Pusat Rekreasi Dan Sukan. Peruntukan sejumlah RM8.8 juta bagi memastikan kemudahan sukan pusat rekreasi dan permainan dalam keadaan baik demi kesejahteraan masyarakat setempat. Bagi merealisasikan strategi tersebut, Maharani mencadangkan agar kompleks gelanggang tenis yang terletak di Tanjung Ketapang Muar dapat dibaik pulih. Juga di samping itu dapat membaiki tandas awam yang berada di sekitar. Selain daripada itu, Maharani juga mengharap agar projek pembinaan Stadium Muar yang sepatutnya telah siap sehingga sekarang tidak dapat lagi disiapkan. Ini menyebabkan anak-anak murid dan juga belia-belia yang ada di sekitar kawasan DUN Maharani tidak dapat menjalankan aktiviti sukan dengan cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bandar Muar adalah bandar yang terbersih selama dua tahun berturut-turut Asia Tenggara dan Maharani mengharap agar dana pelancongan dapat diagihkan kepada PBT dan Pejabat Daerah Muar. Contohnya, dapat menaikkan taraf kawasan hutan bakau di Tanjung Ketapang. Menaikkan taraf lukisan-lukisan mural di dinding, bangunan-bangunan di setiap lorong, penjagaan sungai-sungai dan juga parit di kawasan bandar, menceriaikan Pusat Rekreasi Tanjung Ketapang dan seumpamanya. Selain daripada itu, Maharani juga berharap agar pihak kerajaan dapat membina sebuah muzium sejajar dengan Bandar Maharani Bandar Diraja. Tujuannya adalah untuk menggalakkan kemasukan pelancong ke bandar Muar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, melalui inisiatif satu Program Semarak Subuh dan Program Membudayakan Al-Quran, peruntukan sebanyak RM560,000.00 kepada 56 kawasan DUN dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Maharani menyambut baik cadangan tersebut kerana ianya dapat mengeratkan ukhuwah di antara pemimpin dan masyarakat setempat. Semoga program tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya bersama-sama pemimpin masyarakat, pegawai-pegawai kerajaan serta ADUN-ADUN kawasan yang terbabit. Maharani mencadangkan supaya satu pemantauan berserta dengan jadual berkala disediakan oleh pejabat agama daerah masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Teras Ketiga, Strategi Satu, Johor Berkeadilan. Maharani mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah memberikan sumbangan beras Yayasan Sultan Ibrahim kepada ketua isi rumah miskin tegar



terutamanya di DUN Maharani. Melalui program berkonsepkan keluarga angkat ini melibatkan semua peringkat kepimpinan termasuk ADUN-ADUN pengimbang dan juga ADUN-ADUN kerajaan. Dengan adanya program ini, ianya dapat mengenal pasti permasalahan keluarga tersebut secara dekat serta dapat membantu mereka melalui JKM dan juga Baitulmal.

Melalui Teras Ketiga, Agenda Maju Johor, Inisiatif Keenam iaitu Pemberdayaan Dan Kemendirian Orang Kurang Upaya Dan Warga Emas. Peruntukan RM15 juta di dalam belanjawan kali ini bolehlah diperuntukkan sedikit sebanyak kepada program pemulihan dalam komuniti di DUN Maharani. PDK adalah program yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya iaitu JPOKU dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ianya merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan dan juga memberikan peluang dan integrasi sosial Orang Kurang Upaya. PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu, OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan vokasional dan sosial. Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan melibatkan aktiviti dengan aktif, komuniti setempat dan ada di pusat PDK ataupun di rumah. Di Maharani terdapat sebuah PDK yang terletak di Parit Keroma Jalan Abdul Rahman, mempunyai 12 orang guru atau kakitangan dan mempunyai 40 orang pelatih ataupun murid. Seramai 17 orang murid berada di PDK dan seramai 13 lagi terlantar berada di rumah masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, apa yang Maharani inginkan bawa isu PDK ini ialah berkaitan dengan elaun guru-guru atau kakitangan yang bekerja sepenuh masa di PDK tersebut. Maharani difahamkan bahawa elaun guru-guru tersebut adalah sebanyak RM1,200.00 sebulan yang diberikan oleh kerajaan pusat, RM200.00 sebulan dan RM200.00 sebulan diberi Kerajaan Negeri Johor dan elaun daripada Kerajaan Negeri Johor tersebut tidak pernah dinaikkan sehingga ke hari ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk menjadi seorang guru di PDK ini bukanlah satu yang mudah tetapi guru-guru tersebut semestinya mempunyai sifat kesabaran yang tinggi selain mempunyai nilai kasih sayang untuk melayan karenah murid-murid istimewa. Kecekalan tersebut adalah disanjung dan dihargai. Oleh yang demikian, Maharani mencadangkan agar kerajaan negeri dapat menaikkan elaun guru-guru tersebut dari RM200.00 kepada RM500.00 atau mengikut kenaikan elaun yang dirasakan sesuai oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum Maharani mengakhiri perbahasan ini, Maharani mengharapkan agar peruntukan kewangan untuk ADUN-ADUN pengimbang dan juga ADUN-ADUN kerajaan di samaratakan sebagaimana peruntukan kewangan yang diterima oleh ADUN-ADUN kerajaan dan juga pengimbang kerana kita sama-sama menjalankan tanggungjawab dan berkhidmat di dalam masyarakat. Apa guna asam payu kalau tidak menggulai ikan, amal jariah sedaya upaya, di akhirat nanti jadi bekalan.

Akhir kata, Maharani menyeru kepada seluruh Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini supaya bekerjasama, tolong menolong dan juga kita bergerak sederap untuk memacu kejayaan sebagaimana firman Allah (Bacaan potongan ayat Al-Quran). "Berpeganglah kamu kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai". Dengan ini, Maharani menyokong Pembentangan Belanjawan 2024 Negeri Johor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Maharani menyambut baik dan menyokong belanjawan, terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Salam sejahtera, salam perpaduan, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker memberi peluang kepada Penggaram untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Patik juga merafak sembah dengan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Mulia Tuanku sempena pemilihan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga Penggaram ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor. Tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar yang berjaya membentangkan Belanjawan 2024 *surplus* yang bertema, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", yang merangkumi 6 Teras.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penggaram ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dalam Teras Kedua iaitu Pembangunan Ekonomi, Keterjaminan Makanan. Berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, terdapat inisiatif dalam strategi keterjaminan bekalan makanan di mana kerajaan akan menjalankan pelan industri padi dan beras. Terdapat lebih kurang 1,600 hektar sawah padi yang aktif dan sebanyak RM3.9 juta diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran beras sehingga 13,000 metrik tan. Penggaram dapat melihat minat dan usaha kerajaan di dalam menjaga keterjaminan bekalan makanan di negeri ini. Penggaram juga telah dimaklumkan dalam jawapan EXCO bahawa terdapat rizab sawah seluas 2,254 hektar tanah yang digunakan di mana ia sepatutnya digunakan untuk penanaman padi. Malangnya seluas 557 hektar telah bertukar kepada tanaman sawit dan 84 hektar seluruh negeri Johor telah dibina bangunan kekal seperti rumah kediaman dan sebagainya. Penggaram ingin mendapatkan kepastian berkenaan perkara ini.

Yang pertama, secara perinci di manakah kawasan-kawasan yang dimaksudkan telah menjalankan aktiviti penanam sawit? Adakah kerajaan masih mahu mengekalkan status tersebut sebagai rizab sawah padi dan mengambil tindakan yang sewajarnya? Atau adakah kerajaan mengizinkan mereka menukar status rizab tersebut kepada penanaman sawit dan mengeluarkannya sebagai rizab sawah padi supaya negeri mendapat mengemaskini data lebih tepat rizab yang ada untuk sawah padi.

Kedua, Penggaram juga ingin mengetahui secara tepat lokasi rizab sawah padi yang telah dibina bangunan kekal kediaman. Seterusnya apakah jaminan kerajaan supaya pada masa akan datang tidak berlaku lagi aktiviti-aktiviti seperti ini yang membolehkan rizab-rizab sawah padi bertukar kepada status lain.

Penggaram juga dimaklumkan terdapat pelbagai masalah di dalam penanaman padi seperti sistem pengaliran dan saliran bencana. Serangan makhluk perosak dan banyak lagi. Penggaram berharap peruntukan yang disediakan dapat digunakan bagi membantu pesawah ataupun agensi terbabit untuk mengatasi masalah seperti ini agar perkara-perkara seperti ini tidak menjadi kekangan serta merencatkan pengeluaran sawah padi di negeri ini. Kerajaan perlu mengerahkan seluruh agensi yang terbabit sama ada agensi persekutuan mahupun negeri bagi membantu libat urus kerajaan negeri dalam perkara ini. Justeru, Penggaram mencadangkan agar satu jawatankuasa khas keterjaminan bekalan makanan ditubuhkan di mana melibatkan pelbagai agensi seperti Pertanian, JPS, PTG dan lain-lain bagi mengepalai usaha dan fokus kerajaan menjaga keterjaminan bekalan makanan di negeri ini. Selain itu, Penggaram juga berharap agar peruntukan yang disediakan dapat

diperuntukkan kepada pelbagai bentuk kajian dan bantuan teknologi pertanian yang difikir boleh membantu kerajaan di dalam memaksimumkan pengeluaran hasil padi negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penggaram ingin membangkitkan berkaitan masalah sistem pengairan dan saliran serta lalu lintas khususnya di Kampung Parit Ahmad, Batu Pahat. Parit Ahmad merupakan parit tanah yang bermula daripada Kuala Parit Ahmad di Sungai Simpang Kanan sehingga ke Taman Kiambang sepanjang 3 kilometer. Parit Ahmad sering mengalami hakisan tebing semasa berlaku hujan lebat dan air pasang surut. Hakisan tebing tersebut juga boleh membahayakan pengguna jalan raya. Parit Ahmad terletak di kawasan perumahan dan kampung di pinggir bandar di mana di dalam kampung tersebut telah dapat banyak pembangunan perumahan seperti Taman Berlian, Taman Selesa Cemerlang, Taman Permata dan lain-lain. Kepadatan lalu lintas telah mengakibatkan berlakunya hakisan parit tepi jalan dan mendapan tanah jalan serta kerosakan jalan. Penggaram telah berulang kali membangkitkan perkara ini sama ada di peringkat JTPD mahupun di Dewan yang mulia ini. Merayu agar kerajaan memandang serius perkara ini. Penggaram telah mendapatkan pandangan daripada JPS, ada keperluan menaik taraf Parit Ahmad dari parit tanah ke parit konkrit sepanjang 3 kilometer. Di mana ia melibatkan peruntukan sebanyak RM22 juta, kos dia tinggi. Bagi menyelesaikan masalah hakisan tebing tersebut, JPS perlu membuat reka bentuk sistem saliran di Parit Ahmad terlebih dahulu. Di mana ia perlu mengambil kira aliran air dari kawasan di sekitar untuk dialihkan ke sistem perparitan utama bagi mendapatkan saiz longkang yang sesuai. Kos cadangan projek ini mengambil kira kerja pemasangan longkang bersaiz 2,200 mm dan kali 2,000 mm sepanjang 3 kilometer yang bernilai RM20 juta. Kerja pengalihan utiliti dan kerja-kerja awalan yang memakan jumlah lebih kurang RM1 juta bagi setiapnya. Kerja menaik taraf parit ini bukan sahaja dapat memberi manfaat terhadap sistem saliran kawasan tersebut yang sebelum ini mempunyai masalah air termenung dan banjir. Malah ia juga dapat menghentikan berlakunya mendapan jalan serta hakisan tebing parit. Selain itu, dia sekali gus dapat mengurangkan kos penyelenggaraan parit tersebut pada masa akan datang.

Penggaram merayu agar kerajaan memasukkan cadangan kerja menaik taraf Parit Ahmad ini mengikut fasa ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Penggaram faham keperluan kewujudan pembangunan kawasan perumahan tetapi setiap pembangunan rancangan perumahan kerajaan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan wajib mengambil kira pertambahan penduduk di mana ia akan memberi kesan terhadap kesesakan lalu lintas serta kesesuaian akses yang sedia ada. Tak masuk dek akal beberapa pembangunan kawasan perumahan telah dibangunkan tetapi akses penduduk perumahan kawasan tersebut masih menggunakan jalan kampung atau jalan lama yang sedia ada. Justeru, Penggaram di peringkat JTPD ada mencadangkan agar jalan kampung tersebut diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan agar segala kos penyelenggaraan diletak di bahu PBT bukan bagi Pejabat Daerah. Ia mengambil kira jumlah rumah yang bercukai pintu di kawasan tersebut serta jumlah pengguna laluan utama Kampung Parit Ahmad lebih tinggi daripada jumlah penduduk kampung. Selain itu, pada masa hadapan Penggaram mencadangkan agar satu perangkap sampah diletakkan di parit konkrit tersebut bagi menjaga kelancaran sistem pengaliran dan saliran di parit tersebut dan menghalang sampah sarap memasuki ke dalam sungai. Ini juga memenuhi aspirasi Belanjawan 2024 Teras Kelima, Strategi ke-3, Johor Bersih dan Strategi Keempat di dalam menambah baik sistem saliran dan pengurusan banjir.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penggaram berterima kasih terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar di bawah Strategi Satu iaitu Memperluaskan Jaringan Jalan Raya Dan Perhubungan di dalam Inisiatif yang kedua, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.1 juta bagi membina laluan dari Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading. Peruntukan ini merupakan peruntukan tambahan bagi menyiapkan baki projek tersebut yang bermula sejak 2017. Namun begitu, Penggaram bersyukur akhirnya terdapat satu inisiatif untuk

projek yang telah melalui kepimpinan 5 orang Menteri Besar ini di mana ia akan memanfaatkan orang awam di daerah Batu Pahat.

Begitu juga dengan peruntukan sebanyak RM5.4 juta bagi menaik taraf persimpangan dan membina jambatan di Jalan Tongkang Pechah dan Jalan Bindu yang juga merupakan peruntukan tambahan bagi menyiapkan projek yang tergendala. Selain itu, Penggaram juga dimaklumkan akan terdapat kerja menaik taraf di Jalan Tanjung Labuh yang akan bermula dari Taman Banang hingga Sekolah Menengah Sains Batu Pahat. Penggaram terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana projek ini akan memberi impak kepada pengguna jalan tersebut yang merupakan jalan perhubungan utama luar bandar ke bandar. Faktor seperti kekurangan fasiliti jalan keperluan pusingan 'U' dan pembahagi jalan mengakibatkan kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak dan serta kemalangan jalan raya.

Walau bagaimanapun, Penggaram merasa projek menaik taraf jalan tersebut yang hanya akan bermula dari Taman Banang hingga ke Sekolah Menengah Sains Batu Pahat tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di sepanjang jalan tersebut. Jadi, Penggaram berharap kerja menaik taraf ini dapat dipanjangkan bermula persimpangan Taman Kemajuan sehingga ke Sekolah Menengah Sains Batu Pahat. Di mana ia akan memberi manfaat banyak terhadap beberapa buah sekolah yang terdapat di sekitarnya. Tambahan lagi di sekitar perumahan Taman Banang Jaya ini masih terdapat beberapa projek perumahan yang akan disiapkan dan sudah pasti kesesakan akan bertambah apabila pertambahan bilangan penduduk dan bilangan kenderaan di laluan ini pada masa depan. Justeru, Penggaram berharap agar cadangan Penggaram bagi memanjangkan lokasi kerja menaik taraf ini diterima.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penggaram dimaklumkan dalam jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa *Projek Second Port Logistic* akan dilaksanakan di persisiran Sungai Batu Pahat di mana ia akan menyediakan komponen-komponen seperti kemudahan pelabuhan. Kawasan perindustrian serta pembangunan bercampur bagi mengimbangkan pembangunan di kawasan yang terlibat seperti di mukim Perserai dan mukim Bagan. Walau bagaimanapun, Penggaram ingin mengetahui status adakah projek ini masih di dalam peringkat rancangan atau telah mendapat kelulusan dari pihak persekutuan untuk dibangunkan dan menjalankan aktiviti pelabuhan sepenuhnya? Penggaram maklum kerajaan mempunyai keperluan untuk memindahkan Jeti Kastam dan pelabuhan *barter trade* yang berada di Jalan Shahbandar ke *Jetty Right Base*. Di mana Jeti Kastam yang sedia ada telah dimaklumkan status tidak selamat oleh JKR. Selain dapat memusatkan aktiviti pelabuhan, ia juga mampu mengekang kebocoran hasil kerajaan dan aktiviti penyeludupan. Disamping itu, pemusatan aktiviti pelabuhan di *Jetty Right Base*, ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar Batu Pahat, sekali gus mengurangkan kerosakan jalan di kawasan bandar akibat kenderaan berat. Penggaram ingin mengetahui adakah kos pembangunan pelabuhan ini akan ditampung oleh kerajaan sepenuhnya atau terdapat kerjasama dengan pihak swasta. Walau bagaimanapun, Penggaram berharap kerajaan dapat menyegerakan pelaksanaan rancangan ini sewajarnya kerana ia akan menyumbang kerancakan ekonomi di negeri Johor khususnya di daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Penggaram ingin mengetengahkan isu gangguan monyet di kawasan perumahan. Penggaram pasti isu ini juga berlaku di kawasan-kawasan lain. Di kawasan-kawasan perumahan di Penggaram, serangan monyet ini berlaku mengakibatkan banyak harta benda sama ada milik individu mahu pun awam telah dirosakkan. Semalam, akhbar *China Press* melaporkan penduduk The Garden, Batu Pahat menghadapi krisis monyet. Kawan haiwan ini, menanggalkan cermin sisi kenderaan, plat kenderaan, penggelap cermin depan kenderaan, berak atas kenderaan, mengorek tong sampah hingga menyebabkan kawasan tersebut seperti tidak diurus. Pihak pemaju telah menyumbangkan perangkap monyet, ini juga seperti cadangan daripada pihak Pejabat

PERHILITAN untuk memasang perangkap monyet tetapi ianya dilihat tidak terlalu berkesan kerana bilangan monyet terlalu banyak di kawasan tersebut. Serangan haiwan liar ini bukan sahaja mengganggu kesejahteraan dan kenyamanan penduduk, malah dia juga boleh memberi ancaman keselamatan kepada mereka. Penggaram mengharapkan agar pihak yang terlibat seperti PERHILITAN memikirkan langkah atau kaedah lain selain perangkap monyet bagi mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum Penggaram akhiri perbahasan pada kali ini, Penggaram ingin mengambil peluang ini menyampaikan beberapa perkara kepada rakan-rakan sebelah sana sepertimana kita sedang menghadapi perubahan iklim, sebegitu juga suasana politik di negara kita yang telah berubah, tidak sama seperti dahulu. Jika dahulu, kita tidak boleh berselisih bahu, tetapi kini kita perlu berganding bahu. Jika dahulu kita melawan ibarat buku bertemu ruas, tetapi kini kita perlu berkawan, kitalah buku, kitalah ruas yang perlu ada untuk saling bertegur dan mencabar kekuatan negeri yang kita cintai. Seperti Barisan Nasional di peringkat persekutuan memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dan membentuk Kerajaan Perpaduan, sebegitulah juga sokongan kami terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dalam membentuk kerjasama strategik di peringkat negeri. Tiada apa yang perlu diragui dengan keikhlasan dan kejujuran kami. Penggaram berharap tiada lagi sebarang prasangka yang timbul sepanjang kerjasama yang kita sedang jalankan. Kalau tak boleh jadi bakteria yang baik usahlah jadi virus perpecahan. Penggaram ingin mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun, burung kedidi di pohon nangka, anak bayan hinggap di dahan, orang berbudi kita berbahasa, mesra ikatan erat perpaduan. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Penggaram. Ini lebih banyaklah suai kenal. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dijemput Yang Berhormat Sedili. (Dewan bertepuk).

**YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahamatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kerana memberikan kesempatan kepada Sedili untuk turut serta dalam perbahasan rundingan Belanjawan Johor bagi tahun 2024 pada kali ini.

Sebelum memulakan perbahasan, izinkan patik untuk mengambil kesempatan merakamkan ucap Selamat Ulang Tahun Keputeraan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu. Patik mendoakan semoga Tuanku dan Tuanku Permaisuri dilanjutkan usia dan sentiasa mendapat rahmat dan perlindungan dari Allah SWT dalam menaungi patik-patik semua Bangsa Johor. Patik juga mewakili seluruh rakyat di Sedili turut merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat sempena pengisytiharan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17 yang akan bermula pada 31 Januari 2024. Seluruh rakyat Tuanku di Sedili akan sentiasa mendoakan rahmat dan keafiatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor yang akan memayungi kerajaan persekutuan dan seluruh rakyat jelata dari Perlis hingga ke Sabah dengan adil dan penuh kebijaksanaan. Patik dan seluruh rakyat di Sedili juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan Johor dengan iringan doa semoga Tunku akan sentiasa mendapat pertolongan daripada Allah SWT dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Pemangku Sultan. Dan tahniah juga atas kejayaan membawa pasukan bola sepak JDT menjuarai Piala Sumbangsih, Piala FA dan juara Piala Liga Super kali ke-10 berturut-turut. Insya-Allah akan membawa balik sekali lagi Piala Malaysia pada 8 hari bulan Disember 2023 nanti. Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Sedili juga tidak ingin ketinggalan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan kalungan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas pengurniaan anugerah Dato' Kelas Pertama oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor pada hari ulang tahun keputeraan Tuanku beberapa hari yang lalu. Sedili percaya pengurniaan anugerah ini tentunya adalah cerminan keyakinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas kebolehan dan kecemerlangan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor sepanjang memimpin pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.

Alhamdulillah, berkat keunggulan kepimpinan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan dibantu oleh pasukan EXCO Kerajaan Negeri Johor, pasukan pentadbir awam Johor serta kakitangan kerajaan Johor yang cekap dan penuh dedikasi. Negeri Johor kini terus melangkah gagah di atas landasan yang tepat dalam menuju agenda Maju Johor 2030 yang kita semua impikan. Berdasarkan prestasi yang telah ditunjukkan ini, memang sangat tepat apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengumumkan pemberian bantuan kewangan tahun 2023 sebanyak 2 bulan gaji kepada kakitangan Kerajaan Negeri Johor. Hal ini telah dibuktikan meskipun iklim ekonomi global terus berada dalam keadaan penuh tekanan, prestasi ekonomi Johor terus memberangsangkan dan kekal menjadi negeri destinasi pelaburan yang utama di Malaysia. Angka-angka statistik prestasi ekonomi Johor turut merekodkan peningkatan yang signifikan berbanding tahun-tahun sebelumnya sehingga Johor telah muncul sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi negara Malaysia.

Ketangkasan dan ketelitian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam merancang dan memastikan pembangunan negeri Johor terus rancak dan berdaya saing, khususnya ketika dunia di fasa pemulihan selepas pandemik COVID-19. Melalui Belanjawan Johor 2023 telah berjaya memacu negeri Johor meneruskan kesinambungan kecemerlangan yang telah ditinggalkan oleh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Sebagai kesinambungan kepada Belanjawan Johor 2023, dan bagi menghadapi tentangan-tentangan ekonomi semasa, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sekali lagi telah berjaya merangka Belanjawan Johor 2024 dengan tema "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat" yang mengambil kira dan mencakupi segenap aspek kehidupan 4 juta rakyat Bangsa Johor dan setiap lapisan dan suku kaum. Melalui 6 teras, 29 strategi dan 99 inisiatif sekali lagi tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang kita semua kasihi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Alhamdulillah seperti yang telah diumumkan oleh, dalam belanjawan persekutuan dan belanjawan negeri, Sedili telah dipilih sebagai lokasi pembinaan sebuah Kompleks Hospital Pengajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan peruntukan sebanyak RM938 juta yang dijangka akan memulakan pembinaannya pada tahun hadapan. Kami di Sedili amat bersyukur, menyambut baik dan ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan persekutuan, Kementerian Pendidikan Tinggi, USIM dan khasnya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin selaku Ahli Parlimen Kota Tinggi yang juga Menteri Pendidikan Tinggi. (Dewan bertepuk).

Ucapan terima kasih juga kami ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar serta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam memudah cara bagi menjayakan perancangan ini. Dengan pembinaan hospital ini selain dapat menampung kepadatan pesakit sedia ada di Hospital Kota Tinggi yang hanya mempunyai 158 katil dan tanpa doktor pakar. Projek ini juga tentunya akan memberikan limpahan ekonomi kepada kawasan Sedili. Maka, sebagai persiapan menerima pembinaan Kompleks Hospital Pengajar USIM ini. Saya ingin memohon kepada kerajaan negeri dapat membuat perancangan selanjutnya termasuk menaik taraf jalan ke Sedili serta pembinaan perumahan dan infrastruktur untuk menyokong

projek ini yang dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 3 hingga ke 4 tahun yang akan datang. Alhamdulillah, sebagai Wakil Rakyat Sedili saya juga ingin memanjangkan rasa syukur dan setinggi-tinggi terima kasih dari rakyat Sedili kepada kerajaan Johor khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan YB EXCO yang amat prihatin dalam permasalahan yang dihadapi berkaitan keperluan pengangkutan awam dari kawasan Sedili ke Kota Tinggi, ke Kota Tinggi.

Untuk makluman, perkhidmatan bas Maju Johor di bawah PAJ telah pun memulakan operasinya sejak 2 bulan yang lalu secara percuma dari Kota Tinggi – Sedili ke Kota Tinggi dengan kekerapan sebanyak 4 kali dalam sehari. Perkhidmatan ini amatlah ditunggu-tunggu dan sangat memberikan kemudahan kepada penduduk di kampung-kampung sepanjang laluan tersebut untuk melaksanakan urusan harian mereka terutama untuk berurusan dengan pejabat-pejabat dan perkhidmatan kerajaan di bandar Kota Tinggi. Berkaitan dengan Strategi Ketiga, Memacu Industri Pelancongan, Sedili menyambut baik pengumuman kerajaan untuk menjadikan Tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor walaupun Sedili tidak dilibatkan dalam insentif satu penambahbaikan infrastruktur pelancongan dalam bajet kali ini. Kami telah mengambil langkah-langkah proaktif ke arah itu. Saya sendiri dengan dibantu oleh pihak perunding pelancongan, kami telah membuat kunjungan hormat ke Pejabat Pengarah Pelancongan di Kuala Lumpur bagi mempromosikan kawasan-kawasan menarik di Sedili bagi dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Insya-Allah, pihak Pengarah Pelancongan Malaysia telah berjanji akan datang ke kawasan kami bagi mengenal pasti dan memulakan usaha-usaha seperti yang kami harapkan. Justeru, kami memohon agar pihak kerajaan negeri dapat membantu usaha kami ini khasnya memasukkan Sedili sebagai lokasi acara-acara pelancongan dalam Tahun Melawat Johor 2026 nanti.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan seluruh Yang Berhormat Ahli Dewan, Sedili atau dahulu dikenali sebagai Tanjung Lembu, adalah sebuah kawasan yang agak mundur dan ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di negeri Johor ini. Padahal Sedili sangat berpotensi untuk dibangunkan menjadi kawasan yang maju berasaskan perekonomian, perikanan pertanian dan juga pelancongan kerana selain mempunyai rancangan FELDA, Sedili juga kaya dengan kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung nelayan. Sedili juga memiliki pantai yang indah dan panjang seluas mata memandang menghadap ke Laut China Selatan. Namun, potensi besar ini tidak berjaya membuka mata kepimpinan negeri mahupun kerajaan persekutuan setakat ini.

Sedili yang bersebelahan dengan Mersing juga tercicir dan tidak dilibatkan ketika perancangan dan penubuhan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur. Jika Pengerang yang dahulunya juga berada dalam Parlimen Kota Tinggi boleh dibangunkan dengan begitu pesat melalui projek RAPID, jika Desaru yang diberikan namanya oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-3, Allahyarham Tun Hussein Onn berjaya dibangunkan sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, tidak mustahil Sedili juga digembleng segenap potensinya menjadi sebuah kawasan yang maju dan membangun setanding dengan kawasan-kawasan lain di dalam negeri Johor.

Apa yang diperlukan adalah kesungguhan politik dan kepimpinan Kerajaan Negeri Johor khususnya di bawah era kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memastikan Sedili tidak tersisih dan ketinggalan. Dan, mendapat fokus baharu dalam tumpuan pembangunan kerajaan untuk menjayakan agenda Maju Johor 2030. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, rakyat Sedili adalah penyokong kuat kerajaan dan insya-Allah akan terus kekal bersama kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebagai meneruskan usaha yang untuk memajukan kawasan Sedili, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Datuk Timbalan

Speaker pada beberapa permasalahan yang telah berlanjutan yang memerlukan tindakan segera oleh pihak kerajaan. Pertama, Sedili dengan kekurangan, segala kekurangannya adalah merupakan pengeluar hasil laut yang kedua terbesar di negeri Johor. Sedili juga menempatkan sebuah kompleks Jabatan MARITIM yang sangat penting peranannya dalam menjaga dan mengawal bahagian selatan pantai Laut China Selatan. Sejak beberapa tahun ini, bahagian muara Sungai Sedili dan juga Sedili Kechil telah menjadi semakin cetek dan tohor. Keadaan ini telah menyukarkan aktiviti seharian nelayan terutamanya untuk mendaratkan hasil tangkapan laut, hasil tangkapan laut kerana bot-bot ataupun kapal yang lebih besar terhalang dan sukar untuk melaluinya.

Untuk makluman juga, terdapat kabel elektrik, elektrik yang di muara sungai dari pekan Sedili merentang ke Sedili Besar. Kabel ini dahulunya dibina bagi memberi kemudahan elektrik kepada penduduk di Sedili Besar kerana perhubungan jalan raya masih tiada di antara pekan Sedili ke Sedili Besar pada waktu itu. Penduduk Sedili Besar datang ke pekan Sedili dan sebaliknya dengan menaiki bot atau pengangkutan air. Namun semenjak, sejak Jambatan Haji Mohd Lazim telah dibina beberapa tahun lalu, perhubungan antara keduanya menjadi lebih mudah dengan menggunakan jalan darat. Justeru, saya mencadangkan sekiranya tiada lagi keperluan untuk mengekalkan kabel-kabel di atas air tersebut, saya ingin mencadangkan agar kabel tersebut dilupuskan bagi membolehkan kerja-kerja mendalamkan muara dan kuala sungai yang semakin tohor dapat diusahakan dengan seberapa segera bagi kemudahan laluan bot-bot nelayan.

Jika ini dapat dilakukan, saya percaya Sedili dapat memainkan peranan lebih besar di dalam menjayakan Strategi Keempat Belanjawan iaitu Keterjaminan Bekalan Makanan di bawah Inisiatif Kelima Pembangunan Industri Akuakultur Pembangunan Komuniti.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu berkenaan perumahan baharu generasi kedua FELDA dalam DUN Sedili dan juga DUN Johor Lama iaitu PKPF dan perumahan generasi kedua kampung-kampung tradisional juga memerlukan perhatian dari pihak kerajaan. Bagi generasi kedua FELDA, Alhamdulillah sebahagian mereka berjaya dapat diperuntukkan, dapat tapak rumah di kawasan kosong di tanah rancangan masing-masing. Hanya saya ingin memerlukan bahawa sebahagian darinya masih belum mendapat geran hak milik dari kerajaan. Saya mohon dapatlah apa kiranya pihak kerajaan mengusahakan agar proses pengeluaran geran pemilikan ini dapat dipercepatkan dan membolehkan mereka yang berjaya dapat mula membina rumah masing-masing dengan segera. Namun, isu yang pernah saya bawakan sebelum ini berkaitan projek perumahan generasi kedua di tanah seluas 40 ekar di FELDA Bukit Aping Timur masih belum diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Untuk itu, saya mohon kerajaan melihat semula permasalahan ini dan membantu dalam menghuraikan segala permasalahan yang berkaitan.

Isu perumahan bagi generasi kedua bagi kampung-kampung tradisional dalam kawasan Sedili juga memerlukan perhatian segera dari pihak kerajaan. Sebagai Wakil Rakyat, saya berhadapan dengan soalan dari rakyat di Sedili tentang perancangan negeri berkaitan isu ini. Walaupun perkara ini saya bangkitkan isu ini, namun Strategi Kedua, Memperkasakan Perumahan Rakyat di bawah teras Jaringan Keselamatan Sosial, Sedili masih ditinggal dan tidak termasuk dalam Inisiatif Satu Program Perumahan Rakyat PPR, mahupun penyediaan rumah mampu milik dan Inisiatif Keempat Residensi Bangsa Johor (RBJ). Justeru, saya ingin menarik perhatian sekali lagi agar janganlah Sedili terus dilupakan dalam soal memperkasa perumahan rakyat pada masa-masa yang akan datang.

Perkara penting seterusnya ingin saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini adalah berkaitan bekalan air. Isu bekalan air ini adalah satu permasalahan sekian lama penduduk di DUN Sedili khasnya Gugusan Lok Heng, Waha, Easter dan kampung-kampung tradisi dan telah menjadi isu utama dalam kerajaan negeri yang lalu. Bekas Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Ismail Sabri dalam kempen PRN Johor yang juga telah bersetuju untuk



menyalurkan peruntukan sebanyak RM41 juta untuk membuat laluan paip baharu dari Persimpangan Batu 9, Mawai untuk disalurkan ke loji rawatan air bersih di Kampung Gembut. Namun, sehingga kini saya masih belum nampak sebarang kerja-kerja berkaitan dilaksanakan. Justeru saya mohon pihak-pihak yang berkaitan dengan isu ini agar dapat melihat semula dan memberikan status terkini berkenaan perkara ini.

Akhir sekali, sebagai rumusannya marilah kita semua bersatu hati demi Bangsa Johor. Dengan penuh tekad, azam dan komitmen mengetepikan perbezaan politik, marilah kita bersama-sama mengambil tanggungjawab dalam memantau dan memastikan agar setiap 6 teras, 29 strategi dan 99 inisiatif yang telah dirangka dan disusun dengan penuh teliti dan telah mengambil kira setiap aspek keutamaan, keperluan dan kemaslahatan seluruh Bangsa Johor dalam Belanjawan Johor 2024 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sama-samalah kita berdoa semoga keikhlasan semua pihak dalam usaha mencapai agenda Maju Johor 2030 akan sentiasa diberkati dan dibantu oleh Allah SWT.

Saya juga mengambil kesempatan sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya sebagai Wakil Rakyat di kawasan Sedili, kepada Pegawai Daerah Kota Tinggi serta pegawai kerajaan peringkat negeri mahupun pusat yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada saya dalam menangani isu-isu berbangkit di dalam kawasan DUN Sedili.

Bangun pagi gosok gigi, moga kita berjumpa lagi. (Dewan bertepuk.) Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sedili mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Sedili. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

**YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas)** : Selamat petang, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang mulia terima kasih kerana memberi peluang kepada Pekan Nanas untuk bersama di dalam perbahasan Belanjawan Johor 2024 pada kali ini. Pada kesempatan ini, patik mewakili rakyat Pekan Nanas merakamkan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November 2023. Patik turut merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Patik mengucapkan selamat bersemayam dan semoga dikurniakan kesejahteraan yang berpanjang untuk terus menaungi Malaysia dan negeri Johor khususnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dengan menerima belanjawan lebih sebanyak RM4.21 juta untuk tahun 2024. Ini adalah tanda kebijaksanaan dalam pengurusan kewangan negeri. Saya yakin bahawa belanjawan ini akan memberikan impak positif kepada rakyat Johor terutama dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa ditambah dengan kenaikan harga barangan dan kejatuhan nilai mata wang.

Belanjawan ini juga mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri dalam memberi tumpuan kepada 6 teras utama inisiatif maju Johor, dengan disokong 29 strategi dan 99 inisiatif, semua ini direncanakan dengan teliti untuk memastikan masa depan negeri terjamin. Dan Johor dapat menikmati kemakmuran. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak terlibat dalam penyediaan belanjawan ini khususnya Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi atas pimpinan yang cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker menunjukkan kepada strategi 3, inisiatif 1 peruntukan sebanyak 12 untuk penyelenggaraan parit-parit di kawasan pertanian dan kampung. Saya melihat ini sebagai satu langkah terbaik dalam mengembalikan

tanggungjawab penyelenggaraan parit di kawasan tani di kampung-kampung JPKK dengan menyelia daripada pihak Pengairan Dan Saliran daerah masing-masing. Saya bersetuju sepenuhnya dengan pandangan sahabat saya ADUN Mahkota menggali cabaran yang dihadapi dalam penyelesaian masalah banjir sebelum ini terutamanya apabila penyelenggaraan parit diambil alih oleh JPS.

Kejadian banjir kilat sering berlaku kerana parit yang dipenuhi semak samun dan aliran air tidak dapat bergerak lancar. Isu utama yang sering dilaporkan berlaku di Pekan Nanas adalah apabila air daripada parit melimpah ke kawasan kebun penduduk berdekatan. Kesannya, hasil pertanian dan tanaman mereka rosak dan memberikan kesan jangka masa panjang terhadap kesuburan tanah kebun mereka. Oleh itu, saya harap usaha ini akan berterusan kepada, kita perlu memastikan penjadualan penyelenggaraan secara berkala dilaksanakan bukan hanya jadual semata-mata, penekanan juga perlu diberikan kepada pencegahan masalah infrastruktur dan laksanakan kerja kajian bagi mengenal pasti mana-mana infrastruktur dibaiki bukan sekadar penyelesaian terhadap kerosakan yang timbul secara *One-Off*.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, masih lagi berkenaan isu yang sama mengenai masalah banjir di kawasan saya meskipun terdapat peruntukan yang besar dalam Belanjawan Johor 2024, untuk memperkasa pengurusan banjir sebanyak lebih daripada RM1 bilion. Nampaknya tidak, tiada sebarang peruntukan khusus yang untuk insentif untuk mengatasi masalah banjir di Pekan Nanas yang sudah berlarutan lebih 40 tahun di kawasan yang sama iaitu di Kampung Paya Embun, Kampung Seri Gambut, Kampung Jasa Sepakat, Kampung Melayu Raya, Kampung Melayu Bukit Panjang, Kampung Seri Bunian dan beberapa kampung yang lain. Justeru, saya mohon agar Pekan Nanas turut diberikan perhatian yang sama dalam perancangan mengatasi banjir. Punca sudah dikenal pasti, perancangan sudah ada, namun sampai bila kita hendak tunggu sehingga peruntukan disalurkan. Saya sedih setiap kali berlaku banjir, naik malu saya nak berhadapan dengan keluarga mangsa yang sama saban masa. (Dewan bertepuk). Alasan sama diberikan dalam perancangan. Mereka pun sudah muak dengan jawapan yang sama. Kita tidak boleh terus mempedulikan kehidupan penduduk dengan masalah banjir yang berulang. Minta tindakan proaktif dan terarah perlu diambil untuk menghentikan kejadian ini. Penduduk Pekan Nanas memerlukan jaminan bahawa kehidupan mereka tidak akan terus terjejas oleh banjir yang berulang. Oleh itu, saya mohon Yang Amat Berhormat untuk menelitikan perkara ini dan bantulah juga Pekan Nanas untuk membela orang kampung saya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pada kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pemberian Geran Pengurusan Dan Pentadbiran sebanyak RM120,000.00 kepada Persatuan Ketua Kampung Negeri Johor. Sebelum ini, saya adalah mengangkat cadangan ini untuk dikemukakan kepada kerajaan negeri setelah berbincang bersama ketua kampung di DUN Pekan Nanas. Saya yakin bahawa geran ini akan dapat membantu dan melancar lagi pengurusan pentadbiran di kawasan kampung.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam konteks Teras Keempat, Inisiatif Kedua, Pembinaan Jalan Serta Jambatan Negeri, saya mohon pihak kerajaan negeri untuk menelitikan kembali projek cadangan membina jalan pintas Pekan Nanas yang telah diluluskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 5 Oktober 2017 dengan siling sebanyak RM27,600,000.00 dan kos keseluruhan RM56 juta. Projek ini melibatkan pembinaan jalan baru, meningkat jalan sedia ada, sistem saliran pembinaan jambatan baru dan masalah kesesakan di Pekan Nanas. Mengikut data bancian lalu lintas, sebanyak 20,000 buah kenderaan melalui jalan ini setiap hari. Data ini menimbulkan kegelisahan terhadap kecenderungan berlakunya meningkat kes kemalangan jalan raya lebih lagi dengan kepadatan penduduk di Pekan Nanas. Keberkesanan projek ini dalam perancang sistem jalan raya yang lebih canggih dan *infusion* di Johor sepatutnya menjadi perhatian utama.

Dia bakal menjadi laluan alternatif penting bagi pengguna jalan dari Pontian ke Johor Bahru dan sebaliknya. Keputusan untuk menangguhkan projek ini demi memberi laluan kepada pembinaan projek lain yang sedang berjalan perlu diteliti semula untuk memastikan pelaksanaan strategi dan memperluas rangkaian jalan raya dan pengangkutan di negeri Johor berjalan lancar. Oleh itu, saya mendesak pihak kerajaan memberikan penjelasan yang lebih terperinci, antara strategi dan langkah-langkah akan diambil bagi menjayakan projek ini, sejajar dengan matlamat jangka panjang strategi pembangunan infrastruktur di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebanyak RM635 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan negeri dan jalan negeri, jalan PBT, jalan kampung dan jalan pertanian. Jumlah dana yang besar ini mencerminkan komitmen yang teguh kerajaan negeri terhadap pengekalan dan peningkatan kualiti infrastruktur jalan raya di pelbagai peringkat termasuk jalan kampung dan pertanian. Di kawasan saya Pekan Nanas terdapat banyak jalan kampung yang perlu diselenggara, diselenggara antara jalan kampung, jalan batu Kampung Melayu Bukit Panjang, Kampung Tanjung Ayer Hitam, Kampung Maju Jaya, Kampung Sepakat Jaya dan Kampung Paya Embun. Saya berharap agar jalan di kawasan saya ini turut diberikan perhatian.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mohon kerajaan negeri turut memberikan tumpuan kepada pemasangan lampu jalan LED. Di kawasan ketika di DUN saya seperti di Kampung Seri Bukit Panjang kerana merupakan jalan alternatif utama penduduk kampung yang ingin ke Pontian mahupun Pekan Nanas. Tahun 2023, unit lampu jalan LED pada seluruh negeri Johor sepertimana yang diumumkan adalah tidak mencukupi, lebih-lebih lagi jika melihat masih banyak kawasan luar bandar di negeri ini yang masih bergelap. Justeru itu, saya mohon kerajaan negeri untuk mempertimbangkan cadangan penambahan unit lampu jalan LED ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam Belanjawan Negeri Johor kali ini juga menyaksikan Teras Keempat adalah menyentuh tentang meningkat capaian internet sebagai langkah proaktif dalam menghadapi revolusi digital. Walaupun perbahasan tentang keberkesanan dan impak insentif ini perlu mengambil kira realiti sebenar kawasan luar bandar terutama di kawasan seperti Pekan Nanas. Saya juga cakna akan beberapa menara pencawang yang sudah pun didirikan seperti di Kampung Seri Panjang. Namun sehingga kini, masih lagi belum beroperasi disebabkan beberapa isu peringkat penyedia rangkaian. Jadi, saya mohon kepada kerajaan negeri untuk terus memberikan perhatian kepada kawasan luar bandar masih belum mendapat manfaat, manfaat ini dengan menyediakan infrastruktur digital yang canggih. Kita bukan sahaja memastikan kesaksamaan capaian kepada teknologi ini, tetapi kita juga membantu komuniti luar bandar untuk terlibat secara aktif dalam ekonomi digital yang semakin berkembang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini saya ingin sentuh mengenai Insentif Dua, Penyediaan Rumah Mampu Milik yang disebutkan di dalam Belanjawan Johor 2024. Sasaran kerajaan negeri untuk membina 30,000 unit rumah mampu milik hingga 2026 adalah satu perancangan yang baik. Namun, saya ingin bertanya satu soalan yang penting, adakah Pekan Nanas termasuk di dalam 30,000 unit tersebut. Pekan Nanas memerlukan perhatian khususnya dalam memperkasakan perumahan RMMJ dan pembinaan rumah mampu milik walaupun saya telah berulang kali memohon namun jawapan konkrit masih belum saya terima. Kawasan-kawasan lain juga telah dilaksanakan projek RMMJ ini.

Untuk maklum Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli Dewan yang mulia, ekonomi Pekan Nanas kini berkembang dengan pesat dan ini membawa kepada meningkatkan jumlah penduduk. Oleh itu, adalah suatu keperluan mendesak untuk senaraikan Pekan Nanas dalam sasaran pembinaan 30,000 unit rumah mampu milik yang diumumkan. Jangan biarkan Pekan Nanas tiada rumah mampu milik, kesian orang kampung

saya, bukan semua orang senang. Semoga kerajaan negeri dapat memberikan perhatian yang sewajarnya kepada hasrat Pekan Nanas ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin mengalih kepada isu berkaitan pembangunan pendidikan di kawasan saya. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sekolah Agama Batu 24 kini beroperasi sementara di bangunan Sekolah Kebangsaan Batu 24 sejak tahun 2005 hingga kini. Satu tapak di Lot 7376 di Taman Utama, Pekan Nanas telah dirizab untuk pembinaan Sekolah Agama Batu 24. Pada masa ini, sekolah agama mempunyai 385 orang murid dan menggunakan sembilan bilik darjah serta satu bilik guru, menumpang di tingkat 4 Sekolah Kebangsaan Batu 24. Keselamatan pelajar menjadikan kebimbangan dan lokasi bangunan sekolah agama tingkat 4. Manakala kawasan dan bilik yang terhad juga memadai untuk kegiatan sekolah. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Pontian telah mencadangkan kepada Bahagian Pendidikan Agama Negeri Johor untuk membina Sekolah Agama Batu 24 di tapak telah dirizabkan dengan kos pembinaan sebanyak RM20 juta sahaja walaupun pelaksanaan masih tertangguh. Oleh itu selaku rakyat, selaku Wakil Rakyat saya mohon kerajaan agar dapat merealisasikan hasrat anak-anak saya ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di samping itu saya turut ingin menyentuh tentang kekurangan fasiliti sukan di DUN Pekan Nanas terutamanya untuk golongan belia tempatan. Dalam sesi empat di bawah teras keenam, Belanjawan Johor 2024 kita melihat *JB Sport City* sebagai fokus utama. Memangnya kita mengaku keperluan untuk menjadi Johor sebagai pusat sukan, tetapi saya tekankan agar perhatian yang sewajarnya juga diberikan kepada kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai fasiliti sukan yang baik seperti Pekan Nanas. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menjalankan kajian yang teliti dan melibatkan pihak-pihak berkepentingan tempatan untuk memastikan keputusan pembinaan fasiliti sukan di Pekan Nanas dapat direalisasikan. Jika tidak pun Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mohon bantulah untuk menaik taraf fasiliti sukan yang sedia ada terutamanya gelanggang futsal terbuka di Kompleks Penghulu Mukim Jeram Batu dan Pekan Raja. Gelanggang ini sering menjadi tumpuan anak muda meluang masa. Namun, keadaan amat daif. Jika hujan mereka tidak dapat bermain futsal dan gelanggang akan dipenuhi air bertakung, lama kelamaan lantai juga akan rosak. Jadi, saya mohon perhatian pihak kerajaan untuk membantu dalam menaik taraf gelanggang ini untuk keselesaan dan kemudahan pada kawasan saya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Teras Keempat, Strategi Ketiga, Belanjawan Johor yang melibatkan Peningkatan Kecekapan Rawatan Dan Agihan Air. Meskipun terdapat langkah-langkah positif dalam meningkat infrastruktur air, terdapat beberapa kebimbangan khususnya perlu diangkat terutama berkaitan dengan kawasan Pekan Nanas khusus di Kampung Ulu Pulau. Adalah perlu ditekankan bahawa terdapat masalah tekanan air yang rendah di Kampung Ulu Pulau, Pekan Nanas yang memberikan impak yang besar terutama pada waktu puncak. Ini bukan sahaja mendatangkan ketidakelesaan bagi penduduk tempatan, tetapi juga menyebabkan pelbagai masalah domestik dan kesulitan dalam kegunaan harian. Ini secara langsung menjejaskan lebih dari 1,000 keluarga di kampung di Pulau yang bergantung kepada bekalan air yang mencukupi. Makluman dari SAJ yang menyatakan bahawa tekanan rendah berlaku disebabkan oleh bekalan air dari Johor Bahru. Ini menunjukkan perlunya tingkatkan segera untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan sistem pengagihan air dari kawasan ini. Inisiatif peningkatan kecekapan rawatan dan agihan air di peringkat negeri khas memberi tumpuan kepada memperbaiki masalah ini. Memastikan bekalan air mencukupi dan tekanan air mencapai tahap memuaskan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam mengakhiri perbahasan ini marilah kita berganding bahu untuk memastikan kita dapat bersama-sama merealisasikan agenda Maju Johor. Melalui Belanjawan 2024 ini, saya yakin ia akan membawa manfaat besar kepada 4 juta Bangsa Johor.

Izinkan Pekan Nanas menutup dengan serangkap pantun. Tanam kecampa berdaun lebar, ikan gelama disayat-sayat, Belanjawan 2024 telah diperlihat, memacu pembangunan menyejahterakan rakyat. Sekian, terima kasih. Pekan Nanas mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas. Selanjutnya dijemput Yang Berhormat Pemanis.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum saya mulakan perbahasan ini, korum kita cukup ke Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker?

**YB Speaker** : Cukup.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Saja aje ngantuk. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum meneruskan perbahasan Belanjawan Johor kali ini izinkan patik merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November yang lalu. Patik turut merafak sembah seraya merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim sempena perisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah dikurniakan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung, Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim yang membawa gelaran Dato'.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kalau nak menurut, biar berakal, kalau nak mengikut, biar pintar. Apabila jadi pembahas terakhir ni, biasanya, biasanya ada kadang-kadang persoalan akan tertinggal untuk dijawab. Ada perkara yang kadang-kadang terlepas pandang, ada isu yang terlupa untuk dibangkitkan. Oleh itu, Pemanis amat berharap agar apa sahaja persoalan, perkara-perkara dan isu yang diambil ini nanti, yang diangkat ini nanti dapat diambil perhatian dan dipastikan bahawa ianya dapat dijawab sama dengan peruntukan-peruntukannya sekali.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pemanis ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri di atas kejayaan menganjurkan program bertaraf antarabangsa iaitu Persidangan Minggu Iklim Asia Pacific 2023 ataupun APCW 2023. (Dewan bertepuk). Ia melakar sejarah tersendiri terhadap komitmen tuan rumah negeri Johor dalam memperkasa pembangunan kelestarian secara menyeluruh. Sebanyak 14 memorandum persefahaman ataupun MOU bernilai RM180 juta telah berjaya dimeterai yang menjadi cerminan kesungguhan antara agensi kerajaan negeri bersama dengan pihak swasta. Kesemua MOU yang ditandatangani dan dimeterai melibatkan pelbagai perjanjian, kolaborasi dan usaha sama dalam menangani cabaran alam sekitar, memupuk pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan inovasi. Namun, saya sedikit kecewa kerana persidangan yang cukup baik ini, taraf *international*, antarabangsa ini ia tidak dapat sentuhan sewajarnya apabila tiada satu pun MOU yang ditandatangani itu melibatkan komitmen daripada kerajaan pusat. Walaupun dengan kehadiran Menteri, Menteri hadir, terlibat pula dengan sesi pembentangan. Mungkin Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jika dalam perasmian yang lepas kalau kita dapat melibatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri 1 atau 2, ada 2 Timbalan Perdana Menteri, saya yakin komitmen akan nampak berlainan dan mungkin akan nampak kebersamaannya untuk kerajaan pusat menjayakan persidangan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di dalam Belanjawan 2024 kali ini, kebanyakan syor yang dibentang dalam penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana telah dapat dirundingkan. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menerima cadangan-cadangan kami ini. Ada banyak strategi dan pelbagai inisiatif di bawah semua teras, terutama Teras Keselamatan dan Kelestarian Alam Sekitar disentuh. Antaranya ialah Program Rintis Kenderaan Elektrik ataupun *EV* dengan peruntukan RM2.5 juta. Saya amat setuju dengan komitmen kerajaan untuk mula menukar kenderaan jabatan kepada teknologi berasaskan *EV*. Namun, jika kita telah menjadi pengguna *EV*, sudah tentu kita juga perlukan kepakaran automotif berkaitan dengan *EV* ini. Juga, kemudahan untuk mendapatkan bahan boleh ganti aksesori kenderaan seperti bateri dan sebagainya.

Justeru, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk turut memberikan agihan peruntukan kepada pendidikan berteraskan *EV* bagi mula melatih para pelajar dan mereka yang terlibat dalam bidang automotif *EV* ini. Mereka dilihat sangat berminat untuk mendalami pengetahuan berkaitan dengan teknologi ini. Ia penting kerana menjelang tahun 2030 nanti, apabila negara jiran kita mula menguatkuasakan undang-undang berkaitan kemasukan kenderaan ke negara mereka, di mana hanya kenderaan yang berstatus *EV* sahaja yang boleh masuk ke negara Singapura, maka kita telah pun mempersiapkan dan mempunyai kepakaran dalam bidang automotif *EV* ini. Dan, secara tidak langsung juga Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jika ada pelabur-pelabur luar yang berminat untuk membawa projek ini ke dalam negara, mereka akan mula memilih negeri Johor sebagai lokasi strategik di mana tenaga kerjanya telah pun siap terlatih mahir dalam teknologi berkaitan dengan *electric vehicle* ataupun *EV*.

Untuk rekod Dewan, Kolej Komuniti Kluang telah mula menghantar pensyarah dan tenaga pengajar mereka ke *Korea University and Education* sebagai langkah pertama untuk menjadikan Kolej Komuniti Kluang sebagai pusat bertauliah *Institute of The Motor Industry* ataupun IMI dalam bidang *electric vehicle* dan *hybrid vehicle* bagi zon selatan yakni negeri Johor. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan memberikan insentif kepada mana-mana pensyarah dan pengajar-pengajar daripada Institusi Pendidikan TVET yang memberikan komitmen bagi meningkatkan tahap kemahiran dan skil tenaga pengajar mereka dalam bidang berkaitan dengan *EV* ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berkaitan dengan kelestarian alam sekitar ini juga, saya ingin mengambil kesempatan di dalam perbahasan kali ini untuk turut mendesak kerajaan persekutuan agar dapat membuat penilaian semula kepada akta-akta berkaitan alam sekitar yang dilihat semakin kusam dan perlu penambahbaikan seiring dengan situasi semasa perubahan iklim negara. Sebagai contoh, akta berkaitan dengan pencemaran rentas sempadan, kita faham akta ini kalau kita dapat dilaksanakan dengan betul kemungkinan masalah berkaitan dengan jerebu dan sebagainya ini mungkin akan dapat kita atasi. Termasuk akta berkaitan dengan perubahan iklim yang sepatutnya telah pun di *table* kan di peringkat Parlimen. Perundangan yang kukuh seperti Akta Perubahan Iklim akan berfungsi sebagai penghalang dan akan menghentikan amalan yang merosakkan alam sekitar juga boleh memastikan pencemar bertanggungjawab dengan membayar ganti rugi kerosakan yang disebabkan oleh tindakan mereka. Undang-undang tersebut akan menjadi asas-asas menuntut keadilan iklim dengan beralih daripada amalan pencemaran iklim menuju ke arah masa depan yang adil untuk semua. Ini bukanlah mustahil Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Persidangan Dewan Undang Negeri Sarawak pada Isnin yang lalu telah pun sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang Alam Sekitar Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau 2023 menjadikan ia negeri pertama meluluskan undang-undang seumpama itu di negara kita. Rang Undang-Undang itu merupakan inisiatif kerajaan negeri untuk melaksanakan strategi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Rang Undang-Undang itu juga bertujuan menggalakkan penangkapan dan menyimpan karbon serta mengurangkan kesan perubahan iklim di samping memberi peluang kepada rakyat

Sarawak untuk mengambil bahagian dalam projek mitigasi kesan pemanasan global dan pelepasan gas rumah hijau.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pemanis sarankan Johor sebagai sebuah negeri yang cakna alam sekitar sepatutnya turut menggubal undang-undang yang sama atau lebih baik lagi bagi memastikan kelestarian alam sekitar kita terus terjaga. Dan dalam perjumpaan bersama NGO-NGO alam sekitar juga mereka melahirkan kebimbangan penggunaan plastik yang masih lagi tinggi di kalangan rakyat. Walaupun ada inisiatif daripada kerajaan mengenakan caj kepada beg-beg plastik di pasar raya ia masih belum dapat menyelesaikan isu penggunaan produk berasaskan plastik di negara kita ini. Dan plastik ini jugalah yang menjadi punca pencemaran sungai dan laut di negara kita sehingga sistem perparitan kita tersumbat yang kebanyakan berpunca daripada pembuangan sampah plastik ini. Sewajarnya saya menyeru kepada pihak kerajaan negeri agar tidak lagi membenarkan syarikat-syarikat yang memproses, mencipta produk berasaskan plastik ini beroperasi di negeri Johor. Nampak keras nadanya tapi inilah cara terbaik pada negeri kita untuk mula bertindak atas perubahan iklim yang dah berlaku pada hari ini.

Terima kasih juga di atas pengumuman kerajaan bagi menaik taraf empangan-empangan yang ada di negeri kita ini. Walaupun jumlahnya agak kecil bagi menaik taraf 6 buah empangan dan jumlah peruntukan yang terhad, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk memujuk, ha sebab kalau mengarah ni Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kadang-kadang mereka ikut, kadang-kadang mereka tak dengar, jadi elok kita pujuk mereka ini. Saya mohon mencadangkan pada kerajaan negeri agar mana-mana syarikat GLC negeri mahupun persekutuan ambil empangan-empangan ini sebagai anak angkat mereka di mana usaha ini akan dapat membantu sedikit sebanyak usaha secara bersama menjaga dan memastikan tempat di mana sumber asas kehidupan ini dijaga dengan baik. Dengan ini, kerajaan negeri termasuk agensi dan syarikat-syarikat swasta serta GLC dilihat prihatin dan dekat dengan usaha kerajaan melestarikan alam sekitar.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, cukuplah cerita alam sekitar ni. Izinkan Pemanis beralih kepada beberapa isu penting melibatkan kawasan DUN dan daerah. Pertama, isu berkaitan dengan perumahan. Kita sedia maklum bahawa kerajaan negeri memberi komitmen untuk menyiapkan 30,000 unit rumah mampu milik menjelang tahun 2026. Oleh yang demikian, Pemanis ingin mencadangkan rumah mampu milik di kawasan seluas hampir 13 ekar milik kerajaan negeri dalam kawasan DUN Pemanis. Mungkin kalau dalam Inisiatif Keempat yang dibentangkan kelmarin, Residensi Bangsa Johor ataupun RBJ melalui kerjasama PKPJ dan GLC telah menyenaraikan beberapa lokasi strategik pembinaan RBJ ini, saya ingin mencadangkan untuk kerajaan negeri mempertimbangkan konsep dan kerjasama, pembinaan yang sama juga di kawasan tersebut.

Cadangan saya kali ini kalau dipertimbangkan untuk pelaksanaannya, tak perlu lagi dah buat majlis pecah tanah Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya fobia, sebab baru-baru ini bila dengar jawapan daripada YB EXCO Perumahan kelmarin masa sesi soal jawab lisan, bila mana hampir semua projek pecah tanah perumahan mampu milik sama ada terbengkalai atau layu di hujung mekar. Kita siapkan dulu perumahan tersebut, dah siap, nak rasmi ke, nak lancar ke, baru kita buat majlisnya. Dan saya yakin jika ianya nanti dapat disiapkan, permintaan terhadap rumah mampu milik ini akan mengubah landskap kawasan penduduk di situ.

Bagi kawasan dalam tanah rancangan FELDA pula, isu pembinaan rumah generasi kedua masih lagi membelenggu dan dilihat kurang menerima jalan penyelesaiannya. Mana kan tidak, tanah yang dulunya milik FELDA, apabila kerajaan negeri membenarkan ia diracik dan diberikan lot rumah serta dikenakan premium yang murah bila nak buat rumah secara berkelompok, susah nak buat pinjaman menerusi institusi kewangan, kalau pun boleh, dikatakan tanah tersebut sukar dimasukkan dalam perjanjian pajakan bank.

Ada macam-macam 1,001 perkara membelenggu isu untuk dicari jalan penyelesaiannya. Yang ini kerajaan kena bantu untuk memantau kerana ini janji kita dalam manifesto pilihan raya yang lepas untuk membantu generasi kedua FELDA. Saya pernah mencadangkan agar ditubuhkan satu jawatankuasa khas berkaitan FELDA yang dianggotai oleh ADUN-ADUN yang mempunyai kawasan FELDA, ketua-ketua jabatan dalam FELDA, jabatan kerajaan persekutuan dan negeri serta agensi yang terlibat. Dan jawatankuasa ini nanti boleh bermesyuarat memanggil mana-mana pihak berkepentingan termasuk jabatan-jabatan kerajaan, insititusi kewangan dan FELDA sendiri termasuk kepimpinan masyarakat untuk berbincang bagi memutuskan penyelesaian perkara-perkara yang berbangkit ini nanti.

Untuk pengetahuan Dewan, Johor mempunyai bilangan kedua terbesar kawasan FELDA dalam negara kita. Ada lebih 70 buah tanah rancangan di Johor ini. Kalau kerajaan dah setuju, tapi sehingga sekarang masih belum ada perkembangannya, yang ini saya minta jasa baik dua agensi FELDA Wilayah Johor Bahru dan Wilayah Segamat untuk menggerakkan usaha membantu kerajaan negeri merealisasikan hasrat penubuhan jawatankuasa ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya beralih kepada isu mini stadium dan juga belia. Di daerah Segamat ini, apabila ada cadangan daripada pimpinan belia untuk mewujudkan sebuah pusat sukan daerah, antara perkara yang terlintas dalam kepala kami sudah tentu Projek Penswastaaan Stadium Mini dan Stadium Tertutup Segamat yang bernilai RM22.5 juta seluas hampir 11 ekar yang sepatutnya siap pada November 2019. Isu ini ramai YB dah bangkit, YB Tenang ada bangkit, YB Kemelah ada bangkitkan tentang isu mini stadium ini. Namun apa yang berlaku setelah hampir 7 tahun, projek yang boleh kita kategorikan sebagai terbengkalai ini masih menanti keputusan sama ada ia akan terus terbina atau diserahkan semula kepada kerajaan negeri.

Bila mana daerah baharu diumumkan mendapat peruntukan bagi membina mini stadium tahun hadapan, sudah pastilah warga belia terutamanya di daerah Segamat bertanyakan perihal mini stadium ini. Pemanis amat berharap Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dapat memberikan jawapan segera dan tuntas untuk menjawab persoalan ini. Jika tempoh masa perjanjian telah tamat tempoh, elok diusahakan cadangan baharu, jika masih terikat dengan perjanjiannya, Pemanis sarankan supaya peruntukan perundangan diguna pakai bagi memastikan pembangunan mini stadium ini tidak terus menjadi projek pecah tanah sahaja.

Di kesempatan ini juga saya ingin, Pemanis ingin bertanya kepada kerajaan negeri berkenaan cadangan penubuhan hab belia ataupun TMIYC di daerah-daerah termasuk Segamat. Dikatakan dalam tempoh 5 tahun, semua daerah akan dibina TMIYC ini. Pemanis ingin mencadangkan agar lokasi *Segamat Country Club* yang telah sedia ada kemudahan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi yang kini menyewa tanah yang rupanya milik kerajaan negeri diberikan nafas baharu dengan pembukaan hab belia di sini. Mungkin YB EXCO boleh dijemput hadir untuk melihat sendiri kemudahan yang ada, semoga cadangan ini nanti akan dapat memberikan manfaat besar khususnya kepada orang-orang muda di daerah Segamat.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas bantuan dana pengurusan dan pentadbiran Majlis Belia Negeri Johor sebanyak RM200,000.00 dan juga Majlis Belia FELDA Kawasan Negeri Johor sebanyak RM345,000.00. Walaupun ada peruntukan disebut juga sebanyak RM1.5 juta untuk setiap daerah menganjurkan Jelajah Aspirasi Muda Johor. Sukalah Pemanis ingin mencadangkan agar dana RM10,000.00 turut diberikan kepada semua Majlis Belia di daerah-daerah sebagai dana pengurusan dan pentadbiran mereka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya beralih kepada isu jalan. Pemanis ingin menarik perhatian kerajaan negeri untuk memanjangkan hasrat warga pengguna daerah



Segamat berkenaan permohonan projek program pembangunan Baharu, *Rolling Plan* ke-2025, *Rancangan Malaysia Ke-12* bagi kerja-kerja menaik taraf Jalan Segamat – Kuantan ataupun FT12 bermula dari Seksyen 1 hingga Seksyen 20 atau lebih dikenali dengan Lebuhraya Segamat – Kuantan. Nama aje lebuhraya, tapi standardnya macam jalan biasa. Jalan di mana urusan pelebarannya dalam tahun 2013 dahulu bermula daripada Kuantan sehingga ke Paloh Inai terhenti. Pemanis ingin mencadangkan agar jika dimulakan semula, projek pelebaran jalannya mestilah dimulakan dalam negeri Johor yang panjangnya tak sampai 20 kilometer sehingga ke sempadan negeri. Laluan ini yang menghubungkan dua negeri sepatutnya dah lama melalui proses pelebaran dan naik taraf. Sebelum ini telah banyak kemalangan dan kematian yang berlaku akibat laluan jalan yang sempit dan gelap. Saya minta kerjasama YB EXCO meletakkan *priority* di dalam senarai projek yang akan diangkat ke JKR Malaysia. YB boleh menyemak permohonan status JKR daerah kepada negeri dan kerajaan pusat termasuk kerja membina jalan baharu dan naik taraf persimpangan Jalan Segamat – Kuantan ke selekoh Rasau.

Isu Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti atau PKPDK. Mulai Mac 2021 kadar sugu hati yang diterima penyelia telah dinaikkan daripada RM1,200.00 kepada RM1,400.00. Setiap penyelia dan petugas pula menerima elaun tambahan dari kerajaan Johor sebanyak RM200.00 sebulan mulai tahun 2015. Oleh itu, jumlah keseluruhan elaun yang diterima oleh penyelia adalah sebanyak RM1,600.00 sebulan dan petugas RM1,400.00 sebulan. Cuma nak minta jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar, petugas ni pun tak ramai daripada seluruh negeri Johor, tak sampai 500 orang pun. Bolehlah kiranya jika dipertimbangkan elaun mereka ini dinaikkan kepada RM100.00 lagi tahun hadapan supaya elaun yang diterima ini selaras dengan gaji minima sebanyak RM1,500.00. Dan ramai yang hantar mesej kepada saya sebelum berucap ni Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, minta tolong sampaikan salam kepada YAB Dato' Menteri Besar dengan pesanan kasih sayang jangan lupa bonus 2 bulan tu masukkan juga mereka sekali dalam senarai, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

Saya ingin mengulas berkenaan cadangan bagi diadakan pilihan raya PBT ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sedikit aje lagi. Bagi menjawab persoalan di atas, elok kita lihat siapa yang menganggotai PBT. Menurut Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976, Ahli PBT dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di mana YB yang mempengeruskannya adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kerajaan negeri pula ialah kerajaan yang dipilih secara majoritinya oleh rakyat. Oleh itu, hasrat rakyat untuk menentukan pihak yang menguruskan PBT sebenarnya sudah boleh dicapai melalui pilihan raya yang memilih kerajaan negeri. Cuma, bezanya ia tidak berlaku secara langsung, maksud saya kalau hari ini kerajaan negeri yang telah dipilih itu adalah kerajaan yang memang disokong oleh rakyat jadi apabila memilih Ahli-Ahli Majlis melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri maka saya kira itu juga adalah merupakan daripada suara rakyat. Oleh yang demikian Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pemanis kurang bersetuju dengan idea untuk diadakan Pilihan Raya Tempatan ini, ia akan melibatkan banyak pihak dan kos yang tinggi nanti. (Dewan bertepuk). Dan dengan kaedah sekarang, sebenarnya semua lantikan-lantikan tak kiralah Datuk-Datuk Bandar ke, Ahli-Ahli Majlis ke adalah mereka yang terlantik secara sah dan tanpa prejudis.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, banyak lagi isu nak bawa tapi demi memacu pembangunan dan menyejahterakan rakyat, kita akan terus membawa perkara-perkara ini mungkin dalam siding-sidang yang lain. Semoga Allah mempermudah segala urusan kita semua dalam memastikan amanah dan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan baik. Sekian, wabillahaufik walhidayah wassalamaualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk). Pemanis menyokong rundingan belanjawan ini. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Pemanis. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah seramai 43 orang Ahli Dewan Negeri telah melibatkan diri dalam perbahasan Atas

Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023. Insya-Allah, esok Khamis 30 Disember 2023 akan bermula sesi pergulungan bagi pihak kerajaan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengenengahkan isu dan pandangan untuk kebaikan rakyat dan kerajaan. Kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat berjaya menyampaikan mesej dengan baik dan juga berkelakuan amat baik. (Dewan bertepuk). Ini sudah pasti akan lebih bermakna lagi dengan komitmen semua pihak untuk mengikat erat muafakat untuk membangun negeri ini. Sama-samalah kita hargai dan pertahankan keamanan, keharmonian dan muafakat yang sedia ada, dijauhi fenomena yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, tahniah kepada semua. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 30 November 2023, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.54 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI KHAMIS**

**30 NOVEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**  
Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin memetik satu *quotation* penting mengenai Dewan Negeri dengan izin, *“it is impossible to practice state assembly politics without having precision, decency, politeness and courtesy. Debate is the essence of state assembly politics”*.

Pada hari ini Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa akan membuat penggulungan atas Rundingan Bacaan Kali Kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024 Tahun 2023. Justeru atas panduan itu tadi, saya akan membenarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat pertanyaan bukan soalan ketika Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa membuat penggulungan.

Saya hanya membenarkan pertanyaan bukan soalan. Seperti yang pernah saya sebut sebelum ini, pertanyaan ialah Ahli-Ahli bertanya kerana tidak tahu jawapannya seperti kaunter pertanyaan di pejabat kerajaan. Manakala soalan ialah kita sudah tahu jawapannya, kita menyoal kerana ingin menguji pengetahuan seseorang seperti soalan peperiksaan SPM. Justeru apabila membuat pertanyaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan mengulas, membuat huraian, membahas dan lain-lain. Terus sahaja buat pertanyaan yang ringkas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan Jabatan Pertanian Negeri Johor menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan ke Program Promosi Buah-Buahan Johor hari ini dari jam 12.00 hingga 2.30 petang bertempat di Aras Bawah, Bangunan Sultan Ismail.

Jadi jangan makan banyak sangat durian itu eh, takut ada yang tumbang nanti. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Datuk Haji Mohd. Fuad bin Tukirin (Bukit Naning) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1. Terima kasih.

Program Jualan Rahmah sedikit sebanyak membantu rakyat dalam menangani kenaikan harga barangan dan kos sara hidup. Sampai bilakah ianya akan terus diadakan dan adakah mekanisma lain yang lebih menjurus situasi ‘menang-menang’ agar tidak menjejaskan peruncit tempatan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Yang Berhormat Datuk Speaker, sepertimana kita sedia maklum Program Jualan Rahmah merupakan satu inisiatif di bawah payung rahmah yang telah pun dilancarkan oleh kerajaan

persekutuan. Dan ia sedikit sebanyak telah pun membantu rakyat dalam menangani kenaikan harga barangan dan juga kos sara hidup. Dan merujuk kepada pembentangan Belanjawan Tahun 2024 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan persekutuan telah pun memperuntukkan RM200 juta untuk memperluaskan serta memperkasakan inisiatif-inisiatif di bawah payung rahmah. Dan daripada RM200 juta tersebut, RM150 juta adalah akan digunakan untuk melaksanakan Program Jualan Rahmah pada tahun hadapan. Dan ia menunjukkan dan juga sebagai satu manifestasi keprihatinan kerajaan terhadap kos isu kos sara hidup. Dan sepertimana Dewan ini sedia maklum, jualan rahmah anjuran KPNDN Johor menawarkan diskaun harga atau subsidi antara 10% hingga 30% daripada harga tawaran peniaga, vendor, pasar raya yang dilantik bagi menyertai jualan tersebut.

Mana-mana peruncit, pemilik pasar mini, kedai runcit yang berminat untuk menyertai jualan rahmah ini boleh bolehlah apa tu menghubungi pihak KPNDN di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri, kerana ia secara langsung atau tidak langsung dapat membantu meningkatkan jualan harian dan juga mempromosikan premis tersebut. Dia juga sebagai satu langkah menang-menang agar tidak menjejaskan peruncit tempatan. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Senggarang.

**YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Senggarang nombor 2.

Apakah pihak kerajaan negeri tidak berhasrat untuk membina bangunan tambahan di Hospital Sultanah Nora Batu Pahat memandangkan jumlah pesakit yang semakin bertambah?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Terima kasih Datuk Speaker. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada DUN Senggarang. Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat (HSNIBP) telah bermula beroperasi di lokasi sedia ada pada tahun 1994 dan bangunan tambahan pula mula beroperasi sejak tahun 2012 dengan kapasiti jumlah katil sebanyak 610 katil.

HSNIBP merupakan hospital berpakar major dengan liputan penduduk seramai 495,000 orang termasuklah pengundi daripada Senggarang dan juga pengundi daripada kawasan saya, Yong Peng dan juga pengundi daripada kawasan Rengit. Kadar penggunaan katil hospital, *Bed Occupancy Rate* (BOR) merupakan di antara kriteria penting bagi cadangan pembinaan sesebuah hospital gantian. Laporan statistik tahunan pada tahun 2022 menunjukkan kadar penggunaan hospital ialah 77%.

Bagi meningkatkan potensi hospital ini, berbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan oleh pihak hospital dan JKNJ sama ada daripada aspek pembangunan prasarana bagi keselesaan pesakit semasa mendapatkan rawatan mahupun pengukuhan perkhidmatan perawatan pesakit kepada komuniti setempat. Pihak Kementerian sentiasa membuat penilaian secara berterusan dan cadangan membina bangunan tambahan akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya jemput Senggarang.

**YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, Hospital Sultanah Nora Ismail ini ada 2 blok. Satu blok baru dan satu lagi blok lama. Keadaan di blok lama ini, banyak wad-wadnya yang uzur dan panas. Soalan saya Datuk Speaker, adakah kerajaan merancang untuk menaik taraf wad-wad ini? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.



**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Terima kasih soalan tambahan daripada ADUN Senggarang. Terdapat 14 wad di HSNIBP dan di antaranya, lapannya, 8 wad di blok lama yang beroperasi hampir 30 tahun. Dan memang benar, pihak hospital ataupun JKNJ berhadapan dengan kekangan kekurangan peruntukan untuk menaik taraf ataupun menambah baik *facilities* yang lama khususnya penambahan peralatan *non-medical equipment*, dengan izin. Walau bagaimanapun, kebersihan dan keceriaan bagi wad sentiasa diutamakan oleh pihak hospital.

Dan untuk maklumat Yang Berhormat Senggarang, pada tahun ini sahaja 2023, dengan usaha kerajaan negeri, RM50,000.00 peruntukan telah disalurkan kepada pihak hospital untuk menambah *equipment non-medical asset* kepada pihak hospital untuk menambah meningkatkan keselesaan dalam wad tersebut. Dan bukan begitu sahaja, dengan usaha pejabat saya dan juga NGO tempatan, kita dah menyumbang kipas dan *cooler* kepada pihak hospital, bukan begitu sahaja dengan usaha bersama pejabat saya dan juga 2 syarikat swasta di daerah Batu Pahat telah menyumbangkan katil yang baharu dan *locker* yang baru di wad pediatrik ataupun wad kanak-kanak di bangunan lama juga. Dengan ini, telah menambah keselesaan bagi pesakit yang apa ini berehat dalam wad tersebut. Dan ini juga sebagai satu contoh yang terbaik, kerjasama di antara kerajaan, NGO dan juga syarikat swasta.

Saya juga ambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak mahupun daripada pihak NGO, daripada GLC ataupun syarikat swasta, bolehlah kami mengalu-alukan pihak anda untuk melaksanakan tanggungjawab sosial ataupun program CSR dalam hospital. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati. 42 orang daripada JPKK Kampung Sungai Merlong Tengah, Mukim 12, Sungai Kluang, Rengit, ha ni penyokong saya semua ini (Dewan bertepuk). Kedua, 21 orang daripada Pejabat ADUN Kemelah, YB Kemelah ada? Dan 3 orang daripada Pejabat ADUN Parit Raja (Dewan bertepuk). Dijemput YB Mengkibol.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan saya nombor 3.

Jalan sambung VBC akan memberi impak yang tinggi. Adakah kerajaan negeri memasukkan projek ini di dalam Belanjawan Negeri Johor 2024?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Mengkibol.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sekalian, cadangan Yang Berhormat Mengkibol untuk projek penyambungan jalan untuk lintasan *Vehicle Box Culvert* dengan izin VBC, Jalan Mengkibol – Kluang berada di bawah landasan kereta api ETS Gemas – Johor Bahru telah dinilai dan diulas oleh semua jabatan dan agensi teknikal yang berkenaan. Projek sepanjang 700 meter ini melibatkan pembinaan jambatan baru melintasi Sungai Mengkibol dengan anggaran kos fizikal RM4.2 juta.

Pertamanya berdasarkan pelan cadangan, projek ini dijangka akan melibatkan pengambilan balik tanah PBT yang akan menelan kos yang agak tinggi, yang tidak termasuk kos fizikal RM4.2 juta seperti yang saya sebutkan tadi. Terdapat 8 lot tanah berhak milik yang berada di zon perumahan dengan anggaran nilai semasa RM440.00 semeter persegi atau RM40.00 ke RM41.00 sekaki persegi, tanpa mengambil kira struktur yang ada di atas tanah berkenaan.

Selain itu, tanah yang ingin dijadikan rizab ini terlalu hampir dengan tapak rumah kediaman dan akan termasuk juga rizab Sungai Mengkibol, yakni perlu dikekalkan pada jarak 60 meter iaitu kawasan dataran banjir yang akan menjadi laluan air semasa hujan lebat di kawasan hulu. Dan dirancang untuk dijadikan kawasan penampungan banjir atau *buffer zone* dengan izin, untuk masa akan datang serta rizab tanah lapang yakni padang.

Berdasarkan ulasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor, pembinaan struktur jambatan dan jalan dalam rizab tebatan banjir tidak dibenarkan. Dan bukan pilihan amalan kejuruteraan terbaik kerana dikhuatiri kesan daripada arus yang deras dan limpahan air sungai akan melemahkan struktur tersebut seterusnya meningkatkan risiko keruntuhan. Rizab sungai ini dirancang untuk dijadikan zon penampungan.

Kelebaran VBC ini juga tidak mencukupi untuk digunakan oleh kenderaan berat dan besar seperti bas dan lori. Isu keselamatan pengguna jalan raya juga dibangkitkan apabila cadangan projek ini mempunyai 4 selekoh tajam di samping akan mengundang kesesakan kerana jarak di antara selekoh ini berdekatan antara satu sama lain iaitu kurang 200 meter.

Sebagai alternatif kepada cadangan Yang Berhormat Mengkibol ini, kerajaan negeri telah menyediakan satu cadangan jalan baharu berimpak tinggi yang merupakan jalan pintasan Kluang atau *Kluang bypass* dari Jalan Mengkibol J 25 di Persimpangan Lampu Isyarat Taman Muhibbah ke Jalan Kota Tinggi FT 91 sepanjang 2.1 kilometer dengan anggaran RM59,000,221.00 di bawah *Program Rolling Plan Ke-5*, Pembangunan Baharu Rancangan Malaysia (RMK-12). Objektif projek ini adalah untuk memenuhi pelan pembangunan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) daerah Kluang di mana satu penyuraian trafik diperlukan dari arah Kluang Barat yakni Jalan Stadium, Tasek Indah dan Jalan Delima merentas ke arah timur iaitu Jalan Kota Tinggi serta Jalan Mersing. Laluan baharu ini akan melengkapkan rantaian lingkaran jalan-jalan PBT, negeri dan persekutuan di daerah Kluang dan akan mengurangkan sejumlah 70% kesesakan di mana pengguna tidak perlu melalui Pusat Bandar Kluang untuk ke arah Mersing, Ayer Hitam, Segamat ataupun ke Simpang Renggam. Saya faham bahawa projek yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mengkibol ini merupakan penyelesaian kesesakan trafik untuk jangka pendek, namun begitu ulasan-ulasan teknikal ini perlu juga diperhalusi dan dipertimbangkan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya sila.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih juga kepada YB EXCO kerana menyelesaikan satu isu rakyat Kluang membantu dengan usaha YB EXCO telah ada lampu di sepanjang jalan 20 kilometer dari Tol Ayer Hitam ke bandar Kluang, terima kasih. Seperti yang dikatakan oleh YB Kahang semalam, ADUN datang ke Dewan yang mulia ini demi menyelesaikan masalah rakyat. Seperti yang dikatakan oleh Datuk Speaker semalam, Dewan ini peranannya sebagai, kita sebagai *legislator* datang ke Dewan ini meluluskan enakmen termasuk Enakmen Belanjawan 2024 yang merangkumi pelbagai projek yang dapat menyelesaikan masalah rakyat. Serupa dengan laluan BBC yang baru-baru ini dibuka..

**YB Speaker :** Pertanyaan Yang Berhormat, pertanyaan.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Ya. Soalan saya, bolehkah pihak YB EXCO mengadakan satu *traffic model* atau kajian *traffic modelling* supaya mencarikan penyelesaian dia dan mengadakan satu mesyuarat penyelarasan bersama BPENJ jadi kita bolehkan penyelesaian bersama seperti yang dikatakan oleh ulasan JKR, pejabat ini tiada halangan dengan syarat ulasan teknikal jabatan-jabatan teknikal dipenuhi sepenuhnya. Sekian terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa, kita faham bahawa cadangan Yang Berhormat Mengkibol ialah cadangan untuk jangka masa pendek dan projek yang kita angkat ke peringkat persekutuan bernilai RM59 juta ini, kita boleh mohon tapi belum tentu diluluskan di peringkat kerajaan persekutuan. Saya faham isu yang dihadapi di kawasan Mengkibol, oleh itu saya setuju dengan Yang Berhormat Mengkibol, saya akan mempengerusikan sendiri cadangan ini sebab kebanyakan ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal tiada halangan kecuali ianya melibatkan tebatan banjir dan sebagainya. Dan insya-Allah kita akan, saya akan turun sendiri melihat kawasan tersebut dan mulakan mesyuarat dengan agensi-agensi berkaitan sebab saya nampak ini salah satu langkah yang baiklah sementara kita menunggu projek yang lebih besar. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Senai.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai):** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertanyaan saya nombor 4.

Sila nyatakan maklumat terperinci dan hasil tentang operasi penguatkuasaan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kulai dan Jabatan Imigresen Johor terhadap aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing sekitar daerah Kulai dalam tempoh tahun 2023.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Maju Johor. Bismillahirrahmanirrahim. Soalan Yang Berhormat ADUN Senai berbunyi, sila nyatakan maklumat terperinci dan hasil tentang operasi penguatkuasaan yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Kulai dan Jabatan Imigresen Johor terhadap aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warga asing di sekitar daerah Kulai dalam tempoh 2023.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum sehingga bulan November 2023, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan, Majlis Perbandaran Kulai telah melakukan pemantauan dan operasi bersepadu di kawasan-kawasan yang menjadi tempat aktiviti warga asing seperti menjalankan perniagaan dan menjaja tanpa lesen. Tindakan yang dilakukan setakat ini sepanjang tempoh sehingga Oktober 2023 terdapat sejumlah 6 operasi dan 6 lokasi di kawasan Taman Seri Senai, di Desa Idaman, di Bintang Utama, di Bandar Senai dan Tan Yoke Fong dan juga di Kota Kulai. Hasil daripada penguatkuasaan ini tindakan yang telah diambil di peringkat Majlis Perbandaran Kulai ialah 10 sitaan penjaja, 7 notis tutup, 14 warga asing ditahan dengan denda melibatkan RM5,900.00. Antara operasi bersepadu oleh Majlis Perbandaran Kulai bersama Jabatan Imigresen Negeri Johor yang dilaksanakan pada 20 Jun 2023 dengan menyasarkan pemeriksaan ke atas premis perniagaan yang didakwa melibatkan warganegara asing, seramai 22 warganegara asing telah diperiksa dan tindakan penguatkuasaan juga telah diambil mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya sila.

**YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) :** Terima kasih jawapan yang diberikan oleh YB EXCO. Selain aktiviti perniagaan, isu penempatan pekerja warga asing di taman perumahan sekitar Senai juga semakin tidak terkawal seperti di Taman Scientex Senai, terdapat seramai 1,300 orang pekerja asing telah tinggal di sana memastikan 80 unit rumah. Soalan tambahan Senai, adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan Senai untuk menubuhkan satu *task force* yang merangkumi PBT, Imigresen, PDRM dan DOSH untuk menangani dua isu tersebut berkaitan dengan warga asing di Senai. Sekian terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Senai. Menjawab soalan ADUN Senai, dah semestinyalah di peringkat, bukan setakat ADUN yang mengadu kalau ada pemilik atau orang ramai mengadu ada aktiviti atau kacau ganggu di peringkat kawasan penduduk setempat, mereka boleh buat aduan bukan setakat kepada PBT tetapi juga kepada pihak Polis. Dah tentulah bila ada setiap aduan ini, dah tentulah tindakan boleh diambil. Saya nak kongsi juga, ini MPKu pun sekarang tengah sediakan satu prosedur khas, tindakan yang telah dibuat sebagai langkah pencegahan awal bagi permohonan baharu lesen perniagaan. Jadi kalau di Senai itu bukan setakat di Senai sajalah, saya ingat di Pasir Gudang ada, di JB pun ada, di Iskandar Puteri pun ada, di bandar-bandar besar pun ada, di mana mereka meniaga tidak menggunakan lesen.

Kalau untuk makluman di dalam Dewan yang mulia ini, untuk Undang-Undang Kecil Penjaja (UUK) ini, ada dua akta di situ Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu pertama Undang-Undang Kecil Penjaja, kedua Undang-Undang Kecil Pasar Malam. Ramai, mungkin rakyat tidak tahu bahawa kadang-kadang kita pergi ke pasar malam, pasar pagi ada orang-orang asing meniaga di satu-satu tempat di dalam kawasan itu. Sebenarnya perkara itu adalah salah. Kalau ada aduan, Pihak Berkuasa Tempatan boleh merampas barang tersebut dan mengenakan denda. Kalau tengok dari segi tindakan yang boleh dikenakan termasuk denda RM2,000.00 dan sebagainya. Sebab itu, saya selalu pesankan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, penguatkuasaan kepada penjaja-penjaja asing yang tidak berlesen perlu digerakkan supaya apa tuan-tuan, supaya peniaga-peniaga orang tempatan akan terlindung. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Bukit Batu.

**YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu) :** Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 5.

Nyatakan bilangan pelajar dan anak muda yang telah dibantu melalui *Program Youngsters Coding* dan *Program Young Dronengineers* untuk melahirkan modal insan berkemahiran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di negeri Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Bukit Batu, nyatakan bilangan pelajar dan anak muda yang telah dibantu melalui *Program Youngsters Coding* dan *Program Young Dronengineers* untuk melahirkan modal insan berkemahiran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *Program Young Dronengineers* bermatlamat mempersiapkan anak muda Johor dalam industri berkemahiran tinggi melalui eksplorasi pengetahuan dan kemahiran seperti pengaturcaraan, robotik, percetakan 3D, analisis data, pemetaan, reka cipta dan inovasi. Sebanyak 12 buah Sekolah Aspirasi Johor akan dibangunkan dengan *Techno Maker Lab* sebagai pusat pengajaran daya cipta, reka *space* manakala guru serta murid dibina keupayaan masing-masing dalam, dari segi kemahiran berkaitan teknologi *drone* dan Kecerdasan Pembuatan, *Artificial Intelligent* berkaitan *drone* dan robotik. Pendekatan pembelajaran berasaskan projek penyelesaian masalah dan inkuiri penemuan menerusi 12 modul *drone* mampu meningkatkan elemen murid dalam bidang STEM di peringkat menengah dan juga IPT. Jadi, sehingga bulan November 2023 seramai 120 orang murid fokus telah mengikuti pembelajaran *drone* melalui *Program Student Book Camp Johor Young Dronengineers* yang telah dilaksanakan pada 24 hingga 26 Ogos 2023 di Hotel Seri Malaysia, Johor Bahru yang lepas. Seramai 24 orang guru pembimbing telah diberikan pengetahuan, diberikan kemahiran dan dibangunkan kapasiti masing-masing

untuk membimbing murid fokus ini di sekolah melalui *Bengkel Training of Trainers* yang diadakan 6 hingga 8 Jun 2023 yang lepas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peranan guru pembimbing akan memastikan 40 orang murid fokus ini di setiap sekolah berjaya menguasai 12 modul pengajaran *drone* dan seterusnya menjadi ikon di sekolah untuk membantu perluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan teknologi *drone* kepada warga sekolah. Segala kemudahan dan peralatan yang diberikan bukan terhad kepada murid fokus sahaja tetapi manfaatnya dikongsi bersama dengan seluruh warga sekolah dan sekolah-sekolah yang berhampiran. Menjadi aspirasi program ini agar bakat anak muda Johor yang telah dibangunkan akan memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi dan dapat menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan negeri Johor yang kita cintai ini. Sekian terima kasih.

**YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Program STEM yang bermanfaat sebegini, sepatutnya disambut baik dalam semua lapisan pelajar tetapi kebanyakan pelajar dan belia di kawasan luar bandar ini kurang mengetahui program tersebut. Soalan tambahan saya, adakah pihak YB EXCO mempunyai pelan untuk mempromosikan program tersebut di kawasan luar bandar? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih atas soalan tambahan itu tadi. Sekolah yang menjadi *pilot* bagi program ini adalah Sekolah Aspirasi Johor, Yang Berhormat. Senarai sekolah kalau saya boleh kongsi ada 12 buah sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi, Batu Pahat; Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru; SMKA Sultan Ibrahim; SMK Simpang Renggam; SMK Tun Habab Kota Tinggi; SMK Bandar Putra, Kulai; SMK Seri Mersing, Mersing; SMK Dato' Seri Amar Diraja, Muar; SMK Dato' Penggawa Timur, Pasir Gudang; SMK Dato' Penggawa Barat, Pontian; SMK Dato' Bentara Dalam, Segamat dan SMK Tun Mamat, Tangkak. Bagi *Pilot Project Young Droneengineers* ini bermula dengan satu daerah satu sekolah. Bagi daerah Kulai, sekolah yang telah terpilih adalah SMK Bandar Putra. Melihatkan program ini sangat memberangsangkan bak kata Yang Berhormat Bukit Batu tadi, insya-Allah kita akan memperluaskan program ini ke sekolah-sekolah yang lain terutama sekali sekolah di luar bandar, Yang Berhormat. Sekian terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Parit Raja nombor 6.

Minta dinyatakan usaha-usaha pihak kerajaan untuk merencanakan lagi pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat bagi mendapatkan sumber makanan dan hasil pertanian.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada beberapa inisiatif dan usaha yang dilakukan kerajaan dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat. Bagi keluarga B40 misalnya dan penduduk luar bandar melalui Jabatan Pertanian Negeri Johor, pelbagai inisiatif termasuk pemberian benih dan input tanaman berskala kecil telah kita usahakan bagi memberi aktiviti penanaman kepada beberapa individu yang terpilih. Begitu juga melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar, anak-anak ayam berskala kecil dengan jumlah 20 ke 40 ekor

diberikan kepada keluarga-keluarga B40 dan terpilih. Namun, ia hanya dengan jumlah yang agak terhad dan berskala kecil.

Dan, bagi menjawab soalan Parit Raja dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat terutama dalam hal mendapatkan sumber bekalan makanan dan hasil pertanian, maka agensi sebenar yang memainkan peranan utama adalah FAMA. Untuk makluman Yang Berhormat, berikut merupakan program dan aktiviti oleh FAMA negeri dalam mengurangkan kos sara hidup bagi mendapatkan keperluan asas. Antaranya adalah yang pertama, Bazar Rakyat Agro Johor atau BRAJ. Penganjuran Bazar Rakyat Agro Johor ini adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri melalui FAMA negeri untuk membantu rakyat mengatasi kenaikan harga barang dengan peruntukan sebanyak RM862,000.00. Sehingga November 2023, 62 siri program BRAJ telah diadakan yang melibatkan 1,936 usahawan dan memberi manfaat kepada 124,932 orang iaitu masyarakat setempat. Dan, di Batu Pahat sahaja lapan siri telah di jalankan dan melibatkan 16,120 orang penerima manfaat. Dengan nilai penjimatan sebanyak RM1.48 juta yang dimanfaatkan oleh masyarakat setempat terutamanya kumpulan sasar menerusi program ini. Manakala, RM6.22 juta jualan keseluruhan melibatkan 1.472 metrik tan sepanjang pelaksanaan program ini dengan dana peruntukan asal oleh kerajaan negeri sebanyak RM800,000.00 yang diterima sepanjang tahun 2023.

Komoditi yang ditawarkan dalam Bazar Rakyat Agro Johor ini adalah seperti ikan segar, ayam segar, telur, sayur-sayuran, buah-buahan, barang kawalan seperti minyak masak, daging dan sebagainya. Antara program, antara apungan harga atau potongan harga yang dilakukan oleh FAMA dan usahawan-usahawan FAMA adalah seperti, minta maaf Yang Berhormat, adalah seperti ayam bulat potongan sebanyak RM6.00, ikan segar potongan sebanyak RM5.00 sekilo, telur ayam gred C melibatkan potongan RM4.00 sepapan dan minyak masak ukuran 5 kilogram dengan potongan RM5.00 sebotol.

Saya juga hendak mengambil kesempatan Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam jualan Bazar Rakyat Agro Johor ini. Saya difahamkan oleh FAMA, ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menambah jumlah kuantiti barang jualan contohnya FAMA menyediakan 500 ekor, ada YB yang menambah sehingga 800 ke 1,000 ekor. Dan, ada juga yang menambah jumlah potongan atau apungan, ada Ahli Yang Berhormat yang menambah contohnya ayam dari potongan RM6.00 terus potong jadi RM10.00, ayam potong, ikan RM5.00 terus potong kepada RM10.00 begitu juga telur dan sebagainya. Jadi, saya ambil kesempatan hari ini hendak ucap terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terlibat dan saya pun bersetujulah kalau ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyebutkan supaya, yang mencadangkan supaya elaun dan gaji Yang Berhormat disemak semula kerana mereka banyak membantu rakyat terutama ketika dalam soal harga dan kos sara hidup ini.

**YB Speaker :** Yang Berhormat nak suruh bagi subsidi ayam ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kedua ialah jualan Agro Madani. Penjenamaan semula nama program asal iaitu Jualan Terus Dari Ladang kepada Program Jualan Agro Madani ini susulan keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bilangan 3/2023, pada 7 April 2023 program ini adalah di *outlet* pemasaran FAMA seperti Pasar Tani, Pasar Tani kekal dan lain-lain. Objektif utama jualan Agro Madani ini adalah memastikan penjimatan antara 10% ke 30% dari harga jualan berbanding harga pasaran setempat bagi produk yang terpilih.

Berikut adalah komoditi jualan yang terdapat di Jualan Agro Madani, antaranya ialah produk segar seperti ayam, telur, ikan, daging, sayur, buah-buahan dan barangan runcit. Kedua, produk tambahan seperti barang kawalan gula, minyak, tepung, beras dan sebagainya. Dan

yang ketiga ialah, Kombo Madani iaitu tawaran jualan murah dengan penjimatan 10% hingga 50% dari harga asal.

Seperti juga BRAJ, agensi FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan Program Jualan Agro Madani ini. FAMA Negeri Johor telah mengadakan 173 jumlah Jualan Agro Madani di seluruh negeri Johor bermula 6 Ogos sehingga 12 November 2023 dengan penglibatan usahawan seramai 1,290 orang dan penerima manfaat anggaran 60,500 orang.

Sehubungan dengan itu juga, Jualan Kombo Madani turut menjadi perhatian rakyat yang amat ketara. Seperti FAMA Johor telah menjual ayam segar seekor dan sepanan telur dengan harga kombo iaitu RM15.00 sahaja. Dalam usaha menangani kos sara hidup rakyat dan memastikan bekalan sumber makanan utama sentiasa mencukupi dalam pasaran, kerajaan menerusi pelaksanaan pejabat, kerajaan melalui agensi pelaksana iaitu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Johor telah memperluaskan pelbagai inisiatif seperti yang pertama, pelaksanaan Program Jualan Rahmah Dan Premis Dalam Premis iaitu dua kali sebulan di setiap lima bulan di enam kawasan DUN. Jualan Rahmah Luar Premis, sebulan sekali di lokasi terpilih dan Jualan Rahmah bergerak satu kali seminggu di kesemua 26 Parlimen yang menawarkan barangan keperluan asas pada kuantiti dan harga yang rendah daripada harga pasaran setempat. Setakat 31 Oktober 2023, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2,277,802.44 untuk tujuan menampung diskaun harga barangan keperluan yang utama seperti ayam, beras, telur, tepung gandum, ikan dan hasil laut. Lebih 800,000 ketua isi rumah juga telah mendapat manfaat melalui pelaksanaan Jualan Rahmah di negeri Johor. Pelaksanaan skim yang keduanya, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi setiap perayaan iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Deepavali, Krismas dan sebagainya. Bagi mengawal kenaikan harga barangan utama di musim-musim perayaan. Sehingga kini, KPND Negeri Johor telah melakukan 1,692 pemeriksaan di peringkat peladang, pemborong dan peruncit.

Inisiatif yang ketiga Yang Berhormat Datuk Speaker, ialah pelaksanaan penentuan harga maksimum telur ayam bagi menstabilkan, bagi memberikan kestabilan harga ke aras barangan harga terkawal termasuklah di peringkat pengeluaran, pemborongan dan peruncitan. Sehingga kini sebanyak 9,488 pemeriksaan telah dilaksanakan meliputi peringkat peruncit, pemborong dan pengeluar. Dan, inisiatif yang keempat ialah pelaksanaan pemeriksaan harga ayam di peringkat peruncit bermula 1 November 2023 iaitu selepas pengapungan harga ayam oleh kerajaan. Sehingga kini 140 premis telah dipantau di peringkat peruncit dalam memastikan harga barangan bagi ayam adalah munasabah di peringkat pasaran. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Izinkan Parit Raja ucap terima kasih dan tahniah atas Program Bazar Rakyat Agro Johor yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Machap, sangat memberi manfaat kepada rakyat. Pertanyaan Parit Raja, apa pula peranan peladang dalam membantu program-program seperti mengurangkan kos sara hidup sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh FAMA yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti jawapan awal saya tadi mengatakan bahawa agensi utama yang memainkan peranan untuk membantu kos sara hidup rakyat terutama mendapatkan hasil-hasil ataupun barang-barang dengan harga yang terbaik adalah FAMA. Namun, saya sebutkan juga bahawa terdapat agensi lain yang membantu, dalam membantu rakyat menangani kos sara hidup ini. Saya sebutkan di awal tadi Jabatan

Pertanian, Veterinar dan antara juga jabatan yang membantu ialah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Cumanya Yang Berhormat, saya tidak dapat letakkan secara *detail* apa yang dijalankan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang cuma mereka yang menjadi Ahli Pertubuhan Peladang biasanya mempunyai kemudahan atau keistimewaan khas yang boleh mereka perolehi di setiap PPK masing-masing. Jadi, termasuklah jika berlaku kemusnahan akibat bencana, PPK atau LPP menyediakan beberapa kemudahan untuk mengganti ataupun memberi sumbangan atas peralatan ataupun tanaman yang musnah akibat bencana. Lain-lain bantuan insya-Allah, saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Parit Raja. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Puteri Wangsa. Pemanis hendak tanya soalan tambahan. Jemput Pemanis.

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya kira ini soalan yang baik untuk rakyat memandangkan hari ini ramai golongan B40 yang memang mengharapkan kerajaan negeri untuk terus membantu mereka terutamanya bila berkaitan dengan kos sara hidup. Berdasarkan penerangan daripada Yang Berhormat EXCO sebentar tadi, adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan lagi program-program yang disebutkan melalui FAMA, Peladang dan sebagainya ini mungkin dengan penambahbaikan daripada kita asyik beri sahaja kepada mereka-mereka ini, mungkin ada kaedah memberikan dalam bentuk pekerjaan terutamanya kepada golongan B40 ini? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**: Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan daripada Pemanis saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana telah maklumkan bahawa pada hari ini Jabatan Pertanian Negeri Johor akan mengadakan promosi buah-buahan tempatan di ruang legar di bawah (Dewan bertepuk). Sebenarnya, ia penambahbaikan juga daripada apa yang telah kami lakukan dua kali sebelum ini, iaitu sebelum ini hanya mempromosikan buah durian sahaja tetapi hari ini akan melibatkan beberapa lagi buah-buahan tempatan untuk dinikmati oleh Yang Berhormat dan seisi Dewan, insya-Allah.

Dan, bagi menjawab juga soalan Pemanis penambahbaikan kepada jualan atau Bazar Rakyat Agro Johor atau BRAJ ini saya bagi pihak Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang dalam pembentangan bajet tempoh hari telah mengumumkan bahawa akan memberikan peruntukan RM5 juta atas program ini. Dan, untuk makluman Yang Berhormat Pemanis bahawa jumlah yang diumumkan sebanyak RM5 juta ini bukan hanya tertumpu kepada jualan Bazar Rakyat Agro Johor ini atau BRAJ ini sahaja tetapi ia akan dilebar, diperluaskan lagi dalam beberapa perkara dan ianya sedang diperhalusi oleh pihak jabatan.

Dan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Pemanis tadi, antara perkara yang dalam penelitian kami untuk diperincikan ialah pertama, meneruskan jualan Bazar Rakyat Agro Johor ini di kawasan-kawasan semua kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang pertama. Yang keduanya, kami akan memperluaskan jualan ini di premis-premis jualan lain yang melibatkan pasar raya dan sebagainya. Yang ketiganya ia akan dijalankan di musim-musim perayaan, termasuk Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya. Dan, saya percaya dengan penambahan daripada RM800,000.00 ke RM5 juta ini ada banyak perkara yang akan kerajaan berjaya lakukan untuk membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup. Apa pun saya harap sangat agar Ahli-Ahli Yang Berhormat akan berbincang dengan pegawai FAMA di peringkat daerah masing-masing supaya pastikan jualan Bazar Rakyat Agro Johor ini sesuai dengan tempatnya. Kita tak nak jualan Bazar Rakyat Agro Johor ini misalnya dijalankan di tengah-tengah bandar, di pekan, yang di situ ada banyak



pasar raya atau premis-premis jualan. Tetapi ia lebih baik dijalankan di FELDA, di kampung-kampung tradisional, kampung Orang Asli misalnya supaya mencapai matlamat dan tujuan asal Bazar Rakyat Agro Johor ini untuk memberi rakyat yang terkesan dengan harga yang terbaik. Terima kasih Pemanis, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Saya jemput Puteri Wangsa.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 7.

Adakah Kerajaan Negeri Johor akan merancang inisiatif negeri dan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menaik taraf Program Pemulihan Dalam Komuniti di Johor untuk membangun komuniti OKU di negeri Johor?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Puteri Wangsa. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang diutarakan kepada saya adalah adakah Kerajaan Negeri Johor merancang inisiatif negeri dan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menaik taraf Program Pemulihan Dalam Komuniti di Johor dan untuk membangun komuniti OKU di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin kepada golongan OKU dan sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan OKU itu terpelihara. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai inisiatif khusus bagi OKU dengan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan jagaan, perlindungan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada OKU di samping menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat melalui pengintegrasian dan pembangunan Orang Kurang Upaya.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan Program Pemerksaan Ekonomi kepada 31 buah pertubuhan PDK untuk menjalankan projek penjaan ekonomi di PDK-PDK di mana ianya melibatkan pelatih-pelatih OKU. Program Pemerksaan Ekonomi ini adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan OKU itu yang terlibat di dalam program. Program ini dijalankan di mana PDK bukan sahaja berperanan sebagai tempat memberikan latihan dan kemahiran asas kepada pelatih tetapi juga menyediakan tempat untuk menjana pendapatan melalui projek-projek penjaan ekonomi, menghasilkan produk-produk PDK.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga kini seramai 164 orang pelatih PDK di seluruh negeri Johor sedang mengikuti projek penjaan ekonomi di 33 buah PDK di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program PDK ini merupakan satu strategi dalam pembangunan komuniti dan orang istimewa yang hadir di PDK ini bukan sahaja menerima elaun khas, tetapi juga menerima pelbagai manfaat daripada program yang dilaksanakan seperti mempelajari kemahiran sendiri, menjana pendapatan dan aktiviti integrasi bersama masyarakat setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker sehingga bulan Oktober 2023, seramai 2,376 OKU telah mendapat manfaat daripada 72 buah PDK di seluruh negeri Johor dengan seramai 72 orang penyelia dan 348 orang petugas PDK.

Yang Berhormat Datuk Speaker dalam memastikan OKU ini menjalani program PDK dalam suasana yang selesa, kerajaan negeri melalui JKM telah menyalurkan pelbagai bentuk

peruntukan bantuan kewangan kepada pengoperasian dan premis PDK di negeri Johor setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, berikutan bencana banjir yang berlaku sebelum ini, beberapa buah PDK di daerah yang terjejas banjir mengalami masalah yang sama dan kerosakan harta benda terutama bangunan, peralatan, dokumentasi dan bahan mengajar. Pihak PDK boleh mengemukakan permohonan pembaikan bangunan jika mengalami kerosakan teruk yang perlu dibaiki kepada kerajaan negeri melalui JKM. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bahawa jumlah peruntukan dan bilangan PDK yang terlibat dalam kerja-kerja yang menaik taraf dan penyelenggaraan maaf Yang Berhormat Datuk Speaker, dan pembaikan di PDK pada tahun 2021 hingga 2023 adalah:

1. Tahun 2021 - 22 buah yang melibatkan RM790 ribu;
2. Tahun 2022 - 23 buah PDK melibatkan RM1,500,000; dan
3. Tahun 2023 - 11 buah melibatkan RM720,000.00

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Err.. Puteri Wangsa.

**YB Cik Amira Aisya Binti Abd. Aziz (Puteri Wangsa)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan terutama sekali tentang kos penambahbaikan (tersedak)... minta maaf Yang Berhormat Datuk Speaker, bangunan-bangunan di PDK-PDK di serata Johor.

Soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan PDK ini adalah diuruskan oleh komuniti setempat sekiranya kerajaan negeri ada juga bantu dari segi kos pengoperasian PDK dan juga memperkasakan lagi komuniti setempat untuk terlibat sama dalam operasi PDK. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri Johor amat prihatin dengan golongan OKU khususnya anak-anak di PDK. Untuk makluman Yang Berhormat, kos operasi PDK telah disalurkan oleh kerajaan persekutuan melalui bantuan kewangan bagi menampung elaun penyelia dan petugas yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi di PDK. Penyelia PDK telah menerima sugu hati elaun sebanyak RM1,400.00 sebulan, mana kala setiap petugas menerima sugu hati elaun sebanyak RM1,200.00 sebulan daripada kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri melalui JKM telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan kepada penyelia, petugas dan pelatih PDK di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker bermula tahun 2015, setiap penyelia dan petugas telah menerima elaun tambahan dari kerajaan negeri sebanyak RM200.00 sebulan.

Selain itu Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap penyelia dan petugas menerima Bantuan Khas Kewangan melalui pengumuman oleh kerajaan negeri dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM4,771,000.00 dari tahun 2016 hingga 2023. Berikut adalah pecahan jumlah Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2016 hingga 2022:

1. Tahun 2016 - RM1,500.00 dengan penerima 422 orang sebanyak RM633,000.00;
2. Tahun 2017 - RM1,000.00 seorang dengan seramai 427 penerima melibatkan RM427,000.00;
3. Tahun 2018 - RM1,000.00 untuk seramai 447 penerima dengan RM447,000.00;
4. Tahun 2019 - RM1,500.00 dengan 448 penerima, RM672,000.00;

5. Untuk tahun 2020 - RM2,000.00 untuk penerima seramai 430 orang dengan RM860,000.00;
6. Untuk tahun 2021 - RM2,000.00 dengan penerima 433 orang dengan RM866,000.00;
7. Tahun 2022 - RM2,000.00 juga dengan 433 penerima dan jumlah keseluruhan adalah jumlahnya adalah RM866,000.00, penerima adalah seramai RM3,040.00 melibatkan RM4,771,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker serta Ahli Dewan yang mulia ini, bahawa bantuan khas kepada petugas PDK tahun 2020 hingga 2022 dibayar mengikut pecahan berikut berdasarkan Arahan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Pertama, pembayaran pertama sebanyak RM1,000.00 dibayar pada awal tahun dan pembayaran kedua RM1,000.00 dibayar seminggu sebelum Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ya sila Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Berkenaan dengan pemerksaan atau penjanaan ekonomi untuk PDK Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Tangkak adalah saya bagi contoh di PDK Tangkak dan saya percaya di banyak PDK-PDK, mereka mendapatkan produk-produk yang diusahakan oleh pelatih-pelatih. Seperti di Tangkak, kita ada kuih bahulu, kita ada barangan jahitan dan pelbagai.

Jadi soalan tambahan dari Tangkak adalah apakah bantuan-bantuan seperti pemasaran, mempromosikan ataupun bantuan dari segi peralatan yang akan diberi kepada PDK-PDK supaya Tangkak masih ingat sebelum ini ada Program Satu PDK Satu Produk. Jadi kalau ada bantuan sebegini, minta YB EXCO kalau boleh kongsi maklumat terperinci. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Tangkak. Terima kasih Datuk Speaker.

Saya menyambut baik soalan yang diberikan daripada Yang Berhormat Tangkak tentang soalan Program Satu Komuniti Satu PDK.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tidak ada data itu pada pagi ini. Saya akan hantarkan kepada Yang Berhormat Tangkak untuk memberikan sepenuh penjelasan berkenaan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Gambir.

**YB Tuan Sahrihan Bin Jani (Gambir) :** Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya nombor 8. Terima kasih.

Berapakah jumlah kutipan zakat di negeri Johor dan apakah strategi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi memberi pemahaman kepada masyarakat tentang kepentingan pembayaran zakat selain zakat fitrah serta fidyah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum dan salam sejahtera, salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Gambir bertanyakan tentang kutipan terkini zakat di Johor dan apakah strategi yang digerakkan oleh Majlis Agama Islam bagi menyebarkan pemahaman dan kepentingan membayar zakat kepada masyarakat.

Zakat merupakan salah satu Rukun Islam yang mana ia merupakan tanggungjawab umat Islam apabila telah mencukupi syarat-syaratnya. Syarat wajib zakat adalah Islam, merdeka, sempurna milik, cukup haul dan cukup hisab. Dewan yang mulia, jumlah kutipan zakat setakat semalam 29.11.2023 adalah sebanyak RM298,323,751.00 bersamaan dengan 81.61% daripada sasaran sebanyak RM358,362,022.00 bagi tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM283,000,000.00 telah diagihkan kepada 8 pecahan asnaf yang lain. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor juga sentiasa komited di dalam memberi pemahaman berkaitan kewajipan berzakat khususnya kepada umat Islam di negeri Johor. Antara pelaksanaan yang dibuat ialah memperbanyakkan kaedah saluran pembayaran zakat sama ada secara fizikal di kaunter ataupun melalui amil juga dalam talian. Selain itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor melantik beberapa rakan kutipan zakat bagi tujuan dakwah dan menerima zakat bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor seperti Amil Zakat Harta, Amil Zakat Korporat dan Amil Zakat Institusi. Setakat ini, 2,170 Amil telah dilantik meliputi Amil Fitrah, Amil Zakat, Amil Agihan dan Amil Korporat.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah mengatur dan menjalankan Program Barakah Zakat bagi tahun ini bagi tujuan pemahaman zakat kepada masyarakat. Pelbagai pengisian dan perancangan telah pun dibuat sepanjang Kempen Bulan Zakat pada tahun ini. Antaranya:

1. Ziarah Mesra Muzakki iaitulah kita hadir ke premis/lokasi pembayar zakat termasuk mempromosikan produk mereka;
2. Jejak Niaga iaitulah kita hadir ke premis-premis peniaga serta berkongsi dengan peniaga berkaitan kewajipan berzakat;
3. Kita juga mengadakan Program Zakat Di Hati Bersama Komuniti iaitu program bersama komuniti setempat di antara pengisiannya tazkirah, edaran risalah, kaunter zakat dan pelbagai program yang bertemakan zakat;
4. *Virtual Tour* - bersiaran secara langsung di media sosial Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi menerangkan skim-skim bantuan zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor;
5. Program 2 minggu 1 zakat iaitulah memberi penerangan secara berfokus mengikut jenis-jenis zakat;
6. *Podcast Talk* - membicarakan isu-isu semasa zakat dengan kerjasama Akademi Zakat;
7. Kembara Zakat – ziarah ke sepuh daerah negeri Johor bagi maksud menyebarkan pemahaman tentang zakat;
8. *Door to door* - memberi penerangan zakat secara terus kepada individu;
9. *University talk* - kerjasama dengan universiti bagi memberi penerangan khusus kepada kakitangan universiti; dan juga
10. Detik 2024 iaitulah satu program Sambutan Malam Tahun Baru tapi dengan pengisian zakat dari Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin berkongsi data tentang betapa kesedaran wujud di kalangan orang Islam tentang pembayaran zakat. Bagi tahun lepas, zakat yang dikutip di negeri Johor adalah sebanyak RM379,830,143.00 dan pada tahun ini kita mensasarkan kutipan yang lebih tinggi Yang Berhormat Datuk dan kita yakin kita dapat melaksanakan. Terima kasih.

**YB Tuan Sahrihan Bin Jani (Gambir) :** Soalan tambahan.

**YB Speaker :** Ya sila Gambir.

**YB Tuan Sahrihan Bin Jani (Gambir) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas jawapan yang telah pun diberikan. Tahniah kepada kerajaan negeri yang telah pun mencatatkan kutipan zakat yang tinggi 80% lebih. Cuma soalan daripada Gambir ataupun pertanyaan daripada Gambir adalah zakat itu bukan sahaja tanggungjawab malah merupakan kewajipan kita sebagai orang Islam dan adakah pihak kerajaan negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk menguatkuasakan kutipan cukai ini melalui kuasa undang-undang sebagaimana yang dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam soal menguatkuasakan kutipan cukai, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Benar Yang Berhormat Datuk Speaker, kewajipan zakat ini memang merupakan satu kefarduan, malah Allah SWT sebut dalam surah Az-zariyat ayat 19, "pada dalam harta benda mereka itu ada hak orang miskin yang meminta dan orang-orang miskin yang tidak meminta".

Saya gembira bila mana Yang Berhormat Gambir sebutkan tentang usaha kita memperbanyakkan kutipan zakat melalui kuat kuasa perundangan bahkan saya nak berkongsi Yang Berhormat Datuk Speaker bahawa kuasa memungut dan mengeluarkan zakat fitrah ke atas orang Islam yang wajib ke atasnya bayaran zakat memang diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri Johor bawah Seksyen 86 dan 87 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. Dari sudut penguatkuasaannya, bayaran zakat ini pula Seksyen 16 dan Seksyen 17(2), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 memperuntukkan Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau gagal bayar zakat, memang ada hukumannya bagi mereka yang enggan termasuk zakat fitrah.

Seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 juga menyatakan mana-mana orang yang wajib bayar zakat Yang Berhormat Datuk Speaker ataupun fitrah, tapi tak mahu bayar dengan sengaja atau enggan membayarnya melalui amil yang dilantik, kadang-kadang Yang Berhormat Datuk Speaker dia nak bayar tapi dia bayar sendiri dia jumpa terus orang miskin dia bagi terus. Soalannya, boleh tak dia buat kat Johor, tak boleh Yang Berhormat Datuk Speaker. Johor ada undang-undang yang kemas, kena dihormati, maka bayar kepada amil zakat yang dilantik. Jangan mandai-mandai terus kepada fakir miskin yang kita yakin orang tu betul. Pihak berkuasa dah dilantik, maka uruskan dengan pihak berkuasa.

Apa dia punya hukuman Yang Berhormat Datuk Speaker kalau kita bayar tak ikut peraturan? Dia boleh didakwa dan mungkin didapati bersalah dan jika sabit kesalahan Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh kena denda RM1,000.00 atau penjara tak lama tempoh lebih 6 bulan atau kedua-dua. Maka, jangan sampai kena tindakan maka bayar zakat pada yang berhak dibayar penguat kuasanya supaya sampai kepada mereka yang berhak menerimanya.

Seksyen 17(2) Enakmen yang sama pula Yang Berhormat Datuk Speaker disebut, mana-mana orang yang dengan apa cara mencegah orang lain daripada membayar zakat. Ini masalah Yang Berhormat Datuk Speaker, orang nak bayar zakat tapi ada pula pihak lain yang mencegahnya ini pun kesalahan. Kalau sabit kesalahan Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh kena denda tak lebih RM2,000.00 atau penjara selama tak lebih satu tahun atau kedua-duanya. Seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah 1997 juga memperuntukkan kesalahan dan hukuman bagi mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau

menyebabkan dipungut zakat itu tanpa kuasa, ini pun boleh tahan juga masalahnya. Tak ada kuasa tapi agaknya dia rasa dia hebat dia orang agama ataupun ustaz dia pandai-pandai kutip sendiri, ini pun tak boleh Yang Berhormat Datuk Speaker. Kalau orang macam ini kita boleh kenakan hukuman kalau dia salah, hukuman denda tak lebih RM3,000.00 atau dipenjarakan tak lebih dua tahun atau kedua-dua.

Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, kita harap tak adalah tindakan penguatkuasaan kita buat. Sebab kami yakin Yang Berhormat Datuk Speaker, Majlis Agama Islam meneruskan tanggungjawabnya memberi penerangan dan penerangan ini berterusan bahkan dipelbagaikan kaedah penyerahan dan agihan Yang Berhormat Datuk Speaker supaya orang yang membayar zakat dia nampak zakat yang dibayar diserahkan kepada mereka yang berhak dengan menggunakan pendekatan, pendekatan terkini supaya nampak menarik orang lain untuk membayar zakat pada tahun-tahun yang berikutnya.

Insyallah tapi Yang Berhormat Datuk Speaker kalau dapat sebarang aduan, pertama orang yang tak nak bayar zakat, kedua, yang kutip zakat mandai-mandai, ketiga, yang agih zakat mandai-mandai ni pun kita harap YB-YB ADUN semua boleh melaporkan kepada kita, kepada Pejabat Kadi, kepada Amil Baitulmal dan nanti insya-Allah tindakan susulan dapat dilaksanakan. Tapi saya yakin Yang Berhormat Datuk Speaker, kaedah pendidikan lebih afdal diutamakan berbanding penguatkuasaan pada waktu ini. Wallahualam. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Semerah, setakat ini ada ke mereka yang didakwa kerana tidak membayar zakat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Alhamdulillah Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat ini tidak ada aduan itu tapi saya sebutkan tadi sekiranya kita dapat menemui aduan, siasatan akan dibuat sebelum tindakan penguatkuasaan dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Dijemput Yang Berhormat Bekok.

**YB Tuan Tan Chong (Bekok) :** Selamat pagi, salam Maju Johor Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Bekok nombor 9, terima kasih.

Setiap tahun dalam belanjawan Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sejumlah peruntukan pembangunan Kampung Baru di dalam negeri Johor. Berapakah jumlah peruntukan bagi tahun 2023 yang telah dibelanjakan kepada DUN Bekok bagi pembangunan Kampung Baru?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan :** Ok terima kasih Datuk Speaker, salam Bangsa Johor, salam Maju Johor seisi Dewan sekalian. Terima kasih soalan daripada Bekok dengan berbunyi, setiap tahun dalam belanjawan Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sejumlah peruntukan pembangunan Kampung Baru di dalam negeri Johor. Berapakah jumlah peruntukan bagi tahun 2023 yang telah dibelanjakan kepada DUN Bekok bagi pembangunan Kampung Baru?

Yang pertama saya ingin membetulkan soalan tersebut. Yang pertama, Kerajaan Negeri Johor tidak menyediakan peruntukan bagi pembangunan Kampung Baru dan segala peruntukannya telah, yang negeri Johor terima adalah turun daripada kerajaan pusat.

Dan pada tahun 2022, peruntukan pembangunan bagi Kampung Baru dalam negeri Johor disalurkan melalui Kementerian Perpaduan Negara dengan jumlah RM13,384,100.00 dengan jumlah projek yang telah diluluskan adalah 162 projek yang telah dilaksanakan dalam 123 Kampung Baru dalam negeri Johor.

Dan bagi tahun 2023 pula, bagi DUN Bekok di Kampung Baru Bekok, ada dua projek telah diluluskan berjumlah RM381,850.00; bagi Kampung Baru Labis ada satu projek diluluskan dengan jumlah kos RM200,000.00; bagi Kampung Baru Chaah ada dua projek telah diluluskan dengan jumlah RM400,000.00 dengan jumlah keseluruhan RM981,850.00. Dan, dalam tahun 2023 sejumlah 90 projek yang telah diluluskan oleh pihak KPKT dengan jumlah peruntukan RM13.5 juta. Sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Tiram, Bekok. Sila Bekok.

**YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas)** : Pekan Nanas soalan tambahan.

**YB Speaker** : Eh, maafkan saya Pekan Nanas, minta maaf. Sila, sila.

**YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas)** : Ok, ok. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO bagi jawapan yang jelas. Saya dapati maklumat Kampung Baru Daerah Pontian dan Muar tidak dapat peruntukan Kampung Baru. Soalan Pekan Nanas ingin tahu proses permohonan peruntukan Kampung Baru, jika tidak dapat disalurkan, mohonlah kerajaan negeri untuk berikan peruntukan kecemasan kepada Ketua Masyarakat Kampung Baru. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan** : Terima kasih DUN Pekan Nanas. Pada tahun 2022, peruntukan Kampung Baru diuruskan oleh Kementerian Perpaduan malahan pada tahun 2023 ini tanggungjawab ini telah dialihkan daripada Kementerian Perpaduan ke Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Dan tahun ini, saya juga dapat maklumat yang sama dengan Yang Berhormat Pekan Nanas ada dua daerah, Kampung Baru dalam dua daerah tidak dapat peruntukan tersebut. Saya juga merasa pelik dan dengan ketidakseimbangan pengagihan peruntukan tersebut dan mudah-mudahan saya akan berhubung dengan pihak KPKT supaya mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Kalau mengikut prosedurnya, cara permohonan projek Kampung Baru adalah mudah. Yang pertama perlu dapat cadangannya daripada Ketua Masyarakat Kampung Baru lepas tu diserahkan kepada Pegawai Kemajuan Perkampungan yang dilantik oleh KPKT. Mereka akan *key-in* dalam sistem selepas itu kelulusan daripada pihak KPKT. Selepas kelulusan daripada pihak KPKT, agensi pelaksanaan adalah kepada JPJK sendiri. Sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul Bin Bachok (Tiram)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tiram nombor 10.

Bagaimanakah pencapaian *Friendly Johor 2.0*, *Johor Go Global 2.0* pada tahun 2023? Berapakah nilai pelaburan yang berjaya ditarik melalui inisiatif-inisiatif ini ke dalam negeri Johor?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Promosi, usaha promosi pelaburan yang secara berterusan adalah penting untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dan usaha memaparkan iklan digital di kawasan strategik seperti lapangan terbang dan juga KLIA *Train* melalui *Program Johor Go Global 2.0* adalah dapat mempromosikan negeri Johor sebagai destinasi utama pelaburan dalam negara memandangkan ia merupakan satu cara yang efektif untuk mencapai audiens yang bergerak atau pelancong yang sedang menunggu pengangkutan. Manakala *Program Friendly Johor 2.0* pula merupakan inisiatif untuk

mempromosikan negeri Johor dan Invest Johor sebagai agensi fokus pelaburan di negeri Johor melalui seminar domestik dan juga yang dapat memperkuat lagi hubungan dengan pelabur domestik serta mendapatkan pandangan pihak industri domestik.

Bagi tahun 2023, program ini telah pun dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah dan juga Pulau Pinang. Hari ini, Johor merupakan salah satu negeri yang mempunyai peluang potensi pelaburan yang besar di Malaysia kerana lokasi sekitar yang strategik berhampiran dengan Singapura dan mempunyai infrastruktur asas dan rangkaian logistik yang baik seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang. Nilai pelaburan yang dapat ditarik melalui inisiatif-inisiatif promosi sebegini tidak dapat diukur dengan spesifik namun mengikut statistik daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2023, negeri Johor telah meraih pelaburan komited sebanyak RM14.23 bilion. Jumlah projek yang diluluskan adalah 422 yang dijangka dapat mewujudkan 6,898 peluang pekerjaan. Mengikut trend kemasukan pelaburan, Kerajaan Negeri Johor menjangkakan sektor pelaburan akan terus berkembang dengan pesat dan ia akan dicerminkan dalam statistik penuh bagi tahun 2023. Sekian terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Sri Medan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain Bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 11.

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam memantapkan kepimpinan di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker soalan Sri Medan, apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam memantapkan kepimpinan di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan latihan kepimpinan muda murid di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah khususnya bagi murid negeri Johor adalah berterusan demi memastikan negeri Johor mempunyai pelapis pemimpin muda yang berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor merupakan satu-satunya Jabatan Pendidikan Negeri yang telah berinisiatif sendiri dalam melaksanakan model latihan kepimpinan muda murid yang berstruktur dan yang eksklusif seawal peringkat sekolah rendah melalui penubuhan *Student Leader Board* (SLB) di semua sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Johor. Latihan berstruktur ini dilanjutkan dengan penubuhan *District Student Leader Board* (DSLBB) di peringkat daerah yang mempunyai 20 hingga 40 orang ahli pemimpin muda yang terpilih. Manakala di peringkat negeri pula, JPN Johor mempunyai barisan kepimpinan muda murid *Johor Student Leaders Council* (JSLC) yang terdiri daripada 20 orang murid, pemimpin muda murid trampil yang telah melalui proses pemilihan semasa di tingkatan 3. JSLC yang kini sudah menjangkau 13 tahun penubuhannya sudah melahirkan 11 *kohort* pemimpin muda yang terlatih berjumlah 214 orang alumni.

Sehingga November 2023, terdapat 25 siri latihan dan kem kepimpinan muda yang melibatkan latihan kepimpinan di peringkat daerah dan negeri. Siri-siri Kem Kepimpinan Muda Murid seperti *J-Camp*, *J-Lead*, *SLB Thinkers* dan *SLB Walk Girl Talk* yang telah memanfaatkan hampir 14,945 orang pemimpin muda murid *student leaderboard* ini di sekolah menengah dan sekolah rendah dalam negeri Johor membuktikan komitmen tanpa



berbelah bahagi Kerajaan Negeri Johor untuk memantapkan lagi kepimpinan dalam jiwa anak-anak Bangsa Johor ini. Sejurus tamat latihan kepimpinan muda JSLC ini pemimpin muda murid terlatih ini akan dihimpun di bawah persatuan NGO berdaftar JSLC alumni yang giat melaksanakan aktiviti latihan kepimpinan berterusan dalam kalangan ahlinya. Bagi peringkat mahasiswa Johor pula, di bawah kelolaan Yayasan Pelajaran Johor, duta mahasiswa Johor merupakan sebuah program yang dijalankan bagi memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk menjadi agen kepada perubahan masyarakat.

Program ini berbentuk serampang dua mata di mana fungsinya adalah mahasiswa itu sendiri bertindak untuk melaksanakan projek-projek yang berimpak tinggi mengikut teras yang dijalankan dan mampu memberi manfaat dan impak yang positif juga kepada masyarakat. Sebagai contoh, kumpulan mahasiswa Johor merangka modul keusahawanan sosial bagi memaksimumkan potensi masakan ibu tunggal seperti ayam masak kicap, ayam sambal dan daging masak hitam untuk dijadikan produk yang mempunyai nilai tambah ekonomi. Projek kumpulan mahasiswa Johor ini melibatkan pembangunan produk, latihan, pembungkusan dan penajaan pendapatan yang mana mereka buat sendiri. Antara pelan-pelan masa hadapan yang dirancang adalah seperti duta mahasiswa sebagai penggerak kepada komuniti yang lebih baik duta mahasiswa juga mampu menjadi agen perubahan masyarakat, duta mahasiswa menjadi *job creator* kepada mahasiswa dan masyarakat setempat dan produk dan perkhidmatan yang dijalankan mampu dijual dan mendapat nama di negeri Johor seterusnya di peringkat kebangsaan. Sekian terima kasih.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, memang susah hendak diramal. Soalan saya boleh naik pada hari ini. Saya pun tidak tahu kenapa YB EXCO Pendidikan sahaja jawab soalan saya. Terima kasih saya, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang sudi untuk menjawab soalan-soalan yang saya beri kepada pihak Jurutulis walaupun banyak ini hari terakhir YB EXCO sahaja yang sudi menjawab soalan saya. Terima kasih atas jawapan, lepas ini minta tolonglah bagi secara bertulis eh semua. Saya tengok panjang jawapan dia.

Soalan saya ini, Yang Berhormat Datuk Speaker, perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam memantapkan kepimpinan di kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa. Saya mengandaikan pemimpin ini di sekolah atau di sekolah rendah atau sekolah menengah ini dia yang rasmi ada yang tidak rasmi. Yang rasmi itu macam Ketua Pengawas, mungkin Ketua Darjah, Ketua Tingkatan, Ketua Pustakawan. Yang tidak rasmi ini kadang dia ada yang *underground* ini. *Underground* ini dia macam kumpulan-kumpulan tertentu. Sebab itu saya hendak memaklumkan pada Dewan, sekolah-sekolah ini bila saya sebut nama sekolah ini dia suka. Ada sekolah menengah ini di kawasan DUN Sri Medan ni ada empat. Empat buah iaitu Sekolah Menengah Dato' Sulaiman, Sekolah Menengah Kebangsaan Penghulu Saat, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Medan dan juga Sekolah Menengah Agama Parit Sulong. Ingat, Sekolah Menengah Agama Parit Sulong semalam masa tandas itu, dia tidak dapat tau. Jadi, kena rekodkan minta maaf Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang mana empat-empat sekolah ini selain daripada kita ada pemimpin di kalangan pelajar-pelajar sekolah, mereka mewujudkan satu kumpulan-kumpulan macam *ultras*, saya difahamkan mereka ada peruntukan diberi kepada tiap-tiap sekolah ini untuk mereka yang tidak berminat untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Pengawas, Ketua Tingkatan tetapi mereka kumpulkan dalam satu kumpulan lain. Kerana kita kena faham, anak-anak ini dia bukan semua sama. Dia bukan semua pandai, bukan semua yang suka dengan aktiviti yang berasaskan di pihak sekolah. Tetapi kaedah itu sebenarnya baik, kerana secara tidak langsung bila saya tengok di sekolah, ada satu sekolah itu, mereka boleh menunjukkan disiplin yang baik. Dengan pakaian kemas, pakaian rambut, dengan rambut pendek, itu salah satu yang saya nampak boleh beri kesan kepada pelajar-pelajar yang bukan berminat untuk menjadi pemimpin secara rasmi. Jadi, saya cadangkan kepada pihak kerajaan agar ada memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti seperti ini dan juga mungkin ada contoh macam

ada *Southern Volunteers*, itu pun boleh membantu untuk kita melahirkan lebih ramai pemimpin di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ada hendak jawab ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Ini saya, terima kasih atas cadangan tadi, saya pun tak pasti pun kenapa saya kena jawab soalan dari Sri Medan ini. Kadang-kadang seram sejuk dengar soalan tambahan daripada Sri Medan. Kadang-kadang di luar jangka, tetapi untuk makluman Sri Medan bersama dengan mahasiswa sangat rapat kerana saya pernah bersama-sama dengan Sri Medan di Sekolah Menengah Sains Kluang dalam program saya tak ingat program apa tetapi komitmen daripada Sri Medan bersama-sama dengan mahasiswa sangat-sangat komited. Cadangan tadi saya tambah sikit lagi, untuk sekolah menengah dan sekolah rendah, Skuad Muda *Southern Volunteers* telah kita lancarkan pada tahun ini insya-Allah, ia tidak berfokus kepada pemimpin-pemimpin yang sedia ada tetapi ia lebih berfokus kepada murid-murid yang macam Sri Medan katakan tadi, yang kurang minat daripada segi kokurikulumnya, yang kadang-kadang dia jauh diri daripada pelajar-pelajar yang pandai jadi kita tarik mereka-mereka ini untuk tidak kecikiran di masa akan datang. Dan, baru-baru ini juga pada awal tahun kita juga telah memfokuskan kepada pelajar-pelajar yang kurang, kurang minat dalam pelajaran di sekolah kita panggil baru, baru sekali kita buat, insya-Allah kita akan buat lagi dari masa ke semasa dan kita akan pastikan di negeri Johor ini tidak akan ada lagi pelajar-pelajar yang kecikiran dan ketinggalan, insya-Allah. Sekian.

**YB Speaker** : Tahniah Sri Medan, rupanya juga pelajar pandai. Saya dahulu sekolah biasa sahaja.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Yang Berhormat Datuk Speaker satu...

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Datuk Speaker,

**YB Speaker** : Eh, tak payahlah nak jawab.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Tak ada, saya semalam Yang Berhormat Datuk Speaker, saya hendak menggunakan pula Peraturan 26(5). Semalam saya...

**YB Speaker** : Tolong baca.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Peraturan 26(5), seorang Ahli boleh mendatangkan satu tambahan soalan bagi maksud hendak menerangkan lagi sesuatu perkara yang telah diberi jawab mulut. Itu tetapi soalan tambahan saya itu tidak boleh sekali digunakan kerana menerbitkan suatu perkara baharu yang tidak termasuk soal yang asal itu. Jadi, saya boleh menambah soalan tambahan jika saya tidak faham tetapi tidak boleh lari daripada soalan asal.

**YB Speaker** : Saya tak benarkanlah Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Ok, saya...

**YB Speaker** : Jemput Puteri Wangsa.

**YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya saya juga hendak sebut

bahawa saya sebenarnya merupakan produk daripada *Johor Student Leaders Council* dan juga merupakan Presiden Alumni pertama *Johor Student Leaders Council* dan, terima kasih. Dan, sebenarnya Yang Berhormat Datuk Speaker, sewaktu kami menjaga alumni kita ada buat satu *data base* untuk kita lihat prestasi setiap alumni JSLC dan juga di mana mereka sekarang. Dan, malangnya kebanyakan daripada produk JSLC ini mereka tidak memilih untuk kembali bekerja dalam negeri Johor. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, sekiranya kerajaan negeri ada apa-apa perancangan untuk memastikan bahawa alumni daripada produk, daripada program yang cukup bagus ini kembali berkhidmat di negeri Johor. Sebagai contohnya, dahulu kita ada cadangkan sistem perintis untuk pastikan alumni ini bekerja dengan syarikat-syarikat besar yang sedia ada dalam negeri Johor sebagai contohnya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Puteri Wangsa tadi, suka sangat saya hendak jawab berkaitan dengan soalan tadi berkaitan dengan JSLC, YB pun merupakan alumni *kohort* pertama, insya-Allah YB dan sidang Ahli Dewan kita bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah menghimpunkan semula JSLC ini untuk kita tengok balik hala tuju JSLC ini bagaimana kerana kita tak nak program-program seperti-seperti ini hanya program-program yang apa, hangat-hangat tahi ayam sahaja. Jadi, untuk tahun ini kita dah panggil guru pembimbing dan JSLC itu sendiri dan *kohort* yang terbaru ini juga untuk kita pastikan mereka ini sealign dengan kerajaan negeri dan kita akan bawa semula mereka-mereka ini bila dah berjaya nanti berkhidmat semula kepada kerajaan negeri, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 12.

Adakah kerajaan negeri akan mempertimbangkan pembinaan PPR jenis studio pada masa depan atau meneliti semula syarat penyewaan PPR agar mereka yang tidak berkeluarga layak menyewa rumah PPR?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Soalan Yang Berhormat Stulang berbunyi apakah kerajaan negeri akan mempertimbangkan pembinaan PPR jenis studio pada masa hadapan. Studio ini dia tak ada bilik dia satu ruang tamu dan *toilet*. Meneliti semula syarat penyewaan PPR agar mereka yang tidak berkeluarga layak menyewa rumah PPR.

Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan Yang Berhormat Stulang berkenaan PPR jenis studio dan ditawarkan kepada golongan bujang adalah sangat baik. Namun, sebagai maklumat isu yang dipohon untuk dipertimbangkan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan negeri boleh mengesyorkan kepada KPKT cadangan yang baik ini sekiranya terdapat permintaan yang *genuine* berkenaan konsep sedemikian namun masih tertakluk kepada budi bicara persekutuan untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih atas jawapan yang diberikan dan selain saya rasa isu ini sangat penting, saya rasa kita sama-sama boleh menggerakkan agar ia boleh dilaksanakan dan selain studio, saya rasa kita juga boleh mencadangkan agar PPR yang dibina itu berbentuk *dual key*. Maksudnya dia ada satu studio ataupun satu bilik sambung dengan satu lagi unit dua bilik, maknanya dia tidak membazir. Kalau kita sewa kepada mereka yang sebatang kara atau bujang, nanti kalau dia tak sewa maksudnya kosong. Kalau kita hendak jadikan unit itu balik kepada 3 bilik pun boleh juga. Maksudnya kalau *dual key*, maksudnya dia mahu satu bilik pun boleh, hendak dua bilik pun boleh,

hendak tiga bilik pun boleh. Saya rasa ini lebih *flexible*. Dan, saya rasa saya cadangkan juga pada masa depan kalau pembinaan PPR ini dengan jenis baru inilah boleh ambil kerjasama selain, selain kerajaan bina selain juga pemaju-pemaju juga boleh turut sama-sama membantu untuk membina. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Suka saya hendak memaklumkan bahawa setakat ini di Johor kita ada 13 PPR dan 7 RSK. RSK ini Rumah Sewa Kerajaan. PPR jumlah unit yang ada 11,511, ada 13 projek. RSK, Rumah Sewa Kerajaan, 3,050 unit, jumlah yang ada setakat ini 14,560. Saya ingin memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa terdapat PPR yang dalam pembinaan. Yang pertama, Pasir Gudang, PPR Permas Jaya di PPR Cahaya Senibong, 400 unit. Kos keseluruhan RM87 juta, insya Allah hujung bulan depan akan diserahkan kunci.

Yang kedua, Parlimen Tebrau, Parlimen Tebrau ada PPR Ulu Tiram, 700 unit Q2 2024 akan dapat disiapkan, kos keseluruhan RM130 juta. Yang ketiga, Tenggara, PPR Tenggara, 400 unit. Yang ini Q2 2024 insya-Allah akan disiapkan, kos melibatkan kos RM81 juta. Di Pengerang, PPR kecil Pengerang 300 unit ini Q4 2024. Kita ada juga dua PPR lain termasuk PPR Masai, 330 unit dalam proses tender semula. PPR Sembrong Johor 400 unit, 2026 dijangka siap. Ini melibatkan kos PPR Masai tadi RM60 juta dan PPR Sembrong RM86 juta. Termasuk juga yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor iaitu PPR Larkin 300 unit, RM72 juta dan PPR Kluang 600 unit RM155 juta. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Sedili.

**YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) :** Soalan saya nombor 13.

Kedalaman muara Sungai Kuala Sedili yang semakin cetek perlu dilaksanakan segera dengan usaha mendalamkannya semula, untuk kepentingan dan keperluan nelayan-nelayan dan pihak Maritim.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sedili. Yang Berhormat Datuk Speaker, kedalaman muara Sungai Sedili Besar diakui semakin cetek berpunca dari pergerakan sedimen secara semula jadi dari hulu ke muara sungai. Situasi ini bukan hanya berlaku di Sungai Sedili Besar tetapi di sepanjang pantai timur. Kalau kita tengokkan jeti-jeti di sepanjang pantai timur, kita ada banyak pergerakan sedimen dan kadang-kadang berpunca makin cetek berpunca, misal kata di Jeti Mersing, Jeti Tenggara dan juga Jeti Sedili Besar. Kos keseluruhan untuk menggali dan mengambil kos lebih kepada RM50 juta. Pihak JPS menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 telah memohon peruntukan pada tahun 2022. Namun, permohonan tersebut tidak berjaya. Sebagai inisiatif kerajaan negeri, JPS telah memohon melalui peruntukan RJ5T bagi melaksanakan kerja-kerja mendalamkan alur Sungai Sedili Besar. Jumlah kedalaman yang dicadangkan untuk menggali alur adalah sebanyak 40 meter dengan perbelanjaan sebanyak RM5 juta. Kerja-kerja awal kini dilaksanakan terlebih dahulu iaitu kerja ukur kejuruteraan melibatkan *dimetric survey* sebelum perolehan bagi kerja-kerja fizikal akan dilaksanakan. Namun untuk pengetahuan YB Sedili, kerja-kerja yang untuk mendalamkan alur bagi laluan bot adalah untuk melancarkan aktiviti-aktiviti nelayan dan juga pihak maritim. Namun disebabkan pergerakan sedimen secara semula jadi, kerja-kerja awalan ini hanya untuk beberapa tahun sahaja, dia *short term solution*. Tapi apa pun, JPS akan memohon kembali kepada RMK untuk kerja-kerja menggali secara keseluruhan di muara Sungai Sedili Besar. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan selama 20 minit sehingga jam 11.25 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.25 pagi.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sambungan perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 disambung sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijemput untuk 20 minit. Saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Sila.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Terlebih dahulu patik merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November. Patik turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia atas sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik turut menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Mudah-mudahan Piala Malaysia juga akan menjadi milik pasukan JDT. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor oleh Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mahupun sesi perbahasan berkaitan dengan Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Sepanjang sesi sidang telah berlangsung. Dan berkaitan dengan usaha menarik pelaburan yang berimpak tinggi, menurut statistik daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang telah pun saya kongsi pada pagi ini daripada jumlah RM14.23 bilion untuk setengah tahun 2023, 3.347 bilion iaitu 23.5% adalah daripada sektor pembuatan. Manakala 10.884 bilion atau 76.5% adalah daripada sektor perkhidmatan. Jumlah projek yang diluluskan adalah 422 yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 6,898. Mengikut trend kemasukan pelaburan kerajaan negeri menjangkakan agak optimistik bahawa kita akan dapat mencapai satu keputusan yang agak baik apabila statistik penuh tahun 2023 diterbitkan. Dan untuk ini, terima kasih kepada semua penjawat awam, JCS dan juga persekutuan khususnya BPENJ, Invest Johor, PBT-PBT, MITI, MIDA, IRDA, JPDC, JCorp dan sektor swasta. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan Yang Berhormat Perling yang belum dapat direkodkan dalam *handsard* Dewan Negeri semalam, sebab saya rasa soalan tersebut cukup penting yang berkaitan dengan rancangan kerajaan negeri untuk menyelaraskan strategi pelaburan dan perindustrian di Johor dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sempena pelancaran Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Malaysia akan dan perlu memanfaatkan beberapa trend utama global supaya dapat mencapai sasaran berada dalam 30 ekonomi terbesar di dunia. Bagi negeri Johor, kita adalah antara negeri di Malaysia yang telah pun menyaksikan peralihan atau penstrukturan rantai bekalan atau perindustrian di rantau ini. Akibat perang perdagangan Amerika Syarikat dan China di mana banyak syarikat antarabangsa telah mempercepatkan melaksanakan strategi *China Plus One* untuk mengukuhkan daya tahan dan kestabilan rangkaian bekalan mereka. Maksudnya, mereka

ada satu fasiliti pembuatan di China untuk pasaran domestik mereka dan untuk satu fasiliti lain di rantau ini untuk dibekalkan kepada seluruh dunia.

Oleh itu, kerajaan melalui Invest Johor telah membentangkan beberapa sektor fokus bagi negeri Johor ketika Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Industri yang dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor dan juga Yang Berhormat Menteri MITI pada Mei 2023 supaya mendapat perhatian dan juga sokongan kerajaan persekutuan dari segi polisi dan juga dari segi insentif. Antaranya adalah sektor elektrikal dan elektronik, sains hayat dan teknologi perubatan, pembuatan dan kejuruteraan termaju, *economic digital*, ekonomi hijau, sektor halal dan sektor automotif yang berkaitan dengan EV dan aeroangkasa, kimia dan petrokimia dan pelabuhan dan logistik.

Sektor-sektor fokus tersebut seperti ENE, *economic digital* dan aeroangkasa juga merupakan sektor yang dikenal pasti di bawah Aspirasi Pelabuhan Nasional dan juga Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 bagi mempertingkatkan lagi ketrangkuman dalam pengagihan hasil ekonomi negara. Seterusnya, inisiatif mampan dan pelepasan karbon bersih sifar global menjelang 2050 sudah menjadi trend arus perdana. Trend ini juga membuka peluang kepada kami untuk menyediakan pelbagai penyelesaian yang boleh dilaksanakan untuk membangunkan ekonomi rendah karbon termasuk pembangunan tenaga suria dan industri berkaitan kenderaan elektrik, tenaga hidrogen dan sebagainya.

Baru-baru ini, kejayaan Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama kerajaan persekutuan dalam penganjuran *Asia Pacific Climate Week 2023* yang melibatkan lebih 3,800 wakil dari 108 negara menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam perkara ini. Kami menjangkakan lebih banyak prospek pelabur akan meneroka peluang perniagaan dalam sektor tenaga hijau susulan pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara. Selain itu, pertumbuhan pesat ekonomi digital global telah membolehkan pembangunan berterusan lanjutan dalam teknologi baharu dan membuka pelbagai peluang untuk negeri Johor. Di mana, ekonomi digital juga merupakan salah satu sektor fokus di bawah NIMP 2030. Disokong oleh sumber yang mencukupi, persekitaran yang menggalakkan dan infrastruktur yang maju, Johor telah berkembang menjadi hab untuk pusat data di rantau ini. Dan dengan sokongan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, negeri Johor telah pun keluarkan satu garis panduan berkaitan pembangunan pusat data yang kita jangka akan diangkat untuk menjadi garis panduan untuk negara Malaysia.

Imej Johor sebagai agensi utama kerajaan negeri dalam hab pelaburan akan terus bekerjasama dengan semua agensi untuk menawarkan perkhidmatan yang terbaik bagi merealisasikan projek-projek yang dicadangkan. Secara spesifiknya, kerajaan akan melaksanakan gerak kerja sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan Johor 2024 iaitu:

1. Melaksanakan kajian dan pelaporan untuk mengenal pasti jurang ekosistem bagi setiap sektor fokus yang dinyatakan.
2. Melaksanakan kajian pemetaan kawasan industri dan data pelaburan terkini untuk dipadankan dengan ketersediaan tenaga modal insan rakyat negeri Johor sebagai sumber rujukan awal kepada prospek pelabur.
3. Menaik taraf dan membangunkan infrastuktur di kawasan perindustrian berdasarkan geografi untuk memastikan ia mampu memenuhi keperluan sektor-sektor fokus yang dinyatakan.
4. Mengoptimumkan fungsi Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor melalui perkongsian maklumat berkaitan skop pekerjaan, kemahiran yang diperlukan oleh industri, peluang pekerjaan tersedia dan hal berkaitan; dan

5. Menyediakan peruntukan untuk melaksanakan *Programme Upskilling* dan *Reskilling* dalam sektor berkemahiran tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan inisiatif *Johor Inside* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa, ia merupakan usaha pengumpulan data industri dan bakal mengenal pasti kos menjalankan perniagaan di negeri Johor. Proses-proses yang boleh dipermudahkan dan akan memberi fokus kepada Perancangan Zon Ekonomi Khas Johor – Singapura di mana memorandum persefahaman bakal ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura pada Januari tahun depan, serta Zon Kewangan Khas di Forest City yang telah pun diumumkan. Hasil *Johor Inside* akan dijadikan sebagai rujukan kerajaan negeri, pihak berkepentingan dan juga prospek pelabur. Dalam hal ini, perancangan yang rapi termasuk berkaitan dengan lokasi, kemudahan yang disediakan, insentif dan rangka kerja pentadbiran amat diperlukan untuk memastikan kejayaan Johor – Singapore, SEZ dan juga SFZ. Pakar perunding yang bakal dilantik akan diminta untuk membuat analisis berkaitan peluang ekonomi termasuk sektor-sektor yang boleh berkembang, pasaran yang boleh diakses dan sebagainya. Dengan adanya data dan analisis tersebut, kerajaan negeri bakal menawarkan insentif bersasar dan polisi mesra pelabur termasuk perkara berkaitan kos untuk memulakan sesuatu projek atau perniagaan. Sebagai contoh, berkaitan kos pemprosesan permohonan cukai dan faktor lain yang dapat meningkatkan tarikan negeri Johor kepada prospek pelabur.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan saya berpeluang menjawab soalan berkaitan pembangunan sektor kimia dan petrokimia di Dewan yang mulia ini semasa sesi soal jawab. Sebagai tambahan kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tanjung Surat dalam perbahasan beliau. Bagi memastikan Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC) kekal relevan, Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) akan menjalankan kajian semula Pelan Induk PIPC yang akan memberi pendekatan terhadap komponen-komponen baharu dalam bidang peralihan tenaga serta memberi tumpuan kepada industri kimia dan petro kimia.

Langkah ini adalah penting kerana PIPC sudah mula menerima *investment interest* daripada industri-industri yang menekankan elemen matlamat Pembangunan Lestari ataupun *Sustainable Development Co* dan prinsip alam sekitar, sosial dan juga tadbir urus ESG. Pembangunan PIPC fasa seterusnya juga akan merangkumi komponen-komponen baharu ini. *PIPC Project Steering Committee* yang telah pun diwujudkan pada tahun 2013 sewaktu fasa pembinaan Pengerang Integrated Petroleum Complex yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh PETRONAS pada ketika itu. Walau bagaimanapun, berdasarkan pembangunan terkini di PIPC dan minat pelaburan yang diterima, Jawatankuasa ini berpendapat penambahbaikan fungsi PIPC adalah perlu di mana fungsi PIPC sewajarnya merangkumi perkara-perkara bermula dari fasa pra pelaburan, pembinaan, pasca pembinaan, sokongan operasi perniagaan dan pasca pelaburan. Setiap perkara yang dibangkitkan dalam setiap fasa hendaklah diakhiri dengan pelaksanaan tindakan yang wajar, bagi menyelesaikan isu yang dihadapi oleh bakal pelabur dan juga pelabur sedia ada di PIPC.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan penganjuran *Asia Pacific Climate Week 2023* yang dilangsungkan dari 13 hingga 17 November 2023, sepertimana yang disebutkan tadi, ia menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam hal berkaitan pembangunan secara mampan. Patik juga ingin mengambil kesempatan ini menjunjung setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofia di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia melancarkan *Johor Sustainability Centre* sempena APCW 2023. Kejayaan penganjuran APCW telah pun menunjukkan kemampuan dan kesediaan negeri Johor untuk menganjurkan persidangan antarabangsa. *Johor Convention Exhibition Bureau*, sebuah unit di bawah Invest Johor akan terus berusaha meneroka bidang baharu ini dalam mempelbagaikan aktiviti dan juga pertumbuhan ekonomi negeri Johor melalui penganjuran

*business event* yang sangat berpotensi untuk menjana limpahan ekonomi pelbagai sektor kepada rakyat negeri ini.

Antara sektor utama yang mendapat faedah limpahan ekonomi melalui penganjuran *business event* ini adalah sektor pelancongan termasuk industri perhotelan, perkhidmatan, perdagangan dan juga pelaburan antarabangsa. Dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang telah pun mencadangkan dalam belanjawan supaya inisiatif ini diteruskan pada tahun hadapan. Namun, kami mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Pemanis berkaitan kekurangan kami sempena APCW 2023 dan pengalaman tersebut akan dijadikan sebagai rujukan untuk penambahbaikan untuk tahun hadapan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan portfolio Hal Ehwal Pengguna, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun banyak menyentuh isu yang kini menjadi perbualan serta topik hangat di media arus perdana mahupun sosial iaitu isu kenaikan harga barang keperluan yang tidak terkawal atau tinggi dan isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Program Jualan Rahmah akan diteruskan sepertimana yang dikatakan pagi tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan, jumlah jualan bagi Program Jualan Rahmah yang dilaksanakan di negeri Johor sehingga 15 November 2023 adalah RM21,149,000.00.

Kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan pihak KPDN Johor untuk Program Jualan Rahmah ini dan sebenarnya Kerajaan Negeri Johor juga ada menyediakan peruntukan melalui pihak FAMA dan untuk tahun ini kita telah pun melaksanakan Jualan Rahmah sebanyak 62 kali yang melibatkan peruntukan hampir RM800,000.00. Dan seterusnya, kerajaan negeri juga akan terus bekerjasama dengan pihak KPDN Johor untuk melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi mengawal kenaikan harga barangan utama yang mendapat permintaan yang tinggi semasa musim perayaan seperti ayam, telur, daging, sayur-sayuran dan ikan di peringkat runcit dan borong. Ini bertujuan untuk melindungi pengguna dan membanteras peniaga-peniaga daripada mengambil kesempatan untuk menaikkan harga demi keuntungan yang tinggi. Sebagai hasil penguatkuasaan sempena Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa dan Deepavali pada tahun ini, KPDN Johor telah menjalankan 1,692 pemeriksaan di peringkat peladang, pemborong dan peruncit. Dan sebanyak 46 kes telah disiasat dan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011, dengan jumlah kompaun sebanyak RM6,800.00 dikenakan. Dan juga Pegawai Pemantau Harga KPDN Johor juga melaksanakan kutipan harga barangan keperluan pengguna terpilih secara harian, mingguan dan juga bulanan di pasaran. Maklumat tersebut akan dijadikan rujukan kepada kerajaan dalam merangka tindakan untuk memastikan kestabilan harga dan juga bekalan barangan.

Sehubungan itu seramai 92 orang Pegawai Pemantau Harga telah pun dilantik di negeri Johor dan akan membuat kutipan harga merangkumi 2 premis pasar basah, 28 premis pasar mini, 67 pasar raya dan *hypermarket* dan 22 kedai runcit yang terlibat di semua daerah di negeri Johor. Ini membantu memastikan pemantauan yang komprehensif untuk menyokong langkah-langkah kerajaan dalam menjaga keadilan harga dan ketersediaan barang keperluan.

Dan juga kita, KPDN Johor juga mengambil maklum terhadap video tular berkaitan isu pekerja asing yang menyorok bekalan terutamanya barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung. Tindakan secara proaktif telah pun dijalankan oleh 200 penguatkuasa di seluruh negeri Johor melalui pemeriksaan secara harian ke semua premis runcit dan borong bagi memantau kedudukan bekalan keperluan asas serta harga.

Dan pemeriksaan juga akan memfokuskan kepada seluruh rantai bekalan bermula dari peringkat pengilang, pemborong serta peruncit agar tidak berlaku sebarang gangguan bekalan dan memastikan bekalan sampai ke pengguna. Dan pemantauan bekalan ini



dilakukan pada 79 premis *dedicated district retailer* dan 280 premis *dedicated district wholesaler* ataupun pemborong daerah khas yang dilantik di setiap daerah seluruh negeri Johor agar sentiasa dapat menampung bekalan barang keperluan.

Namun Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi isu yang tular tersebut, pemeriksaan terhadap kawasan tersebut dikenal pasti di mana di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, belum ada peruntukan untuk menghalang warga asing daripada membeli barang kawalan. Maka perkara ini adalah bidang kuasa di bawah Parlimen Malaysia.

Namun sekiranya terdapat apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana premis pemegang lesen barang kawalan di bawah *Control of Supply Act* tindakan tegas akan diambil terhadap mereka termasuk kompaun dan juga siasatan lanjutan dan kemungkinan boleh dibawa kes ke Mahkamah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu berkaitan Jawatankuasa ini semasa Persidangan Dewan kali ini. Bunga dedap di atas para, anak desa pasang pelita, andai tersilap tutur bicara, jari disusun maaf dipinta. Sekian terima kasih, salam Maju Johor.

**YB Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran 2 orang pemerhati daripada Pejabat ADUN Maharani.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga ingin dimaklumkan Majlis Agama Islam Negeri Johor pada hari ini ada membuka satu *booth* di luar Dewan ini. Ini adalah satu inisiatif dan pendekatan kepada Ahli-Ahli dalam Dewan ini untuk bertanyakan perkara-perkara yang berkaitan tentang zakat, wakaf dan lain-lain. Pembukaan *booth* pada hari ini menyediakan khidmat nasihat, ya, mengenai Saham Wakaf Johor, tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Johor, kadar zakat dan harta-harta Baitulmal. Selain itu, dipamerkan juga aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di sepanjang tahun ini.

Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama :** Bismillahirrahmannirrahmin (Doa). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Asam pedas ikan merah, masak belangkas goreng berlada, salam hormat dari Semerah, salam sejahtera semua yang hadir. Dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT sehingga hari ini dapat kita sama-sama hadir dalam Mesyuarat Keempat (Belanjawan 2024) Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15.

Saya memulakan penggulungan ini dengan mengucapkan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada tanggal 22 November yang lalu. Patik turut merafak sembah selain merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas pengisytiharan Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Patik dan rakyat Semerah mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Sultan serta Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor dikurniakan setinggi-tinggi keberkatan dan kebaikan.

Patik juga merafak sembah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim atas perlantikan yang bakal dibuat selaku Pemangku Sultan, juga di atas kemenangan JDT atas Piala Sumbangsih, piala FA menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut. Sama-sama kita Yang Berhormat Datuk Speaker hadir ke Stadium Bukit Jalil 8 Disember ini untuk menyaksikan perlawanan dan kemenangan, insya-Allah pasukan JDT.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi atas kurniaan Duli Tuanku kepada beliau Darjah (SMIJ) yang membawa gelaran Dato'. Yang

Berhormat Datuk Speaker serta Ahli Dewan yang mulia izinkan saya menjawab beberapa isu yang ditimbulkan sepanjang sesi perbahasan.

Yang Berhormat ADUN Layang-Layang begitu prihatin dalam membela kebajikan kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Johor dan asnaf dalam negeri ini. Yang Berhormat Layang-Layang mencadangkan agar diwujudkan Lembaga Zakat Negeri Johor sepertimana yang telah diwujudkan di negeri Kedah juga di Selangor. Bagi perjawatan tetap tetapi tidak berpencen bagi kakitangan-kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Johor yang berstatus kontrak.

Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan beberapa cadangan bagi penstrukturan organisasi dan juga perjawatan bagi memastikan perkembangan organisasi selari dengan keperluan perjawatan yang ada. Setakat ini terdapat 340 perjawatan di Majlis Agama Islam Negeri Johor di mana 170 adalah status tetap dan 130 kontrak. Namun begitu, selepas Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam dikeluarkan pada tahun 2019 berkaitan pembekuan pengambilan perjawatan tetap atau kontrak, usaha tersebut tak dapat dimajukan. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Islam Negeri Johor akan terus berusaha mencadangkan penambahan kuota bagi kakitangan tetap pada masa akan datang. Dan keperluan bagi perjawatan yang kritikal, pada sektor-sektor yang berkenaan.

Bagi skop kebajikan asnaf, Yang Berhormat Layang-Layang ingin mengetahui status perumahan transit bagi asnaf di kawasan Layang-Layang. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan rumah transit asnaf di Simpang Renggam melalui Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Johor kali ke-225 bertarikh 30 September 2019 telah memutuskan agar Majlis Agama Islam Negeri Johor tidak lagi dilibatkan dalam mana-mana projek perumahan tetapi sebaliknya akan hanya menyewa kediaman-kediaman sedia siap dibina seperti di beberapa PPR di kawasan Johor Bahru bagi maksud perumahan transit asnaf.

Walaupun bagaimanapun, Majlis Agama Islam Negeri Johor bersedia mendengar sebarang usaha dan cadangan bagi maksud menyantuni keperluan rumah asnaf yang dicadangkan. Pada waktu ini Majlis Agama Islam Negeri Johor bersedia dengan peruntukan pembangunan bagi membina 50 buah rumah dan membaikpulih 10 rumah asnaf setiap tahun dengan kos berjumlah RM5.7 juta.

Yang Berhormat Panti menerusi sesi perbahasan beliau mengemukakan perkara mengenai pencerahan berkenaan pembangunan sistem penyelarasan bantuan kepada sekolah agama, masjid dan surau dalam negeri Johor dan usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan penambahbaikan kepada sekolah-sekolah agama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, permohonan sistem penyelarasan bantuan masjid, surau dan sekolah agama yang akan dibangunkan pada tahun hadapan di bawah strategi memperkukuhkan tadbir urus syiar Islam diwujudkan bagi tujuan memastikan agihan peruntukan kepada masjid, surau dan sekolah agama adalah selaras dan tidak berlebihan, hanya tertumpu kepada mana-mana sekolah ataupun masjid sahaja. Ianya bagi mengelakkan pertindihan peruntukan yang diterima oleh setiap masjid, surau juga sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Panti, banyak agensi yang menyalurkan peruntukan tetapi hanya tertumpu kepada sesebuah masjid mahupun sekolah agama kerana, kerana pegawai masjid ataupun sekolah agama tersebut mereka mempunyai pengalaman dan tahu selok belok memohon peruntukan. Namun keadaan ini tidak boleh diteruskan kerana ada kemungkinan sebahagian masjid, surau juga sekolah agama yang kurang berpengalaman dalam usaha mendapatkan peruntukan.

Dengan cara sistem ini dianjurkan dan bakal dilaksanakan isu pertindihan peruntukan tidak akan berlaku, bahkan dapat mengurangkan ketirisan. Sesungguhnya pembinaan sistem ini bukan sekadar menyelaraskan bantuan malah memartabatkan kesucian dan kemuliaan rumah Allah selaras dengan peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor.

Bagi cadangan mempertingkatkan penambahbaikan infrastruktur di Sekolah Agama Kerajaan Johor seperti yang dibangkitkan oleh YB Panti, kerajaan negeri sentiasa parihatin tentang permasalahan dan kemudahan fizikal di sekolah-sekolah tersebut. Kerajaan negeri akan sentiasa melihat keperluannya bahkan pada tahun hadapan akan memperuntukkan sejumlah RM12.5 juta untuk tujuan tersebut sebagaimana kita dimaklumkan dalam Belanjawan 2024.

Suka saya kongsi di sini isu sekolah-sekolah agama kritikal yang telah saya bantangkan pada 26 November yang lalu telah mendapat perhatian dari Yang Berhormat Menteri Agama Persekutuan dan beliau sendiri telah menyatakan kepada saya untuk menyalurkan peruntukan daripada pihak kerajaan pusat bagi menampung sebahagian daripada kos pembaikpulihan sekolah-sekolah agama negeri Johor ini. Di sini saya perlu merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih oleh Yang Berhormat Menteri Agama atas keprihatinan beliau itu.

Yang Berhormat Tenang mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menyediakan atau menyewa secara tetap kereta sewa atau teksi bagi asnaf yang menerima rawatan di pusat dialisis. Untuk makluman Yang Berhormat Tenang, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah pun mengambil inisiatif lebih awal bagi membantu pesakit dialisis untuk hadir ke pusat-pusat rawatan melalui kaedah bantuan kewangan, pengangkutan kepada pesakit tersebut dengan menyediakan kos ke pusat-pusat dialisis yang disediakan. Bantuan ini adalah dalam bentuk sumbangan bagi meringankan pesakit menjalani rawatan harian.

Cadangan Yang Berhormat Tenang bagi Majlis Agama Islam Negeri Johor berkolaborasi bersama pengusaha kereta sewa atau teksi untuk dijadikan pengangkutan tetap merupakan cadangan yang baik dan kita akan memperhalusi cadangan tersebut.

Yang Berhormat Senggarang mencadangkan agar satu sistem pungutan Al-Quran dan kitab-kitab agama mahupun bahan hiasan yang mempunyai ayat Al-Quran diadakan agar kaedah pelupusannya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. Terima kasih Yang Berhormat Senggarang atas cadangan tersebut. Untuk makluman bersama, negeri Johor telah melaksanakan program pemurnian Al-Quran dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Pejabat Kadi Daerah serta Bahagian Penguatkuasaan dan juga kawalan negeri Johor, Kementerian Dalam Negeri serta NGO, Pertubuhan Amal Muhibbur Quran di Yong Peng dan Koperasi Masjid Taman Yayasan di Segamat.

Objektif pemurnian Al-Quran ini adalah untuk menjaga kemuliaan Al-Quran bukan ketika membaca atau menulis sahaja bahkan ketika pelupusannya dilaksanakan. Terdapat 10 lokasi pemurnian Al-Quran di seluruh negeri Johor yang kebanyakannya diuruskan oleh Pejabat Kadi Daerah. Maka bagi tujuan ini saya mencadangkan untuk kita semua agar sentiasa merujuk kepada Pejabat Kadi Daerah untuk mengetahui pusat-pusat penghantaran ayat-ayat suci Al-Quran tersebut, sebelum nanti akan dilupuskan.

YB Senggarang dan YB Tiram juga mencadangkan agar graduan lepasan Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) dalam bidang Diploma Pendidikan Islam diserapkan dan ketegasan KUIJSI dalam pemilihan skop guru Sekolah Agama Kerajaan Johor agar graduan tidak sangkut dalam sesi temu duga. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat secara dasarnya perlantikan graduan dalam lulusan tersebut tak dapat dibuat secara automatik, kerana ia perlu melalui proses pengambilan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor (SPAJ). Dan calon-calon yang berkelayakan hendaklah membuat permohonan bagi jawatan tersebut. Dengan jumlah permohonan yang tinggi Yang Berhormat Datuk Speaker, SPAJ akan memproses permohonan melalui proses tapisan yang teliti memenuhi kriteria *job fit*, *team fit* dan *organisation fit*.

Bagi pengambilan jawatan Pegawai Perkhidmatan DG29, calon-calon yang berkelayakan daripada KUIJSI boleh membuat permohonan bagi pengisian jawatan tersebut namun terpaksa bersaing dengan lain-lain calon yang juga memohon terutamanya guru-guru KAFA kita. Guru-guru KAFA bukan saja mempunyai pengalaman sedia ada, namun mereka juga mempunyai kelayakan. Calon-calon ini akan dinilai dan calon yang berprestasi tinggi akan ditapis menerusi temu duga dan calon yang berjaya akan ditawarkan dengan lantikan.

Menjawab kepada persoalan Yang Berhormat Tiram iaitu KUIJSI perlu tegas dalam pemilihan sebagai guru sekolah agama, untuk makluman sidang yangn mulia, pada tahun ini seramai 285 pemegang Diploma Perguruan KUIJSI telah memohon perjawatan guru sekolah agama dan daripada jumlah tersebut 101 orang telah terpilih untuk diterapkan dalam perjawatan guru-guru ini. Pihak kerajaan mengakui bahawa KUIJSI berjaya mengekalkan calon-calon guru agama terbaik dan boleh terus jadi penyumbang kepada penawaran perjawatan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Kempas mencadangkan agar kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor menaikkan kadar dermasiswa kepada anak-anak kita yang berada di Jordan berikutan peningkatan kos sara hidup di sana. Skim Bantuan Dermasiswa MAIJ bagi pelajar Pengajian Islam di Jordan mula dilaksanakan pada tahun 2016 kepada pelajar yang menyambung pengajian di Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim. Objektif bantuan ini, membantu mempertingkatkan taraf pendidikan golongan miskin dan fakir ke tahap yang lebih tinggi. Kadar dermasiswa yang diberikan adalah sekitar RM8,000.00 setahun bagi pelajar kita di Jordan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil maklum berkenaan kadar tukaran wang yang semakin meningkat, kerjasama dengan KUIJSI berkenaan perkara ini sedang dijalankan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Zakat Negeri Johor yang akan datang sebelum kajian akhir dibuat bagi maksud meningkatkan kadar dermasiswa yang diberikan.

Yang Berhormat Maharani dalam sesi perbahasan beliau mencadangkan agar peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 dapat disalurkan kepada sekolah agama yang memerlukan baik pulih di DUN Maharani. Untuk maklumat Yang Berhormat Maharani, kami telah menerima 6 permohonan baik pulih dari sekolah agama di mana dua sekolah agama tersebut adalah Sekolah Agama Bandar Maharani dan Sekolah Agama Parit Kadi telah pun dibaik pulih pada tahun ini. Satu buah lagi iaitu Sekolah Agama Nur As-Syam akan dibaik pulih pada tahun 2024 dan 3 lagi sekolah iaitu Sekolah Agama Parit Bakar Tengah, Sekolah Agama Seri Jong dan Sekolah Agama Parit Keroma dalam pemantauan penilaian untuk melihat tahap keperluan penyelenggaraannya. Bermaksud YB Maharani, kita ambil maklum dan tindakan sedang pun dibuat.

YB Maharani juga mencadangkan agar pemantauan dilaksanakan secara berkala oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor bagi memastikan Program Semarak Subuh yang bakal dilaksanakan dapat disemarakkan. Benar Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah penambahbaikan program di bawah Kerajaan Negeri Johor di bawah portfolio saya yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Insya-Allah, Program Semarak Subuh ini akan digerakkan melalui penggerak-penggerak DUN. Penggerak-penggerak DUN akan melaporkan perjalanan program ini kepada Pejabat Kadi dan seterusnya akan dibawa ke ibu

pejabat untuk direkodkan. Dan, sekiranya perlu Majlis Agama Islam Negeri Johor juga akan menyediakan laporan lengkap pada setiap bulan kepada Yang Berhormat Menteri Besar sebagai pemakluman kerana ini adalah bajet daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyentuh isu solidariti Palestin. 19 November yang lalu, kerajaan Johor menganjurkan Program Bacaan Yasin, Tahlil dan Solat Hajat Bangsa Johor Untuk Palestin yang bertempat di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn. Kehadiran, alhamdulillah Datuk Speaker, Akhbar Utusan melaporkan 8,000 kehadiran kita rekodkan. Pelbagai latar belakang tanpa mengira politik kita jemput dan alhamdulillah semua peringkat hadir. Program ini juga diadakan bagi maksud menyampaikan sumbangan sebanyak RM2.5 juta hasil kutipan masjid, surau, sekolah agama dan juga syarikat korporat milik kerajaan mahupun swasta dalam negeri Johor. Sumbangan ini terus disalurkan ke Tabung Amanah Kebangsaan Rakyat Palestin, Kementerian Luar Negara Malaysia.

Saya menyeru kepada Dewan yang mulia ini untuk kita terus mengambil pendirian mengutuk sekeras-kerasnya serangan dan peperangan yang berlaku di Tebing Gaza sekarang ini. (Dewan bertepuk). Tuan-tuan, sumbangan yang telah disalurkan tadi dan juga doa serta solat hajat yang kita terus laksanakan menunjukkan kesatuan semangat kita kepada rakyat Palestin yang sedang tertindas. Bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW, ini adalah bukti keimanan kita. (Bacaan Hadis), "Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri".

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Dewan yang mulia, izinkan saya kembali mengimbas kejadian banjir yang hangat juga diperkatakan. Saya suka mengatakan Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang kejadian banjir di negeri Johor lepas dari tahun ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membuat langkah yang terbaik dengan membenarkan masjid, surau yang terlibat dijadikan pusat pemindahan sementara mangsa-mangsa banjir. Bahkan juga saya maklumkan Yang Berhormat Datuk Speaker, kewangan masjid juga digunakan bagi membantu golongan mangsa banjir yang memerlukan. Maka, saya menyeru untuk semua masjid dan surau negeri Johor terus bersedia sekiranya kita diuji sekali lagi, yang kita berdoa tidak, untuk mempersiapkan kemudahan terbaik masjid surau kita bagi memberi kemudahan kepada mangsa-mangsa banjir yang kita doakan tidak berlaku tapi persediaan perlu dibuat.

Bersoal tentang KPI Datuk Speaker, *Key Performance Index*. Tahun ini merupakan tahun kedua saya memegang jawatan sebagai EXCO Kerajaan Johor Hal Ehwal Agama Islam Johor. Izinkan saya berkongsi beberapa pencapaian yang telah pun dilakar sepanjang tahun ini. Antaranya ialah kita berjaya mendaftarkan seramai 529 orang pelajar tahfiz untuk menduduki peperiksaan SPM daripada 450 orang yang disasarkan. Sasaran ini melebihi 100% yang kita harapkan. Sebanyak 160 daripada 800 buah masjid dan surau yang terpilih dan 140 buah daripada 583 buah sekolah agama telah dilengkapi dengan kemudahan Internet.

Dari segi kebajikan asnaf seramai 6,000 asnaf terpilih seluruh negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM1.2 juta bagi Program Dapur Asnaf. Bantuan Pendidikan Asnaf sebanyak RM7.2 juta diperuntukkan bagi pendidikan anak-anak asnaf yang memberi manfaat kepada 1,300 orang penerima. Selain daripada itu, pada tahun ini negeri Johor telah melahirkan seramai 1,200 huffaz dan 50,000 anak-anak muda yang khatam Al-Quran dari pelbagai peringkat umur sekolah rendah, menengah dan juga belia. Bagi penyelenggaraan dan baik pulih sekolah agama, masjid, surau serta tanah perkuburan negeri Johor setakat ini pencapaiannya 95% daripada gerak kerja yang kita sasarkan.

KPI bagi tahun 2024 pula Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah menggariskan 15 titik fokus yang berjumlah lebih daripada RM200 juta yang memberi manfaat kepada 500,000

penerima manfaat yang merangkumi RM190 juta kebajikan asnaf, RM22.8 juta bagi pengambilan guru dan penyelenggaraan Sekolah Agama Johor, RM64,000.00 bagi pembangunan sistem penyelarasan bantuan baik pulih masjid, surau dan sekolah agama; RM1.98 juta bagi penambahan pemasangan Internet di 160 buah masjid dan 200 buah sekolah agama pada tahun hadapan.

Bagi melengkapi pemasangan Wi-fi Sekolah Agama Kerajaan Johor, sebanyak 60 buah *Smart TV* pula akan diagihkan kepada sekolah-sekolah yang belum menerimanya dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00. Kerana KPI pada tahun ini ialah dengan tidak mencirikan golongan kurang upaya dalam kategori negeri Johor. 10 unit Al-Quran *e-Braille* akan diberikan kepada pelajar cacat penglihatan di Sekolah Princess Elizabeth dan Sekolah English College yang memberi manfaat kepada 100 orang pelajar. Semoga dengan inisiatif ini akan menambahkan golongan celik Al-Quran di kalangan orang yang cacat penglihatan.

Sebagai pemakluman tambahan hasil usaha keras kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Johor, setakat kutipan terkini 83, ini yang terkini Datuk tadi saya umum 80%, 81% sekarang ini 83.25% bersamaan RM298,323,151.00 kutipan telah pun dikutip setakat jam 11 pagi tadi. Ini membuktikan syiar Islam di bumi Johor terus diperkasakan dan akan terus dimartabatkan dengan cara dia akan menafikan sebarang dakwaan bahawa kerajaan yang tidak ditadbir oleh sesetengah parti itu, Islam tidak dimartabatkan. Buktinya Yang Berhormat Datuk Speaker, penambahan pembayar zakat tahun demi tahun membolehkan lebih banyak manfaat kita berikan kepada golongan yang disasarkan. Yang Berhormat Datuk Speaker, ini antara usaha kita membantu agama Allah Surah Muhammad Ayat ke-7 (Bacaan Ayat Al-Quran). Kalau kita bantu agama Allah, Allah akan bantu kita dan memperkukuhkan kedudukan kita. Jelas, kerajaan hari ini sentiasa memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi negerinya di bawah syiar Ahli Sunah Wal Jamaah dan Almaturidiah.

Yang Berhormat Datuk Speaker sebelum berakhir, saya merakamkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang telah memberikan pandangan juga nasihat bahkan kritikan. Kalian telah mempamerkan sikap profesional yang tinggi, berinteraksi dengan matang juga bertoleransi. Yang Berhormat sekalian, sesi Persidangan juga dapat dilaksanakan dengan lancar dan efektif. Inilah keunikan Dewan Negeri Johor di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan sikap diri kita sendiri sebagai Ahli Dewan yang mulia. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerusi ucapan bajet beliau sebanyak RM39.9 juta diperuntukkan bagi pemeraksanaan pendidikan Islam dan pengukuhan syiar Islam. Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**YB Speaker :** Tahniah, Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan penghargaan kerana diberi peluang pada sesi penggulungan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Sebelum meneruskan ucapan penggulungan ini, patik ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh pada tanggal 22 November. Patik turut merafak sembah seraya merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena perisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-17.

Bunga mawar berdiri megah, tumbuh subur di tubir telaga, budinya Tuanku disanjung disembah, menaung negeri yang tiada tara.

Patik berdoa terhadap Allah SWT supaya Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keafiatan agar dapat diteruskan menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekaliannya.

Patik juga ingin merakam, merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dipersembahkan kepada Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Didoakan semoga Tuanku dapat melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa diberikan rahmat Allah SWT. Tunku Mahkota Johor yang tidak pernah lekang memberi galakan, motivasi dan inspirasi bagi memacu kemajuan pendidikan di negeri Johor dan meletakkan pendidikan negeri Johor ini sebagai agenda utama dalam memajukan mutu pendidikan negeri Johor.

Tahniah juga saya ingin ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor atas kurniaan Darjah Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendidikan mainkan peranan yang sangat penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan mempunyai hubungan rapat dengan ilmu dan ilmu dikenal pasti sebagai faktor hasil. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada di persekitarannya serta memahami diri sendiri. Dengan pendidikan maka lahirlah para cerdik pandai. Hal ini secara langsung memperlihatkan berkaitan antara pendidikan dengan pembangunan di sesebuah negara. Apabila dengan lahirnya para cerdik pandai, maka segala pentadbiran dan pengurusan negara serta negeri Johor yang kita cintai ini dapat diuruskan dengan baik dan para cerdik pandai inilah bakal menyokong gagasan Maju Johor 2030.

Untuk menjadikan negeri Johor sebuah negeri yang maju, kunci utama dalam pembentukan gagasan ini adalah dengan memperkukuhkan sektor pendidikan. Pendidikan adalah kunci segala perubahan yang ingin dibentuk dalam sesebuah kerajaan. Bak kata Yang Berhormat Sri Medan, pendidikan itu penting. Macam mana kita nak pastikan anak-anak kita dapat pendidikan yang cukup kalau dulu mereka miskin keluarganya, mereka boleh jadi kaya, mereka boleh mengubah nasib keluarga, nak mengubah nasib keluarga mesti bermula daripada pendidikan.

Walaupun bidang pendidikan ini merupakan organisasi yang terletak tanggungjawab utamanya kepada kerajaan persekutuan, Kerajaan Negeri Johor amat komited dalam menjayakan agenda pendidikan yang lestari berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam mencapai matlamat falsafah pendidikan negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor berharap agar kita dapat melahirkan Bangsa Johor yang berkualiti dari segi intelektual, rohani dan juga jasmani. Bagi menuju Gagasan Maju Johor 2030, komitmen daripada Kerajaan Negeri Johor dalam memartabatkan pendidikan di kalangan Bangsa Johor ini dapat dibuktikan seiring dengan inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sangat komited dan cakna tentang isu-isu pendidikan di negeri Johor ini sehinggalah telah mendapat pujian di kalangan pendidik dan mahasiswa di negeri Johor ini.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebanyak RM45.26 juta telah diumumkan dalam Belanjawan Johor 2024 bagi memfokuskan pendidikan anak-anak Johor secara menyeluruh. Fokus ini juga bukan sahaja bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah

menengah, malah turut juga memfokuskan mahasiswa-mahasiswa anak Johor kita di institut-institut pengajian tinggi dalam negara.

Dengan pengumuman Bantuan Khas RM5.9 juta bagi peruntukan bilik guru di 1,193 buah sekolah di negeri Johor, ini adalah bukti Kerajaan Negeri Johor sangat mengiktiraf dan menghargai jasa-jasa warga pendidik dengan memberi manfaat kepada 48,500 pendidik rendah dan di sekolah menengah. Inisiatif ini inisiatif tahun kedua yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dan sangat memberi impak positif kepada para pendidik. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pendidik-pendidik negeri Johor atas jasa dan pengorbanan dalam mendidik anak Bangsa Johor tanpa mengenal rasa jemu dan lelah dalam mendidik serta mengajar mereka terutama kepada guru-guru di pedalaman dan di luar bandar. Terima kasih cikgu, terima kasih cikgu, terima kasih cikgu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Parit Raja ada menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan Program Sains, Teknologi dan Inovasi (STEM) bagi sekolah-sekolah negeri Johor untuk menyerlahkan bakat pelajar ke peringkat antarabangsa. Antara program-program kalau hari ini saya nak sebutkan ada 40 program Yang Berhormat Parit Raja, jadi apa yang saya boleh rangkumkan hari ini, di antara 40 program ini, kerajaan negeri telah memberi peruntukan hampir RM1 juta bagi program STEM.

Untuk makluman Ahli Dewan yang dimulikan, baru-baru ini beberapa pelajar di sekolah di negeri Johor telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi *Robot Olympiad Championship 2023* peringkat kebangsaan yang telah disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, seterusnya pelajar-pelajar Johor ini mewakili Malaysia dalam pertandingan *Robotic* peringkat antarabangsa. Dan pada hari ini, suka juga untuk saya mengumumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Uda 2, Johor Bahru telah mendapat naib juara dalam kategori *Robomission Elementary* dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Batu Pahat telah mendapat tempat keempat bagi *Program Future Innovators Senior* sekali gus membantu delegasi Malaysia dinobatkan sebagai juara keseluruhan *20th World Robot Olympiad 2023* di Panama City. Kita ucapkan ribuan tahniah kepada kedua-dua buah sekolah ini. Bukan itu sahaja, saya juga ingin mengumumkan bahawa satu sekolah lagi di negeri Johor yang telah membawa nama Johor di persada antarabangsa iaitu Sekolah Kebangsaan Lok Heng Selatan, Kota Tinggi yang telah memenangi *Gold Award Medal* dalam pertandingan *The 10th Anniversary International Youth Robot Competition* di Korea Selatan. Saya sungguh terharu kerana sekolah yang berada di luar bandar boleh mengharumkan nama Malaysia di mata dunia dalam bidang STEM.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bekok ada menyuarakan kebimbangannya mengenai isu vandalisme yang semakin berleluasa dan apa tindakan dalam mendidik para remaja di negeri Johor ini? Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor sentiasa berusaha secara berterusan bagi memastikan jenayah vandalisme dapat dikawal dan dibentasi dalam kalangan golongan remaja melalui penerapan nilai-nilai murni pada setiap program di sekolah agar dapat diperkasakan sahsiah diri murid-murid itu sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program utama yang dijalankan oleh JPN Johor bagi mengekang jenayah vandalisme dan memperkasakan sahsiah diri murid-murid adalah melalui Program Amalan Adab ABC (Anak Yang Baik Lagi Cerdik) dan Karakter Murid Johor. Sesi penataran berkenaan Program Amalan Adab ABC telah dijalankan kepada PPD, pentadbir Sekolah dan YDP PIBG seluruh negeri Johor bermula daripada 8 Januari hingga 28 Februari 2023. Amalan adab menggunakan alatan dan kemudahan secara berhemah adalah antara 10 tingkah laku terpuji yang diterapkan dalam kalangan murid di negeri Johor.



Selain itu, seluruh sekolah di negeri Johor juga telah diarahkan untuk menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah bagi membanteras kes jenayah dalam kalangan murid di sekolah. Seterusnya untuk memperkukuh disiplin murid, Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM) telah dijalankan kepada 66 buah sekolah menengah fokus yang menunjukkan peningkatan kes laku dalam kalangan murid. Di samping itu, JPN Johor telah melancarkan Ikon Duta Sahsiah di seluruh negeri Johor pada 31 Oktober 2023 dengan kerjasama PDRM negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang ada membangkitkan berkenaan isu Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah-sekolah di kawasan beliau. Bagi menangani peningkatan golongan B40 dan kos sara hidup yang meningkat, kelayakan murid menerima Program Rancangan Makanan Tambahan ini telah diubah dari kelayakan berdasarkan paras garis kemiskinan (PGK) 2016 pendapatan isi rumah di bawah RM604.00 dan per kapita isi rumah RM151.00 kepada PGK 2019 pendapatan isi rumah di bawah RM1,169.00 dan per kapita isi rumah RM310.00 mulai sesi persekolahan 2022-2023. Ini membolehkan seramai 57,983 orang murid layak menerima RMT pada sesi 2022-2023 berbanding seramai 28,342 orang murid pada sesi 2021-2022.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Kota Iskandar ada menyatakan kebimbangan beliau tentang kapasiti sekolah di kawasan Kota Iskandar yang terlalu padat terutama di kawasan Kangkar Pulai, Pulai Indah dan Pulai Jaya 2. Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat. Masalah kepadatan murid sekolah di DUN Kota Iskandar adalah dalam perhatian JPN Johor. Dalam hal ini, JPN telah mengambil langkah yang proaktif untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik melalui pembinaan sekolah baru dan penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak.

Sehubungan dengan itu, JPN Johor telah mendapat 3 kelulusan, kelulusan pembinaan baru iaitu Kompleks Sekolah Taman Pulai Indah Johor Bahru, Johor yang mengandungi 30 bilik darjah bagi sekolah rendah dan 36 bilik darjah bagi sekolah menengah dan pembinaan baru Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini 3 yang mengandungi 36 bilik darjah dalam Rancangan Malaysia Ke-12, *Rolling Plan 4*, Tahun 2024. Status projek adalah pada peringkat proses kerja awalan yang melibatkan pemurnian skop projek serta penyediaan pelan pengambilan tanah. JPN Johor sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negeri Johor termasuk di kawasan Kota Iskandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Endau ada menyuarakan kebimbangan di Mersing kerana tiada mempunyai fasiliti trek olahraga dan padang bagi sukan ragbi. Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendapatkan maklumat berkenaan kesesuaian padang di SMK Seri Mersing dari segi keluasan untuk pembinaan trek sintetik olahraga 400 meter. Sekiranya keluasan padang adalah bersesuaian, JPN Johor akan mengangkat cadangan di bawah peruntukan pembangunan fasiliti sukan KPM bagi RMK13 pada tahun 2025.

Untuk makluman, cadangan bagi pembinaan trek olahraga sintetik bagi daerah Mersing telah dicadangkan di SMK Anjung Batu, Mersing bagi projek RMK12, tetapi masih lagi dalam pertimbangan dan kelulusan KPM. Saya juga ingin memberi penghargaan kepada Yang Berhormat Permas atas keprihatinan beliau tentang Pelajar Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pelajar pendidikan khas ini merupakan salah satu fokus kerajaan dalam membantu mereka. Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengadakan beberapa program. Antara programnya, kolaborasi dengan agensi kerajaan dan swasta bagi tujuan padanan pekerjaan yang bersesuaian dengan murid yang berkeperluan khas ini (MBPK) serta Yayasan Keluarga Darul Ta'zim, PERKESO dan Hotel Hilton. Program kemahiran di sekolah bermula

di sekolah menengah MBPK telah diperkenalkan dengan kurikulum kemahiran yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia Modular kepada MBPK berdasarkan kemampuan dan kebolehan murid itu sendiri.

Seterusnya beralih ke isu yang telah dilontarkan daripada Yang Berhormat Pasir Raja, Pasir Raja ada membangkitkan berkenaan cadangan membina stadium mini di sekolah dalam daerah Kota Tinggi. Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sukan sekolah adalah mencukupi dan berada dalam keadaan yang baik dan kondusif agar menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah termasuklah di kawasan DUN Pasir Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor telah mengangkat permohonan pembinaan baru kemudahan trek sintetik 400 meter, 8 lorong yang memenuhi spesifikasi Sijil IAAF Kelas Dua *World Athletic*, padang bola sepak dan astaka pembekalan peralatan serta kerja-kerja lain yang berkaitan bagi SMK Tun Habab semasa RMK12, RT2, Tahun 2022, menerusi bahagian sukan kokurikulum dan kesenian BSKK KPM. Namun begitu, keutamaan BSKK KPM pada ketika itu adalah projek pembangunan fizikal di sekolah sukan Malaysia dan sekolah sukan negeri.

Yang Berhormat Penawar juga ada memaklumkan dalam sesi perbincangan beliau mengenai isu pendawaian elektrik di sekolah-sekolah yang usang dan lama terutamanya di kawasan FELDA. Kebanyakan masih *single phase* dan tidak sesuai menampung dan selalu mengakibatkan *electric trip* dan dikhuatiri terbakar. Penawar juga mohon menaik taraf pendawaian elektrik terutamanya di SK Kampung Tanjung Buai, SK FELDA Air Tawar 1, SK FELDA Air Tawar 4, SK Semenchu, SK Air Tawar 5, SK Kampung Layau, SK FELDA Sungai Mas, SK Bandar Mas dan SK Bandar Penawar. Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersama Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara termasuk penyelenggaraan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN Johor sentiasa memberikan keutamaan keselamatan sekolah bagi mengelakkan berlakunya litar pintas dan kebakaran di setiap sekolah. Oleh itu, penambahbaikan dalam aspek pendawaian elektrik dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan sekolah selamat diguna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Panti ada menyuarakan kebimbangan terhadap liputan Internet di kawasan Orang Asli di negeri Johor ini. Pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan liputan telekomunikasi dan Internet di kawasan perkampungan Orang Asli ini. Perancangan Jalinan Digital Negara (JENDELA) turut mengambil kira pembangunan di kawasan Orang Asli. Berdasarkan rekod oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Johor, terdapat 59 kampung Orang Asli Johor. Melalui JENDELA Fasa 1, terdapat 13 buah menara sedang dalam pelaksanaan yang akan memberi manfaat kepada 14 buah kampung Orang Asli daripada 59 buah kampung Orang Asli di Johor.

Selain itu, pihak kerajaan melalui MCMC juga telah siap membangunkan 16 buah menara telekomunikasi sebelum ini di bawah Program Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar yang memberi liputan kepada telekomunikasi dan Internet kepada 16 buah kampung Orang Asli. Untuk makluman juga, 13 dari 59 kampung Orang Asli sudah mempunyai liputan daripada menara telekomunikasi yang dibangunkan oleh pihak penyedia perkhidmatan secara komersial. Hanya berbaki 16 kawasan penempatan Orang Asli yang masih belum ada peruntukan pembinaan telekomunikasi yang baru. Nanti, saya sertakan sekalilah nama-nama kampung-kampung Orang Asli tu ya Yang Berhormat.

Jadi, sebelum saya mengakhiri penggulangan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan jutaan terbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang membantu kami para-para EXCO dalam mentadbir dengan baik Kerajaan Negeri Johor yang kita cintai ini dalam mengejar gagasan Maju Johor 2023.

Yang terakhir ini izinkan saya menyampaikan beberapa rangkap pantun untuk semua. Rembulan malam terlihat cerah, sampan dikemudi menuju arah, kami EXCO komited pantang menyerah, tugas dipikul penuh amanah. Negeri Johor berdiri megah, gagasan maju terus disergah, pantang mengundur lagi menyerah, kepada Allah kita berserah. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya tiga-tiga berucap mengikut masa yang ditetapkan. Jadi, saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur. Jangan pecah rekod ya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Nampak macam banyak ni Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera, salam Maju Johor. (Baca doa). Yang Berhormat Datuk Speaker pertama sekalinya izinkan saya merakamkan ucapan Selamat Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang jatuh 22 November 2023. Patik juga ingin merafak sembah supaya seraya merakam ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pengisytiharan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik juga berdoa kehadiran Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilanjutkan usia serta sentiasa berada dalam keafiatan agar dapat terus menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekalian.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang telah diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor kerana telah memenangi Piala Sumbangsih, Piala FA dan juga menjuarai Liga Super 10 kali berturut-turut, marilah berdoa agar Piala Malaysia juga akan menjadi milik pasukan JDT pada perlawanan akhir 8 Disember ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak lupa di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pengurniaan Darjah Pangkat Pertama Dato' Seri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) yang membawa gelaran Dato' daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu syukur alhamdulillah berkat kesungguhan pentadbiran kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi telah berjaya menarik perhatian pihak kerajaan persekutuan dengan meluluskan beberapa projek mega yang dinanti-nantikan rakyat khususnya di negeri Johor. Justeru itu, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah meluluskan projek pelebaran Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) daripada 4 kepada 6 lorong yang dilanjutkan dari Sedenak ke Simpang Renggam yang dinanti-nantikan rakyat selama ini yang bernilai RM931 juta.

Ini adalah tambahan kepada pengumuman projek sebelum ini iaitu projek pelebaran PLUS dari Senai Utara ke Sedenak yang bernilai RM525 juta dan projek lorong memotong Lebuhraya Senai – Desaru (SDE) yang bernilai RM165 juta. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bukit Kepong, cadangan asal ialah bermula daripada Ayer Keroh ke Skudai dan permohonan peruntukan ini adalah dibuat secara berfasa-fasa. Selaku EXCO yang bertanggungjawab bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya akan

bersedia membantu memantau segala proses yang melibatkan kerajaan negeri dapat diselesaikan dalam Jawatankuasa Projek Berimpak Tinggi Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan syukur dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi yang telah membentangkan Belanjawan 2024 pada 23 November yang lepas dan jelas belanjawan kali ini menekankan isu-isu yang dekat dengan rakyat seperti infrastruktur rakyat serta jaringan jalan raya serta pengangkutan awam. Insya-Allah, saya yakin cita-cita ini dapat direalisasikan dengan kerjasama dan sokongan semua pihak.

Berdasarkan Belanjawan 2024 yang bertemakan, “Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat”, yang ditunjangi 6 teras ini sememangnya inklusif, lestari, komprehensif dan sejahtera untuk rakyat Johor. Indah lagu nyanyian teruna, orang kaya belikan makanan, masa ditunggu telah pun tiba, izinkan saya membuat penggulungan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian, seramai 24 daripada 44 Ahli-Ahli yang berbahas telah menyentuh isu-isu yang melibatkan portfolio saya, iaitu Kerja Raya yang melibatkan kualiti, kondisi serta jaringan jalan termasuklah prestasi kontraktor yang dilantik, pengangkutan yang melibatkan kesesakan, pengangkutan awam seperti kereta api, bas dan teksi dan juga infrastruktur berkenaan kecukupan dan gangguan bekalan elektrik dan juga bekalan air.

Dalam keterbatasan waktu, saya akan menyentuh isu-isu yang melibatkan dasar dan belanjawan dahulu dan sekiranya isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan sekalian yang melibatkan kawasan tidak sempat saya sebut dalam penggulungan ini, saya akan pastikan persoalan atau permohonan tersebut akan dikemaskini melalui dokumen bertulis yang akan kita akan hantar kepada YB-YB yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker bagi menyahut Belanjawan Negeri 2024 yang telah dibentangkan di bawah portfolio saya iaitu di Teras Keempat...

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak guna Peraturan mana satu ya, nak tanya tadi Yang Berhormat Datuk Speaker ada maklumkan dengan saya Dewan Negeri tentang soalan atau pertanyaan, jadi saya guna 45(2) kalau boleh dibenarkan. Tadi Yang Berhormat EXCO ada terangkan soalan yang terdapat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis. Saya harap soalan-soalan itu akan dijawab dan diberi cara penyelesaian dan bila tempoh yang boleh diselesaikan. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sri Medan. Betul jika, sebenarnya kita dah ada jawapan-jawapannya cuma kena kemaskini dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya ada tadi tu tentatifnya dan bila akan bermula dengan kos dan sebagainya. Jadi insya-Allah, kalau sempat saya bentangkan tapi Yang Berhormat Datuk Speaker tak nak saya pecah rekod lebih berucap nanti, insya-Allah, ada Yang Berhormat Sri Medan.

Strategi Pertama ialah memperluas jaringan jalan raya dan perhubungan. Strategi Kedua ialah pengangkutan awam dan Strategi Ketiga menaik taraf kemudahan bekalan air dan tenaga. Strategi Pertama di bawah teras ini ialah memperluas jaringan jalan raya dan perhubungan. Kerajaan negeri amat prihatin tentang isu jalan raya kerana ia merupakan medium kesalinghubungan utama di Johor. Justeru itu, inisiatif yang akan dilaksanakan adalah pertama, pembinaan jalan baharu persekutuan, pembinaan jalan serta jambatan negeri, penyelenggaraan jalan, pemasangan lampu jalan dan membentuk *task force* projek berimpak tinggi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sekalian, pada tahun ini negeri Johor menerima peruntukan RM198.93 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan persekutuan. Dengan jumlah ini, sebanyak 218 lokasi kerosakan telah dibaiki termasuklah RM27 juta bagi membaiki kesemua lokasi jalan rosak di Lebuh raya Pasir Gudang. Pihak JKR menganggarkan pada tahun depan 120 lagi lokasi jalan rosak yang melibatkan jalan persekutuan akan menerima peruntukan daripada kerajaan persekutuan.

Saya sedar masih banyak lokasi jalan yang rosak di seluruh negeri Johor tetapi jika dibandingkan daripada tahun-tahun sebelum ini lokasi kerosakan teruk telah jauh berkurangan khususnya di bandar Johor Bahru, Pasir Gudang termasuklah di Jalan Mersing dan juga Kota Tinggi. Bagi jalan-jalan negeri pula iaitu jalan-jalan di bawah tanggungjawab JKR sebanyak 109 lokasi jalan rosak yang melibatkan kerja *pavement* telah dibaiki pada tahun ini dan terdapat 42 kerosakan selain jalan yakni bukan *pavement* turut dibaiki dengan peruntukan sebanyak RM150 juta. Untuk tahun 2024, anggaran peruntukan yang sama iaitu RM150 juta akan digunakan bagi 140 kerja pembaikan termasuk *pavement* dan bukan *pavement*.

Manakala untuk jalan-jalan di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan, sebanyak 1,137 kerja-kerja pembaikan telah dilakukan pada tahun ini dan untuk tahun 2024 dijangka sebanyak 2,428 kerja akan dijalankan dengan peruntukan tetap siling tahunan iaitu RM300 juta. Kerja-kerja ini bukan sahaja melibatkan kerja-kerja pembaikan jalan tetapi juga kerja-kerja melibatkan keruntuhan cerun, longkang, parit dan juga perabot jalan.

Hubungan baik antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat sejak sekian lama telah, serta pembangunan pesat negeri Johor memudahkan negeri Johor menerima projek-projek besar daripada kerajaan pusat, antaranya yang telah siap dan mula digunakan ialah pada Januari tahun ini ialah Jambatan Sungai Pulai yang bernilai RM800 juta yang mula dibina pada tahun 2017. Jambatan ini akan memberi laluan terus dari Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) ke Tanjung Bin dan memendekkan masa perjalanan PTP ke Kukup Pontian daripada lebih 1 jam kepada 30 minit sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun ini JKR negeri Johor telah menyiapkan 2 lagi projek iaitu projek memperelok jajaran di laluan SD 001 Johor Bahru ke Ayer Hitam kilometer 38 ke kilometer 40 Kulai – Johor atau lebih dikenali dengan nama Projek Selekoh 'S'. Projek ini telah bermula pada tahun 2017 dan alhamdulillah, telah siap sepenuhnya pada tahun 2023 dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.5 juta. Tahniah dan syabas kepada pihak JKR dan ini yang merupakan salah satu projek sakit yang telah mengambil masa lebih kurang 10 tahun berjaya disiapkan pada tahun ini.

Kedua, Projek Jambatan Sungai Masai yang bernilai RM10 juta yang dimulakan pada tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada November 2023. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian, jambatan ini telah dilakukan projek perintis garisan jalan, *glow in the dark* dengan kos ditanggung sendiri oleh pihak kontraktor sendiri. Yang Berhormat Datuk Speaker kalau malam-malam boleh lalu situ tengok dia dah *glow road line* di situ.

Projek sambungan yang sedang berjalan ialah menaik taraf jalan dan bina baharu Jambatan Kampung Perigi Acheh Pasir Gudang yang telah bermula sejak tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun hadapan bulan Disember dengan kos projek RM14.2 juta. Kedua, menaik taraf jalan daripada 2 lorong 2 hala ke empat lorong 2 hala dari Taman Kempas Utama ke Kampung Maju Jaya sejauh 2.2 kilometer telah bermula sejak Februari 2018 dan insya-Allah akan disiapkan pada Disember tahun hadapan 2024 dengan kos projek bernilai RM30 juta. Ketiga, menaik taraf dan membina jalan baharu di Gelang Patah J4 dari persimpangan Kompleks CIQ Gelang Patah sehingga ke persimpangan 4 lampu isyarat Lebuh raya

Pelepas sejauh 5 kilometer yang bermula pada Mac 2020 dan dijangka siap pada tahun 2025, Disember dengan kos RM58.8 juta dan menggantikan Jambatan Kampung Sawah, Seksyen 6.7 di Jalan Sawah J113 Pontian yang akan dimulakan pada tahun hadapan, Januari 2024 dan dijangka siap pada Julai 2025 dengan kos RM3.9 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian pencahayaan jalan-jalan raya sangat penting kerana ianya melibatkan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Kerajaan Negeri Johor sentiasa meneroka teknologi-teknologi baharu yang khusus dalam isu pencahayaan ini. Mulai tahun 2023 tahun ini semua pemasangan lampu oleh pihak JKR adalah menggunakan lampu jenis solar LED. Pemasangan lampu solar LED ini mempunyai banyak kelebihan. Antaranya tiada kos bil bulanan kerana sumber tenaga yang digunakan adalah daripada sumber cahaya matahari yang mana tidak memberi kesan karbon kepada persekitaran. Selain itu, lampu jenis LED yang digunakan adalah lebih terang dan lebih jimat penggunaan tenaga. Dengan lampu jenis solar LED ini yang tiang boleh dipasang di mana-mana kawasan yang gelap tanpa kerisauan tiada sumber elektrik. Pada tahun ini sebanyak 300 batang lampu solar LED telah siap dipasang di 47 lokasi.

Dengan anggaran bil bulanan jalan biasa, lampu jalan biasa RM20.00 setiap tiang, jika menggunakan lampu LED solar ini penjimatan bil sebanyak lebih kurang RM6,000.00 sebulan atau RM216,000.00 hingga RM360,000.00 untuk tempoh 3 hingga 5 tahun jangka hayat lampu solar LED ini. Kalau saya boleh senaraikan di Johor Bahru ada 2 lokasi melibatkan 10 tiang; Kulai 1, 5 tiang; Kluang 3 lokasi, 60 tiang; Batu Pahat 8 lokasi, 40 tiang; Muar 4 lokasi, 20 tiang; Tangkak 2 lokasi, 15 tiang; Segamat paling banyak 15 lokasi, 85 tiang; Pontian 2 lokasi, 15 tiang; Mersing 4 lokasi, 25 tiang dan Kota Tinggi 5 lokasi, 25 tiang.

Bagi tahun 2024, kami anggar sebanyak 200 tiang lampu lagi akan dipasang sama ada di lokasi baharu atau tambahan kepada lokasi sedia ada. Pengurangan ini disebabkan kita teroka teknologi baharu...

**YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh pertanyaan...

**YB Speaker** : Ya, Sila

**YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang)** : Yang Berhormat EXCO, alhamdulillah ada perancangan lampu solar. Soalan saya kalau lampu solar itu dia 5 tahun dia punya *warranty*. Dari segi *maintenance* macam mana? Lepas tu, lepas 5 tahun tu kalau rosak macam mana dan tanggungjawab siapa? Sama ada di bawah Pejabat Daerah, JKR ataupun macam mana? Lepas tu yang tahun ini punya bentang untuk tahun depan, permohonan macam mana ataupun dah ada lokasi ke atau macam mana? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Pulai Sebatang. Ada dua soalan, yang pertama tentang tempoh jangka hayat. Seperti yang saya sebutkan tadi jangka hayat lampu solar ini adalah antara 3 ke 5 tahun, dan disebabkan lampu ini ialah hak milik JKR, JKR sendiri akan buat *maintenance* dengan peruntukan JKR setiap tahun. Dan, yang kedua tadi ialah berkenaan dengan lokasi. Setiap JKR daerah telah menghantar lokasi tapi saya harapkan sebaik sahaja penggulungan ini habis, Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh hantar juga cadangan lokasi-lokasi. Tapi dengan syarat, lokasi tu memang tak ada sumber elektrik sebab kita tak nak kita ber, kita sebut apa *clash* dengan tiang-tiang TNB yang sedia ada. Jadi kawasan yang dipilih mestilah memang kawasan yang tak ada langsung sumber elektrik.

Untuk makluman, Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa membentangkan Belanjawan 2024 ada sebut tentang 2,300 lampu LED. Jadi saya nak terangkan juga bahawa itu lampu LED bukan solar. Yang di bawah JKR ialah lampu LED solar. Lampu LED solar boleh dipasang di mana-mana tapi lampu LED yang bukan solar dipasang di tiang-tiang elektrik dan akan ada kos bil bulanan. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat semua ada dua *option*. Satu di kawasan yang ada tiang dan juga ada sumber elektrik boleh mohon lampu LED di bawah Yang Berhormat EXCO Luar Bandar, Dato' Zahari, yang mana melibatkan kawasan yang langsung tak ada sumber elektrik bolehlah hantar ke JKR-JKR Daerah sebelum diangkat ke pejabat saya.

Ok, saya sambung Yang Berhormat Datuk Speaker. Tak cukup ni baru 3 muka surat. Selain daripada pemasangan lampu solar LED, teknologi baru bagi menerangi jalan *hotspot* gelap pada tahun 2024 adalah menggunakan kaedah garisan jalan *glow in the dark* dengan anggaran peruntukan seperti diumumkan dalam belanjawan, RM1 juta. Untuk makluman, semua garisan yang bercahaya ketika suasana gelap ini adalah *option* lain selain pemasangan lampu jalan dan perabot pemantul cahaya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Strategi Kedua di bawah Teras Keempat ialah Pengangkutan Awam. Selain infrastruktur jalan, kemudahan pengangkutan awam juga amat penting. Inisiatif yang akan dilaksanakan ialah inisiatif penyediaan bas percuma. Buat masa ini sebanyak 74 buah bas dengan 69 laluan Bas Muafakat telah beroperasi yang melibatkan 16 PBT di seluruh negeri Johor. Secara keseluruhannya perkhidmatan Bas Muafakat Johor ini telah digunakan sebanyak 13 juta kali bermula dari April 2016 sehingga November 2023. Perkhidmatan Bas Muafakat Johor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor bagi memberi perkhidmatan pengangkutan secara percuma dan membantu meringankan kos sara hidup rakyat bagi warga negara Malaysia. Perkhidmatan bas percuma ini diharap dapat menggalakkan lagi orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam selain dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran awam.

Bermula tahun hadapan, PAJ dan pihak PBT yang terlibat akan menyelaraskan semula laluan-laluan BMJ yang kurang popular bagi mengoptimumkan perkhidmatan ini. Sejak dilancarkan pada tahun 2016, beberapa pertambahan laluan telah dibuat setiap tahun mengikut permintaan. Oleh itu, PAJ sentiasa mengkaji semula laluan BMJ memandangkan telah berlakunya pertumbuhan kawasan penempatan dan komersial baru yang dijangka menjadi prospek laluan bas percuma ini. PAJ juga akan menyelaraskan laluan-laluan bas ini bagi menghubungkan ke stesen-stesen laluan Projek Landasan Kereta Api Berkembar Gemas – JB yang baru siap dibina dan terminal-terminal feri di negeri Johor bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang saling terhubung untuk pengguna.

Bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan bas awam ini, PAJ akan memperuntukkan RM300,000.00 bagi penambahbaikan ruang menunggu bas awam di Terminal Larkin Sentral yang akan dilaksanakan serta bersesuaian bagi mengiktiraf Terminal Larkin Sentral sebagai Terminal Kelas A di bawah Garis Panduan Penggredan Terminal yakni pelesenan terminal oleh APAD. Selain itu, perkhidmatan *shuttle bus* di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) juga akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM586,000.00 yang telah memanfaatkan 47,000 orang sejak 1 Januari 2023.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh isu yang dibangkitkan dalam sesi perbahasan Yang Berhormat Tenang berkaitan pengusaha kereta teksi dan kereta sewa. Kerajaan negeri sedia maklum perkhidmatan teksi bermeter atau kereta sewa didakwa menuju ke arah zaman kesuraman berikutan pengguna pengangkutan awam lebih cenderung menggunakan perkhidmatan *e-Hailing* yang disifatkan lebih mudah dan pantas. Malah faktor usia kenderaan, kaedah lama panggilan radio, selain kurangnya minat pelapis muda menjadi punca industri teksi lama kian suram. Berdasarkan rekod permit yang dikeluarkan oleh APAD, jumlah permit teksi yang dikeluarkan sejak 4 tahun yang lalu di

seluruh negara jelas mengalami penurunan. Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) akan membantu menaikkan imej teksi di Johor dengan memperkenalkan pengiklanan di badan teksi. Selain mencantikkan imej berkenaan, imej kenderaan, inisiatif ini juga akan membuka peluang pemandu teksi menjana pendapatan dari sumber pengiklanan di badan teksi. PAJ juga sudah meneliti prosedur dan garis panduan agensi-agensi yang terlibat bagi pemasangan iklan di badan teksi, seterusnya akan bekerjasama dengan persatuan teksi di seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang kesesakan trafik di Johor, seperti yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian ke atas isu kesesakan yang berlaku di bandar-bandar utama berikutan pertambahan bilangan kenderaan khususnya di waktu puncak. Sebuah jawatankuasa khas menangani kesesakan bandar raya Johor Bahru telah ditubuhkan di bawah portfolio saya. Jawatankuasa ini telah mengenal pasti lokasi-lokasi yang sering berlaku kesesakan di sekitar kawasan bandar raya dan akan mencari kaedah penyelesaian masalah kesesakan dalam jangka masa pendek atau tindakan segera. Kalau saya boleh sebutkan antara lokasi yang telah dikenal pasti di bandar raya Johor Bahru:

1. EDL Jalan Stulang – Jalan Lingkaran Dalam,
2. Jalan Lingkaran Dalam,
3. Jalan Tun Abdul Razak,
4. Jalan Jing Kui,
5. Jalan Ismail Sultan,
6. Interchange Pasir Gudang,
7. Interchange Larkin,
8. Lebuhraya Skudai di Angsana Mall,
9. Di Paradigm Mall,
10. Jalan Tebrau,
11. Jalan Wong Ah Fook,
12. Jalan Trus,
13. Jalan Abdullah Ibrahim,
14. Jalan Tun Aminah.

Menyentuh isu kemudahsampaian kawasan-kawasan pelancongan oleh pengangkutan awam, perkhidmatan Bas Muafakat Johor di seluruh daerah memang menyasarkan tempat-tempat tumpuan awam dan pelancongan bagi *point of interest* dalam jaringan laluan. Saya beralih kepada kemudahan bekalan air dan tenaga.

**YB Speaker** : Yang Berhormat dah lebih lima minit ni.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Sikit lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Dua minit, dua minit. Dua helai lagi. Jangan tanyalah nanti makin panjang.

Selain daripada perkara yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, kerajaan negeri bersama dengan kerajaan persekutuan akan melaksanakan kerja-kerja penggantian paip di seluruh negeri Johor. Pada tahun 2021 hingga 2023, disasarkan 180 km; 2022 hingga 2024 sepanjang 234 km; 2023 hingga 2024 sepanjang 223 km; 2024 sehingga 2025, 212 km.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak RSAJ, Ranhill SAJ telah mengenal pasti lokasi kerap berlaku gangguan bekalan air di seluruh negeri Johor. Sebanyak 8 daerah dan 28 cadangan lokasi projek telah diluluskan oleh pihak SPAN yang dijangka akan siap selewat-lewatnya 2028. Selain itu antara projek yang dijangka siap pada tahun hadapan ialah menaiktaraf agihan air Parit Sulong, Batu Pahat beroperasi Suku Pertama 2024



dengan kos RM18.6 juta. Ini akan membawa manfaat kepada kawasan Parit Sulong seramai 18,428 pengguna domestik dan 547 akaun bukan domestik termasuk kilang, kedai dan lain-lain.

Yang kedua, pengoperasian Loji Rawatan Air New Kahang siap suku pertama tahun hadapan 2024 dengan kos RM143 juta. Ini akan meningkatkan 25% kapasiti *margin* air terawat di daerah Kluang dan sasaran pengguna yang akan mendapat manfaat ialah 161,564 pengguna.

Yang terakhir Yang Berhormat Datuk Speaker ialah berkenaan dengan bekalan elektrik. Bagi bekalan elektrik pula, kerajaan negeri melalui Tenaga Nasional telah mengenal pasti lokasi yang kerap berlaku gangguan bekalan elektrik. Bagi projek bekalan elektrik di kawasan perindustrian, penubuhan tiga *mobile* Pencawang Pembahagian Utama (PPU) bernilai RM127.97 juta akan memberi manfaat kepada 13,180 pengguna dan menaik taraf 13 sistem voltan tinggi di Johor Bahru, Taman Perling, Nusajaya, Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Medini, Pasir Gudang akan memberi manfaat kepada 33,641 pengguna dengan nilai projek RM68.8 juta. Projek menaik taraf sistem bekalan elektrik di kawasan perumahan iaitu menaik taraf 13 sistem voltan tinggi seluruh negeri Johor yang akan memberi manfaat kepada 18,813 pengguna dengan kos RM30.3 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, telah sampai ke penghujung penggulungan dari saya. Ingin saya maklumkan di sini kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan di bawah portfolio saya, saya maklumkan awal tadi saya akan hantarkan dokumen-dokumen berkenaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Tenang tenang air di kali, tempat mandian putera dan puteri, sempurna sudah ucapan penggulungan ini, salah dan silap harap dimaafi. (Dewan bertepuk). Penat menari duduk di hujung, basah baju singgah di Paloh, hasrat negeri kita junjung, Johor Maju 2030. Sekian, pada Allah berserah. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada semua atas ruang dan peluang. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Tahniah Yang Berhormat kerana pecah rekod. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana durian sudah siapsiaga menunggu. Maka Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Selamat makan durian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan dimulakan sekarang.

Yang Berhormat, jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Bismillahirrahmaniirrahim.

Pertamanya, patik mewakili Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor serta seluruh rakyat dalam kawasan DUN Buloh Kasap dengan hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung kasih mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar,

Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November yang lalu. Patik juga merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas perisytiharaan pemilihan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Patik sentiasa mendoakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh kerabat diraja Johor dilimpahi rahmat dan hidayah serta berada dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh kedaulatan.

Patik juga ingin merafakkan sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tuanku, Tunku Mahkota Johor, yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor di atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama. Semoga dengan penganugerahan ini akan menjadi pemangkin dan semangat kepada Yang Amat Berhormat Dato' bagi menerajui kepimpinan Kerajaan Negeri Johor dan merealisasikan Agenda Maju Johor.

Saya juga mewakili jabatan dan agensi di bawah Portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor dan masyarakat kawasan DUN Buloh Kasap khususnya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Tahun 2024, yang bertemakan "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat". Insya-Allah, saya dan rakan-rakan kepimpinan kerajaan negeri dan seluruh Wakil Rakyat akan bersama-sama Yang Amat Berhormat menggembleng seluruh tenaga dan berganding bahu bagi memakmurkan negeri Johor bagi mencapai hasrat negeri maju menjelang 2030.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Timbalan Speaker, izinkan saya untuk mengalu-alukan Jawatankuasa Persatuan Ketua-Ketua Kampung Negeri Johor dan juga tetamu saya daripada DUN, Kawasan DUN Buloh Kasap. (Dewan bertepuk).

Saya titipkan serangkap pantun untuk mereka. Kapal dagang dari seberang, sarat muatan tangkapan ikan, dari jauh tuan datang, kami di sini mengalu-alukan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, awal bicara ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh dan membangkitkan isu-isu berkaitan sektor pertanian dan pembangunan luar bandar dalam negeri Johor termasuk juga cadangan-cadangan yang dilontarkan. Antaranya, Yang Berhormat Bukit Kepong, Parit Raja, Simpang Jeram, Kukup, Bentayan, Sungai Balang, Panti, Endau, Gambir, Pasir Raja, Senggarang, Kemelah, Pulai Sebatang, Bukit Naning, Maharani dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang tak dapat saya sebutkan satu persatu.

Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor akan terus menjadi penekanan dalam perkasakan sektor pertanian ke arah yang lebih tinggi lagi. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022, sektor pertanian di Johor merekodkan nilai pertambahan berjumlah RM17.3 bilion. Berbanding RM17 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Johor iaitu menyumbang 12.2% pada tahun 2022 dan merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian di Malaysia iaitu 17.5%. Subsektor tanaman mendominasi sektor pertanian di Johor dengan sumbangan 67.9% diikuti subsektor ternakan 25.4% dan perikanan 6.4%. Dari segi pencapaian pengeluaran agro makanan tahunan 2022, mengikut subsektor dan komoditi fokus kita berjaya meningkatkan 22% pengeluaran buah-buahan dan 70% perikanan akuakultur, 1.6% penternakan ruminan dan juga berjaya meningkatkan tahap nilai jualan pengusaha Industri Asas Tani (IAT) ke tahap yang lebih tinggi kepada seramai 451 orang usahawan.

Sebagaimana yang dipohon oleh Yang Berhormat Panti tentang pencapaian inisiatif Belanjawan 2023, sukacita saya ingin melaporkan bahawa secara ringkas berkenaan pencapaian di bawah Portfolio Sektor Pertanian Negeri Johor. Secara keseluruhannya, negeri Johor menerusi 10 jabatan atau agensi berkaitan telah melaksanakan 117 program atau projek dengan peruntukan sebanyak RM53.93 juta daripada kerajaan negeri dan persekutuan. Ianya telah melibatkan dan memberi manfaat kepada 15,647 orang pengusaha agro makanan daripada subsektor tanaman, penternakan, perikanan serta industri asas tani seluruh negeri Johor. Antara jabatan dan agensi pelaksana yang terlibat adalah Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, FAMA, MARDI, RISDA dan FELCRA. Ini tidak termasuk dengan inisiatif-inisiatif lain seperti pelaksanaan kursus-kursus kemahiran, seminar dan khidmat nasihat teknikal yang banyak ditawarkan oleh jabatan dan agensi yang mana saya kira ianya tidak kurang pentingnya kepada para pengusaha sektor agro makanan dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, malam-malam melihat bintang, badan dingin terasa gementaran, peluang pertanian luas terbentang, moga dapat beri kesejahteraan.

Untuk tahun 2024, kerajaan negeri seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam Ucapan Belanjawan Negeri 2024 kelmarin, akan memperuntukkan sebanyak RM26.1 juta bagi pembangunan sektor pertanian yang sudah pasti jumlah tersebut akan bertambah dengan bantuan dan sokongan oleh kerajaan persekutuan menerusi pelbagai jabatan dan agensi, yang mana perinciannya akan dimuktamadkan sedikit masa lagi. Sektor pertanian kini merupakan sektor yang boleh menghasilkan keuntungan yang tinggi jika ia diuruskan secara profesional daripada segi kewangan, pemasaran, pembangunan sumber manusia, teknologi, logistik dan rantaian nilai. Sektor ini tidak lagi hanya diwarnai oleh petani-petani luar bandar sahaja, tetapi ia juga turut diceburi oleh golongan profesional, usahawan dan ahli perniagaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pertanian adalah satu perniagaan. Untuk menghasilkan bidang pertanian, boleh mendatangkan keuntungan kepada perniagaan, usahawan yang menceburi bidang ini perlu bijak mengenal pasti peluang-peluang perniagaan yang terdapat dalam sektor pertanian. Dalam erti kata lain, kejayaan usahawan tani dicorakkan oleh faktor-faktor persekitaran dan individu itu sendiri. Dari aspek faktor persekitaran, antaranya adalah trend ekonomi semasa, permintaan dan penawaran dalam pasaran, kemajuan teknologi, sumber manusia, peluang, ancaman dan cabaran, dasar-dasar kerajaan, persekitaran perniagaan, meliputi kos urus niaga, infrastruktur dan import, infrastruktur dan input, aspek kewangan, pemasaran dan program pembangunan perniagaan.

Faktor individu pula meliputi pengalaman dan sikap. Gabungan kesemua faktor-faktor ini sebenarnya akan dapat menentukan sejauh mana kejayaan usahawan dalam menjana pendapatan dalam sektor pertanian. Bagi pihak kerajaan, kita akan membantu memperkasa pengusaha-pengusaha sektor ini menerusi pelbagai bantuan dan inisiatif yang bersesuaian dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, memang tidak dapat dinafikan terdapat sebahagian petani yang menukar tanaman daripada nanas kepada sawit dan tanaman-tanaman lain. Untuk rekod, ketika ini Johor mempunyai keluasan 11,399 hektar kawasan bertanam nanas. Dengan pengeluaran sebanyak 402,555 metrik tan dan melibatkan lebih 2,000 orang pengusaha. Kerajaan negeri amat menggalakkan penanaman nanas ini untuk terus diperluaskan kerana potensi dan peluang pemasarannya yang luas. Terutamanya bagi varieti premium seperti MD2.

Untuk makluman juga, negeri Johor memerlukan banyak lagi bekalan untuk memenuhi permintaan eksport selain daripada permintaan domestik. Bagi tujuan tersebut selain kerajaan persekutuan, kerajaan negeri juga telah memperuntukkan RM1 juta pada tahun 2024, bagi mengembangkan lagi industri nanas ini menerusi *Program Johor Pineapple Project* (JPP). Untuk merancakkan lagi industri nanas, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia juga akan bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memperluaskan lagi tanaman nanas pada tahun 2024, antaranya melibatkan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Menerusi Pertubuhan Peladang Negeri Johor, FELDA Wilayah Johor Bahru dan Kulim Pineapple Sdn Bhd dengan anggaran keluasan keseluruhannya melebihi 200 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup juga, kerajaan negeri pada tahun 2024, akan memperuntukkan sebanyak RM3.1 juta bagi program pembangunan industri pengeluaran makanan utama dan berpotensi. Antaranya projek yang menjadi fokus adalah projek pembangunan industri buah-buahan jangka panjang dan jangka pendek. Projek pembangunan industri sayuran, projek pembangunan industri kelapa dan projek pembangunan industri herba dan rempah ratus.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kami mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Simpang Jeram, Sungai Balang, Gambir, Bukit Kepong kerana membangkitkan tentang pembangunan industri sawah padi dalam negeri Johor. Walaupun negeri Johor merupakan pengeluar padi di luar jelapang, ia tetap menjadi fokus kerajaan negeri untuk meningkatkan lagi produktiviti pengeluarannya. Untuk tahun 2024 misalnya, RM3.9 juta akan diperuntukkan untuk inisiatif ini. Berkenaan penekanan Yang Berhormat Simpang Jeram dan Sungai Balang, mengenai tindakan tegas kepada pemilik-pemilik tanah yang tidak selari dengan kategori atau syarat nyata dan melanggar syarat, pihak jabatan memang sedang meneliti perkara ini termasuk syarat tanah dan sebagainya. Perkara ini akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk tindakan selanjutnya. Dalam konteks tanaman sawah padi ini Pihak Berkuasa Negeri akan lebih tegas dan memastikan pemilik tanah mengusahakan tanah berdasarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat nyata tanah. Ini akan memastikan pengeluaran padi dapat dipertingkatkan dengan pengoptimuman tanah sawah yang telah diwartakan. Dalam merealisasikan Johor sebagai Periuk Nasi Selatan, infrastruktur dan pengurusan sawah sedang dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Bagi mencapai sasaran untuk mendapatkan purata pengeluaran hasil padi sekurang-kurangnya 5 metrik tan per hektar, penanaman padi menggunakan jentera *transplanter* juga merupakan inisiatif yang sedang dijalankan dan mula diperluaskan di negeri Johor. Ianya dapat meningkatkan kecekapan sistem penanaman padi pada masa kini dan membantu meningkatkan hasil yang berkualiti dan menjimatkan kos penanaman secara berkelompok. Dalam memastikan aktiviti penanaman padi secara berkelompok berjalan lancar, permuafakatan antara pesawah amat penting. Semua pesawah dinasihatkan untuk mengikuti jadual masa penanaman yang dipersetujui bagi memastikan pengairan keluar masuk air pada masa yang sama dalam semua petak sawah. Pematuhan kepada jadual penting bagi menggalakkan, pematuhan kepada jadual penting bagi mengelakkan berlakunya kekurangan air berikutan cuaca panas yang menyebabkan paras air sungai cetek dan tidak dapat membekalkan air ke dalam petak sawah sebagaimana yang berlaku di Sawah Ring, Tangkak baru-baru ini.

Perkara ini seterusnya dibimbangi akan membawa dan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan dan penghasilan padi. Walau bagaimanapun, di sini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pertanian dan JPS yang membantu secara drastik bagi mengatasi isu berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Balang, pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan atau R&D berkaitan tanaman padi telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian

bersama UPM, UTEM dan UTHM bagi pembangunan di sawah Sungai Balang. Kajian benih juga telah dibuat bersama Jabatan Nuklear bagi penghasilan benih IS21, pada masa ini ia masih dalam pemerhatian petak sawah bagi melihat kesesuaian benih tersebut. Insha-Allah, pada tahun 2024, peruntukan menaik taraf dan meningkatkan produktiviti sawah padi di Sungai Balang juga tidak terkecuali.

Selepas lawatan kami di kawasan-kawasan tanaman padi di Sekinchan dan Sungai Besar tempoh hari, kami merasakan penubuhan Arena Selatan sangat penting agar kerja-kerja penanaman padi di negeri ini dapat peruntukan yang lebih besar untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras negeri. Apa pun terpulang kepada Negeri Sembilan dan Melaka untuk menyahut cadangan ini dan keputusan akhirnya ialah di pihak kerajaan persekutuan.

Berkenaan dengan perkara yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Endau dan Gambir, berkenaan pemerksaan amalan pertanian moden. Untuk makluman, kerajaan sentiasa menggalakkan dan berusaha memperkasa pengusaha tani ke arah pembangunan sektor agro makanan yang diterajui dengan amalan pemodenan seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0. Bagi sektor tanaman makanan di bawah Jabatan Pertanian Negeri Johor, sebanyak 791 penggunaan teknologi *Smart Farming* telah direkodkan sehingga 31 Oktober 2023. Bilangan ini dijangka bertambah dari masa ke semasa. Bagi sawah-sawah di negeri Johor, penggunaan mekanisasi juga melibatkan jentera melebihi 40 *horse power*, *transplanter* dan *harvester*, penggunaan *drone* kerja dan *drone* pemantauan turut digunakan.

Dengan penggunaan teknologi dan mekanisasi ini, ianya dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja yang dilihat semakin sukar untuk pengusaha mendapatkan tenaga kerja pada masa kini. Program pemodenan ini turut menggalakkan penggunaan sistem fertigasi berteknologi tinggi, walaupun dengan keluasan tanah yang kecil, namun mampu mengeluarkan hasil yang tinggi. Penggunaan sistem IoT pada tanaman dapat mengatur penggunaan air, baja dan racun pada tahap yang hanya diperlukan dan dapat mengelakkan kadar berlebihan yang merugikan. Kualiti, kuantiti pengeluaran hasil dan keselamatan makanan dapat ditingkatkan berbanding dengan penghasilan tanaman secara konvensional.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu pemasaran merupakan salah satu masalah yang turut dihadapi oleh sebahagian pengusaha sektor pertanian. Sebagaimana juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Balang. Untuk makluman, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam menangani perkara ini. Ianya termasuklah inisiatif memperkasa kolaborasi antara syarikat peneraju dan pengusaha kecil sederhana. Peranan *outlet-outlet* pemasaran FAMA, peranan Pusat Pengumpul Hasil Pertanian atau PPHP di bawah Pertubuhan Peladang dan inisiatif pembelian secara langsung dan juga membuat pengaturan pasaran kepada petani terjejas oleh FAMA.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Balang juga, FAMA turut berperanan dalam membantu para petani khususnya mereka yang mempunyai kawasan tanaman yang luas, namun mempunyai masalah pemasaran hasil pertanian menerusi pelaksanaan Program Ladang Kontrak. Program Ladang Kontrak ini dapat meningkatkan jaminan pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar, mempergiatkan pengeluaran hasil pertanian yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran. Sehingga kini, seramai 1,749 orang pengusaha yang keluasan 3,397.32 hektar, saya ulang. Sehingga kini seramai 1,749 orang pengusaha dengan keluasan 3,397.32 hektar telah terlibat dalam program ini.

Yang Berhormat Bukit Kepong ada membangkitkan tentang strategi bagi meningkatkan tahap keterjaminan makanan. Untuk makluman, kerajaan negeri semestinya ada perancangan dan pelan tindakan ke arah meningkatkan pengeluaran dan seterusnya meningkatkan tahap keterjaminan makanan menerusi Agenda Jaminan Bekalan Makanan

Negeri Johor. Selain daripada meningkatkan pengeluaran dalam konteks tanaman sebagaimana yang telah saya tekankan sebelum ini, fokus kerajaan juga tertumpu kepada subsektor-subsektor lain. Dalam subsektor tanaman misalnya, terdapat 4 projek utama yang sedang dan akan dilaksanakan.

Antaranya, yang pertama, pembangunan industri tenusu menerusi pelaksanaan *Program Jemaluang Dairy Valley*, kini sedang mencapai status kemajuan projek sebanyak 60% dan insya-Allah, dijangka siap akhir tahun 2024 dan bakal beroperasi pada tahun 2025. Selain daripada usaha untuk memperkasa pengusaha industri tenusu tempatan serta berterusan, projek JDV ini akan membantu meningkatkan pengeluaran tenusu Johor daripada 9 juta liter setahun kepada 15 juta liter setahun dan seterusnya meningkatkan kadar sara diri atau SSR tenusu negara.

Yang kedua, kerajaan negeri akan meneruskan Program Bantuan Baka Lembu Pedaging kepada penternak tempatan untuk meningkatkan kapasiti ternakan ruminan dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 sebagaimana yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Ia bakal memberi manfaat kepada 17 hingga 20 orang penternak yang berdaya saing untuk dibantu.

Ketiganya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, memperkasa rumah ruminan, rumah sembelihan ruminan atau Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian daging (PPHP). Kerajaan negeri dalam Belanjawan 2024 telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM850,000.00 untuk membina rumah sembelihan di PPHP Batu Anam Segamat. Ia akan diselenggara oleh LPP dan PPK setempat.

Keempat, kerajaan negeri juga berterima kasih kepada FELDA atas inisiatif bagi pelaksanaan Projek Ternakan Ayam Berskala Besar di FELDA Air Tawar 3 dan Projek Ternakan Lembu Fidlot di FELDA Air Hitam Kluang. Cuma beberapa perkara masih perlukan penelitian untuk diperhalusi oleh FELDA dan kerajaan negeri.

Dalam sektor perikanan pula, kerajaan akan memfokuskan peningkatan pengeluaran akuakultur menerusi pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan dan Lembaga Pertubuhan Peladang serta J-Biotech. Selain projek-projek yang dinyatakan tersebut, fokus kerajaan negeri juga adalah dengan menyediakan pelbagai inisiatif untuk memperkasa para petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri asas tani dalam negeri Johor keseluruhannya.

Yang Berhormat Bentayan dan Panti ada menyentuh berkaitan Kebenaran Merancang (KM) ternakan ayam. Sebenarnya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ada kes di mana kita juga bersimpati dengan pengusaha-pengusaha ayam ini. Sebelum ini mereka membina reban ternakan jauh di pendalaman tetapi pembangunan satu-satu kawasan akhirnya penempatan dan perumahan telah menghampiri kawasan reban mereka. Sebagai contoh, sebuah syarikat yang menghasilkan benih ayam kampung telah menjalankan perusahaan ini lebih 30 tahun di kawasan Gelang Patah. Tanah milik persendirian telah diarah tutup kerana kepesatan pembangunan. Namun perbincangan telah kita lakukan dan akhirnya kita menawarkan kawasan baharu yang lebih sesuai dan penutupan dibuat secara berperingkat. Kerana kita sedar jika syarikat ini menutup operasi mereka serentak, rangkaian keluaran ayam kampung kita akan terjejas, tetapi itu bukan alasan untuk kita mengeneipkan kehidupan selesa rakyat terbanyak. Maka, jabatan sentiasa memantau, ladang-ladang yang dilesenkan di bawah jabatan, ladang-ladang yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga tidak mematuhi Enakmen Kawalan dan Pelesenan Ladang Ternakan Unggas 1997, akan dikenakan kompaun. Kita akan lebih cakna dalam memantau kawasan yang dikira sebagai *hotspot* dan pemantauan berkala dilakukan terhadap kawasan-kawasan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Berhormat Tiram, Pasir Raja, Bukit Kepong dan Parit Raja telah membangkitkan mengenai pelaksanaan inisiatif bagi mengurangkan kos sara hidup terutamanya dalam mendapat bekalan makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan bebanan rakyat dalam menangani isu kos sara hidup. Selain daripada Program Jualan Rahmah, kita juga akan mengekalkan Program Bazar Rakyat Agro Johor yang saya dah jelaskan pada jawapan lisan pagi tadi. Di bawah portfolio Kemajuan Luar Bandar secara keseluruhannya, pada 2023 kerajaan negeri menerusi 7 jabatan dan agensi berkaitan telah melaksanakan 604 program atau projek dengan peruntukan sebanyak RM178,000.00. Kerajaan negeri menerusi ketua jabatan, agensi berkaitan telah melaksanakan 604 program dengan peruntukan sebanyak RM178.8 juta daripada kerajaan negeri dan persekutuan. Ianya melibatkan projek atau program pembangunan infrastruktur, ameniti sosial, sosioekonomi, modal insan dan pembangunan komuniti luar bandar. Antara jabatan dan agensi pelaksana yang terlibat adalah KKDW negeri Johor, KEJORA, FELCRA, RISDA, KEMAS, JAKOA serta Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas inisiatif tahun 2024 bagi pembangunan luar bandar. Antaranya, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM120,000.00 untuk geran pengurusan dan pentadbiran kepada Persatuan Ketua Kampung Negeri Johor. Di mana RM20,000.00 bagi persatuan ketua kampung negeri dan RM10,000.00 bagi 10 persatuan ketua kampung daerah-daerah.

Seterusnya 810,000 geran pentadbiran dan pengurusan kepada 73 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan atau JKKR FELDA dan 8 JKKP FELCRA di Johor di mana setiap JKKR dan JKKP ini akan menerima geran sebanyak RM10,000.00. Manakala, bagi masyarakat Orang Asli pula, Yang Amat Berhormat mengumumkan peruntukan berjumlah RM1,066,000.00. Ianya merangkumi RM166,000.00 bagi elaun Batin dan ini adalah merupakan pertama kali Yang Amat Berhormat memperuntukkan, ini adalah pertama kali peruntukan kerajaan negeri iaitu sebanyak RM300.00 sebulan kepada 46 Batin sebagai tambahan kepada sumbangan RM900.00 oleh kerajaan persekutuan yang menjadikan elaun Batin hari ini kepada RM1,200.00 sebulan. RM600,000.00 diperuntukkan untuk pelbagai program komuniti, kebudayaan dan adat resam masyarakat Orang Asli dan RM300,000.00 bagi pelaksanaan Kampung Orang Asli Sejahtera.

Sepanjang tahun ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bersama JAKOA dan agensi lain di bawah portfolio ini telah turun sendiri ke kampung-kampung Orang Asli dan meneliti keperluan dan beberapa perkara berkaitan dengan sosioekonomi, kebudayaan dan adat resam mereka. Sebab itu saya bersetuju, dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tiram agar kebudayaan dan adat resam Orang Asli ini terus dilestarikan. Kami akan merangka suatu program untuk menghimpun dan mengenengahkan produk hasil tangan, pakaian, budaya, permainan, makanan dan tarian Orang Asli sama ada di dalam bentuk mini karnival atau himpunan masyarakat Orang Asli.

Berkaitan isu air di Kampung Orang Asli Sedohok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang, memang ia isu lama kalau tak silap saya sejak tahun 2016. Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi Kampung Orang Asli Sedohok ini kini dalam peringkat akhir reka bentuk antara pihak perunding dan Ranhill SAJ. Ini kerana isu pewartaan tanah telah selesai di peringkat PTD Kluang. Namun, ia terserah kepada KPLW Johor untuk berbincang dengan kerajaan persekutuan kerana melibatkan peningkatan kos daripada RM4.5 juta kepada RM8 juta.

**YB Timbalan Speaker :** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Lagi tiga helai, sikit lagi.

Yang Berhormat Jementah, Parit Yaani, Tiram, Maharani dan Pekan Nanas, terima kasih atas keprihatinan kepada kawasan luar bandar. Mereka ada membangkitkan jalan kampung, jalan pertanian dan juga jalan ladang yang rosak sebab banjir. Untuk makluman, kerajaan melalui JPS negeri Johor telah melaksanakan 283 projek membina jalan lintasan, menaik taraf, membaik pulih, menyelenggara jalan-jalan ladang di seluruh negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM38.27 juta. Daripada jumlah itu, RM507,150.00 adalah untuk kawasan Jementah. Pihak KKW negeri Johor pula pada tahun ini, telah melaksanakan 64 projek membina baru dan baik pulih jalan perumahan desa seluruh negeri Johor dengan nilai peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.07 juta. Saya ambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tiram berkenaan dengan Jalan Kampung Bukit Dagang dan Kampung Seri Perdana.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Berhormat Pulau Sebatang, Bukit Naning dan Pekan Nanas pula membangkitkan pemasangan lampu jalan kampung di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Untuk makluman, dari fasa 1 hingga fasa 10, di negeri Johor, pemasangan sebanyak 60,072 unit telah dilaksanakan. Projek Pemasangan Lampu Jalan Kampung untuk fasa 11 sebanyak 2,230 unit jenis LED dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5.6 juta oleh KKDW sedang dalam pelaksanaan dan pemantauan pihak TNB. Daripada 2,230 unit ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, setiap Parlimen luar bandar akan dibekalkan 88 unit, manakala 30 unit untuk Parlimen bandar. Pihak Pejabat Daerah telah menerima cadangan lokasi-lokasi yang sesuai untuk pemasangan lampu jalan kampung ini. Namun, atas cadangan dan permintaan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak KPLB Johor bersedia meneliti cadangan Ahli Yang Berhormat berdasarkan keperluan kerana kami faham Yang Berhormat lebih arif apa yang perlu di kawasan-kawasan Yang Berhormat. Tetapi ia tidak bertentangan dengan dasar dan syarat yang telah ditetapkan oleh jabatan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kami ambil maklum juga perkara berkaitan lampu jalan kampung terutama keperluan lampu solar di kawasan yang tidak dilengkapi tiang atau kabel elektrik. Justeru, di masa akan datang, KKDW telah mencadangkan agar projek bina baharu jalan-jalan kampung nanti akan dimasukkan juga kos pemasangan lampu-lampu solar di lokasi-lokasi yang berkeperluan seperti di selekoh-selekoh bahaya, simpang-simpang jalan dan lokasi-lokasi lain. Ia mungkin akan meningkatkan kos pembinaan jalan-jalan baharu ini, namun ia penting agar isu lampu ini tidak berbangkit selepas jalan-jalan ini siap kelak. Saya ringkaskan Yang Berhormat. Berkaitan penyelenggaraan parit kampung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Sebatang, Maharani, Pekan Nanas dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, kami ingin maklumkan bahawa mulai tahun hadapan, kerja penyelenggaraan parit di kampung akan diselenggara dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dengan peruntukan sebanyak RM12 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat tempoh hari. Kaedah pelaksanaan akan diselaraskan di peringkat Pejabat Daerah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan memberi keutamaan kepada parit-parit yang berisiko. JPKK diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, manakala pemantauan dan pembayaran akan dilakukan oleh pihak JPS dan Pejabat Daerah berdasarkan kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan.

KEMAS, terima kasih kepada Kemelah, Permas dan Tiram. Kami sedar persekitaran kondusif diperlukan untuk anak-anak kita belajar dalam suasana yang terbaik. Untuk makluman dalam tahun 2024, Johor diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 oleh kerajaan persekutuan untuk pembinaan baharu dan baik pulih Sekolah Tadika KEMAS di Johor. Untuk makluman sidang Dewan, di Johor ada dua KEMAS, bangunan KEMAS yang akan dibina baharu pertama, Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS Firdaus, Segamat. Dan, kedua Tabika KEMAS Nur Kasih Taman Kota Masai, Pasir Gudang. Kami faham ada banyak lagi tadika KEMAS yang dipohon oleh Yang Berhormat, cuma dia terikat kepada status pembermilikan tanah di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Jadi, selesai isu



tanah, KEMAS akan bawa semula permohonan termasuk juga yang dibangkitkan oleh YB Kemelah, isu tanah.

Yang Berhormat Senggarang bangkitkan tentang pelaksanaan Projek Rakan Kebun Sahabat Komuniti Desa atau (SKoD) oleh KEMAS. Untuk makluman projek SKoD di Johor diperuntukkan sebanyak RM220,000.00 yang melibatkan 22 lokasi seluruh negeri Johor dengan peruntukan RM10,000.00 setiap projek. Kami ambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Senggarang untuk disebar luaskan atau menambah peruntukan ini. Apa pun, kita serah kepada KEMAS di peringkat persekutuan untuk pertimbangan cadangan YB.

Berkenaan dengan lot tanah generasi kedua FELDA. Saya ingin maklumkan bahawa bilangan generasi kedua FELDA di Johor adalah seramai 27,642 orang. Daripada jumlah tersebut, 15,823 telah memohon lot tanah generasi kedua. Daripada jumlah itu, mengikut rekod kami 10,092 orang pemohon telah memperolehi Notis 5A dan daripada jumlah itu pula 8,250 telah menerima geran.

Berkenaan dengan dibangkitkan oleh YB Kemelah iaitu tentang FELDA Kemelah dan Redong. Untuk makluman, seramai 127 orang generasi kedua FELDA Kemelah dan 116 generasi kedua FELDA Redong telah menerima Notis 5A. Bagi permohonan baru iaitu fasa 2, ianya menghadapi masalah kesukaran kerana keseluruhan kawasan rancangan FELDA telah diduduki dan baki 10% kawasan yang kosong adalah akan digunakan oleh FELDA untuk pembangunan infrastruktur kemudahan awam. Walaubagaimanapun, FELDA akan melihat dan meneliti apa yang dibangkitkan oleh Kemelah.

Berkenaan dengan projek di FELDA Papan Timur yang dibangkitkan oleh YB, dua projek telah siap. Kejap YB hilang punca. Mengenai Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA, 2 projek telah siap diduduki melibatkan 200 unit di FELDA Inas Utara. 360 unit di FELDA Sungai Ibol, dua projek lagi masih dalam pembinaan iaitu 540 di FELDA Maokil 1 dan 2 dan 539 unit di FELDA Papan Timur. Dua lagi projek sedang menghadapi isu terbengkalai melibatkan 200 unit di FELDA Pasak dan 200 unit di FELDA Bukit Aping Timur. Kedua-dua projek ini terbengkalai sejak 2017 dan masing-masing dalam *progress* 47% dan 59% pembangunan. Pihak FELDA sedang meneliti dan melakukan penilaian semula bagi projek tersebut.

Kesimpulan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara dan isu dalam Persidangan kali ini. Saya mohon maaf sekiranya maklum balas yang diberikan menerusi sesi penggulungan ini tidak dapat dijawab semuanya. Sekiranya terdapat soalan yang kurang diperjelaskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada pejabat kami untuk mendapatkan maklum balas tersebut secara bertulis atau menerusi sesi perbincangan. Air Sirap campur Selasih, minum sendiri di tempat tinggi, kami ucapkan terima kasih keprihatinan YB kami sanjungi.

Sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, ketua-ketua jabatan, agensi negeri dan persekutuan serta para pegawai terutamanya di bawah Portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar di pelbagai peringkat termasuk negeri dan daerah. Yang banyak membantu dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang tahun 2023 ini. Serta semua pihak yang terlibat di lapangan termasuk pegawai dan petugas di pejabat kami. Naik pedati pergi bertapa, meredah pepohon jalan beriringan, jasa dan bakti tidak dilupa, seribu tahun jadi kenangan. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kerana 10 minit lebih. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Waalaikumusalam. Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Kita bagi dia lebih kerana dia bagi kita buah tadi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika tadi Buloh Kasap mengalu-alukan tetamu-tetamunya, saya bagi pihak sidang Dewan ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati daripada ADUN Bukit Permai seramai 12 orang, ADUN daripada Buloh Kasap seramai 6 orang, 6 orang daripada Buloh Kasap, 6 orang pemerhati dari Persatuan Ketua-Ketua Kampung Negeri Johor, 21 orang ketua-ketua, tetamu ADUN Larkin iaitu Ketua-Ketua Pemuda UMNO Bahagian dan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian-bahagian, 3 orang daripada ADUN Mahkota. Kami ucapkan selamat datang ke sidang Dewan dan untuk makluman kita sedang berada dalam sidang perbahasan, penggulungan oleh Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa. Seterusnya dipersilakan ADUN Yong Peng, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan** : Terima kasih Datuk Timbalan Speaker. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor seisi Dewan. Pisang goreng letak keju, minum bersama air kelapa, kalau mahu Johor maju, kerja keras jangan dilupa. So, jangan ngantuk seisi Dewan. Terutamanya patik mewakili seluruh warga Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Dan, pengisytiharan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Semoga Tuanku dilancarkan segala urusan dan dikurniakan afiat yang berpanjangan. Ucapan merafak sembah, ucapan tahniah juga kepada Tunku Mahkota Johor Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim atas pelantikan Baginda sebagai Pemangku Sultan Johor. Patik mendoakan agar Tunku dikurniakan kesihatan dan dipermudahkan segala urusan. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor atas pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam bahasa Mandarin dan Tamil telah diterima baik bukan sahaja oleh rakan-rakan media tetapi juga disanjung tinggi oleh masyarakat Tionghoa. Klip video Yang Amat Berhormat Dato' telah diviralkan dalam kalangan masyarakat Cina kerana ucapan kepentingan pendidikan amatlah dirasai oleh rakyat. Oleh itu, saya selaku Wakil Rakyat daripada kalangan masyarakat Tionghoa mewakili seluruh masyarakat Tionghoa Bangsa Johor sangat menghargai ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Satu peruntukan yang besar berjumlah RM5.585 juta telah diperuntukkan bagi menyemarakkan perpaduan negeri ini. Saya bangga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' sebagai pemimpin yang condong akan menongkat, rebah yang akan menegakkan ataupun dalam Bahasa Mandarin (ucapan bahasa Mandarin) dengan izin, bererti semua Bangsa Johor tanpa mengira apa budaya dan juga kepercayaan semua diterima dan dijaga. Bagi Bahasa Tamil pula nanti YB Raven untuk sampaikan.

Sesungguhnya ini adalah satu pengiktirafan dan keprihatinan Kerajaan Negeri Johor tentang kepentingan masyarakat Tionghoa dan setiap etnik di negeri Johor ini dengan slogan yang seiring, yang sering Yang Amat Berhormat Dato' gunakan "*No One Left Behind*" dengan izin, di mana kita sentiasa menjaga semua Bangsa Johor.

Ketiga, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar membentangkan belanjawan tempoh hari, Yang Amat Berhormat Dato' telah mengumumkan peruntukan yang terbesar dalam sejarah negeri Johor untuk sektor kesihatan berjumlah RM5.742 juta. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Dato' banyak kali menegaskan bahawa walaupun tanggungjawab sektor kesihatan ini adalah tanggungjawab kerajaan persekutuan. Namun, kerajaan negeri tidak akan mengabaikan sistem kesihatan di negeri ini kerana akhirnya segala manfaat adalah demi Bangsa Johor kita. Kerajaan negeri akan terus berusaha dan memberi kerjasama kepada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri akan cuba

membantu sebanyak yang mungkin. Saya telah meneliti perbincangan semua YB ADUN dan saya ingin mengucapkan terima kasih kerana YB-YB semua amat cakna tentang isu sistem kesihatan dalam negeri Johor. Sudah pasti segala pandangan, saranan dan pengamatan yang dikongsikan amat diberi perhatian demi penambahbaikan sektor kesihatan dan perpaduan di negeri Johor.

Kepada YB Jementah, Sungai Balang, Gambir, Tangkak, Tanjung Surat, Senai dan Tiram yang telah membangkitkan isu menaik taraf pembinaan fasiliti kesihatan di kawasan masing-masing. Pihak Jawatankuasa, saya akan meneliti setiap permintaan daripada YB dan tindakan susulan akan diambil. Pada tahun 2023, 14 buah klinik kesihatan dan 29 buah klinik desa telah diluluskan projek kerja-kerja menaik taraf. Pada tahun 2024 nanti, kami akan teruskan kerja menaik taraf klinik daif dengan peruntukan yang diterima dari pihak KKM. Manakala, mengenai kekurangan ambulans di fasiliti kesihatan, walaupun Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah membuat permohonan kepada Kementerian, akan tetapi setakat ini masih belum menerima berita baik lagi. Kami akan terus pantau dan berkomunikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mempercepatkan perolehan ambulans baharu. Untuk makluman seisi Dewan, Hospital Sultanah Aminah (HSA) yang merupakan antara hospital yang paling sibuk dan sesak dalam negara. Dulu, pesakit terpaksa datang seawal 5.00 atau 6.00 pagi hanya untuk daftar dan mendapatkan nombor giliran serta menunggu di luar bangunan poliklinik. Sehingga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengadakan lawatan mengejut ke HSA sebelum ini dan turun padang memahami keadaan pesakit di HSA yang perlu menunggu lama untuk perkhidmatan perubatan.

Usai lawatan mengejut tersebut, kini pintu dan kaunter di poliklinik di HSA dibuka sebelum pukul 7.00 pagi kepada pesakit yang datang awal agar mereka tidak lagi perlu menunggu di tepi jalan dan luar bangunan hospital. Terus meningkatkan keselesaan pesakit ketika menunggu, kerajaan negeri juga sedar satu tindakan yang drastik harus dilakukan segera. Kerajaan negeri mesti bertindak agar membantu sistem kesihatan negeri Johor walaupun kuasa kami terhad. Kerajaan negeri telah mencadangkan beberapa inisiatif bagi meringankan kesesakan pesakit di Poliklinik Hospital Sultanah Aminah.

Inisiatif pertama, Kerajaan Negeri Johor akan memperuntukkan RM170,000.00 untuk menambah loker bagi memudahkan pesakit yang memerlukan perubatan secara berkala. Mereka tidak perlu lagi pergi ke hospital dan beratur mendapatkan perubatan, sebaliknya mereka hanya perlu mendapatkan notifikasi daripada hospital dan terus ke loker yang terletak di kawasan pasar raya. Mereka boleh *shopping* sambil ambil ubat, dengan izin.

Inisiatif kedua, Poliklinik HSA menerima 2,000 pesakit setiap hari dan sebahagiannya mereka pergerakan terhad dan bersusah payah pergi ke hospital hanya untuk mendapatkan perubatan yang rutin mereka. Dengan ini, kerajaan negeri telah bersetuju memperuntukkan RM900,000.00 bagi menyediakan perkhidmatan pos ubat supaya mereka boleh terima ubat di rumah.

Inisiatif ketiga, Poliklinik HSA mempunyai 22 perkhidmatan perubatan klinik pakar dan setiap hari menerima lebih daripada 2,000 pesakit. Bayangkan sistem giliran setiap klinik pakar adalah berasingan dan tidak diselaraskan. Ini telah menyukarkan pengurusan aliran trafik pesakit yang ingin mendapat perkhidmatan perubatan. Justeru, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi aplikasi perkhidmatan digital pesakit luar iaitu *Smart Queue System*, dengan izin. Bagi penyelarasan temu janji dan pengurusan giliran pesakit secara atas talian di Poliklinik HSA.

Sistem ini dijangka akan memberi manfaat kepada 57,000 orang pesakit sebulan dengan mengurangkan kesesakan di Poliklinik HSA. Tanpa ada penyelarasan terhadap sistem penomboran menunggu ini, situasi di hospital akan menjadi kucar kacir serta tidak efektif.

Namun kini, dengan sebuah inisiatif daripada kerajaan negeri untuk menyelaraskan sistem penomboran di HSA, sistem ini akan menjadi, menjadikan proses menunggu di HSA lebih efektif dan berkesan dan akan menjadi sebuah *pilot project* dengan izin, yang dalam Malaysia. Mohon doa restu daripada seisi Dewan agar cadangan projek dapat berjaya. Kalau Johor boleh buat satu sistem menunggu seperti ini, tiada alasan untuk Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya tidak laksanakan sistem ini di seluruh negara dan menjadikan kita Johor sebagai contoh.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan seisi Dewan sekalian. Mencegah lebih baik daripada merawat. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan program saringan kesihatan secara besar-besaran yang dinamakan Program Peka B40. Dalam negeri Johor sahaja, terdapat seramai 786,033 orang yang layak menerima saringan kesihatan yang percuma. Namun, sehingga 31 Oktober 2023, hanya 118,667 ataupun 15% sahaja yang menampilkan ke hadapan menerima saringan kesihatan. Oleh itu, kerajaan negeri mengambil inisiatif proaktif untuk mengadakan Program Klinik Bergerak dengan peruntukan RM1.3 juta bagi menjalankan Program Klinik Bergerak ke 56 DUN di seluruh negeri Johor. Program ini dijangka dapat memberi ketercapaian perkhidmatan kesihatan asas kepada perkhidmatan kaunseling, seperti perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan kesihatan pergigian dan saringan kesihatan asas ke seluruh pelosok negeri Johor.

Program ini dapat meningkatkan penjagaan kesihatan di luar bandar dan memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk menerima penjagaan khas daripada pakar-pakar khususnya golongan tua dan mereka yang berkeperluan khas. Ayuh, semua Yang Berhormat, sokong usaha daripada kerajaan negeri dalam usaha Klinik Bergerak Saringan Kesihatan Bangsa Johor. Saya juga ingin sampaikan salam takziah kepada keluarga 20 mangsa kes kematian demam Denggi dalam tahun 2023. Kerajaan Negeri Johor memandang berat atas isu kes demam Denggi. RM250,000.00 akan diperuntukkan untuk Program Johor Bebas Denggi, untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif untuk berperang secara habis-habisan dengan wabak demam Denggi. Saluran peruntukan ini adalah begitu penting untuk memastikan Johor dapat menurunkan kadar kematian akibat daripada demam Denggi yang pada ketika ini, pada ketika ini pada tahun 2023, telah mencatat angka kematian yang sangat membimbangkan.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor mewakili seluruh warga petugas *frontliner*, kakitangan sektor kesihatan awam di Johor ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana sejumlah RM1.9 juta akan diperuntukkan bagi 450 buah bilik pantri jururawat di seluruh negeri Johor, di mana inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada 7,218 orang jururawat dan 2,672 orang doktor di negeri Johor sebagai tanda penghargaan segala jasa dan dedikasi yang telah dicurahkan oleh para petugas kesihatan awam di negeri ini, di mana mereka telah berperang tanpa senjata. Mereka bertarung nyawa, malah ada yang telah meninggal dunia semasa wabak Pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan seisi Dewan sekalian, sebanyak RM1.13 juta juga telah diperuntukkan bagi menghijaukan sebanyak 17 kawasan yang berisiko tinggi dadah. Bagi menjaga keharmonian, kebahagiaan negeri Johor, usaha memerangi dadah ini tidak boleh dibuat sebelah pihak sahaja. Dengan ini, saya juga ingin menyeru kepada wakil agensi yang berkenaan, NGO ataupun ADUN-ADUN serta semua, sama-samalah kita ambil tanggungjawab bersama, aktif dalam Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD), yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Dan permohonan daripada Yang Berhormat Maharani, mudah-mudahan saya akan bantu kemudian.

Untuk makluman sidang Dewan sekalian, Johor bukan sahaja sinonim dengan kehebatan JDT, keindahan pulau, kesenian warisan, malahan kejayaan konsep Bangsa Johor yang menitikberatkan kemuafakatan demi kemajuan seperti yang diamanatkan oleh Bapa

Perpaduan Negara, arwah Tuan Hussein Onn, Tun Hussein Onn, tidak ada maknanya kekayaan, kemajuan dan kemakmuran, jika rakyat berpecah belah dan bergaduh sesama sendiri. Justeru, Kerajaan Negeri Johor sentiasa komited dan beriltizam dalam usaha merencanakan Agenda Perpaduan Bangsa Johor. Bagi mencapai hasrat tersebut, kerajaan Johor akan menyalurkan peruntukan RM850,000.00 bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional Negeri Johor, antaranya RM500,000.00 akan diperuntukkan bagi Program Silang Budaya yang akan melibatkan 3,000 orang pelajar rendah dan menengah dari Kelab Rukun Negara.

Selain itu, RM150,000.00 untuk Program Keselamatan Sosial Dan Kejiranan yang melibatkan 1,000 ahli SRS. Bagi mewujudkan platform interaksi antara agama, peruntukan sejumlah RM200,000.00 akan disalurkan demi program keharmonian dan kerohanian antara agama melalui *Program Interfaith Harmony*, yang akan dilaksanakan bersama komuniti berbilang agama dan berlainan budaya. Program ini dipercayai mampu berperanan sebagai wadah perpaduan kesepakatan dan keharmonian Bangsa Johor, di samping menjulang Johor sebagai ukhwa atau suri teladan perpaduan yang disegani oleh negeri lain. Dengan ini, saya juga ingin, sukacitanya saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Menteri Perpaduan telah memilih negeri Johor ini sebagai tuan rumah bagi Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan pada tahun 2024. (Dewan bertepuk).

Sidang Dewan yang mulia sekalian, berapa hari ini semasa Persidangan, isu kerjasama, keikhlasan ataupun isu perpaduan menjadi isu yang panas dalam Dewan yang mulia ini. Kalau nak cerita tentang perpaduan, biarlah EXCO Perpaduan yang ceritakan perpaduan. Perpaduan merupakan konsep yang tidak asing bagi kita. Perpaduan yang kita idamkan bukan sekadar laungan ataupun hiasan di atas kertas semata-mata. Semangat perpaduan harus menjelma dalam fikiran dan gelagat kita.

Peribahasa Melayu berbunyi, berhampar lapik, berlicin daun, jelas menyatakan sifat bermuafakatan mencari penyelesaian yang baik dengan setulus-tulus hati, tidak ada menyembunyikan perasaan-perasaan yang buruk. Wangi santan ketupat palas, lemak manis hidangan pulut, kalau sepakat biarlah ikhlas, jangan hanya janji di mulut. Diharapkan YB-YB yang sebarisan, mahupun yang seharapan dan seperikatan, dapat terjemahkan kesepakatan melalui tindakan yang cukup mudah, iaitu angkat tangan sebagai tanda sokongan dalam kelulusan Bajet Tahun 2024 dan usul-usul yang dibawa oleh pihak kerajaan sebab, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Sudah 20 bulan, kami semua mengangkat sumpah sebagai, bagi membentuk Kerajaan Negeri Johor ini. Di mana kami tidak pernah mengambil cuti dan kami terus menerus bekerja kuat demi kemaslahatan dan kesejahteraan Bangsa Johor. Kami semua telah bertungkus lumus berkhidmat, sangat kerap turun padang untuk menyelesaikan isu rakyat. Dan, saya sangat yakin dengan pasukan yang dibentuk bersama, kerjasama dengan ADUN-ADUN semua, yakin dan percayalah negeri Johor akan mencapai status negeri maju menjelang 2030 akan datang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya di sini berdiri bukan sahaja sebagai EXCO, saya juga berdiri selaku Wakil Rakyat Yong Peng. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor kerana telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM54 juta bagi membina sebanyak 140 unit Residensi Bangsa Johor (RBJ) di Yong Peng. Ini adalah pengumuman yang memberi satu impak..

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Hilang pulak. (Dewan ketawa).

**YB Timbalan Speaker** : Perkara berapa?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Perkara 43. Perkara 43, 13, 43 (13), Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker tengah nak baca ke? Saya nak minta mencelah...

**YB Timbalan Speaker** : Dibenarkan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Dibenarkan eh. Jadi dibenarkan atau tidak Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker?

**YB Timbalan Speaker** : Tak dibenarkan.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : Tak dibenarkan eh?

**YB Timbalan Speaker** : 43?

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : 43 (13).

**YB Timbalan Speaker** : 43 tak sampai 13. (Dewan ketawa).

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Salah tu, salah.

**YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan)** : 43 (13).

**YB Timbalan Speaker** : Teruskan Yong Peng. (Dewan ketawa).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dah lari dah. (Dewan ketawa).

Ok, sekali lagi saya mewakili warga Yong Peng untuk ucap jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah membuat satu projek yang menjadi impian kepada warga Yong Peng, supaya memiliki kediaman sendiri. Selain itu, kedudukan pekan Yong Peng terletak kira-kira 32 km ataupun 1 jam daripada pusat bandar Batu Pahat. Pekan Yong Peng juga sedang pesat membangun. Oleh itu, saya memohon agar agensi kerajaan membuka cawangan mereka di pekan Yong Peng untuk memudahkan orang Yong Peng menjalankan urusan kerajaan tanpa menempuh tempoh perjalanan 2 jam pergi dan balik ke bandar Batu Pahat.

Mengakhiri ucapan penggulungan saya ini, sukacitanya sekali lagi, saya merakamkan ucapan penghargaan tahniah dan terima kasih atas pandangan dan input-input yang dikongsikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian sepanjang tempoh perbahasan ini. Dari Yong Peng ke pekan Skudai, makan burasak perut dialas, kita belajar biar pandai, kita berkawan biar ikhlas. Kuda kepang adat tersohor, anyaman buluh cantik bergaya, sihat rakyat majulah Johor, bersatu hati memacu jaya. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yong Peng. Jemput seterusnya Yang Berhormat Larkin, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia.

**Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Mudik ke muara mencari cinta, singgah di pekan sambil berangan, Assalamualaikum pembuka kata, EXCO mulakan ucapan penggulungan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, awal bicara saya merakamkan setinggi-tinggi syukur kehadiran Allah SWT, kerana sekali lagi diberikan kesempatan dan peluang bersama

Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Johor yang lain bagi menyampaikan ucapan penggulungan di dalam Dewan yang mulia ini bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Patik juga ingin merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas Ulang Tahun Keputeraan pada 22 November yang lalu. Patik juga mewakili seluruh rakyat DUN Larkin dan orang muda Johor dengan hormatnya, takzimnya merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17. Rakyat DUN Larkin sentiasa mendoakan Kebawah Duli Tuanku, Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor serta seluruh kerabat diraja dilimpahi rahmat dan dikurniakan keafiatan yang berpanjangan untuk terus menaungi negeri Johor Darul Ta'zim. Patik dan seluruh rakyat DUN Larki juga merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke atas Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Didoakan semoga Tunku dapat melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa diberikan petunjuk dari Allah SWT. Patik dan seluruh rakyat DUN Larkin juga dengan hormat dan takzimnya menjunjung kasih dan merafak sembah mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah membawa pasukan Bola Sepak Johor Darul Ta'zim menempah kejayaan demi kejayaan iaitu Piala Sumbangsih, Piala FA, Kejuaraan Liga Super, 10 kali berturut-turut dan insya-Allah, dengan izin Allah, Piala Malaysia pada 8 hari bulan Disember ini. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan dan peluang ini untuk menyelar dan mengutuk sekeras-kerasnya kezaliman Rejim Zionis terhadap rakyat Islam di Palestin. Justeru, atas dasar kemanusiaan sejagat dan solidariti keamanan di bumi Gaza, marilah kita sama-sama sedekahkan Al-Fatihah buat yang beragama Islam dan tafakur sebentar bagi yang bukan Islam. Al-Fatihah.

Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta seluruh di dalam Dewan ini. Semoga konflik dan kekejaman yang berlaku di bumi Gaza itu berakhir dan umat Islam di bumi Palestin dapat meneruskan kehidupan mereka sebagai manusia kita di sini juga.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di kesempatan ini juga, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz bin Ghazi di atas pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim Yang Amat Disanjung (Pangkat Pertama) Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMIJ) dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan juga di atas pembentangan Belanjawan 2024 yang sangat realistik dan menyeluruh.

Ada juga yang menyebut Belanjawan Johor 2024 sebagai belanjawan untuk Orang Muda Johor. Terima kasih Yang Amat Berhormat kerana prihatin dan terus menjadikan Teras Keenam, Orang Muda Johor sebagai antara keutamaan dan mencapai visi Johor sebagai negeri maju. Tidak lupa juga kepada kumpulan usahawan-usahawan, atlet-atlet dan juga koperator-koperator di Johor yang turut mendapat limpahan daripada pengumuman Belanjawan Johor 2024. Insya-Allah, selaku EXCO yang bertanggungjawab, saya bersama pasukan saya serta semua agensi dan jabatan di bawah portfolio saya akan bergerak dengan lebih proaktif dan dengan pendekatan sedikit berbeza bagi tahun 2024 demi memastikan segala bentuk perancangan serta pelaksanaan, inisiatif-inisiatif yang diumumkan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan holistik.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum saya meneruskan isi ucapan penggulungan, suka untuk saya nyatakan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam

ucapan penggulungan saya petang ini, mungkin saya tidak menghabiskan masa untuk menjawab semua persoalan atau isu-isu dibangkitkan berkaitan portfolio di bawah saya. Namun, saya berjanji dan akan memastikan setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, yang bertanyakan soalan-soalan berkaitan di bawah portfolio saya, saya akan mendapatkan jawapan bertulis untuk lebih mudah buat Ahli-Ahli Yang Berhormat jadikan sebagai rujukan. (Dewan bertepuk).

Penggulungan saya petang ini akan lebih tekankan mengenai gerak kerja dan apa yang akan dibuat bagi tahun 2024 di bawah Portfolio Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebagaimana dalam makluman semua, menerusi pembentangan Belanjawan 2024 pada Khamis yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, sejumlah RM39.3 juta peruntukan diumumkan secara keseluruhan di bawah Portfolio Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor. Ia membabitkan dua teras iaitu pembangunan ekonomi dan Orang Muda Johor. Ada 7 strategi serta 13 inisiatif secara keseluruhan. Sumber manusia atau modal insan merupakan topik serta isu yang paling banyak disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih saya ucapkan kerana terus prihatin terhadap isu-isu semasa.

Menerusi Strategi Kedua dalam Teras Kedua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sememangnya menitikberatkan mengenai penyediaan tenaga kerja yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Perkara ini turut menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kahang semalam mengenai saranan beliau untuk memperkasakan Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor (SMI) yang dilihat sebagai *one stop centre* bagi sebarang perkara berkaitan modal insan negeri Johor ini. Terima kasih Yang Berhormat yang prihatin dan melihat betapa pentingnya peranan SMI khususnya dalam menjadikan rujukan utama pelabur-pelabur yang mahu datang ke negeri Johor. Terima kasih Kahang.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kewujudan Jawatankuasa Pemandu Modal Insan Negeri Johor dilihat menjadi satu inisiatif yang mampu memperkasakan SMI. Di mana dua lagi rakan saya iaitu YB EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna serta YB EXCO Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi turut bersama di dalam Jawatankuasa ini untuk bergerak sebagai satu *team*, dengan izin, dalam memastikan kelangsungan pengurusan modal insan di negeri Johor.

Untuk makluman semua, Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat perancangan strategik dalam pengurusan modal insan di negeri Johor melalui perkongsian dan pengumpulan maklumat serta data berkaitan skop pekerjaan. Kemahiran yang diperlukan oleh industri, peluang-peluang pekerjaan yang tersedia serta lain-lain yang berkaitan. Insya-Allah, pada tahun hadapan, segala dapatan hasil daripada mesyuarat berkala dan kajian-kajian yang dilakukan oleh agensi-agensi yang menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pemandu ini, akan saya kongsi kepada umum supaya tidak timbul lagi persoalan, adakah Johor benar-benar memiliki tenaga kerja separa mahir, mahir dan profesional untuk menampung kehadiran pelabur-pelabur atau peluang pekerjaan baru?

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, tahun hadapan juga menyaksikan Program Gerak Kerjaya Johor akan menjadi antara program yang akan memberi keutamaan membabitkan peruntukan sebanyak RM600,000.00 sebagaimana diumumkan dalam belanjawan. Ini secara tidak langsung menjawab persoalan Yang Berhormat Sri Medan, yang menyuarakan kebimbangan menerusi situasi pengangguran di Johor. Pada masa sama mencadangkan untuk memperbanyakkan penganjuran karnival kerjaya. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan yang baik itu.



Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, bagi tahun 2024, SMI akan mengadakan Program Gerak Kerjaya Johor ke 10 daerah di Johor (Dewan bertepuk). Saya mengalu-alukan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk turut serta dan menghebahkan peluang-peluang yang ada nanti. Ramai juga Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh soal latihan kemahiran. Suka saya kongsi di sini, dengan peruntukan sebanyak RM2 juta, SMI pada tahun depan akan menambah baik pelaksanaan program-program latihan kemahiran Johor iaitu Pro Mahir yang dijangka menarik seramai 500 orang peserta yang akan menerima manfaat dalam peningkatan kemahiran berserta sijil kompetensi dalam memenuhi keperluan industri semasa.

Rancangan yang teliti telah dirangka dengan memfokuskan Program Pro Mahir kepada tiga kategori sebagaimana berikut:

1. *Skilling dan Upskilling*. Dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Merupakan kategori pertama dalam Program Pro Mahir menawarkan pembiayaan sebanyak 50% daripada kos latihan. Manakala, baki akan dibiayai sama ada melalui pembiayaan sendiri atau pembiayaan oleh majikan atau caruman levi yang diletakkan di bawah *Human Resource Development Corporation (HRDC)*. Inisiatif ini diberi jaminan dengan kenaikan pendapatan sebanyak RM2,000.00 berdasarkan peningkatan kompetensi kemahiran.
2. *Johor Retain*, yang diperuntukkan sebanyak RM1 juta ialah kategori kedua dalam Program Pro Mahir yang mendapat permintaan dari industri yang telah beroperasi sepenuhnya dan juga pelabur-pelabur yang diterima dalam pasaran semasa. Keperluan pekerja kemahiran amatlah diperlukan di kalangan pemain industri. Selain itu, inisiatif-inisiatif ini menyediakan kursus jangka masa pendek dengan jaminan pekerjaan selepas tamat kursus.
3. Adalah yang paling menarik, untuk makluman semua Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah kategori ketiga iaitu *SMI Care*. Dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang seiring dengan hasrat pentadbiran kerajaan Johor ke arah sifir miskin tegar buat julung kalinya. Perhatian khusus diletakkan program ini kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), miskin tegar dan mereka yang tiada pendidikan formal dengan memberi jaminan pekerjaan setelah tamat kursus.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Portfolio Pembangunan Usahawan juga menjadi antara banyak yang diperkatakan dalam sesi perbahasan dan untuk menjawab secara umum pertanyaan Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2024, kerajaan negeri menerusi Perbadanan Usahawan Johor akan meneruskan pelaksanaan Geran Usahawan Maju Johor dengan peruntukan bertambah kepada RM2 juta berbanding RM1.5 juta pada tahun ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Sememangnya Geran Usahawan ini menjadi produk paling laris, laku keras Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, yang dinanti-nantikan oleh para usahawan di negeri Johor ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2024 juga menyaksikan satu program baru yang akan dilaksanakan yang diberikan nama Misi Jejak PMKS Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan program ini akan dilaksanakan ke semua 56 kawasan DUN dengan menggunakan konsep, "Kita Terjah". Melawat ke premis usahawan yang turut dilibatkan Pejabat Daerah, pejabat Wakil Rakyat di setiap ADUN, insya-Allah, kita terjah ADUN-ADUN bersama saya, berapa ADUN nak? Kita akan umumkan.

Menerusi program ini juga, dijangka insya-Allah seramai 280 usahawan dibantu dengan nilai sebanyak, sehingga 3,500 yang melibatkan 5 usahawan setiap DUN, mungkin kita bantu, kebergantungan kita ikut ADUN, mana ADUN yang nak perlukan, tertumpu ataupun memfokuskan, satu usahawan kita cuba bagi RM3,500.00 dan 5 usahawan. Itu antara

program bantuan terus yang akan dibuat kepada usahawan. Namun, pada masa sama, Kerajaan Negeri Johor mahu melahirkan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran. Justeru, sebanyak RM1 juta lagi diperuntukkan bagi pelaksanaan 55 siri kursus dan latihan keusahawanan secara fizikal sepanjang tahun 2024 dengan seramai sasaran kita 2,000 usahawan, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jarang sekali saya mendengar Ahli-Ahli Yang Berhormat menyentuh soal gerakan koperasi di dalam perbahasan. Namun, saya ingin mengucapkan syabas serta tahniah buat Yang Berhormat Gambir kerana membangkitkan pentingnya gerakan koperasi dan menyarankan pemberian insentif kepada koperasi-koperasi bagi memperkasakan peranan koperasi dalam perdagangan dan pengedaran.

Untuk maklumat Yang Berhormat Gambir, Suruhanjaya Koperasi Malaysia komited membantu menangani kos sara hidup melalui sektor pemborong dan peruncitan koperasi. Khusus melalui penubuhan rangkaian *outlet* Kopmart yang menawarkan harga keperluan asas pada kadar yang berpatutan. Sehingga 31 Oktober 2023, terdapat sebanyak 2,611 *outlet* Kopmart telah beroperasi di seluruh negara dan daripada jumlah ini, sebanyak 292 *outlet* berada di negeri Johor. SKM juga menawarkan pakej insentif berupaya bantuan, berupa bantuan bagi memperkasakan penguatkuasaan rantai bekalan koperasi dalam sektor pemborong dan peruncitan. Dan melalui Program Pemerksaan Rantai Bekalan Koperasi atau SKOP, program pembangunan melalui koperasi, bantuan sehingga RM300,000.00 juga ditawarkan kepada koperasi yang layak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pembangunan belia dan ketersediaan belia berkemahiran juga antara yang dibangkitkan beberapa Ahli Yang Berhormat, antaranya Parit Raja, Parit Yaani dan Tanjung Surat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tahun 2024 menyaksikan lebih banyak program berkaitan dengan belia yang akan dianjurkan secara berfokus di bawah agensi termasuk Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Sukan Belia dan Sukarelawan, Institut Dato' Onn (IDO), Pusat Pembangunan Belia ataupun di *upgrade* ataupun kita dah *rebranding* daripada Pusat Pembangunan Belia kepada Unit Orang Muda Johor serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor. Tahun hadapan juga menerusi peruntukan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, sebanyak RM1.5 juta Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor akan diperhebatkan dan terima kasih pada Yang Berhormat Parit Yaani atas cadangan yang baik mahukan program ini menggunakan konsep yang sama seperti penganjuran Sukan Bangsa Johor iaitu diadakan di setiap kawasan DUN. Sebagai contoh RM1.3 juta diperuntukkan pada tahun depan untuk program menerusi *Program Onn Leadership Accelerator (OLA)* oleh IDO. Untuk maklumat pada tahun ini, OLA yang berlangsung selama 6 bulan melibatkan seramai 30 anak Johor merupakan sebuah program latihan kepimpinan yang memfokuskan penguasaan polisi, komunikasi berkesan, perancangan program, impak kepada komuniti serta modul-modul kepimpinan korporat disertakan bimbingan mentor. Tidak dilupakan Modul Johor, modul berkaitan jati diri Johor serta sejarah dan Undang-Undang Tubuh Johor serta Kesultanan Johor juga ditekankan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, lagi dua Insya-Allah habis. Agenda Gerakan Sukarelawan yang tidak diketepikan. Dan, sebanyak RM750,000.00 secara keseluruhan diumumkan untuk menjayakan inisiatif sukarelawan OMJ. Antara program baru yang akan dijayakan tahun hadapan termasuk penubuhan skuad muda *Southern Volunteers* di IPTA mahupun IPTS yang dijangka akan menjayakan misi meningkatkan keahlian SV. Malah pembangunan laman sesawang dan aplikasi *Southern Volunteers* dijangka dapat menarik lebih ramai lagi Orang Muda Johor menyertai SV, Insya-Allah.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia, Agenda Aktif Johor turut dijadikan titik fokus gerak kerja saya. Pada tahun hadapan di mana pelbagai program dan inisiatif akan dilaksanakan ke arah menjadikan gaya hidup aktif satu rutin buat Bangsa Johor. Antaranya

ialah penganjuran tahun ketiga Sukan Bangsa Johor yang membabitkan peruntukan yang berjumlah RM1.1 juta. Insya-Allah dengan peruntukan ini segala kekurangan dalam penganjuran tahun ini akan dijadikan rujukan bagi penambahbaikan dalam edisi tahun 2024 nanti. Insya-Allah Kluang ataupun Tanjung Surat akan menjadi tuan rumah bagi tahun 2024. Kita undilah sama ada Kluang ataupun ni.

Dalam usaha untuk mengekalkan kejuaraan Sukan Malaysia di Sarawak tahun hadapan, tidak dilupakan juga pembangunan kerjaya dan pendidikan atlet. Di mana sejumlah RM1.2 juta diperuntukkan program baru iaitu *Johor Athlete Career & Education* ataupun (*JACE*). Program ini menyasarkan lebih ramai *thinking athletes* serta peluang untuk atlet-atlet Johor melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ataupun Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menjawab persoalan Yang Berhormat Kukup mengenai penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Insya-Allah, Agenda Aktif Johor tahun hadapan juga bakal menyaksikan lebih banyak penganjuran sukan bertaraf antarabangsa yang akan diadakan di negeri Johor. Jangan bimbang Yang Berhormat walaupun kerajaan negeri berhasrat menjadikan Johor Bahru sebagai hab sukan yang dikenali sebagai *JB Sport City*, namun daerah atau lokasi yang berpotensi juga tidak akan dilupakan dan boleh dijadikan *spot* baharu penganjuran sukan yang difikirkan. Penjenamaan semula dan pewartaan nama-nama fasiliti sukan yang terdapat di Johor Bahru dan seluruh Johor di bawah Perbadanan Stadium Johor (PSJ) juga akan mula dibuat tahun hadapan. Insya-Allah dengan penjenamaan baru ini memberikan imej lebih segar dan bugar, lebih sesuai untuk tujuan pemasaran khususnya bagi penganjur-penganjur luar negeri yang mahu menggunakan aset atau fasiliti sukan di negeri Johor.

Penutup. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, daripada ucapan yang telah saya utarakan tadi, sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan kepada sesi sidang Dewan yang akan perancangan dan gerak kerja secara umumnya bagi tahun hadapan di bawah portfolio saya. Akhir sekali, selaku EXCO yang bertanggungjawab, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi serta seluruh pasukan saya yang berada di bawah portfolio saya yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Agenda Maju Johor. Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat memberikan pandangan-pandangan, teguran-teguran yang membina dan sebagai satu keluarga walau dalam keadaan kekangan masa serta kewangan selain beberapa cabaran lain, anda semua tetap terus bekerja demi Johor dan Bangsa Johor.

Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya, terima kasih, terima kasih dan terima kasih. Keprihatinan semua dan sebagaimana saya nyatakan di awal ucapan, semua soalan akan dijawab secara terperinci dalam jawapan bertulis. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dapat dijernihkan, yang kurang ditambah baik kan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

**YB Timbalan Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Larkin. Dijemput Yang Berhormat Serom, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk memberi ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-15. Dengan hormat dan penuh takzimnya patik merafak sembah menjunjung kasih

setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena pemilihan Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17 dan sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023, semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Permaisuri Johor dikurniakan kesihatan yang baik, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat Allah. Daulat Tuanku.

Patik turut ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan JDT yang diterajui oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor atas kemenangan Piala Sumbangsih, Piala FA serta menjuarai Liga Super sebanyak 10 kali berturut-turut. Syukur Alhamdulillah untuk kejayaan-kejayaan tersebut. Patik merafak sembah takzim menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah dan Yang Amat Mulia Che Puan Besar Khaleeda binti Bustamam yang sentiasa mengambil berat akan hal ehwal berkaitan kanak-kanak khususnya di negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor melalui Portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor sentiasa berusaha dalam memastikan kanak-kanak yang juga merupakan golongan rentan sentiasa terbela. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor sentiasa mengambil cakna titah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor dan Yang Amat Mulia Che Puan Besar dan akan terus berperanan aktif serta bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Mahkamah, hospital, penglibatan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan masyarakat setempat amat dialu-alukan dan juga dititikberatkan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah mentadbir Kerajaan Negeri Johor dengan penuh bertanggungjawab terhadap kepentingan dan keperluan rakyat negeri Johor dengan bertemakan, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat Johor 2024". Mengenengahkan pelbagai aspek kehidupan rakyat termasuk usaha-usaha kerajaan negeri untuk membela nasib, memperkasakan dan meningkatkan ekonomi golongan sasaran, pemberdayaan wanita dan golongan sasaran. Kerajaan Negeri Johor amat cakna dan menitikberatkan peningkatan ekonomi dan kebajikan sosial rakyat di negeri Johor. Terutamanya yang melibatkan golongan rentan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT menyediakan keperluan kemahiran, latihan dan bantuan bagi memulakan perniagaan melalui pembelian peralatan serta bimbingan secara berterusan kepada golongan rentan dengan menyasarkan 1,000 orang yang terdiri dari ibu tunggal, wanita B40 dan OKU. RM1 juta diperuntukkan untuk program-program pemberdayaan wanita dan golongan sasaran seperti Kemahiran Menjana Pendapatan Wanita, Skim Bantuan Peralatan Perniagaan, Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus yang menekankan aspek peluang, pengetahuan dan juga kemahiran untuk memulakan perniagaan. Selain bertujuan untuk menjana pendapatan, meningkatkan ekonomi keluarga dan melahirkan usahawan yang berdikari, program ini juga mensasarkan peningkatan 30% daripada pendapatan asal mereka.

Bantuan Kebajikan Sosial. Kerajaan Negeri Johor dengan kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat cakna akan kesusahan yang dilalui oleh rakyat. Terutamanya apabila berlaku kenaikan harga barang runcit yang amat memberi kesan kepada kelangsungan hidup rakyat. Oleh itu dana sebanyak RM298 juta diperuntukkan dan akan memanfaatkan seramai 55,700 orang penerima yang layak mengikut garis panduan dan syarat-syarat kelayakan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pemberdayaan Kelestarian Wanita Negeri Johor. Saya percaya bahawa kemajuan ini perlu diimbangi dengan dukungan dari pelbagai aspek seperti pembangunan modal insan yang berkualiti sama ada kepada kanak-kanak, wanita,

golongan rentan dan lain-lain golongan dalam mencapai matlamat tersebut. Peranan dan tanggungjawab golongan wanita Johor perlu diperkasakan selain menghakupaya potensi diri, keluarga dan masyarakat dengan pelbagai program sokongan, kesedaran, galakan dan juga pengiktirafan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT berperanan dalam meningkatkan pemberdayaan dan kelestarian wanita negeri Johor dengan pelaksanaan Konvensyen Pemerksaan Wanita dan Masyarakat Peringkat Kebangsaan dan pelaksanaan *WCare Johor (Women Cancery Productive Awareness)* yang akan dimanfaatkan seramai 8,000 wanita di negeri Johor agar dapat melahirkan masyarakat wanita berilmu dan berpengetahuan, tinggi kesedaran kesihatannya, cakna berkaitan isu semasa, pantas dalam menghulurkan bantuan.

Konvensyen Pemerksaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Peringkat Kebangsaan ini meliputi pembentangan pelbagai kertas kerja dari pelbagai institusi di Malaysia. Forum, seminar, Sambutan Hari Wanita dan Sambutan Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2024 Peringkat Negeri Johor yang melibatkan semua agensi di bawah Portfolio Pembangunan Keluarga dan Keluarga Masyarakat Negeri Johor. Manakala *WCare Johor (Women Cancery Productive Awareness)* pula merupakan sebuah usaha membantu meningkatkan kesedaran para wanita bagi menjalani saringan awal kanser reproduktif serta memberikan kemudahan bayaran fee pendaftaran kepada wanita yang layak menjalani saringan *cancer reproductive* tersebut.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sokongan sosial, kebajikan dan pembangunan kanak-kanak, *Jauhar Care Centre*. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kolaborasi strategik bersama Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor akan memperluaskan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, selamat dan ekonomi khususnya bagi golongan B40 agar kanak-kanak berpeluang mendapatkan didikan awal kanak-kanak yang sempurna menerusi Modul Jauhar yang telah dibangunkan dengan kerjasama *National Child Development Research Centre*, dengan izin iaitu Pusat Pendidikan Kanak-Kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pembangunan 2 buah JCC di komuniti iaitu PPR Desa Mutiara dan RSK Taman Cendana mampu menempatkan sehingga 60 orang kanak-kanak dari usia 2 hingga 4 tahun dalam satu-satu masa. Selain itu, bagi kerja-kerja pembangunan JCC Kluang serta pengoperasian JCC pertama dalam komuniti PPR Melana juga sedang dipergiatkan. Penyediaan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik yang dilihat berupaya meningkatkan kadar penyertaan wanita di dalam pekerjaan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Johor turut menyahut usaha kerajaan persekutuan untuk meningkatkan taraf hidup melalui inisiatif Ekonomi Penjagaan dengan izin, *Care Economy*. Ekonomi Penjagaan ini adalah sebuah inisiatif untuk meningkatkan latihan dan bimbingan kepada wanita dalam aspek penjagaan agar kerajaan melahirkan pelatih dan penjaga yang berkemahiran dalam menyediakan perkhidmatan untuk membantu individu yang memerlukan seperti Orang Kurang Upaya, kanak-kanak dan warga emas. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa kerana telah menyambut usaha baik kerajaan negeri berkaitan penambahan JCC untuk komuniti.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Anak Angkat Makmur Johor. Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT sentiasa menyantuni masa depan pendidikan dan kebajikan anak-anak yatim, anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa, ibu atau bapa atau penjaga akibat COVID-19. Anak-anak yang terkesan kehidupannya akibat pandemik ini selayaknya dibantu agar kerajaan dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dan berintegriti serta membuktikan bahawa anak-anak ini juga mampu berjaya dengan kelulusan kerajaan, dengan ketulusan kerajaan dalam menghulurkan bantuan yang sepatutnya mereka terima. Inisiatif Anak Angkat Makmur Johor ini membela nasib seramai 1,300 orang kanak-kanak dan remaja yang akan diberi bantuan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Pemberdayaan Dan Kemandirian Orang Kurang Upaya Dan Warga Emas. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan YPKDT sentiasa berusaha dalam persediaan prasarana minda dan fizikal warga emas untuk menghadapi Malaysia menjadi negara tua pada tahun 2030 serta menitikberatkan dorongan istimewa kerana kekurangan pada golongan istimewa ini tak boleh kita remehkan. Oleh itu, dana sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi memperkasakan Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti dan Pusat Aktiviti Warga Emas demi persekitaran pembangunan minda dan fizikal yang lebih kondusif dan efektif.

Selain itu, terdapat tiga program utama bagi pemberdayaan dan kemandirian OKU iaitu kemahiran dan latihan bantuan kejurulatihan pekerja-majikan. Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia dan Kursus Kemahiran Dan Kerjaya OKU. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga mempergiatkan pelaksanaan penarafan bintang pusat jagaan kanak-kanak bukan sahaja kepada pengurusan pusat jagaan atau taska kanak-kanak tapi diperluaskan lagi bagi pusat jagaan warga emas dan OKU.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Mahkota di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap golongan gelandangan serta cadangan penggunaan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan terbiar, kuarters-kuarters kerajaan yang kosong sebagai pusat transit bagi golongan gelandangan. Kerajaan Negeri Johor melalui JKM sentiasa peka mengenai isu gelandangan yang melibatkan pengemis dan kutu rayau. Isu gelandangan adalah merupakan tanggungjawab bersama antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani masalah gelandangan sama ada badan-badan besar atau daerah-daerah. Dalam perkara ini JKM sentiasa membuat pemantauan dan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Akta Orang Papa 1977 bagi menangani masalah gelandangan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, antara tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKM adalah seperti berikut:

1. Mengadakan mesyuarat bersepadu dan kolaborasi di antara agensi penguatkuasaan dan lain seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan terhadap premis dan kutu rayau mengikut bidang kuasa agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.
2. Membuat pemantauan dan tindakan penguatkuasaan secara berkala menyelamatkan pengemis dan kutu rayau bagi mengatasi perkhidmatan yang sesuai untuk golongan ini. Mengambil tindakan segera terhadap aduan dari orang awam mengenai pengemis dan kutu rayau.
3. Membuat *profiling* terhadap golongan gelandangan ini untuk rekod dan rujukan kepada agensi kepada kerajaan yang lain mengikut kesesuaian perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka.
4. Menjalankan kempen dan advokasi kepada masyarakat umum tentang kesedaran bersama untuk mencegah aktiviti pengemisan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pengemis dan kutu rayau ini yang telah disantuni Jabatan Kebajikan Masyarakat akan diuruskan penempatannya, menempatkan mereka di pusat jagaan NGO yang berdaftar di bawah JKM bagi tujuan perlindungan bagi pengemis dan kutu rayau yang tidak mempunyai waris. Mengesan waris atau keluarga bagi tujuan mengembalikan mereka ke pangkuan keluarga, menempatkan mereka ke institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan perlindungan dan penjagaan yang sesuai. Menempatkan mereka di Anjung Singgah di bawah kelolaan Yayasan Kebajikan Negara bagi pengemis

dan kutu rayau yang masih produktif dan boleh bekerja sementara mendapat penempatan yang sesuai buat golongan ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Jaya di atas keprihatinan dan kecaknaan Yang Berhormat terhadap golongan OKU di dalam kelangsungan sebelum dan selepas *Program Job Coach* serta tentang agensi dan pihak swasta yang berdaftar atau bekerjasama dengan JKM untuk sudi menerima golongan OKU ini menjadi pekerja.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Johor melalui JKM sentiasa prihatin kepada golongan OKU dan sentiasa berusaha memastikan kebajikan OKU ini terpelihara. *Program Perkhidmatan Job Coach* telah diperkenalkan untuk menggalak pekerjaan kekal kepada OKU di pasaran pekerjaan terbuka melalui pendekatan sokongan pekerjaan oleh *Job Coach*. Di Malaysia, bermula sejak 2012 di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Japan International Corporation Agency, JICA telah menjalinkan projek kerjasama iaitu dengan izin, *Project To Support Participation Of Person With This Abilities Phase 2*, pada 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2015. Tujuan projek ini adalah untuk menggalakkan penyertaan OKU dalam masyarakat melalui sokongan pekerjaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, *Job Coach* adalah individu yang berpengalaman dalam memberi sokongan kepada OKU dan telah menghadiri kursus asas *Job Coach*. *Job Coach* menjadi penghubung antara OKU dan majikan dengan menyediakan sokongan untuk kedua-dua belah pihak. *Job Coach* menawarkan sokongan secara *one to one* iaitu seorang *Job Coach* dan seorang OKU yang melibatkan tempoh masa sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan mengikut tahap keupayaan OKU tersebut. Dalam tempoh tersebut, *Job Coach* akan melaksanakan proses:

1. Penilaian OKU itu.
2. Penilaian tempat kerjanya.
3. Pepadanan kerja atau *job matching*.
4. Sokongan intensif.
5. Sokongan semula jadi.
6. Tindakan susulan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berdasarkan rekod semenjak perkhidmatan ini diperkenalkan sehingga ini, seramai 141 orang OKU di negeri Johor telah menerima manfaat dari perkhidmatan ini. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatan ini dan memberi pendedahan dalam usaha memberi pendedahan dan melahirkan lebih ramai *Job Coach* agar lebih ramai OKU mendapat manfaat dari perkhidmatan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kursus asas atau pengenalan kepada *Job Coach* ini dengan kerjasama YPKDT, majikan dan NGO telah diadakan pada 29 hingga 31 Mei 2023. Selain itu, Bengkel Program Transisi Kerjaya, PDK kepada Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK) dengan kerjasama Yayasan Gamuda juga telah dijalankan bagi memberi pendedahan kepada 133 peserta yang terdiri daripada penyelarasan daerah, penyelia dan petugas PDK.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Program Pemulihan Dalam Komuniti adalah salah satu program yang dijalankan oleh JKM untuk membantu Orang Kurang Upaya untuk memperolehi kemahiran, pendidikan, pekerjaan dan integrasi sosial. Program ini melibatkan kerjasama antara OKU, keluarga, komuniti dan agensi-agensi berkaitan. Berdasarkan pelan tindakan usahawan dan sosial JKM 2021 ke 2025, peranan PDK telah diperkasakan dengan pengenalan proses pemeraksanaan ekonomi yang bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan.

Saya terus menjawab soalan tambahan daripada ADUN Tangkak pagi tadi, bahawa program ini pada tahun 2022, kerajaan telah menurunkan peruntukan sebanyak RM432,513.20 untuk membantu menyuntik dana dan modal dalam menyediakan peralatan kepada Pemulihan Dalam Komuniti. Antara PDK yang terlibat adalah seperti PDK Benut, Pontian dengan peruntukan kewangan RM20,437.00; PDK DUN Senggarang, Batu Pahat dengan bantuan kewangan sebanyak RM8,000.00; PDK Mas Timur, Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM181,100.00; PDK Pekan Kahang dengan bantuan sebanyak RM9,986.00; PDK Permata Kasih, FELDA Air Tawar 5, Kota Tinggi dengan bantuan sebanyak RM61,357.00; PDK Permata Kasturi, Muar dengan bantuan kewangan RM20,000.00; PDK Sayangku Taman Yayasan, Segamat dengan RM18,525.00; PDK Sinar Bakti, Pontian dengan RM42,810.70; PDK Seri Cahaya, Bandar Kota Tinggi dengan bantuan kewangan sebanyak RM65,000.00 dan PDK Seri Gemilang, Kluang dengan bantuan kewangan RM5,075.00.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Tenang, Yang Berhormat Maharani, Yang Berhormat Pemanis yang mencadangkan kenaikan elaun penyelia dan petugas PKPDK. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan pada penyelia, petugas dan pelatih PDK di Johor dan sentiasa mengambil kira kebajikan mereka.

Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memahami dan cadangan kenaikan oleh Yang Berhormat memandangkan kenaikan elaun oleh kerajaan negeri adalah pada 2015 manakala kerajaan persekutuan adalah pada tahun 2021. Cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diperhalusi.

Untuk makluman Yang Berhormat Pemanis, Kerajaan Negeri Johor tidak pernah mengeneipkan penyelia dan petugas PDK. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Johor sentiasa memberi bantuan khas kewangan kepada semua penyelia dan petugas PDK di seluruh Johor. Terima kasih atas prihatin Yang Berhormat, insya-Allah, niat tulus Yang Berhormat ini, insya-Allah, Allah permudahkan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam usaha menggalakkan majikan mengambil OKU bekerja, kerajaan telah memberikan keistimewaan dari segi perbelanjaan yang dibenarkan untuk potongan bercukai kepada majikan adalah seperti potongan berganda, potongan bagi menggaji OKU dan potongan bagi cukai latihan yang diluluskan dan potongan tunggal khas iaitu pengubahsuaian bangunan dan keperluan alat sokongan OKU. Potongan tunggal, *Single Deduction Sub Section 34(6)(E)*, Akta Income Tax (X) 1967, dengan izin diperuntukkan di bawah Peruntukan Khas. Berdasarkan rekod seramai 1,017 majikan telah menggajikan OKU di dalam perkhidmatan *Job Coach* di seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, setakat ini sahaja yang dapat saya sampaikan untuk sesi penggulungan kali ini. Terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, idea dan cadangan libatkan jabatan di bawah Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa soalan yang telah saya jawab dan saya akan memastikan setiap soalan berbangkit dari Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab pada hari ini akan diberikan secara bertulis.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan, kakitangan jabatan dan kakitangan pejabat di bawah portfolio wanita, keluarga dan masyarakat yang sentiasa bertungkus lumus dan bersiap sedia dengan segala tugas yang dipertanggungjawabkan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Serom. Dijemput Yang Berhormat Tenggaroh. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan , Alam Sekitar, Warisan dan Budaya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Salam sejahtera dan salam Bangsa Johor dan salam Maju Johor. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan di Mesyuarat Keempat (Belanjawan 2024) Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Di kesempatan ini patik ingin merafak ucapan sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Tak'zim di atas Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2023. Dan patik juga ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas pemilihan yang diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-17. Semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan dikurniakan kebijaksanaan, kekuatan dan keafiatan dalam menaungi patik-patik semua dan Bangsa Johor sekalian.

Di samping itu, patik juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor di atas kejayaan pasukan Johor Darul Ta'zim memenangi kejohanan bola sepak di peringkat Piala FA, Piala Liga Super dan seterusnya Piala Malaysia yang akan dilaksanakan pada 8 Disember 2023 nanti. Semoga pasukan JDT terus mengungguli kejayaan-kejayaan yang akan datang. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas kurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama. Semoga pengurniaan ini akan menambahkan lagi semangat Yang Amat Berhormat Dato' dalam meneruskan impian untuk menjadikan Johor sebagai negeri yang bersesuaian dengan slogan 'Maju Johor'. Buah berangan di rumput pisang, sayang merbah di pohon cemara, Ahli Dewan selamat bersidang, giliran saya bermula bicara.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menyentuh pada Belanjawan Johor 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor tempoh hari, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peruntukan bajet di bawah portfolio saya. Saya amat berbesar hati dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di mana kerajaan negeri telah mensasarkan kedatangan 12 juta pelancong ke negeri Johor sempena tahun 2026 sebagai Tahun Melawat Johor. Justeru, saya amat berterima kasih sekali lagi dengan bajet yang disalurkan melalui Teras Kedua Maju Johor dalam Strategi Tiga iaitu Inisiatif Satu iaitu penambahbaikan infrastruktur pelancongan. Kerajaan negeri telah memperuntukkan peruntukan sebanyak RM67.6 juta bagi melaksanakan 15 projek yang perlu disegerakan bagi menghadapi Tahun Melawat Johor 2026. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Manakala dalam Teras Kelima iaitu keselamatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar, terdapat empat strategi dan sebelas inisiatif yang menjadi keutamaan buat negeri dan saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah memperuntukkan sebanyak RM1.65 juta bagi kelestarian dan alam sekitar dan RM30 juta bagi pengurusan banjir dan saliran.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menerusi Persidangan ini saya telah lihat di dalam Dewan yang mulia ini dengan pelbagai maklum balas yang diberikan sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan mahupun teguran yang dilontarkan. Saya telah ambil maklum perkara-perkara tersebut. Selain itu, saya juga telah memperhalusi soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Dewan. Saya dapati banyak isu-isu berkaitan banjir dan juga isu pelancongan yang menjadi antara topik utama dalam perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setiap maklum balas yang diberikan kepada saya, saya ambil dan menerima

dengan berlapang dada dan suka hati saya untuk menjawab soalan-soalan tersebut pada petang ini.

Menjawab isu pelancongan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya menyentuh dahulu isu-isu yang dibangkitkan berkaitan pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, bagi menjayakan Tahun Melawat Johor 2026, salah satu perkara yang akan diberi keutamaan oleh kerajaan negeri adalah dengan menambah baik fasiliti produk-produk pelancongan negeri Johor. Ini termasuklah produk-produk pelancongan yang berasaskan alam semula jadi kerana ia merupakan salah satu tarikan utama pelancongan ke negeri Johor seperti Taman Negara Johor Endau – Rompin Peta, Taman Negara Johor Tanjung Piai, Taman Negara Johor Gunung Ledang, Taman Eko Rimba Sungai Bantang dan Gunung Belumut. Kerajaan negeri turut mengambil kepentingan dengan pemain-pemain industri yang harus dibantu. Oleh itu, kerajaan negeri juga mempunyai perancangan untuk memperkasa kualiti perkhidmatan modal insan sektor pelancongan negeri Johor dengan memperbanyakkan penganjuran program latihan atau kursus dan program kesedaran pelancongan kepada penggerak-penggerak industri pelancongan negeri Johor seperti pekerjaan pekerja barisan hadapan, *frontliner* dengan izin, pemandu pelancong, penjawat awam atau swasta dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sekadar pemakluman kembali, Taman Negara Johor Pulau Kukup dijangka akan beroperasi semula pada Januari 2024, setelah penyerahan tapak projek oleh IRDA. Saya yakin dengan pembukaan Pulau Kukup ini pada awal Januari 2024, ia dapat mengurangkan kegusaran YB Kukup agar pulau ini kembali beroperasi kerana bimbang para pelancong lupa di mana letaknya pulau ini. Kami juga telah menyusun promosi-promosi yang boleh dibuat di Pulau Kukup ini dengan mengambil kira untuk menghangatkan pertandingan atau temasya yang berprestij seperti pertandingan Jong yang sekali gus dapat menaikkan sektor pelancongan di kawasan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Jementah mengutarakan permohonan agar kerajaan negeri dapat merencanakan satu mekanisme yang strategik bagi Pelan Pelancongan Johor dan Segamat melalui perkembangan penggunaan Internet.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat, ada azan.

(Persidangan berhenti sebentar kerana memberi laluan laungan azan).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Tidak dinafikan bahawa perkembangan penggunaan Internet pada masa kini menjadi medium terbaik dalam menyebarkan luas dan berkongsi informasi dengan jutaan manusia di samping mewujudkan hubungan di antara satu sama lain. Selain itu penyebaran dan perkongsian maklumat juga dapat dibuat dengan mudah, cepat dan lebih berkesan serta menarik kerana berdasarkan pengalaman sebenar *influencer*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri melalui Tourism Johor telah pun menggunakan kaedah ini sebagai salah satu pendekatan bagi memasarkan dan mempromosi produk serta perkhidmatan pelancongan negeri Johor. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah pertama, penggambaran *Program Majestic Johor* yang ditayangkan di ASTRO di mana penggambaran ini dibuat di 10 daerah negeri Johor dan melibatkan seramai 15 orang selebriti. Sepanjang penggambaran ini berlangsung, para selebriti akan turut membuat perkongsian dengan peminat mereka di media sosial mereka.

Kedua, penganjuran acara *Johor Food Festival 2023* yang melibatkan 30 orang selebriti dan penganjuran acara *Majestic Johor Festival 2023* yang melibatkan 60 orang selebriti di mana selebriti ini akan memuat naik aktiviti mereka di sepanjang acara ini berlangsung di media sosial mereka.

Ketiga, penganjuran *familiarization trip* dengan izin di mana *influencer* akan dibawa melawat ke beberapa tarikan pelancongan negeri Johor. Pada tahun ini, Tourism Johor telah melaksanakan *familiarization trip* melibatkan *influencer* dari Johor, Kuala Lumpur, Brunei, China, India, Thailand, Indonesia dan Singapura.

Keempat, memberi pengiktirafan kepada *influencer*, pelancongan *influencer*, dengan izin *award* pelancongan terbaik di dalam *Johor Tourism Award*. Ia bertujuan bagi menggalakkan lebih ramai *influencer* untuk memasarkan produk pelancongan di negeri Johor. Begitu juga dengan usaha-usaha untuk meningkatkan perkhidmatan dan fasiliti hospital bagi *Medical Tourism Negeri Johor*. Kerajaan negeri melalui pelbagai agensi seperti Tourism Johor telah pun menggerakkan untuk memperkasakan pelancongan perubatan negeri Johor. Antara usaha-usaha tersebut adalah:

1. Menubuhkan *Johor Medical Tourism Committee* (JMTC) yang berperanan sebagai penasihat, pemudah cara, perancang hala tuju strategi dan Pelan Tindakan Pelancongan Perubatan Negeri Johor.
2. Memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC).
3. Mewujudkan video pelancongan perubatan negeri Johor.
4. Mempergiatkan kempen promosi produk dan perkhidmatan pelancongan kesihatan negeri Johor melalui media sosial; dan
5. Menyebar luas pemasaran produk dan perkhidmatan kesihatan negeri Johor melalui pameran pelancongan di dalam dan di luar negara seperti *Johor Travel Expo 2022* pada 1 hingga 3 Julai 2022 dan *Vietnam International Travel Mart* pada 9 hingga 17 Disember 2022.

Kerajaan negeri melalui Tourism Johor dan agensi-agensi berkaitan secara berterusan akan mempertingkatkan lagi usaha untuk memperkasa pelancongan perubatan negeri Johor.

Bagi soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Mengkibol, kerajaan negeri menyambut baik pengumuman Perdana Menteri mengenai pengecualian visa bagi pelancong China dan India. Dengan pengumuman ini, kami telah mempunyai rancangan untuk menambah penerbangan secara terus daripada China dan juga India. Kita akan berbincang dengan lebih banyak industri penerbangan agar lebih banyak penerbangan *direct* daripada China dan India dapat hadir ke Johor. Jalinan kerjasama dengan agensi penerbangan akan dibuat bagi menambah beberapa tempat baru di China mahupun India.

Menjawab isu pengurusan banjir dan saliran, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sering kali pada Dewan, sidang Dewan, isu banjir sering dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menjawab kepada Yang Berhormat Jementah dan juga Yang Berhormat Bekok, kita telah mengalami keadaan yang pahit pada awal tahun ini dengan isu banjir. Yang menjadi harapan kepada semua Bangsa Johor agar perkara ini tidak berulang setiap tahun. Setelah berhadapan dengan pengurusan bencana yang memudaratkan dengan dalam keadaan iklim yang selalu berubah, kerajaan negeri bertekad memberi tumpuan mengenai isu perubahan iklim dan pengurusan bencana di Johor dengan lebih fokus.

Syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita kerana bertungkus lumus mencari jalan penyelesaian bagi isu ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengadakan beberapa siri perjumpaan bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim bagi perancangan dan permohonan dana bagi mengatasi isu

tersebut. Sebanyak 6 projek tebatan banjir (RTB) jangka panjang dan dalam peringkat pra pelaksanaan dan 5 projek tebatan banjir jangka sederhana dalam pelaksanaan di negeri Johor oleh agensi kerajaan yang melibatkan kos keseluruhannya sebanyak RM1.842 bilion. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Untuk mendapat penelitian dan perancangan perubahan iklim serta pengurusan banjir yang lebih efektif, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan persetujuan Dewan Undangan Negeri Johor telah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana. Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama agensi dan jabatan yang terlibat serta beberapa lawatan kerja termasuk lawatan ke Singapura bagi mendapatkan input yang terbaik bagi penyelesaian isu banjir ini. Hasil kajian Jawatankuasa ini juga telah dibentangkan pada Persidangan Dewan yang lalu di sini. Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Pemanis selaku Pengerusi Jawatankuasa ini dan ADUN-ADUN yang terlibat bagi merumuskan kertas mesyuarat dan memberi gambaran untuk menangani isu ini dalam masa yang cukup singkat.

Bagi menjawab soalan YB Bentayan, kerajaan negeri mengambil serius atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana Negeri Johor dengan mengambil kira cadangan-cadangan tersebut dalam penyediaan Belanjawan Johor 2024. Antaranya ialah:

1. Penubuhan *Johor Sustainability Centre* yang telah pun direalisasikan dan dilancarkan penubuhannya sempena penganjuran APCW baru-baru ini.
2. Peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan dan pembangunan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran meliputi belanja mengurus, peruntukan pembangunan dan serta peruntukan MARRIS.
3. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mengumumkan RM12 juta bagi memastikan penyelenggaraan parit-parit di kawasan pertanian dan kampung diurus dengan lebih baik, di mana Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung akan kembali diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara gotong-royong di bawah seliaan JPS.
4. Penyerahan peruntukan kepada Tabung Amanah Bencana Negeri bagi peruntukan kecemasan semasa bencana; dan
5. Kerajaan negeri akan memberi sokongan kepada permohonan peruntukan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia Negeri Johor (MET Malaysia) kepada kerajaan persekutuan bagi penambahan 33 Stesen *Meteorology Automatic Auxiliary* bagi membolehkan data cuaca dicerap di seluruh negeri Johor.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Johor juga melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Johor sentiasa komited bagi memastikan pengurusan bencana negeri Johor berada dalam keadaan bersiap bersedia dan siap siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan. Persiapan dari setiap agensi kerajaan bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) adalah seperti berikut:

1. Seramai 11,152 anggota dari agensi *responder* atau penyelamat, 1,265 anggota daripada agensi sokongan dan 706 anggota dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta seramai 628 anggota dari beberapa organisasi bukan kerajaan di negeri Johor yang akan digerakkan ketika berlakunya bencana Monsun Timur Laut.

2. Sebanyak 560 aset air pelbagai jenis, 996 aset darat pelbagai jenis dan 1 aset udara helikopter dari pelbagai agensi dan organisasi di negeri Johor yang boleh digerakkan sekiranya bencana berlaku.
3. Sebanyak 874 *hotspot* banjir telah dikenal pasti melibatkan semua kawasan dalam setiap daerah di negeri Johor; dan
4. Beberapa latihan dan bengkel persediaan dan kesiapsiagaan menghadapi banjir telah dilaksanakan dari pelbagai peringkat seperti latihan dalam agensi, latihan antara agensi. Sebagai contoh, latihan amal simulasi bencana tsunami yang telah dijalankan di daerah Mersing pada 5 September 2023 lalu melibatkan beberapa agensi kerajaan dan organisasi luar iaitu PDRM, APM, JBPM, JKM, RELA, Ihsan Johor, *Southern Volunteers* dan lain-lain agensi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya kagum dengan cara kerja Yang Berhormat Sri Medan, pasal tu dipilih tiga kali berturut-turut sebagai Wakil Rakyat. Bila dia bersuara pasal isu banjir di Sri Medan, Sri Medan adalah antara kawasan yang paling terkesan semasa banjir kali ini. Bagi menjawab Yang Berhormat Sri Medan untuk isu banjir, tindakan JPS telah pun merangka dan melaksanakan pelan jangka masa pendek bagi mengurangkan keadaan banjir di DUN Sri Medan dengan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit berdasarkan pada peruntukan yang terhad. Namun lebih daripada RM1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Tidak kerana itu, projek RTB jangka sederhana juga telah diluluskan dan dalam pelaksanaan di Sri Medan dengan peruntukan sebanyak RM48.5 juta.

Baru-baru ini saya bersama pasukan JPS Johor dan Pejabat Menteri Besar Johor telah berjumpa dengan Ketua Pengarah JPS Malaysia bagi mendapatkan perkembangan projek-projek RTB yang telah diumumkan untuk negeri Johor. Pihak kami juga telah memohon agar pelaksanaan projek-projek ini dipercepatkan dan juga termasuk projek di Sri Medan juga. Kerajaan negeri sentiasa bersedia untuk membantu agensi pusat demi kebaikan Bangsa Johor. Semua inisiatif dan tindakan daripada kerajaan negeri menunjukkan betapa serius dan prihatin terhadap isu banjir ini.

Menjawab persoalan pencemaran dan gangguan hidupan liar, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerajaan negeri sentiasa memberi penekanan kepada isu-isu alam sekitar terutamanya isu pencemaran. Menjawab soalan Yang Berhormat Panti mengenai isu pencemaran sungai, berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Terdapat dua stesen pengawasan manual di kawasan Panti iaitu di Sungai Panti dan Sungai Linggiu, indeks kualiti air Sungai Panti adalah 86 dan dikategorikan sebagai bersih manakala indeks kualiti air bagi Sungai Linggiu ialah 92 dan dikategorikan sebagai bersih juga. Selain itu, terdapat stesen pengawasan automatik sungai yang terletak di Sungai Johor bagi memantau kualiti air sungai sebelum memasuki Loji Rawatan Air Semangar. Yang pasti stesen pengawasan automatik ini, pematuhan 100% atau lebih kepada kualiti air kelas 2.

Kerajaan negeri ambil maklum kebimbangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bukit Batu berhubung dengan kualiti udara yang semakin teruk di sekitar Taman Puteri, Kulai. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan tegas seperti tahan operasi terhadap kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran udara telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor. Jabatan akan terus memantau status kualiti udara dan mengadakan rondaan berkala ke kawasan yang kerap menerima aduan pencemaran.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, menyentuh mengenai topik konflik alam sekitar dan manusia, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kahang, kerajaan melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Johor

mengambil berat ke atas masalah hidupan liar. Jabatan juga telah melakukan pelbagai usaha yang praktikal dalam urusan spesies, Kerajaan Negeri Johor terutamanya apabila ia telah menimbulkan konflik antara manusia dan gajah atau *human-elephant conflict* dengan izin, di dalam negeri Johor. Gangguan hidupan liar ini bukan sahaja tertumpu di kawasan-kawasan pertanian malah di kawasan penempatan yang berhampiran habitat asal hidupan liar ini. Bagi daerah Kluang ia merupakan daerah yang kerap mendapat aduan berkaitan konflik gajah-manusia. Hal ini kerana kawasan tersebut berdekatan dengan habitat dan koridor laluan gajah. Ini termasuk juga di kawasan DUN Kahang sebanyak 33 aduan konflik gajah-manusia diterima dari Januari hingga Oktober pada tahun 2023 di daerah Kluang. Pihak Jabatan PERHILITAN telah mengenal pasti kumpulan gajah di Taman Negara yang sering memasuki kawasan DUN Kahang dengan anggaran 25 hingga 30 ekor. Sehingga kini, sebanyak 120 operasi kawalan telah dilaksanakan di daerah Kluang. Dalam menangani konflik hidupan liar ini, Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti kawalan dan pemantauan pengurusan populasi secara terancang, tembak halau, tangkap-pindah gajah, pembinaan parit gajah dan pembinaan sistem pagar elektrik untuk tindakan jangka pendek dan sederhana.

Bagi tindakan jangka panjang pula, Jabatan PERHILITAN sedang membangunkan kawasan makanan gajah atau *elephant food bank* di dalam koridor supaya kumpulan gajah akan tertumpu di situ untuk mencari makanan. Selain itu, dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Johor dan universiti awam, kerjasama ini sedang menjalankan kajian mitigasi serta mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan *elephant food bank* tambahan di dalam kawasan koridor gajah. Bagi kebun-kebun yang mengalami kerugian akibat aktiviti gajah, saya akan berbincang dengan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian bagi mencari jalan penyelesaian isu tersebut.

Manakala menjawab pada soalan Yang Berhormat Penggaram mengenai isu monyet dan kera. Sebagai maklumat Yang Berhormat, sehingga Oktober 2023 sebanyak 137 aduan berkaitan kacau ganggu spesies kera yang telah direkodkan di daerah Batu Pahat. Ini juga termasuk di dalam kawasan DUN Penggaram sebanyak 22 aduan. Spesies kera telah beradaptasi dengan persekitaran perbandaran dengan menjadikan kawasan hijau sebagai habitat dan menjadikan sisa makanan serta tanaman pertanian sebagai sumber makanan. Kerana masa kini, Jabatan PERHILITAN telah melakukan langkah kawalan dengan pemasangan perangkap milik jabatan serta rutin kawalan populasi oleh kakitangan jabatan dengan 166 operasi dan tindakan juga telah dilaksanakan. Antara langkah lain yang boleh dicadangkan bagi mengurangkan konflik manusia-kera ialah memperkasakan perangkap komuniti, mewujudkan perangkap komuniti sama ada sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan berkaitan atau persatuan penduduk adalah disarankan.

Menjawab isu kelestarian alam sekitar. Isu yang yang terakhir, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, isu alam sekitar agenda utama negeri Johor sebagai komitmen kerajaan Johor terhadap perubahan iklim. Johor telah menjadi tuan rumah buat julung-julung kalinya bagi Persidangan *ASIA Pacific Climate Week (APCW)* yang telah diadakan pada 13 hingga 17 November 2023 di PERSADA Johor. Tahniah kepada kerajaan negeri dan kerjasama pihak-pihak yang terlibat bagi menjayakan satu konvensyen bertaraf dunia di negeri Johor. Penganjuran APCW ini cukup menjelaskan terhadap kerajaan Johor terhadap kesan perubahan iklim dan kita ingin membawa inisiatif ini ke arah peringkat global, dengan izin, *we are getting ready for the next level*.

Johor sememangnya kaya dengan sumber teknologi hijau, ia berpotensi menjaga dan menjana tenaga mampan bagi penggunaan domestik dan antarabangsa. Bagi menjawab soalan YB, Yang Berhormat Simpang Jeram, Yang Berhormat Panti dan Yang Berhormat Penawar.bMajlis Rendah Karbon Negeri Johor telah dijenama semula sebagai Majlis

Pembangunan Hijau Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bagi memacu *Inisiatif Johor Green Deal*. *Johor Green Deal* yang diselaraskan oleh BPEN Johor dan Pemodalan Darul Ta'zim memfokuskan kepada lima teras utama iaitu tenaga diperbaharui, iaitu dikenali sebagai tenaga solar. Kedua, stesen pengecas awam kenderaan elektrik (EV). Ketiga, perubahan iklim iaitu mitigasi banjir, guna tanah, alam sekitar. Keempat, bandar rendah karbon, dan kelima ialah industri. *Johor Green Deal* juga akan dibantu oleh Pusat Lestari Johor bagi menjayakan inisiatif kelima-lima teras tersebut, sebanyak 26 inisiatif yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dilaksanakan pada tahun yang akan datang. Menerusi penglibatan *Johor Green Deal* dan Pusat Kelestarian Johor, Johor bakal menerajui inisiatif hijau mesra alam dan tenaga yang boleh diperbaharui di mana ia dapat menjadikan sebuah kerajaan yang mampan dan lestari seperti mana cadangan-cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pemanis.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kesimpulan daripada ucapan, jawapan dan cadangan yang telah saya utarakan, sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan kepada sesi sidang Dewan akan soalan dan perkara yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Segala cadangan, buah fikiran yang dilontarkan kepada saya, sangat saya hargai dan alu-alukan. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Saya akhiri dengan serangkap pantun, bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun maaf dipinta. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh, selanjutnya dijemput Yang Berhormat Bukit Permai, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh, salam Bangsa Johor, salam Maju Johor. Johor negeri berdaya mampan, buminya berkat pemimpin budiman, giliran terakhir gulung perbahasan, terima kasih atas perhatian. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua dapat kita bersama-sama pada hari ini. Marilah kita turut sama melafazkan selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, teladan yang sentiasa menjadi pedoman buat kita ke akhir zaman. Sebelum meneruskan ucapan, terlebih dahulu izinkan patik untuk merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim yang telah terpilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 serta Sempena Ulang Tahun Keputeraan pada 22 November 2023 yang lalu, patik bersama sekalian warga Bukit Permai berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Permaisuri Johor serta sekalian kerabat diraja Johor dilanjutkan usia seterusnya berada di dalam keadaan sihat walafiat bagi menaungi patik semua dan Bangsa Johor.

Patik dan seluruh DUN Bukit Permai juga ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dipersembahkan kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim yang akan dilantik sebagai Pemangku Sultan. Didoakan semoga Tuanku dapat melaksanakan tanggungjawab. Patik dan DUN Bukit Permai juga dengan hormat dengan takzimnya merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah membawa pasukan bola JDT jauh di puncak jaya. Dengan kejayaan merangkumi Piala Sumbangsih, Piala FA juga mengungguli kejuaraan Liga Super sepuluh kali berturut-turut dan insya-Allah dengan izin Allah, Piala Malaysia selepas ini. Kita sebagai rakyat Johor bukan sahaja bangga mempunyai raja yang bijaksana, penuh wawasan tetapi dijiwa rakyat.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar atas pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjung Pangkat Pertama Dato' Sri Mulia Sultan Ibrahim Johor. Saya juga ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' atas pembentangan Bajet Johor 2024 yang bertemakan, "Memacu Pembangunan, Menyejahterakan Rakyat", pada hari Khamis yang lalu.

Belanjawan yang selari dengan Agenda Maju Johor yang digagaskan tahun lalu iaitu impian melihat negeri Johor sebagai negeri maju menjelang tahun 2030, yang menampilkan 6 teras, disertakan dengan dokongan strategi dan inisiatif yang kompleks ini begitu inklusif dan holistik bertepatan dengan ikhtiar ke arah negeri maju maka besarlah harapan untuk melihat segala strategi dan inisiatif kepada setiap teras dapat direalisasikan dan dijayakan pada tahun hadapan. Sekali gus rakyat negeri Johor bukan sahaja meraih malah menikmati setiap manfaat daripada segala apa yang telah disediakan untuk mereka. Tahniah sekali lagi saya ucapkan. Dipacu tidak berpelana, pelana datang dari selati, dipimpin oleh bijaksana, bijaknya boleh kita lihat.

Y Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, sahabat sahabat ADUN Barisan Nasional, ADUN pasukan pengimbang juga ADUN pembangkang yang telah membahaskan isu perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Johor. Penghargaan ikhlas juga daripada saya kepada semua yang telah memberikan cadangan dan pandangan, syor dan rujukan, serta idea dan teguran. Hari ini saya akan menggulung isu-isu yang berbangkit oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat walaupun saya tidak dapat menjawab kesemuanya dengan kekangan masa. Saya mengalu-alukan Ahli Ahli Yang Berhormat datang ke pejabat saya atau saya sendiri akan turun ke lapangan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat, insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sedar dan insaf, tempoh satu tahun 8 bulan, 9 hari atau bersamaan 619 hari memegang jawatan dan memikul amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor bukanlah sesuatu yang mudah. Mendengar perbahasan sahabat-sahabat ADUN membawa suara dan harapan rakyat maka begitulah juga kami barisan EXCO di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor mencuba sehabis baik memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat Johor. Kata adat kata berisi, tidak ada kata terbuang, kita berpadu demi negeri, untuk Johor terus terbilang.

Perumahan, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saban-saban ADUN yang berbahas majoritinya menyatakan harapan yang tinggi agar diperbanyakkan penawaran dan pembinaan rumah mampu milik di kawasan mereka, juga permintaan untuk dibina PPR atau RSK di kawasan mereka. Jika besar harapan Yang Berhormat semua, besar juga harapan saya. Begitu juga harapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kami juga seorang Wakil Rakyat. Apatah lagi rumah adalah keperluan asas, rumah adalah bermulanya cinta, rumah adalah bermulanya kejayaan sebuah keluarga, negara, bangsa dan tamadun. Yang Amat Berhormat juga sentiasa mengingatkan saya, bahawa agenda perumahan harus menjadi paling utama yang perlu diselesaikan secara tuntas. Atas iltizam itulah Kerajaan Negeri Johor komited memastikan setiap rakyat Johor berpeluang memiliki rumah. Malah hal membina rumah tidak lagi boleh dilihat sebagai tujuan ekonomi semata-mata tetapi ianya merupakan tanggungjawab manusiawi yang sentiasa menjadi keutamaan.

Dengan cadangan dan sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat atas setiap usaha kerajaan, dengan kebersamaan semua pihak maka impian untuk menyediakan rumah kepada rakyat, semua rakyat Johor segala isu yang sukar dapat dipermudahkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua yang ada di dalam sidang Dewan, usaha menyediakan rumah ini pastinya pahala berpanjangan buat kita semua nanti. Jawatan dan pangkat hanya sementara, pahala dan amalan berpanjangan yang akan jadi bekalan selama-lamanya. (Dewan bertepuk).



Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam pembentangan belanjawan, sasaran rumah siap dibina untuk 2024, tahun hadapan adalah sebanyak 5,134 unit, 30,000 unit rumah menjelang tahun 2026. Saya dan pasukan PKPJ sedar bahawa angka 30,000 ini adalah tidak mencukupi untuk 56 DUN, 16 PBT dan 10 daerah di dalam negeri Johor.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sentiasa mengingatkan saya untuk memastikan rumah mampu milik dibina di setiap DUN Parlimen dan daerah tetapi untuk memastikan ada pembinaan rumah mampu milik sama ada oleh pemaju, oleh pihak kerajaan melalui GLC negeri atau kerajaan persekutuan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipenuhi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, antara perkara utama yang perlu difahami juga untuk sesebuah kawasan dibangunkan rumah mampu milik bukan hanya perlu melihat kepada *demand* atau permintaan tetapi juga perlu ada pemaju yang mempunyai perancangan pembangunan di sesebuah kawasan. Ia juga perlu melihat sama ada tapak tersebut berdaya maju untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan perumahan.

Aspek keadaan tanah, ketersediaan infra serta kekuatan kewangan juga perlu dilihat. Tidak kira sama ada pihak pemaju ataupun pihak kerajaan negeri melalui kerjasama GLC. Atas sebab itulah seperti dibangkitkan oleh ADUN Gambir, ADUN Permas, ADUN Kemelah, ADUN Kukup dan ADUN Endau, terdapat projek yang telah dilaksanakan pecah tanah dan diuar-uarkan rancangan pembinaannya tetapi projek tidak dilaksanakan sehingga hari ini, atas berbagai faktor dan masalah teknikal termasuk masalah pemaju sendiri yang berkaitan dengan soal kewangan serta modal.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, semasa di peringkat awal saya diberi amanah sebagai EXCO Perumahan Johor pernah saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sejak 25 tahun yang lalu terdapat 153,000 rumah yang ada Kebenaran Merancang (KM) di peringkat 16 PBT untuk membina rumah mampu milik tidak dibina oleh pemaju. Hal ini kerana pemaju memberi banyak alasan, berbanding memenuhi keperluan rakyat. Atas sebab itu bagi memastikan pemaju melaksanakan pembinaan komponen 60% rumah pasaran bebas wajib setara membina 40% rumah mampu milik.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, berhadapan dengan pemaju yang merupakan golongan orang meniaga yang sentiasa ingin mengekalkan keuntungan bukanlah kerja yang mudah. Rundingan melalui *task force* PDRC yang dianggotai oleh bukan sahaja saya dan PKPJ tetapi juga Pejabat Tanah, SUKT, PBT, PlanMalaysia dan semua agensi teknikal negeri dan pusat untuk mengikat komitmen pemaju agar pembinaan rumah mampu milik direka setara dengan pembinaan rumah pasaran bebas.

PKPJ ketika ini, kita mempunyai sebuah sistem yang bagus, alhamdulillah, semua pemaju perumahan perlu mendaftarkan senarai rumah mampu milik mereka untuk ditawarkan dalam sistem e-Rumah Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, semenjak PDRC ditubuhkan sebanyak 17 PDRC telah dilaksanakan dengan rundingan melibatkan 69 pemaju. Perbincangan berkenaan 50 projek perumahan berjaya mengikat pemaju untuk membina 14,704 unit rumah mampu milik di 10 daerah, di 16 PBT negeri Johor dan ada projek yang telah berusia 15 tahun yang lepas tetapi tidak dilaksanakan yang termasuk dalam angka 153,000 yang saya nyatakan di awal tadi. Komitmen pemaju kami ikat dengan kaedah pendamaian dan ketegasan atau *win-win* dengan izin. Berhemah demi rakyat Johor, tetapi terdapat juga pemaju yang kami ambil tindakan di peringkat OSC PBT, dalam kelulusan projek dan menahan CCC. Terima kasih kepada Datuk-Datuk Bandar, Tuan-tuan YDP-YDP, Ketua-ketua WHIP serta Ahli Majlis serta ketua-ketua jabatan PBT yang memberi kerjasama dalam usaha ini. Insya-Allah semoga menjadi pahala berpanjangan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya sempat membuat pecahan rumah mampu milik mengikut DUN. Yang telah siap pada tahun 2022 adalah 4,536. Tahun 2023 rumah mampu milik yang dah siap dan serah kunci 3,199. Yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk tahun hadapan, tahun 2024 ialah 5,123. Saya ada data untuk 2025 yang telah ada komitmen pemaju dan pada tahun 2026 yang telah ada komitmen daripada pemaju untuk membina rumah mampu milik.

Mungkin saya boleh sebut mengikut DUN. Dan insya-Allah untuk Persidangan tahun depan saya akan kongsi maklumat ini awal kepada semua Wakil-wakil Rakyat. Kalau mengikut senarai yang saya ada, kalau mengikut DUN yang saya sebut ini yang ada rumah mampu milik daripada tahun 2022 sehingga 2026. Buloh Kasap, Kemelah, Gambir, Tangkak, Serom, Bukit Kepong, Bukit Pasir, Maharani, Semerah, Semarang, Parit Yaani, Parit Raja, Penggaram, Senggarang, Rengit, Machap, Layang-Layang, Mengkibol, Mahkota, Paloh, Endau, Tenggara, Panti, Pasir Raja, Tanjung Surat, Tiram, Putri Wangsa, Johor Jaya, Permas, Larkin, Perling, Kempas, Skudai, Kota Iskandar, Bukit Permai, Bukit Batu, Senai, Benut, Pekan Nanas dan Kukup. Kalau ikut rekod ini ada 40 rumah mampu milik di kawasan 40 DUN. Ada lagi baki 16 DUN insya-Allah kita akan usahakan.

Dari Bera hilir ke Pekan, membawa buah berangan, selesai sudah agenda Perumahan, saya beralih ke Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bagi portfolio Kerajaan Tempatan ada beberapa ADUN membahaskan isu penilaian cukai di lima PBT yang sedang proses penguatkuasaan. Saya mengambil maklum berkaitan penyelarasan kadar cukai di lima PBT iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Perbandaran Pengerang, yang sering dibangkitkan dalam perbahasan Ahli Dewan sekalian.

Sebelum saya menyentuh dari aspek proses pelaksanaan kenaikan cukai ini saya ingin kongsi jumlah keseluruhan bantahan yang diperolehi daripada 800,704,041 pegangan atau hak milik untuk 5 PBT. PBT telah menerima 19,894 bantahan iaitu bersamaan 2.46% bantahan diterima. Kalau mengikut pecahan Majlis Bandaraya JB, MBBJ memiliki pegangan 351,149, bantahan 4,495 atau 1.28%.

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri jumlah pegangan 254,118, bantahan 3,806 atau 1.5%. Majlis Bandaraya Pasir Gudang pegangan berjumlah 98,803, jumlah bantahan 5,088 atau 5.15%. Bagi Majlis Perbandaran Kluang 82,703 pegangan, jumlah bantahan 5,452 atau 6.59%, bagi Majlis Perbandaran Pengerang jumlah pegangan 20,668, jumlah bantahan 1,053 atau bersamaan 5.09%. Daripada jumlah keseluruhan 5 PBT ini, jumlah keseluruhan adalah 807,441 jumlah pegangan dan jumlah bantahan adalah 19,894 atau bersamaan 2.46%.

Daripada keseluruhan pegangan iaitu 807,041, jumlah keseluruhan untuk 5 PBT ini terdapat 326,720 atau bersamaan 40% yang tidak terlibat dengan kenaikan cukai dan tidak ada kenaikan, 40%. Ini menunjukkan bukan semua pegangan yang terlibat dengan kenaikan cukai. Saya ingin kongsi penyumbang utama hasil cukai bagi 5 PBT. Pertama MBBJ penyumbang yang peratus paling tinggi adalah perdagangan 40%, perumahan 21%, pangsapuri 18%, perindustrian 16%, perumahan rakyat 1.4%, lain-lain 1.7%. Maknanya ini hasil maknanya berbeza di peringkat PBT dari segi hasil, penyumbang hasil bagi setiap pegangan itu.

Bagi Iskandar Puteri pula, tadi MBBJ perdagangan 40%, di Iskandar Puteri, perdagangan 32%, perumahan 31%, pangsapuri perkhidmatan 14%, industri 12%, pelabuhan 4.8%, lain-lain 5.7%. Bagi Pasir Gudang, Pasir Gudang industri berat sahaja 40.5% Pasir Gudang, perindustrian sederhana 19% maknanya 2 pegangan ni sahaja telah menyumbang hasil kepada Pasir Gudang 60%, rumah bukan strata kos tinggi 9%, perdagangan 9%, tanah kosong perindustrian 3.8%, perindustrian ringan 2.9%, infra 2%, rumah teres 2%, tanah

kosong perumahan 2%, lain-lain 7.9%. Bagi Majlis Perbandaran Pengerang, Pengerang kawasan industri. Perindustrian berat sahaja 79%, 79%, perindustrian sederhana dan ringan 6.7%, perdagangan 6%, perumahan 3.6%, pertanian 3% dan lain-lain 1.7%. Majlis Perbandaran Kluang, tempat Mengkibol tapi saya tidak akan marah *you* lah.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat jangan tinggalkan saya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Ya Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Untuk Majlis Perbandaran Kluang, perumahan ya, perumahan 45%, *that's why* dekat Kluang ini, kalau tidak ada kenaikan untuk perumahan maksudnya Kluang itu tidak ada hasil. Sebab itu dia meliputi perumahan sahaja 45%, berbeza tadi dengan Pengerang. Pengerang hampir lebih 80% hasil itu dibayar oleh industri berat dan industri ringan. Jadi di peringkat permulaan dia dapat *rate* yang lebih rendah. Sebab itu kita tidak boleh bandingkan antara Perbandaran dengan PBT yang lain dan kawasan yang berbeza-beza.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, penilaian semula yang dilaksanakan oleh lima PBT, Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pasir Gudang, Kluang dan Pengerang adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Untuk makluman semua, kali terakhir PBT melaksanakan penilaian semula adalah pada tahun 2013, 2013, 10 tahun yang lepas di mana kadar cukai yang dikenakan sekarang telah diguna pakai selama 10 tahun dan tiada penilaian semula kadar dibuat dalam tempoh tersebut. Walaupun dari aspek perundangan memerlukan PBT melaksanakan penilaian semula setiap lima tahun, kenapa perkara ini berlaku?

Kerajaan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan, MMK pada 25 September 2019 melalui Ringkasan Mesyuarat Bilangan 1534/2019 telah bersetuju semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor melaksanakan kerja-kerja penilaian semula memandangkan senarai nilai sedia ada serta kadar cukai yang dilaksanakan telah melebihi tempoh lima tahun penggunaannya. Selain itu, keputusan kerajaan negeri pada tahun 2019, 2019 untuk melaksanakan penilaian semula adalah selaras dengan kenyataan meminda pada 21 Disember 2019 oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT ketika itu ke semua 155 Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT di seluruh negara akan diwajibkan membuat penyelarasan kenaikan cukai-cukai perkhidmatan di bawah bidang kuasa mereka bagi setiap lima tahun bermula tahun hadapan, tahun 2020.

Walau bagaimanapun, walau bagaimanapun, kerajaan prihatin dengan penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2019 menyebabkan perancangan PBT untuk melaksanakan kerja-kerja penilaian semula cukai dikaji semula. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri Johor pada 7 Oktober 2020 telah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bilangan 1129/2020, telah bersetuju melaksanakan penilaian semula PBT diteruskan. Walau bagaimanapun, tarikh penguatkuasaan cukai adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan. Dengan perbezaan 10 tahun kerja-kerja penilaian semula dilaksanakan daripada 2013, sekarang 2023, terdapat peningkatan nilai ketara bagi harta-harta di kawasan PBT berdasarkan pembangunan yang pesat, aktiviti ekonomi yang rancak serta kedudukan harta tersebut di kawasan-kawasan tertentu yang membangun. Selain itu, PBT juga mengambil kira ubah, tambah bangunan yang telah lebih 10 tahun dan kediaman yang telah dibuat oleh pemilik harta, namun begitu terdapat juga harta-harta yang mempunyai penurunan nilai mengikut kawasan tertentu. Saya nak maklumkan dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bantahan ini bukan setakat bantahan disebabkan kenaikan. Ada juga bantahan sebanyak 10% dia bantah tapi nilai hartanah dia turun, dia tanya PBT kenapa servis apartmen ini nilainya turun, dulu saya bayar harga, bayar RM200.00 setahun tapi sekarang RM150.00. Kenapa? Itu pun mereka buat bantahan.

Secara keseluruhannya, peningkatan nilai hartanah di lima PBT adalah sebanyak RM167 bilion. Maknanya daripada 2013 sehingga 2020, selepas tujuh tahun ini tempoh kenaikan, tempoh nilai hartanah, harga hartanah RM167 bilion untuk lima PBT ini iaitu peningkatan 43.4% berbanding tahun 2013. Maknanya daripada 2013 sehingga 2020, penilaian nilai hartanah telah meningkat 43%. Peningkatan penilaian ini juga adalah berdasarkan nilai pada tahun 2020. Kita guna penilaian ini 2020, bukan 2023. Sekiranya PBT menggunakan aras penilaian yang terkini iaitu pada tahun 2023, nilai setiap hartanah akan meningkat dengan lebih tinggi lagi. Bagi mengimbangi kenaikan nilai harta di PBT masing-masing, PBT telah menetapkan kadar cukai yang bersesuaian untuk semua pembayar cukai agar tidak menanggung kesan kenaikan yang ketara. Kadar yang ditetapkan oleh PBT adalah menggunakan Asas Nilai Tambah atau dengan izin, *Improved Value* berdasarkan Seksyen 130 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kadar cukai yang dikenakan asas nilai tambah tidak melebihi 5%.

Walaupun akta membenarkan kadar cukai dikenakan maksimum sebanyak 5%, lima PBT Johor, Johor Bahru, Iskandar Puteri, Pasir Gudang, Kluang, Pengerang, lima PBT ini pada masa ini masih menggunakan kadar cukai yang minimum dan tidak melangkaui 1%, akta 5%. Lima PBT ini *below* 5%, dengan izin. Dengan mengekalkan kadar cukai paling tinggi iaitu 0.7% untuk industri berat dan kadar terendah adalah pada 0.01%. Selain itu, PBT juga telah menetapkan agar kenaikan hasil cukai keseluruhan PBT tidak melebihi 20%, walaupun PBT terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang semakin meningkat daripada tahun ke tahun. Secara keseluruhannya, peningkatan hasil cukai selepas penilaian semula bagi lima PBT sebanyak RM166 juta atau bersamaan dengan 20.41% berbanding dengan peningkatan nilai hartanah RM167 bilion ataupun 43.4%.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, akhir kata, sekali lagi nanti YB-YB yang saya tidak jawab itu boleh datang jumpa saya, insya-Allah. Sudah 30 minit. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sekali lagi terima kasih kepada keprihatinan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah menyatakan teguran, pandangan dan cadangan ke atas isu berkaitan perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berharap penjelasan sebentar tadi telah menjawab segala persoalan serta dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan. Saya dan pasukan mengambil bahagian terhadap semua teguran dan pandangan yang telah diutarakan oleh setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seterusnya insya-Allah, diterjemahkan melalui tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, dalam langkah perjalanan kita terus mara ke hadapan, marilah kita beristiqamah serta mengambil iktibar dan ikhtiar, berpayung paksi dari titah Tuanku, setiap Wakil Rakyat wajar bermuhasabah diri kerana perjuangan kita tiada titik noktahnya dan tiada batas sempadan kaum, apa lagi agama. Kalau menyalin langsung menjawab, buatlah tanda supaya terang, kalau pemimpin bertanggungjawab, rakyat bahagia hidupnya tenang. Apa tanda kain pelikat, raginya halus dibentang lebar, apa tanda pemimpin rakyat, budinya halus orangnya sabar. Demikian juga buat rakyat dari segenap dimensi seluruh pelusuk negeri, bersatu kita demi Johor, kita kuat kerana kita bermuafakat, kita bermuafakat kerana kita kuat.

Akhir kata di ruang dan kesempatan ini saya dengan rendah diri mohon ampun dan maaf bagi pihak pasukan saya, Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Kerajaan Tempatan, 16 PBT seluruh Johor dan PlanMalaysia. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan rakyat Johor, sekiranya ketidaksempurnaan dari segi tugas dan perkhidmatan tempoh 1 tahun 8 bulan ini, insya-Allah menjelang tahun 2024 dan ke hadapan, setiap aspek perkhidmatan akan ditambah baik demi rakyat dan Johor tercinta. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Bukit Permai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, orang yang hebat tunjukkan hasil, orang yang lemah berikan alasan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan pada hari Ahad 3 Disember 2023. Ahli Yang Berhormat, lembu liar lembu ditambat, lembu liar lagi ke pekan, perbahasan selesai penggulungan tamat, Persidangan ini saya tangguhkan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga Ahad 3 Disember jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.**

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI AHAD**

**3 DISEMBER 2023**

**BIL. 8 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.  
(Rengit)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, SMIJ., PMW.  
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perling)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)



YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Tuan Ir. Ts. Haji Nazri bin Abdul Rahman  
(Simpang Jeram)

YB Dato' Dr. Haji Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

#### **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**  
Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(YB Speaker membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, kita sudah sampai ke hari terakhir Mesyuarat Keempat Belanjawan 2024 bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Hari ini kita memakai mafla tanda solidariti dengan rakyat Palestin. Dua hari lalu iaitu hari Jumaat, setelah tamat tempoh gencatan senjata lima hari yang ditaja oleh Qatar dan Amerika Syarikat, Israel tanpa berlangah meneruskan serangan ke atas Semenanjung Gaza, yang mengorbankan 178 nyawa termasuk kanak-kanak. Kita mengutuk tindakan kejam rejim zionis, yang bersetuju dengan gencatan senjata hanya muslihat untuk mendapatkan kebebasan tawanan Israel di Gaza. Hari ini kita ada menerima lebih kurang 15 orang pemerhati daripada sahabat kita daripada Palestin. (Dewan bertepuk).

*Johor State Assembly would like to welcome our Palestine brothers who are with us today. Johor State Assembly call the International Community to prevent the extinction of the Palestinian Young People and support the immediate establishment of humanitarian corridor in Gaza. At this critical time, for the lost of life, suffering and distraction should stop.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan akan bersidang sehingga semua rundingan selesai dikemukakan. Terima kasih.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Saya jemput, Yang Berhormat Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Semalam hari Sabtu, soalan Tiram nombor 1.

Apakah inisiatif kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap fasiliti/premis bagi memperkasa pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di tabika KEMAS dalam Negeri Johor khususnya untuk 20 bangunan Tadika KEMAS dalam DUN Tiram?

**YB Speaker :** Dijemput, Yang Berhormat Permas.

**YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Permintaan golongan B40 memasuki sekolah Tadika KEMAS semakin tinggi hingga ramai kanak-kanak 4 dan 5 tahun tidak bersekolah disebabkan tadika swasta mengenakan yuran di luar kemampuan mereka. Berapa banyak Tadika KEMAS akan diwujudkan di kawasan Parlimen Pasir Gudang?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam

Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram dan Permas, yang kedua-duanya bertanyakan berkenaan dengan Tabika KEMAS berada di kawasan masing-masing. Dan, saya ambil kesempatan ucap terima kasih juga ke atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap program pendidikan awal kanak-kanak KEMAS khususnya di kalangan golongan B40. Seperti sedia maklum, Tabika KEMAS diwujudkan bagi memenuhi keperluan pendidikan awal kanak-kanak. Selain dari pra sekolah dan TABIKA Perpaduan yang juga menawarkan perkhidmatan dengan kadar bayaran sumbangan bulanan yang rendah.

Untuk makluman Ahli Dewan, bilangan Tabika KEMAS di seluruh negeri Johor adalah sebanyak 848 buah premis yang melibatkan 1,155 buah kelas, 24,900 pelajar dan 1,075 orang pendidik masyarakat atau tenaga pengajar. Manakala bagi Taska KEMAS pula, sebanyak 59 buah kelas tabika sedia ada yang melibatkan 1,048 pelajar dan pendidik seramai 178 orang. Pihak jabatan sentiasa memberi perhatian dan berusaha dalam memastikan tahap fasiliti atau premis pendidikan awal kanak-kanak ini dalam keadaan yang kondusif untuk pembelajaran kanak-kanak.

Untuk rekod tahun 2023, KEMAS Negeri Johor telah melaksanakan 7 projek bina baru, yang RM14.9 juta iaitu 1 di Kluang, 1 di Kulai, 1 di Parlimen Mersing, 1 di Parlimen Pengerang, 1 di Parlimen Pontian, 1 di Parlimen Tebrau dan 1 di Parlimen Tenggara. Manakala 15 projek naik taraf premis KEMAS dengan nilai RM1.39 juta pula, di Parlimen Bakri 1, Batu Pahat 1, Kluang 1, Parlimen Kota Tinggi 2, Parlimen Kulai 1, Parlimen Ledang 2, Parlimen Mersing 1, Parlimen Pagoh 1, Pengerang 1, Sekijang 2, Sembrong 1 dan Simpang Renggam 1.

Manakala 42 buah premis pula dibaik pulih, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM888,830.00 yang hampir mencakupi semua kawasan Parlimen. Bagi tahun 2024 pula, KEMAS Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 bagi tujuan pembaikan dan menaik taraf premis tabika sedia ada, khususnya pembaikan bangunan daif dan uzur yang kebanyakannya merupakan premis menumpang, dewan orang ramai, balai raya, bangunan JPCK dan lain-lain termasuk dalam kawasan DUN Tiram. Senarai premis terbabit sedang diperinci di dalam sesi retreat jabatan yang sedang dijalankan sekarang ini. Secara dasarnya, jabatan tiada halangan menggalakkan pembukaan kelas-kelas tabika baru atau permohonan memperluaskan tabika sedia ada. Pemimpin masyarakat atau komuniti tempatan boleh mencadangkan premis atau tapak untuk Tabika KEMAS beroperasi. Pihak jabatan pula akan menyediakan tenaga pengajar, alatan berserta modul yang diperakui dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau boleh saya nyatakan bahawa untuk tahun 2024, KEMAS mencadangkan 9 projek bina baru di sekitar negeri Johor iaitu 1 di Parlimen Segamat di DUN Jementah, 1 di Parlimen Tebrau, DUN Tiram; 1 di Parlimen Tanjung Piai, DUN Kukup; 1 di Parlimen Sekijang, DUN Kemelah; 1 di Batu Pahat, DUN Rengit; 1 di Labis, DUN Bekok; 1 di Pengerang, DUN Tanjung Surat; 1 di Pontian, DUN Pulai Sebatang dan 1 di Air Hitam, di DUN Semarang. Walau bagaimanapun, atas faktor belum selesai isu tanah dan sebagainya hanya 2 sahaja yang diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 2 projek bina baru bagi bangunan Tabika KEMAS, yang sedang dan akan dibina di kawasan DUN Tiram iaitu pertama, Kompleks Tabika KEMAS, Jalan Nenas 12, Taman Kota Masai, Pasir Gudang. Projek ini dalam pelaksanaan dan dijangka siap tahun 2025, yang melibatkan pembinaan kompleks dengan kemudahan 4 Tabika KEMAS yang mampu menampung 100 orang pelajar dalam satu sesi pembelajaran.

Yang kedua adalah projek yang diluluskan tahun 2024 dan akan dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan iaitu Tabika Berkembar, Jalan Ciku 18, Taman Kota Masai, Pasir Gudang.

Projek ini dijangka siap pada tahun 2025 dan bakal dilengkapi kemudahan 2 kelas tabika yang mampu menampung 50 orang pelajar dalam setiap sesi pembelajaran.

Selain DUN Tiram, Parlimen Segamat juga bakal menerima premis Tabika KEMAS yang baru melalui pengumuman Bajet 2024 iaitu Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS Firdaus, Segamat. Selain itu, inisiatif kemudahan fasiliti transformasi digital pendidikan awal kanak-kanak turut dilengkapi di DUN Tiram. Ia melibatkan 2 premis tabika yang berkemudahan Wi-fi dengan kemudahan berkenaan, tabika ini akan lebih mudah mengakses bahan-bahan dan teknik pembelajaran terkini dalam bentuk IT dan digunakan untuk kanak-kanak di tabika. 2 tabika ini ialah pertama, Tabika KEMAS Sinar Berlian, Taman Desa Jaya, Johor Bahru dan Tabika KEMAS Permata Hati, Taman Kota Masai, Pasir Gudang.

Untuk makluman Yang Berhormat Permas, untuk tahun 2024, telah diluluskan bagi pembukaan tabika baru di kawasan DUN Permas, iaitu Tabika KEMAS Taman Scientex, Jalan Serindit Utama, Taman Scientex, Pasir Gudang. Dengan kelulusan pembukaan kelas baru ini, ia akan dapat menampung jumlah kanak-kanak seramai 25 orang bagi satu sesi pembelajaran dengan mengambil kira, dengan pengambilan pendidik masyarakat yang baru. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, Tiram.

**YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan dan penjelasan yang telah diberikan tadi. Terima kasih juga di atas pelaksanaan baik pulih Tadika Nur Kasih, Taman Kota Masai yang akan dilaksanakan pada tahun 2024. Saya juga ambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang juga telah meluluskan projek kompleks tadika yang akan menempatkan 4 buah kelas tadika.

Soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah dengan pembinaan kompleks tadika ini, yang saya percaya yang pertama di negeri Johor, akan menjadi perintis kepada pembinaan kompleks-kompleks tadika seumpama di daerah-daerah lain. Kerana saya yakin bila adanya kompleks tadika seumpama ini, ianya paling tidak akan dapat membantu rakyat yang berpendapatan rendah di negeri Johor. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada ADUN Tiram yang bertanyakan soalan tambahan itu tadi. Seperti yang saya maklumkan di awal jawapan saya tadi, bilangan pelajar terkini mencecah kepada 1,155 orang melibatkan 1,075 tenaga pelajar, 848 Tabika KEMAS seluruh negeri Johor. Sebenarnya, kita masih lagi belum mencukupi untuk menampung sebilangan besar daripada ibu bapa yang rata-rata memilih Tabika KEMAS sebagai sekolah atau premis untuk kanak-kanak awal persekolahan. Jadi untuk itu, saya ingin mencadangkan kepada pemimpin masyarakat untuk menjadikan apa yang saya sebut sebagai kompleks pendidikan tadi, kompleks dengan kemudahan 4 kelas tadi, mampu kita buka di daerah-daerah lain. Ia dapat mengatasi masalah kelas-kelas KEMAS yang menumpang ataupun kelas-kelas yang tidak dapat menampung jumlah permintaan yang besar.

Untuk makluman Ahli Dewan, jumlah setiap kelas ialah lebih kurang 25 orang sahaja. Maka, dengan pembukaan kompleks begini, ia dapat menyelesaikan isu kekurangan kelas dan sebagainya. Jadi, kita harap agar pemimpin masyarakat termasuk komuniti mengenal pasti kawasan bersesuaian untuk pembinaan kompleks ini bagi mengatasi permintaan khususnya dalam kawasan yang padat termasuk di Tiram. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Permas.

**YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, dulu sebelum Barisan Nasional kalah, belum pernah kalah. Kita orang kampung kebiasaannya akan membuat balai-balai raya, untuk buat balai raya ketika itu tak susah. Soal peruntukan Wakil Rakyat cari, soal tanah buat aje di tanah kerajaan, kalau jumpa Dato' DO, Dato' DO saya buat bangunan di tempat saya, tanah kerajaan.

Ketika itu kalau DO jawab buatlah besar sikit, sebab tempat awak ramai orangnya, tak ada timbul soal apa guna masalah tanah. Soal api air, tak sampai seminggu bangunan siap telah dapat api dan air. Sekarang, apabila siap saja bangunan tersebut tak sampai setahun, dua tahun pihak KEMAS akan jumpa ketua kampung atau ketua masyarakat minta buat sekolah KEMAS. Ketika itu kita akan benarkan, UMNO ambil separuh, KEMAS ambil separuh. Soal balai raya tak ada masalah, soal tenaga guru, tenaga pengajar sebelum perkara tersebut diluluskan dah dilatih guru-guru untuk mengajar.

Sekarang Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya apakah masalah sebenar untuk sesuatu tadika KEMAS untuk dibina sama ada peruntukan, sama ada tanah ataupun sama ada api dan air? Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, memang kita akui bahawa terdapat beberapa isu atau kekangan bagi pembukaan atau pembinaan sesebuah tadika KEMAS, tapi untuk makluman Ahli Dewan, isu pertama yang utama ialah isu pemilikan tanah. Saya ambil contoh, bagi tahun 2023 terdapat 7 bangunan yang dibina baru berjumlah RM14,910,000.00, 7 bina baru. Tetapi untuk tahun 2024, daripada 9 permohonan kita hanya dapat meluluskan 2 pembinaan iaitu satu di Segamat dan satu di Tebrau iaitu di DUN Tiram.

Dan 7 daripada permohonan yang tidak diluluskan ini kebanyakannya adalah isu perwartaan atau pun isu pemilikan tanah. Jadi, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa isu utama adalah pemilikan tanah. Dan, berbalik kepada soalan Tiram tadi saya bersetuju agar, supaya daerah atau parlimen menjadikan pembinaan kompleks ia lebih mudah untuk kita menyelesaikan isu tanah. Jadi sekali lagi kepada Permas, banyak isu atau kekangan tetapi yang utama ialah isu tanah. Terima kasih.

**YB Speaker** : Sila Kahang.

**YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada penjelasan EXCO tadi. Tetapi, saya juga ingin memaklumkan bahawa tadika KEMAS ini memang menjadi platform yang cukup popular di peringkat akar umbi, di mana banyak tabika dibina di kawasan-kawasan perumahan dan juga melibatkan rumah-rumah yang dah lama. Jadi, saya nak tahu sama ada apakah kekerapan audit keselamatan dibuat ke atas bangunan-bangunan ini dalam konteks memastikan bahawa bangunan ini selamat dari segi kebakaran, lintar pintas kerana selain daripada fasiliti moden dan sebagainya isu keselamatan kanak-kanak juga menjadi salah satu isu yang dekat dengan hati ibu bapa, sebelum mereka nak menghantar anak-anak ini ke tabika-tabika ataupun tadika-tadika tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti Yang Berhormat maklumkan tadi bahawa KEMAS menjadi pilihan utama kepada ibu bapa. Saya nak ucap tahniah kepada KEMAS kerana mengikut laporan yang kita terima, pengiktirafan oleh *Readers Digest's* bahawa yang dibuat pada tahun 2020 bahawa KEMAS adalah salah sebuah premis atau pun pra sekolah yang menjadi pilihan ibu bapa di negara kita. Dan untuk menjawab perkara ini, saya

nyatakan bahawa KEMAS tidak ada kepakaran dari sudut ataupun dari segi teknikal atau pun keselamatan itu.

Walau bagaimanapun, biasanya pegawai-pegawai kita akan maklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk pejabat daerah atau kepada JKR untuk mastikan keselamatan kelas tersebut. Saya ambil contoh di Segamat misalnya ada sebuah kelas yang tiba-tiba lantainya dah guna istilah meletup iaitu semua mozeknya terangkat dan dia menyebabkan tidak boleh digunakan, maka kita jemput pihak JKR untuk membuat penilaian. Hasil penilaian dan laporan daripada JKR bangunan tersebut tidak dapat digunakan. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sebutkan tadi bahawa kita tidak ada pegawai teknikal khas, tetapi kita bekerjasama dengan jabatan lain terutamanya JKR. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput Yang Berhormat Skudai.

**YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Banyak kes kebakaran di kawasan Skudai yang melibatkan milikan strata. Bolehkah saya mendapatkan perincian berapa jumlah kebakaran yang telah berlaku di kawasan tersebut dari awal tahun?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Yang Berhormat Skudai mempunyai banyak kes kebakaran di kawasan Skudai yang melibatkan milikan strata, bolehkan saya mendapatkan perincian berapa jumlah kebakaran yang telah berlaku di kawasan tersebut daripada awal tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor, untuk tahun 2023 panggilan kebakaran struktur di kawasan Skudai melibatkan bangunan pangsapuri atau flat strata sebanyak 38% atau 5 kes berbanding 13 kes yang diterima pada tahun 2023 di seluruh negeri Johor setakat 14 November 2023. Manakala panggilan melibatkan perkakas pula sebanyak 25% atau 2 kes berbanding 8 kes diterima bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, sila.

**YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) :** Terima kasih Datuk Speaker. Soalan tambahan saya adalah kalau kita lihat ada setengah flat seperti di Taman Tun Aminah mempunyai badan pengurusan dan bila mempunyai badan pengurusan dia akan membeli insurans, jadi bila berlaku kebakaran maksudnya syarikat insurans akan cover kebakaran dan kerosakan, tetapi ada setengah flat seperti yang berlaku kebakaran baru-baru ini di Bandar Selesa Jaya tidak mempunyai badan pengurusan dan apabila berlaku kebakaran siapakah pihak sebenarnya yang akan menanggung untuknya membaiki struktur kebakaran tersebut? Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Skudai, bila kita bercerita flat awam atau strata ini, kita sedia maklum bahawa flat awam ini dia ada jawatankuasa penduduk dia sendiri. Kalau kita tengok proses di awal bila pembinaan flat itu dibuat dah siap, biasanya yang menguruskan adalah pihak pemaju sendiri, yang pertama, pemaju.

Bila pemilikan strata tu mencapai 25% maksudnya kalau ada 100 unit, 25 unit dah ada semula, dah ada pemilikan makna pemaju wajib atau kena menyerahkan proses penyerahan pengurusan itu kepada jawatankuasa penduduk. Dan jawatankuasa penduduk

ini pula adalah dilantik di kalangan mereka, kalau kata ada 100 pemilikan, mereka akan adakan mesyuarat. Bila adakan mesyuarat, biasanya mereka akan melantik sama ada pengerusi, bendahari, setiausaha untuk satu-satu apa JMB itu sendiri.

Tetapi malangnya apa yang berlaku ialah bila pemaju menyerahkan tanggungjawab itu kepada jawatankuasa penduduk, jawatankuasa penduduk mempunyai hak untuk menyemak, menyemak dari segi penyeragaman *sinking fund* kalau dia ada duit yang dia *collect* sebelum ini maksudnya dia akan proses penyerahan itu kena berlaku di peringkat JMB termasuk juga insurans cover.

Selepas itu, masa pemaju mungkin tak ada masalah pasal pemaju mungkin ada duit, dia memang bayar insurans setiap bulan, tetapi bila diserahkan kepada jawatankuasa pengerusi penduduk ini, mula di awal mungkin tak ada masalah, pasal ada insurans cover. Tetapi selepas itu, sama ada jawatankuasa penduduk ini berjaya membayar setiap tahun yuran insurans itu, itulah persoalannya. Sebab itu kalau misalan kata flat di tempat Yang Berhormat dah berusia 40 tahun, lepas tu berhadapan pulak dengan yuran perkhidmatan bulanan yang tidak dapat dipungut, jadi sudah pasti bahawa dia takkan di cover oleh insurans lah. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tangkak nombor 4. Terima kasih.

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi persediaan menghadapi Monsun Timur Laut yang berkemungkinan berlakunya banjir di Johor?

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Mahkota.

**YB Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Mahkota)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan ni macam dah jawab masa penggulangan, tapi tak apalah. Air ketum buat mandi, soalan nombor 5 Mahkota beri.

Apakah persediaan yang telah dirangka dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri bagi menghadapi Monsun Timur Laut yang akan menyebabkan berlakunya banjir di Johor?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak dan juga Yang Berhormat Mahkota. Sepertimana yang diberitahu oleh Yang Mahkota, jawapan dia sebenarnya masa penggulangan telah diberikan tapi apa pun untuk mengalami musim Monsun Timur Laut iaitu bila keadaan yang kita mengalami hujan lebat iaitu daripada Disember 2023 hingga Januari 2024, kerajaan negeri telah membuat persediaan yang rapi iaitu melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Johor yang sentiasa komited bagi memastikan pengurusan bencana negeri Johor berada dalam keadaan bersedia dan siap siaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya bersama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita telah pun mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Banjir bagi membincangkan persediaan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam pengurusan pusat pemindahan sementara dan bersama *Met Malaysian* dan JPS Johor mengenai persediaan amaran awal ke penduduk sekitar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mempengerusikan satu Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Banjir Negeri pada 9 November supaya *synergy* bersama jabatan dan agensi dapat diselaraskan.

Persiapan dari setiap agensi kerajaan bagi menghadapi Monsun Timur Laut 2023, 2024 adalah seperti berikut.

1. Seramai 11,152 anggota dari agensi responder penyelamat, 1,265 anggota dari agensi sokongan dan 706 anggota dari Pihak Berkuasa Tempatan serta seramai 628 anggota dari beberapa organisasi bukan kerajaan NGO di negeri Johor yang akan digerakkan ketika berlakunya bencana MTL.
2. Sebanyak 560 aset air pelbagai jenis, 996 aset darat pelbagai jenis dan 1 aset udara dari pelbagai agensi dan organisasi di negeri Johor yang boleh digerakkan sekiranya berlaku banjir.
3. Sebanyak 874 *hot spot* banjir telah dikenal pasti melibatkan semua kawasan di dalam setiap daerah negeri Johor.
4. Beberapa latihan dan bengkel persediaan kesiapsiagaan menghadapi bencana telah dilaksanakan dari pelbagai peringkat seperti latihan dalam agensi dan latihan antara agensi, sebagai contoh latihan amal simulasi bencana tsunami yang telah dijalankan di daerah Mersing pada 5 September 2023 lalu, melibatkan beberapa agensi kerajaan dan organisasi luar iaitu PDRM, APM, JBPM, JKM, RELA, Ihsan Johor, *Southern Volunteers* dan lain-lain agensi.

Selain itu, satu Sesi Jerayawara peringkat negeri Johor anjuran Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah dijalankan pada 25 Oktober 2023 di mana ia melibatkan penyertaan JBPN, JBPD, APM, JKM dan agensi-agensi lain bagi mendengar perkongsian maklumat-maklumat terkini berkenaan pengurusan bencana oleh pihak NADMA.

Dalam usaha persediaan kerajaan negeri bagi menghadapi Monsun Timur Laut, beberapa jenis peruntukan telah disalurkan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor bagi tujuan penyelenggaraan, membaik pulih serta menaik taraf parit, empangan serta kawasan pantai seluruh negeri Johor agar lebih bersedia menghadapi kemungkinan bencana. Berikut adalah senarai yang menerangkan maksudnya sebanyak untuk peruntukan mengurus sebanyak RM42 juta iaitu sumbernya melalui kerajaan negeri untuk penyelenggaraan parit, saluran, kolam takungan banjir, empangan, ban pantai, lintasan dan jalan ladang.

Peruntukan pembangunan sebanyak RM29 juta oleh kerajaan negeri untuk kerja-kerja menaik taraf memulih saluran pantai, kolam takungan banjir, lintasan struktur kawalan, muara sungai, struktur empangan dan persisiran pantai terhakis. Untuk kerja-kerja penyaluran sungai dan kerja-kerja penstabilan tebing sungai.

Selain itu, ada peruntukan pembangunan sebanyak RM32.95 juta daripada kerajaan persekutuan juga untuk kerja-kerja menaik taraf memulih saluran parit, kolam takungan banjir, lintasan struktur kawalan muara sungai, struktur empangan dan persisiran pantai terhakis. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan juga kerja-kerja pentadbiran tebing sungai. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kehadiran 46 orang pemerhati daripada Pejabat Menteri Besar Johor. (Dewan bertepuk). Kalau YAB MB pun ada kelab, apa ini, Pejabat MB pun ada kelab penyokong. 10 orang daripada Institut Dato' Onn. (Dewan bertepuk). 28 orang daripada Pejabat ADUN Parit Yaani dan ADUN Parit Raja. (Dewan bertepuk), Wah, ini *combined*. YB mana yang bayar ini? 5 orang daripada Mubarak Johor. (Dewan bertepuk). Terima kasih datang. Jemput, Tangkak.

**YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih daripada jawapan Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan dari Tangkak kalau boleh



YB EXCO boleh kongsi berkenaan dengan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah bersiap siaga dari segi jumlah yang telah didaftarkan dan tambahan lagi berkenaan dengan kemudahan-kemudahan di dalam PPS itu. Saya bagi contoh, pernah berlaku ketika berlaku banjir, mangsa dipindah ke PPS tetapi berlaku pula mungkin kipas tidak berfungsi, lampu rosak dan pernah juga berlaku bilik air rosak sehingga tidak boleh dipakai, jadi kalau boleh minta kalau ada jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai PPS biasanya ia di bawah selenggaraan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor tetapi apa pun apabila kita dah buat mesyuarat saya ada jawapan, bukan semuanya tetapi apa yang saya ada, saya akan bentangkan hari ini.

Dari segi jumlah PPS di negeri Johor, kita ada yang telah didaftarkan untuk persiapan banjir kali ini adalah sebanyak 1,164 PPS yang terdiri daripada untuk Johor Bahru 105, yang boleh ada kapasiti sebanyak 24,570 orang. Untuk Muar, 68 yang mempunyai kapasiti untuk 23,535 orang. Untuk Batu Pahat, kita ada 232 PPS yang mempunyai kapasiti untuk 86,560 orang. Untuk Segamat, 207 PPS yang mempunyai kapasiti sebanyak untuk 42,165 orang. Untuk Kluang, kita ada 160 PPS yang mempunyai kapasiti untuk 46,749 orang. Untuk Pontian, kita ada PPS sebanyak 55 untuk kapasiti 7,510 orang. Untuk Kota Tinggi, kita mempunyai PPS sebanyak 125, yang mempunyai kapasiti untuk 17,003 orang. Untuk Mersing, kita ada 31 PPS untuk kapasiti sebanyak 4,484 orang. Untuk Tangkak, kita ada 115 PPS untuk kapasiti 36,100 orang. Dan Kulai, kita ada 66 PPS untuk kapasiti 10,000 orang yang membawa jumlah kepada 1,164 PPS yang mempunyai kapasiti untuk 268,706 orang. Terima kasih.

Tetapi untuk maklumat dari segi persiapan mungkin saya akan bagi pada staff saya bagi pada YB Pengerusi Pembangunan Wanita untuk membekalkan maklumatnya yang lebih *detail*. Terima kasih.

**YB Speaker :** Saya jemput, Parit Yaani sebab dia bangun dulu. Eh, ya. Parit Yaani bangun tadi.

**YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, tertarik dengan apa isu banjir. Saya dimaklumkan pada tahun ini, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM503,000.00 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan sepanjang 79 km parit dalam DUN kawasan Parit Yaani. Namun, untuk makluman Parit Yaani mempunyai jaringan parit sepanjang 122 km, so berbaki 33 km. Dan, kita menghadapi banjir ini saban tahun sebenarnya, di Parit Yaani. So, soalan saya adalah apakah kerajaan bersedia menyediakan sejumlah peruntukan untuk menyelenggara keseluruhan 112 km panjang parit di kawasan DUN Parit Yaani pada tahun 2024? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, kita memang menjalankan penyelenggaraan, kepada semua DUN kalau boleh. Tapi apa pun kekangan peruntukan kalau kita nak macam tadi, seperti yang dinyatakan tadi untuk tahun ini sahaja untuk penyelenggaraan kita dah belanjakan lebih kurang RM100 juta, lebih daripada RM100 juta yang telah dibelanjakan. Tetapi kalau nak buat terus seluruh Parit Yaani mungkin kapasiti dia dalam 50% hingga 60%. Tetapi, kalau nak menyelenggara 100% Parit Yaani, kita perlukan dana yang lebih tinggi. Pasal itu kita, kadang-kadang memohon kepada kerajaan persekutuan untuk dapatkan projek tebatan banjir. Dan tahun ini kita pun dah bentangkan. Tahun depan kita ada lebih kurang RM1.8 billion untuk tebatan banjir. Ini adalah penyelesaian jangka panjang untuk menyelesaikan semua masalah-masalah banjir khususnya dekat kawasan DUN dekat Batu Pahat, dekat Segamat, Kota Tinggi. Ini ialah jangka masa panjang. Terima kasih.

**YB Speaker** : Saya jemput, Parit Raja.

**YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat YB EXCO. Saya tertarik tadi dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO berkaitan sistem amaran awal. Jadi soalan Parit Raja, bagaimana usaha pihak kerajaan untuk memastikan bahawa sistem amaran awal untuk kali ini dapat berfungsi dengan benar-benar baik? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Hari ini bila dekat isu banjir memang dengan viral. Baru-baru ini pun kita 2 hari lepas pun kita ada banjir kilat di Johor Bahru, so isu yang hangat diperkatakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bila kita cakapkan sistem amaran awal ini ialah lebih kepada kita akan tengok melalui laporan cuaca daripada Met Malaysia. *And*, kita buat ramalan dia bukan dari segi kalau kita cakapkan *for sure*, tetapi dia adalah ramalan. Cuma bila kita tengokkan ramalan bila cuaca akan hujan lebat and kita kenakan dengan keparasan tinggi sungai, lepas itu kita akan bagi amaran kepada JPKK dan juga Jawatankuasa Pengurusan Daerah yang itu terdiri daripada DO, pengrusinya. Kita akan bagikan amaran lebih awal yang mungkin ada kemungkinan banjir akan berlaku. Dan bila ada kemungkinan banjir, untuk persiapan pemindahan dijalankan dengan lebih awal. Itulah yang kita katakan amaran awal kita untuk banjir. Terima kasih.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Tenggaroh, naratif tiada peruntukan rakyat tak nak dengar. Jadi kena cari cara macam mana, ya untuk dapat peruntukan tersebut. (Dewan bertepuk). Saya jemput, Yang Berhormat Tenang.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang)** : Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6.

Apakah inisiatif kerajaan negeri dalam memberikan subsidi asuhan kanak-kanak atau penjagaan kanak-kanak untuk membantu golongan B40 atau ibu tunggal yang bekerja.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Assalamuálaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Soalan yang diutarakan kepada saya adalah, apakah inisiatif kerajaan dalam memberikan subsidi asuhan kanak-kanak atau penjagaan kanak-kanak untuk membantu golongan B40 atau ibu tunggal yang bekerja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui melalui portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa cakna dalam memberikan komitmen terhadap pembangunan modal insan dan menyediakan kemudahan pengasuhan serta pendidikan anak-anak selain menyediakan ruang dan peluang kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan ini.

Yang Berhormat, untuk makluman di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terdapat satu inisiatif pemberian subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska bermula dengan inisiatif kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Program Transformasi Kerajaan 2.0 (DPP 2.0).

Pemberian subsidi ini telah diumumkan dari semasa Pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013. Yang Berhormat Datuk Speaker, ini bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah. Menyediakan peluang kepada kanak-kanak

mendapatkan asuhan dan didikan awal yang lebih baik di taska dan seterusnya secara tidak langsung menyumbang ke arah pembangunan modal insan berkualiti, sihat dan seimbang.

Suka saya ingin kongsi kadar subsidi yuran. Kadar maksimum subsidi yuran pengasuhan adalah sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak. Dan jika yuran pengasuhan kanak-kanak itu lebih rendah dari kadar subsidi maka subsidi itu diberi mengikut kadar yuran sebenarnya. Jika yuran pengasuhan kanak-kanak itu lebih tinggi dari kadar subsidi, maka lebihan perbezaan yuran tersebut adalah tanggungan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Inisiatif ini terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang memenuhi syarat dan kelayakan. Sebarang maklumat boleh dilayari di laman web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim juga menubuhkan Jauhar Care Centre (JCC) di beberapa lokasi di daerah dengan tujuan dan harapan untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan anak-anak. JCC memberikan perkhidmatan ini dengan mengenakan yuran yang rendah berbanding dengan taska swasta.

Justeru, sehingga tahun 2023 YPKDT telah menubuhkan 4 buah JCC yang telah beroperasi iaitu Kota Iskandar, daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar. Pada Tahun 2024 JCC dijangka akan bertambah pengoperasiannya di Segamat, PPR Melana Indah Skudai, RSK Cendana Pasir Gudang, PPR Desa Mutiara.

Perkhidmatan JCC yang pada asalnya bagi membantu penjawat di kalangan B40 dari pelbagai jabatan kerajaan yang memerlukan perkhidmatan penjagaan anak yang berdekatan dengan tempat kerja. Namun, YPKDT dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan menyantuni golongan sasaran, mencadangkan agar pembangunan JCC diperluaskan khusus kepada golongan sasaran yang memerlukan dan bukan sahaja untuk kakitangan awam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lokasi ini juga di luaskan ke kawasan komuniti yang memerlukan perkhidmatan jagaan anak di kalangan B40 yang dijangka beroperasi pada tahun 2024. Penubuhan JCC di PPR Melana Indah ini merupakan inisiatif kerajaan dengan kerjasama dari Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Ya, sila Tenang.

**YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat tadi ada menyebutkan tentang inisiatif subsidi yuran taska. Jadi, berapa ramai penerima manfaat ini di negeri Johor? Dan bagaimana, apa kriteria yang diperlukan bagi ibu bapa atau penjaga untuk memohon inisiatif tersebut? Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Bagi menjawab soalan ini, untuk permohonan inisiatif subsidi yuran taska ini, kriteria yang digariskan terbahagi kepada 3 kategori iaitu, kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga dan taska atau penjaga. Antara kriteria-kriteria utama yang menjadi asas pertimbangan pemberian subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di taska iaitu:

Pertama, kanak-kanak mesti berumur di bawah 4 tahun. Bagi tahun kalendar di mana umur kanak-kanak genap 4 tahun, subsidi yuran pengasuhan taska boleh diteruskan sehingga 31 Disember tahun kalendar dan mendapat asuhan dan didikan awal secara bulanan di taska yang berdaftar dengan JKM kecuali taska komuniti.

Kedua, ibu bapa atau penjaga. Ibu bapa atau penjaga hendaklah warganegara Malaysia. Dan pendapatan per kapita ibu bapa atau penjaga adalah RM800.00 sebulan bagi kawasan bandar. Dan bagi kawasan luar bandar, pendapatan per kapita ibu bapa atau penjaga adalah RM500.00.

Ketiga, taska atau penjaga. Pengusaha taska itu adalah hendaklah warganegara Malaysia. Taska tersebut hendaklah berdaftar dengan JKM. Dan taska tersebut hendaklah mempunyai bank *account* yang aktif atas nama taska dan pengusaha taksa yang memohon subsidi yuran hendaklah mengemaskini maklumat kanak-kanak tersebut dalam Pusat Data Kanak-Kanak Kebangsaan atau dengan izin, Yang Berhormat Datuk Speaker, *National Kid Data Centre* bagi tujuan semakan dan pemantauan pihak JKM.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun untuk maklumat yang lebih terperinci, Yang Berhormat boleh saya cadangkan, Yang Berhormat boleh terus berhubung dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat di daerah-daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di negeri Johor sekarang daripada tahun 2022 hingga kini, seramai 329 orang kanak-kanak telah menerima manfaat subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska yang melibatkan sebanyak 109 taska yang merangkumi taska institusi, taska di rumah, taska tempat kerja dan taska komuniti. Oleh itu, jumlah sebanyak RM700,640.00, peruntukan telah disalurkan dengan inisiatif subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak taska. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Saya jemput Yang Berhormat Perling.

**YB Tuan Liew Chin Tong (Perling)** : Terima kasih Datuk Yang Dipertua. Soalan nombor 7.

Nyatakan sama ada kerajaan negeri akan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan untuk kawasan *Greater Johor Bahru* yang juga merangkumi trafik rentas sempadan Johor - Singapura.

**YB Speaker** : Dijemput, Yang Berhormat Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor nombor 11 eh nombor 8.

Apakah rancangan pengangkutan bagi Bandar raya Johor Bahru sebagai bandar raya yang paling utama di Johor bagi menampung aliran trafik dan orang yang semakin meningkat.

**YB Speaker** : Dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

Bilangan kenderaan banyak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara. Masalah ini juga menyumbang kepada pengangkutan awam tidak menepati masa mengikut perjalanan yang sepatutnya. Apakah usaha diambil untuk mengurangkan kenderaan dan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Perling, Yang Berhormat Stulang dan Yang Berhormat Iskandar Puteri. Kerajaan negeri komited untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mode pengangkutan utama pilihan rakyat. Selain dengan hasrat tersebut, sebuah Pelan Induk Pengangkutan yang

diguna pakai sebagai rujukan kepada pihak kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi teknikal yang lain, telah pun dihasilkan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) iaitu Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor 2015-2045. Setelah lima tahun dilancarkan, terdapat beberapa kajian semula Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dibuat oleh pihak PBT dan *Plan Malaysia*. Melihat kepada senario ini, terdapat keperluan untuk mengemas kini data-data serta cadangan-cadangan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor agar tiada keciciran maklumat berkaitan pengangkutan apabila pelan induk ini dirujuk dan mestilah selari dengan RTD dan juga RKK. Oleh itu, pada tahun 2022, PAJ telah membuat pengubahan pada pelan ini. Selaras dengan mencadangkan pengubahan nama pelan induk ini kepada Pelan Induk Pengangkutan Johor (PIPJ). Pelan Induk Pengangkutan Johor yang dibuat oleh PAJ akan menjadi kitab rujukan utama dalam pembangunan pengangkutan awam yang menyeluruh, bukan sahaja meliputi pengangkutan awam, malah merangkumi perancangan jalan raya, pengangkutan hijau dan logistik. Pelan induk ini akan memastikan kesaling hubungan mobiliti dan akses kepada pelbagai mode pengangkutan awam termasuk di dalam kawasan *Greater Johor Bahru*.

Menjelang 2045, kerajaan negeri akan memastikan pengangkutan awam menjadi pilihan utama di negeri Johor, dengan adanya projek-projek mega yang akan dibuat serta pelan-pelan perancangan pengangkutan awam akan datang. Pelan Induk Pengangkutan Johor yang menggantikan pelan induk yang lama, telah siap didokumentasikan dan akan diwartakan di peringkat kerajaan negeri. PAJ akan menyalurkan dokumen pelan induk ini kepada semua agensi yang terlibat dan mereka yang ingin mendapatkan dokumen ini sebagai rujukan boleh memuat turun laporan tersebut di laman web rasmi PAJ.

Terdapat dua jilid bagi Pelan Induk Pengangkutan Johor ini, jilid pertama adalah Pelan Induk Pengangkutan Menyeluruh Bagi Negeri Johor dan jilid kedua pula ialah pelan induk pengangkutan bagi setiap daerah di negeri Johor. Antara inti pati laporan pelan induk pengangkutan ini adalah visi dan misi, dasar dan strategi setiap pengangkutan persendirian, pengangkutan transit, pengangkutan hijau serta pengangkutan barang. Terdapat juga pelan pelaksanaan serta tindakan jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang serta anggaran tahun pelaksanaan termasuk kos setiap projek dan program.

Sebagai salah satu usaha kerajaan memantau isu-isu kesesakan dalam Bandaraya Johor Bahru, satu Jawatankuasa Menangani Kesesakan telah pun ditubuhkan dan telah bermesyuarat sebanyak dua kali. Beberapa lokasi yang sering berlaku kesesakan telah dikenal pasti, punca dan jalan penyelesaiannya telah pun dibincangkan bersama-sama jabatan dan berkaitan serta agensi teknikal.

Yang Berhormat Stulang, selaku Ketua Pengimbang juga, turut dijemput bagi memberikan cadangan dan idea bagi menangani kesesakan ini. Urus setia bagi jawatankuasa ini ialah PAJ, bagi memastikan apa yang dibincangkan dan apa yang dicadangkan adalah dipandu oleh Pelan Induk Pengangkutan Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pengangkutan awam di Bandaraya Johor Bahru dilihat sedang berkembang dengan pelan-pelan perancangan pembangunan pengangkutan awam, yang akan dilaksanakan dalam beberapa tahun mendatang. Selain Program Bas Muafakat Johor yang telah dilaksanakan sejak 2016, Program SBST MyBas juga dilihat akan mengubah mode pengangkutan di negeri Johor khususnya Bandaraya Johor Bahru. Selain itu, projek Sistem Transit Keretapi (RTS), Projek Landasan Berkembar Elektrik juga mampu meningkatkan jaringan perhubungan pengangkutan awam di negeri Johor. Cadangan projek *Light Rail Transit (LRT)* juga akan mengubah landskap pengangkutan awam dengan lebih luas kemudahan dan liputan pengangkutan awam. Perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Johor khususnya sektor perkhidmatan bas henti-henti, akan disokong dengan Program SBST MyBas yang menggunakan laluan sedia ada dan menambah baik kekerapan perkhidmatan bas di Johor. Pada masa ini, pelaksanaan My Bas di negeri Johor melibatkan

19 laluan dan 5 koridor iaitu Kota Tinggi, Masai, Kulai, Gelang Patah dan juga Pontian melibatkan laluan sepanjang 1,052 kilometer. Pelaksanaan projek MyBas di negeri Johor melibatkan sebanyak 128 buah bas termasuk 8 buah bas elektrik telah digunakan untuk program MyBas di bandar raya Johor Bahru ini.

Isu masalah kesesakan di Johor khususnya kawasan Johor Bahru, Bandar Johor Bahru dijangka akan mengalami pengurangan apabila cadangan *LRT* diangkat ke peringkat persekutuan. Sistem *LRT* ini akan disokong oleh perkhidmatan *direct service* dan *feeder service* seperti Bas Muafakat Johor dan bas-bas awam yang lain melalui pusat beli-belah, sekolah, instituti pengajian tinggi, hospital dan juga pusat perubatan, pejabat kerajaan serta kawasan perumahan. Projek *LRT* ini juga berperanan sebagai mode pengangkutan yang menyambungkan pengguna RTS ke liputan kawasan Johor Bahru.

Pertambahan, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kota Iskandar, pertambahan bilangan kenderaan adalah penyumbang utama kepada kesesakan lalu lintas. Bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian, banyak cadangan yang telah diterima, yang telah pun dilaksanakan di beberapa negara di luar sana. Ada negara yang mengamalkan polisi menghadkan pemilikan kenderaan bagi setiap individu. Contohnya, umur tertentu baru boleh memiliki kenderaan, mengenakan cukai yang tinggi supaya tidak ramai yang mampu memiliki kenderaan persendirian dan ada yang menghadkan tempoh usia sesuatu kenderaan seperti lima atau sepuluh tahun sahaja, bagi mengurangkan risiko pencemaran yakni memastikan pembakaran bahan bakar bertahap *efficiency* tertinggi dan kemungkinan kerosakan kenderaan yang boleh mengakibatkan kemalangan. Ada bandar-bandar yang turut tidak membenarkan kenderaan persendirian masuk ke bandar atau hanya dibenarkan masuk pada hari dan waktu tertentu sahaja. Ada juga mengenakan caj kesesakan atau mengenakan caj *parking* yang tinggi di dalam kawasan bandar. Namun begitu, cadangan-cadangan bagi mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di atas jalan raya mestilah seiring dengan keupayaan sistem pengangkutan awam bagi mengisi kelompongan tersebut.

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan bagi mempertingkatkan kecekapan pengangkutan awam di Johor, antaranya dengan menambah kekerapan dan bilangan bas bagi menampung permintaan pengguna khususnya pada waktu puncak. Kekangan menyediakan pengangkutan awam yang mencukupi dan efisien menyebabkan pengguna lebih memilih menggunakan pengangkutan persendirian untuk ke destinasi.

Selain itu, isu utama pengangkutan awam yang sering kita dengar ialah waktu menunggu yang terlalu lama dan jadual perjalanan yang tidak tetap. Hal ini akan menyebabkan tahap kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas semakin merosot. PAJ akan membuat penyelarasan jadual dan laluan yang sesuai dan lebih tepat untuk Program Bas Muafakat Johor. Pengendali operator MyBas juga perlu meneliti semula *timing* dan laluan yang kurang mendapat sambutan untuk memperbaiki isu ini. Perkara ini amat penting bagi membina kepercayaan pengguna terhadap pengangkutan awam. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, jemput Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang diberikan. Dan, selepas RTS siap nanti, sekitar 2026, penyuraian trafik di sekitar CIQ merupakan satu cabaran yang sangat besar. Jadi, persoalan saya adalah berkenaan ada dua, satu adalah sama ada jalan bertingkat akan dibina di sekitar kawasan RTS tersebut untuk penyuraian trafik.

Yang kedua adalah berkenaan dengan jaringan penyuraian trafik sokongan, 3 hingga 5 kilometer radius dari pusat bandar Johor Bahru ataupun CIQ untuk menampung beban trafik di pusat bandar. Contohnya, pembukaan semula R&R Pandan dan beberapa kawasan

strategik yang terletak di antara 3 dan 5 kilometer dari pusat bandar, sebagai jaringan sokongan untuk menampung dan beban trafik di pusat bandar. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Stulang. Cadangan untuk mengadakan jalan bertingkat ini, kita kena tengok keseimbangan kita. Kalau kita makin banyakkkan jalan, makin banyakklah kereta di atas jalan. Sekarang kita nak kurangkan kenderaan persendirian di atas jalan, jadi cadangan-cadangan untuk pembesaran, tambah laluan itu menjadi opsyen kedua. Opsyen pertama kita ialah memperbanyakkan mode pengangkutan awam seperti bas dan juga apa tu keretapi dan sebagainya. Oleh itu, jaringan sokongan Yang Berhormat sebutkan tadi, saya setuju. Oleh itu, pihak saya dan juga pihak daripada Majlis Bandaraya sedang melihat beberapa tempat untuk dijadikan lokasi *park and ride*. Jadi, kenderaan tak perlu masuk ke dalam Bandaraya Johor Bahru, dia boleh *park* di luar kawasan seperti Yang Berhormat sebut tadi, 5 kilometer atau 10 kilometer daripada pusat bandar, supaya kenderaan-kenderaan yang masuk, boleh *diparking* di tempat, di luar daripada kawasan bandar dan kemudian menaiki kita punya mode-mode pengangkutan yang ada sama ada bas ataupun teksi. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebut tadi, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Kesesakan, ada beberapa lokasi, yang kita akan adakan pembesaran ataupun kita tukar laluan, sama ada sebelah, dua hala menjadi sebelah, itu ada dalam cadangan. Tapi untuk projek-projek besar seperti penambahan jejantas dan sebagainya, itu merupakan opsyen yang terakhirlah. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Jemput Perling.

**YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya, pertama ialah bila Pelan Induk Pengangkutan Johor akan diwartakan? Saya mengalu-alukan perancangan ini, kedua ialah apa model *share* di antara pengangkutan awam dengan kenderaan persendirian dalam PIPJ ini, saya harap kalau boleh kita sasarkan 50% model *share* dalam 10 tahun. Walaupun ini agak *ambitious* tetapi kalau kita cuba, kalau sedaya upaya. Ketiga ialah adakah PIPJ terutama untuk *Greater Johor Bahru* akan merangkumi juga trafik merentas sempadan yang termasuk apa ni, trafik merentas sempadan Singapore. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Tiga soalan terus Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker :** Dibenarkan sebab Yang Berhormat kebetulan baru habis Sidang Parlimen dan hari ini hari Ahad sebab itu kita beri peluang,

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Baik.

**YB Speaker :** Selepas ini tak bolehlah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Ok, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Perling, saya akan maklumkan kemudian bila waktu akan diwartakan, sekarang masih lagi dalam proses untuk kita kemas kinilah pelan induk yang kita adakan. Nanti, insya-Allah, kita akan kongsi bersama dengan rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan. Berdasarkan model yang ditentukan, yang cadangan oleh Yang Berhormat 50-50, beberapa kajian telah dibuat. PAJ sendiri ada buat, ada yang letak 15-75 dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat benda ni, walaupun ada kajian yang kita buat, 15-85, 30-70, tapi ianya bergantung kepada perancangan *PlanMalaysia* juga dan juga RTD, RKK semua. Jadi, model *split* ni, kita sentiasa tengok daripada masa ke semasa dan insya-Allah, kalau projek-projek yang dilaksanakan di negeri Johor, RTS dan juga ETS, saya yakin harapan Yang Berhormat nak letak 50-50 ni, insya-Allah, akan dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kenderaan kita yang merentas sempadan. Isu ni banyak sekali dibangkitkan dalam jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Menangani Kesesakan di tambak Johor. Saya ingat, YB Stulang pun dah biasalah dengan jawatankuasa itu. Kita ada masukkan juga Yang Berhormat, cuma kita perlu juga hubungan yang baik dengan kerajaan pusat dan juga kerajaan Singapura. Sebab Singapura dah menetapkan bermula tahun 2030, tak salah saya, akan mula menggunakan kenderaan *EV*. Jadi, kita perlu periksa juga, kalau kenderaan *EV*, kita tak banyak di Malaysia so mereka akan lebih banyak menggunakan pengangkutan awam dan sebagainya. Jadi *parking* saya sebut tadi *parking* mesti berada di luar kawasan.

Jadi perbincangan lanjut berkenaan tentang itu saya akan bincang dengan YB EXCO yang berkenaan EXCO Perumahan dan juga Kerajaan Tempatan untuk kita menilai kat mana kawasan-kawasan supaya kita nak pastikan kalau betul kita terpaksa mengikut strategi daripada pihak Singapura tidak membenarkan kenderaan petrol dan diesel masuk lagi ke Singapura bermula tahun 2030 – 2040, jadi kita *standby* dengan pengangkutan awam kita sebab kita belum lagi mensasarkan *EV* di Malaysia pada tahun tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Saya jemput Kota Iskandar.

**YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO di atas penjelasan yang diberikan. Pertama saya nak betulkan mukadimah daripada YB EXCO, soalan bukannya daripada Iskandar Puteri, Iskandar Puteri MP dia Perling, saya Kota Iskandar. Kota Iskandar hampir dengan Singapura dan ramai pekerja melalui *second link*, ramai pekerja ke Singapura meletakkan kenderaan mereka di sekitar pekan Gelang Patah, contoh terminal Gelang Patah paling kritikal meletakkan di depan parking yang disediakan oleh MBIP di pusat Kesihatan Kecil Gelang Patah dan di depan flat-flat di taman Nusa Perintis hingga kawasan-kawasan *parking* kedai-kedai ini penuh dengan kenderaan pekerja Singapura.

Soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu ini supaya lambakan kereta-kereta Singapura ini tidak mengganggu pengguna-pengguna ataupun pembeli-pembeli yang berada dia dalam Kota Iskandar khasnya di kawasan Gelang Patah. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar, minta maaf Yang Berhormat Kota Iskandar tersilap dalam mukadimah saya tadi. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan kita sedar memang seperti yang saya maklumkan tadi di dalam 2, 3 yang sebelum ini kita ada masalah isu *parking* juga sebab kita tak nak *parking-parking* yang masuk ke dalam Bandaraya Johor Bahru.

Tapi untuk kes di Kota Iskandar, kenderaan-kenderaan Singapura yang merentas melalui *second link*, jadi saya faham isu itu cuma pihak JKR, pihak saya tak ada kuasa sendiri untuk menahan atau pun apa tu menghalang kereta-kereta ini mungkin saya perlukan kerjasama daripada pihak seperti contoh JPJ dan sebagainya dan juga pihak majlis untuk kita buat penguatkuasaan.

Dalam masa yang sama saya setuju juga ada beberapa tempat *parking* yang kita dah kenal pasti Yang Berhormat Kota Iskandar untuk kita pastikan mereka dapat *parking* yang berbayar dan sebagainya. Terima kasih.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Bukit Pasir, saya rasa kita kena segerakan pembinaan LRT, kalau boleh sebelum 2030 sebab kita nak menjadi negeri maju 2030. Jadi kos 20 bilion tu



pandailah Yang Berhormat cari kat mana. Yang Berhormat kan pakar cari duit, jadi tahulah macam mana nak.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Permas ada nak tanya. Ringkas Yang Berhormat

**YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib (Permas)** : Ok, ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya dengar tadi ada LRT, LRT ni peruntukannya daripada kerajaan *Federal*, kalau bila disiapkan, penyelenggaraannya, andai kata fasilitasnya tak mencukupi untuk *operation*, siapakah yang menanggung kos untuk penyelenggaraan dan BRT ini, BRT ini saya lihat di Indonesia ni sangat berjaya, sangat berjaya untuk membantu kesesakan lalu lintas, bilakah ianya akan bermula, sekian terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Permas. Berkaitan dengan LRT saya pun menyentuh jugak Yang Berhormat Datuk Speaker menyebut LRT insya-Allah kita akan jadikan itu satu kenyataan rasmi daripada kerajaan negeri menyahut apa yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan belanjawan supaya LRT dijadikan salah satu *mode* pengangkutan di Johor Bahru, insya-Allah.

Berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat Permas berkenaan siapa akan menyelenggara dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, permohonan peruntukan akan dibuat kepada pihak persekutuan sama ada pihak MOE, *Minister Of Economy* atau pun kepada MOT yang akan menguruskan projek-projek besar seperti ini. Walau bagaimanapun untuk penyelenggaraan atau pun kos operasi ianya akan dibuat di bawah MoS sendiri. Siapakah yang akan membida penyelenggaraan atau pun operasi dengan kos subsidi yang paling rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan pengangkutan awam memang perlu disubsidi cuma kita nak tengok siapa yang boleh bagi subsidi yang menawarkan subsidi paling rendah supaya kita dapat kurangkan atau penjimatan berlaku di pihak kerajaan.

Untuk menjawab soalan berkaitan dengan BRT, untuk makluman Yang Berhormat Permas BRT merupakan bas yang berjalan di atas jalan raya tetapi diasingkan mengikut laluan. Untuk BRT yang telah pun dicadangkan di negeri Johor ada beberapa laluan yang tak dapat diganti, maksudnya bas BRT ini terpaksa lalu di atas laluan yang bercampur dengan kenderaan sedia ada, kesesakan yang sedia ada.

Oleh itu satu kajian semula sedang dibuat dan kita tengah bandingkan pula dengan LRT tadi yang kita sebutkan, sama ada BRT atau pun LRT insya-Allah dalam masa terdekat kerajaan negeri akan mengumumkan *stand* yang berikutnya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Persidangan akan berhenti rehat 15 minit, akan disambung pada 10.55 pagi dan selepas itu tidak ada waktu rehat makan, kita akan terus sampai selesai segala urusan-urusan perundangan.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 10.40 pagi**

**Persidangan disambung semula pada jam 10.55 pagi.**

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan Rang Undang-Undang Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua. Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 disambung sekarang. Yang Amat Berhormat dijemput.

**YAB Menteri Besar :** Bismillahirrahmanirrahim (Doa). Ya Allah, ilhamkan kepada ku kecerdasan dan petunjuk dan lindungilah aku dari kejahatan nafsu. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahnya dapat kita bersama-sama hadir di Dewan yang mulia ini, bagi menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah membahaskan selama seminggu Belanjawan Johor 2024 yang bertemakan “Memacu Pembangunan, Menyahjahterakan Rakyat”.

Sebelum meneruskan ucapan penggulungan belanjawan ini izinkan patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta’zim sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal oleh UTHM semalam. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini juga izinkan saya mengalu-alukan kehadiran tetamu yang cukup istimewa, mereka adalah mahasiswa-mahasiswa UTM Skudai yang berasal dari bumi suci Palestin. (Dewan bertepuk). Kita semua cukup arif dengan apa yang berlaku di Palestin pada tika dan saat ini dan ianya amat meruntun jiwa dan menyayat hati. Salah seorang mahasiswa yang berada bersama-sama mereka hari ini baru sahaja kehilangan 15 orang ahli keluarganya akibat bedilan bom Isreal.

Setakat hari ini kematian dan jumlah rakyat Palestin yang telah diusir dari tanah air mereka sendiri telah jauh melangkaui bencana besar Nakba pada tahun 1948. Jumlah mereka yang diusir semasa naqbah adalah 750,000 orang. Di Gaza angkanya sudah mencecah 1.7 juta orang, yang dibunuh dengan kejam semasa naqbah 15,000 orang. Di Gaza hari ini angka yang terkorban sudah melebihi 15,000 orang. Apa yang berlaku di Gaza sekarang ini bukan hanya isu agama semata-mata, tetapi lebih jauh daripada itu ia adalah isu kemanusiaan.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang, baik dalam bentuk sumbangan material mahu pun doa dan terus memberi sokongan kepada saudara-saudara kita dari Palestin. Saya ingin mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bangun dan sama-sama menghadihkan Al-Fatihah kepada para syuhada dan mengaminkan doa. Bagi mereka yang bukan beragama Islam bolehlah bertafakur mengikut kepercayaan masing-masing. (Al-Fatihah).

Bismillahirrahmanirrahim. (Doa) “Ya Allah yang maha berkuasa menghilang dan menghapuskan segala dukacita mereka yang berada dalam kesusahan, penderitaan, musibah dan bencana. Sesungguhnya engkau telah melihat keadaan rakyat Palestin, tiada sesuatu pun dari urusan mereka yang terlindung dari pengetahuan dan penglihatan, justeru kami memohon kepadamu Ya Allah, bantulah hamba-hambamu di bumi Palestin, hentikanlah segala peperangan yang melanda di tanah air mereka, angkatlah segala kesusahan, penderitaan, dukacita juga musibah yang sedang menimpa mereka. (Bacaan Doa). Ya Allah, hinakan dan hancurkanlah musuh-musuh Mu dan musuh-musuh agamaMu.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami di seluruh dunia, khususnya saudara-saudari kami di Palestin. Angkatlah daripada mereka segala kesusahan, bala bencana, peperangan dan permusuhan. Ya Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, terima dan perkenankanlah permohonan kami ini.”

(Bacaan Doa). “Ya Allah, di kesempatan ini juga, kami memohon kurniaan dan keredhaan taufik dan hidayahMu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim dan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor. Juga kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. Kepada Yang Amat Mulia Che’ Puan Khaleeda binti Bustamam dan Tunku Iskandar Ibni Tunku Ismail, Raja Muda Johor, paduka putera-putera dan puterinya serta kerabat DiRaja sekalian.”

“Ya Allah, anugerahkan apalah kiranya kepada kami khasnya kepada Bangsa Johor akan kekuatan agama, akhlak dan jati diri, kekuatan perpaduan, kesatuan dan persaudaraan, ketinggian ilmu pengetahuan dan kemahiran, kestabilan serta kekukuhan ekonomi yang akan membawa kesejahteraan dan kemakmuran, kemajuan dan pembangunan, keamanan dan keselamatan bagi negeri Johor Darul Ta’zim. Juga demi memastikan kesucian agama, maruah bangsa serta kedaulatan negeri Johor yang bertuah ini terus terjamin dilindungi dan terpelihara zaman berzaman di bawah rahmat dan inayahMu jua, ya Allah.” (Bacaan Doa). Terima kasih Ahli-Ahli Dewan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas membawa suara rakyat setempat dan negeri dengan penuh bersemangat, matang dan bernas. Saya turut ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana setelah hampir 2 tahun kualiti perbahasan di Dewan yang mulia ini semakin baik dan tuntas walaupun majoritinya adalah muka-muka baharu. Keupayaan Yang Berhormat Kota Iskandar, Kukup, Skudai, Permas, Pemanis, Tanjung Surat, Parit Yaani, Pulau Sebatang, Tiram dan ramai lagi dalam menyampaikan idea maklum balas dan mengupas isu amat membanggakan, semakin berkeyakinan dan konstruktif. (Dewan bertepuk).

Tahniah dan terima kasih juga yang ucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang sarat dengan pengalaman di dalam Dewan yang mulia ini, seperti Yang Berhormat Benut, Bukit Kepong, Mahkota, Stulang, Johor Jaya, Seri Medan, Kahang, Perling, Endau dan ramai lagi atas perbahasan yang disampaikan. Insya-Allah setiap perkara yang dibahas oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan dengan baik, sebaik mungkin oleh kerajaan negeri.

**YB Speaker** : Speaker macam mana?

**YAB Menteri Besar** : Speaker, berbahas ke? (Dewan ketawa). Tidak lupa juga kepada Yang Berhormat Speaker yang bijaksana dan *handsome*. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Baru saya boleh senyum.

**YAB Menteri Besar** : Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker yang telah mengelola perjalanan di Persidangan Dewan Negeri Johor ini dengan penuh tertib, adil dan teratur. Yang Berhormat Datuk Speaker selalu berkongsi pengalaman tentang suasana di Parlimen United Kingdom, antara sistem demokrasi yang paling lama di dunia. Begitu tingginya penanda aras yang ingin diletakkan oleh Yang Berhormat Datuk Speaker. Merapat ukhuwah salam pejabat, Bangsa Johor hidup muafakat, Speaker dan Timbalan gandingan hebat, memajukan Johor, bulat sepakat. (Dewan bertepuk). Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan Datuk Timbalan Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sedar dan insaf bahawa masih ramai lagi Bangsa Johor yang belum memahami dan menghayati sepenuhnya agenda Maju Johor yang telah saya gagaskan, saya umumkan pada 14 Jun tahun lepas. Masih ada yang mungkin *skeptical* bahawa apa yang digagaskan ini adalah sekadar omong-omong kosong, satu mimpi di siang hari atau sesuatu yang tak terjangkau dek tangan. Malah di dalam Dewan ini pun, ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang masih tertanya-tanya apakah yang dimaksudkan dengan Maju Johor 2030?

Dan seperti yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Seri Medan, Tiram dan Parit Yaani, adakah negeri Johor ini mampu menjadi negeri yang maju menjelang tahun 2030? Apakah penanda arasnya? Adakah kita berada pada landasan yang betul? Dan adakah ia sekadar retorik semata-mata? Semua persoalan ini, saya yakin terbit daripada hati yang ikhlas yang benar-benar ingin melihat negeri Johor menjadi sebuah negeri yang maju. Oleh itu, menjadi tanggungjawab saya untuk menerangkan sekali lagi dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan Maju Johor 2030.

Justeru, Yang Berhormat Datuk Speaker, pada hari ini izinkan saya mengambil sedikit masa untuk memberikan sedikit dan penjelasan tentang apakah definasi, apakah indikator dan kayu ukur yang menunjukkan kita maju menjelang Tahun 2030. Apakah visi dan hala tujunya? Saya mulakan dengan berkongsi indikator-indikator utama:

1. Dari segi KDNK, purata pertumbuhan negeri adalah sebanyak 7% setahun untuk mencapai nilai KDNK RM260 billion menjelang tahun 2030 dan KDNK per kapita sebanyak RM56,000.00.
2. Purata pendapatan isi rumah menjelang 2030 ialah RM13,000.00.
3. Kadar pengangguran kekal di bawah 3% dan;
4. Sifar miskin tegar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apakah maksud angka-angka ini? Insyallah, apabila tercapai angka-angka tersebut Johor akan menjadi sebuah negeri di mana tidak ada lagi miskin tegar, tidak ada lagi gelandangan dan rakyatnya hidup makmur. Bayangkan sebuah negeri yang mempunyai fasiliti kesihatan awam termoden. Bayangkan kualiti bertaraf dunia untuk anak-anak kita. Bayangkan juga mereka berlari-lari dan bermain di tepi-tepi Sungai Skudai dan Sungai Kim Kim yang mengalir jernih airnya. Bayangkan kita mempunyai lebuh raya 6 lorong dari Johor Bahru sampai ke Tangkak tanpa ada lagi kesesakan. Bayangkan bandar-bandar utama kita dipenuhi bangunan-bangunan pencakar langit yang hijau dan lestari, berdiri megah dan melata. Bayangkan tidak ada kerisauan lagi tentang banjir setiap kali hujan turun. Alangkah indahnyanya masa dan ketika itu. Dan bayangkan segala kemajuan, pembangunan dan kenikmatan yang kita kecapai pada tahun 2030 itu berjaya dicapai dengan acuan dan cara kita sendiri, acuan dan cara Johor. Kita kekalkan ciri-ciri Bangsa Johor, nilai murni, jati diri dan identiti kita kekal tersemat utuh dalam diri, jiwa dan sanubari kita.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bayangkanlah semua ini, dengan akal dan mata hati. Inilah iltizam, visi dan hala tuju kita. Namun begitu, apa yang hendak kita capai ini bukan satu perkara yang mudah, bukan satu perkara yang boleh berlaku dalam sekelip mata. *It is a call order!* Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Benut. Kerana apa yang kita gagaskan ini adalah sesuatu perkara yang luar biasa dan melangkaui kelaziman yang menuntut kepada perubahan cara kita berfikir, yang menuntut kepada pengorbanan usaha dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua yang berada di Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk).

Sebagai contoh, ramai Yang Berhormat *skeptikal* apabila saya turun padang seawal 4.00 pagi selama 2 bulan untuk menyelesaikan isu kesesakan di sempadan yang tersibuk di dunia. YB Stulang sebagai saksi, selalu ikut saya dan YB EXCO. Sebelum usaha ini, 300,000 rakyat Johor terpaksa bangun seawal 3.00 atau pun 4.00 pagi untuk sampai kerja pukul 8.00 pagi di Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mereka semua ini bukan sahaja dari Johor Bahru. Ada yang asal daripada Muar, ada yang asalnya daripada Tangkak, Segamat, Kluang, Simpang Renggam. Yang datang daripada seluruh negeri Johor. Kesian, Yang Berhormat, kesian kepada mereka. Namun syukur alhamdulillah, berkat usaha kerjasama komitmen serta perubahan cara kita berfikir dan bertindak kita telah berjaya menyelamatkan sekurang-kurangnya 4 jam sehari untuk mereka ini agar mereka dapat meluangkan masa dengan ahli-ahli keluarga mereka yang tercinta.

Selain itu, hasil gerak kerja ini, lebih ramai pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong yang ingin masuk ke Johor untuk melabur dan berbelanja kerana kesesakan tidak lagi sama seperti dulu. Itu hikmahnya, Yang Berhormat Datuk Speaker. Namun persoalannya dapatkah itu kita lakukan sekiranya kita hanya bekerja seperti biasa. Bertindak hanya mengikut kelaziman. Tepuk dada tanyalah selera.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya semalam terbaca surat khabar dalam Berita Harian, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki bin Ali dia telah mengeluarkan arahan peraturan lapuk perkhidmatan awam perlu dipinda segera. Beliau sudah mula bertindak tidak lagi mengikut kelaziman. Sudah ada anjakan paradigma dan begitu jugalah penekanan yang telah diberikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Dan sejujurnya Yang Berhormat Datuk Speaker, pendekatan saya dalam menguruskan sesuatu isu dan masalah bukan satu pendekatan yang baharu. Sebaliknya saya cuba mengambil inspirasi daripada cara dan pendekatan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Jika disingkap sirah dan sejarah seperti Mahkota, dalam peristiwa hijrah ke Madinah Al Munawarah misalnya, nabi junjungan SAW dan Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA mengubah kebiasaan dengan berjalan ke arah selatan sedangkan Madinah berada di sebelah utara. Ini kerana baginda mahu mendidik umatnya supaya berusaha sedaya upaya dalam menempuh segala dugaan melalui strategi yang paling berkesan untuk mencapai matlamat. Begitu juga pendekatan Saidina Umar Al-Khattab RA yang bukan sahaja terkenal dengan ketegasannya bahkan juga terkenal sebagai seorang pemimpin yang bijak, yang dekat dengan rakyat. Saidina Umar sentiasa keluar di malam hari untuk meninjau sendiri keadaan rakyat. Dengan pendekatan tersebut, baginda dapat memahami, beliau dapat memahami keperluan sebenar rakyat dan seterusnya merangka strategi yang bersesuaian untuk segera menyelesaikan permasalahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, justeru itu kepada setiap yang berada di dalam Dewan yang mulia ini, saya dengan penuh rasa rendah diri menyeru dan sandarkan harapan yang menggunung, visi Maju Johor 2030 hanya akan dapat dijadikan realiti sekiranya setiap dari kita di dalam Dewan ini bekerja dan bertindak seperti mereka. Di luar batas kelaziman, bekerja dan bertindak secara luar biasa. Tidak ada cara lain dan tidak juga ada duanya. Di atas sebab itu jugalah dengan sedikit kemampuan yang kita ada, kerajaan negeri telah mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak 2 bulan gaji. (Dewan bertepuk). Ini adalah sejarah buat penjawat-penjawat awam di negeri Johor dan pengumuman ini dibuat untuk terus membakar semangat dan memberi motivasi kepada penjawat-penjawat awam, juga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan ini untuk bekerja dengan lebih gih, dedikasi, efisien, integriti dan bersih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi merealisasikan apa yang ingin kita capai ini, kerajaan negeri telah memperkenalkan 6 Teras. Teras tadbir urus kerajaan merupakan tunjang utama

kepada kejayaan kita. Berdasarkan perbahasan selama seminggu ini, pelbagai isu dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya telah meneliti, memahami dan beriltizam untuk terus menyelesaikan isu-isu tersebut bersama barisan EXCO dan penjawat-penjawat awam. Kebanyakan isu-isu ini adalah isu-isu asas, isu legasi yang kita warisi berdekad-dekad lamanya. Sebagai contoh, jalan-jalan yang rosak dan berlubang, bukan semalam sahaja yang berlaku Yang Berhormat. Pelebaran lebuh raya PLUS dari JB ke Tangkak, kualiti perkhidmatan dan fasiliti di hospital-hospital dan klinik-klinik, kesesakan di CIQ, pencemaran sungai-sungai, kekurangan rumah mampu milik, rumah setinggan, projek-projek terbengkalai, miskin tegar, projek-projek rancangan tebatan banjir, rungutan dari pelabu-pelabur tentang kerenah birokrasi, bekalan air yang sering terputus dan banyak lagi. Malah isu gajah pun dibangkitkan. Segala isu yang saya kongsikan ini Yang Berhormat Datuk Speaker, wallahi tidak ada sedikit pun niat untuk mencari salah, menuding jari. Niat saya hanyalah untuk menyelesaikan isu-isu ini pada kadar yang segera dengan cara pendekatan luar kotak kerana ada banyak lagi perkara yang perlu kita buat untuk membangunkan negeri Johor yang kita semua cintai ini. Justeru itulah, saya yakin dan percaya melalui 5 Strategi dan 19 Inisiatif di bawah Teras tadbir urus dalam ucapan Belajawan Johor 2024 yang telah saya bentangkan akan mempersiapkan kita semua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjawat-penjawat awam dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang kompeten untuk menjayakan agenda bersaing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara seterusnya yang dibangkitkan menyentuh Teras Kedua iaitu pembangunan ekonomi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Stulang, Benut, Perling, Bukit Kepong, Bukit Batu, Jementah, Parit Raja, Senggarang, Kempas dan Kota Iskandar yang banyak membangkitkan pelbagai saranan dan cadangan dalam meningkatkan ekonomi di negeri Johor ini. Saya menyambut baik cadangan-cadangan yang diberikan seperti penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan bagi membolehkan semua ADUN merentas parti untuk membincangkan pelbagai perkara termasuklah ekonomi. Saya juga menyambut baik cadangan Yang Berhormat Benut untuk mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Ekonomi untuk membantu kerajaan negeri. Lantaran itu, Insya-Allah dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku jua, kerajaan negeri akan mengaktifkan semula *Ibrahim Johor Economic Counsellor* (IJEC) dengan penglibatan beberapa orang tokoh dan pakar dalam bidang ekonomi. IJEC antara lain akan berperanan untuk mengemukakan syor-syor berkaitan hala tuju strategik dan memastikan pertumbuhan ekonomi Johor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya membentangkan Belanjawan Johor 2024 ini, saya telah mempersembahkan unjuran hasil dan perbelanjaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Johor, Tan Sri SS dan Dato' PKN sebagai saksi.

Kebawah Duli sentiasa peka dan cakna terhadap perkembangan dan prestasi kewangan negeri. Suka juga saya kongsikan bahawa benar kata Yang Berhormat Pulai Sebatang bahawa banyak masa yang telah diluahkan bagi memastikan belanjawan ini memanfaatkan sebanyak mungkin segmen masyarakat di Johor. Namun begitu, saya sedar dan insaf bahawa banyak lagi perkara yang boleh ditambah baik dan secara peribadi saya memohon maaf jika ada kekurangan atau terlepas pandang semasa menyediakan belanjawan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu siling peruntukan. Bagi Belanjawan pembangunan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Medan, Benut, Mengkibol dan Tangkak, ada teguran bahawa siling belanja pembangunan untuk tahun 2023 dan 2024 telah menurun berbanding tahun 2021 dan 2022. Merujuk kepada belajawan 2021 dan 2022, siling pembangunan pada tahun-tahun tersebut lebih tinggi kerana kita terpaksa menyediakan belanjawan defisit. Negatif sebanyak RM248 juta dan RM286 juta. Dan ini kita terpaksa lakukan pada masa ketika itu kerana kita berdepan dengan pandemik COVID 19. Dalam suasana pasca pandemik pula, kita kembali mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah. Untuk makluman belanjawan tahun 2024 mengunjurkan hasil dan surplus yang tertinggi dalam

sejarah Belanjawan Johor. (Dewan bertepuk). Dan sebenarnya terdapat peningkatan peruntukan pembangunan daripada RM600 juta pada tahun 2023 kepada RM650 juta pada tahun depan. Insya-Allah kita akan menggandakan usaha untuk meningkatkan hasil negeri supaya kita dapat meningkatkan lagi siling belanja pembangunan untuk pelaksanaan projek-projek dan program-program yang berimpak tinggi kepada rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *catalyst* yang akan melonjakkan pembangunan ekonomi Johor seperti yang saya sebutkan sebelum ini adalah dengan menjayakan *Johor – Singapore Special Economic Zone*. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Perling. Malah Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong telah membuat kenyataan media SEZ semasa *Leaders Retreat* baru-baru ini. Beliau berkata *and I quote*, dengan izin, “*Preliminarily, I think there are three things that we want to do. One, improve the flow of goods between two sides because SEZ means Special Economic Zone. It may mean special tax arrangements and bonded warehouses and therefore more easy border flows. Secondly, easier arrangements for flow of people who have to work on both sides of the causeway and they can go in and out and then the investor companies in SEZ will be able to get the personnel they need and the right mix of professional skilled workers and other general workers. Thirdly, for the SEZ to enhanced the ecosystem of the Iskandar Development Region as well as Singapore because with SEZ, we can make something meaningful for Iskandar as a place where investors will be focusing their attention and it means that for companies in Singapore, they can think of having a presence on both sides and therefore having more flexibility and being able to do things which they couldn’t do if they were only in Singapore or in Johor*”.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri bersetuju dan menyambut baik kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Singapura yang juga telah dibincangkan dengan YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Malah kerajaan negeri juga ingin mencadangkan agar pihak kerajaan Malaysia dan Singapura mempertimbangkan cadangan-cadangan berikut, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada di sini, harap dapat mencatat nota.

Pertama, bagi memastikan kelancaran pergerakan pekerja dan barang dagangan, inisiatif seperti *Multiple Entry Visa*, *special passes*, dan kakitangan Imigresen dan Kastam yang mencukupi amat diperlukan. Kita juga sedia maklum bahawa Singapura telah mengumumkan pelaksanaan sistem *QR Code* bagi pergerakan keluar masuk di *CIQ* bermula 1 Januari tahun depan. Negeri Johor juga berharap kerajaan persekutuan dapat mempertimbangkan kaedah digital yang sama bagi melancarkan pergerakan di sempadan yang tersibuk di dunia ini.

Kedua, melengkapkan infrastruktur utama seperti laluan khas daripada Link Kedua yang terus masuk ke *Forest City*, pembinaan *LRT*, *HSR*, *Ferry Services* dan kemudahan *landing point* untuk *Air Taxi*, mungkin MITI ada helikopter, lepas ni tak payah *landing* kat Senai sahaja.

Ketiga, Insentif fiskal yang merangkumi insentif percukaian seperti cukai korporat dan individu, duti eksais, dan *investment tax allowances*.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menyambut inisiatif terkini Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), kerajaan negeri melalui Invest Johor akan berperanan dalam memastikan pelaburan ke kawasan ini dapat dilonjakkan, dengan berfungsi sebagai Pusat Sehenti atau *One Stop Centre* dalam mempromosikan, memudahcarakan dan mengurangkan karenah birokrasi pelaburan di zon khas ini, seterusnya merealisasikan dengan kadar segera termasuklah aspek penyediaan tenaga kerja. *Special Financial Zone* (SFZ) yang merupakan sebahagian daripada SEZ juga akan menarik pemain industri

keuangan antarabangsa, khususnya dari Singapura untuk mungkin mengembangkan cawangan dan perkhidmatan sokongan mereka di Forest City.

Selain itu, kerajaan negeri turut akan terus memberikan perhatian dan komitmen kepada pembangunan-pembangunan ekonomi di seluruh negeri Johor. Kita tak lupa, tentang Ibrahim International Business District (IIBD), Pembangunan Ibrahim Technopolis (IBTEC), Kawasan Perindustrian Bersepadu Muar Furniture Park (MFP), Hab Pembangunan Sektor Minyak, Gas dan Petrokimia di Pengerang dan Muar, Pembangunan Kawasan Johor Tenggara (KEJORA) dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang akan memberikan faedah dan limpahan ekonomi ke seluruh negeri Johor. Insya-Allah, dengan semua ini, lebih banyak pelaburan yang berkualiti akan kita terima. Sekaligus mewujudkan rantaian ekonomi yang panjang seperti peluang pekerjaan, dengan gaji yang tinggi yang akhirnya akan memberi manfaat bukan sahaja kepada Bangsa Johor tetapi juga kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya di bawah Teras Jaringan Keselamatan Sosial, antara perkara yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah Agenda Perumahan. Hampir semua yang sentuh perkara ini. Perkara ini juga mendapat perhatian ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor. Pada kesempatan ini, patik ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan dan kemurahan hati Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah mengurniakan tanah Baginda bagi tujuan pembinaan perumahan rakyat. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) juga akan mengoptimumkan segala sumber yang ada secara efisien bagi menjayakan Agenda Perumahan Rakyat ini. Sejumlah RM350 juta telah diperuntukkan melalui Kumpulan Wang Amanah Pembangunan dan Penyelenggaraan Perumahan Negeri Johor. Sebagaimana yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat EXCO, sasaran baru pembinaan rumah mampu milik telah meningkat daripada 21,139 unit kepada 30,000 unit menjelang tahun 2026. Saya telah meminta pihak Yang Berhormat EXCO dan PKPJ untuk memastikan bahawa harga rumah yang ditawarkan benar-benar mampu untuk dimiliki. Insya-Allah, semua daerah akan mempunyai rumah-rumah yang mampu dimiliki dan pecahan sasarannya adalah seperti berikut;

1. 15,341 unit di Johor Bahru;
2. 4,443 unit di Kluang;
3. 3,808 unit di Kulai;
4. 1,534 unit di Batu Pahat;
5. 1,456 unit di Mersing
6. 1,404 unit di Muar;
7. 1,111 unit di Kota Tinggi;
8. 738 unit di Tangkak;
9. 587 unit di Segamat; dan
10. 381 unit di Pontian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di samping itu, saya juga terkesan melihat flat-flat kos rendah yang usang dan kurang terurus. Ini juga adalah lantaran kegagalan sesetengah pihak *Joint Management Body* (JMB) atau Perbadanan Pengurusan berperanan sewajarnya khususnya dari aspek memungut yuran penyelenggaraan. Saya ingin memohon agar kerajaan persekutuan membuat intervensi seperti yang dibincangkan dengan pihak Pengimbang tempoh hari, membuat intervensi yang lebih signifikan bagi memperkasakan Institusi Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT, di samping penelitian sekiranya perlu meminda Akta Pengurusan Strata untuk menangani isu-isu berbangkit khususnya bagi Skim Strata Perumahan Kos Rendah. Tambahlah juga kakitangan untuk memperkasakan peranan COB. Mungkin pihak Yang Berhormat Stulang dan Skudai boleh membantu kita



untuk mengangkat perkara ini untuk pertimbangan pihak Kementerian. Boleh YB EXCO ya, pergi sekali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Kepong, Skudai dan Maharani yang menyentuh berhubung Program Pembasmian Kemiskinan dalam perbahasan. Untuk makluman Dewan, satu *task force* pemutihan data telah digerakkan dan kerajaan negeri telah berjaya mengurangkan jumlah miskin tegar daripada 5,746 ketua isi rumah kepada 2,647 ketua isi rumah miskin tegar dalam masa enam bulan. Bermaksud 3,099 ketua isi rumah atau 54% miskin tegar telah diputihkan. Usaha, pemutihan ini tidak akan berjaya tanpa bantuan kerjasama dan komitmen Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Daerah, Ketua-Ketua Jabatan, Penghulu, Ahli-Ahli Majlis PBT, Ketua-Ketua Kampung dan agensi yang terlibat dalam melakukan bancian di lapangan, bergerak dari kampung ke kampung, rumah ke rumah. Ini adalah satu lagi contoh, bukti kejayaan pendekatan luar kotak yang digunakan bagi mencapai objektif yang dihasratkan. (Dewan bertepuk). Melalui pengalaman melaksanakan pemutihan data ini, kerajaan negeri Johor juga berharap kerajaan persekutuan akan melaksanakan subsidi bersasar tepat dan adil. Saya risau Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau-kalau ada mereka yang berhak tidak mendapat bantuan, dan mereka yang tidak layak pula yang mendapat bantuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada masa sama, suka saya ingatkan bahawa setiap keluarga miskin tegar ini akan dijadikan keluarga angkat oleh kita semua ADUN, Pegawai-Pegawai Daerah, Ketua-Ketua Jabatan, Penghulu, Ahli-Ahli Majlis PBT dan Ketua Kampung. Kita akan bertanggungjawab menjadi penghubung antara agensi, pemberi bantuan serta membimbing dan menjadi pemudah cara dalam memadamkan aktiviti ekonomi yang bersesuaian agar mereka dapat berdikari menjana pendapatan sendiri dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada kumpulan ini. Luangkanlah masa untuk membawa mereka membeli barang-barang keperluan dapur agar kita semua dapat turut menjiwai dan merasai kehidupan sebenar keluarga dalam kalangan miskin tegar ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon izin untuk minum seteguk.

**YB Speaker :** Sila Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi kemudahan dan keperluan asas, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Jementah, Parit Yaani, Bentayan, Sungai Balang, Bukit Batu, Tangkak, Permas, Senggarang, Senai, Tiram, Penggaram, Mengkibol, Kahang, Sedili, Pekan Nanas dan Bukit Kepong yang membangkitkan isu di bawah teras ini. Majoriti perkara yang dibangkitkan berkenaan jalan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat EXCO Kerja Raya. Namun begitu, suka saya tekankan bahawa tempoh pelaksanaan perlu dipantau dan dipercepatkan. Saya bagi contoh Yang Berhormat Datuk Speaker, projek Pembinaan Pelebaran Lebuh Raya PLUS yang pada asalnya dijadualkan bermula pada Oktober 2024 namun dia nak mula tahun depan bulan Oktober, namun hasil intervensi kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya dan Lebuh Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia, projek ini akan diawalkan bermula Mei tahun depan. (Dewan bertepuk). Dan siap pada September 2027. Sama juga dengan projek lorong memotong Senai Desaru Express Way, akan bermula juga awal pada bulan Mac tahun depan dan akan siap pada September 2026. Syabas saya ucapkan pada semua pihak yang telah berusaha bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan lebih awal. Selain isu jalan, isu bekalan air juga di bahaskan. Bagi paip lama dan uzur di negeri Johor, yang menyebabkan terputusnya bekalan air, pihak Ranhill SAJ telah membelanjakan RM1.2 bilion untuk menggantikan sepanjang 2,500 kilometer paip lama dan uzur bermula dari tahun 2010 sehingga 2023. Pihak kerajaan negeri dan Ranhill SAJ sedang berusaha agar baki 3,355 kilometer lagi akan siap menjelang tahun 2028.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sri Medan, Parit Raja, Parit Yaani, Mahkota, Kukup, Panti, Bentayan, Tenang, Gambir, Tangkak, Pasir Raja, Senggarang, Kahang, Pekan Nanas, Kemelah dan Maharani yang telah menyuarakan isu berkaitan banjir di bawah Teras Kelima iaitu Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar. Seperti yang saya sebutkan, ini merupakan isu legasi yang sudah berlaku berdekad-dekad lama. Malah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor sendiri telah bertitah, "setiap tahun saya pergi melawat mangsa banjir, saya terpaksa cakap benda yang sama, bersabar. Sampai bila saya nak suruh orang bersabar. Kita pun naik malu nak cakap". Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat risau, setiap kali hujan, saya juga mempunyai kerisauan yang sama. Malah dua hari yang lepas, saya telah turun ke dua PPS yang menempatkan 565 mangsa banjir daripada 150 keluarga di kawasan Yang Berhormat Puteri Wangsa dan Yang Berhormat Tiram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, realitinya sebahagian besar isu, banjir ini tidak akan selesai selagi projek-projek rancangan tebatan banjir ini tidak dilaksanakan. (Dewan bertepuk). Semasa Mesyuarat Penyelarasan Banjir baru-baru ini, ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang datang, DO-DO dan juga agensi-agensi. Saya terkilap apabila dilaporkan bahawa kerja fizikal projek-projek RTB Johor ini, khususnya di kawasan Batu Pahat, Kota Tinggi, Segamat dan Kluang yang bernilai RM1.6 bilion belum lagi bermula dan dijadualkan hanya akan siap pada tahun 2030. Itu jadual asal.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun begitu, saya nak tekankan di sini, kerajaan negeri tidak pernah berpeluk tubuh. Sesi libat urus terus dilaksanakan dan garis masa projek-projek RTB ini akan dipendekkan dan disiapkan 3 tahun lebih awal dari perancangan asal. (Dewan bertepuk). Projek RTB ini meliputi komponen seperti menaik taraf sungai, pembinaan lencongan sungai, melebar dan mendalam sungai, memperkukuhkan tebing-tebing, membina *flat wall*, pembinaan kolam takungan banjir serta pembinaan pintu kawalan pasang surut. Pada masa sama, sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, bagi menangani masalah banjir yang berlaku, enam buah pam mudah alih akan ditambah dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Dengan itu menjadikan jumlah aset pam bergerak sebanyak 48 pam kesemuanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Medan dan Parit Yaani mengenai bantuan banjir. Kerajaan negeri dengan bantuan NADMA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM125 juta yang melibatkan 64,742 ketua isi rumah dan pengagihannya telah selesai pada bulan Julai tahun ini. Namun begitu, selepas pembayaran dibuat, masih ada lagi rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut dan atas dasar ihsan dan prihatin serta 4M iaitu memahami, merasai, menjiwai, melaksana denyut nadi rakyat seperti Yang Berhormat Sri Medan tekankan, kerajaan negeri melalui pejabat-pejabat daerah telah membuka semula permohonan untuk rayuan pada bulan September dan baharu sahaja berakhir pada 31 Oktober baru-baru ini. Kerajaan negeri kemudiannya, telah memajukan permohonan kepada pihak NADMA untuk menyalurkan bantuan tambahan kepada 7,871 keluarga yang terjejas. Namun begitu, malangnya permohonan ini tidak diluluskan. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang saya sebut tadi, walau bagaimanapun kerajaan negeri tidak pernah berpeluk tubuh, berputus asa dan terus merayu sekali lagi dengan pihak NADMA. Sukacita saya maklumkan bahawa pihak NADMA telah bersetuju menyalurkan bantuan ihsan khas yang melibatkan RM9.3 juta. Daripada nilai tersebut, sebanyak 6,512 keluarga akan menerima bantuan RM1,000.00. 1,261 keluarga akan menerima bantuan sebanyak RM2,000.00 dan 98 keluarga akan menerima bantuan sebanyak RM3,000.00. (Dewan bertepuk). Yang kesemuanya akan disalurkan sebelum hujung bulan ini. Semoga bantuan ini akan meringankan beban keluarga-keluarga ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin berkongsi bahawa kerajaan negeri dimaklumkan oleh pihak NADMA bahawa bantuan BBKA dan BPR tidak lagi diteruskan.

Sehubungan itu, kerajaan negeri ingin sekali lagi merayu kepada kerajaan persekutuan agar mempertimbangkan semula keputusan ini, selagi projek-projek RTB tidak selesai, bantuan-bantuan ini perlu diteruskan. (Dewan bertepuk). Saya juga mendengar rintihan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ketika menghadapi situasi bencana di kawasan masing-masing, saya sedar ada sesetengah kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sering dinaiki air seperti Yang Berhormat Pemanis, Tenang, Jementah, Buloh Kasap malah Semarang, Parit Raja, Senggarang, Semerah, Sri Medan, Parit Yaani, Rengit, Penggaram, Yong Peng, Kahang, Mahkota, Paloh, Bukit Pasir, Bukit Kepong, Pasir Raja, Penawar, Sedili, Panti, Kota Iskandar, Tiram, Puteri Wangsa dan Endau. Oleh itu, bagi meringankan beban Ahli-Ahli Yang Berhormat yang selalu terkesan akibat bencana ini, kerajaan negeri bersetuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM50,000.00 kepada Pusat Khidmat Ahli-Ahli Yang Berhormat pada kadar yang segera. Bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang kurang terjejas, tak kata tak langsung terjejas, kurang terjejas semasa musim Monsun Timur Laut ini kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan sebanyak RM30,000.00 (Dewan bertepuk). Kalau tidak mencukupi boleh jumpa saya atau boleh *pm* tepi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengenai isu gajah pula seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Kahang, seorang pemimpin yang sarat dengan pengalaman, EXCO 7 tahun, ADUN dah masuk 4 penggal. Saya sarankan pakatlah baik-baik dengan Yang Berhormat EXCO berkenaan. Izinkan saya menghadaiahkan serangkap pantun buat Yang Berhormat Kahang dan Tenggaroh. Gajah merayau di FELDA Kahang, singgah berkawan di FELDA Tenggaroh, kalau mahu berasa lapang, anggapkan saja saya berseloroh. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Surat, Tiram, Parit Yaani, Pemanis dan Kahang yang berbahas berkaitan Teras Ke-6 iaitu Orang Muda Johor. Sebanyak RM74.2 juta telah diperuntukkan untuk agenda Orang Muda Johor. Kita lakukan semuanya untuk mereka termasuklah anak-anak muda yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. (Dewan bertepuk). Ini merupakan pelaburan yang terpenting demi masa depan negeri Johor yang kita semua cintai. Besar harapan saya agar mereka merebut peluang untuk mempersiapkan diri sebagai pewaris, pemimpin masa hadapan. Dalam masa yang sama, bagi menyantuni orang-orang muda yang berada di seluruh negeri, kerajaan negeri melalui Pejabat SUK, Sukan Belia dan Sukarelawan akan mengadakan Program Jelajah Aspirasi Orang Muda Johor di setiap daerah. Program Jelajah ini akan merangkumi beberapa perkara :

1. Program Gerak Kerjaya oleh Unit Strategik Modal Insan (SMI) yang akan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan secara terus daripada pelbagai majikan.
2. Peluang Latihan dan Sijil Kemahiran oleh IDO dan pelbagai agensi lain.
3. Karnival Usahawan Belia oleh PUJB yang akan memberi peluang perniagaan kepada belia.
4. Pameran Perumahan oleh PKPJ.
5. Peluang untuk menjadi sukarelawan *Southern Volunteers* atau SV.

Ayuhlah anak-anak muda ramai-ramai kita menyertai dan mengambil manfaat daripada program jelajah ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya juga ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mahkota, Stulang, Mengkibol, Perling dan Johor Jaya, mengenai keresahan rakyat berkenaan penguatkuasaan senarai nilai dan kadar baharu harta cukai bagi 5 PBT berkuat kuasa 1 Januari di MBBJ, MBIP, Pasir Gudang, Kluang dan juga Pengerang. Saya telah menyatakan komitmen untuk meneliti dan mengkaji perkara ini bersama Yang Berhormat EXCO dan PBT-PBT yang terlibat. Yang Berhormat EXCO semasa sesi penggulungan telah memberikan penjelasannya yang terperinci berhubung perkara ini iaitu dari keseluruhan 807,000 orang di 5 PBT tersebut, sejumlah 326,000 pegangan atau pun 40% tidak terlibat dengan kenaikan. Dengan pertambahan hasil terhadap PBT-PBT ini, maka hasratnya perkhidmatan terhadap rakyat juga perlu dipertingkatkan demi keselesaan dan kemaslahatan rakyat di kawasan-kawasan tersebut.

Yang Berhormat Mengkibol pun setiap kali jumpa kami minta peruntukan untuk kawasan. Jadi kalau kita tak naikkan langsung mana mungkin kita dapat menambahkan peruntukan. Namun demikian sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa mendengar keluhan rakyat yang sedang berdepan dengan ketidak tentuan ekonomi, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan negeri bersetuju bagi tahun 2024, 5 PBT tersebut akan memberikan rebat atau pun potongan sebanyak 30% daripada nilai penyelarasan cukai tersebut. Semoga rebat dan diskaun ini dapat meringankan beban pembayar-pembayar cukai tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penggulungan belanjawan ini bukanlah satu tanda pengakhiran. Sebaliknya satu titik permulaan kepada memacu pembangunan dalam memajukan Johor. Seperti yang saya sebutkan pada awal pergulungan agenda untuk memajukan Johor menuntut kepada pengorbanan usaha dan komitmen yang luar biasa. Dan kalau kita tidak mengubah cara kita berfikir dan bertindak, kita tidak akan mencapai hasrat kita. Maka pulanglah Ahli-Ahli Yang Berhormat ke kawasan masing-masing dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat. Marilah kita menyantuni keluarga-keluarga angkat, mahasiswa angkat dan mengimarahkan masjid-masjid dan surau-surau melalui Program Semarak Subuh. Allah SWT berfirman dalam surah Muhammad Ayat Ke-7 (bacaan ayat Al-Quran) yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong agama Allah nescaya Allah akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu". Kepada mereka yang beragama Islam, sama-samalah kita terus mengikhlaskan diri dengan niat untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kepada masyarakat Tiong Hua, mesej saya adalah seperti berikut: (Bahasa Cina). (Dewan bertepuk). Kepada masyarakat India pula, dengan izin (Bahasa Tamil) (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Banjar ada?

**YAB Menteri Besar** : Kepada seluruh...

**YB Speaker** : Banjar ada? (Dewan ketawa).

**YAB Menteri Besar** : Tak ada dalam skrip hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker. Kepada seluruh rakyat Johor, marilah kita bekerja sebagai satu pasukan Bangsa Johor yang berganding bahu mendepani segala cabaran yang mendatang demi memartabatkan negeri yang kita cintai ini. Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker** : Tahniah Yang Amat Berhormat yang telah berjaya membuat penggulungan tanpa gangguan dan pencelahan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dibacakan kali yang kedua.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan Tahun 2024 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.**

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM1,707,000.00 bagi Kepala Perbekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Perbekalan B.01, peruntukan sebanyak RM1.707 juta adalah diperlukan untuk pengurusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.050 juta diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM657,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM185,946,000.00 bagi kepala perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri itu hendaklah dijadikan sebahagian daripada jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan peruntukan sebanyak RM185,946,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Johor, peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut:-

Pentadbiran am, Bahagian Pengurusan RM32,616,000.00; pelbagai perkhidmatan RM49,559,000.00; Menteri Besar Johor RM15,200,000.00; Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor RM7,552,000.00; Dewan Negeri Johor RM31,399,000.00; Badan Kawalan Selia Air Johor (BAKAJ) RM6,807,000.00; Audit Dalam RM1,823,000.00; Pemberian kepada agensi RM20,200,000.00; Kem Sultan Ibrahim RM15,204,000.00. Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor RM3,811,000.00; Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat RM1,775,000.00.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM28,163,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM28,163,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

1. Kerajaan Tempatan - RM14,055,000.00
2. Perumahan - RM11,789,000.00
3. Landskap - RM2,319,000.00

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM20,130,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM20,130,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :-

1. Kebudayaan - RM12,000,000.00
2. Tourism Johor - RM2,100,000.00
3. Johor Economic Tourism dan Cultural Office - RM6,030,000.00

Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM10,800,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Yang Berhormat Pengerusi, peruntukan berjumlah RM10,800,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran di bawah bahagian Hal Ehwal Wanita dan Keluarga.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM56,293,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM56,293,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :-

1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - RM6,843,000.00
2. Rakan Muda Dan Sukan - RM38,000,000.00
3. Unit Strategik Modal Insan Johor - RM1,780,000.00
4. Institut Dato' Onn - RM7,119,000.00
5. Sukan, Belia Dan Sukarelawan - RM2,551,000.00

Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,930,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Peruntukan berjumlah RM1,930,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran di bawah Invest Johor.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM33,092,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi** : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan sejumlah RM33,092,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :-

1. ICT@ Johor - RM27,087,000.00
2. Media Digital Johor - RM6,005,000.00

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM16,944,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Bagi Maksud Bekalan B.04, peruntukan sebanyak RM16,944,000.00 diperlukan bagi pengurusan dan pentadbiran Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM7,424,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM3,488,000.00 untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM100,000.00 untuk pemilikan aset, RM932,000.00 untuk perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan baki RM5,000,000.00 untuk perbelanjaan Pulang Balik Hasil dan Hapus kira.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM24,059,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian itu, RM85,896,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu, RM11,829,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Bagi Maksud Bekalan B.07, peruntukan sebanyak RM24,059,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan Jabatan Pertanian. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM16,777,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota-anggota

jabatan dan bakinya sebanyak RM7,282,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM85,896,000.00. Sejumlah RM31,422,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, RM52,960,000.00 diperlukan untuk Perkhidmatan dan Bekalan termasuk pengendalian dan penyelenggaraan sungai-sungai, RM950,000.00 disediakan untuk pemilikan aset jabatan dan RM564,000.00 pula disediakan untuk Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peruntukan sebanyak RM11,829,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan perkhidmatan dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan yang berkaitan dengan haiwan serta meningkatkan kemajuan industri ternakan di seluruh negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM6,663,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor itu, RM7,091,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12, peruntukan berjumlah RM6,663,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor.

Peruntukan sebanyak RM7,091,000.00 di bawah Maksud Bekalan B.13 pula adalah untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM20,747,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Di bawah Maksud Bekalan B.19, peruntukan sebanyak RM20,747,000.00 diperlukan untuk Perbelanjaan Pengurusan dan Pentadbiran Jabatan Perhutanan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM14,954,000.00 adalah perbelanjaan emolumen, manakala baki sebanyak RM5,793,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset serta pemberian dan kenaan bayaran tetap.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM290,922,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.



**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam peruntukan sebanyak RM290,922,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan Agama Islam di dalam usaha-usaha meninggikan syiar Islam termasuk perbelanjaan pengurusan di bawah Pendidikan Agama Islam serta bantuan kepada Sekolah-sekolah Arab dan Sekolah Agama Rakyat / KAFA. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti ialah sebagaimana berikut:

1. Jabatan Agama Islam (Pentadbiran Am) - RM64,146,000.00
2. Pendidikan Agama Islam - RM226,776,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM36,006,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2024 ialah berjumlah RM36,006,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM5,461,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM2,660,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM100,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM27,785,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk-penduduk miskin dan bantuan malapetaka seperti banjir.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM88,495,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Bagi Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya, peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2024 ialah berjumlah RM88,495,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM54,756,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM32,408,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM200,000.00 untuk pemilikan aset. RM1,111,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Manakala baki sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM7,112,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar Istana Besar Johor, peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM7,112,000.00. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM3,214,000.00 adalah perbelanjaan emolumen. Manakala baki

sebanyak RM3,898,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset dan kenaikan bayaran tetap.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM636,800,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.28, Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM636,800,000.00 diperlukan untuk Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang-Kumpulan Wang di bawah Seksyen 10 yang lain.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM13,316,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu, RM3,130,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.32, Jabatan Mufti itu, RM2,970,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwaan Syariah itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Perbekalan B.29, peruntukan sebanyak RM13,316,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah bagi tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7,376,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolument. Sebanyak RM5,609,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak RM260,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM71,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

Di bawah Maksud Bekalan B.32, peruntukan sebanyak RM3,130,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

Di bawah Maksud Bekalan B.33, peruntukan sebanyak RM2,970,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pendakwaan Syariah.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM5,628,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru itu, RM6,278,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.42, Pejabat Daerah Muar itu, RM5,982,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu, RM5,080,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu, RM5,450,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu, RM4,747,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.46, Pejabat Daerah Kluang itu, RM5,757,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi itu, RM4,563,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu, RM4,208,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu, RM3,788,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.50, Pejabat Daerah Tangkak itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM5,628,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar, diperuntukkan sebanyak RM6,278,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat

Daerah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM5,982,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM5,080,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM5,450,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM4,747,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM5,757,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM4,563,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai diperuntukkan sebanyak RM4,208,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM3,788,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Pejabat-pejabat Daerah di seluruh negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju di jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM29,478,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian itu, RM7,758,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru itu, RM5,500,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu, RM7,230,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu, RM3,909,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu, RM5,417,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat itu; RM5,096,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.57, Pejabat Tanah Kluang itu, RM5,818,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu, RM3,819,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu, RM3,680,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.60, Pejabat Tanah Kulai itu, RM3,948,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian diperuntukkan sebanyak RM29,478,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM7,758,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, diperuntukkan sebanyak RM5,500,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM7,230,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM3,909,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, diperuntukkan sebanyak RM5,417,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, diperuntukkan sebanyak RM5,096,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, diperuntukkan sebanyak RM5,818,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM3,819,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulai, diperuntukkan sebanyak RM3,680,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Machap, gurau, Tangkak diperuntukkan sebanyak RM3,948,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat tanah di seluruh negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 1.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan. (Dewan bertepuk).

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundangkan-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:-**

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2024) Tahun 2023 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.**

**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2024.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangankan anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2024 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2023 dan memperakukan sama ada, memperakukan sama ada penganggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Peruntukan yang diperlukan untuk Perancangan Pembangunan Tahun 2024 adalah berjumlah RM650,000,000.00 di bawah Empat Jawatankuasa seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM489,300,000.00.
2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, RM30,000,000.00.
3. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, RM45,700,000.00.

4. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor, RM85,000,00.00.

Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan, bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

#### **Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM269,000,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor itu; RM154,300,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) itu; RM66,000,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) itu; hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Di bawah Maksud Pembangunan P.70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM269,000,000.00 disediakan bagi Tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM212,000,000.00 diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan termasuk Pembangunan Fizikal, Pembangunan Sosial dan Pembangunan Kerja-Kerja Kecil. Sebanyak RM7,000,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah dan tujuan projek-projek pembangunan kemudahan awam manakala selebihnya sebanyak RM50,000,000.00 disediakan bagi Projek-Projek Khas Daerah di seluruh negeri Johor.

Di bawah Maksud Pembangunan P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), peruntukan sebanyak RM154,300,000.00 disediakan untuk Tahun 2024. Sebanyak RM41,851,000.00 disediakan bagi Projek Pembangunan Ekonomi dan Inklusif. Sejumlah RM33,169,000.00 pula diperuntukkan bagi Projek-Projek Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu, RM15,000,000.00 disediakan bagi Projek-Projek di bawah Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk Pembangunan Modal Insan, Keluarga dan Masyarakat, diperuntukkan sejumlah RM9,065,000.00. Bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar, disediakan sejumlah RM21,492,000.00 manakala RM5,723,000.00 disediakan bagi pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi. RM2,900,000.00 pula disediakan bagi program pembangunan Belia dan Sukan. Bagi penggalakan aktiviti pelancongan di negeri Johor, peruntukan sejumlah RM11,300,000.00 disediakan. Akhir sekali sebanyak RM13,800,000.00 disediakan untuk infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Di bawah Maksud Pembangunan P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), peruntukan sebanyak RM66,000,000.00 disediakan untuk Tahun 2024. Sebanyak RM54,365,000.00 disediakan bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Baik pulih dan Naik taraf Kuarters Kerajaan dan Bangunan Negeri, Bangunan-bangunan Milik Kerajaan Negeri Di Luar Negeri Johor dan Bangunan-bangunan Kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Kota Iskandar serta Masjid Kota Iskandar. Di samping itu juga, sebanyak RM3,725,000.00 pula disediakan bagi pembinaan Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri. Dan, akhir sekali RM7,910,000.00 disediakan bagi Kerja-kerja Kecil.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu sejumlah wang sebanyak RM45,700,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.73, Jabatan Agama Islam itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.73, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM45,700,000.00 disediakan untuk Tahun 2024.

Sejumlah RM3,853,000.00 disediakan untuk Pusat Islam Iskandar, Johor dan RM35,314,000.00 pula untuk pembangunan Sekolah-sekolah Agama di seluruh Negeri Johor serta Pejabat Pendidikan Islam Negeri Johor. Peruntukan sejumlah RM1,194,000.00 disediakan bagi kenderaan penguatkuasaan dan jentera, kelengkapan masjid-masjid dan pelaksanaan kerja-kerja yang dirancang bagi membina Rumah Pegawai, Guru-guru Agama dan kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Peruntukan sejumlah RM3,619,000.00 lagi ada bagi Kelengkapan dan Kemudahan di Makam DiRaja dan Tanah-Tanah Perkuburan. Peruntukan sebanyak RM1,720,000.00 pula adalah untuk Bangunan-bangunan Pejabat Agama Islam Negeri Johor, Masjid-masjid Johor, Bangunan-bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor dan Bangunan-bangunan Jabatan Mufti Johor.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM85,000,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan P.74, Jabatan Kerja Raya peruntukan sebanyak RM85,000,000.00 disediakan untuk Tahun 2024. Sebanyak RM36,242,000.00 diperlukan untuk Kerja-kerja Pembinaan, Menaik taraf serta Memperelok Jalan dan Jambatan Negeri dan sebanyak RM4,500,000.00 untuk Melebar Jalan-jalan Negeri, Membina Tembok Tepi Sungai dan Rancangan Mengelak Banjir dan Menaik taraf. Sejumlah RM300,000.00 disediakan kenderaan dan jentera.

Peruntukan sejumlah RM3,282,000.00 juga disediakan untuk Menaik taraf Sistem Mekanikal dan Elektrikal di Bangunan-bangunan Kerajaan dan RM300,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja kecil yang lain. Sejumlah RM7,226,000.00 disediakan untuk Kerja-kerja Pembinaan, Menaik taraf, Ubahsuai serta Kemudahan dan Keperluan Bangunan-bangunan Kerajaan di Negeri Johor serta Menaik taraf Bangunan Utama Kerajaan.

Akhir sekali sejumlah RM30,000,000.00 diperuntukkan untuk Bangunan-bangunan Negeri, manakala RM450,000.00 adalah untuk Bangunan Yayasan Warisan Johor.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu sejumlah wang sebanyak RM30,000,000.00, bagi Kepala Perbelanjaan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Bagi Maksud Pembangunan P.75, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan sebanyak

RM30,000,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek bagi Tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,561,000.00 adalah bagi Jentera, Kenderaan, Loji dan Pintu Air serta kelengkapan dan sebanyak RM500,000.00 pula disediakan untuk Premis dan Bangunan Jabatan. Sebanyak RM548,000.00 disediakan untuk Kajian dan Reka bentuk Projek. Di samping itu, sebanyak RM18,061,000.00 disediakan bagi Rancangan Tebatan Banjir, Saliran Mesra Alam, Zon Pantai dan Lembangan Sungai. Sebanyak RM3,070,000.00 disediakan bagi Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran Pertanian dan Asas Tani serta Muara Sungai di seluruh negeri Johor. Dan akhir sekali, sebanyak RM3,260,000.00 disediakan bagi Pengurusan Keselamatan Empangan serta Lintasan dan Jalan Ladang.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2023 itu telah pun selesai ditimbang. Maka, saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2023.

Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM650,000,000.00 yang dicadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2024 itu diluluskan oleh Dewan Negeri ini.

Dan, dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM650,000,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam Tahun Kewangan 2024 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

#### **JURUTULIS : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 3) TAHUN 2023.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Ketiga Tahun 2023 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini ada pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan Peruntukan ini merupakan tambahan ketiga bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2023. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM62,666,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan Ketiga Tahun 2023 di bawah 10 Jawatankuasa seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor - RM15,665,000.00.
2. Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor - RM6,047,000.00.
3. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor - RM1,636,000.00
4. Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor - RM223,000.00.
5. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor - RM480,000.00.
6. Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor - RM633,000.00.
7. Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor - RM29,984,000.000.
8. Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor - RM67,000.00.
9. Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor - RM7,559,000.00.
10. Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor - RM372,000.00



Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM228,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia :** Bagi Maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, peruntukan tambahan sebanyak RM228,000.00 diperlukan iaitu RM37,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kakitangan jabatan, RM92,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan dan sebanyak RM99,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran bengkel dan pembayaran panel-panel penilai dan penggubal soalan *Program Assessment Centre* (PAC).

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM3,414,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM3,414,000.00 diperlukan iaitu RM50,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen dan sebanyak RM3,364,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut : -

Pentadbiran Am – Bahagian Pengurusan - RM1,272,000.00  
Menteri Besar Johor - RM258,000.00

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor - RM359,000.00  
Dewan Negeri Johor - RM1,202,000.00  
Badan Kawal selia Air Johor - RM120,000.00  
Audit Dalam - RM128,000.00  
Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor - RM15,000.00  
Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat - RM60,000.00

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,120,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM1,120,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut:-

Kerajaan Tempatan - RM321,000.00

Perumahan - RM663,000.00

Landskap - RM136,000.00

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM66,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya** : Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM66,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut:

Tourism Johor RM66,000.00

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM405,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM405,000.00 diperlukan iaitu RM96,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM309,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut :-

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - RM199,000.00

Unit Strategik Modal Insan Johor - RM45,000.00

Institut Dato' Onn - RM161,000.00

Terima kasih.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM67,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan bagi pihak YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM67,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut:

Invest Johor - RM67,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah sebanyak RM372,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi :** Bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan tambahan sebanyak RM372,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti seperti berikut :-

ICT@Johor - RM372,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM411,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri, peruntukan tambahan sebanyak RM411,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,895,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.07, Jabatan Pertanian itu, RM3,671,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran itu dan RM481,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Bagi Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian, peruntukan tambahan sebanyak RM1,895,000.00 diperlukan iaitu RM281,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan

untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baru dan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas dan sebanyak RM1,614,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan tambahan sebanyak RM3,671,000.00 diperlukan iaitu RM671,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kakitangan lantikan baru dan Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas dan sebanyak RM3,000,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2022 dan 2023 serta bantuan khas penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor peruntukan tambahan sebanyak RM481,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan dan pembayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM295,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor itu, RM221,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor peruntukan sebanyak RM295,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Bagi Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, peruntukan sebanyak RM221,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM1,528,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.19, Jabatan Perhutanan itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Bagi Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan peruntukan tambahan sebanyak RM1,528,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM29,059,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.21, Jabatan Agama Islam itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam, peruntukan tambahan RM29,059,000.00 diperlukan iaitu RM5,515,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan, sebanyak RM1,614,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran elaun tanggungjawab pegawai sebanyak RM445,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran KWSP dan PERKESO bagi pegawai kontrak dan sebanyak RM21,485,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan dan kepada guru KAFA. Peruntukan tambahan diperlukan bagi aktiviti seperti berikut :-

Pentadbiran Am - RM5,644,000.00;  
Pendidikan Agama Islam - RM23,415,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu sejumlah wang sebanyak RM480,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Bagi Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat peruntukan tambahan sebanyak RM480,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM7,559,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.24, Jabatan Kerja Raya itu hendaklah jadi, sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur :** Yang Berhormat Pengerusi bagi Maksud Bekalan B.24 Jabatan Kerja Raya, peruntukan tambahan sebanyak RM7,559,000.00 diperlukan iaitu RM1,900,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan, sebanyak RM400,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran elaun tetap kakitangan dan sebanyak RM5,259,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM157,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.26 Muzium DiRaja Abu Bakar, Istana Besar Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM157,000.00 diperlukan bagi menampung

kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM439,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah itu, RM161,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B32, Jabatan Mufti Johor itu, RM325,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.33, Jabatan Pendakwa Syariah itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Yang Berhormat Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah, peruntukan tambahan sebanyak RM439,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Bagi Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti, peruntukan tambahan sebanyak RM161,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Bagi Maksud Bekalan B.33, Jabatan Pendakwa Syariah, peruntukan tambahan sebanyak RM325,000.00 diperlukan iaitu RM101,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kerana pertambahan kakitangan dan sebanyak RM224,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Phas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM328,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru itu, RM254,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.42, Pejabat Daerah Muar itu, RM589,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat itu, RM349,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.44, Pejabat Daerah Pontian itu, hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru peruntukan tambahan sebanyak RM328,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar, peruntukan tambahan sebanyak RM254,000.00 diperlukan iaitu RM56,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan, sebanyak RM198,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk menampung pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Bagi Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM589,000.00 diperlukan iaitu RM95,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji (KGT) Tambahan Khas dan elaun tetap kepada kakitangan serta sebanyak RM494,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM349,000.00 diperlukan iaitu RM34,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baru dan sebanyak RM315,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas

Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM322,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.45, Pejabat Daerah Segamat itu, RM225,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.46, Pejabat Daerah Kluang itu, RM352,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi itu, RM230,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.48, Pejabat Daerah Mersing itu hendaklah jadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM322,000.00 diperlukan iaitu RM28,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran pelarasan emolumen kakitangan dan sebanyak RM294,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM225,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan. Bagi Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM352,000.00 diperlukan iaitu RM138,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas dan elaun tetap kepada kakitangan lantikan baru serta sebanyak RM214,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM230,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah jumlah wang sebanyak RM295,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.49, Pejabat Daerah Kulai itu, RM200,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.50, Pejabat Daerah Tangkak itu, RM2,004,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.51, Pejabat Tanah dan Galian itu, RM650,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru itu; hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai, peruntukan tambahan sebanyak RM295,000.00 diperlukan iaitu RM85,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM210,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Tangkak, peruntukan tambahan sebanyak RM200,000.00 diperlukan bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian, peruntukan tambahan sebanyak RM2,004,000.00 diperlukan iaitu RM460,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan elaun tetap kepada kakitangan lantikan baru dan sebanyak RM1,544,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, peruntukan tambahan sebanyak RM650,000.00 diperlukan iaitu RM127,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan sebanyak RM523,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Saya minta izin minum sedikit. Ada 15 muka surat lagi, baru 70. Patutlah Yang Amat Berhormat selalu minta izin minum.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM616,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.53, Pejabat Tanah Muar itu, RM638,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat itu, RM474,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.55, Pejabat Tanah Pontian itu, hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.

**YAB Menteri Besar** : Bagi Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar, peruntukan tambahan sebanyak RM616,000.00 diperlukan iaitu RM218,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM398,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM638,000.00 diperlukan iaitu RM97,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM541,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, peruntukan tambahan sebanyak RM474,000.00 diperlukan iaitu RM169,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan elaun tetap kepada kakitangan lantikan baru serta sebanyak RM305,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini iaitu jumlah wang sebanyak RM526,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.56, Pejabat Tanah Segamat itu, RM500,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.57, Pejabat Tanah Kluang itu, RM569,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi itu, RM364,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.59, Pejabat Tanah Mersing itu, RM468,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.60, Pejabat Tanah Kulai itu, RM359,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.61, Pejabat Tanah Tangkak itu, hendaklah menjadi sebahagian daripada Jadual ini.



**YAB Menteri Besar** : Bagi Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat, peruntukan tambahan sebanyak RM526,000.00 diperlukan iaitu RM126,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baru dan Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan serta sebanyak RM400,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang, peruntukan tambahan sebanyak RM500,000.00 diperlukan iaitu RM142,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM358,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi, peruntukan tambahan sebanyak RM569,000.00 diperlukan iaitu RM147,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM422,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing, peruntukan tambahan sebanyak RM364,000.00 diperlukan iaitu RM97,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM267,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulai, peruntukan tambahan sebanyak RM468,000.00 diperlukan iaitu RM182,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran emolumen kepada kakitangan lantikan baru dan pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM286,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

Bagi Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak, peruntukan tambahan sebanyak RM359,000.00 diperlukan iaitu RM76,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas kepada kakitangan jabatan dan sebanyak RM283,000.00 bagi menampung kekurangan peruntukan untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 dan 2023 serta Bantuan Khas Penghargaan kepada kakitangan jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

#### **Jurutulis : FASAL 2**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Jurutulis : FASAL 1**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

## **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Ketiga Tahun 2023 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang itu dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah Diperundang-Undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut; Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2023.**

## **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN NEGERI (SARAAN) (PINDAAN) 2023.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2023 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 [Enakmen No. 8/1980].**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar Rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 [Enakmen No. 8/1980]. Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2023 mengandungi tiga (3) Fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan berkuatkuasa Enakmen.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 3 Enakmen ibu, dengan menggantikan perkataan “sembilan ribu ringgit” dengan perkataan “sebelas ribu ringgit”.

Fasal 3 bertujuan meminda Enakmen 4 Enakmen ibu seperti berikut: Subseksyen 4(1) Saraan bagi Speaker Dewan Negeri adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Ringgit Dan Dua Puluh Sembilan Sen” kena baca betul-betul untuk Datuk Speaker, dengan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dan

Sub Seksyen 4(2) Saraan bagi Timbalan Speaker Dewan Negeri adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Tiga Ribu Dua Ratus Ringgit” dengan perkataan “enam ribu dua ratus ringgit”.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan kerajaan negeri dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini adalah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan 1980 [Enakmen No. 8/1980].**

**Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : FASAL 1.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang Negeri.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 3.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujui tanpa pindaan. Dari itu saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) Pindaan 2023 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, (tak ada ya). Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut: Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) Pindaan 2023. Dan hendaklah mula disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam warta.**

**Jurutulis : RUNDINGAN BERKAITAN KENAIKAN KADAR SARAAN, KEMUDAHAN DAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI.**

**YB Speaker :** Rundingan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri Johor di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Yang Amat Berhormat dijemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan Berkaitan Kadar Saraan Kemudahan Dan Keistimewaan-Keistimewaan Anggota Pentadbiran Negeri Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan berkaitan kenaikan kadar saraan dan semakan semula dan perbandingan ketentuan-ketentuan saraan kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan kepada anggota

pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri kali terakhir dibuat penyemakan serta penyelarassannya pada tahun 2009 yang lalu, dah lebih 10 tahun.

Dan seterusnya diluluskan secara berperingkat melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada tahun 2013 dan 2014. Proses ini selesai dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015. Merangkumi penyemakan semula saraan, kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Speaker Dewan Negeri Johor, Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor dan Ahli Dewan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker dalam menyediakan rundingan ini Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri Johor telah mengadakan siri-siri mesyuarat bagi membuat perbandingan, memperhalusi dan membincangkan cadangan-cadangan yang diketengahkan kepada jawatankuasa tersebut, termasuk perbandingan senarai saraan berdasarkan maklumat daripada Pejabat Setiausaha Dewan Negeri-Negeri se-Malaysia.

Kenaikan ini akan memberi implikasi kewangan sebanyak RM5.2 juta setahun. Lanya merangkumi elaun khas ADUN penerima pencen seramai 148 orang dan penerima pencen terbitan seramai 73 orang. Orang pencen dah balik dah. Saya berpendapat bahawa perkara ini boleh dipertimbangkan memandangkan pada ketika ini elaun dan saraan bagi Ahli Dewan Negeri Johor adalah antara yang terendah di dalam negara.

Selain itu dengan semakan semula kadar saraan, kemudahan dan keistimewaan anggota pentadbiran kerajaan negeri Johor ini juga ia akan menjadikan saraan Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor lebih selaras dengan Dewan-Dewan Negeri di seluruh Malaysia, sekaligus mencerminkan Dewan Negeri Johor sebagai Dewan Perundangan bagi antara negeri yang paling maju di negara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rundingan bagi semakan semula kenaikan kadar saraan kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan anggota pentadbiran kerajaan negeri Johor bukanlah satu rundingan dan cadangan yang dibawa dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira situasi masyarakat dan ekonomi semasa. Umumnya maklum bahawa Ahli Dewan Negeri atau Wakil Rakyat merupakan barisan hadapan dalam mendalami dan menyelesaikan isu-isu yang dibawa oleh penduduk kawasan masing-masing. Dan dalam banyak keadaan Ahli Dewan Negeri perlu mengeluarkan belanja sendiri untuk menyelesaikan permasalahan penduduk di kawasan masing-masing. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar**  
: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Oleh kerana rundingan itu telah disokong dan saya berpandangan penjelasan dan huraian oleh Yang Amat Berhormat adalah cukup jelas, maka saya merasakan kita tidak perlu membahaskan rundingan itu.

Oleh itu rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan. (Dewan bertepuk).

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PENYATA JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP BIL. 1/2023.**

**YB Speaker** : Rundingan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hahasrin bin Hashim, Ahli Dewan Negeri Kawasan Panti telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri Johor di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor. Saya berikan masa 6 minit, YB Panti dijemput.

**YB Tuan Haji Hahasrin bin Hashim (Panti)** : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum waramahtullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan di bawah Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor, Perintah Tetap Bil. 30 untuk meminda Peraturan Tetap Bil. 15 (1)(2) dan meminda serta memasukkan perenggan baru bagi Peraturan Tetap Bil. 110.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga mohon mencadangkan supaya Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Dewan Negeri Johor yang dibentangkan di atas meja mesyuarat sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 45 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujukan.

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor telah menyediakan Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bil. 1 Tahun 2023 yang mengandungi beberapa cadangan pindaan seperti berikut:

Yang pertama, Peraturan Tetap Bilangan 15 (1)(2) yang berbunyi, “Doa yang dibacakan oleh Jurutulis Dewan Negeri” dipinda kepada “Doa yang dibacakan oleh Jurutulis Dewan Negeri atau seseorang yang ditentukan oleh Speaker”.

Yang kedua, Peraturan Tetap Bilangan 110A ditambah dengan memasukkan satu perenggan baru seperti berikut:

(110A) Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap.

1. Hendaklah ada sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Peraturan Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap untuk :
  - a) Menimbangkan dari satu masa ke satu masa berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap yang diserahkan oleh Dewan Negeri kepadanya bagi ditimbangkan.
  - b) Menimbangkan apa-apa perkara lain yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepadanya.
2. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi Speaker Dewan Negeri sebagai Pengerusi dan tidak lebih daripada 12 orang ahli yang akan dilantik dengan seberapa segeranya pada ketika atau selepas dimulakan pada awal Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri. Pengerusi dan 6 orang ahli hendaklah menjadi cukup bilang.
3. Seseorang Ahli Dewan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan pengerusi atau menjadi Ahli Jawatankuasa semasa ia menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
4. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau minta dikeluarkan surat kecuali jika Dewan membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.
5. Jawatankuasa ini hendaklah membuat penyataannya dari satu masa ke satu masa dalam satu kertas mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Dan ketiga Peraturan Tetap Bilangan 110B ditambah dengan memasukkan satu perenggan baru seperti berikut:

(110B) Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan.

1. Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.
2. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 12 orang ahli yang akan dilantik dengan seberapa segeranya pada ketika atau selepasnya dimulakan pada awal Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri. Pengerusi dan 6 orang ahli hendaklah menjadi cukup bilang.
3. Seseorang Ahli Dewan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau menjadi Ahli Jawatankuasa semasa dia menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
4. Kepada jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Dewan. Adalah jadi kewajipan atas jawatankuasa ini untuk menimbangkan apa-apa perkara demikian itu yang diserahkan kepadanya dan mengeluarkan penyata di atas perkara-perkara itu kepada Dewan.
5. Bila-bila Dewan tidak bersidang seseorang ahli boleh memberitahu Speaker jika ada dikatakan telah berlaku kesalahan melanggar peraturan hak-hak dan kebebasan Dewan. Speaker jika puas hati iaitu pada zahirnya satu kesalahan telah dilakukan, bolehlah menyerahkannya perkara itu kepada jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini hendaklah mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan ini.
6. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa boleh memanggil orang-orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau minta segala surat dan rekod-rekod yang bersangkutan paut dengan perkara yang sedang diperiksa itu. Mana-mana ahli jawatankuasa yang dirujuk atau diadu hendaklah mengecualikan dirinya daripada menghadiri mesyuarat jawatankuasa sebagai Ahli Jawatankuasa.
7. Jawatankuasa ini boleh membuat syor atas segala perkara berkaitan dengan kemudahan dan keistimewaan Ahli Dewan Negeri.
8. Jawatankuasa ini hendaklah membuat pernyataannya dari satu masa ke suatu masa dalam satu kertas mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Keempat, Peraturan Tetap Bilangan 110(C) ditambah dengan memasukkan satu perenggan baru seperti berikut (110C) Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

1. Hendaklah ada sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.
2. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 12 orang ahli yang akan dilantik dengan seberapa segeranya pada ketika atau selepas dimulakan pada awal Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri. Pengerusi dan 6 orang ahli hendaklah menjadi cukup bilang.
3. Seseorang Ahli Dewan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau menjadi Ahli Jawatankuasa semasa ia menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
4. Adalah kewajipan jawatankuasa ini menimbangkan dari suatu masa ke suatu masa dan mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara

berkaitan dengan kesan perubahan iklim dan pengurusan bencana negeri yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dipertimbangkan.

5. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa untuk memanggil orang-orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau minta segala surat dan rekod-rekod yang bersangkutan paut dengan kesan perubahan iklim dan urusan pengurusan bencana negeri.
6. Jawatankuasa ini boleh membuat syor atas segala perkara berkaitan dengan kesan perubahan iklim dan pengurusan bencana negeri.
7. Jawatankuasa ini hendaklah membuat pernyataannya dari satu masa ke suatu masa dalam satu kertas mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pindaan ini bertujuan untuk penambahbaikan dan penyeragaman Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor dengan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat yang digunapakai di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah menjadi amalan tetapi tidak diterjemahkan di dalam bentuk bertulis. Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana merupakan Jawatankuasa Pilihan yang dibentuk di Persidangan Dewan Negeri Johor pada 27 Mac 2023 bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan mencadangkan syor yang sesuai untuk menangani kesan perubahan iklim dan pengurusan bencana negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili)** : Yang Berhormat Datuk Speaker saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat selesai sudah Persidangan kita kali ini. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana bajet 2024 telah diluluskan. (Dewan bertepuk).

Saya yakin bajet 2024 dan gaya kepimpinan Yang Amat Berhormat mampu membawa kita kepada satu lompatan kijang yang pantas, tinggi dan membuat pendaratan yang lebih jauh dan tepat. Tahniah kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang menjawab pertanyaan lisan dan penggulungan yang berkualiti. Tahniah kepada semua ADUN kerana berbahas dengan *constructive* dan memelihara disiplin Dewan.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan daripada blok pengimbang yang sentiasa rasional dalam perbahasan. Terima kasih kepada penjawat awam negeri di bawah pimpinan Yang



Berhormat Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri kerana banyak membantu menjadikan Johor negeri maju menjelang 2030. Dan, terima kasih juga kepada pihak media termasuk portal-portal utama kerana banyak membuat liputan kepada sidang Dewan kali ini. Tidak ada kata nista dan penghinaan terhadap kepada mana-mana Tuhan penganut agama lain serta penghinaan terhadap fizikal kepada individu tertentu sepanjang Dewan ini bersidang.

Selamat kembali ke kawasan masing-masing. Jayakan dan jaga kawasan, semarakkan Subuh dan selamat bercuti hanya jika ancaman banjir sudah selesai. Kita doakan kemenangan JDT pada 8 hari bulan ini. Kalahkan Terengganu, Terengganu Kita. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 2.15 petang.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Puan Zarina binti Abdul Kadir

### **Penolong Jurutulis**

Encik Azlan Afandi bin Sauffee Afandi

### **Koordinator**

Cik Norzita binti Abdul Aziz

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

### **Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Zalinah binti Ali  
Puan Hajah Azlin binti Bahrin  
Puan Hajah Saniah binti Kassim  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi  
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Puan Hajah Rumiah binti Semirono  
Puan Hajah Hironisha binti Zainal Abidin  
Puan Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin  
Puan Hajah Fareza binti Musa  
Puan Noor Dalilah binti Dahalan  
Puan Norazilawati binti Masri  
Puan Norlydialina binti Ithnain  
Puan Shuriati binti Abdul Hajar  
Puan Norhafizah binti Osman  
Puan Raihanah binti Ismail  
Puan Fakhrinnazia binti Fuad

### **Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md Sidi  
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

### **Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Ismail bin Abu Bakar

*UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
23 NOVEMBER HINGGA  
3 DISEMBER 2023*